LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
MESYUARAT PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEDUA BELAS

Tarikh : **2 MEI 2012 (RABU)**

Masa : **9.30 Pagi**

Tempat : **Dewan Undangan Negeri**
Lebuh Light, Pulau Pinang

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	Y.B. Dato’ Haji Abdul Halim bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri - Air Putih
3.	Y.B. Dato’ Haji Farizan bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato’ Faiza bt. Zulkifli	Penasihat Undang–undang Negeri
5.	Y.B. Dato’ Haji Mokhtar bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri
6.	Y.B. Dato' Mansor bin Haji Othman	Timbalan Ketua Menteri I / Penanti
7.	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
8.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9.	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim	Batu Maung
10.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12.	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
13.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
14.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
15.	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
16.	Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/Machang Bubuk

17.	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
18.	Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee	Sungai Bakap
19.	Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady	Bagan Dalam
20.	Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man	Permatang Pasir
21.	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
22.	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
23.	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
24.	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
25.	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
26.	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
27.	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
28.	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji	Seri Delima
29.	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
30.	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
31.	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
32.	Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam	Batu Uban
33.	Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim	Penaga
34.	Y.B. Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya	Telok Bahang
35.	Y.B. Dato’ Hajah Jahara bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
36.	Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato’ Syed Ahmad	Bayan Lepas
37.	Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed	Sungai Dua
38.	Y.B. Dato’ Haji Roslan bin Saidin	Pinang Tunggal
39.	Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
40.	Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya	Permatang Berangan
41.	Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
42.	Y.B. Dato’ Mahmud bin Zakaria	Sungai Acheh
43.	Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab	Bertam

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin - Paya Terubong

TURUT HADIR

Encik Md. Puat Bin Romli - Setiausaha Dewan

Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Doa. Pengumuman oleh Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Assalamualaikum dan salah sejahtera. Ahli-ahli yang berhormat, sebagaimana kita sedia maklum bahawa seorang bekas ahli bekas Dewan Undangan Negeri telah meninggal dunia iaitu mendiang Dato' Subaiyah a/l Palaniapan yang telah meninggal dunia pada 18 April 2012. Mendiang Dato' Subaiyah a/l Palaniapan telah berkhidmat sebagai ADUN Kawasan Bagan Dalam mulai 21 Mac 2004 hingga 12 Februari 2008. Oleh itu, saya meminta semua para hadirin untuk bertafakur selama satu minit dan semua para hadirin untuk berdiri.

"*Bertafakur selama satu (1) minit*"

Para hadirin diminta duduk. Ahli-ahli yang berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan 30 April 2012 sebagai hari permulaan Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas melalui perisytiharan bertarikh 2 March 2012 yang diwartakan pada 15 Mac 2012. Pada sesi ini kita akan menimbangkan 68 soalan lisan, 403 soalan bertulis, 1 Rang Undang-Undang dan 4 Usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Setiausaha:

Soalan-soalan. (A) Soalan Lisan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, sebelum soalan-soalan lisan bermula, saya ada dua perkara. Satu saya hendak tanya iaitu adakah apa-apa peruntukan yang boleh digunakan untuk minta Y.A.B. Ketua Menteri memohon maaf kepada PDRM kerana menyalahkan PDRM semasa BERSIH 3.0? Adakah peraturan-peraturan tersebut? Saya tidak erti saya hendak tanya Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Tiada.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Tiada. Kedua ialah saya hendak minta jasa baik Y.B. Dato' Speaker kerana Y.B. Dato' Speaker telah menggunakan peraturan 25 (5) untuk mengubah ayat iaitu soalan saya ID 120 9W-1, ID 188 9W-10 dan ID 301 9W-24 kerana saya menghormati seperti yang telah dinyatakan bahawa Kerajaan Negeri menguar-uarkan tentang Enakmen Kebebasan Maklumat. Apabila soalan saya yang berbunyi berapa banyakkah jumlah kakitangan Kerajaan Negeri sekarang dan sila nyatakan jumlah sebelum 2008 serta berapa yang telah bertukar jabatan dan nama-nama mereka dan nama pegawai-pegawai baru dalam Kerajaan Negeri dan jabatan tempat bertugas dari 2008 hingga sekarang.

Y.B. Dato' Speaker menggunakan kuasa iaitu bersetuju supaya digugurkan dan di nama iaitu berbunyi nama pegawai baru Kerajaan Negeri dan jabatan tempat bertugas dari 2008 hingga sekarang. Makna di ubah bunyi. Bagi saya, saya ingin mendapatkan nama ini kerana ada maksud-maksud tertentu yang untuk diberikan pembelaan kepada rakyat dan saya rasa ianya tidak mempunyai apa-apa *ill feeling,* tetapi adalah sebagai memenuhi matlamat sebagai seorang wakil rakyat untuk memperjuangkan hak rakyat di dalam Negeri ini.

Begitu juga bagi ID 188 senarai penerima mengikut DUN-DUN juga tidak dapat diberikan dan bagi ID 301 Y.B. Dato' Speaker menukarkan perkataan nama kepada jumlah. Saya tanya nama, saya tidak tanya jumlah. Jadi saya pohon kalau boleh, kalau hendak diberikan jawapan secara rahsia intipati pun tidak mengapa, sekurang-kurangnya saya dapat dan digazetkan supaya saya tidak boleh menunjukkan kepada sesiapa kerana saya memerlukannya untuk menjalankan kajian yang dibuat untuk pembelaan rakyat Negeri Pulau Pinang. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Untuk ID 301 soalan bertulis no. 24, kerana *list* nya itu panjang, saya rasa untuk kita bagi kepada Yang Berhormat boleh minta kemudian kerana *list* nya itu panjang. Itu sebabnya saya tolak. Soalanya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sekurang-kurangnya saya dapat, jadi saya minta dalam bentuk CD kepada saya. *Just* interpati makna terus kepada saya saja. Saya minta intipati, terus kepada saya. Terima Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang pertama, tentang soalan nombor 1. Saya gunakan 25 (5). Itu pun kalau Yang Berhormat perlukan kita minta supaya dikeluarkan, panjang di situ. Banyak soalan kalau kita tengok yang mana yang saya tolak kerana dokumen itu sedia ada yang boleh diminta setengah-setengah bukan kes yang ini. Pelan-pelan dan sebagainya itu, dia *detail* yang kadang-kadang boleh diminta daripada pejabat-pejabat tertentu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Penjelasan Dato' Speaker. Saya kurang faham, panjang atau pendek jawapan yang dipohon oleh Yang Berhormat sepatutnya diberikan. Panjang atau pendek bukan sebab untuk tidak beri jawapan, sepatutnya ialah sediakan sebagai lampiran dan sebagainya tetapi jawapan perlu diberikan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ada soalan yang boleh dapatkan terus maksud saya ini boleh dapatkan terus daripada jabatan-jabatan berkenaan kecuali kalau tidak dapat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Tetapi jika diminta bagi tetapi sebagai lampiran apa salahnya.

Y.B. Dato' Speaker:

Kecuali kalau tidak dapat boleh bangkitkan kepada Dewan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' speaker saya ucapkan terima kasih kerana akan diberikan dalam bentuk CD kerana saya masih memerlukan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya akan rujuk kepada unit yang berkenaan. Seterusnya soalan dari Y.B. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker soalan saya ialah soalan nombor 1.

1. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) terhadap pihak-pihak yang telah mengacau-ganggu perhimpunan aman anti Lynas Selamatkan Malaysia yang diadakan pada 26 Februari 2012 di sudut pemidato di Pulau Pinang baru-baru ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Y.B. Dato' Speaker, menjawab soalan pertama daripada Y.B. Seri Delima. Tindakan yang telah dilakukan oleh PDRM ialah seperti berikut:

1. Tindakan yang telah dilakukan oleh PDRM adalah seperti berikut:-

   (i) Membuka Kertas Siasatan yang diklasifikasikan di bawah Seksyen 143/147 Kanun Keseksaan kepada pihak-pihak yang telah mengacau-ganggu Perhimpunan Aman Anti Lynas Selamatkan Malaysia pada 26 Februari 2012 yang lalu kerana menganggotai satu perhimpunan dan melakukan rusuhan.

   (ii) Membuat rakaman percakapan suspek, penganjur, Ahli SUARAM, Y.A.B. Ketua Menteri, Ahli EXCO dan individu yang hadir di tempat kejadian telah dilakukan.

   (iii) Mengemukakan Kertas Siasatan kepada Yang Arif Timbalan Pendakwaraya Pulau Pinang pada 06 Mac 2012 dan Yang Arif Timbalan Pendakwaraya telah mengembalikan kertas siasatan pada 14 Mac 2012 dan mengarahkan beberapa tindakan lanjut perlu diambil.

Y.B. Dato' Speaker, apa yang kita dapat dilihat kejadian yang berlaku pada 26 Februari 2012 kita telah lihat bagaimana Kerajaan Pakatan Rakyat yang bermula dengan 8 Mac 2012. Apabila kita mengambil alih kerajaan kita telah mengamal di bawah dasar pemerintahan CAT kita telah mengamalkan konsep keterbukaan untuk menerima segala apa yang mungkin di protes dan sebagainya oleh rakyat. Sebab itu kita dapat lihat bermulanya daripada bulan 14 Mac 2008. Kita boleh melihat beberapa demontrasi yang telah dilakukan oleh kumpulan-kumpulan parti-parti politik seperti UMNO, MCA, MIC, GERAKAN dan juga NGO-NGO yang bersependapat ataupun segolongan dengan parti BN ini dan kesemuanya demonstrasi tunjuk perasaan dan aktiviti-aktiviti ini tidak ada gangguan oleh mana-mana pihak. Adakah pihak Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mempunyai orang-orang ahli-ahli yang dapat mengganggu sepertimana UMNO, PERKASA dan sebagainya mengganggu perhimpunan aman lynas adakah kita tidak mungkin provokasi-

provokasi yang mungkin dilakukan oleh penyokong-penyokong kita tetapi Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang mengamalkan konsep keterbukaan dan kebebasan bersuara dan berhimpun... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Beri saya habiskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, kita minta jawapan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ini jawapan. Ini adalah *floor* saya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bukan jawab soalan, ini hendak *debate*. Kalau hendak *debate* nanti kita *debat*.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ini adalah *floor* saya. Saya terpaksa menjawab apa yang berlaku pada kejadian 26 Februari 2012.

Y.B. Dato' Speaker, ini menunjukkan bagaimanakah perjalanan Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang yang membenarkan seluas mungkin untuk rakyat Pulau Pinang menyuarakan apa yang tidak senang bagi mereka dan tidak ada provokasi dan tidak ada ganggu gugat oleh mana-mana pihak sepertimana kita lihat apa yang berlaku 26 Februari 2012.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, soalan yang dikemukakan apakah tindakan telah diambil? Dia melencong Y.B. Dato' Speaker (gangguan). Tengok soalan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Kawasan Seberang Jaya, kita dengar dulu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Polis?

Y.B. Dato' Speaker:

Mungkin tidak sampai kepada itu. Kita bagi peluang sedikit lagi... (gangguan). Cuba jawab soalan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Dato' Speaker, apa kita lihat bagaimana yang berlaku pada kejadian 26 Februari 2012 dan seterusnya apa yang berlaku pada BERSIH 3.0, BERSIH 3.1 dan BERSIH 3.0?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Ini sudah jauh. Y.B. Dato' Speaker, minta jangan Ahli Batu Maung buang masa Dewan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Kalau tidak mahu dengar, jangan dengar.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Jangan buang masa Dewan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Kalau tidak mahu dengar tidak payah dengar. Ini adalah *floor* saya lepas ini *floor* Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Bukan kira *floor* saya Y.B. Dato' Speaker. Kita biar berhemah. Ahli Kawasan Batu Maung biar secara berhemah.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ya, ini berhemah ….(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Seolah-olah Yang Berhormat menggunakan menggunakan *floor* ini tidak menjawab soalan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Kawasan Seberang Jaya, duduk.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya perlu memberi *background* apa dia ini soalan. Apakah sebab kekacauan yang berlaku pada 26 Februari 2012, adalah kerana tidak mempunyai orang-orang seperti ini yang menganggu gugat kestabilan dan juga kebebasan yang telah diberi sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Y.B. Dato' Speaker, kita ada masa tiga jam untuk menjawab 68 soalan. Jadi jawapan itu telah diberi cukup.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Okey, seperti mana kebebasan yang kita bagi kepada *Speakers Conner.* Apa yang berlaku pada hari Sabtu baru ini, kita telah memberi padang kota lama esplanade untuk BERSIH 3.0 dengan amannya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Ini tidak kena mengena dengan Lynas. Ini jawapan bukan Lynas.

Y.B. Dato' Speaker:

Kalau kita ganggu Yang Berhormat. Kalau diganggu lagi panjang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Bukan. Y.B. Dato' Speaker, soalan itu jelas dalam Bahasa Malaysia apakah tindakan yang diambil oleh pihak Polis?

Y.B. Dato' Speaker:

Seberang Jaya sila duduk.....(gangguan). Saya perhati kalau mula sepuluh minit...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Kita ada 68 soalan perlu dijawab, nanti soalan-soalan kami tidak dapat dijawab kerana masa tidak cukup sebab Batu Maung jawab soalan lain. Kita tanya soalan pasal Lynas bukan pasal BERSIH,cukuplah.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk... (gangguan). Yang Berhormat sila duduk....(gangguan). Kalau tidak lagi panjang....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Jangan mencabar.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Ini bukan cerita pasal mencabar Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ini *floor* saya yang menjawab soalan....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Saya minta jangan ganggu lagi.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Kalau Yang Berhormat Batu Maung boleh tunjuk teladan yang baik kepada kami, kami ikut, tapi kalau bagi jawapan yang serupa macam..... (gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Kita bagi peluang sedikit lagi.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Kalau baik, tunjuk yang terbaik.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Jangan takut, kalau kebenarannya ada, jangan takut, bila datang *floor* yang berhormat boleh hujah, kerana tidak ada kebenaran yang berlaku, rakyat boleh melihat bagaimanakah kebebasan yang diberikan Kerajaan Negeri.... (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Y.B. Dato' Speaker, kalau Batu Maung bijaksana, dia jawab benda yang ditanya saja.

Y.B. Dato' Speaker:

Tidak mengapa. Kita bagi sedikit lagi.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menegaskan di sini iaitu apa yang berlaku pada 26 Februari 2012 menunjukkan yang pihak Barisan Nasional, parti-parti dan juga persatuan-persatuan yang sekongkol dengannya tidak dapat menerima kenyataan dan tidak dapat melihat kebebasan yang diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon kalau boleh....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Soalan Tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan Tambahan, sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih Y.B. Batu Maung di atas penjelasan yang begitu teliti dan merangkumi semua perkara. Satu perkara yang ingin saya tanya. Adalah adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada hari tersebut dalam serangan-serangan yang dibuat. Serangan itu telah nyaris-nyaris menggugat keselamatan Ketua Menteri kita? Saya difahamkan bahawa pihak Polis DiRaja Malaysia memang mengetahui secara umum bahawa kita mengadakan

demontrasi aman tersebut tetapi tidak kelihatan seorang pun anggota Polis sama ada yang berpakaian *uniform* ataupun berpakaian biasa di situ untuk mengawal keselamatan.

Soalan kedua. Adakah ini merupakan *standard operating* prosedur pihak Polis, bila saja mereka mengetahui bahawa orang yang akan mengganggu gugat ini datang daripada UMNO ataupun PERKASA mereka dengan sengaja tidak datang ke tempat tersebut untuk memberi kawalan keselamatan? Saya difahamkan dalam laman web kelihatan Yang Berhormat Telok Bahang mengambil gambar bersama-sama dengan semua, saya gunakan gangster-gangster yang datang buat kacau ganggu di situ. Ada laman web itu di sini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ini soalan tambahan apa Y.B. Dato' Speaker?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dengar soalan saya dulu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Soalan atau *debit,* bagi *straight* soalan tambahan. Ini bukan masa sahaja. Kalau *you* nak *debit* masa perbahasan nanti, ini masa soalan tambahan, satu soalan sudahlah. Kita cuma diberi tiga soalan tambahan sahaja Y.B. Dato' Speaker, kalau melarut macam ini sampai bila kita nak habis Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat, habiskan soalan itu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Y.B. Dato' Speaker, kalau dia nak tunjuk gambar macam itu surat khabar hari ini tunjuk penuh gambar pemimpin parti-parti PKR dalam BERSIH.....(gangguan),

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Siapa dia?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Dengan *gangster-gangster.*...(gangguan), gambar-gambar pemimpin parti semua dalam paper itu, PKR jadi tidak perlu nak tunjuk gambar itu, gambar ini..... (gangguan), tidak perlu.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. habiskan soalan itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya ada laman web di sini, saya boleh buktikan, bahawa Y.B. Telok Bahang bersama-sama dengan gangster-gangster, samseng-samseng UMNO dan PERKASA sebelum mereka datang ke tempat tersebut untuk lakukan kacau ganggu. Adakah perkara ini Yang Berhormat boleh membawa perhatian kepada Polis DiRaja Malaysia dan minta disiasat Y.B. Telok Bahang juga.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Bagi menjawab soalan tambahan ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Ini ada laman web. Samseng-samseng.

Y.B. Dato' Speaker:

Ini menjawab soalan, Y.B. Telok Bahang duduk dulu.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Bagi menjawab soalan-soalan tambahan daripada Seri Delima ... (gangguan). Masalah SOP ini Yang Berhormat Dato' Speaker, ini telah jadi satu bahan ketawa, Menteri Dalam Negeri telah kata SOP boleh samun kamera, memori kad. Tapi IGP kata tidak boleh, bukan SOP. *So* saya tidak mahu jawab tentang SOP, tapi apa yang saya nak tunjukkan di sini ialah yang merusuh pada hari 26 Februari, gambar ada, orang-orang ini datang dengan pakai pakaian UMNO, cap dan juga T-shirt UMNO dan saya nak tunjukkan apa yang dimaksudkan oleh Y.B. Seri Delima, sebelum datang ke Lynas, apa yang dimaksudkan demonstrasi Lynas, mereka telah, apa yang dimaksudkan telah berkunjung kepada Y.B. Telok Bahang bersama-sama tangkap gambar dan sebagainya. Ini dia gambar-gambar di mana mereka juga merusuh dan juga menggugat keselamatan Ketua Menteri, tetapi apa yang sedang dilakukan

ialah mereka ini, konvoi mereka ini mendapat *escort* pihak Polis. Mendapat *escort* pihak Polis, apa yang saya telah diberitahu. Inilah saya yang maksud yang saya tidak dapat menjawab tentang masalah SOP ini. Ini adalah masalah menjadi satu gelak ketawa rakyat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Minta penjelasan....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya saya nak pergi soalan no. 3. Jawapan telah diberikan dalam perbahasan nanti boleh bawa. Minta penjelasan juga.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Saya ingat tarikh kejadian saya ingat. Masa hari itu malam sebelum itu rombongan pemuda Barisan Nasional UMNO....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, di atas arahan apa dia memberi penjelasan. Ini adalah masa soalan.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seri Delima, saya beri sedikit sahaja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Malam sebelum kejadian itu di Padang Kota, rombongan Pemuda UMNO Seremban datang ke Balik Pulau bermalam di Balik Pulau. Tujuan mereka datang untuk mengerat Silaturrahim diantara Pemuda Balik Pulau dengan Pemuda Seremban. Pagi itu mereka ada gotong royong dengan saya di Sungai Pinang, ambil gambar gotong royong, kemudian saya ada program lain. Apa yang berlaku selepas itu saya tidak tahu, kerana mereka bebas yang pergi ke mana pun. Saya difahamkan mereka pergi ke Padang Kota untuk melihat *Speaker's Corner*. Mereka tidak ada di sana dan di sini ada *Speaker's Corner,* juga saya difahamkan mereka, masa kejadian mereka sudah tidak ada, mereka sudah balik dah, tidak berlaku pada kumpulan ini, mungkin kumpulan lain, saya tidak tahu, tetapi kumpulan ini dah balik ke Balik Pulau. Itu yang saya tahu.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Telok Bahang, saya ingin tunjukkan di sini, gambar-gambar yang menunjukkan mereka berada dan merusuh di Padang Kota Lama semasa tunjuk perasaan perhimpunan Lynas. Saya nak tanya apa yang dibangkitkan oleh Y.B. Seri Delima mungkin ini adalah satu arahan atau mungkin satu perancangan pihak UMNO membawa mereka datang kerana ini terbukti Y.B. Telok Bahang dan juga pihak Polis *escort* mereka. ...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Mana boleh mungkin ini, mungkin itu, mungkin ini bawa ke Dewan. Kita nak fakta yang tepat.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ini fakta.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya no. 2.

2. Berkenaan dengan penswastaan Jambatan Pulau Pinang, sila berikan nama syarikat, latar belakangnya, syarat berkaitan, pemegangan saham mengikut peratus. Bilakah syarikat ditubuhkan dan kedudukan terkini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon menjawab soalan kedua ini yang ditanya oleh Y.B. Padang Lalang bersama-sama dengan soalan 11 yang ditanya oleh Y.B. Sungai Pinang dan juga soalan 30 yang ditanya oleh Y.B. Datok Keramat di mana kesemua tiga-tiga soalan ini adalah hampir sama maksudnya. Mula-mula saya mengucapkan terima kasih bolehkah Y.B. Dato' Speaker saya mohon keizinan untuk menjawab ketiga-tiga soalan ini serentak.

Y.B. Dato' Speaker:

Silakan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih. Mula-mula saya mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang menanyakan tentang penswastaan Jambatan Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, Jambatan Pulau Pinang telah dibina oleh Kerajaan Persekutuan pada 1 Jun 1982 dengan kos pembinaan sebanyak RM943. juta. Dan Jambatan Pulau Pinang telah dibuka kepada lalu lintas pada 14 September 1985 dengan menempatkan satu (1) plaza tol iaitu Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang. Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan operasi dan penyelenggaraan Jambatan Pulau Pinang sehingga tahun 1993 sebelum ianya diswastakan kepada Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. untuk tempoh 25 tahun mulai 1 Oktober 1993 sehingga 31 Mei 2018. Pelantikan syarikat konsesi ini dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dengan nilai RM550 juta. Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. telah didaftarkan di Kuala Lumpur pada 7 Disember 1992. Modal dibenarkan bagi syarikat ini adalah RM5 juta dan modal berbayar sebanyak RM2.5 juta.

Pada 24 September 1993, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah mengarahkan supaya Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd., memberikan 15% daripada ekuitinya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pada 20 Oktober 1993, Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya 15% ekuiti Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. tersebut dipegang oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi pihak Kerajaan Negeri. Susulan daripada itu, PDC telah membeli 15% ekuiti atau 375,000 unit syer Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd., dengan harga RM375,000.00 iaitu RM1.00 per syer pada 1 Februari 1994.

Pemegang syer terbesar Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. ialah UEM Group Bhd iaitu RM1,125,000.00 (45%). Ini diikuti dengan Syarikat Mastika Nuri Sdn. Bhd. sebanyak RM875,000.00 (35%) dan Yayasan Bumiputera Pulau Pinang Bhd. sebanyak RM125,000.00 (5%). Akibat menghadapi masalah untuk membuat pembayaran balik pinjaman bank yang dibuat untuk membayar harga konsesi, Lembaga Pemegang Saham Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. pada 24 Oktober 1994 telah bersetuju untuk menstrukturkan semula syarikat tersebut. Syarikat Intria Berhad telah membeli kepentingan dalam Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. dan mengambil alih konsesi Jambatan Pulau Pinang dengan harga belian sebanyak RM880 juta.

Penyusunan semula Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd., telah dimuktamadkan pada 28 November 1995 di mana Syarikat Intria Berhad telah membayar keseluruhan harga belian bernilai RM880 juta. Pecahan kaedah pembayaran Syarikat Intria Berhad kepada Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:-

(i) Pembayaran secara tunai sebanyak RM244,001,600.00; dan

(ii) Penerbitan saham biasa baru dalam Syarikat Intria Berhad pada kadar RM4.05 sesaham bernilai RM635,998,400.00 kepada Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd.

Penyusunan semula korporat tersebut telah menjadikan Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. sebagai sebahagian daripada pemegang kepentingan dalam Penang Bridge Sdn. Bhd., yang ditubuhkan pada 19 September 1995 oleh Syarikat Intria Berhad selaku pemegang kepentingan utama. Sebagai pemegang 15% dalam saham Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd., PDC sepatutnya menerima 15% daripada harga penjualan sebanyak RM880 juta iaitu RM132 juta. Malangnya tidak ada satu sen pun diperolehi oleh Kerajaan Negeri yang merupakan satu skandal besar yang merugikan rakyat Negeri Pulau Pinang sekurang-kurangnya RM132 juta dalam tahun 1995. Apa kata Yang Berhormat-Yang Berhormat dari sebelah sana. Rakyat Pulau Pinang telah rugi RM 132 juta 15 % ekuiti dalam Mega Idaman. Dia jual RM880 juta. PDC pegang 15%, satu sen pun tidak dapat, dihapus kira begitu sahaja. Namun, Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd., telah mengalami masalah kewangan yang serius pada lewat 1990-an akibat kegagalan pelaburan luar negaranya, bebanan hutang dan kegawatan ekonomi yang melanda Asia. Akibat kegagalan membayar balik hutang-hutang yang masih tertunggak dan menghadapi masalah tindakan undang-undang daripada pemiutang-pemiutang, pada 8 Mei 2002, Mahkamah Malaya, Kuala Lumpur telah mengarahkan supaya Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd., dibubarkan. Sekian, sahaja.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Soalan tambahan, terima kasih kepada Y.B. Bagan Jermal. Adakah ada apa-apa saluran yang kita boleh minta balik kerugian Kerajaan Negeri ini sebanyak RM132 juta dan dilakukan premis Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Buat masa ini kita tidak nampak apa-apa jalan untuk menuntut apa yang rugi, malah ini adalah satu skandal yang besar yang dilakukan pada zaman pemerintahan Barisan Nasional pada masa itu. Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana belum menanggung jawab kerugian ini.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Soalan tambahan. Y.B**.** Bagan Jermal, saya nak tanya siapakah *Board of Directors* PDC ketika itu. Pada masa itu yang memberi laluan atau persetujuan untuk melupuskan namakan semua *Board of Directors of* PDC, kita nak rakyat Negeri Pulau Pinang tahu siapa yang menjual hak dan kepentingan rakyat Pulau Pinang kepada UMNO Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Perkara tersebut berlaku pada tahun 1995, masa itu adalah pengarah-pengarah PDC , mereka adalah dari golongan-golongan di belah sana.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Kita hendak tahu siapa nama-nama semua, senaraikan, kalau ada 10 orang Pengarah, senarai 10 orang pengarah yang telah dikeluarkan, kalau 20 orang pengarah, kita tahu 20 orang pengarah itu siapa pencacai, pencacai yang menjual kepentingan Negeri Pulau Pinang, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Siapa dia Ketua Menteri Pulau Pinang. Itu jelas dimaktubkan. Yang Berhormat saya ingin memberitahu bahawa sepatutnya, sekiranya projek atau laporan ini tidak gagal kita akan mendapat satu jambatan yang tanpa perlu bayar tol sampai 2018, tetapi dengan penstrukturan semula ini dan PLUS telah mengambil alih. PLUS pada masa dahulu dipanggil Projek Lebuh Raya Utara Selatan tetapi dinama semula sekarang PLUS dinamakan Projek Lebuh Raya Usaha Sama, kerana dia tidak mahu ambil konsesi Utara sampai Selatan sahaja. Dia mahu merangkumi dari Barat hingga ke Timur, dari kiri ke kanan, macam *octopus.* Jadi sekarang konsesi in di bawah PLUS termasuk Jambatan Pulau Pinang BKE atau Butterworth Kulim Expressway dan PLUS iaitu dari Utara hingga Selatan semua distruktur semula dan kita perlu bayar sehingga 2035. Ini anak cucu kita kena tanggung, bukan kita kena tanggung saja. Siapa tahu sekarang ditetapkan pada 2035, siapa tahu kalau dia dah kata tidak dibenarkan untuk menaik kadar tol maka tempoh konsesi akan dilanjutkan lagi, jadi tak habis-habislah anak cucu kita kena bayar tol, jadi sekiranya rakyat hendak menjaga kepentingan mereka dan hendak mendapat bonus pilihan raya, undilah Pakatan Rakyat dan Y.A.B. Ketua Menteri kita telah mengumumkan bahawa tol lebuh raya akan dihapuskan termasuk jambatan Pulau Pinang, Jadi hendaklah bonus ini, sekiranya hendak bonus ini maka beranilah membuat sesuatu dalam pilihan raya yang akan datang.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Yang Berhormat saya perlu, saya mahu kalau boleh dalam penggulungan Yang Berhormat umumkan semua *board of directors,* nama-nama *board of directors* yang telah menjual kepentingan Negeri Pulau Pinang ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterunya.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterunya, saya hendak soalan no. 3.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Dato' Speaker soalan saya no. 3.

3. Sila nyatakan program bersifat kebajikan yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dari tahun 2008 sehingga kini iaitu program pelajar emas dan jumlah yang diberikan setiap tahun dan juga sila nyatakan program manakah yang telah ditiru oleh Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker saya meminta izin daripada Y.B. Dato' Speaker untuk menjawab soalan no. 3. dan bersama dengan soalan no. 51, terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah kerajaan berjiwa rakyat telah melaksanakan beberapa program kebajikan dari tahun 2008 hingga kini yang meliputi pelbagai lapisan masyarakat. Di antara program-program kebajikan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

(i) Program Penghargaan Warga Emas

(ii) Program Pembasmian Kemiskinan Tegar

(iii) Program Bantuan Ibu Tunggal

(iv) Program Anak Emas

(v) Program Bantuan OKU

(vi) Program Pelajar Emas

(vii) Sumbangan Kepada Waris Warga Emas Meninggal Dunia

Termasuk ibu tunggal termasuk OKU dan ada lagi satu program Pelajar Emas. Setiap program yang dijalankan melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri secara tetap tiap-tiap tahun yang telah diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Jumlah perbelanjaan oleh Kerajaan Negeri setiap tahun bagi program-program kebajikan yang dijalankan adalah seperti di Jadual A. Kerajaan Negeri tidak ada apa keberatan untuk membenarkan program tersebut, dan program ini memang program yang berjiwa rakyat, dan kami tidak ada *copyright*, tetapi saya merayu daripada Kerajaan Pusat *copy in right.* Kami tidak ada *copyright* tetapi saya minta *copy in righ*t. Di mana kalau hendak bagi, bagi tiap-tiap tahun, kalau hendak bagi jangan dengan syarat, syarat adalah adalah seorang warga, seperti di Negeri Pulau Pinang, warga Negeri Pulau Pinang yang ditetapkan bahawa ada hak untuk mengundi itu warga Negeri Pulau Pinang dan bukan yang ada 3,000 atau telah menerima bantuan bulanan bulanan daripada Kebajikan atau lain-lain apa syarat. Janganlah berkaitan dengan *income tax* kerana pada masa kini ada masalah berkaitan dengan *income tax.* Oleh yang demikian saya merayu, duit-duit rakyat, *copy, copy right.*

Jadual A

Jumlah perbelanjaan oleh Kerajaan Negeri bagi program-program kebajikan adalah seperti berikut :

Program	**Tahun (RM)**				
	2008	**2009**	**2010**	**2011**	**2012 (Mac)**
Penghargaan Warga Emas	-	-	11,461,900	13,463,100	12,834,700
Pembasmian Kemiskinan Tegar (*top up*)	-	-	1,450,000	1,800,000	-
Bantuan Ibu Tunggal	-	-	-	462,800	674000
Anak Emas	-	-	-	269,600	907,000
OKU	-	-	-	538,900	-
Pelajar Emas	-	-	-	-	-
Sumbangan kepada Waris Warga Emas	-	-	1,782,700	3,118,600	2,089,300

Program Pembasmian Kemiskinan Tegar ialah bantuan kewangan yang diberi untuk mencukupkan pendapatan bulanan Ketua Isi Rumah (KIR) kepada RM500 sebulan. Peruntukan bagi tahun 2012 belum dikeluarkan lagi memandangkan akaun amanah ini masih mempunyai lebihan peruntukan yang dibawa dari tahun lalu. Pada tahun 2011, sejumlah RM2,933,807.59 telah dibelanjakan dan pada tahun semasa ini sehingga Mac 2012, sejumlah RM554,675.00 telah pun dibelanjakan untuk mencukupkan pendapatan bulanan KIR.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Nanti saya belum habis, duduk, *you* bukan seorang yang bertanyakan soalan itu. Hak itu ada daripada Y.B. Datok Keramat.

Oleh yang demikian saya merayu Y.B. Dato' Speaker, kena suci, ikhlas, janganlah tiru, tiruan, tiruan, hendak bagi tetapi angkat balik Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan.

YB. Dato' speaker:

Soalan tambahan. Saya tak benarkan penjelasan ini, jawapan. Penjelasan semasa perbahasan nanti.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker soalan tambahan saya, saya ingin merujuk kepada soalan saya terlebih dahulu. Saya minta supaya jumlah-jumlah diberikan berkenaan dengan semua program-program tetapi dinyatakan oleh EXCO berkenaan bahawa ada dalam lampiran dan mungkin saya boleh mendapat satu butiran lampiran untuk tujuan perbahasan dalam perbahasan saya nanti. Lagi satu isu yang saya bangkitkan dalam soalan tersebut ialah, nyatakan antara lain program-program tersebut, yang manakah yang telah ditiru oleh Kerajaan Persekutuan, dan ada jawapan mungkin tidak begitu jelas, bahawa

ada yang ditiru, di antara program-program tersebut dan dapat dilihat jawapan daripada EXCO yang berkenaan bahawa kalau hendak tiru, *if are going copy...* (dengan izin), *copy right* dan juga dinyatakan, kalau hendak buat, buatlah dengan ikhlas. Ini yang membawa kepada soalan saya sekarang.

Kepada soalan tambahan saya Yang Berhormat Dato' Speaker. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan program-program ini daripada permulaannya pada 2008 sehingga sekarang. Ini menunjukkan bukan satu helah untuk menunjukkan undi apabila pilihan raya menjelang dan kita boleh lihat daripada tahun dahulu apabila ada uar-uar bahawa ada pilihan raya akan berlangsung, tiba-tiba Kerajaan Pusat telah juga ada mengadakan beberapa-berapa program yang sama dengan program kita iaitu memberi balik kepada rakyat seperti wang BR1M dan sebagainya. Ini begitu jelas Y.B. Dato' Speaker bahawa ia untuk meraih undi dan soalan saya kepada EXCO yang berkenaan ialah sekiranya ia begitu jelas ia adalah program-program yang bertujuan meraih undi bolehkah satu laporan dibuat kepada Suruhanjaya Pilihan Raya supaya tindakan diambil kepada pihak Barisan Nasional kerana melanggar undang-undang Pilihan Raya. Kerana kita tidak boleh memberi undi dan ini jelas sekali Barisan Nasional meniru program-program kami untuk meraih undi dan ini melanggar undang-undang iaitu *election law.* Y.B. Dato' Speaker, itu soalan tambahan saya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ahli Yang Berhormat daripada Datok Keramat, seperti yang Ahli Yang Berhormat sedar bahawa kerajaan ini berjiwa rakyat. Apa yang bagus kami seperti untuk rakyat, kita ini tidak menghakciptakan, *he didn't copy, don't ask our copyright.* Oleh yang demikian kami hendak kongsikan dengan dia orang. Saya juga dalam surat khabar ada biasa mengatakan jikanya dia tidak tahu mekanisme untuk buat, saya rela tolong menolong, jika saya tolong menolong, kalau hendak bagi wang kepada rakyat itu kami sokong dengan sepenuh-penuhnya. Akan tetapi apa yang kami kata dengan secara ikhlas, bukan berkaitan dengan haknya dekat dengan pilihan raya. Itu yang kata tidak, dan juga tidak berkaitan dengan *income tax*, kalau hendak merayu, kena merayu kepada kerajaan, bukan *income tax*. Betul tak? Kalau hendak berdaftar janganlah katakan had RM3,000 tetapi ada nampak begitu jelas laporan-laporannya orang yang dapat Dato'-Dato' pun dapat RM3,000, orang yang miskin tak dapat, itulah kata *copy it right*, kalau kami tak tolong, nak tolong siapa, tolong orang miskin atau orang kaya. Itulah masalahnya. Oleh itu saya merayu bahawanya Kerajaan Pusat, kalau hendak buat umumkan hari ini juga setiap-tiap tahun akan bagi kepada mereka dan buangkan syarat-syarat tertentu, janganlah kata semua permohonan ditapiskankan oleh *income tax.* Janganlah kata bila dapat bantuan daripada kebajikan anda tidak layan. Janganlah bila dapat bantuan daripada kebajikan, anda tidak layak. Janganlah kata seorang dan duduk di sebuah rumah hanya tiga sahaja. Itu jangan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

YB. Dato' Speaker, soalan itu sebenarnya mengelirukan Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta, minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Soalan ini mengelirukan Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta laluan. Duduk dulu, duduk dulu.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya soalan tambahan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Bukan, soalan ini mengelirukan Dewan. Kita kena *strait forward,* kalau tidak kita akan mengelirukan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk dulu, duduk.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Soalan ini tidak betul YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk dulu, tunjuk kesopanan, minta izin kalau hendak, YB. Dato' Speaker, minta izin dahulu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon izin.

Y.B. Dato' Speaker:

Bawah peraturan apa yang kata mengelirukan?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Sabotaj.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Soalan saya 21, soalan tambahan itu. Belum dijawab lagi....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad)

Saya, saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kerana Yang Berhormat kalau EXCO jawab, dua soalan. 21 belum lagi.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, tadi belum habis satu perkara....(gangguan), duduk dulu, duduk dulu. Naik bagi izin Sungai Dua tak Y.B. Dato' Speaker kalau tidak minta soalan yang asal daripada Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, saya ada soalan tambahan, atas soalan asal saya soalan 21. Yang Berhormat EXCO terima kasih di atas penjelasan, saya tanya dua perkara. Berbanding dengan program anjuran Kerajaan Negeri di mana bayaran itu dibuat di semua tempat umum, awam. Pertamanya saya difahamkan bayaran BRM1Malaysia itu dibayar di Pusat Khidmat Barisan Nasional. Kedua saya difahamkan ia kebanyakkannya ia dibayar kepada Ahli-ahli Parti tertentu GERAKAN, MCA dan sebagainya. Bolehkah, sebab itu terdapat...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Dato' Speaker, minta tarik balik, saya ada bukti, gambar pun ada, poster pun ada, saya boleh bawa....(gangguan)

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya belum habis lagi YB. Dato, Speaker, saya belum habis lagi.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Itu tuduhan melulu YB. Dato' Speaker,....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sebab itu saya tanya, ada rekod menunjukkan ada yang bergelar Dato', Tan Sri dan sebagainya ada menerima, tetapi orang-orang yang betul-betul berkehendakan bantuan itu tidak diberikan. Ini menguatkan lagi persepsi bahawa ia diberi kepada parti-parti golongan tertentu sahaja. UMNO, GERAKAN, MIC dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker:

Sungai Puyu yang jawab.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya yang menjawab ke, dia yang menjawab?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya EXCO, *you* adalah pembangkang sahaja, *you* duduk, duduk, duduk, bukan *you* yang menjawab, saya yang menjawab. Tak akan... (gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Beri perhatian Yang Berhormat semua.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato; Speaker, program warga emas, telah membuktikan bahawa apabila kami bagi tidak ambil kira bangsa, agama atau kepentingan politik. Oleh yang demikian kami melalui bayaran bank dalam majlis-majlis tertentu yang dijalankan oleh Pejabat Daerah, Pejabat Daerah, bukan melalui Pusat Perkhidmatan Pakatan Rakyat, bukan, kerana kami hendak sampaikan kepada semua rakyat, tak kira UMNO, MCA, GERAKAN atau...(gangguan). Kalau saya tunjuk bukti bahawanya ada pemimpin-pemimpin UMNO yang telah menerima RM100.00 dan program penghargaan warga emas adakah Ahli Yang Berhormat Sungai Dua hendak minta maaf secara umum bahawa memang apa yang dijalankan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ini memang ikhlas hatikah, tidak ambil kira bangsa, agama atau kepentingan politik, sesiapapun ada hak untuk ambil, akan tetapi TST lah, “Tahu Sama Tahu” bila bagi jalan RM500.00 ini, wah Dato' MCA boleh dapat, wah, dia dapat, dia seorang yang selalu kata dia bagi kewangan kepada, dia bagi kewangan tetapi dia punya pendapatan kurang dari RM3,000 dia boleh dapat. Itulah program 1Malaysia.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Peraturan Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Peraturan apa, cakap.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Peraturan 46 (xvii).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Baca.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Ahli Sungai Puyu menggunakan perbahasan dan perkataan yang menyentuh dan menimbulkan niat jahat, niat jahat untuk mengelirukan rakyat dan memesongkan fakta. Bahawa mereka mendapat bantuan kebajikan tidak dapat duit BR1M, bahawa Dato'-Dato' dan semua ini ada pilih kasih hanya orang Barisan Nasional sahaja yang dapat bantuan, ini adalah satu pembohongan. Ianya tidak betul dan ianya harus ditarik balik.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Ini merupakan satu pembohongan dan satu, putar belit fakta yang tak betul

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Telok Ayer Tawar, Sungai Puyu akan jawab.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, semua orang ada di sini dengar dengan begitu jelas, saya hendak minta dia tarik balik dan minta maaf, dia ada pakai satu perkataan, saya telah mengatakan bahawa hanya Barisan Nasional. Hanya Barisan Nasional dapat. *Play the tape.*

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Sila rujuk pada hansard sekali.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Play the tape sekarang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Sila minta dia orang *play the tape.*

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ini ada tunjuk bukti. Tunjuk bukti bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar dia cuma *misleads* Dewan di sini, dia telah mengatakan bahawa.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Siapa yang *misleads* Dewan Y.B. Dato' Speaker. Misleads rakyat. Ahli Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Kalau saya misleads rakyat adakah saya katakan perkataan bahawa rakyat telah menjalankan dengan ikhlas tidak mengambil kira bangsa, agama atau kepentingan politik. Di sini Dewan yang mulia ini. Ahli Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar, dalam sini dan saat-saat ini juga cuba mengelirukan Dewan yang mulai ini berkata, bahawa saya telah membuat satu kenyataan bahawa hanya Barisan Nasional yang dapat, Dato'-Dato' yang dapat. Seorang Dato' dari MCA telah mengumumkan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah);

Y.B. Dato' Speaker, peraturan, peraturan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Peraturan apa cakap dulu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, peraturan 46 (xiii) (c) iaitu seseorang ahli itu mestilah jangan menggunakan perkataan yang menyakitkan hati, pertama. Yang kedua menyentuh peribadi seseorang kerana menyentuh seorang daripada MCA. Menyentuh peribadi, maknanya menyentuh seseorang Dato'. Kita tidak tahu latar belakang Dato' itu, mungkin mudah miskin dan sebagainya, kira pendapatan dan sebagainya. Saya kira tarik balik.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya rasa itu peraturan tidak boleh pakai kerana ianya hanya melibatkan Ahli dalam Dewan sahaja. Kalau kita baca betul-betul, Yang Berhormat Seberang Jaya ini tidak faham peraturan tersebut, peraturan itu hanya terpakai kepada Ahli dalam Dewan. *No, no* dia katakan seseorang ahli itu mestilah jangan menuduh orang lain, *no, they apply to all members...*. (dengan izin). Ahli sahaja dalam Dewan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Saya mohon bangun.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk, sila duduk semua.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Y.B. Dato' Speaker, saya.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, saya menggunakan peraturan...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk semua, saya guna peraturan, biar saya yang buat ketetapan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Dia menyakitkan hati saya sebagai Ahli dalam Dewan ini.

Y.B. Dato' Speaker:

Seberang Jaya membawa peraturan 46 (xiii) menyakitkan hati Y.B. Telok Ayer Tawar 46 (xvii) mengelirukan, berniat jahat. Saya boleh panjang, kita boleh bawa rakaman, tengok rakam semula, tetapi saya tidak mahu panjangkan ini. Ini akan membuang masa sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, saya akan pergi pendek sahaja. Dia kata, dia rasa dia sakit, tetapi semua orang tahu *the true use,* apa yang benar dia punya sakit hati *why because is conses, the true use, that the reason why* Y.B. Dato' Speaker ...(dengan izin) dia rasa amat susah hati, hati sakit, kerana *the true heart....*(gangguan)*.*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Bukan Y.B. Dato' Speaker, dia menuduh, dia menuduh itu yang kita tidak setuju, kalau cakap benda yang betul tidak apa, kita terima.

Y.B. Dato' Speaker:

Sungai Puyu ada fakta, saya percaya ada bukti dan faktanya, jadi... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, dia kata....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Saya buat ketetapan ini, Sungai Puyu dan Telok Ayer Tawar kita akan *play* rakaman itu dan kita dapatkan buktinya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Nombor satu Y.B. Dato' Speaker, *play the tape* kerana dia ada kata satu kenyataan bahawa saya ada kata bahawa hanya BARISAN yang dapat, Barisan Nasional yang dapat, Dato'-Dato' dan Barisan Nasional yang dapat, *play the tape,* adakah, tidak ada saya kata, kalau tidak ada saya minta dia mohon maaf dalam Dewan yang mulia....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Kalau ada dia kena...(gangguan):

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Mohon maaf.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Tengok itu perangai.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk dulu.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat, saya buat ketetapan di sini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk dulu.

Y.B. Dato' Speaker:

Sungai Puyu dan Telok Ayer Tawar. Kita akan *play* rakaman itu dan kita dapatkan bukti.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Jikanya saya tidak ada kata, saya kata, hanya kata Barisan Nasional Dato'-Dato'nya dapat. Saya minta *you* kena minta maaf dalam Dewan yang mulia ini, dan di sini menunjukkan bahawanya Ahli Yang Berhormat dari Seberang Jaya, dia kata...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Y.B. Dato' Speaker, ada dua isu yang saya bangkitkan sebentar tadi, satu Ahli Sungai Puyu mengatakan bahawa orang mendapat bantuan kebajikan tak dapat BR1M ini yang dia katakan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Play the tape.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Jangan nak membohong yang kedua hanya penyokong Barisan Nasional saja yang dapat ini dua tolong tengok.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya lagi nak tambah satu, saya tidak kata hanya penyokong-penyokong Barisan Nasional, *you are try to twist,* lidah macam biawak macam ini bercabang.

Y.B. Dato' Speaker :

Sila duduk, saya nak teruskan soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 4.

4. Apakah peranan *Housing Board* yang telah ditubuh lama oleh Kerajaan Negeri supaya dapat berhenti masalah Pekerja warga asing menduduki di LMC Negeri Pulau Pinang dan menyebabkan rakyat jelata tiada rumah duduk. Sila jelaskan dengan teliti dan apakah tindakan yang akan diambil oleh *housing board.*

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih Ahli Pengkalan Kota yang telah menanyakan isu tentang perumahan telah sebarkan kepada pekerja asing dan Kerajaan Negeri daripada Bahagian Perumahan telah mengambil beberapa tindakan dalam usaha menangani isu perumahan yang telah disewakan kepada pekerja asing bagi unit-unit perumahan awam dibawah pemberian pampasan Kerajaan Negeri dan juga unit-unit PPR, Perumahan Rakyat hanya dikhaskan kepada warga negara Rakyat Malaysia sahaja sebagai contohnya di rumah pangsan Taman Ampang Jajar yang telah diberikan unit-unit kepada penduduk asal rumah hijau. Walau bagaimanapun aduan terdapat 7 pemilik unit tersebut telah menyewakan kepada pekerja asing. Satu operasi telah lakukan pada 8 September 2011 dengan memberi notis 30 hari kepada pemilik unit yang telah menyewa kepada pekerja asing supaya mereka dipindah keluar. Selepas tempoh 30 hari tersebut telah disahkan pekerja-pekerja asing tersebut telah berpindah keluar.

Di samping itu satu mesyuarat meja bulat berkenaan masalah ini telah diadakan pada 10 Oktober 2011 dan telah dihadiri oleh Y.B. Y.B. Berkenaan pihak berkuasa tempatan Federal Manufacturer State Housting Assosiation Developer Malaysia, Invest In Penang Berhad, SERI, Jaringan Utara Maidrasi dan Pelarian, Penang Office or Development dan Agensi swasta lain dan antara hasil cadangan meja bulat tersebut ialah perlu ada satu penyelesaian untuk membina asrama pekerja dekat di kawasan-kawasan berdekatan di kawasan perindustrian untuk menangani isu-isu perumahan untuk pekerja asing sebagai langkah awal pihak PDC kini sedang merangka dan membuat rancangan yang lebih komprehensif dari segi penyediaan asrama untuk pekerja perindustrian dekat kawasan perindustrian di kawasan Seberang Perai Tengah. Sekian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan. Y.B. Dato' Speaker, berapa banyakkah yang sebenarnya dana yang telah pun diperuntukkan kepada *Housing Board* ini dan apakah perbelanjaan-perbelanjaan yang telah digunakan iaitu terutamanya bagi membantu rakyat-rakyat yang tidak mempunyai rumah untuk memperolehinya.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Kita telah mengumumkan bahawa satu dana RM500 juta telah diperuntukkan dalam masa akan datang beberapa tahun sebagai satu usaha untuk menyediakan tabung untuk pembinaan rumah-rumah mampu milik di Pulau Pinang dan kita telah mengumumkan juga projek untuk membina rumah mampu milik fasa satu yang melibatkan perbelanjaan 12,000 rumah mampu milik di atas tanah seluas 200 ekar di Batu Kawan. Kita juga telah mengumumkan bahawa tanah-tanah seluas 77 ekar dikelima-lima daerah di Pulau Pinang yang akan dibangunkan untuk sebagai tanah tambahan kerajaan untuk pembangunan rumah mampu milik yang dijangka boleh menyediakan melebihi 6,000 unit dan sejumlah di Batu Kawan 77 ekar ini sejumlah 18,000 unit rumah mampu milik kita sedang dalam perancangan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Soalan saya tadi dana yang sekarang ini *Housing Board* dah ada berapa sebelum nak tubuh RM500 juta *what ever* daripada Housing Board adakah peruntukkan, bila *you* tubuh *Housing Board,* mungkin ada *staff* dia mungkin ada peruntukkan di bawah RM200 juta ka, satu juta ka, untuk apa dia mark dan sebagainya.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Isu *Housing Board* ini kita telah meluluskan *Housing Board Development* pada Sidang terdahulu dan kita telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan perjawatan dan kita telah fahamkan oleh JPA bahawa terdapat usaha penstrukturan semula perkhidmatan awam dan JPA telah menangguhkan kelulusan tersebut dan buat masa ini belum mendapat kelulusan isu perjawatan dan inilah situasi buat masa ini. Oleh itu kita masih melalui bahagian Perumahan di bawah SUK Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Soalan tambahan Y.B. Ayer Itam, kenyataan Y.B. juga selari apa yang disebut oleh Y.AB. Ketua Menteri dalam akhbar tentang pembinaan-pembinaan rumah kos sederhana rendah di lima (5) daerah di atas tanah 77 ekar boleh saya tahu berapakah rumah yang akan dibina, bila akan dimulakan dan lokasi disetiap daerah itu kalau tak dapat detail tak apa, tapi lepas itu kena bagi jawapan pada saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Di kelima-lima daerah kita telah umumkan dalam surat khabar dan ucapan T.Y.T. kita telah nyatakan, *detail* kita akan berikan selepas ini.

Y.B. Speaker:

Soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Soalan saya ialah soalan nombor lima (5).

5. (a) Berapakah pelawat pelawat asing yang melawat Negeri Pulau Pinang dalam tahun 2011?

(b) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pelawat-pelawat dari India yang melawat Malaysia datang juga ke Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Dato' Speaker saya menjawab soalan nombor lima (5). Statistik menunjukkan pada tahun 2010 jumlah kedatangan pelancong asing adalah seramai 3,048,320 orang peningkatan sebanyak 2.37% berbanding tahun 2009 seramai 2,977,642 orang. Jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Pinang pada tahun 2011 belum diperolehi lagi dari Kementerian Pelancongan.

Walau bagaimanpun, berdasarkan statistik daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, kadar kemasukan pelancong dari luar negara kePulau Pinang menunjukkan peningkatan yang amat positif seperti berikut:-

(1) Dari Negara Indonesia yang banyak sekali pelancong iaitu 192,404 tahun 2010. Untuk tahun 2011 adalah 238,643, kenaikannya 24.03%.

(2) Negara yang kedua dengan penumpang yang asing iaitu dari Negara Singapura dengan kenaikan kadar 18.25%.

(3) Negara yang ketiga datang ke Pulau Pinang iaitu untuk tahun 2011 adalah 46,511 berbanding dengan tahun 2010 hanya 31,325 kenaikan kadarnya adalah 48.5% ini adalah negara-negara asing kenaikan yang paling banyak sekali sebanyak 48%.

(4) Negara yang ke empat adalah Jepun iaitu dengan kadar kenaikan 28%.

(5) Negara yang kelima adalah Amerika Syarikat dengan kenaikan kadar 16%;

(6) Negara yang keenam adalah negara Taiwan iaitu 21%;

(7) Negara yang ketujuh adalah Negara Australia iaitu kenaikan kadar 20%.

Negara-negara asing ini tempat yang keatas semuanya adalah kenaikan lebih daripada 10% atau 20% kenaikan bagi memastikan kemasukan Pelancong dari India yang melawat Malaysia turut berkunjung ke Negeri Pulau Pinang Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut:

Menyertai *road show* ke India yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia dan juga Persatuan Hotel Malaysia Pulau Pinang ke bandar-bandar India untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pilihan mereka,

Kedua menjadi host antara pihak media dan ejen-ejen pelancongan dari India penganjuran lawatan pengenalan *familiarisation ….*(dengan izin), *trip* di sekitar Pulau Pinang untuk menonjolkan keistimewaan Negeri ini, dan yang ketiga menjalankan kerjasama dengan *star cruise* untuk membawa lebih ramai pelancong India ke Pulau Pinang, sekian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arrif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan, bagaimana kedudukan tentang pelancong-pelancong daripada Timur Tengah, sama ada ianya meningkat atau tidak. Soalan tambahan siapa bolehkan, dia tidak tanya, Y.B. Dato' Speaker beri bolehlah, kemudian adakah Kerajaan Negeri membuat kajian tentang kecenderungan minat pelancong-pelancong dari Negeri itu, kenapakah dia datang dan apakah komponen dan tindakan diambil supaya minat yang minat kecenderungan itu kita ada dapat menyediakannya.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Memang kita tahu kedatangan pelancong dari Negara Arab memang meningkat dari tahun ke tahun, dengan itu kita untuk tahun ini keistimewa kita, kita buat satu buku pelancongan untuk bahasa Arab dan kita buat masa ini kita ada rombongan ke Pameran di Dubai dari 29 Apri 2012 hingga 2 Mei untuk tahun ini dan kita akan mengedarkan buku pelancongan dengan bahasa Arab buat pertama kali tahun ini, kita akan mencetak beberapa ratus buku ini,

mereka ini datang ke Pulau Pinang, mereka suka bersiar di tepi pantai dan juga *shopping*, membeli belah di sini, mereka suka dan kita boleh tahu dan kita boleh nampak di bahagian Batu Feringgi kita boleh nampak banyak Restoran Arab telah pun didirikan dan untuk kesesuaian mereka, *so* makanan di sini memang senang boleh dinikmati, *so* jadi memang kita tumpukan negara Arab satu tempat yang boleh menarik ramai pelancong ke Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Y.B. Dato' Speaker, saya hendak tahu berapa banyak *road show* yang diadakan di India dan apakah hasil-hasil *road show* yang diadakan, kerana pengetahuan saya banyak pelancong dari India datang ke Kuala Lumpur, tetapi tidak singah di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Untuk pelancong India memang ada, mungkin promosi dari dahulu kita kurang, saya sendiri pun pernah melawat ke Chennai pada tahun lepas, kita merasa kebanyakkan ejen-ejen pelancongan di sana hanya jual pakej mereka ke Singapura dan juga Kuala Lumpur dan Genting Highlands itulah sebab kita kurang diminati oleh orang pelancong India. Jadi dari tahun lepas dan tahun ini kita telah membuat banyak *road show* dan awal tahun ini kita pun telah membuat banyak *road show* di Negara India, *so* kita harap dengan kerana satu lagi kelemahan kita tidak ada penerbangan terus, mereka pergi ke Kuala Lumpur melalui KLIA dan kemudian baharu naik bas ke Pulau Pinang, memang ada penambahan dari orang-orang pelancong India juga datang di sini. Kita harap kita akan ada penerbangan terus dan mungkin kita boleh tarik lebih ramai lagi dari pelancong India kerana di sini kita memang ada banyak keistimewaan untuk boleh menarik banyak pelancong India kerana kita ada Little India, barang-barang yang dibeli dari Negara India pun boleh dapat di sini, dan sini perdagangan Negeri Pulau Pinang dengan Negara India pun lebih kurang sama, *so* kita berharap dengan promosi kita dan tahun ini atau tahun hadapan boleh menarik lebih lagi pelancong India.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Soalan tambahan, Y.B. EXCO saya hendak tahu berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri selain daripada kos untuk menampung lawatan EXCO untuk membuat promosi berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelancongan di Pulau Pinang ini contoh *Physical Development of Tourism,* contohnya ada sumbangan-sumbangan lain kearah meningkatkan lagi produk pembangunan pelancongan di Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Saya rasa saya akan memberi jawapan dan penjelasan yang lebih kepada Y.B. Pulau Betong semasa sesi pergulungan saya dan buat masa ini saya hanya boleh jawab separuh daripada bajet kita adalah untuk promosi di dalam Negeri seperti risalah-risalah, seperti kita membelanjakan untuk *familiarisation, trip* di mana negara-negara agen pelancongan datang dari India, datang dari Europe, dari Rusia atau datang dari Australia, Jepun kita mempelawa mereka datang lebih jimat daripada kita menyertai pameran-pameran di semua negara asing *so*, inilah perbelanjaan di dalam Negeri, *so* lebih teliti saya akan beri pada masa penggulungan.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya, Tanjung Bungah.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Chew):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya nombor enam.

6. Huraikan dengan Key Performance Indicator (KPI) bagi prestasi semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam empat (4) tahun yang lalu dari segi polisi dan pentadbiran.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Dato' Speaker, sebelum saya menjawab soalan, saya perlu nyatakan satu perkara kepentingan awam, *public interest* dua minggu yang lepas ini dua buah kuil hindu telah dirobohkan oleh Penang Port Sdn. Bhd.

(PPSB), Pengerusi adalah Ahli Kawasan Telok Bahang dan PPSB adalah di bawah Kerajaan Barisan Nasional, kuil Hindu adalah berusia 40 tahun, ini adalah perkara umum, kepentingan awam.....(gangguan suara).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Jawab soalan dulu.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya akan jawab, saya tidak lari daripada soalan. Saya rasa bahawa Kerajaan Negeri telah mewajibkan semua jabatan Kerajaan Negeri yang diselenggarakan di bawah 29 Jawatankuasa MMK yang ditetapkan mestilah menjalankan tugas selaras dengan urus tadbir CAT, Cekap, Akauntabiliti, Telus. Selama empat (4) tahun ini semua 29 Jawatankuasa MMK telah

menjalankan tugas yang berpegang kepada CAT secara memuaskan Kerajaan Negeri mengakui masih terdapat ruang untuk diperbaiki tetapi prestasi yang menggalakkan setakat ini dicernakan oleh sistem perolehan secara tender terbuka perisytiharaan aset peribadi pemimpin Negeri dan pendedahan isi kandungan kontrak Kerajaan Negeri dengan pihak swasta serta penggubalan harta kebebasan maklumat. Hasil boleh dilihat dengan lebih belanjawan setiap tahun sejak pemerintahan baru pada tahun 2008 di semua peringkat Kerajaan Negeri baik dalam urusan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mahu pun Kerajaan Tempatan atau pun Badan Berkanun Kerajaan Negeri.

Kejayaan ini merupakan prestasi yang tidak pernah dicapai dalam sejarah Negeri Pulau Pinang. Lagi pun Pulau Pinang telah digelarkan oleh ECA International sebagai bandar raya yang paling sesuai didiami di Malaysia buat kali pertama pada tahun 2011. George Town telah kekal pada tangga ke-8 sedangkan Kuala Lumpur telah jatuh ke tangga ke-9 di kalangan bandar raya yang paling didiami di Malaysia. Pada tahun 2012 Pulau Pinang tetap kekal pada tangga ke-8 sedangkan Kuala Lumpur telah merosot lagi ke tangga 10, inilah kali pertama Pulau Pinang melalui ibukota Negara Kuala Lumpur sebagai Bandaraya yang paling sesuai diduduki di Malaysia dalam tempoh dua tahun berturut-turut. Pencapaian keseluruhan ini menjelaskan prestasi KPI semua AMK Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat, di samping itu hutang Kerajaan Negeri telah dikurangkan sebanyak RM600 juta atau 95% daripada RM630 Juta pada tahun, pada 8 Mac 2008 kepada RM30 juta pada akhir 2011. Suatu pengurangan hutang yang paling besar dalam sejarah Malaysia, terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Terima kasih, Y.B. Dato', saya ingat kadang-kadang kalau Ahli dari Kawasan Perai yang kita tahu kalau cakap atas *'facts and figures'* sampai hari ini bila pun cakap tidak betul. Kalau kita baca balik ayat dan soalan dia *very simple* huraikan *key performance* (KIP) ini prestasi bagi semua Ahli Mesyuarat Negeri Pulau Pinang dalam tempoh empat tahun dari polisi dan pentadbiran,

okey, sebenarnya jawapan ini kata “Y.A.B. Ketua Menteri” bagus, “Timbalan” tidak bagus sikit, contoh macam itulah, saya rasa yang ditanya lain dan dijawab lain jadi inilah saya hendak perjelaskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Dato' Speaker, ini bukanlah jawapan yang tidak betul, saya ingat KPI ini terkandung dalam jawapan saya, kalau Kerajaan Negeri boleh menghasilkan kejayaan ini memang ini walaupun saya tidak secara menjelaskan apa KPI ini, ini memang kejayaan Kerajaan Negeri dalam tempoh 4 tahun. Ini memang menunjukkan bahawa *indicated-indicated* yang kita gunakan seperti dasar CAT memang satu dasar yang diterima oleh rakyat saya rasa Ahli-ahli MMK pun telah menjalankan tugas dengan baik. Jadi saya rasa ini adalah jawapan, tapi awak kata *key performance* (KPI) hasil ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sungai Acheh Y.B. Dato' Speaker, tadi tembak saya tadi.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya bagi Tanjong Bunga dulu.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Oh dia lagu tu, pada hal dekat ini.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Y.B. Dato' Speaker, soalan tambahan saya bagaimanakah dengan prestasi *backbenchers* ADUN Kerajaan dan ADUN Pembangkang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arrif Shah bin Haji Omar Shah):

Prestasi bagus.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Dato' Speaker, saya tidak tahu sama ada saya perlu hendak jawab soalan itu atau tidak, kalau saya jawab nanti janganlah terluka hati pula, saya rasa memang rakyat menolak mereka pada Tahun 2008, KPI tidak boleh dipakai, jadi bukanlah tugas saya untuk menilai mereka jadi, rakyat membuat satu pemilihan yang begitu baik sekali pada tahun 2008 dan mereka juga akan buat satu pemilihan yang terbaik sekali lagi pada mungkin tahun ini.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. Dato' Speaker, saya rasa Y.B. Perai ini keliru sekali lagi, yang dibangkit soalan tambahan, sedang pembangkang kami ini yang menang, bukan yang kalah, Yang Berhormat ini pusing merata, saya pun celaru habis, *straight to the point* lah...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Ya, saya bagi Y.B. Sungai Acheh

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Saya hendak cakap, yang pertama itu kalau hendak bagi itu, bagilah kepada semua, yang prestasi tiap-tiap Ahli Majlis mengikut jawapan tadi. Yang Kedua Dato' Speaker yang saya nampak bila menyebut tentang prestasi Ahli Majlis, bolehkah kita ukur dari segi yang baru-baru ini cadang tentang pelantikan YDP Majlis Agama yang agak celaru. Yang ini prestasi Majlis baik atau pun tak baik?.

Y.B. Dato' Speaker:

Lari dari soalan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan pertama itu betul. Yang kedua tak betul.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Soalan kedua tadi, prestasi.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan yang kedua itu lari, soalan pertama betul.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Yang kedua tidak betul.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang kedua tidak betul, tidak boleh ukur.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Tidak boleh ukur? Sebenarnya kalau gagal bermakna prestari Ahli Majlis gagallah, tak bagulah.

Y.B. Dato' Speaker:

Nak jawab.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Kita tak sentuh peribadi mana-mana pihak. Saya merujuk kepada soalan Acheh. Mana boleh lupa Acheh, dia tanya soalan tentang *performance* Y.B. Malik, saya rasa penilaian kita adalah, dia adalah ADUN dan juga Ahli EXCO yang terbaik kalau kita bandingkan dengan *performance* dalam kerajaan yang lama....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bersih, yang penting bersih, bersih, bukan rasuah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Apabila kata terbaik, maknanya kata Timbalan Ketua Menteri 1 tak baiklah.....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya, soalan nombor 7.

7. Berapakah jumlah Pelaburan Asing Foreign Direct Investment (FDI) untuk tahun 2011 sehingga bulan Mac 2012 untuk Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Soalan nombor 7 adalah soalan yang khusus berkenaan dengan jumlah pelaburan asing iaitu *Foreign Direct Investment* (FDI)...(dengan izin), iaitu bagi 2011 hingga Mac 2012 untuk Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan perangkaan dari MIDA jumlah pelaburan asing FDI untuk Pulau Pinang bagi tahun 2011 ialah sebanyak RM7.15 bilion, bagi tempoh setakat Januari 2012 jumlah pelaburan asing yang diluluskan oleh MIDA ialah RM11.6 juta. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan. Saya nak tanya tentang pelaburan asing adakah pelaburan asing RM7.15 juta ini adalah kerana tindakan-tindakan yang diambil oleh agensi-agensi dan Kerajaan Persekutuan yang membolehkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperolehi sejumlah RM7.15 juta.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, jawapan itu ada dalam soalan-soalan yang berikutnya, kalau Yang Berhormat Seberang Jaya ingin jawapan kepada soalan itu, dia ada dalam soalan-soalan bertulis.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

So, bersetujulah daya usaha dari Kerajaan Pusat ini bukan atas Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri mendapat nikmatlah. Setuju ataupun tidak?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Kalau Seberang Jaya nak tanya jawab macam itu kita dah jawab semuanya dari tahun 2010 lagi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Setuju atau tidak.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Itu kita kata walaupun dan duduklah dulu. Kita sudah jawab berkali-kali, sebab itu kita kata mana-mana pelabur asing yang masuk melabur di mana-nama Negeri pun dalam Malaysia ini, hasil usaha pelbagai pihak. Tapi tak boleh nafikan juga Seberang Jaya tak boleh nafikan usaha yang lebih

dilakukan oleh Kerajaan Negeri oleh sesebuah Negeri, itu tidak boleh dinafikan. Walaupun rombongan luar Negeri diketuai oleh Menteri Industri, Menteri Perdagangan Antarabangsa, tetapi susulan dan kerja-kerja susulan oleh Kerajaan Negeri dan langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri yang kita jawab berkali-kali pada soalan ini, itu perlu Seberang Jaya kena faham betul-betul.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya takut perhimpunan yang dilakukan BERSIH dan sebagainya... (gangguan). Makna langkah-langkah yang di....(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Duduk dulu. Langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri, macam Pulau Pinang dua (2) tahun berturut-turut jadi jaguh pelaburan asing ini. Jadi langkah yang diambil ini melebihi apa yang diusahakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Itu dia. Setuju atau tidak?

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Tidak setuju.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya bagi Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Soalan tambahan. Terima kasih Dato' Speaker, Yang Berhormat Penanti, setuju bahawa pada tahun 2011 merujuk kepada FDI 2011 dan 2010 bahawa pada prestasi Negeri Pulau Pinang dengan tambahan RM7.15 bilion ini merupakan satu prestasi yang paling baik dalam 3 tahun ini. Adakah ini prestasinya?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Seperti yang kita katakan tadi bahawa 2010 dan 2011, dua (2) tahun berturut-turut Pulau Pinang mencatat tertinggi di Malaysia ini. Kalau 2010 RM2.8 bilion dan 2011 seperti yang disebutkan tadi RM9.1, tetapi RM7.1 bilion ini adalah FDI, tapi kalau dicampur pelaburan tempatan ini dia jadi nombor dua (2). Ini nombor dua (2) berturut-turut, dan bidang yang khusus ini dalam bidang pembuatan juga dalam servis dan elektronik. Dalam Negeri Pulau Pinang yang tak pernah dicatat oleh pemerintah dari kerajaan dulu yang memerintah selama 50 tahun.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Soalan saya adalah soalan nombor 8.

8. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mengkaji semula *"plot ratio"* mengikut kepadatan penduduk dan kawasan demi memenuhi keperluan kehidupan moden Bandar Antarabangsa?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kebun Bunga yang membangkitkan tentang isu *plot ratio* dan keperluan moden bandar antarabangsa. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sehingga kini tiada membuat banyak perubahan berkaitan penentuan *plot ratio* di semua kawasan perniagaan di seluruh Negeri. Bagi MPPP amalan sekarang dengan menggunakan kadar nisbah 1:1 minimum dan nisbah 5:1 maksimum melibatkan pembangunan komersial mengikut lokasi yang telah dikenalpasti. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat keperluan untuk pemaju tertentu untuk meningkatkan pemajuan melebihi nisbah plot yang dibenarkan keputusan kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri diperlukan. Walau bagaimanapun aspek ini adalah ditekankan dan diperincikan Draf Rancangan Tempatan MPPP, SPU, SPT dan SPS dan kajian semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang. Draf Laporan Rancangan Tempatan tersebut telah dicadangkan penentuan densiti bagi setiap zon perumahan dan perniagaan mengikut blok-blok rancangan kecil sehingga 2020 penentuan *plot ratio* ini dan densiti telah mengambil kira kepada kepadatan penduduk dan kawasan pembangunan utama yang mempunyai *flexibility* yang tinggi, sistem pengangkutan dan lalu lintas serta kemudahan infrastruktur yang lengkap bagi memenuhi keperluan kehidupan moden bandar antarabangsa.

Di samping itu *plot ratio* yang dicadangkan dalam draf rancangan tempatan tersebut juga akan mengawal dan menetap tahap intensiti di kawasan pusat bandar CBD serta kawasan pusat kawasan perniagaan utama dan juga aspek-aspek keperluan kehidupan moden diperjelaskan dalam bab reka bentuk bandar draf rancangan tempatan berkenaan.

Kawalan terhadap penentuan nisbah itu adalah satu elemen yang penting dalam perspektif dalam perancangan bandar, banyak kesan implikasi akan wujud sekiranya ia tidak ditekankan aspek perancangan pembangunan, seperti bangunan-bangunan pencakar langit yang akan wujud, bandar semakin padat, kesesakan lalu lintas, akibat dari aliran trafik yang meningkat dan keperluan infrastruktur-infrastruktur yang lain yang meningkat bagi tujuan memastikan suatu kawasan itu dapat mengukuhkan fungsi *hierarchy* pusat penempatan yang sedia ada, di samping dapat menjamin aktiviti yang mampu dan menjana ekonomi pusat tempatan. Oleh itu, cadangan *plot ratio* yang tentu diumumkan dalam Draf Rancangan Tempatan ini dapat digunakan tempoh perancangan dalam tempoh 2020. Sekian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Tambahan, Y.B. Dato' Speaker, saya nak tahu bagaimanakah *plot ratio* dan densiti juga untuk rumah-rumah mampu milik kos rendah dan sederhana rendah adakah Kerajaan Negeri memberi *standard incentive* berdasarkan peratusan, umpamanya mereka membina rumah murah mereka mendapat *standard additional 50%?* ataupun untuk mampu milik 30%, sederhana 20% adakah Polisi berkenaan dapat dilakukan oleh Kerajaan Negeri?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Berkenaan dengan rumah mampu milik, tujuan MPPP menetapkan garis panduan baru dengan menetapkan ketumpatan adalah untuk menggalakkan pembinaan lebih banyak rumah-rumah mampu milik di Pulau Pinang, di samping itu juga garis panduan terdahulu telah terima pakai melebih 27 tahun, maka terdapat keperluan untuk permintaan semasa dan supaya dapat lebih supaya fleksibiliti milik dapat dimiliki oleh rakyat. Dan terdapat pengumuman yang kita buat dari garis panduan tersebut antara lain telah menggariskan tentang kadar peratusan mampu milik yang perlu dibina dari segi penempatan iaitu 5% daripada semua unit hendak dijual pada harga kurang dari RM200 ribu, 10% dijual pada harga kurang RM300 ribu 5% daripada harga kurang daripada RM500 ribu. Ini adalah *on top of* keperluan untuk membina rumah kos rendah dan juga rumah kos rendah yang perlu dibina seperti dalam peningkatan tersebut.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Tadi bila sebut rumah mampu milik. Rumah *mention* RM200 ribu itu rumah *less than* 5% itu apa? *Built up area*?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Built up area adalah yang berkenaan dengan 87 unit per ekar dengan cadangan keluasan ruang lantai maksimum 122,000 kaki persegi dan nisbah lot 2.8.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Soalan tambahan, soalan saya Air Itam, kenapakah Kerajaan Negeri hanya fokus rumah mampu milik ini dikawasan di Batu Kawan semata-mata tidak diberi perhatian di Balik Pulau dan bagi saya bagi saya di sebelah pulau ini ramai rakyat kita yang bekerja yang bekerja di KOMTAR, di Bayan Lepas, *Airport* dan sebagainya sedangkan masih banyak lagi tanah-tanah PDC, tanah MPPP yang boleh dibangunkan untuk rumah mampu milik ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih pada soalan dari Pinang Tunggal dan selain yang kita telah mengumumkan unit-unit di Batu Kawan, kita juga telah mengumumkan tanah-tanah dikenal pasti. Saya ulang sekali di Seberang Perai Utara 28 ekar, Seberang Perai Tengah 21 ekar, Daerah Timur Laut 10 ekar, Daerah Barat Daya 5 ekar, yang berjumlah 77 ekar dan kita jangka akan menambah kepada stok ini adalah semua sama ada tanah kerajaan MPPP atau MPSP dan akan memberi 6,000 unit mampu milik tambahan kepada 12,000 di Batu Kawan.

Ini adalah projek dan fasa yang kita akan membekalkan rumah mampu milik ini di Pulau Pinang. Di samping itu saya juga ingin memberikan maklumat tambahan yang ditanyakan oleh Pulau Betong tentang Bayan Baru dan Balik Pulau. Untuk rumah LMC yang telah diluluskan di Bayan Baru dan Balik Pulau dari tahun 2008 sehingga sekarang, ialah 2,386 untuk LMC, LC ialah 2,510 dan ini soalan ID 101 yang kita jawab dengan panjang lebar dengan projek-projek semua dan saya akan dan ini akan Pulau Betong akan dapat pada hari ini juga lebih lewat dan kita memang membekalkan rumah mampu milik melalui usaha Kerajaan Negeri dan juga usaha atas dasar Kerajaan Negeri, pihak swasta mematuhi Polisi Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Soalan tambahan. Sikit saja.

Y.B. Dato' Speaker:

Lepas ini boleh dalam perbahasan nanti dan gulung oleh EXCO. Saya nak teruskan, soalan seteruanya Y.B. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Soalan saya nombor 9.

9. Nyatakan dengan terperinci kes penjualan tanah di Bayan Mutiara. Tanah tersebut milik siapa, berapa kos jualan, kaedah jualan sebelum ini dan untuk tujuan apa tanah tersebut dijual?

    (a) Nyatakan *layout* kawasan ini termasuk semua komponen yang ada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jawapan kepada soalan Yang Berhormat adalah seperti berikut tanah tapak Bayan Mutiara seluas 102.56 ekar termasuk kawasan yang belum ditebus guna seluas 35 ekar telah dijual kepada Ivory Property Goods Berhad pada 11 November 2011 secara tender terbuka, melalui kaedah RFP atau *Request For Proposal* bagi tujuan pembangunan tersebut. Tawaran tender ter buka yang kompetitif ini dibuka pada 16 Ogos 2010 dan tutup pada 31 Disember 2010 dengan harga rezab sebanyak RM200 sekaki persegi dan bayaran *earnest deposit* sebanyak RM1.2 juta.

Sebanyak 4 syarikat telah mengemukakan tawaran seperti berikut. Satu ialah Chia Tai Xingye, SP Setia Bhd, Ivory Property Group Berhad, AG Pearl Sdn. Bhd. Tawaran syarikat ini ditolak kerana gagal mengemukakan bayaran *earnest deposit* berjumlah RM1.2 juta seperti mana yang telah disyaratkan. Tiga (3) syarikat yang layak telah membentangkan cadangan pembangunan masing-masing kepada Jawatankuasa Penilaian pada 18 Februari 2011 dan 3 Mac 2011.

Pihak IPGB telah mengemukakan harga tawaran yang paling tinggi daripada dua (2) syarikat lain iaitu RM240 sekaki persegi kepada Ivory dengan bayaran berjumlah RM1.07 bilion dibuat dalam tempoh 5 tahun. Lembaga PDC telah bersetuju untuk menerima tawaran daripada IPGB dan satu perjanjian *Purchase and Development Agreement* atau PDA telah

ditandatangani di antara PDC, CMI dan Ivory pada 11 November 2011. Keseluruhan projek perlu disiapkan dalam tempoh 8 tahun daripada tarikh PDA ditandatangani dengan merangkumi komponen wajib merumuskan tanah 35 ekar, pembayaran mengikut jadual, tetapi tempoh pembayaran ini telah dipendekkan kepada 5 tahun serta *bond* sebanyak RM50 juta sebagai *deposit security* dikekalkan. Sehingga kini RM120,813,302.40 telah dijelaskan oleh Ivory.

Memandangkan pihak pemaju yang berjaya dalam tender belum lagi mengemukakan pelan pemajuan kebenaran merancang, adalah terlalu awal untuk berteka-teki bentuk pelan kemajuan kebenaran merancang yang dicadangkan. Memandangkan ini adalah tapak bandar baru yang lebih besar daripada yang lama, tentulah ia melibatkan permohonan yang baru. Perlu diingatkan bahawa sebarang permohonan baru perlu akur dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia, baik oleh tapak masjid/surau, tempat beribadat bukan Islam, sekolah, jalan dan taman.

Pihak tidak bertanggungjawab hanya boleh mendakwa bahawa tapak masjid dihilangkan selepas pemaju membentangkan permohonan pelan kemajuan kebenaran merancang baru yang telah diluluskan tanpa pembinaan masjid. Untuk mendakwa tapak masjid dihilangkan bila pelan pemajuan kebenaran merancang pun belum dibentangkan adalah amat jahat sekali. Lagipun sekiranya tapak masjid benar-benar dihilangkan, maka hal tempat beribadat bukan Islam juga akan dihilangkan. Akan tetapi ia tidak dijadikan isu oleh pihak yang berniat jahat ini. Saya akan membentangkan jadual pembayaran untuk makluman Yang Berhormat dan jawapan ini pun ada berkaitan dengan soalan-soalan lain yang ditanya oleh Yang Berhormat lain iaitu saya boleh berikan maklumat berlebihan yang tidak ditanya oleh Yang Berhormat kerana ini adalah untuk merangkumi soalan-soalan yang ditanya. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Soalan tambahan. Yang pertama, adakah penjualan tanah ini menggunakan penilaian daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Yang kedua, kita semua difahamkan bahawa projek peringkat fasa pertama di tanah berkenaan yang bersebelahan, pelannya dimasukkan sekali pada awal dahulu telah pun diluluskan dan OC pun telah dikeluarkan, bagi projek fasa pertama bersebelahan bagi tanah keseluruhan, CF telah dikeluarkan, di dalam syarat-syarat yang dinyatakan apabila pelan pertama kebenaran merancang diluluskan dahulu pada tahun 2006, telah pun dinyatakan bahawa penyerahan harus dibuat atas tapak sekolah, tapak balai Polis dan tapak masjid, apabila penyerahan hak milik ini dikeluarkan. Saya hendak minta penjelasan lanjut

atas perkara ini iaitu yang pertama, adakah penjualan tanah ini berdasarkan penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan kedua, bagaimana kedudukan tapak-tapak yang telah dinyatakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang mengakui bahawa Kerajaan Negeri tidak mengikuti penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian, saya akui itu. Kenapa, kerana mereka hanya menetapkan pada harga RM60.00 sedangkan Kerajaan Negeri telah tetapkan pada kadar RM200.00 sekaki persegi. Biar saya jawab dahulu. Saya akui di sini memang ada seperti yang disebut oleh Y.B. Sungai Dua betul. Kita tidak ikuti harga penilaian yang dicadangkan oleh Jabatan Penilaian di bawah Kementerian Kewangan kerana kita rasa harga itu rendah sedikit RM60.00 lebih sedikit sahaja, sedangkan kita telah tetapkan pada harga RM200.00 rezab sekaki persegi. Akhirnya bila kita menerusi tender terbuka secara kompetitif, maka ia dijual dengan harga tertinggi iaitu sebanyak RM240.00 sekaki persegi. Saya tahu ada pihak yang menyatakan bahawa ia boleh dijual dengan harga RM420.00.

Saya ingin menyatakan di sini kalau ada mana-mana pihak yang sedia membayar RM420.00 kita boleh jual sekarang, tidak ada masalah. Kita boleh bincang dengan pihak Ivory dan kita boleh jual sekarang. Tetapi bila kita minta, belilah dengan harga RM420.00 sekaki persegi, *you* punya *boss* la iaitu Dato' Zainal Abidin Othman tidak berani terima. Saya pun tidak mahu desak dia sangat, kerana saya tahu beliau sibuk untuk memenangi balik kawasan Parlimen Nibong Tebal. Sekiranya hendak mencabar, kena terima, tetapi selepas ini kalau hendak cabar itu ada harganya, kalau anda boleh tawarkan harga sedemikian, maka kita boleh jual pada harga tersebut, tetapi bila kita tawarkan, tak berani terima pula. *So* di sini kita lihat tidak ada keikhlasan langsung. Dari segi harga, harga yang dijual adalah mengikut harga tender terbuka iaitu harga yang paling tinggi ditawarkan.

Nanti saya habiskan dulu, tidak ada masalah nanti, selalu melenting dan muncul-muncul sebegini. Tadi Yang Berhormat tanya tentang tender terbuka dan penilaian, saya jawab. Kalau anda tidak mahu saya jawab secara terperinci, okey, tidak payah jawablah. Di sini saya cuba hendak berikan jawapan, jadi sabarlah sedikit. Bila kita tawarkan harga RM420.00 sekaki persegi yang diuar-uarkan oleh Dato' Zainal Abidin Othman, *so* kita cakap kalau hendak, ambil RM420.00 sekaki persegi, tetapi tak berani pula.

Y.B. Dato' Speaker, mungkin pihak pembangkang kurang arif tentang prosedur tender terbuka, kerana tidak pernah buat tender terbuka. Bukan seperti tanah di Lapangan Terbang TLDM Sungai Besi, dijual pada harga RM74.00 sekaki persegi tanpa tender terbuka. Saya boleh serta-merta

tawarkan RM200 atau RM300.00 tidak ada masalah. Saya boleh tawarkan RM300.00 di bawah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri boleh untung banyak. Itulah perbezaan kerana harga tanah di TLDM Sungai Besi bukanlah secara tender terbuka, ianya untuk kroni-kroni, itu lain cerita. Tetapi di Pulau Pinang kita tawarkan dengan harga yang paling tinggi dan kepada Syarikat Ivory. Jika Yang Berhormat masih ingat dalam pilihan raya besar 2008, Syarikat Ivory dikelilingi oleh poster-poster yang menyokong Barisan Nasional, ingat tak? Semua menyokong Barisan Nasional di Times Square tetapi itulah perbezaan amalan Pakatan Rakyat, kita tidak simpan, tidak balas dendam dan tidak hasad dengki. Sungguhpun pada masa itu mereka menyokong Barisan Nasional tetapi kalau mereka boleh beri tawaran yang paling tinggi kita terima juga. Di sini saya rasa itulah perbezaan tender terbuka dan mungkin Yang Berhormat belum arif dan kena belajar sedikit.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih. Saya cuma hendak minta supaya direkodkan bahawa sememangnya penjualan tanah ini tidak dibuat penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Rekodkan itu. Betul? Yang kedua, seperti Yang Amat Berhormat juga kata tadi bahawa kalau hendak buat penilaian, kata RM60.00, macam mana kita tak buat penilaian lagi, kita boleh kata RM60.00, kita tidak buat penilaian, Jabatan Penilaian belum buat penilaian lagi. Kita belum buat penilaian tetapi sudah kata RM60.00. Sepatutnya Kerajaan Negeri hendaklah mengikut prosedur dengan mengikuti penilaian oleh kerajaan, prosedur oleh Jabatan Penilaian dan Harta, tetapi Kerajaan Negeri tidak buat. Saya mahu direkodkan bahawa memang Kerajaan Negeri tidak membuat penilaian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya mahu direkodkan juga bahawa Y.B. Sungai Dua tidak bercakap benar. Saya boleh beri surat daripada Jabatan Penilaian di mana harga penilaian ada dijalankan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bila penilaian dibuat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya boleh berikan. Sila duduk, duduk dulu. Penilaian dibuat pada akhir 2010 dan bila kita buat satu mesyuarat kita ....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Boleh beri surat kata penilaian dibuat pada tahun 2010, kita mahu tengok.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Sungai Dua dia macam kena rasuk. Bila saya sebut...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya mahu fakta yang sebenar, saya tidak mahu kelentung sana, kelentung sini macam menari chingay. Saya tidak mahu itu.

Y.B. Dato' Speaker:

Beri Y.A.B. Ketua Menteri habis dulu, tunggu jawapan bagi habis dulu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa Y.B. Sungai Dua macam, saya pun tidak tahu macam mana hendak sebut. Sepatutnya sebagai seorang veteran yang hendak bersara, cakaplah dengan betul-betul. Janganlah muncul sana muncul sini dan sebelum saya habis dia nak melenting pula. Biarlah bersabar, kita hendak mencari fakta dan berbahas dengan baik. Di sini seperti Yang Berhormat kata tadi, saya boleh beri surat daripada Jabatan Penilaian di mana mereka menyatakan itulah harga penilaian mengikut anggaran mereka. Tetapi tentulah bila kita buat penilaian, itu berdasarkan harga semasa pada masa itu dan tanpa juga mengambil kira kos tebus guna. Perlu diingatkan bila kita sebut RM60.00 ini penilaian berdasarkan *value* tanah. Kalau ianya perlu ditebus guna tanah, harganya mesti ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Jadi bila kita jual tanah Bayan Mutiara, kita tetapkan harga rezab RM200.00. Kos tebus guna tanah bukan ditanggung oleh Kerajaan Negeri, tetapi ditanggung oleh pihak pemaju. Sebenarnya kalau kita mengambil kira kos penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian, adalah lagi kurang daripada RM60.00 yang saya sebutkan tadi. Itulah saya rasa, kita ada buktikan. Kalau Y.B. Sungai Dua kata kita tidak buat penilaian, saya rasa sangat kesal, macam mana boleh kelentung macam ini. Boleh, saya boleh beri surat, saya minta pihak PDC boleh beri surat kepada Y.B. Sungai Dua dan surat ini juga kita telah edarkan kepada pihak media masa dan pihak media masa pun ada satu salinan surat daripada Jabatan Penilaian.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri.

Okey.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Terima kasih Y.A.B. Ketua Menteri**.** Saya hendak tahu yang pertama ialah apabila kita membuat satu perumahan, pada peringkat awal dipohon untuk dapatkan perancangan lebih kurang *layout area*, apa benda yang dibina dan ketika itu dibina pertama kali untuk fasa pertama, *that means* kelulusan yang diberi oleh Perancang Bandar bukan untuk fasa pertama, tetapi untuk semua *area*. Ini yang ada indikator yang ada tapak masjid di peringkat awal tetapi yang sudah ada, Yang Berhormat kata sebut tadi bahawasanya belum terima apa-apa lagi tentang perancangan yang akan dilakukan oleh Ivory, Yang Amat Berhormat tidak terima lagi dan akan beritahu kemudian. Tidak mengapa.

Soalan saya yang kedua ialah harga tebus guna tanah kalau tidak salah saya kalau dibina dalam 10 tahun tahun sudah ialah RM30.00 satu kaki persegi. Kos *of reclamation*. Jadi Y.A.B. kata RM50.00 *okey* yang semua jual RM200.00 lebih dan keuntungan bersih lebih kurang dalam RM100.00, RM200.00 satu kaki persegi, untung tanah sahaja . Okey.

Soalan saya ialah manakah lebih untung kalau PDC buat sendiri dengan atas kepakaran atau kita beri penswastaan, itu soalan kedua. Soalan yang ketiga ialah *method of payment*. Kalau PDC buat sendiri *payment* sudah *secured,* tetapi kalau kita beri Ivory, *is in frame* kita tidak tahu apa yang akan berlaku, *so the gamble with there.* Jadi minta penjelasan ketiga soalan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, saya cuba ingat yang satu tentang *lay out* pelan. Saya rasa Y.B. Bayan Lepas tahu bahawa kita cakap tentang *lay out* pelan, itu pun telah diulangi oleh Datuk Seri Nazir Ariff, Timbalan Pengerusi Ivory di mana beliau telah menyatakan buat satu pengumuman di surat khabar, bahawa mereka akan akur semua peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Kerajaan Tempatan. Jadi jangan ambil....(gangguan), biar saya habis dahulu, okey dan oleh itu, tidak menjadi sebarang masalah.

So, sekiranya hendak sebut tentang tapak masjid, mengapa tidak sebut juga tempat beribadat bukan Islam. *So*, di sini ia adalah ketara bahawa ada pihak yang cuba mainkan sentimen agama dan sentimen perkauman. Itu saya rasa sangat tidak baik sekali, kerana sungguh pun hendak berpolitik, janganlah menghubungkan atau buat satu penipuan tentang tapak masjid. Itu tidak baik, itu tidak baik dan lebih-lebih lagi bila fitnah ditujukan kepada saya sebagai seorang bukan Islam. Saya sebagai seorang bukan Melayu, kawan-kawan Melayu di mana-mana tempat saya pergi, bila mereka tahu hal sedemikian, mereka amat marah dan mereka amat bimbang tentang keselamatan saya. Dia cakap UMNO macam mana boleh *racists,* main perkauman macam ini dan ini saya rasa saya tidak mahu lagi ....(gangguan), biar saya habis dahulu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Satu soalan tambahan. Satu sahaja sebelum kita pergi .(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Duduk, saya cakap duduk. Duduk nanti habis akan beri jalan... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bolehkah tarik balik perkataan *racists,* kerana UMNO tidak *racists.* Y.A.B. Ketua Menteri minta tolong ....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya minta Y.B. Sungai Dua duduk dan saya rasa itu bukan satu perkara yang kita hendak main kerana kalau desak jangan saya pergi ke kawasan-kawasan penyokong untuk tunjuk muka sebenar UMNO. Saya tidak mahu buat sedemikian. Saya telah mengatakan sedemikian, jangan mendesak saya untuk buat perkara yang serupa. Kalau kita hendak berpolitik biar kita berpolitik berdasarkan fakta. Kalau kita tidak buat betul, tentu kita sedia untuk terima terguran dan membuat pembetulan tetapi jangan berdasarkan satu fitnah. Kalau kita mahu sebut tapak masjid, biar kita tunggu seperti yang Y.B. Datuk Seri Nazir Ariff sebutkan. Mereka bentangkan pelan ke MPPP, kalau tiada tapak masjid maka benarlah seperti yang UMNO selalu hendak lemparkan fitnah, bahawa tapak masjid telah dihilangkan, termasuk juga tempat ibadat bukan Islam telah dihilangkan, tetapi sebelum mereka teruskan dengan pelan pun telah sebut macam ini, tidak betul.....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Duduk dahulu, biar saya habiskan dahulu dan saya akan beri. Sebagai satu contoh, projek Koperasi Tunas Muda di mana asalnya ada tapak masjid, betul tidak. Y.B. Bayan Lepas tahu....(gangguan) saya sebutlah, tetapi Y.B. Bayan Lepas tahu asalnya ada tapak masjid tetapi akhirnya apabila pelan baru ini setuju dengan pelan Bayan Mutiara dan pelan Bayan Mutiara pelan baru dan belum masuk, tetapi yang Tunas Muda punya projek asalnya ada, selepas masuk sudah tiada. Ini boleh kita bincang, cakap bahawa tapak masjid telah dihilangkan tetapi kita mainkan isu sedemikian ..(gangguan), duduk dahulu. Kita tidak sebut dan kita tidak mainkan isu perkauman ini, kita tidak mainkan isu agama ini, tetapi kalau hendak terdesak saya rasa dalam pilihan raya kita tidak mahu sampai ke tahap itu tetapi kalau terdesak, saya rasa kita pun kena bongkarkan skandal dan perkara sedemikian.

Perkara kedua yang ditanyakan tadi oleh Yang Berhormat tentang mengapa kita jual sekarang, kita tidak simpan... (gangguan), dan ia saya rasa kita boleh dapat bulanan yang lebih banyak, itu maksud Yang Berhormat. Ya, kita boleh dapat pulangan yang lebih banyak, saya Akauntan, saya tahu. Kalau kita *develop* sendiri, kita membangunkan idea sendiri tentu pada masa depan akan datang 10 tahun akan datang, 15 tahun akan datang kita akan dapat pulangan yang lebih besar, tetapi tolong bayangkan Yang Berhormat, kita bukanlah syarikat untuk buat keuntungan. Kerajaan bukanlah hanya untuk cari untung semata-mata hendak untung sahaja, Kita hendak dapat wang supaya kita boleh laksanakan kerja sosial seperti bina rumah mampu milik, itu sebab kita kena kumpulkan dana yang mencukupi untuk buat program rumah mampu milik dan bukan satu perkara senang. Kita perlukan dana RM500 juta sekurang-kurangnya dan itulah sebabnya kita buat keputusan, kita jual supaya kita boleh jalankan program perumahan mampu milik.

Kalau kita menampungkan sendiri, itu bermakna PDC kena keluarkan untuk menampungkannya dan pada masa yang sama tidak cukup dana untuk buat rumah mampu milik. Mana yang kita hendak pilih. Adakah kita untung besar 10 tahun, dikaji dengan gunakan dana sendiri dan selepas ini tiada program rumah mampu milik atau kita jual dan dapat wang untuk bina rumah-rumah mampu milik. Untuk Kerajaan Pakatan Rakyat kita pilih untung masa depan tidak begitu penting, berbanding dengan .....(gangguan),

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Hoi, hoi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Apa hoi-hoi ini, janganlah bersikap macam itu, betul tidak.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Duduk dulu, duduk dulu. Yang Berhormat saya harap bersopan boleh tidak ..(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tuduh saya pasal apa.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Boleh saya cakap sikit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jangan minta Y.B. Speaker paksa, saya minta bersopan sikit.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kenapa tengok saya.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Bukan saya hendak bawa, saya hendak bahas.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya minta Bayan Lepas duduk, nanti bahas kemudian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itulah pilihan yang kita buat, tak apa, duduk, biar saya habis dulu. Bila kita buat pilihan, kalau ada Kerajaan PR hendak pilih sama ada kita buat rumah mampu milik dengan dana yang kita kumpulkan daripada penjualan tanah atau pun kita gunakan wang untuk buat pembangunan supaya 10, 15 tahun kemudian kita boleh untung besar tetapi dengan kos ialah kita tidak ada sumber kewangan untuk bina rumah-rumah mampu milik. Kalau untuk BN mungkin dia akan pilih untung ...(gangguan), tapi Pakatan Rakyat kita bina untuk rumah mampu milik. Itu perbezaan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Soalan tambahan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Soalan ketiga belum pergi lagi. Okeylah, baiklah Bayan Lepas kawan baik.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerrudidin bin Dato' Syed Ahmad):

Yang pertama sekali yang saya celaru sedikit fasal dikatakan tebus guna tanah kuasa *reclamation* ini RM50.00. Mengikut penjelasan daripada Ahli Y.B. Air Itam, kos mampu milik yang hendak dijual RM200,000.00 betul tidak per unit. Jadi kalau jual RM50.00 satu kaki persegi dengan harga RM200,000.00 kalau PDC bina pun memang tidak akan untung banyak. Kalau untung, untung sediki dan kalau rugi, rugi sedikit dan yang ini kalau lebih senang, mudah yang kita kontrol. Itu soalan saya itu. Kalau kita hendak bina *low cost* dengan harga satu kaki *reclamation* RM50.00 yang itu *may be*. Satu benda yang saya agak boleh kita terima pandangan tetapi kalau harga RM200,000.00 dengan kos tebus guna RM50.00 itu lepas.

Yang kedua fasal masjid Bayan Lepas ini yang dikatakan, minta rakyat semua dengar ini yang permohonan ini diminta oleh Kariah Bayan Lepas. Dato' Haji Zuki Jawatankuasa Kariah Bayan Lepas jumpa Tunas Muda dia kata harga tanah yang dibina masjid, fasal memandangkan rumah itu semua RM800,000.00 dijangka orang Melayu hanya 5% tinggal di situ, hendak buat tidak lepas, masjid tak ada, dia ini pergi surau buat apa. Duit itu diambil untuk buat pengambilan tanah, terutama dia akan minta tolong Y.A.B. Ketua Menteri juga untuk beli tanah keliling masjid Bayan Lepas, hendak perbesar masjid Bayan Lepas. Ini kena faham tujuan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa, saya tidak mahu campur dengan perkara ini. Saya sebagai seorang bukan Islam, biar orang Islam buat hukuman sama ada apa yang dilakukan ini betul atau tidak. Ini saya rasa terserah kepada Umar untuk menentukan sama ada keputusan oleh bekas ADUN Batu Maung iaitu Pengerusi Koperasi ini dan juga pemimpin UMNO, apa yang dia buat untuk hilangkan tapak masjid, itu betul atau tidak saya serah untuk dihukum oleh umat Islam, tetapi tentang jawapan tadi oleh atau sedang penjelasan tadi oleh Yang Berhormat Bayan Lepas.

Tentang itu kos rumah, saya hendak nyatakan bahawa itulah RM220,000.00 di Batu Kawan adalah harga yang paling tinggi. Kita akan bina rumah di antara RM32,500.00 ke RM220,000.00 dan juga pada masa yang sama, bila kita hendak jalankan projek, yang projek yang penting itu untuk peringatan Yang Berhormat kita mesti rugi lebih kurang RM400 juta, apabila ia disiapkan kerana ialah tetapi kita kena satu *range* lah, sekarang bukan sahaja untuk yang rumah kos sederhana rendah, tetapi juga untuk mereka yang mahu lebih baik tetapi bukanlah mewah sangat. *So,* itulah sebab kita tetapkan di antara RM72,500.00 hingga RM220,000.00. Tidak akan bila dalam kawasan bandar lagi susah, kos tanah yang tinggi dan kos membina yang tinggi sekarang dengan harga pembinaan yang begitu tinggi. Dahulu kita rasa RM40 juta boleh bina satu rumah pangsa tanpa kira kos tanah. Sekarang sudah sekali ganda lebih. Saya rasa Y.B. Bayan Lepas sebagai seorang peniaga atau bakal peniaga nanti pun faham tentang perkara ini tentu kita kawan baik kita boleh bincang kemudian. Itulah saya hendak jawab bahawa dalam kes sedemikian bila pelan baru belum dimasukkan, janganlah main perkara-perkara sentimen perkauman. Ini tidak baik dan saya rasa ini adalah sesuatu... (gangguan), saya akan beri dan saya amat kesal dengan permainan sentimen ini kerana ia berdasarkan fakta yang palsu, fakta yang tidak benar sama sekali dan tujuan penjualan ini untuk membolehkan hasrat Kerajaan Negeri membina rumah mampu milik yang paling bermutu di Malaysia dapat tercapai iaitu di seluruh Negeri Pulau Pinang, termasuk di kawasan kepulauan dan saya percaya apabila ia terlaksana Yang Berhormat sendiri boleh lihat, ia memang adalah rumah mampu milik yang paling bermutu kerana kita telah melantik membina rumah mampu milik yang paling baik di dunia iaitu HTV Singapore untuk menjadi pakar perunding dalam pembinaan ini.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin)

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Dah habis dah soalan tambahan, dah lebih dari tiga (3) dah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terpulang kepada Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah, kita hendak beri peluang kepada orang lain. Boleh bawa dalam perbahasan nanti, seterusnya, Yang Berhormat Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Y.B. Dato' Speaker, soalan saya adalah soalan no. 10.

10. (a) Skuad Khas Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) hanya mampu untuk menanggani kes tertentu sahaja. Apakah institusi atau biro bantuan kecemasan yang boleh dirujuk untuk mendapatkan bantuan segera dalam kerja keselamatan atau pembersihan jalan apabila terjadi sesuatu kes luar biasa seperti kebocoran minyak masak atau tumpahan minyak hitam di atas jalan raya.

(b) Bagaimanakah untuk menyelesaikan sesuatu kes yang di luar kemampuan Skuad khas MPSP iaitu selepas waktu pejabat atau syarikat yang tidak menyediakan petugas khas selepas waktu pejabat?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, sukacita saya menjawab soalan no. 10 yang dikemukakan oleh Ahli Kawasan Jawi. Itu selain daripada skuad khas Majlis Perbandaran Seberang Perai, pihak yang boleh memberikan bantuan segera dalam kerja keselamatan atau pembersihan jalan apabila terjadi sesuatu kes luar biasa seperti kebocoran minyak makan atau tumpahan minyak hitam atas jalan raya adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat. Bagi kes seperti pokok tumbang, banjir, jalan rosak. JKR boleh dirujuk untuk bantuan. Bagi kes luar biasa yang berlaku di luar waktu pejabat, pengadu atau mangsa boleh membuat panggilan telefon hotline Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Jabatan ini akan mengambil tindakan untuk membersih tumpahan minyak yang membahayakan pengguna lalu lintas sekiranya dipanggil oleh orang awam melalui talian kecemasan 999. Menurut arahan 20 dasar dan mekanisme pengurusan bencana negara dari buku Majlis Keselamatan Negara, Komanden tempat kejadian adalah dari Jabatan Bomba dan Penyelamat manakala skuad khas MPSP akan mengikut arahan komanden tersebut untuk membantu bersama-sama dengan jabatan lain

seperti Jabatan Alam Sekitar, JKR semestinya PDRM, Pertahanan Awam, Rela, kalau ada kes yang memang besar mungkin anggota tentera di samping bomba sukarela, pasukan peronda, sukarelawan dan *community policing* dan sebagainya.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Soalan tambahan. Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Padang Kota. Perkara yang terjadi macam kejadian yang terjadi di kawasan Jawi sebelum ini iaitu tumpahan minyak makan dari sebuah kenderaan pembawa minyak makan di Simpang Taman Bukit Panchor, pada masa itu saya membuat panggilan kepada pihak Bomba tetapi pihak Bomba tidak dapat menangani masalah yang terjadi itu. Jadi keadaan telah menjadi kucar kacir dan kita juga minta bantuan kepada skuad khas MPSP. Malangnya pihak MPSP juga menolak permintaan kami. Jadi saya rasa perkara macam ni kita perlu menubuhkan sebuah lagi biro atau AJK yang khas untuk menangani masalah seperti ini.

Boleh kata, saya telah pun menemui beberapa kes yang memang di luar pengetahuan jabatan-jabatan tertentu dan ia tidak dapat diselesaikan dengan cara yang mudah seperti jawapan yang telah disampaikan oleh Y.B. Padang Kota. Bolehkah kerajaan kita di sini, saya ingin menanya kepada Y.B. Padang Kota bolehkah kerajaan kita menubuh ataupun mengadakan satu pasukan yang dilatih khas untuk menangani masalah yang sedemikian kerana ia memerlukan penyelesaian yang segera dengan sepantas mungkin. Begitu juga ia akan melibatkan keselamatan kepada awam. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih Ahli dari Kawasan Jawi. Sepertimana yang diutarakan dalam soalan memang Ahli Kawasan Jawi mempertikaikan kemampuan skuad khas MPSP dan sememangnya saya pun bersetuju bahawa tanggungjawab Pasukan Khas ini adalah untuk menguruskan isu-isu perbandaran, macam kebersihan dan sebagainya atau longkang yang tersumbat ataupun kejadian pokok tumbang yang menyebabkan kesesakan lalu lintas dan sebagainya. Bidang kuasa dan sumber yang ada adalah terhad berbanding dengan protokol yang sedia ada satu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memang sepertimana dalam jawapan saya pun Majlis Keselamatan Negara memang mengkhususkan peranan yang penting bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang saya percaya ada lebih banyak kepakaran, sumber-sumber, jentera dan sebagainya untuk menjalankan sesuatu kerja yang memerlukan tindak balas yang begitu pantas. Jadi saya ambil maklum sajalah cadangan pandangan dari Y.B. Kawasan Jawi mungkin ini di luar kemampuan sebuah Majlis

Perbandaran tetapi aduan daripada Y.B. tentang mungkin respon yang diberikan Jabatan Bomba dan Penyelamat, kejadian itu kalau tidak mengikut prosidur ataupun tidak memuaskan ianya akan dipanjangkan untuk perhatian jabatan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya, Sungai Pinang, Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya nombor 12.

12. Apakah pendirian pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap asakkan pembangunan perumahan yang mahal yang lebih dilihat hanya memenuhi cita rasa yang kaya? Apakah Polisi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan tindakan yang telah diambil bagi memastikan penduduk di Negeri Pulau Pinang tidak berpindah keluar dari Negeri ini dan memastikan keseimbangan polar kependudukan di Negeri ini? Sila berikan bukti.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya, Dato' Speaker. Terima kasih kepada Y.B. Pulau Betong yang menanyakan tentang pembangunan perumahan. Kerajaan Negeri telah dan sedang melaksanakan beberapa tindakan untuk memastikan keseimbangan pembangunan perumahan dan seterusnya dapat menstabilkan harga rumah. Di antaranya ialah yang pertama memperluaskan stok taman perumahan melalui meninggikan bekalan perumahan baru temasuk rumah mampu milik kawasan pembangunan baru di kawasan-kawasan yang Dato' umumkan seluas 200 hektar dikawasan Batu Kawan sebanyak 11,800 unit *apartmen*t yang akan sedang dirancang.

Di samping itu juga kita telah membuat perumahan terdapat 77 hektar tanah di kelima-lima daerah di Pulau Pinang yang akan dibangunkan 6,000 rumah mampu milik dan strategi seterusnya kita akan juga melalui Polisi dengan melalui pemaju swasta mendirikan rumah mampu milik, kita juga melaksanakan garis panduan peningkatan ketumpatan gaji pokok di Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang akan membenarkan pemaju membangunkan kepadatan sehingga 87 unit per ekar di kawasan-kawasan sekitar kawasan *transportation oriented development* yang akan juga menggalakkan pembangunan rumah mampu milik dan juga melalui garis panduan baru yang menghadkan atau meninggikan harga minimum untuk warga asing untuk membeli rumah di Pulau Pinang.

Pada tahun 1 Januari 2010, kita telah meningkatkan dari harga minimum RM250,000.00 ke RM500,000.00 dan tahun ini kita juga telah membuat pengumuman bahawa kita telah mengkaji semula dasar pemilikan hartanah oleh warga asing dari RM500,000.00 kepada RM1,000,000.00 untuk hartanah di seluruh Pulau Pinang dan dengan had yang lebih tinggi iaitu RM2,000,000.00 untuk *landed property* di bahagian Pulau. Ini dapat mengawal supaya warga asing hanya boleh membeli hartanah yang lebih mahal dan tidak bersaing dengan orang tempatan dalam *segment* hartanah yang sama.

Di samping itu, melalui rancangan sokong Negeri Pulau Pinang kita juga menggariskan penyediaan rumah mampu milik yang tentang garis panduan-garis panduan seperti kawalan harga garis panduan tentang melalui inisiatif OSC di bahagian PBT juga berusaha memproses dan meluluskan lebih banyak pelan-pelan permohonan perancangan khasnya tentang rumah mampu milik ini, juga ini adalah usaha yang telah kita buat.

Soalan tersebut juga berakhir sila berikan bukti dan seperti yang saya kata soalan ID 101 yang di kawasan-kawasan di Bayan Baru dan juga Balik Pulau khasnya terdapat, tadi saya telah menyatakan angka tersebut iaitu 2,380 unit MC dan 2,510 unit *low cost* yang telah diluluskan bagi tahun 2008 dan 2012. Antara lainnya saya *just* sebut beberapa yang 56 unit rumah kos rendah di Changkat Sungai Ara, rumah sebuah berkembar kos rendah 180 unit, rumah sebuah kos rendah 36 unit di Kuala Sungai Pinang, 22 tingkat rumah pangsa termasuk 102 unit rumah kos rendah, 22 tingkat rumah pangsa termasuk kos rendah dan juga termasuk 250 unit kos sederhana rendah di Lengkok Nipah 3. Dua blok pangsapuri kos rendah sederhana 15 tingkat, 1 blok rumah pangsa kos rendah 16 tingkat-534 unit yang saya lancarkan hari itu di Jalan Tun Dr. Awang di bawah i-Park yang saya pergi lancarkan iaitu kosnya RM 42,000.00 sahaja dan juga projek-projek yang beberapa lagi yang saya tidak akan baca.

Di Balik Pulau juga di bawah projek seperti rumah pangsa kos rendah lima tingkat 250 unit di Kuala Sungai Baru, dibawah PLB Land dan juga rumah kos rendah 80 di Jalan Desa Nipah, ini projek di Balik Pulau dan juga satu blok pangsa kos rendah 62 unit di Jalan Balik Pulau dan sebagainya. Dan ini adalah bukti yang seperti yang diminta oleh. Boleh rujuk kepada soalan ID 101. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Terima kasih, Y.B. Air Itam. Saya nak bertanya, kalau dibina rumah, kalau dikatakan yang rumah rumah mampu milik adalah RM200,000.00 keatas, tidak ramai orang yang mampu memiliki rumah yang macam tu. Lebih

ramai yang mampu memiliki RM200,000.00 ke bawah, *ranging* RM80,000.00 ke RM100,000.00. Ini kategori mana ni? Dalam kategori mana ni? Saya minta di definasikan semula rumah kos rendah ini, rumah mampu milik ini. Sebab saya rasa kalau definasinya rumah mampu milik ini RM250,000.00 ke atas sebiji bermakna ada orang yang tak kan mampu membelinya sebab definasi rumah mampu milik ini tidak akan mampu untuk memiliki oleh orang yang berpendapatan yang amat sederhana.

Yang kedua saya nak tahu apa jadi dengan RSN. Dalam RSN disebut beberapa kampung tradisi yang akan dikekalkan. Tetapi saya melihat ada doket-doket *development* yang dibuat oleh pembeli-pembeli swasta membangunkan rumah tidak lebih daripada 150 biji untuk tidak membina rumah kos rendah. So, mereka menggunakan pendekatan tidak lebih 150 biji untuk tidak membina rumah kos rendah dan dibina pula di doket-doket dalam kampung-kampung. Ini juga satu polisi yang saya rasa melanggar *it should be* ada dalam RSN dan ini juga menjaga ekologi kawasan kampung-kampung yang berada di kawasan Balik Pulau itu. Itu saja soalan saya, terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya, tentang rumah mampu milik yang kita maksudkan adalah sekitar kurang daripada RM220,000.00 seperti yang kita *target* di Batu Kawan iaitu antara *range* itu. Kita sedar bahawa apabila kita ekonomi semakin maju, pendapatan pekerja-pekerja kita, pendapatan penduduk juga akan bertambah maju dan kita dapati bahawa kita perlu menyediakan kos rendah, kos sederhana rendah dan juga rumah mampu milik mengikut kategori. Definasi sekarang kita kos sederhana rendah adalah mereka yang mempunyai *house income* kurang daripada RM3,500.00. Oleh itu juga kita juga perlu melihat kepada hak mereka yang mempunyai *household income* yang kurang daripada RM5,000.00, mereka mungkin adalah keluarga yang suami isteri orang muda yang baru bekerja yang kedua-dua menjadi *technician* ataupun *engineer* yang muda yang mempunyai *household income* dalam *range* itu.

Oleh itu, kita perlu juga menyediakan rumah mampu milik dengan kategori di bawah RM200,000.00 ini. *So* kita perlu memenuhi keperluan kerana apabila pendapatan golongan eksekutif pekerja kita semakin tinggi kita perlu ada satu range. Itu adalah satu strategi kita iaitu bukan saja *low cost* dan rumah mampu milik dan balik kepada soalan tentang perobohan ataupun penempatan semula di doket-doket *development*, kita ada satu polisi sedia ada di Peringkat PBT bahawa setiap pemajuan, pemaju-pemaju berkenaan perlu menunjukkan bukti penyelesaian setinggan, sama ada melalui pampasan atau penempatan semula. Sama ada pampasan melalui wang atau penempatan semula. Kita perlu, mereka perlu menunjukkan bukti tersebut sebelum apa-apa kerja-kerja pemulaan boleh dimulakan. Dan di kawasan yang dimaksudkan mungkin di Kawasan Balik Pulau sangat tekankan, kita

sangat tekankan tentang usaha ini dan kita perlu melalui sama ada Ahli Parlimen di sana atau melalui PKM 1 sendiri juga membantu menguruskan perkara-perkara sedemikian supaya penduduk-penduduk tersebut penduduk asal tersebut, hak mereka dapat dibela.

Ahli kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Soalan tambahan. Sedikit penjelasan kepada soalan tambahan Y.B. Air Itam. Kalau benar ahli Parlimen atau pun siapa sahaja yang mengambil bahagian untuk menyelesaikan masalah, tetapi saya pelik ramai yang datang berjumpa dengan saya melaporkan tidak ada langsung pegawai-pegawai atau pun wakil-wakil Ahli Parlimen turun untuk menyelesaikan masalah kalau yang besar tak apa tapi 1, 2 rumah mereka dibiarkan begitu saja untuk berbincang dengan pemaju dan akhirnya pemaju memberi RM5,000, RM10,000 yang tidak mampu untuk mereka gunakan untuk membeli rumah lain. Kalau yang besar RM30,000.00 *yes* betul, tetapi rumah yang sebiji dua biji, tiada siapa yang bela mereka.

Ahli kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Seperti saya kata tadi sebelum memulakan kerja DPT, pemaju perlu menunjukkan bukti bahawa mereka telah menyelesaikan masalah setinggan dan sebagai wakil rakyat sama ada kita pemerintah atau pun pembangkang kita perlu juga membantu rakyat dalam keadaan sedemikian kalau sekiranya terdapat kes-kes sedemikian yang perlukan bantuan Yang Berhormat boleh merujuk kepada saya dan kita lihat bagaimana kita boleh membantu kerana memang kita banyak membina rumah mampu milik di Balik Pulau dan kita boleh lihat bagaimana kita boleh melihat *priority* kepada kes-kes penduduk asal yang perlu ditempatkan semula.

Ahli kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seri Delima.

Ahli kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih. *Sorry*, pertama bagi Datok Keramat, Y.B. Air itam, saya ingin pertamanya tanya saya sedar tentang beban yang dipikul oleh Y.B. dan Kerajaan Negeri dalam menyelenggara dari masa ke semasa semua pangsapuri- pangsapuri dan rumah kos rendah di banyak kawasan di kawasan

saya Taman Tun Sardon banyak masalah kita hadapi dan saya berterima kasih kepada Yang Berhormt dan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah tapi persoalan saya Pejabat Perumahan adakah keseluruhannya di bawah penyelenggaraan Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Pusat? Kerana umpamanya di Taman Tun Sardon bila ada masalah aduan sekarang masalah yang dihadapi adalah kebocoran pada pertamanya.

Kedua tumbuhan-tumbuhan yang telah pun melekat pada bangunan dan sudah pun masuk ke dalam tiap-tiap flat tersebut, bila ada aduan dibuat kepada Pejabat Perumahan mereka mengatakan tidak ada kewangan untuk membuat kerja-kerja pembersihan dan keadaan-keadaan seperti tempat-tempat meletak kereta setiap kali terdapat bila ada masalah gangguan dan sebagainya umpamanya tar itu pecah kita ingin menurap jalan dan sebagainya bantuan dihulurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang jadi apakah tugas tanggungjawab Kerajaan Persekutuan seolah-olah dalam kawasan saya, mereka telah membiarkan tidak memberi sebarang perhatian dan saya difahamkan perkara itu berlaku bukan saja di tempat saya tetapi juga dalam flat-flat di Taman Free School, Rifel Range dan sebagainya setiap perkara rujukan dibuat kepada Kerajaan Negeri jadi apakah tugas Kerajaan Persekutuan ini memberi persepsi seolah-olah mereka tidak ingin tahu masalah yang dihadapi dan saya sedar kerana kalau isu kewangan kita dibebankan dan memang tidak ada selalu tidak cukup wang, saya sendiri telah menggunakan wang daripada peruntukan khas untuk umpamanya membekalkan banyak peralatan di tempat tersebut. Jadi, bolehkah masalah ini diberi perhatian untuk kita mencari penyelesaian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Saya setuju dengan Y.B. Seri Delima kerana memang Kerajaan Persekutuan juga perlu memainkan peranannya dari segi penyelenggaraan dan baru-baru ini mereka telah mengumumkan tentang satu tabung 50-50, 50% ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dan juga 50% ditanggung oleh pihak penduduk atau dan saya rasa kita boleh menggunakan *channel* itu untuk mendapatkan dana untuk penyelenggaraan sekiranya terdapat keperluan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah kut, banyak dah perumahan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Soalan tambahan pendek saja, berkenaan satu isu yang dibangkitkan oleh rakan saya, *short* soalan...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Saya bagi peluang dah banyak kali bangun.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tadi rakan saya ada nyatakan berkenaan salah satu cara untuk menangani isu kos rumah yang naik dengan begitu mendadak di Pulau Pinang adalah untuk meningkatkan CAP kepada warga asing yang telah dibuat sebanyak 2 kali iaitu 1 kali pada tahun 2010 dan 1 kali pada tahun ini di mana CAP itu sudah naik tadi dinyatakan sebanyak 500 ribu untuk flat atau naik ke 1 juta untuk flat dan 2 juta *landed property* dan sekarang saya berpendapat ini adalah satu perkara yang baik untuk cuba kontrol kos perumahan yang mendadak dengan begitu tinggi tetapi saya ada kekhuatiran yang Y.B. Dato' Speaker, kerana ini mungkin kita mesti *balance* atau pun berhati-hati dengan kenaikan CAP ini di mana kemungkinan ini akan warga asing tidak akan lihat di Pulau Pinang akan datang ke sini buat pelaburan dari segi membeli rumah dan sebagainya dan ini bukan saja akan menakutkan mereka nombor satu, tetapi sekiranya mereka kurang datang ke Pulau Pinang, ekonomi Pulau Pinang juga mungkin akan terjejas kerana saya percaya kerana mungkin mereka adalah satu golongan yang *definitely contribute economy.*... (gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan terus.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Ini jelas saya khuatir apakah pandangan daripada Y.B. EXCO yang berkenaan tentang kenaikan CAP ini dan sama ada ia akan ada satu kesan kepada kejayaan Pulau Pinang yang telah menjadi *eight liveable city in a easier i believe, we have to balances here* Y.B. Dato' Speaker *that is my worry* tadi dalam ucpan tourist EXCO kita *eight liveable city,* walhal sekarang dalam ucapan EXCO lagi satu kita akan naikkan CAP ini apakah kita ada ambil perhatian tentang isu ini itu soalan saya Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Y.B. Datok Keramat. Tentang Polisi harga minimum, untuk hak tanah warga asing kita bercadang untuk menguatkuasakan pada 01 Julai 2012 dan mengikut statistik transaksi warga asing ini hanya kurang daripada 13% daripada jumlah transaksi hak tanah. Oleh itu, ia akan hanya satu golongan yang kecil dan memandangkan bahawa *foreign currency* yang tinggi yang sangat kuat dan saya rasa dia hanya mengehadkan untuk mereka yang betul-betul berminat untuk melabur di Pulau Pinang iaitu 1 juta untuk semua *property* di Pulau Pinang dan juga 2 juta untuk *landed property* di bahagian pulau dan melalui Polisi sedemikian kita harap mereka tidak *compete*, tidak bersaing dengan orang tempatan untuk kategori hak tanah yang lain.

Memandangkan *currency* yang kuat mereka boleh sekiranya ingin betul-betul membuat pelaburan dan duduk di Pulau Pinang mereka boleh memilih harga hartanah yang lebih dibawah had yang saya sebutkan tadi dan saya rasa memandangkan tarikan Pulau Pinang sebagai UNESCO Heritage Site dan juga mereka juga dari segi ECA Report menduduki tangga ke 8 *most liveable city* dalam Asia. Saya rasa kedatangan warga asing ke Pulau Pinang dari segi hartanah juga akan tinggi berbanding sebelum ini dan kita harap tujuan kita ialah untuk melindungi orang tempatan supaya mereka tidak bersaing dengan orang asing dari segi peroleh hak tanah dan mereka boleh peroleh hak dengan yang lebih tinggi itulah tujuan asal Polisi kita dan saya rasa dengan semua tarikan Pulau Pinang kita akan terus melihat ramai pelancong sama ada datang untuk melancong ke Pulau Pinang atau pun warga asing yang juga turut menyertai MMUH program kita. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya soalan Y.B. Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya nombor 13.

13. Apakah kedudukan Kampung Tradisional Melayu?

(a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merancang sosio-ekonomi penduduk bagi mengekalkan penempatan mereka?

(b) Perlukah ditubuhkan sebuah Badan Kewangan bagi melindungi penjualan tanah-tanah khususnya di kawasan penempatan tersebut, kemudian dibangunkan kampung tersebut sebagai Kampung Tradisional Melayu yang sempurna?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih Y.B. Sungai Bakap, soalan nombor 13 berkaitan dengan kedudukan Kampung Tradisional Melayu. Y.B. Dato' Speaker, Rancangan Serata Negeri Pulau Pinang atau RSCANPP2020 telah menggariskan beberapa dasar untuk mengekalkan kawasan perkampungan sedia ada sebagai kampung tradisional, di antara langkah yang diambil untuk mengekalkan perkampungan tersebut adalah dengan mengekalkan dan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam dari semasa ke semasa. Di samping itu juga disarankan juga usaha-usaha dan program-program dan naik taraf jalan, pengindahan dan landskap perlu mengekalkan ciri-ciri tradisi dan budaya setempat kampung itu dilaksanakan secara berterusan.

Penyediaan garis panduan bagi kemajuan dan penyusunan semula kampung-kampung tradisional akan diberikan keutamaan bagi membolehkan pengeluaran hak milik berasingan tertakluk kepada pematuhan undang-undang tanah dan juga rancangan. Dalam usaha mengekalkan kampung-kampung tradisional ini, pewartaan sempadan kampung tersebut di dalam dokumen rancangan tempatan perlu dilakukan terlebih dahulu dan usaha-usaha sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti sempadan setiap kampung akan diwartakan sebagai kampung tradisional.

Dalam usaha meningkatkan lagi sosioekonomi bagi penempatan mereka, pengemblengan sumber sedia ada disetiap kampung perlu dipertingkatkan seperti mempergiatkan pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS), pembangunan industri pertanian dan menggalakkan industri penternakan di kampung-kampung yang telah dikenal pasti sebagai kampung tradisional.

Bahagian kedua soalan, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menghalang atau pun melindungi mana-mana tuan milik tanah yang sah daripada menjualkan tanah mereka dan semua tuan punya tanah berhak menjualkan tanah mereka dan penubuhan badan kewangan yang memerlukan sumber kewangan yang tinggi yang hanya dapat dibiayai oleh Kerajaan Pusat, terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Terima kasih, dia kalau kampung tradisional, kalau kita tak mahu perkara-perkara seperti tersebut kerana soalan ini dia kena termasuk dalam satu *local plan* dan *local plan* yang ada sekarang ini dah lupus dia *last* guna pakai tahun 2010 jadi, *plan* ada tapi seperti yang disebutkan Y.B. Timbalan Ketua Menteri I tadi tunggu wartakan *local plan* tapi soalan saya ini bila kalau ada dalam *local plan* dalam kampung-kampung tradisional kalau pun tuan tanah punya hak individual dia nak bina tak boleh bina kena MPPP atau MPSP mengikut kelulusan dari segi *local plan* soalan saya bila kita nak wartakan *local plan* dah lupus 2 tahun dah bila tu?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya ingat kita dalam penggulunggan nanti kita bagi lebih spesifik soalan itu dia lebih saya ingat ini apa EXCO Kerajaan Tempatan akan ada jawapan dia yang lebih tentang *local plan* itu tetapi dalam penggulunggan saya akan, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Saya juga nak tau mungkin dalam penggulunggan nanti, saya nak tau tadi Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1 menyebut akan buat, akan diberi keutamaan perlu buat dan sebagainya dah 4 tahun dah tak jadi, saya tak mau akan buat, apakah yang telah dibuat dalam menjaga kampung-kampung tradisi ini dalam bentuk sosioekonomi ini dah 4 tahun dah saya nak tau apa yang telah dibuat dan berapakah keuntungan diberikan kepada orang kampung itu untuk meningkatkan sosioekonomi mereka.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, sepanjang 2, 3 tahun ini kita macam *fire fighting* cuba menyelesaikan masalah-masalah yang ditinggalkan oleh Kerajaan dulu di kawasan-kawasan di kampung ini...(gangguan), jadi dengarlah saya nak jawab, dengar saya nak jawab ni, sebab Y.B. Pulau Betong tanya sangat, tadi soalan tentang penempatan semula di kampung Balik Pulau khususnya, satu contohnya di Jalan Baru Kampung Balik Pulau yang dimajukan oeh pemaju PLP ini kes dulu, kes Kerajaan dulu, itu pun kampung tradisional, jadi apa yang kita buat, kita buat ialah, kita panggil pemaju, kita bincang dengan dia supaya wujud satu *win win situation, so* penduduk tidak dipindahkan dengan begitu sahaja penduduk akan mendapat imbuhan yang sepatutnya, itu yang berlaku. Satu di Kampung Jalan Baharu dan di Kampong Telok Kumbar

macam itu juga di Balik Pulau di Binjai juga macam itu juga semua kes-kes yang dahulu ini yang saya nak sebut ni ini semua kes-kes yang dahulu yang dijual dahulu semasa kita belum ambil kerajaan, ini lagi okey, itu yang kita kira di Pulau.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Yang Berhormat Dato' Speaker di Telok Kumbar saya *hands-on every details* saya *hands-on, you hands-on* Telok Kumbar dekat mana ...(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Duduk, duduk, bagi saya cakap dahulu itu okey kemudian di Seberang Perai umpamanya di Seberang Perai di Kampong Bagan Serai di Seberang Jaya, ini yang masa PERDA dengan JKP yang di Telok Kumbar yang di KL METRO, belakang *market* Telok Kumbar ...(gangguan) duduk-duduk Yang Berhormat tanya saya bagilah saya cerita dahulu ….(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Sebarang Jaya di mana pula.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Bagan Serai.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Yang Berhormat dah pi tengok ke kawasan itu, macam manalah jadi Timbalan Ketua Menteri.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Duduk dulu, duduk dulu, bagilah saya cerita dahulu sekejap lagi yang berhormat jawablah.

Y.B. Dato' Speaker:

Dengar dulu, ini jawapan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Ini semua kes-kes dahulu yang saya sebut yang kita kena tangani sekarang ini yang melibatkan pemindahan dan juga penstrukturan semula

semua kampung-kampung yang terlibat ini.....(gangguan), kalau nak jawab nanti saya gariskan satu-satu iaitu saya katakan dalam penggulungan, tetapi oleh kerana Yang Berhormat Pulau Betong bangkitkan isu ini dengan secara mendadak okey itu yang berlaku juga di Telok Kumbar jadi kita panggil pemaju, kita bincang, pemaju setengahnya dia angkuh, angkuh sebab apa? Sebab dia tahu dibelakang dia ada *warlord* dia tahu *warlord* ni daripada mana? Saya tak mahu sebutlah okey!. Bila kita panggil dia dengan angkuh kata *this is our land*, ...(dengan izin), Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita ada hak untuk jual dan ada hak untuk halau sesiapa pun. .....(gangguan), tak habis lagi, nantilah *no wait, you want an explanation, I give you the explanation* Yang Berhormat Telok Kumbar ni. *So* dia kata okey dan kita kata *alright* betul tanah tuan, tapi tuan boleh pindah boleh halau orang ikut arahan mahkamah, tapi kita Kerajaan Negeri juga ada hak untuk sama ada memberi kelulusan untuk bangun tanah itu, jadi kita wujudkan satu *win-win situation*s kata. Apa salahnya macam kes Telok Kumbar itu ada 4-5 buah rumah sahaja kita ada projek yang besar di situ apa salahnya kalau *settle* kepada penduduk sebab itu satu contoh .....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

okey saya hendak sambung.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Tak payah nak *explain* .....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Sat, sat saja.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Tak usah berkelahilah Bayan Lepas dengan Pulau Betong tak usah berkelahilah .....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat, saya tak mahu penjelasan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Bukan penjelasan, soalan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Itu dah *explain* nanti kita dengar Pulau Betong pula .....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Pulau Betong.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. Dato' Speaker pasal ini satu pembohongan, saya nak cerita sikit. Saya nak cerita .....(gangguan), bagi saya cerita sikit .....(gangguan), soalan tambahan, soalan yang itu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ini tukarlah dengan Yang Berhormat Batu Maung. Yang ni sampai sejarah pun tak tahu. .....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Apa soalan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Kita baharu *election* 2008 bulan berapa? Ni biar orang belakang dengar *election*, bulan Mac. Okey Ceti itu jual, tanah itu Ceti tahu Ceti itu jual tanah itu dekat METRO 24 Oktober 2008 zaman siapa? Y.A.B. Ketua Menteri lancarkan projek hotel di situ tahun 2009 zaman siapa? di KL Yang Berhormat? *I saw in the news paper* ada *brochure* keluar semua, *yes* METRO buat hotel maju Dubai *style* ada *s*ayap, yang ini, semua cakap pembohong .....(gangguan), dia jual tahun 2004 bulan sepuluh, saya tak ada .....(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Soalan pokok Yang Berhormat Dato' Speaker .....(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Dia jual 2004 punya tanah. Y.A.B. Ketua Menteri kalau boh, memang tak layaklah.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, soalan pokok...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Bayan Lepas sudahlah, duduk, duduklah.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, soalan pokok ialah apakah langkah-langkah yang diambil untuk tangani kampung-kampung tradisional ini. Itu soalan pokok, kemudian dalam jawapan kita, kita jawab sebab ini dia langkah-langkah yang kita buat dan kita juga sebut beberapa kes ini adalah kes-kes peninggalan di zaman dahulu itu yang kita sebut .....(gangguan), tidak, dengarlah yang pentingnya ada penempatan di situ .....(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Itu tanah Ceti.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Dengar, yang pentingnya ada penempatan di situ.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Ini kena perbetulkan Kampung Bagan Serai, Y.B. Penanti....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Cukup...(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Bulan Mac tahun 2008.....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah, Yang Berhormat Penanti dah jawab Bayan Lepas duduklah-duduklah. Bayan Lepas duduk, nanti nak gulung nak bahas Yang Berhormat Bayan Lepas boleh.

Ahli Kawasan Penaga(Y.B. Dato Haji Azhar bin Ibrahim):

Soalan tambahan .....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah Bayan Lepas, sudahlah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Daripada tadi tidak bercakap apa pun cuma melihat keadaan, tapi bila disentuh Bagan Serai saya rasa Yang Berhormat Penanti tidak tahu apa mengenai Bagan Serai ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Y.B. Penanti, kena tarik balik tu, tak betul tu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Dia kata Bagan Serai tinggal, menunjukkan Yang Berhormat Penanti tidak tahu menahu langsung, kata PERDA dengan JKP. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kes itu telah dijanji untuk dibangunkan oleh JKP melalui pengambilan tanah PERDA. PERDA telah membuat tetapi telah masuk ke mahkamah tuntutan semuanya, sekarang mahkamah sudah pun selesai dalam hal itu, sekarang ini sedang akan untuk dibuat pelan akan dihantar kepada MPSP, saya harap MPSP jangan lengah-lengahkan itu Bagan Serai bukan di tinggal-tinggalkan .....(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Ini *floor* saya, nanti saya jawab, Bagan Serai. Ini saya jawab kedua-dua itu. Tentang Penaga dan Seberang jaya, baik dua (2) minggu lepas saja, penduduk-penduduk Bagan Serai datang mari jumpa dengan, saya bawa satu memorandum yang mereka telah diberi arahan kepada mahkamah supaya mereka kosongkan tempat itu. Itu satu, kemudian saya panggil JKP dan juga untuk bincang perkara ini, itu yang kita panggil JKP dan dalam penerangan kita itu dalam penyelesaian kita itu kita cuba cari jalan dan kita akan cuba akan tangani kes ini, ada berapa ratus buah rumah di situ yang terlibat *right* dan betul seperti Yang Berhormat Penaga sebut tadi, asalnya memang tanah PERDA tapi PERDA bagi jual kepada JKP .....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Bukan asal tanah PERDA, itu tanah setinggan....., jangan buat silap... (gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

PERDA beli daripada tuan tanah asal, PERDA beli, sekarang ini PERDA bagi kepada JKP untuk bangunkan kawasan itu Yang Berhormat Seberang Jaya. Itu dia bukan tanah setinggan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Berhormat saya hendak betulkan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Its not a setinggan *land*. Itu tanah hak milik PERDA beli dan sekarang PERDA jual kepada JKP untuk .....(gangguan), bukan jual!, PERDA minta JKP bangunkan tanah PERDA .....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Dengar, dengar dulu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang berhormat, tak betul *statement* itu kata PERDA jual kepada JKP.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

PERDA minta JKP bangunkan tanah itu .....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Okey...satu lagi, tadi dia kata jual okeylah, telah salah terbukti tapi tak mahu tarik balik pun tak apa kerana masyarakat semua tahu bahawa PERDA tak jual kepada JKP, tak betul,.....(gangguan), tadi Yang Berhormat kata ..... (gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Biar Penanti habiskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

PERDA minta JKP bangunkan tanah itu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tadi ada sebut jual.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Dengar dulu, saya hendak betulkan ini....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Dengar bagi habis.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Ini saya hendak betulkan itu.

Y.B. Dato' Speaker:

Kadang-kadang cakap Yang Berhormat, dengar dulu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Okey satu lagi, tadi dia kata jual okeylah, salah ke atau betul, ya... (gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Tak payah tarik balik.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tak apa, tak tarik pun tak apa, tapi masyarakat semua tahu bahawa PERDA tak jual pada JPK.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

PERDA minta JKP bangunkan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta bangunkan, tadi *you* kata...(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

No.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Berhormat cakap...(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Baru dua (2) minggu lepas, saya bincang dengan JKP....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang kedua...(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya bawa dalam Dewan ini....(gangguan)

Y.B. Dato' Speaker:

Penaga duduk.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Memorandum yang dibawa oleh penduduk-penduduk yang *complaint* tentang masalah itu okey, kita boleh bincang, kita boleh bagi satu kronologi dalam penggulungan nanti, kita boleh bagi satu kronologi asal usul tanah itu, boleh?

Ahli Kawasan Penaga(Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Okey.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya saya hendak teruskan soalan....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sikit sahaja...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Ketua Pembangkang....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Biar kita tahu bahawa yang tanah-tanah itu telah membuat rundingan dan penduduk-penduduk telah bersetuju untuk mendapat *compensation* dan sebagainya. Hari ini dia bercakap .....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Tak mengapa Yang Berhormat Penaga boleh sambung lagi.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau tak tahu apa, jangan cakap.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya nak teruskan, soalan yang seterusnya Yang Berhormat Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Yang Berhormat Dato' Speaker soalan saya bernombor 14.

14. Apakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkaitan gaji minimum? Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan gaji minimum RM1,100.00 dalam agensi dan syarikat Kerajaan Negeri?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Okey Yang Berhormat Dato' Speaker saya akan menjawab soalan yang bernombor 14. pada dasarnya Kerajaan Negeri menyokong perlaksanaan gaji minimum sebagai salah satu usaha untuk mengatasi masalah segolongan besar rakyat daripada terbelenggu dengan masalah kemiskinan walaupun kita faham bahawa Kerajaan Negeri ini tidak ada apa-apa *authority* tentang perlaksanaan gaji minimum. Ini adalah bidang kuasa Keraja Negeri Pusat.

Kerajaan Negeri juga menyokong dasar yang menetapkan gaji minimum sebanyak RM1,100.00 termasuklah elaun-elaun dan kola. Baharu-baharu ini Perdana Menteri telah membuat pengumuman tentang gaji minimum RM900.00 untuk semenanjung Malaysia dan RM800.00 untuk Sabah dan Sarawak. Saya pun tidak faham apakah perbezaan ini dan saya rasa reaksi adalah pelbagai reaksi, ada juga yang tidak menerima gaji minimum ini yang sudah diumumkan oleh Perdana Menteri.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah pun jauh melebihi had minimum RM1,100.00 dengan semua anggota pentadbiran Kerajaan Negeri, MPPP, MPSP dan semua agensi dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri menikmati gaji dan elaun melebihi RM1,100.00 setiap bulan. Sementara itu Kerajaan Negeri sentiasa menasihati pihak swasta agar mempertimbangkan gaji sewajarnya kepada golongan pekerja berdasarkan pengalaman dan kelayakan. Selain itu Kerajaan Negeri juga sentiasa berbincang dengan majikan supaya pekerja diberikan insentif.

Sebagai tambahan gaji minimum secara sendirian tidak akan menaik taraf mutu kehidupan atau memangkin pertumbuhan ekonomi malah boleh mengakibatkan inflasi kalau kenaikan ini tidak dihubung dengan produktiviti supaya kesejahteraan ekonomi dan penigkatan mutu kehidupan berlaku gaji minimum RM1,100.00 adalah diiringi oleh 3 langkah iaitu Reformasi Struktur Ekonomi yang lebih giat, mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih produktif dan meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Malaysia memerlukan reformasi struktur ekonomi untuk menjadikan kita lebih berdaya saing telus dan cekap dan serta mengurangkan ketirisan akibat pembaziran dan rasuah. Reformasi struktur ekonomi seperti tender terbuka, pendedahan penuh kontrak dan pengisytiharan harta para Menteri serta sistem yang berpandukan kebolehan hendaklah dilaksanakan.

Kewujudan peluang yang lebih produktif bergantung kepada kecekapan sistem pentadbiran, pendidikan kita dan kebudayaan untuk membina modal insan. Sindrom penafian oleh Kementerian Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa sistem pendidikan di Malaysia berada dalam krisis hanya boleh diatasi dengan keangkuhan yang tidak bertempat oleh sistem pendidikan kita adalah lebih baik berbanding dengan negara Jerman, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Selagi kita tidak menyuntik prinsip-prinsip merit dan kebolehan ke dalam sistem pendidikan besar risiko Malaysia akan jauh ketinggalan oleh negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Vietnam. Meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja boleh digalakan dengan gaji minimum namun demikian penyertaan wanita yang lebih luas dan mendalam hanya boleh dicapai apabila tidak ada diskriminasi *gende*r dalam gaji dan peluang kenaikan pangkat. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Pantai Jerejak

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Saya Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 2009 Pakatan Rakyat telah membentangkan cadangan gaji minimum RM1,100.00 dalam Buku Jingga. Jadi pada pendapat Yang Berhormat Kawasan Perai adakah Barisan Nasional meniru Polisi Pakatan Rakyat, soalan nombor satu.

Soalan nombor dua adalah Pulau Pinang adalah Negeri yang maju, dengan kos sara hidup yang lebih tinggi, produktiviti Negeri Pulau Pinang adalah lebih tinggi daripada mana-mana mungkin setaraf dengan Selangor dan Lembah Kelang (Klang Valley), tetapi kita lebih tinggi daripada mana-mana di Malaysia. Adakah Kerajaan Persekutuan yang menetapkan gaji minimum RM900.00 itu satu penghinaan kepada rakyat Pulau Pinang, sebab kita mempunyai produktiviti yang lebih tinggi dan di Negeri-Negeri lain dan negara-negara maju semua gaji minimum ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bukan Kerajaan Pusat, sebab setiap kawasan setiap Negeri adalah lain daripada Negeri yang lain, jadi kita nak tanya bolehkah Kerajaan Negeri dapatkan kuasa ini daripada Kerajaan Pusat supaya kita menentukan gaji minimum mengikut keadaan Negeri dan kita nak tanya juga, kalau kita dihisap, saya difahamkan kalau di negara Thailand, Thailand pun dia punya Gaji minimum adalah RM1,000.00 kalau *conversion.* Adakah pekerja-pekerja di Malaysia ditindas oleh UMNO Barisan Nasional, Terima Kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Pantai Jerejak. Gaji minimum ini adalah satu pekara yang telah dibincangkan dalam Pakatan Rakyat, kemudian kita keluarkan dengan apa yang kita anggapkan sebagai satu struktur gaji yang boleh diterima iaitu RM1,100.00, tetapi baharu-baharu ini Kerajaan Pusat pun saya rasa, mungkin dalam situasi terdesak dan pengumuman gaji minimum pada semalam iaitu Hari Buruh ini adalah satu percubaan untuk buat satu pengumuman sebelum pilihan raya, sama ada Kerajaan Pusat ini meniru atau tidak saya rasa terpulang kepada kita .....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Bila pilihan raya? Tahun depan bulan Mac mungkin. Lambat lagi.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Tak apa, biar saya habiskan, Jadi, sebab peniruan ini saya rasa, mungkin satu yang telah dibincangkan dan saya rasa adalah ciri-cirinya. Kemudian isu gaji minimum, isu *authority this,* saya rasa setakat ini kita tak ada kuasa untuk menuntut gaji minimum mungkin kita boleh galakan sahaja secara tidak langsung kepada majikan dan sebagainya jadi kita tidak ada kuasa saya habiskan .....(gangguan), kita tidak boleh menentukan dan saya rasa gaji minimum yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri merupakan sesuatu yang tidak memuaskan daripada pandangan saya. Sebab isu gaji minimum ini telah dibincangkan dalam dua dekat dan MTUC merupakan satu badan yang telah memberi beberapa cadangan tentang gaji minimum tetapi sekarang kita buat gaji minimum dan saya rasa RM900.00 untuk Semenanjung dan RM800.00 untuk Sabah dan Sarawak, saya rasa tidak memuaskan pada pandangan saya dan juga pandangan mereka yang terlibat dalam program-program buruh dan pekerja. Jadi untuk menjawab soalan tadi ialah kita tidak ada *authority* dan saya rasa kita mesti mau pergi Putrajaya lah sebelum Kerajaan Pakatan Rakyat boleh melaksanakan gaji minimum.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Pulau Betong, saya bagi kepada Yang Berhormat Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Saya rasa Yang Berhormat Pantai Jerejak mencadangkan RM1,100.00 mungkin apabila yang amat berhormat Ketua menteri pergi keluar negara pergi berbincang dengan *investor* eloklah diberitahu kepada mereka tentang syaratnya gaji minimum di Pulau Pinang kalau boleh RM1,100.00 dan ini akan memberi peluang kepada orang-orang kampung dan pekerja untuk mendapat gaji yang lebih. Mungkin Yang Amat Berhormat Ketua Menteri boleh mencuba yang itu. Soalan saya sebagai pengiktirafan kepada hari pekerja. Apakah bentuk program yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi pengiktirafan kepada mereka semalam? Apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk

mengiktiraf pekerja yang ada di Pulau Pinang ini sempena sambutan hari pekerja. Apakah program yang telah dibuat sempena Hari Pekerja semalam di Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Untuk Hari Buruh, dalam 4 tahun ini melalui UPEN dan melalui Penang Institute kita telah mengadakan beberapa seminar dan bengkel.....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Semalam program oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Semalam pukul 9 pagi, kita mengadakan satu program Hari Pekerja di Perai sama pelbagai pekerja di pelbagai sektor lah. Kita buat di Perai semalam untuk menghargai Hari Buruh, sebab bulan Mei merupakan hari satu tarikh yang istimewa kepada golongan pekerja cuti umum yang kita dapat di Malaysia dan beberapa buah negara di seluruh dunia adalah untuk mengiktiraf sumbangan pekerja kepada negara. Penduduk kita adalah 28 milion dan sebilangan besar adalah pekerja dan khususnya pekerja manual dan sebagainya jadi kita mengambil Hari Buruh sebagai satu hari istimewa di mana Kerajaan Negeri, Kerajaan Pakatan Rakyat mengiktiraf sumbangan buruh kepada pembangunan ekonomi di negara ini. Kita ada buat program di Perai semalam.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Soalan tambahan merujuk gaji minimum tadi, untuk tidak mengelirukan saya minta Yang Berhormat Perai memberi penjelasan tambahan, bahawa tadi ada membuat kenyataan RM1,100.00 yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri adalah termasuk elaun-elaun dan lain-lain dan untuk makluman kola dan lain-lain. Elaun, *gross total base*, makna total lah. Jadi di sini penetapan Gaji minimum oleh perdana menteri kelmarin adalah gaji asas yakni gaji pokok jadi itu bermakna tidak masuk kola dan lain-lain jadi kalau masuk tu ia mungkin lebih jadi kita minta dijelaskan supaya Rakyat Pulau Pinang tidak keliru.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya rasa rakyat Negeri Pulau Pinang tidak keliru kecualilah ada yang mengelirukan mereka. Gaji minimum yang ditetapkan kita sebenarnya mengalu-alukan gaji minimum pertama kali satu sejarah di mana kerajaan kerajaan pusat ini mengumumkan gaji minimum sebelum itu kita tidak ada gaji

minimum. Tetapi gaji minimum yang telah diumumkan saya rasa tidak memuaskan sebab amaun dia RM900.00 untuk Semenanjung dan RM800.00 untuk Sabah dan Sarawak. Saya pun tidak faham untuk Sabah dan Sarawak, kos sara hidupnya sangat tinggi kalau kita banding dengan Semenanjung Malaysia. Saya tidak tahu apa pengiraannya bagaimana gaji minimum ditentukan tapi termasuk dalam gaji minimum iaitu dari Kerajaan Pusat adalah elaun dan sebagainya saya pun belum buat kajian terperinci berkenaan itu tapi saya rasa itu tidak lah cukup, tidak memuaskan, tidak boleh diterima bukan saya yang katakan, kesatuan sekerja yang katakan itu ada juga kesatuan-kesatuan dalam MTUC mengatakan itu dan kita pegang pada gaji minimum RM1,100.00 sepertimana yang telah dipersetujui oleh komponen-komponen Parti Pakatan Rakyat dan kita minta Kerajaan Pusat ini menimbang dan memikirkan gaji minimum dan pelaksanaan gaji minimum bila akan dilaksanakan itu pun tidak tahu mungkin disebutkan 6 bulan, mungkin 1 tahun saya pun tidak tahu. *So* jadi tidak apa untuk mengelirukan rakyat Pulau Pinang apa yang rakyat di Pulau Pinang terima mungkin lebih daripada RM900.00, jauh lebih daripada RM900.00, *so* gaji minimum untuk Pulau Pinang mungkin relevan atau tidak relevan.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan akhir, habis dah, habis. Kita ada 5 minit lagi soalan akhir sebelum kita berhenti rehat.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh bin Man):

Yang Berhormat Dato' Speaker soalan saya bernombor 15.

15. (a) Apakah peranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu golongan pesawah bagi meningkatkan mutu pengeluaran padi di Negeri Pulau Pinang?

(b) Apakah pendekatan yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan pengeluaran hasil padi dapat ditingkatkan kepada 10 tan per hektar?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pasir, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker untuk mengizinkan saya menjawab soalan yang ke 15 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Permatang Pasir. Kerajaan Negeri sentiasa mendukung dasar-dasar pertanian yang dilaksanakan pada peringkat kebangsaan seperti Dasar Agro-Makanan Negara (DAN) untuk tahun 2011 sehingga 2012 dan telah dilancarkan pada tahun 2011 dan seterusnya pada peringkat Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri sentiasa konsisten dengan komitmen yang telah digariskan dalam dasar-dasar yang telah diubah bagi membangunkan Negeri seperti Rancangan struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) yang menyatakan dengan jelasnya di bawah dasar sektor ke 21 (DS 21) bahawa pengeluaran sub sektor makanan akan dipertingkatkan selaras pasaran untuk mengurangkan import makanan bagi membantu golongan pesawah meningkatkan mutu pengeluaran padi di Pulau Pinang dan hasil pengeluaran padi dapat ditingkatkan kepada 4.5 tan kepada 10 tan menjelang tahun 2020. Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi dibawahnya telah merangkakan pelan tindakan yang akan mengambil 7 pendekatan seperti berikut:

(a) Mewartakan kawasan tali air,

(i) Kawasan tali air telah diwartakan dalam usaha mengekalkan kawasan utama tanaman padi.

(b) Membangunkan kawasan jelapang padi,

(i) Penanaman padi akan ditumpukan di kawasan jelapang padi.

(ii) Kawasan luar jelapang yang mempunyai sistem pengairan yang boleh ditingkatkan atau memang untuk pengeluaran dua kali setahun akan dikekalkan.

(iii) Semua kawasan jelapang akan dizonkan sebagai zon kekal pengeluaran padi seperti yang dicadangkan dalam Rancangan Fizikal Negara 2010 (RFN).

(c) Menjalankan program pengembangan dengan tumpuan utama diberikan kepada:

(i) Meningkatkan kualiti pengurusan sawah padi yang bebas daripada padi angin;

(ii) menggalakkan para petani menggunakan benih bermutu yang disahkan;

(iii) melaksanakan program pengawalan bersepadu kawalan siput kondang dan tikus;

(iv) mengadakan program seperti kursus dan latihan *hands-on;*

(v) merancang dan mengaturkan lawatan dan bimbingan pegawai pengembangan secara berkala ke petak sawah petani dan petani ke projek-projek contoh dalam dan luar Negeri

(vi) menyediakan petak-petak demonstrasi di sawah petani sebagai *farmer field school* kepada petani dipersekitaran langkah yang keempat mengukuhkan pengurusan projek berkelompok bagi membolehkan pengurusan sawah dilaksanakan berkonsep mini estet.

(d) Mengukuhkan pengurusan Projek Berkelompok bagi membolehkan pengurusan sawah dilaksanakan berkonsepkan mini estet melalui :-

(i) Memberi latihan dari segi pengurusan projek dan pengurusan akaun kepada ketua dan ahli jawatankuasa kelompok.

(ii) Mengadakan program gotong-royong bagi meningkatkan semangat kerjasama dan rasa kebertanggungjawaban di kalangan petani.

(e) Meningkatkan kecekapan penggunaan mesin dan teknologi bagi mempertingkatkan kecekapan pengurusan tanaman.

(f) Meningkatkan keberkesanan pengurusan air melalui projek seperti :-

(i) Menaik taraf infrastruktur pengairan.

(ii) Penubuhan Kumpulan Pengguna Air.

(g) Pertanian Lestari

(i) Sebagai langkah awal kepada Pertanian Lestari, Pusat Kecemerlangan Padi Organik telah diwujudkan. Langkah ini bagi mengurangkan kebergantungan kepada input pertanian dari bahan kimia yang semakin meningkat setiap tahun dan memenuhi kesedaran perlunya menjaga kesihatan di kalangan rakyat Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya rasa masa dah suntuk .....(gangguan), cukuplah.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Dato Mahmud Bin Zakaria):

Soalan tambahan Dato', ini kawasan bendang Dato' membela rakyat.

Y.B. Dato' Speaker:

Kita dah cukup. Kalau saya hendak bagipun kita ada cuma dua (2) minit.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya cuma ingin mendapatkan penjelasan.

Y.B. Dato' Speaker:

Kepada Ahli Kawasan Permatang Pasir, boleh masa gulung nanti, sekarang Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man):

Yang Berhormat Dato' Speaker, Terima kasih.atas penjelasan yang telah pun diberikan tadi. Cuma ada kebimbangan oleh kerana kawasan yang kita anggap satu kawasan pertanian, jelapang padi yang sedikit saya rasa ada kebimbangan mutakhir ini berlaku dikawasan pertanian, khususnya kawasan padi ini telah dibangunkan dengan perumahan dan juga bangunan-bangunan yang tidak perlu didirikan, cuma yang saya rasa begitu tidak puas hati, dengan sebab kita sudah peringkat awal bahawa kawasan pertanian dijadikan kawasan jelapang padi di Pulau Pinang ini, tetapi dengan adanya bangunan-bangunan perumahan mengakibatkan kebimbangan dari segi penambahan hasil padi itu mungkin akan turun, mungkin masa akan datang akan ada pengurangan. Saya mengharapkan juga bahawa khususnya dibahagian penguatkuasa supaya diadakan beberapa tindakan-tindakan susulan, kerana kita rasa cukup kebimbangan pendapatan hasil padi mungkin akan berkurangan di sini dan berlaku bukan kata sekarang dari 80-an lagi, bila saya difahamkan apabila tanah pertanian diubah sebagai tanah untuk dibangunkan akan mengakibatkan hasil pengeluaran padi akan terjejas saya minta bahagian penguat kuasa akan memberi perhatian. Sekian

Y.B. Dato' Speaker:

Ada soalan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ada soalan sikit.

Y.B. Dato' Speaker:

Kita mula tadi 9:45 *so* masa. Ahli-ahli Yang Berhormat masa 3 jam untuk soalan lisan telah pun tamat dan bagi soalan-soalan yang tidak sempat dijawab diminta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri jawapannya secara bertulis kepada ahli yang bertanya selaras dengan Sub Peraturan 26(7) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Setiausaha:

Soalan bertulis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, jawapan untuk soalan-soalan bertulis akan dibentang atas meja Ahli yang bertanya selewat-lewatnya pada hari Isnin dan akan dimasukkan Penyata Rasmi.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan disambung semula pada jam 2:15 petang ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.10 tengah hari.

JAWAPAN KEPADA SOALAN-SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Siapakah konsultan Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS)?

(b) Kenapakah kaedah yang digunapakai tidak sama atau selaras bagi Daerah SPU, SPT dan SPS?

(c) Apakah Rancangan Pembangunan Tempatan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang bagi daerah-daerah yang tersebut di atas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Perunding yang dilantik bagi menyediakan Draf Rancangan- Rancangan Tempatan tersebut adalah seperti berikut:

(i) Perunding Permai Sdn. Bhd. – Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara

(ii) Juru Rancang Sepakat Sdn. Bhd. – Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah

(iii) RnR Consultant Sdn. Bhd. – Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan

(b) Semua kaedah penyediaan Rancangan Tempatan adalah mengikut Manual Penyediaan Rancangan Tempatan yang di keluarkan oleh JPBD Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanpun, cadangan dan strategi laporan rancangan tempatan tersebut berbeza mengikut kreativiti dan idea dari perunding yang telah dilantik mengikut setiap daerah-daerah tersebut.

(c) Rancangan Tempatan bagi ketiga-tiga daerah ini tidak disediakan secara jangka pendek atau jangka sederhana sebaliknya ianya disediakan bagi jangka masa/tempoh sehingga tahun 2020 dan ia selari dengan tempoh Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila nyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang kian meruncing di seluruh negeri khasnya di Jalan Tangjong Tokong, Jalan Burmah, Jalan Kelawai, Jalan Gurney dan di sekitar Pulau Tikus dan seterusnya hingga ke Jelutong di bahagian Pulau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri sedang menjalankan Kajian Pelan Induk Pengangkutan untuk perancangan pengangkutan yang lebih mampan, berintegrasi, menyeluruh dan teratur. Kajian ini adalah di peringkat draf akhir dan dijangka akan disiapkan pada bulan Mei 2012 dan tindakan-tindakan akan diambil selaras dengan perakuan kajian.

Sementara itu, usaha telah diambil untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dengan melaksanakan projek-projek pelebaran jalan dan persimpangan, menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam, melaksanakan sistem jalan sehala, menyelaras lampu isyarat, mengadakan larangan atau sekatan serta mengambil tindakan penguatkuasaan.

Di kawasan Jalan Burma, Jalan Kelawai dan di sekitar Pulau Tikus, sistem jalan sehala telah dirancang termasuk pelebaran persimpangan-persimpangan tertentu. Beberapa jalan perantaraan di kawasan terlibat telah dijadikan jalan sehala dan tindakan lanjut akan diambil untuk melengkapkan sistem jalan sehala ini. Di samping itu, persimpangan Jalan Burma/Jalan Gottlieb/Jalan Mount Erskine/Jalan Bagan Jermal sedang dinaik taraf bagi menambah baik aliran lalu lintas. Di persimpangan Jalan Kelawai / Jalan Cantonment, kotak kawalan telah dinaik taraf untuk kawalan lalu lintas yang lebih berkesan. Sebahagian besar petak letak kereta di Jalan Cantonment juga telah dikeluarkan untuk menambah ruang jalan untuk pergerakan lalu lintas dan mengurangkan gangguan.

Di Jalan Tanjung Tokong, lampu isyarat telah diselaraskan dan beberapa persimpangan telah dilebarkan. Larangan membelok kanan telah dikuatkuasakan di beberapa persimpangan berlampu isyarat untuk memberi keutamaan kepada aliran lalu lintas utama sepanjang Jalan Tanjung Tokong. Penyediaan laluan alternatif di Jalan Tanjung Tokong dan Persiaran Gurney telah disyaratkan terhadap pemaju. Pusingan ‘U’ tertentu juga telah dikeluarkan di Persiaran Gurney.

Di Jalan Jelutong, kerja-kerja pembinaan jalan sambungan Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim di antara Jalan Jelutong ke Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu akan dimulakan pada tahun 2012. Jalan Jelutong dan Jalan Perak serta jalan-jalan cabang tertentu juga akan ditukar ke jalan sehala untuk melegakan kesesakan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri ada 4 projek mega besar seperti berikut:-

(i) Pembinaan terowong dasar laut menghubungkan Persiaran Gurney dan Bagan Ajam

(ii) Pembinaan terowong dasar laut menghubungkan Persiaran Gurney dan Bagan Ajam.

(iii) Projek Lingkaran Dalaman George Town melibatkan pembinaan jalan bertingkat dan terowong bermula dari Persiaran Gurney melalui Jalan Pangkor, Jalan Kelawai, Jalan Sultan Ahmad Shah, Jalan Perai dan Jalan Sungai Pinang hingga ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu; dan

(iv) Projek Jalan Berkembar Tanjung Bunga ke Teluk Bahang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Mengikut rekod minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Barisan Nasional terdahulu, berapakah jalan alternatif yang telah dicadangkan dan dibina bagi mengelak tol Sungai Nyior dan mengapakah sehingga sekarang Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat masih tidak menunaikan janji untuk memansuhkan tol Sungai Nyior atau mengambil tindakan yang lebih jujur dan holistik dan bukan yang mengelirukan rakyat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (1) Beberapa jalan alternatif dicadang sebelum ini untuk dilaksanakan bagi mengelak penggunaan Tol Sungai Nyior di Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth atau Butterworth Outer Ring Road (BORR) tetapi ia tidak berkesan membolehkan Tol Plaza Sungai Nyior dielakkan. Suatu cadangan adalah untuk melebarkan jalan alternatif sedia ada, iaitu melalui Jalan Chain Ferry ke Jalan Sungai Nyior dan Jalan Siram ke Jalan Raja Uda untuk melicinkan lagi lalu lintas tetapi tidak dilaksanakan. Hanya selepas Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat memerintah barulah sebatang jalan alternatif percuma yang membolehkan kenderaan mengelak daripada pembayaran Tol Sungai Nyior iaitu menerusi Jalan Bagan 29 ke Jalan Siram.

(2) Sejak memegang tampuk pemerintahan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk memansuhkan kutipan Tol Sungai Nyior tetapi ditolak oleh Kerajaan Persekutuan. Seperti mana yang termaktub dalam Perkara 17, Perjanjian Konsesi antara Kerajaan Persekutuan dan pemegang konsesi, hal-hal berkaitan pemansuhan, pengurangan dan peningkatan kadar tol adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Memandangkan Kerajaan Pusat masih enggan memansuhkan tol, maka Kerajaan Negeri telah pun membina jalan alternatif percuma.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berapakah bilangan bangunan warisan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang yang wajar diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005?

(a) Apakah status bangunan tersebut jika ia tidak diwartakan dan mengapakah ianya tidak diwartakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sehingga kini, sebanyak 11 buah bangunan telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Senarai bangunan yang telah diwartakan adalah seperti di Lampiran A. Sebarang penwartaan mestilah dicadangkan oleh Jabatan Warisan Negara dan tertakluk kepada seksyen 30 Akta Warisan Negara.

SENARAI TAPAK DI BAWAH AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005
NEGERI PULAU PINANG

BIL	NAMA TAPAK	DAERAH	NO. LOT	NO. WARTA AKTA BENDAPURBA 1976	TARIKH WARTA
1	Batu Bertulis Cherok Tukon	Seberang Perai	-	No.588 (44/59)	05.02.1959
2	Kota Cornwallis	Timur Laut	30, seksyen 24	P.U(A)267 @ P.U(B)322	08.09.1977 @ 28.6.1979
3	Menara Jam Besar	Timur Laut	seksyen 24	P.U(A)221	29.07.1982
4	Bangunan Municipal (Dewan Bandaran Pulau Pinang	Timur Laut	69 & 70, seksyen 19	P.U(A)221	29.07.1982

5	Bangunan Lembaga Muzium Pulau Pinang	Timur Laut	421, seksyen 19	P.U(A)221	29.07.1982
6	Makam Sheik Omar	Timur Laut	3, Mukim 13	P.U(B)613	02.12.1982
7	Mesjid Kapitan Keling	Timur Laut	1221, seksyen 18	P.U(B)613	02.12.1982
8	Masjid Melayu Lebuh Acheh	Timur Laut	535, seksyen 22	P.U(A)154	03.05.1984
9	Gereja St. George	Timur Laut	422, seksyen 19	P.U(A)151	04.04.1996
10	Mahkamah Tinggi Pulau Pinang	Timur Laut	758, seksyen 19	P.U(A)182	21.06.2001
11	Leong San Tong Khoo Kongsi	Timur Laut	460, seksyen 21	P.U. (B)79	09.03.2009

Sumber : Jabatan Warisan Negara, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Nota: Semua tapak yang telah diwartakan di bawah Akta Benda Purba (Akta 168) secara automatis dimasukkan dibawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) apabila Akta Benda Purba dibubarkan.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berkenaan gerai perniagaan tanpa lesen:-

(a) Apakah jenis bantuan yang diberikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada pemilik gerai perniagaan yang telah dirobohkan?

(b) Adakah mereka diberi pampasan dan tapak lain sebagai ganti?

(c) Mengapa hanya pemilik kafe Do Re Mi diberi pampasan sedangkan pemilik lain tidak dapat. Jelaskan imbuhan yang diterima?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Sebelum tindakan penguatkuasaan diambil ke atas gerai tanpa lesen, pemilik akan diberikan nasihat untuk berpindah ke gerai persendirian ataupun diberikan keutamaan memilih tapak untuk meneruskan perniagaan di mana-mana tapak gerai Kompleks/Pasar/Tapak Penjaja milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut prosedur yang ditetapkan.

(b) Tiada pampasan akan diberikan kepada pemilik gerai tanpa lesen kerana gerai tersebut bukan sahaja tidak sah tetapi juga tiada lesen perniagaan yang dikeluarkan. Namundemikian, peniaga-peniaga ini akan diberi keutamaan dalam pengisian ruang niaga milik PBT sekiranya ada permohonan dan sedikit imbuhan perpindahan.

(c) Kafe Do-Re-Mi tidak menerima apa-apa wang pampas an apabila kedainya diroboh oleh PBT pada tahun 2010. Selaras dengan Kerajaan Negeri untuk memberikan tempat alternatif Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah menawarkan satu gerai di Pusat Penjaja Bayu Senja dengan sedikit imbuhan perpindahan.

Apabila beliau menolak tawaran ini maka atas bantuan ehsan imbuhan ditambah sebagai ganti untuk tidak mengambil pusat gerai di Bayu Senja. Perlu ditegaskan bahawa pengusaha Do-Re-Mi, Encik Johar Ismail telah pun menerima tawaran penyelesaian Kerajaan Negeri baru-baru ini yang telah pun ditawarkan dua (2) tahun lepas. Encik Johar menghargai keikhlasan Kerajaan Negeri dan telah pun meminta maaf kepada Kerajaan Negeri dan Y.A.B. Ketua Menteri kerana kritikannya yang telah menimbulkan publisiti negatif kepada Kerajaan Negeri. Oleh itu adalah fitnah sama sekali oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bahawa Kerajaan Negeri bersikap diskriminasi dan menganiayai golongan penjaja tertentu.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Sila nyatakan tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merealisasikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

(b) Apakah tindakan lanjut Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekiranya wujud tentangan daripada Kerajaan Persekutuan?

(c) Bagaimana Kerajaan Negeri hendak menjalankan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan tanpa kerjasama Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Pilihan Raya Kerajaan Tempatan adalah janji Kerajaan Pakatan Rakyat di dalam Pilihan Raya 2008. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah bagi merealisasikan hasrat ini ke arah mewujudkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan seperti berikut:-

(i) Forum Perundingan Kerajaan Tempatan Pulau Pinang pada 16 Jun 2008 telah membincangkan perkara ini dan satu jawatankuasa kecil yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Anwar Faisal telah ditubuhkan untuk mengkajinya. Laporan jawatankuasa ini telah dibentangkan di Mesyuarat Kedua Forum Perundingan Kerajaan Tempatan pada 14 Oktober 2008 yang menyatakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan perlu dikembalikan memandangkan ianya adalah “a fundamental pillar for citizens participation, transparency and accountablity“.

(ii) Kerajaan Negeri pada 13 Julai 2009 telah memohon kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membincangkan usul untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan sebagai agenda di Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke- 62 tetapi permintaan ini ditolak.

(iii) Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada 11 Ogos 2011 telah meluluskan usul untuk meminta Kerajaan Persekutuan bagi mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang.

(iv) Kerajaan Negeri pada 4 Mac 2010 telah meminta Suruhanjaya Pilihan Raya menjalankan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan seperti yang termaktub dalam perkara 113(4) Perlembagaan Persekutuan ditolak.

(v) Kerajaan Negeri mewujudkan satu panel peguam yang diwakili oleh Yang Berbahagia Dato' Yeo Yang Poh, Encik Tommy Thomas dan Encik Malik Imtiaz untuk memberi pandangan undang-undang ke atas isu ini.

(vi) Kerajaan Negeri membentangkan Rang Undang- Undang Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Seberang Perai) 2012 di Persidangan Dewan Undangan Negeri 30 April 2012.

(b) Kerajaan Negeri akan mencari jalan dari semua aspek perundangan untuk menangani masalah ini kerana pendirian hak kebebasan untuk memilih perwakilan dalam kerajaan semua demokrasi berparlimen.

(c) Setelah Rang Undang-undang ini dilulus dalam Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Pilihan Raya akan diminta oleh Kerajaan Negeri untuk mengadakan Pilihan Raya ini dan Kerajaan Negeri akan menentukan tindakan susulan jika SPR enggan melakukannya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Y.A.B. Ketua Menteri telah mengumumkan akan membina terowong dasar laut dari Bagan Ajam ke Persiaran Gurney bernilai RM8 bilion. Sila nyatakan bagaimanakah untuk mendapat dana bagi membiayai projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Projek terowong dasar laut daripada Bagan Ajam adalah salah satu daripada 4 projek mega infrastruktur lebuh raya yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan trafik. 3 projek mega infrastruktur lain adalah:-

(1) Pembinaan terowong dari Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Bandar Air Itam.

(2) Projek Lingkaran Dalaman George Town melibatkan pembinaan jalan bertingkat dan terowong bermula dari Persiaran Gurney melalui Jalan Pangkor, Jalan Kelawai, Jalan Sultan Ahmad Shah, Jalan Perak dan Jalan Sungai Pinang hingga ke Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu; dan

(3) Projek Jalan Berkembar Tanjung Bunga ke Teluk Bahang.
Kos anggaran adalah di antara RM 5-8 bilion untuk kesemua 4 projek mega ini yang akan dijalankan secara tender terbuka. Projek ini akan dibiayai menerusi land swap.

Sumber pembiayaan bagi Projek Link Ketiga ini belum dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri dan ianya tertakluk kepada cadangan daripada syarikat-syarikat yang layak menyertai proses RFP kelak.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kerajaan selalu mengadakan kempen menanam pokok untuk menghijaukan persekitaran di Negeri Pulau Pinang.

(a) Adakah Kerajaan Negeri membenarkan orang ramai menanam pokok-pokok di merata tempat termasuk tanah hak milik Kerajaan Negeri seperti di tepi jalan dan kawasan lapang yang tidak dijaga? Apakah jenis permohonan yang perlu dibuat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil beberapa inisiatif untuk menambahkan kehijauan di persekitaran negeri ini dengan penanaman pokok-pokok teduhan di bahu-bahu dan pembahagi jalan serta tanah-tanah lapang awam bagi mengatasi masalah pencemaran bunyi, habuk dan pandangan. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga memperkenalkan konsep penanaman secara gotong-royong. Ia juga adalah sebagai usaha sama di antara Pihak Berkuasa Tempatan, agensi kerajaan, pihak swasta dan orang awam untuk bersama-sama menggembleng tenaga memelihara persekitaran dan mewujudkan persekitaran yang sihat selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai status negeri hijau.

Mengikut statistik Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Pulau Pinang (JPBD), jumlah pokok yang ditanam pada tahun 2008 berjumlah 54,126 pokok, tahun 2009, sejumlah 54,189 pokok, tahun 2010, sejumlah 54,832 pokok, serta tahun 2011 sejumlah 47,074 pokok telah ditanam. Jumlah yang dicapai ini adalah melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan Landskap Negara bagi Negeri Pulau Pinang pada setiap tahun iaitu sebanyak 49,920 pokok kecuali bagi tahun 2011.

Justeru itu, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan penyertaan orang ramai untuk menanam pokok melalui program dan inisiatif Cleaner Greener Penang. Walau bagaimanapun, penanaman pokok di merata-rata tempat termasuk tanah hak milik Kerajaan perlu mendapat kelulusan pihak PBT. Ini kerana beberapa elemen perlu diambil kira terutamanya mengenai pemilihan pokok yang bersesuaian dengan kawasan serta mematuhi Pelan Induk Landskap Kerajaan.

Bagi tujuan tersebut, pemohon perlu mengemukakan permohonan penanaman pokok secara rasmi untuk pertimbangan. Bagi permohonan penanaman di atas tanah milik Kerajaan, pemohon perlu merujuk Pejabat Daerah dan Tanah dan penanaman di bahu-bahu jalan di kawasan luar bandar pula perlulah dirujuk kepada pihak Jabatan Kerja Raya bagi mendapatkan status kawasan dan kelulusan bagi penanaman di kawasan tersebut. Permohonan untuk mendapatkan bekalan anak pokok pula boleh dibuat terus kepada Jabatan Perhutanan ataupun melalui Pengerusi Jawatankuasa Landskap Negeri, iaitu Y.B. Tuan Phee Boon Poh, (Pengerusi Jawatankuasa MMK Kesihatan, Kebajikan dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang).

Kesedaran terhadap memelihara persekitaran hijau di kalangan masyarakat semakin meningkat melalui penganjuran program penanaman pokok yang dilaksanakan melalui kaedah gotong-royong oleh masyarakat. Sambutan daripada penduduk dan swasta terhadap dasar Cleaner Greener Penang adalah menggalakkan dan Kerajaan Negeri akan memberi sokongan kepada semua program di bawah dasar ini.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk menangani isu penjaja haram yang mendirikan gerai-gerai haram terutamanya di jalan-jalan utama di seluruh Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. MPSP telah merangka Pelan Induk Penjaja bagi tahun 2011-2015 dengan merancang aktiviti-aktiviti untuk mengurangkan penjaja haram. Di antara langkah-langkah bagi menangani penjaja haram adalah dengan menggalakkan mereka mengisi ruang niaga Majlis Perbandaran. Selain itu, penjaja juga digalakkan menjaja secara sah di tanah-tanah persendirian dan berniaga secara bergerak (mobile) di kawasan yang tidak mengganggu lalulintas. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga berusaha membantu membantu melesenkan penjaja yang didapati dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Penguatkuasaan secara berhemah juga dijalankan untuk menangani isu penjaja haram ini.

Bagi penjaja-penjaja haram yang menduduki tanah Kerajaan, tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 426A KTN akan dilaksanakan setelah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada Jawatankuasa Tanah Negeri.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk menetap syarat agar pihak pengusaha industri menyediakan asrama dalam kawasan kilang untuk pekerja-pekerja warga asing?

(b) Apakah langkah-langkah teknikal yang perlu diambil bagi melaksanakan cadangan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Kerajaan Negeri tidak bercadang menetapkan syarat untuk menyediakan kemudahan asrama kerana kawasan kilang atau sebarang lokasi di dalam taman perindustrian telah dizonkan untuk kegunaan industri sahaja. Sebarang kegunaan selain daripada kegunaan industri adalah tidak dibenarkan termasuk pembinaan asrama dan ia bertentangan dengan sekatan kepentingan yang tercatat di atas hakmilik yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri melalui PDC telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak dan berpendapat pembangunan kemudahan asrama bagi penempatan warga asing dalam kawasan industri tidak bersesuaian atas sebab-sebab berikut:

(i) Pembangunan asrama diiktiraf sebagai kawasan perumahan dan ia memerlukan zon penampan (buffer zone) berdasarkan jenis industri (ringan, sederhana atau berat).

(ii) Ia melibatkan aspek keselamatan merujuk kepada garis panduan daripada pihak berkuasa tempatan sebelum sijil layak menghuni (OC/CCC) dikeluarkan.

(iii) Kesukaran kepada pengusaha sekeliling bagi mendapatkan kelulusan permit atau lesen sekiranya asrama berada dalam kawasan perindustrian.

(b) Kerajaan Negeri tidak akan melaksanakan cadangan tersebut demi menjaga kepentingan dan perancangan pembangunan Taman Perindustrian serta keselamatan pekerja-pekerja terutamanya warga asing jika berlakunya insiden yang tidak diingini.

Walau bagaimanpun Kerajaan Negeri dengan kerjasama PDC dan agensi kerajaan lain sedang merancang pembangunan 'Workers Quarters' yang terletak bersebelahan Taman Perindustrian Batu Kawan bagi menempatkan kemudahan asrama yang lebih terkawal. Seluas 24 ekar tanah telah diperuntukkan untuk tujuan ini dan ia dapat memberi penjimatan kepada pengusaha dari aspek logistik.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Mengenai pengstrukturan semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Pusat;

(a) Berapakah keluasan tanah dan aset air yang telah dan akan di pindah milik oleh kerajaan Negeri kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)?

(b) Berapakah amaun yang harus dibayar oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada PAAB untuk menyewa balik tanah dan aset air terlibat dan bagaimanakah cara bayarannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Keluasan tanah yang akan dipindah milik secara pajakan kepada PAAB adalah berjumlah 163 Lot dengan keluasan lebih kurang 1,600 Hektar. Kegunaan tanah bagi Lot-lot yang terlibat adalah seperti berikut :-

(i) 48 Lot Kawasan tadahan air dengan keluasan 540.073 Hektar;

(ii) 45 Lot kawasan Empangan dengan keluasan 891.998 Hektar;

(iii) 53 Lot kawasan Terusan dengan keluasan 75.7 Hektar; dan

(iv) 17 Lot kawasan yang diguna bagi kemudahan bekalan air lain dengan keluasan 91.96 Hektar.

Manakala aset bekalan air yang diserahkan kepada PAAB terdiri daripada:-

(i) Empangan Air Itam

(ii) Empangan Mengkuang

(iii) Empangan Teluk Bahang

(iv) Empangan Cherok Tokun & Bukit Berapit

(v) Perai Intake, Sg Dua

(vi) Terusan Sg Dua

(vii) Lahar Tiang pumping station

(viii) Paip Bekalan Air berdiameter lebih 100mm (3276 kilometer)

(ix) Pajak Song Land & Building.

(b) Amaun sewa yang perlu dibayar oleh Kerajaan Negeri melalui PBAPP kepada PAAB adalah sebanyak RM14,561,075.93 setahun. Bayaran dibuat secara bulanan, iaitu pada kadar RM1,213,422.99 sebulan berbanding ansuran sebelum ini iaitu sebanyak RM2,730,201.73 .

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato Syed Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Sila beri anggaran bilangan lot atau keluasan tanah pertanian yang telah dibangunkan untuk projek perumahan?

(b) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih mengguna pakai 'local plan' atau pelan tempatan sebagai garis panduan memberi kebenaran atau kelulusan untuk projek pembangunan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Bilangan lot / keluasan tanah pertanian yang telah ditukar syarat kepada pembangunan perumahan bagi tempoh 2008 – 2012 (Mac) adalah seperti berikut:-

Daerah	Bil	Keluasan/Lot
Daerah Timur Laut	2	14.41 ekar (2 lot)
Daerah Barat Daya	23	72.27284 ekar (16 lot)
Seberang Perai Utara	29	57.8673 ekar (28 lot)
Seberang Perai Tengah	59	567.107 ekar (50 lot)
Seberang Perai Selatan	64	668.2291 (49 lot)
JUMLAH	177	1379.8832 ekar (145 lot)

(b) Kerajaan Negeri telah menerima pakai Pelan Rancangan Struktur Negeri yang telah diwartakan pada 28 Jun 2007 dalam menimbang untuk melulus atau menolak permohonan tukar syarat tanah pertanian untuk tujuan pembangunan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Berapakah pasukan peronda sukarela Negeri Pulau Pinang yang telah ditubuhkan sehingga sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Bermula tahun 2011 sehingga April 2012, jumlah PPS yang ditubuhkan adalah sebanyak 131 pasukan. Pasukan Peronda Sukarela (PPS) ditubuhkan bertujuan untuk menghubungkan masyarakat, menjaga keselamatan awam dan membantu pihak berkuasa mencegah jenayah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Harga rumah di Negeri Pulau Pinang melambung tinggi. Mohon Kerajaan Negeri jelaskan apa tindakan telah diambil untuk mengawal situasi ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kerajaan Negeri sememangnya sedar mengenai harga rumah yang semakin meningkat. Kuasa Kerajaan Negeri hanya untuk mengawal harga rumah kos rendah dan kos sederhana rendah adalah terhad kerana ia bergantung kepada kuasa pasaran dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telahpun memastikan hanya rakyat yang berhak ke atas perumahan kos rendah dan sederhana sahaja mendapat rumah berkenaan. Kerajaan Negeri juga melaksanakan beberapa langkah untuk menstabilkan harga rumah lain-lain kategori. Di antaranya ialah :-

(a) Memperluaskan stok tanah perumahan.

Meninggikan bekalan perumahan baru termasuk rumah mampu milik di kawasan pembangunan baru *(new growth area)* di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah berusaha gigih untuk mengumpulkan dana sebanyak RM500.00 juta dalam empat (4) tahun ini untuk membina rumah mampu milik di seluruh Pulau Pinang baik di Seberang Perai ataupun kawasan kepulauan. Kerajaan Negeri juga sedang membuat perancangan untuk membina rumah mampu milik di Batu Kawan atas tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seluas 200 ekar. Projek ini dijangka akan menyediakan melebihi 11,800 unit apartmen yang berharga RM72,500.00 sehingga RM220,000.00 seunit. Seperti sedia maklum, tanah di Negeri Pulau Pinang adalah amat terhad berbanding dengan negeri-negeri lain. Malah, didapati permintaan ke atas tanah pembangunan perumahan hanya tertumpu di kawasan membangun sahaja. Contohnya di bahagian pulau yang mempunyai dua daerah iaitu Timur Laut dan Barat Daya, pemaju lebih tertumpu di Daerah Timur Laut berbanding di Daerah Barat Daya. Daerah Seberang Perai Tengah pula menjadi pilihan pemaju jika dibandingkan dengan Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Seberang Perai Selatan. Melalui kaedah penambahan stok tanah untuk tujuan pembangunan perumahan adalah diharapkan boleh mengurangkan kenaikan kos tanah di kawasan pilihan dan akan menstabilkan harga rumah di pasaran;

Selain daripada projek perumahan Batu Kawan yang akan membina 12 ribu unit rumah, Tabung Rumah Mampu Milik dijangka membina lebih enam (6) ribu unit rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan pulau. Keluasan tanah kerajaan yang terlibat adalah 29 ekar di Seberang Perai Utara (SPU), 32 ekar di Seberang Perai Tengah (SPT), 10 ekar di Daerah Timur Laut (DTL) dan 6 ekar di Daerah Barat Daya (DBD). Fasa 2 yang melibatkan keluasan tanah yang lebih besar akan diumumkan kemudian.

(b) Melaksanakan Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan nisbah plot di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang berkuat kuasa pada 21 Disember 2011 antaranya:

(i) membenarkan pemaju membangunkan sehingga mencapai kepadatan 87 unit/ekar hingga 120 unit/ekar (maksimum – sekiranya tapak tersebut mempunyai penempatan setinggan) bagi kawasan-kawasan yang dibenarkan bagi penambahan ketumpatan terutama sekali di sekitar kawasan *Transportation Oriented Development* (T.O.D). Misalnya, perumahan kos sederhana rendah diberikan ketumpatan sehingga 120 unit seekar manakala tiada had ketumpatan bagi perumahan kos rendah (dengan syarat mematuhi semua kehendak perancangan);

(ii) mana-mana pemajuan yang menggunapakai garis panduan ini adalah disyaratkan menyediakan 30% RKSR bagi kawasan Daerah Timur Laut, manakala bagi kawasan Daerah Barat Daya perlu menyediakan 30% RKR atau 15% RKR dan 15% RKSR; dan

(iii) mensyaratkan sebanyak 5% daripada unit yang dibina dijual pada harga kurang RM200,000.00 manakala 15% lagi hendaklah dijual pada harga kurang dari RM300,000.00. Ini dapat menggalakkan pemaju-pemaju untuk membina lebih banyak perumahan mampu milik *(affordable housing).*

(c) Meninggikan harga rumah yang layak dibeli oleh warga asing di Pulau Pinang dari RM250,000.00 ke RM500,000.00 mulai 1 Januari 2010. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah mengumumkan untuk mengkaji semula dasar pemilikan hartanah oleh warga asing ini dari RM500,000.00 ke RM1,000,000.00 kepada had yang lebih tinggi iaitu RM2,000,000.00 untuk hartanah di bahagian Pulau dan mengekalkan had RM500,000.00 kepada pemaustatin tetap.

Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSN), Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa penyediaan rumah mampu milik diberi keutamaan melalui langkah-langkah berikut:-

(i) Dengan mengambil kira keupayaan pembeli rumah *(purchasing power)* penduduk yang berbeza-beza, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan meluluskan projek perumahan bagi memastikan semua golongan penduduk di Pulau Pinang memiliki rumah berdasarkan dua jenis rumah mampu milik iaitu rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

(ii) Kerajaan juga mengawal harga rumah kos rendah dan sederhana rendah dan menetapkan syarat kelayakan rumah yang lebih realistik bagi golongan pertengahan iaitu individu yang berpendapatan RM2,500.00 hingga RM3,500.00 sebulan dan merendahkan had kelayakan umur dari 21 tahun kepada 18 tahun.

(iii) Kerajaan Negeri juga berusaha menggalakkan pemilik hartanah menyertai program pemuliharaan dan pembaharuan bandar melalui agensi pembaharuan dan pemulihan bandar agar lebih banyak perumahan dan hartanah lain dapat dibina untuk mencapai hasrat satu rumah satu keluarga terutama di kawasan bandar.

(d) Kerajaan Negeri melalui inisiatif OSC di PBT juga berusaha memproses dan meluluskan lebih banyak pelan-pelan permohonan perancangan di dalam waktu yang lebih singkat untuk menggalakkan lebih banyak rumah dapat dibina dalam waktu yang singkat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Sila nyatakan pihak yang telah dilantik untuk menyelenggarakan kutipan tol di Jambatan Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terdahulu, kos pelantikannya dan apakah telah berlaku kepada perkhidmatan yang diberikannya dari mula sehingga sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Jambatan Pulau Pinang telah dibina oleh Kerajaan Persekutuan pada 1 Jun 1982 dengan kos pembinaan sebanyak RM943.54 juta. Jambatan Pulau Pinang telah dibuka kepada lalu lintas pada 14 September 1985 dengan menempatkan 1 plaza tol iaitu Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan operasi dan penyenggaraan Jambatan Pulau Pinang sehingga tahun 1993 sebelum ianya diswastakan kepada Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. untuk tempoh 25 tahun mulai 1 Oktober 1993 sehingga 31 Mei 2008. Perlantikan syarikat konsesi ini dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dengan nilai RM550 juta.

Akibat menghadapi masalah untuk membuat pembayaran balik pinjaman bank yang dibuat untuk membayar harga konsesi, Lembaga Pemegang Saham Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. pada 24 Oktober 1994 telah bersetuju untuk menstrukturkan semula syarikat tersebut. Syarikat Intria Berhad telah membeli kepentingan dalam Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. dan mengambil alih konsesi Jambatan Pertama Pulau Pinang dengan harga belian sebanyak RM880 juta. Bagi tujuan tersebut Syarikat Intria Berhad telah menubuhkan Penang Bridge Sdn. Bhd. sebagai anak syarikat milikan penuhnya pada 19 September 1995. Sebagai pemegang 15% dalam saham syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd., PDC sepatutnya menerima 15% daripada harga penjualan sebanyak RM880 juta iaitu RM132 juta. Malangnya tidak ada 1 sen diperolehi oleh Kerajaan Negeri, yang merupakan satu skandal besarnya merugikan rakyat Negeri Pulau Pinang sekurang-kurangnya RM132 juta pada tahun 1995.

Penyusunan semula korporat tersebut telah menjadikan Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. dan Syarikat Intria Berhad sebagai pemegang kepentingan dalam Penang Bridge Sdn. Bhd. yang berfungsi sebagai pemegang konsesi Jambatan Pertama Pulau Pinang.

Namun, Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. telah mengalami masalah kewangan yang serius pada lewat 1990-an akibat kegagalan pelaburan luar negaranya, bebanan hutang dan kegawatan ekonomi yang melanda Asia. Akibat kegagalan membayar balik hutang-hutang yang masih tertunggak dan menghadapi masalah tindakan undang-undang daripada pemiutang-pemiutang, pada 8 Mei 2002, Mahkamah Malaya, Kuala Lumpur telah mengarahkan supaya Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. dibubarkan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Demi menjaga Kebersihan Laut di Negeri Pulau Pinang, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk memasang sistem pembentungan untuk setiap unit rumah di Klens Jeti.

    (a) Jika ada, sila huraikan dengan teliti dan jika tiada, mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Kerajaan Negeri telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan cadangan untuk menyediakan sistem pembetungan di kawasan Klens Jeti. Seterusnya, perbincangan juga diadakan dengan IWK di mana IWK telah menyediakan 4 cadangan dengan anggaran kos di antara RM3.2 juta hingga RM4.6 juta. Bagi pembiayaan projek pembetungan ini, Kerajaan Negeri bercadang mengadakan usahasama di antara Kerajaan Negeri dengan Think City dan akan mengadakan perbincangan dengan Think City untuk tujuan ini.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengadakan rundingan awam bagi semua pihak yang berkenaan bagi projek-projek utama yang dicadangkan oleh Kerajaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan pandangan rakyat ke atas semua projek yang dilaksanakan. Pelbagai platform diwujudkan bagi mendapatkan pandangan rakyat. Antara platform utama ialah Forum Perundingan Kerajaan Tempatan di mana selain dari membincangkan isu-isu berkaitan Kerajaan Tempatan, Forum ini turut melibatkan pembentangan projek-projek Kerajaan. Jemputan forum yang terdiri daripada NGO dan penduduk dari pelbagai lapisan masyarakat sedikit sebanyak membantu Kerajaan Negeri mendapatkan maklum balas bagi sesuatu isu yang dibincangkan di dalam forum tersebut. Antara isu yang pernah dibincangkan ialah telekomunikasi dan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.

    MPPP sentiasa mengadakan rundingan awam dengan mengadakan dialog, pameran serta memberi taklimat berkaitan bagi projek-projek utama yang dicadangkan terutamanya projek bangunan awam. Hal ini adalah penting supaya pendapat dan kehendak orang ramai diambil kira dalam projek berkaitan. Sebagai contoh, MPPP akan mengadakan dialog dengan penggerai-penggerai bagi projek menaik taraf pasar awam dan tapak penjaja sementara sebelum kerja naik taraf dimulakan supaya projek boleh berjalan dengan lancar dan berjaya.

    MPPP juga mengadakan perbincangan dengan orang awam semasa memproses pelan permohonan merancang selaras dengan peruntukan Seksyen 21 (6), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, iaitu memberitahu kepada pemunya-pemunya tanah berjiran bahawa pihak MPPP sedang memproses cadangan pemajuan. Pemunya-pemunya tanah berjiran boleh memberi maklum balas kepada MPPP dan hadir ke Sesi Pendengaran Bantahan di Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

Di Seberang Perai, semua projek utama yang mempunyai kepentingan awam seperti naik taraf pembinaan Pasar Awam Sri Bandar Seberang Perai Utara, Pasar Awam Sama Gagah Seberang Perai Tengah, dan Pasar Awam Taman Berjaya Seberang Perai Selatan telah diadakan rundingan awam antara MPSP dengan Persatuan Penjaja yang terlibat bagi memastikan semua perkara yang berbangkit dapat diselesaikan dengan mengambil kira kepentingan pihak yang terlibat. Taklimat Rundingan antara MPSP, Perunding, Persatuan Peniaga dan Ahli Majlis telah diadakan pada 20 Oktober 2011.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Huraikan prestasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan visi dan misi dalam polisi dengan hasrat menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah Negeri Hijau (Green State).

Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Antara visi Negeri Pulau Pinang adalah menjadi sebuah Negeri Hijau yang bersih, selamat dan menggunakan teknologi hijau manakala, misi Negeri Pulau Pinang pula adalah untuk memperkasakan, memperkuasakan dan memperkayakan semua *stakeholders* supaya mengamalkan pembangunan mampan yang memelihara alam sekitar serta kualiti kehidupan.

Antara inisiatif yang diambil dengan kerjasama agensi/jabatan dalam mempertingkatkan tahap kebersihan untuk mencapai status negeri hijau adalah seperti berikut :

(i) Memperkasakan program Local Agenda 21 melalui aktiviti yang dilaksanakan seperti membuat sabun dari minyak masak terpakai, membuat kompos, program SekolahHijau, program penanaman pokok, program membuat *Mud Ball,* kitar semula komputer terpakai, kitar semula *banner* terpakai, '*segregation at source'*, pengiktirafan Taman Bersih, program Industri Hijau, program kebersihan tandas awam, program komuniti kesihatan persekitaran, Program skuad ‘Anti Litter’ dan ‘Ops Pickers’ dan lain-lain.

(ii) Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Local Agenda 21 (LA 21), telah menubuhkan beberapa *resource centre* untuk mempromosikan kempen No Free Plastic Bag Day. Pihak Berkuasa Tempatan juga sedang menjalankan program kesedaran mengenai penjagaan alam sekitar di institusi-institusi pendidikan. Kerajaan Negeri juga telah mengeluarkan arahan melarang penggunaan plastik dan *polystyrene* di Majlis-majlis Rasmi Kerajaan;

(iii) MPPP juga sedang rancak melaksanakan program-program penghijauan di bawah Majlis Perunding Komuniti yang bertindak sebagai platform ke arah Negeri Hijau dengan penglibatan ADUN, Ahli Majlis, Persatuan Penduduk, NGO’s dan pihak swasta,

(iv) Bagi memastikan kempen No Free Plastic Bags Day, Pihak Berkuasa Tempatan juga telah mengenakan syarat tambahan pembaharuan lesen perniagaan dibawah peruntukan Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976, iaitu pengusaha perniagaan diwajibkan turut serta dalam program ini.

(v) Program Pengurangan Sisa Pepejal kini dipertingkatkan dengan penglibatan komuniti di peringkat sekolah-sekolah, persatuan penduduk dan pengusaha-pengusaha pasaraya melalui kaedah *separation at source and collection point.* Beberapa buah lokasi pusat tong kitar semula adalah ditempatkan di bahagian pulau sebagai insenstif untuk masyarakat mempergiatkan aktiviti kitar semula.

(vi) Ops "pickers" dan Skuad "Anti Litter" berfungsi bagi mengambil tindakan bersepadu terhadap orang awam yang membuang sampah di merata-rata tempat di kawasan pelancongan seperti Persekitaran Gurney, Padang Kota Lama dan Promenade Sungai Pinang serta Jalan Persisiran Pantai Queensbay;

(vii) Sejak kempen No Free Plastic Bags Day dilancarkan, setakat Jun 2011, pengusaha-pengusaha pasar raya telah dapat menjimatkan lebih kurang 33 juta beg plastik. Kerajaan Negeri telah berjaya mewujudkan budaya membawa beg membeli belah sendiri. Kadar kitar semula Negeri Pulau telah mencapai lebih kurang 26% iaitu lebih jauh daripada kadar kitar semula yang disasarkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu 22% pada tahun 2020;

(viii) Menyedari bahawa *Renewable Energy* semakin penting untuk memperkembangkan ekonomi hijau dan alam sekitar *eco-friendly*, Kerajaan Negeri telah mengorak langkah untuk memastikan Negeri Pulau Pinang menjadi sebuah Negeri Hijau bertaraf antarabangsa. Dalam usaha untuk mempertingkatkan bidang ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan langkah proaktif untuk jangka masa pendek dan panjang dengan:

(a) Menyertai *Summit*/*Congress*/Mesyuarat dengan menandatangani/ menjadi\ ahli.

(i) *Climate Alliance – Cancun Statement of Federated States and Regional Governments on low carbon and climate Resilent Development di Cancun, Mexico.*

(ii) Kyoto Protocol *Principles* – Korea Selatan.

(iii) Commonwealth Parliamentary Association Networking *on climate change* di Tanzania.

(iv) ISWA (*International Solid Waste Association*) di Korea.

(v) IPLA (*International Partnership of Local Authorities*) di Korea.

(vi) *Zero Waste Association* di Pulau Pinang.

(b) Kerajaan Negeri sentiasa menyemai semangat menghijaukan alam sekitar melalui kempen-kempen dan papan tanda agar masyarakat di Negeri Pulau Pinang menyedari akan komitmen Kerajaan Negeri terhadap alam sekitar yang lebih *eco-friendly*;

(c) Memberi pendedahan dan menggalakkan pihak industri untuk menggunakan teknologi amalan hijau;

(d) Menganjurkan bengkel, seminar, pameran, persidangan dan anugerah untuk mendidik amalan hijau industri;

(e) Mengalakkan pengunaan lampu LED di bangunan kerajaan termasuk lampu hiasan;

(f) Mengalakkan pembinaan bangunan baru dengan pengiktirafan *'Green Building Index'* (GBI) serta penetapan penggunaan pendingin hawa dengan suhu tidak melebihi 24 darjah *celcius*; dan

(g) Melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), strategi jangka pendek yang digunakan adalah dengan bekerjasama bersama penduduk dan masyarakat untuk memproses sisa pepejal bagi menghasilkan biogas dan baja kompos. Strategi jangka panjang pula adalah dengan bekerjasama dengan syarikat swasta iaitu Bionersis (M) Sdn. Bhd. Di bawah projek *Clean Development Mechanism* (CDM) di Tapak Pelupusan Pulau Burung untuk mengeluarkan biogas.

(h) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) telah mengambil inisiatif dengan menurunkan kuasa kepada jabatan /agensi seperti PDRM, Bomba dan Penyelamat dan lain-lain untuk menangani isu pembakaran terbuka dan larangan merokok.

Berdasarkan kepada langkah-langkah yang telah dan sedang diambil, hasrat Kerajaan Negeri mentransformasikan Negeri Pulau Pinang ke arah status Negeri Hijau akan tercapai.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Adakah isu keselamatan diutamakan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) ketika lawatan Y.B. Ketua Pembangkang ke Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

34. PDRM sentiasa mengutamakan keselamatan dengan mengatur/merancang/ memastikan keselamatan orang ramai pada setiap acara/aktiviti yang akan dijalankan demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat termasuk Y.B. Ketua Pembangkang semasa lawatan beliau ke Pulau Pinang.

Mengikut kenyataan pihak PDRM, ia tidak pernah memandang ringan isu-isu keselamatan ini dan sentiasa memberi keutamaan terhadap aspek-aspek keselamatan demi menjamin ketenteraman semua pihak. Akan tetapi, sehingga sekarang tidak ada sebarang tindakan diambil.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat melangsaikan hutangnya dalam masa yang terdekat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Kerajaan Negeri pada tahun 2011 telahpun melangsaikan jumlah hutang sebanyak RM651.07 juta dan baki hutang kepada Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2011 adalah berjumlah RM30.72 juta. Bagi baki hutang sedia ada, Kerajaan Negeri akan membuat bayaran balik mengikut jumlah anuiti yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam Jadual Bayaran Balik Pinjaman.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Dari tahun 2009 hingga kini berapa banyakkah lawatan yang telah dibuat oleh Y.A.B Ketua Menteri dan berapakah jumlah peruntukan/kos bagi setiap lawatan-lawatan berkenaan?

    (a) Nyatakan berapa kali lawatan yang telah dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri ke Negara Singapura, Hong Kong, Taiwan, Australia dan lain-lain negara?

Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Dari tahun Mac 2008 sehingga bulan Mac 2012, Y.A.B. Ketua Menteri telah menyertai 29 lawatan ke luar negara dengan kos keseluruhan berjumlah RM182,120.00. Lawatan-lawatan tersebut termasuk Singapura, Australia, China, Taiwan, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Amerika Syarikat dan Filipina.

    Sebagai perbandingan dari tahun 2004 hingga Mac 2008, bekas Ketua Menteri iaitu Y.B. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon telah menyertai 10 lawatan ke luar negara dengan kos keseluruhan berjumlah RM195,999.00.

    Sebagai perbandingan, kos purata untuk lawatan rasmi Ketua Menteri di bawah Kerajaan Barisan Nasional (BN) adalah RM19,599.00 berbanding dengan RM6,316.00 di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat. Melalui lawatan-lawatan yang telah dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri sejak Mac 2008, ia adalah jelas sekali membawa hasil. Buat kali pertama dalam sejarah Pulau Pinang, Pulau Pinang menduduki tangga teratas pada tahun 2010 dan 2011 dari segi pelaburan di Malaysia.

    Di samping itu, ECA International telah memilih Pulau Pinang sebagai salah satu daripada bandar di Asia yang amat sesuai untuk didiami. Dalam 2 tahun berturut-turut (2010 dan 2011), Pulau Pinang telah dipilih bandar di tangga kelapan di Asia sebagai *the most livable city*, iaitu melebihi Kuala Lumpur pada kali pertama dalam sejarah Malaysia. Ini menunjukkan bahawa lawatan-lawatan yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri telah memberikan kesan yang positif di kalangan para pelabur dan mendorong mereka memilih Pulau Pinang sebagai tempat yang sesuai untuk bekerja.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Apakah status terkini mengenai Projek Menaiktarafkan Sistem Pembetungan Najis di Taman Desa Jawi? Bilakah projek ini dapat dilaksanakan? Sila huraikan dengan lengkap mengenai rancangan itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Tender untuk kerja-kerja menaik taraf sistem pembentungan najis di Taman Desa Jawi telah dipanggil dan penilaian telah dilakukan bagi memilih kontraktor yang layak untuk ditawarkan. Walau bagaimanapun, Bahagian Perumahan mendapati bahawa terdapat keperluan butir-butir teknikal tambahan yang terlibat dengan perkhidmatan menaik taraf sistem pembentungan najis ini dan sedang meneliti semula secara terperinci sebelum tawaran dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya.

Sebagai langkah susulan bagi mengatasi masalah ini, Bahagian Perumahan telah dan akan memantau keadaaan loji tersebut serta telah mengambil tindakan untuk memastikan loji tersebut beroperasi dengan baik sehingga kerja-kerja menaik taraf dijalankan. Setakat ini, sebagai langkah sementara, kerja-kerja perkhidmatan pembentungan loji rawatan kumbahan Taman Desa Jawi, SPS (mengosongkan tangki najis (ST)) telah dilakukan sebanyak 12 kali dengan kos RM25,402.50).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Dalam suratkhabar dan televisyen, UMNO dan Gerakan dari Barisan Nasional menyatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Y.A.B Ketua Menteri telah menjual tanah masjid dan tanah sekolah di Bayan Mutiara kepada pemaju.

(a) Sila nyatakan sejauh manakah kebenarannya.

(b) Apakah langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menanggani persoalan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Tanah tapak Bayan Mutiara seluas 102.56 ekar (termasuk kawasan yang belum ditebus guna seluas 35 ekar) telah dijual kepada pihak Ivory Properties Group Berhad (IPGB) pada 11 November 2011 secara tender terbuka melalui kaedah *Request For Proposal* (RFP) bagi tujuan pembangunan bercampur. Tawaran tender terbuka yang kompetitif ini dibuka pada 16 Ogos 2010 dan tutup pada 31 Disember 2010 dengan harga rizab sebanyak RM200.00 sekaki persegi dan bayaran *earnest deposit* sebanyak RM1.2 juta.

Memandangkan bahawa pemaju yang berjaya dalam tender belum lagi membentangkan pelan pemajuan kebenaran merancang adalah terlalu awal untuk berteka-teki bentuk pelan pemajuan kebenaran merancang yang dicadangkan. Memandangkan ini adalah tapak tanah baru yang lebih besar daripada yang lama, tentulah ia melibatkan permohonan baru. Perlu diingatkan bahawa sebarang permohonan baru perlu akur dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia untuk tapak masjid/surau, tempat beribadat bukan islam, sekolah, jalan dan taman.

Pihak tidak bertanggungjawab hanya boleh mendakwa tapak masjid dihilangkan selepas pemaju membentangkan permohonan pelan pemajuan kebenaran merancang baru yang diluluskan tanpa tapak masjid. Untuk mendakwa tapak masjid dihilangkan bila pelan pemajuan kebenaran merancang pun belum dibentangkan, adalah amat jahat sekali. Lagi pun sekiranya tapak masjid benar-benar dihilangkan, maka hal tempat beribadat bukan Islam juga akan dihilangkan. Akan tetapi, ia tidak dijadikan isu oleh pihak yang berniat jahat ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Sila jelaskan secara terpeinci tatacara perolehan/tender berserta tarikh-tarikh bagi Tanah Pembanggunan Bayan Mutiara termasuklah surat-surat dan makluman oleh pihak pemaju kepada *Security Commission.*

(a) Berikan jadual pembayaran pembelian tanah yang telah dipersetujui dan berikan komposisi pembangunan yang dicadangkan oleh Pemaju baru tapak ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Tanah tapak Bayan Mutiara seluas 102.56 ekar (termasuk kawasan yang belum ditebusguna seluas 35 ekar) telah dijual kepada pihak Ivory Properties Group Berhad (IPGB) pada 11 November 2011 secara tender terbuka melalui kaedah “Request For Proposal” (RFP) bagi tujuan pembangunan bercampur.

Tawaran tender terbuka yang kompetitif ini dibuka pada 16 Ogos 2010 dan tutup pada 31 Disember 2010 dengan harga rizab sebanyak RM200.00 sekaki persegi dan bayaran earnest deposit sebanyak RM1.2 juta.

Sebanyak empat (4) syarikat telah mengemukakan tawaran tender seperti berikut:-

(a) Chia Tai Xingye Ind. Dev. Ltd;

(b) SP Setia Berhad;

(c) Ivory Properties Group Berhad;

(d) AG Pearl Sdn. Bhd. (tawaran syarikat ini ditolak kerana gagal mengemukakan bayaran *earnest deposit* berjumlah RM1.2 juta sepertimana yang telah disyaratkan).

Tiga syarikat yang layak telah membentangkan cadangan pembangunan masing-masing kepada Jawatankuasa Penilaian pada 18 Februari 2011 dan 3 Mac 2011.

Pihak IPGB telah mengemukakan harga tawaran yang paling tinggi daripada dua syarikat yang lain iaitu sebanyak RM240.00 sekaki persegi dengan bayaran sejumlah RM1.07 bilion dibuat dalam tempoh lima (5) tahun. Maka, Lembaga PDC telah bersetuju untuk menerima tawaran daripada pihak IPGB dan satu perjanjian Purchase and Development Agreement (PDA) telah ditandatangani di antara PDC, CMI dan IPGB pada 11 November 2011. Keseluruhan projek perlu disiapkan dalam tempoh lapan (8) tahun dari tarikh PDA ditandatangani dengan merangkumi komponen wajib, penebusan tanah 35 ekar, pembayaran mengikut jadual (seperti di bawah) dalam tempoh 5 tahun serta bon sebanyak RM50 juta sebagai deposit sekuriti. Sehingga kini sejumlah RM120,813,302.40 telah dijelaskan IPGB.

Memandangkan bahawa pemaju yang berjaya dalam tender belum lagi membentangkan pelan pemajuan kebenaran merancang adalah terlalu awal untuk berteka-teki bentuk pelan pemajuan kebenaran merancang yang dicadangkan. Memandangkan ini adalah tapak tanah baru yang lebih besar daripada yang lama, tentulah ia melibatkan permohonan baru. Perlu diingatkan bahawa sebarang

permohonan baru perlu akur dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia untuk tapak masjid/surau, tempat beribadat bukan islam, sekolah, jalan dan taman.

Pihak tidak bertanggungjawab hanya boleh mendakwa tapak masjid dihilangkan selepas pemaju membentangkan permohonan pelan pemajuan kebenaran merancang baru yang diluluskan tanpa tapak masjid. Untuk mendakwa tapak masjid dihilangkan bila pelan pemajuan kebenaran merancang pun belum dibentangkan, adalah amat jahat sekali. Lagi pun sekiranya tapak masjid benar-benar dihilangkan, maka hal tempat beribadat bukan Islam juga akan dihilangkan. Akan tetapi, ia tidak dijadikan isu oleh pihak yang berniat jahat ini.

JADUAL BAYARAN PEMBELIAN TANAH BAYAN MUTIARA (PARAGRAPH 2 OF THE SECOND SCHEDULE)

Para	Respective Due Date	Instalment	Description of Payment	Amount	Total Amount To Be Paid
2.1	Upon Execution of this Agreement	First Instalment	10.29% of the Price less the Earnest Deposit	RM109,093,920.00	RM109,093,920.00
2.2	4 months from date of this Agreement		10% of the price for the Second Parcel	RM11,719,382.40	RM11,719,382.40
2.3	18 months from date of this Agreement	Second Instalment	Balance payment for 10.93% of the price and the Second Parcel	RM105,474,441.60	RM124,365,542.40
			10% of the price for the Third parcel	RM18,891,100.80	
2.4	24 months from the date of this Agreement	Third Instalment	Balance payment for 17.62% of the Price and the Third Parcel	RM170,019,907.20	RM193,082,313.60
			10% of the price for the Fourth Parcel	RM23,062,406.40	
2.5	36 months from the date of this Agreement	Fourth Instalment	Balance payment for 21.51% of the Price and the Fourth Parcel	RM207,561,657.60	RM229,170,902.40
			10% of the price for the Fifth Parcel	RM21,609,244.80	
2.6	48 months from the date of this Agreement	Fifth Instalment	Balance payment for 20.15% of the Price and the Fifth Parcel	RM194,483,203.20	RM215,392,003.20
			10% of the price for the Sixth Parcel	RM20,908,800.00	
2.7	60 months from the date of this Agreement	Sixth Instalment	Balance payment for 19.50% of the Price and the Sixth Parcel	RM188,179,200.00	RM188,179,200.00
			Total:		**RM1,071,003,264.00**
			Earnest deposit paid during submission of tender		RM1,200,000.00
			Total:		**RM1,072,203,264.00**

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Untuk mendapatkan mutu perkhidmatan dan pentadbiran masjid yang berkualiti maka perlantikan Jawatankuasa Kariah perlu dibuat secara Pilihan Raya Kariah:

(a) Bolehkah Dewan ini membahas dan meluluskan keputusan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Kualiti perkhidmatan dan pentadbiran masjid tidak bergantung sepenuhnya kepada pelantikan Jawatankuasa Kariah yang dibuat secara pilihan raya kariah. Ini terbukti terdapat banyak masjid di Pulau Pinang yang mempunyai kualiti pentadbiran masjid yang baik dan memuaskan walaupun pelantikannya bukan secara pilihan raya. Misalnya Masjid Bertam Indah, Kepala Batas dan Masjid Sungai Ara, Bayan Lepas yang mana Pengerusinya dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang mempunyai pentadbiran masjid yang boleh dicontohi sehingga diiktiraf sebagai Masjid 'Madani'.

Adalah dijangkakan Jawatankuasa Kariah masjid yang dipilih melalui Pilihan Raya Kariah dijangka mendapat sokongan padu dan kerjasama penuh daripada anak-anak kariah. Namun, bagi merealisasikan hasrat ini, beberapa peraturan dan kaedah baru perlu diwujudkan terlebih dahulu atas alasan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menitahkan supaya dibatalkan cadangan Pilihan Raya Kariah pada tahun 2011 dan dikaji semula kaedah yang wajar dilaksanakan ke arah Pilihan Raya Kariah.

Pemilihan jawatankuasa kariah adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 104, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004. Oleh itu, dewan ini tidak perlu membahaskan isu ini.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

41. (a) Apakah status Pemandu Lab tentang *Greater Penang Project?*

(b) Senaraikan semua projek-projek yang telah dipilih. Apakah komitmen dan maklum balas Kerajaan Pusat dalam projek-projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Cadangan menganjurkan *Greater Penang Project* yang berpandukan konsep makmal PEMANDU telah digantikan dengan *Corridors and Cities Lab* (C&C Lab) yang melibatkan kelima-lima koridor pembangunan ekonomi di negara ini, termasuk bandar-bandar utama di setiap koridor. Makmal tersebut dijalankan selama 8 minggu bermula dari 12 September 2011 sehingga 4 November 2011. C&C Lab tersebut dibahagikan kepada dua (2) bahagian utama iaitu komponen koridor dan komponen bandar. Projek Permulaan Ekonomi (EPP) dan inisiatif bandar untuk setiap koridor telah dikenal pasti hasil daripada C&C Lab ini.

Senarai cadangan projek C&C Lab yang telah dibincangkan adalah seperti di Jadual 1.

Projek-projek permulaan dan inisiatif bandar yang dicadangkan untuk pelaksanaan dan hasil daripada C&C Lab telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan. Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri telah pun meluluskan tiga (3) projek di dalam bidang pertanian. Daripada tiga (3) projek yang telah diluluskan itu, satu (1) projek adalah di Negeri Pulau Pinang iaitu, *"Scaling up and strengthening productivity of paddy farming in other irrigated areas".*

Mengikut jadual awal, segala urusan harus siap pada akhir tahun lepas dan 2012 merupakan tahun pelaksanaan. Akan tetapi, Pihak PEMANDU dan NCIA adalah dalam peringkat terakhir untuk menerbitkan Buku Makmal (Lab Book). Buku tersebut akan diedarkan kepada kesemua stakeholders setelah ianya diterbitkan.

1Jabatan-jabatan dan agensi negeri terlibat dan menyertai perbincangan lab. Walau bagaimanapun, sehingga kini hasil perbincangan lab yang telah dimurnikan tidak dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Jadual 1: Cadangan Projek C&C Lab

Bil.	Projek	Kluster	Negeri
1	Building up Machinery and Engineering Eco-System	Pembuatan	Pulau Pinang
2	Expanding the bus network	Pengangkutan Awam / Logistik	Pulau Pinang
3	De-congestion and building capacity	Pengangkutan Awam / Logistik	Pulau Pinang
4	Building of a new transfer station at Batu Maung	Pengurusan Sisa Pepejal	Pulau Pinang
5	Penang Health New Markets - Wave 2 & Wave 3	Pelancong	Pulau Pinang
6	sPICE (Subterranean Penang International Convention & Exhibition Centre) **RM5 million Seed Fund (submission to EPU for Public Fund Application) is to promote Penang MICE Industry, and not just for sPICE. The application was put under sPICE because it will be completed earlier than the LIGHT (MICE) project.*	Pelancong	Pulau Pinang
7	Senja Aman Wellness Resort	Pelancong	Pulau Pinang
8	The LIGHT (Performance Arts & Cultural Centre)	Pelancong	Pulau Pinang
9	The LIGHT (MICE)	Pelancong	Pulau Pinang
10	The LIGHT (Mall)	Pelancong	Pulau Pinang
11	The LIGHT (Hotel)	Pelancong	Pulau Pinang
12	Escape Theme Park	Pelancong	Pulau Pinang
13	Premium Outlet In Penang	Pelancong	Pulau Pinang
14	Dedicated Entertainment Zone in Penang & Langkawi	Pelancong	Pulau Pinang

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Terdapat syarikat konsesi tebus guna pantai untuk projek Lingkaran Luar Butterworth. Bilakah syarikat ini akan memulakan projek yang dimaksudkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Perjanjian Penambakan Tanah dan Penempatan Semula Setinggan telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Rayston Consortium

(Butterworth) Sdn. Bhd. (RCBSB) yang merupakan anak syarikat kepada Syarikat Lingkaran Luar Butterworth Sdn. Bhd. (LLBSB) pada 16 Jun 1999. Melalui perjanjian tersebut, RCBSB diberikan hak untuk menambak kawasan persisiran pantai Butterworth sepanjang 8.5 km bermula dari North Butterworth Container Terminal (NBCT) sehingga ke Kuala Bekah dengan keluasan tanah seluas 650 hektar yang merangkumi 243 hektar bagi tujuan pembesaran NBCT dan 407 hektar bagi tujuan pembangunan bercampur.

Projek ini akan dimulakan sebaik sahaja kelulusan diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi Pelan Induk Pembangunan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, setakat ini, pihak RCBSB belum mengemukakan kepada Kerajaan Negeri, Pelan Induk Pembangunan yang terkini dan diubah suai untuk diintegrasikan dengan pembangunan Projek Membaik pulih Muara Sungai Perai, Pulau Pinang termasuk jeti nelayan di Pantai Bersih yang merupakan sebuah projek di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

43. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyuraikan lalu lintas yang dijangka bertambah apabila Jambatan Pulau Pinang Kedua siap pada tahun 2013?

Y.A.B. Ketua Menteri:

43. Beberapa projek bagi menyuraikan lalu lintas yang dijangka bertambah apabila Jambatan Pulau Pinang Kedua siap pada tahun 2013 telah dirancang dibawah Kerajaan Persekutuan kerana projek Jambatan Kedua Pulau Pinang adalah projek Kerajaan Persekutuan. Tindakan yang diambil melibatkan kawasan Seberang Perai dan Pulau adalah seperti berikut:-

(a) Naik taraf laluan Persekutuan 149 dari Simpang Ampat ke persimpangan Plaza Tol Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Projek ini telahpun siap pada tahun 2011.

(b) Naik taraf laluan Persekutuan 150 dari persimpangan Pa'Boi ke Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Projek ini dijangka siap pada tahun 2012.

(c) Naik taraf laluan FT001 dari persimpangan Permatang Keling (Sek.720) ke jambatan di atas Sungai Junjung (Sek.740) Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Fasa 1- dari persimpangan Bukit Tambun/IKS ke Simpang Ampat (CH17,600.00- CH 18,600.00). Projek ini dijangka siap pada tahun 2013.

(d) Menaik taraf Bayan Lepas Expressway FT 3113 dari Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang. Pada masa ini kerja-kerja berkaitan reka bentuk sedang dijalankan.

(e) Menaik taraf Jalan Negeri (P10) dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah. Pada masa ini kerja-kerja ukur sedang dijalankan dan

(f) Baik pulih Jalan dari Pekan Genting ke Balik Pulau dan dari Bayan Lepas ke Balik Pulau/Teluk Kumbar. Pada masa ini kerja-kerja ukur sedang dijalankan.

Di Daerah Seberang Perai pula, Kajian Draf RTD SPS di bawah Sektor Pengangkutan Awam dan Pengurusan Lalu lintas telah mengambil kira pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua dalam menyuraikan kesesakan trafik.

Pihak Kerajaan Negeri juga telah melantik Perunding AJC Planning Consultant Sdn. Bhd. untuk mengkaji sistem pengangkutan bagi seluruh Negeri Pulau Pinang serta memberi cadangan penyelesaian melalui Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang. Kajian ini merangkumi penyuraian trafik daripada Jambatan Kedua ke seluruh Negeri Pulau Pinang. Kajian ketika ini adalah di peringkat draf akhir dan dijangka siap pada Mei 2012.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

44. (a) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengatasi dan menambah baik Sistem Pengangkutan Awam dan menaik taraf serta membina jalan baru dan pelebaran jalan-jalan sedia ada?

(b) Senaraikan lokasi, kos serta bentuk jalan-jalan yang dimaksudkan yang telah dibina dari tahun 2008 hingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

44. (a) Sistem pengangkutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak berdaya untuk menambah baiknya. Walau bagaimana pun langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengatasi dan menambah baik sistem pengangkutan awam adalah seperti berikut:-

(i) Untuk menambah baikan sistem pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah melantik perunding profesional untuk menjalankan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Perunding tersebut telah memulakan kajian mereka dan berada di peringkat terakhir analisis sebelum laporan penuh dijangkakan siap pada bulan Jun 2012. Kajian ini akan menghasilkan satu pelan yang holistik dan menyeluruh untuk perancangan pengangkutan dan pengurusan lalu lintas di negeri ini, termasuk aspek penyediaan infrastruktur pengangkutan awam yang *accessible friendly* dan selesa kepada rakyat;

(ii) Selain itu, Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan Rapid Penang untuk mempertingkatkan perkhidmatan bas di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah membantu Rapid Penang dalam permohonan tanah untuk pembinaan terminal tambahan dan depo baru, pembinaan infrastruktur seperti perhentian bas dan lain-lain lagi. Jalinan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Rapid Penang dapat memastikan perkhidmatan bas dapat ditambah baik untuk keselesaan rakyat;

(iii) Bagi memastikan keselesaan pengguna-pengguna pengangkutan awam khususnya bas awam, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan untuk menaik taraf tukar antara KOMTAR serta perhentian-

perhentian bas di sekitar Bandar George Town; dan

(iv) Kerajaan Negeri juga telah melancarkan perkhidmatan Park & Ride dengan kerjasama Rapid Penang pada Mac 2011 dan mendapat sambutan menggalakkan daripada penumpang yang tinggal di Seberang Perai untuk ke tempat kerja di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas.

(b) Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri memberi penekanan terhadap kualiti infrastruktur jalan raya di negeri ini bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri sentiasa menyalurkan peruntukan yang mencukupi bagi kerja-kerja penyelengaraan, menaiktaraf dan membina jalan-jalan baru yang amat diperlukan. Senarai projek-projek jalan raya yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri, termasuk kosnya sejak bulan Mac 2008 adalah seperti di bawah:-

Senarai Projek Menaiktaraf Jalan dan Pembinaan Jalan Baru Pada Tahun 2008

Bil	Projek Menaiktaraf Jalan (2008)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
1	Kerja menguatkan, melebarkan dan membaiki bahu jalan dan longkang di kawasan Tanjung Tokong	DTL	195,285.50
2	Membaiki cerun-cerun dan jalan di kawasan Bukit Bendera	DTL	185,773.10
3	Kerja menguatkan, melebarkan dan membaiki bahu jalan dan longkang di kawasan Tanjung Bungah	DTL	197,886.00
4	Projek melebarkan dan menaiktaraf jalan Kampung Rawai	DBD	98,366.56
5	Mempertingkatkan persimpangan/ pemasangan lampu jalan dan lampu isyarat jalan termasuk pelebaran jalan di dalam Daerah Barat Daya	DBD	97,795.33
6	Menaiktaraf jalan-jalan di dalam Daerah Barat Daya (meninggikan paras jalan dan sebagainya)	DBD	199,736.98
7	Menaiktaraf sistem pembentungan/ saliran parit jalan	DBD	199,329.17
8	Menaiktaraf Jalan Sungai Dua	SPU	199,890.19
9	Menaiktaraf Jalan Penaga	SPU	198,228.00
10	Jalan-jalan di kawasan Mak Mandin	SPU	199,985.99
11	Melebarkan Jalan Juru	SPT	199,926.60
12	Membina parit konkrit tepi Jalan Kebun Sireh	SPT	199,500.31
13	Melebarkan Jalan Sri Bukit/ Jalan Megat Harun	SPT	199,110.08
14	Pemasangan papan tanda amaran dan papan tanda destinasi di jalan-jalan negeri di Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	99,230.00
15	Pemasangan batu-batu sempadan di jalan di dalam Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	99,921.00
16	Menaiktaraf sistem perparitan di Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	257,283.50
17	Menggantikan pembentung di dalam Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	200,000.00
	JUMLAH		**3,027,248.31**

Bil	Projek Membina Jalan Baru (2008)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
1	Jalan Pintas dari Matrikulasi/ Kompleks Kerajaan Bertam	SPU	195,782.10
	JUMLAH		**195,782.10**

Bil	Projek Menaiktaraf Jalan (2009)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
1	Menaiktaraf Jalan Puncak Bukit Mutiara, Jalan Puncak Bukit Mutiara 1 dan Jalan Puncak Bukit Mutiara 2	DTL	98,286.00
2	Membaiki cerun bagi jalan-jalan Kerajaan Negeri	DTL	196,102.00
3	Kerja-kerja membaiki dan menaiktaraf kerb, pejalan kaki dan longkang di Minden Height Gelugor, Pulau Pinang	DTL	199,944.50
4	Menaiktaraf longkang di kawasan Bukit Jambul, Persiaran Bukit Jambul dan Lebuh Bukit Jambul	DTL	199,394.60
5	Membaikpulih dan menguatkan Jalan-jalan di dalam Kawasan Perumahan di dalam Daerah Barat Daya	DBD	200,000.00
6	Membaikpulih Parit/ Lorong/ Jalan di kawasan Penempatan Semula Daerah Barat Daya	DBD	199,922.30
7	Pemasangan Papan Tanda Amaran dan Papan Tanda Destinasi di jalan-jalan Negeri di dalam Daerah Barat Daya	DBD	100,000.00
8	Menggantikan dan memasang Grantings Guardian dan lain-lain perabot jalan di dalam Daerah Barat Daya	DBD	99,964.00
9	Kerja pemotongan dan menstabilkan cerun bukit di dalam Daerah Barat Daya	DBD	100,000.00
10	Jalan Paya Keladi, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	SPU	199,998.20
11	Jalan Kubang Menerong/ Tasek Gelugor	SPU	199,997.00
12	Jalan Kuala Muda/ Kampung Permatang Berangan	SPU	99,991.00
13	Jalan-jalan Di Kawasan Kampong Selamat, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	SPU	199,990.69
14	Jalan-Jalan Kompleks Perusahaan Perai	SPT	298,747.56
15	Mengganti Pembentung Konkrit ke Jambatan Konkrit di KM 9.5 di Jalan Ara Kuda, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	SPT	97,422.87
16	Membina Parit Konkrit di Tepi Jalan Gajah Mati, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	SPT	199,328.51
17	Jalan Sungai Lembu	SPT	99,944.67
18	Menaiktaraf Sistem Pembentong/Saliran Parit Jalan di dalam Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	192,204.87
19	Menaiktaraf sistem perparitan di dalam Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	199,996.95
20	Pemasangan Papan Tanda Amaran dan Papan Tanda Destinasi Di Jalan-jalan Negeri Di Dalam Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	198,962.02
21	Naik taraf Jalan P169	SPS	99,313.60
	JUMLAH		**3,479,511.34**

Bil	Projek Membina Jalan Baru (2009)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
1	Pembinaan Jambatan Baru menggantikan Jambatan Bailey di Jalan Kampung Rawai	DBD	108,088.23
2	Jalan Baru dari Bagan Sungai Pinang ke Kampung Pulau Betong	DBD	98,990.85
3	Jalan Pintas dari Matrikulasi/ Kompleks Kerajaan Bertam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	SPU	199,989.00
4	Cadangan Kerja Menaiktaraf Jalan Kubang Menerong/ Tasek Gelugor (Jalan Bertam), Seberang Perai Utara	SPU	199,996.50

Bil	Projek Membina Jalan Baru (2009)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
5	Jambatan Sungai Machang Bubuk di Jalan Gajah Mati,Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	SPT	299,667.60
6	Jalan Baru (Nicosia)	SPT	39,952.22
7	Jalan Baru dari Persimpangan Jambatan Kedua Pulau Pinang ke FT001, Jawi	SPS	149,876.12
8	Membaiki Jalan Tuju Ke Jambatan Sungai Daun, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	SPS	198,851.90
9	Projek Sistem Pengangkutan Pintar	SPS	149,914.28
	JUMLAH		**1,445,326.70**

Senarai Projek Menaiktaraf Jalan dan Pembinaan Jalan Baru Pada Tahun 2010

Bil	Projek Menaiktaraf Jalan (2010)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
1	Membaiki Cerun Bagi Jalan-Jalan Kerajaan Negeri	DTL	659,265.25
2	Menaiktaraf Longkang Di Kawasan Bukit Jambul, Persiaran Bukit Jambul Dan Lebuh Bukit Jambul	DTL	199,972.00
3	Menaiktaraf Longkang, Bahu Jalan Serta Melebar Jalan Di Kawasan Taman Fettes Dan Jalan Fettes	DTL	195,324.10
4	Menaiktaraf Dan Membaiki Bahu Jalan Dan Longkang Di Kawasan Reservoir Garden	DTL	96,280.00
5	Menaiktaraf Dan Membaiki Bahu Jalan Dan Longkang Di Kawasan, Desa Permata	DTL	100,000.00
6	Membaikpulih Dan Menguatkan Jalan-Jalan Di Dalam Kawasan Perumahan Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	198,325.37
7	Membaikpulih Parit/ Lorong/ Jalan Di Kawasan Penempatan Semula Daerah Barat Daya	DBD	190,963.60
8	Pemasangan Papan Tanda Amaran dan Papan Tanda Destinasi Di Jalan-jalan Negeri Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	119,956.80
9	Menggantikan Dan Memasang *Gratings Guardrails* Dan Lain-lain Perabot Jalan Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	97,943.00
10	Kerja Pemotongan dan Menstabilkan Cerun Bukit Di dalam Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	DBD	198,581.60
11	Baik pulih jalan-jalan di kawasan perusahaan di dalam Daerah Barat Daya	DBD	194,101.59
12	Cadangan Kerja-kerja Membarumuka Muka Jalan di Jalan Tun Sardon km 4.50 hingga 5.55 Balik Pulau	DBD	197,371.87
13	Kerja Menaiktaraf Paras Jalan Permatang Damar Laut, Kampung Binjai	DBD	199,640.99
14	Jalan-jalan Di Kawasan Kampong Selamat, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	SPU	199,992.00
15	Jalan Raja Uda, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	SPU	497,120.88
16	Jalan Assumption / Jalan Bagan Dalam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	SPU	199,973.40
17	Jalan Bagan Lallang, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	SPU	99,980.72
18	Jalan Sungai Puyu, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	SPU	99,998.72
19	Membina Parit Konkrit Di Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	SPU	199,977.91

Bil	Projek Menaiktaraf Jalan (2010)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
20	Jalan-Jalan Kompleks Perusahaan Perai	SPT	199,991.36
21	Naiktaraf Persimpangan dan Memasang Lampu Isyarat di Persimpangan Jalan Berapit /Jalan Mengkuang, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	SPT	199,810.15
22	Membina Parit Konkrit di Tepi Jalan Gajah Mati, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	SPT	99,970.51
23	Naiktaraf Persimpangan dan Memasang Lampu Isyarat di Persimpangan Jalan Indera Muda/Jalan Permatang Pasir, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	SPT	195,672.20
24	Kerja Menaiktaraf Jalan dengan Membarumuka Jalan yang Baru Dilebarkan di Sebahagian Jalan Sungai Lembu	SPT	199,996.95
25	Kerja Menaiktaraf Jalan dengan Membarumuka Jalan Yang Rosak di Jalan Lorong Perusahaan 8 (Berdekatan Ram), Perai	SPT	199,680.39
26	Kerja Menaiktaraf Jalan Yang Rosak dengan Membarumuka Jalan Yang Rosak di Jalan Perusahaan Utama Bukit Minyak	SPT	199,949.27
27	Kerja Menaiktaraf Jalan Yang Rosak di Jalan Perindustrian Kecil Permatang Tinggi	SPT	199,926.35
28	Kerja Menaiktaraf Jalan dengan Membarumuka Jalan di Kawasan Industri Seberang Jaya	SPT	199,918.85
29	Menaiktaraf Sistem Pembentong /Saliran Parit Jalan di dalam Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	197,095.26
30	Menaik taraf sistem perparitan di dalam Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	98,436.80
31	Pemasangan Papan Tanda Amaran dan Papan Tanda Destinasi Di Jalan-jalan Negeri Di Dalam Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	93,037.60
32	Naik taraf Jalan P169 (kerja-kerja memperbaharui muka jalan)	SPS	99,661.33
	JUMLAH		**6,127,916.82**

Bil	Projek Membina Jalan Baru (2010)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
1	Pembinaan Jambatan Baru menggantikan Jambatan Bailey di Jalan Kampung Rawai	DBD	349,329.43
2	Membina Jalan baru dari Jalan Mak Mandin ke Jalan Bunga Tanjung 7	SPU	952,475.70
3	Permohonan membina Jalan Baru Menyambung Jalan Bagan 29 dan Jalan Siram	SPU	733,013.00
4	Jalan Baru Sungai Lembu	SPT	394,059.02
	JUMLAH		**2,428,877.15**

Senarai Projek Menaiktaraf Jalan dan Pembinaan Jalan Baru Pada Tahun 2011

Bil	Projek Menaiktaraf Jalan (2011)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
1	Menaik-Taraf Longkang Dan Bahu Jalan Di Kawasan Taman Rambai, Taman Perumahan Bandar Farlim, Taman Bukit Bendera	DTL	261,973.45
2	Kerja-Kerja Menaik-Taraf Sistem Perparitan / Mencantas Pokok / Pejalan Kaki Di Kawasan Reservoir Garden	DTL	86,398.20
3	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Perparitan / Pejalan Kaki Di	DTL	87,348.00

	Kawasan Taman Lip Sin, Sungai Nibong		
Bil	**Projek Menaiktaraf Jalan (2010)**	**Daerah**	**Kos (RM)/ (Perbelanjaan)**
4	Membaiki Cerun-Cerun Di Jalan-Jalan Negeri	DTL	199,851.00
5	Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Sistem Perparitan / Pejalan Kaki Di Kawasan Island Glades Taman Greenview	DTL	99,371.25
6	Kerja-Kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Dan Longkang Di Kawasan Tanjung Tokong	DTL	89,441.25
7	Kerja-Kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Dan Longkang Di Kawasan Tanjung Bungah	DTL	97,852.85
8	Kerja-Kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Di Kawasan Perumahan Sekitar Ayer Itam Dan Paya Terubong	DTL	135,089.20
9	Membina / Menaiktaraf Bahu Jalan Dan Pembahagi Jalan, Jalan-jalan Negeri	DTL	50,000.00
10	Memasang Guardrail/ Granting Dan Lain-Lain Perabot Jalan Di Jalan-jalan Negeri	DTL	99,800.00
11	Kerja-Kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Di Kawasan Perumahan Sekitar Mount Erskine Dan Jalan Fettes	DTL	92,553.15
12	Kerja-Kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Di Kawasan Perumahan Sekitar Taman Tun Sardon, Perumahan Yap Chor Ee	DTL	90,319.00
13	Kerja menaiktaraf Pejalan Kaki, Bahu Jalan, Jalan Dan Mencantas Pokok Dan Membaiki Longkang Di Kawasan Lembah Permai Tanjung Bungah	DTL	139,546.75
14	Kerja Pejalan Kaki, Bahu Jalan, Jalan Dan Mencantas Pokok Dan Membaiki Longkang Di Kawasan Taman Concord, Tanjung Bungah	DTL	69,975.60
15	Kerja Pejalan Kaki, Bahu Jalan, Jalan Dan Mencantas Pokok Dan Membaiki Longkang Di Kawasan Perumahan Sungai Kelian, Bayu Senja Dan Batu Feringghi	DTL	68,019.65
16	Kerja-Kerja Membaiki Cerun Di Bukit Bendera	DTL	193,567.00
17	Cadangan Menaiktaraf Jalan Bukit Gambir dengan Pemasangan Papan Tanda Keselamatan/ Guardrail Rosak dan Papan Tanda Jalan Baru	DTL	200,000.00
18	Kerja-kerja Membaiki Pejalan Kaki, Bahu Jalan, Jalan dan Mencantas Pokok dan Membaiki Longkang di Perumahan Bukit Jambul	DTL	176,467.00
19	Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan, Sistem Perparitan/Pokok/Pejalan Kaki di Kawasan Taman Lau Geok Swee, Kampung Melayu, Padang Tembak	DTL	146,339.35
20	Kerja-Kerja Menguatkan, Melebarkan dan Membaiki Bahu Jalan di Kawasan Perumahan Hill Side	DTL	198,002.35
21	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Perparitan/Pejalan Kaki di Kawasan Taman Lorong Lembah Permai	DTL	200,000.00
22	Kerja-Kerja Menguatkan, Melebarkan dan Membaiki Bahu Jalan dan Mencantas Pokok di Kawasan Puncak Bukit Mutiara	DTL	148,721.60
23	Kerja-Kerja Menguatkan, Melebarkan dan Membaiki Bahu Jalan di Kawasan Perumahan Sekitar Taman Minden Height	DTL	200,000.00
24	Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Sistem Perparitan/Pejalan Kaki di Kawasan Taman Botani dan Jalan Masuk Jalan Jeep	DTL	160,376.00
25	Baik Pulih Jalan-Jalan Di Kawasan Perusahaan Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	199,988.86
26	Membaikpulih Dan Menguatkan Jalan-Jalan Di Dalam Kawasan Perumahan Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	399,723.52
27	Pemasangan Papan Tanda Amaran Dan Papan Tanda Destinasi Di Jalan-Jalan Negeri Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	220,921.45

Bil	Projek Menaiktaraf Jalan (2010)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
28	Menaiktaraf Pejalan Kaki Dan Memperelokkan Sistem Perparitan Di Kawasan Perumahan Bayan Baru Daerah Barat Daya	DBD	199,190.72
29	Menaiktaraf Pejalan Kaki Dan Memperelokkan Sistem Perparitan Di Kawasan Perumahan Bayan Lepas Daerah Barat Daya	DBD	184,469.00
30	Menggantikan Dan Memasang Guardrails Dan Lain-Lain Perabot Jalan Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	182,538.40
31	Kerja Pemotongan Dan Menstabilkan Cerun Bukit Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	484,331.89
32	Mempertingkatkan Persimpangan/Pemasangan Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat Jalan Termasuk Pelebaraan Jalan Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	138,907.22
33	Membaikpulih Parit/Longkang/Jalan Di Kawasan Penempatan Semula Daerah Barat Daya	DBD	370,187.33
34	Membaiki , “Regulate” dan Membarumuka Jalan di Taman Perumahan Sungai Ara, Daerah Barat Daya	DBD	192,684.60
35	Membaiki , “Regulate” dan Membarumuka Jalan di Taman Persimpangan Jalan Sungai Batu, Daerah Barat Daya	DBD	141,754.92
36	Membaiki , “Regulate” dan Membarumuka Jalan di Taman Perumahan Mayang Pasir, Daerah Barat Daya	DBD	199,134.54
37	Membaiki , “Regulate” dan Membarumuka Jalan di Persimpangan Jalan Bayan, Daerah Barat Daya	DBD	148,274.24
38	Membaiki , “Regulate” dan Membarumuka Jalan di Persimpangan Jalan Kenari, Daerah Barat Daya.	DBD	135,558.00
39	Membaiki , “Regulate” dan Membarumuka Jalan di Persimpangan Jalan Sungai Nipah, Daerah Barat Daya.	DBD	162,119.65
40	Membaiki , “Regulate” dan Membarumuka Jalan di Persimpangan Jalan Lintang Pondok Upeh, Daerah Barat Daya.	DBD	95,493.90
41	Membaiki , “Regulate” dan Membarumuka Jalan di Persimpangan Jalan Tun Sardon, Daerah Barat Daya	DBD	93,145.80
42	Membaiki , “Regulate” dan Membarumuka Jalan di Jalan Gertak Sanggul, Daerah Barat Daya	DBD	194,810.69
43	Menaiktaraf Pejalan Kaki Dan Memperelokkan Sistem Perparitan Di Kawasan Perumahan Balik Pulau Daerah Barat Daya	DBD	109,084.75
44	Menaiktaraf dan Memperbaiki Jalan-Jalan dan Saliran Di Kawasan Perindustrian Mak Mandin	SPU	99,988.85
45	Menaiktaraf dan Memperbaiki Jalan-Jalan dan Saliran Di Kawasan Perindustrian Accku	SPU	99,948.85
46	Menaiktaraf dan Memperbaiki Jalan-Jalan dan Saliran Di Kawasan Jalan Raja Uda	SPU	190,814.30
47	Menaiktaraf dan Memperbaiki Jalan-Jalan dan Saliran Di Kawasan Kampung Selamat,	SPU	99,868.56
48	Menaiktaraf dan Memperbaiki Jalan Di kawasan Persimpangan Taman Bagan/Permatang Pauh	SPU	199,622.97
49	Menaiktaraf dan Memperbaiki Longkang Konkrit Di Jalan-Jalan Daerah Seberang Perai Utara	SPU	199,619.76
50	Memperbaiki dan Menurap Jalan-Jalan Di Jalan-Jalan Daerah Seberang Perai Utara	SPU	199,750.79
51	Mempertingkatkan Persimpangan Termasuk Pemasangan Lampu Isyarat,Lampu Jalan dan Lampu Berbutton Searas Di Daerah Seberang Perai Utara	SPU	728,739.00
52	Memasang dan Menggantikan Perabot Jalan Di Jalan-Jalan	SPU	206,558.00

	Daerah Seberang Perai Utara		

Bil	Projek Menaiktaraf Jalan (2010)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
53	Memasang Papan Tanda Destinasi dan Amaran di Jalan-Jalan Daerah Seberang Perai Utara	SPU	141,300.00
54	Pelebaran dan Menaiktaraf Jalan di Sepanjang Jalan Guar Jering	SPT	399,904.59
55	Menaiktaraf Jalan-jalan dan Perparitan di Kawasan Perusahaan Perai	SPT	399,841.11
56	Membina Parit Konkrit di Tepi Jalan Kebun Sireh	SPT	165,034.32
57	Naiktaraf Persimpangan dan Memasang Lampu Isyarat di Persimpangan Jalan Kepala Batas/Taman Guar Perahu	SPT	298,981.53
58	Memasang Guardrail / Granting Dan Lain-Lain Perabot Jalan Di Jalan-jalan Negeri	SPT	99,934.90
59	Cadangan Pemasangan Lampu Isyarat Pejalan Kaki Jenis Menekan Butang di Hadapan Sekolah Kebangsaan Bukit Teh	SPT	184,798.82
60	Menaiktaraf Jalan dan Parit Konkrit di Jalan Bukit Minyak-Alma	SPT	197,849.55
61	Cadangan Menaiktaraf Parit Tepi Jalan di Permatang Pauh	SPT	190,894.58
62	Membina Pari Konkrit di Tepi Jalan Berapit	SPT	99,998.44
63	Melebar dan Meninggikan Aras Jalan Bukit Minyak-Jalan Alma	SPT	197,426.75
64	Pemasangan Papan Tanda Amaran / Keselamatan dan Papan Tanda Destinasi di Daerah Seberang Perai Tengah	SPT	81,415.29
65	Cadangan Menaiktaraf Jalan di Kawasan Perusahaan Bukit Tengah	SPT	99,502.72
66	Cadangan Menaiktaraf Sistem Lampu Jalan dan Kerja-kerja Berkaitan di Kawasan Perindustrian Bukit Tengah	SPT	99,685.00
67	Naiktaraf Lampu Jalan di Permatang Pauh	SPT	99,923.75
68	Melebar Jalan Indera Muda dari Simpang Jalan Kubang Semang hingga Jalan Sama Gagah	SPT	219,801.62
69	Cadangan Menaiktaraf Jalan di Kawasan Perusahaan Permatang Tinggi	SPT	199,747.30
70	Naiktaraf Jalan dan Lampu Jalan di Perkampungan Berapit	SPT	387,927.91
71	Membina Parit Konkrit di Tepi Jalan Kampung Baru	SPT	85,737.30
72	Melebar Jalan Sri Bukit/Jalan Megat Harun	SPT	180,339.03
73	Cadangan Menaiktaraf Jalan di Kawasan Perusahaan Seberang Jaya	SPT	98,591.09
74	Cadangan Menaiktaraf Jalan di Kawasan Perusahaan Alma	SPT	99,569.93
75	Menaiktaraf Jalan dan Perparitan dan Bahu Jalan di Jalan Berapit	SPT	99,936.44
76	Membina Parit Konkrit di Tepi Jalan Kulim	SPT	181,305.00
77	Melebarkan Jalan Gajah Mati	SPT	184,816.51
78	Membina Parit Konkrit di Tepi Jalan Juru	SPT	95,875.00
79	Menaiktaraf Longkang, Jalan dan Bahu Jalan di Jalan Rozhan	SPT	199,984.82
80	Menaiktaraf Jalan dan Perparitan di Jalan Permatang Pasir	SPT	171,910.48
81	Membina Parit Konkrit di Tepi Jalan Gajah Mati	SPT	92,348.00
82	Melebarkan dan Menaiktaraf Jalan Dan Perparitan di Jalan Sungai Lembu	SPT	188,392.30
83	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Jalan Changkat Ke Pulau Burung, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	187,421.40
84	Menaiktaraf Sistem Saliran Di Jalan Sungai Udang, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	127,813.62

85	Menaiktaraf Sistem Saliran Di Jalan Sungai Bakau, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	149,990.00

Bil	Projek Menaiktaraf Jalan (2010)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
86	Membaikpulih Jalan Sungai Udang, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	175,000.00
87	Menyelenggara Jalan Dari Simpang Batu Kawan ke Jeti Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan	SPS	93,728.80
88	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Jalan Ooi Kar Seng Sungai Daun, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	SPS	196,000.00
89	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Jalan Selamat, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	97,600.00
90	Membaikpulih dan Menaiktaraf Jalan Kerian Kedah Ke Penjara Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	297,795.17
91	Menaiktaraf Sistem Saliran Di Jalan Valdor, Seberang Perai Selatan	SPS	159,491.25
92	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Jalan Sungai Duri, Seberang Perai Selatan	SPS	200,000.00
93	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Jalan Bukit Teh, Seberang Perai Selatan	SPS	190,559.10
94	Membekal Dan Memasang Perabut Jalan Di Jalan-jalan Negeri Dalam Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	99,550.00
95	Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Jalan Victoria, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	SPS	124,920.00
96	Membaikpulih Jalan Pulau Burung, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	99,990.00
97	Membaikpulih Dan Menaiktaraf Persimpangan Di Perkampungan Valdor, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	200,000.00
99	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Jalan Di Kawasan Perindustrian Bukit Panchor, Daerah, Seberang Perai Selatan	SPS	92,793.10
100	Membaikpulih Jalan Di Kawasan Perindustrian Valdor, Daerah Seberang Perai Selatan		185,988.98
101	Cadangan Memasang Lampu Jalan Di Sepanjang Jalan Changkat, Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	99,860.00
102	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Jalan Di Perkampungan Jawi, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	92,725.10
103	Menaiktaraf dan Menyelenggara Jalan Sungai Setar, Seberang Perai Selatan		376,063.00
104	Menaiktaraf dan Menyelenggara Jalan di Pekan Changkat, Seberang Perai Selatan.	SPS	99,994.00
105	Menaiktaraf dan Menyelenggara Jalan Valdor - Tasek dari Tiang TNB JLK 8/1 hingga JKL 8/20.	SPS	105,450.50
106	Membaikpulih Jalan Valdor ke Tasek, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	SPS	185,486.00
107	Menaiktaraf dan Menyelenggara Jalan Tanjung Berembang, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	SPS	138,229.65
108	Menaiktaraf dan Menyelenggara Jalan di Kawasan Perindustrian Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	SPS	188,347.00
109	Cadangan Pemasangan Lampu Isyarat Pejalan Kaki Jenis Menekan Butang di Sekolah Menengah Valdor, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	SPS	115,060.00
110	Menaiktaraf Sistem Perparitan di Jalan Lima Kongsi Seberang Perai Selatan	SPS	91,184.00
	JUMLAH		**18,582,057.96**

Bil	Projek Membina Jalan Baru (2011)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
1	Membina Baru Jalan Ban Batu Maung	DBD	299,992.83
2	Cadangan Kerja-Kerja Membina Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Dari Jalan Bagan 29 Ke Jalan Siram, Butterworth, Pulau Pinang	SPU	1,761,638.79
3	Cadangan Membina Jalan Baru Bagi Menyambungkan Jalan Dari Jalan Mak Mandin Ke Jalan Bunga Tanjung 7, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	SPU	2,599,990.71
4	Pelebaran Jalan dan Menaiktaraf Jambatan di Jalan Song Ban Kheng	SPT	690,187.72
5	Mengganti Baru Tiga (3) Bilangan Jambatan Di Sepanjang Jalan Valdor Ke Tasek, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	155,471.25
	JUMLAH		**5,507,281.30**

Senarai Projek Menaiktaraf Jalan dan Pembinaan Jalan Baru Pada Tahun 2012

Bil	Projek Menaiktaraf Jalan (2012)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
1	Menaik-Taraf Longkang Dan Bahu Jalan Di Kawasan Taman Rambai, Taman Perumahan Bandar Farlim, Taman Bukit Bendera	DTL	150,000.00
2	Kerja-Kerja Menaik-Taraf Sistem Perparitan / Pejalan Kaki Di Kawasan Taman Lip Sin, Sungai Nibong	DTL	200,000.00
3	Kerja-Kerja Melebarkan Jalan Dan Menaiktaraf Bahu Jalan Di Daerah Timur Laut	DTL	150,000.00
4	Kerja-Kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Dan Longkang Di Kawasan Tanjung Bungah	DTL	100,000.00
5	Kerja-Kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Di Kawasan Perumahan Sekitar Mount Erskine Dan Jalan Fettes	DTL	100,000.00
6	Cadangan Menaiktaraf Jalan Bukit Gambier Dengan Pemasangan Papan Tanda Keselamatan / Guardrall Rosak Dan Papan Tanda Jln Baru Daerah Timur Laut	DTL	200,000.00
7	Kerja-kerja Menaiktaraf Pejalan Kaki, Bahu Jalan, Mencantas Pokok Dan Menaiktaraf Sistem Peparitan Di Kawasan Perumahan Lembah Permai, Daerah Timur Laut	DTL	160,000.00
8	Kerja-Kerja Membaiki Cerun Di Bukit Bendera, Daerah Timur Laut	DTL	200,000.00
9	Kerja-kerja Membaiki Pejalan Kaki, Bahu Jalan, Mencantas Pokok Dan Membaiki Longkang Di Kawasan Bukit Jambul, Daerah Timur Laut	DTL	200,000.00
10	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Peparitan/ Mencantas Pokok/ Pejalan Kaki Di Kawasan Reservior Garden Daerah Timur Laut, (Mencantas Pokok – outsource kepada MPPP)	DTL	100,000.00
11	Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan, Sistem Peparitan, Mencantas Pokok dan Pejalan Kaki Di Kg Melayu Padang Tembak (Mencantas Pokok – outsource kepada MPPP)	DTL	150,000.00
12	Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan, Sistem Peparitan Dan Pejalan Kaki Di Kawasan Perumahan Island Glades Dan Tmn Green View , Daerah Timur Laut	DTL	200,000.00
13	Kerja-kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Dan Longkang Di Kawasan Tanjung Tokong, Daerah Timur Laut	DTL	100,000.00
14	Kerja-kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Di Kawasan Perumahan Sekitar Ayer Itam Dan Paya Terubong	DTL	100,000.00
15	Membina / Menaiktaraf Bahu Jalan Dan Pembahagi Jalan, Jalan-	DTL	100,000.00

	jalan Negeri		
16	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Peparitan/ Pejalan Kaki, Mencantas Pokok Dan Bahu Jalan Di Kawasan Perumahan Taman Concord Dan Kawasan Sekitarnya	DTL	200,000.00
Bil	**Projek Menaiktaraf Jalan (2012)**	**Daerah**	**Kos (RM)/ (Perbelanjaan)**
17	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Peparitan/ Pejalan Kaki Di Kawasan Taman Lorong Lembah Permai Daerah Timur Laut	DTL	100,000.00
18	Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang, Pemasangan Guardrall, Grating Dan Lain-lain Perabot Jalan Di Jalan-jalan Negeri Daerah Timur Laut	DTL	150,000.00
19	Kerja-kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Di Kawasan Perumahan Sekitar Taman Tun Sardon, Perumahan Yap Chor Ee, Daerah Timur Laut	DTL	60,000.00
20	Kerja-kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan, Sistem Peparitan Di Kawasan Hill Side Daerah Timur Laut	DTL	100,000.00
21	Kerja-kerja Pemasangan Papan Tanda Amaran / Keselamatan Dan Papan Tanda Destinasi Di Jalan-Jalan Dalam Daerah Timur Laut	DTL	100,000.00
22	Kerja-kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Di Kawasan Perumahan Sekitar Sg Emas, Sg Batu, Bayu Senja Dan Batu Feringggi, Daerah Timur Laut	DTL	130,000.00
23	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Peparitan/ Pejalan Kaki Di Kawasan Taman Botani Dan Jalan Masuk Jalan Jeep, Daerah Timur Laut	DTL	200,000.00
24	Kerja-kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Dan Mencantas Pokok Di Kawasan Puncak Bukit Mutiara, Daerah Timur Laut	DTL	100,000.00
25	Kerja-kerja Menguatkan, Melebarkan Dan Membaiki Bahu Jalan Di Kawasan Perumahan Sekitar Taman Minden Height, Daerah Timur Laut	DTL	200,000.00
26	Baik Pulih Jalan-Jalan Di Kawasan Perusahaan Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	200,000.00
27	Membaikpulih Dan Menguatkan Jalan-Jalan Di Dalam Kawasan Perumahan Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	400,000.00
28	Menaiktaraf Pejalan Kaki Dan Memperelokkan Sistem Perparitan Di Kawasan Perumahan Bayan Baru Daerah Barat Daya	DBD	400,000.00
29	Kerja Pemotongan Dan Menstabilkan Cerun Bukit Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	400,000.00
30	Mempertingkatkan Persimpangan / Pemasangan Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat Jln Termasuk Pelebaran Jalan Di Dalam Daerah Barat Daya	DBD	200,000.00
31	Membaikpulih Parit/Longkang/Jalan Di Kawasan Penempatan Semula Daerah Barat Daya	DBD	400,000.00
32	Pemasangan Papan Tanda Amaran dan Papan Tanda Destinasi Di Jalan-Jalan Negeri	DBD	300,000.00
33	Menaiktaraf Pejalan Kaki Dan Memperelokkan Sistem Peparitan Di Kawasan Perumahan Bayan Lepas, Daerah Barat Daya	DBD	400,000.00
34	Menaiktaraf Pejalan Kaki Dan Memperelokkan Sistem Peparitan Di Kawasan Perumahan Balik Pulau, Daerah Barat Daya	DBD	200,000.00
35	Menaiktaraf dan Memperbaiki Jalan-Jalan dan Saliran Di Kawasan Jln Raja Uda	SPU	200,000.00
36	Menaiktaraf dan Memperbaiki Pembentungan Dan Longkang Konkrit Di Jalan-jalan Daerah Seberang Perai Utara Bagi Mengelak Banjir (Kg Paya	SPU	500,000.00
37	Menaiktaraf dan Memperbaiki Jalan-jalan dan Saliran Di Kawasan Perindustrian Mak Mandin	SPU	100,000.00
38	Menaiktaraf dan Memperbaiki Jalan-Jalan dan Saliran Di Kawasan Perindustrian Accku	SPU	100,000.00

39	Menaiktaraf dan Memperbaiki Jalan-Jalan dan Saliran Di Kawasan Kampung Selamat	SPU	100,000.00

Bil	Projek Menaiktaraf Jalan (2012)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
40	Mempertingkatkan Persimpangan Termasuk Pemasangan Lampu Isyarat,Lampu Jalan dan Lampu Berbutton Searas Di Daerah Seberang Perai Utara	SPU	400,000.00
41	Peruntukan Kontijensi Untuk Kerja-kerja Membaiki Cerun	SPU	800,000.00
42	Memperbaiki dan Menurap Jalan-jalan Di Jalan-jalan Daerah Seberang Perai Utara, SPU	SPU	200,000.00
43	Memasang Dan Menggantikan Perabot Jalan Di Jalan-Jalan Daerah Seberang Perai Utara	SPU	50,000.00
44	Memperbaiki dan Melebarkan Bahu Jalan Di Jalan-Jalan Daerah Seberang Perai Utara	SPU	50,000.00
45	Memasang Papan Tanda Destinasi Dan Amaran Di Jalan-jalan Daerah Seberang Perai Utara	SPU	50,000.00
46	Membersih dan Mencuci parit tanah, longkang dan pembentung di jalan-jalan SPU.	SPU	50,000.00
47	Pelebaran dan Menaiktaraf Jalan di Sepanjang Jalan Guar Jering	SPT	200,000.00
48	Menaiktaraf Jalan-jalan dan Perparitan Di Kawasan Perusahaan Perai	SPT	200,000.00
49	Cadangan Menaiktaraf Parit Tepi Jalan Di Permatang Pauh	SPT	100,000.00
50	Membina Parit Konkrit di Tepi Jalan Berapit	SPT	100,000.00
51	Memasang Papan Tanda Amaran/ Keselamatan dan Papan Tanda Destinasi Di Daerah Seberang Perai Tengah	SPT	100,000.00
52	Cadangan Menaiktaraf Sistem Lampu Jalan dan Kerja-kerja Berkaitan di Kawasan Perindustrian Bukit Tengah	SPT	100,000.00
53	Cadangan Menaiktaraf Jalan dan Bahu Jalan Di Kawasan Perusahaan Permatang Tinggi	SPT	200,000.00
54	Menaiktaraf Sistem Lampu Sediaada Di Kawasan Perusahaan Perai	SPT	100,000.00
55	Naiktaraf Jalan dan Lampu Jalan di Perkampungan Berapit	SPT	200,000.00
56	Cadangan Menaiktaraf Jalan Di Kawasan Perusahaan Seberang Jaya	SPT	100,000.00
57	Cadangan Menaiktaraf Jalan DI Kawasan Perusahaan Alma	SPT	100,000.00
58	Menaiktaraf Jalan dan Perparitan Dan Bahu Jalan Di Jalan Berapit	SPT	100,000.00
59	Membina Parit Konkrit di Tepi Jalan Kulim	SPT	100,000.00
60	Menaiktaraf Lampu Jalan Di Kawasan Perindustrian Bukit Minyak	SPT	100,000.00
61	Melebarkan Jalan Gajah Mati	SPT	100,000.00
62	Membina Parit Konkrit di Tepi Jalan Juru	SPT	100,000.00
63	Menaiktaraf Longkang, Jalan dan Bahu Jalan Di Jalan Rozhan	SPT	100,000.00
64	Menaiktaraf Jalan dan Perparitan Di Jalan Permatang Pasir	SPT	200,000.00
65	Cadangan Perlebaran Jalan dan Tempat Letak Kereta Di Kawasan Perusahaan Bukit Minyak	SPT	200,000.00
66	Cadangan Menaiktaraf Lampu Jalan Di Jalan Sungai Lembu	SPT	200,000.00
67	Memasang Lampu Isyarat Di Jalan Perusahaan Menuju Ke Kampung Dok Bukit Tengah	SPT	300,000.00
68	Cadangan Menaiktaraf Jalan Di Kawasan Perusahaan Bukit Tengah	SPT	100,000.00
69	Menyelenggara Jalan Dari Simpang Batu Kawan ke Jeti Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan	SPS	150,000.00

70	Membaikpulih Dan Menaiktaraf Jalan Kerian Kedah Ke Penjara Daerah Seberang Perai Selatan.	SPS	200,000.00

Bil	Projek Menaiktaraf Jalan (2012)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
71	Menaiktaraf Sistem Saliran Di Jalan Sg Udang, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	100,000.00
72	Menaiktaraf Sistem Saliran Di Jalan Sungai Bakau, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	100,000.00
73	Membaikpulih Jalan Pulau Burung, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	100,000.00
74	Menaiktaraf Sistem Saliran Di Jalan Valdor, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	100,000.00
75	Membekal dan memasang Perabut Jalan Di Jalan-jalan Negeri Dalam Daerah Seberang Perai	SPS	100,000.00
76	Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Jalan Victoria, Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	100,000.00
77	Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Jalan Tasek Ke Simpang Ampat	SPS	100,000.00
78	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Jalan Tanjung Berembang, Seberang Perai Selatan	SPS	100,000.00
79	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Jalan Sungai Setar, Seberang Perai Selatan.	SPS	100,000.00
80	Memperelok Persimpangan Di Jalan Changkat, Dain	SPS	100,000.00
81	Menaiktaraf Sistem Saliran Di Jalan Tanjung Berembang, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	100,000.00
82	Menaiktaraf Sistem Saliran Di Jalan Sungai Setar, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	100,000.00
83	Menaiktaraf Sistem Saliran Di Jalan Permatang Tok Mahat, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	100,000.00
84	Mengecat Garisan Jalan Di Jalan-jalan Negeri Dalam Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	100,000.00
85	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Jalan Di Kampung Sanglang, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	100,000.00
86	Pemasangan Papan Tanda Amaran dan Papan Tanda Destinasi Di Jalan-Jalan Negeri	SPS	100,000.00
87	Membaikpulih Jalan Di Kawasan Perindustrian Valdor	SPS	200,000.00
88	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Jalan Di Kawasan Perindustrian Bukit Panchor	SPS	200,000.00
	JUMLAH		**14,500,000.00**

Bil	Projek Membina Jalan Baru (2012)	Daerah	Kos (RM)/ (Perbelanjaan)
1	Membina Jalan Di SRJK (C) Hun Bin Tanjung Bungah	DTL	500,000.00
2	Pelebaran Jalan Dari Persimpangan Jalan Tun Sardon Ke Jalan Paya Terubong	DBD	200,000.00
3	Pelebaran Jalan Dan Menaiktaraf Jambatan di Jalan Song Ban Kheng	SPT	10,000,000.00
4	Menggantikan Pembentungan Sediaada Kepada Jambatan Konkrit Di Jalan Tanah Liat	SPT	1,000,000.00
5	Pelebaran Jambatan dan Menaiktaraf Jalan dari Satu Lorong ke Dua Lorong dari Jalan Perusahaan Hingga ke Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Tok Kangar	SPT	800,000.00
6	Mengganti Baru Tiga (3) Bilangan Jambatan Di Sepanjang Jalan Valdor Ke Tasek, Daerah Seberang Perai Selatan	SPS	200,000.00

	JUMLAH		**12,700,000.00**

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Sila jelaskan, apakah rasionalnya Akta Warisan Pulau Pinang diwujudkan sedangkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 telahpun ada?

Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang digubal khusus bagi tujuan pengurusan, pemeliharaan, pemuliharaan dan peningkatan warisan ketara dan tidak ketara bagi Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendapati bahawa tidak ada satu mekanisma perundangan yang khusus untuk mengenal pasti, mewarta, memelihara dan menyelenggara warisan kebudayaan (ketara / tidak ketara) yang jelas khususnya di peringkat negeri dan daerah. Selain itu, peruntukan khusus untuk penetapan dan pengurusan sesuatu tapak warisan dunia perlu digubal untuk memberi perlindungan serta mengiktiraf signifikasi elemen–elemen warisan dan memperkenalkan kaedah-kaedah kebenaran merancang dan penguatkuasaan yang dapat dilaksanakan di peringkat Negeri.

Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang turut memperkenalkan mekanisma penetapan tapak atau bangunan warisan yang tidak tersenarai di bawah peruntukan seksyen 24, Akta Warisan Kebangsaan 2005. Ini bertujuan memberi pengiktirafan serta memperkenalkan mekanisma pengurusan bagi perlindungan dan pemeliharaan tapak atau bangunan warisan di peringkat Negeri Pulau Pinang.

Enakmen ini juga pada prinsipnya tidak bercanggah dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005 sedia ada, yang tidak ada pegawai penguatkuasa tempatan. Sebaliknya Enakmen Warisan Pulau Pinang akan mempunyai pegawai tempatan di Pulau Pinang untuk menjalankan kerja berkenaan.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

46. (a) Nyatakan projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah ditawarkan kepada kontraktor kelas A, B, C dan D sejak tahun 2008.

(b) Senaraikan kontraktor yang telah mendapat tender.

(c) Bagaimana pemilihan dilakukan dan adakah projek ini berjalan mengikut jadual?

Y.A.B. Ketua Menteri:

46. (a) Projek Kerajaan Negeri yang ditawarkan kepada kontraktor Kelas A, B, C dan D sejak 2008 adalah seperti di jadual berikut :

TAHUN	KELAS					JUMLAH
	A	B	C	D	E	
2008 (mulai Julai)	-	-	-	1	4	5
2009	1	1	1	8	12	23
2010	1	2	9	31	39	82
2011	9	4	6	31	30	80
2012 (sehingga Mac)	4	-	-	5	5	14

(b) Kesemua tawaran dikeluarkan melalui tender terbuka dan penilaian tender ini adalah seperti yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Kewangan Negeri dan Persekutuan.

(c) Setakat ini, semua projek berjalan mengikut jadual.

Lazimnya setiap jabatan serta kontraktor akan memastikan tempoh siap projek yang yang dipersetujui itu dipatuhi. Pemantauan berterusan daripada jabatan teknikal sentiasa. dipertingkatkan bagi mengelakkan sebarang bentuk kecacatan serta kelewatan. Bagi pihak kontraktor pula, kelewatan menyiapkan projek akan mengakibatkan pengenaan LAD, menjejaskan reputasi dan peluang untuk mendapatkan kontrak di masa hadapan. Untuk rekod, jika projek tidak mengikut jadual, ianya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

(i) Kegagalan dalam menilai tapak atau rekabentuk spesifikasi oleh kontraktor
(ii) Masalah pengurusan kontraktor terutama pekerja mahir menguruskan projek
(iii) Kekurangan sumber kewangan, bahan binaan dan tenaga buruh
(iv) Kecekapan serta kemahiran kontraktor yang lemah
(v) Kegagalan sub-kontraktor yang lemah
(vii) Hasil kerja tenaga buruh yang tidak memuaskan dan tiada kualiti
(vii) Faktor cuaca

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Apakah status terbaru bagi projek Penang Global City Center (PGCC) yang telah tidak dapat diteruskan? Adakah apa-apa permohonan perancangan yang terbaru bagi projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Tidak ada sebarang kelulusan diberikan kepada projek PGCC. Malah projek PGCC telah pun ditolak oleh Kerajaan Negeri seawal 2008 dan tidak wujud langsung.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Difahami bahawa Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) tidak ada kadar

istimewa kepada badan-badan NGO seperti institusi anak yatim dan rumah beramal. Akan tetapi, rumah ibadat seperti kuil atau tokong dapat menikmati kadar istimewa tersebut. Adakah pihak kerajaan akan mempertimbangkan untuk meluluskan kadar istimewa tersebut kepada rumah beramal dan institusi anak yatim?

Y.A.B. Ketua Menteri:

48. PBAPP tidak memberi kadar istimewa kepada rumah ibadat seperti kuil atau tokong. PBAPP menetapkan kadar yang sama untuk kesemua pengguna domestik termasuk rumah ibadat seperti surau, masjid, kuil dan tokong.

Namun begitu, PBAPP memberi rebat kepada rumah ibadat seperti surau, masjid dan tokong sebanyak RM5 jika bil air adalah RM50 atau kurang dan RM10 bil sekiranya air melebihi RM50. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri telah meminta PBAPP untuk membuat kajian memberi rebet yang sama.

Pertubuhan-pertubuhan yang layak, masih boleh memohon kadar "tarif 5" bagi kegunaan domestik (pukal). Kadar ini terpakai untuk premis yang mempunyai penghuni melebihi 16 orang (seperti rumah kebajikan dan rumah anak yatim). Kadar yang dikenakan adalah kadar rata iaitu RM0.35 bagi setiap 1000 liter.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Demi memartabatkan Dewan Undangan Negeri,

(a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperbanyakkan Jawatankuasa Dewan berhubung dengan aspek dan bidang pentadbiran yang khusus?

(b) Apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi tujuan berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

49. (a) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memperbanyakkan Jawatankuasa Dewan kerana Jawatankuasa Tetap sedia ada iaitu Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan (PAC), Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, Jawatankuasa Dewan, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat dan Jawatankuasa Perlembagaan adalah memadai.

(b) Walau bagaimanapun, pada masa hadapan sekiranya terdapat keperluan Jawatankuasa Pilihan atau Jawatankuasa Tetap lain yang dipersetujui Kerajaan Negeri boleh dilantik dengan membuat usul dan ianya hendaklah mengandungi ahli-ahli yang dipilih oleh Dewan dan pilihan ahli-ahli itu hendaklah dibuat supaya bilangan Ahli-ahli Dewan dari pihak Kerajaan dan dari pihak Pembangkang yang menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa itu sama banyaknya (Peraturan 102 dan Peraturan 109–Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Apakah pendirian kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai tindakan beberapa pihak yang mempromosikan LGBT *(Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual)* dan adakah kes-kes promosi seperti ini dilakukan di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Ingin ditegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mengabaikan kebajikan mana- mana golongan jantina, kaum atau individu yang mempunyai latar belakang politik yang berbeza. Hak setiap individu yang tergolong dalam jantina yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan tanpa mengira sama ada dari golongan majoriti atau minoriti sentiasa dipertahankan.

Justeru, Kerajaan Negeri menjaminkan bahawa setiap penduduk di negeri ini tidak akan dipinggirkan dari arus pembangunan dan bebas menjalani kehidupan masing-masing selagi ianya tidak bertentangan dengan undang-undang dan budaya murni negara ini.

Isu promosi adalah tidak berkaitan dengan Kerajaan Negeri kerana ianya bertentangan dengan undang-undang, nilai agama dan budaya murni negara ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan lagi bantuan kewangan melalui rancangan warga emas, yang telah dilaksanakan dengan jayanya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2009 berbanding dengan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Semua peningkatan bantuan kewangan bagi program Kerajaan Negeri adalah perlu berdasarkan kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri. Sekiranya kemampuan kewangan Kerajaan Negeri mengizinkan, maka Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk meningkatkan bantuan kewangan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Salah satu inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk memperkasakan usaha miskin tegar sifar dengan menaikkan pendapatan minima setiap keluarga daripada RM500 ke RM600 sebulan. Tambahan ini akan memerlukan tambahan RM10 juta setahun.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir pernah menggelar Negeri Pulau Pinang sebagai “Darul Sampah”, sila jelaskan apa tindakan yang telah dijalankan untuk mempertingkatkan tahap kebersihan di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan tahap kebersihan di Pulau Pinang. Usaha ke arah meningkatkan tahap kebersihan negeri ini telah dan akan terus dilaksanakan dengan kerjasama kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

(i) Menambah peruntukan pembersihan oleh MPSP seperti berikut:

JUMLAH	PERUNTUKAN (RM)
2008	32.7 juta
2009	34.5 juta
2010	36.3 juta
2011	47.0 juta
2012	65.0 juta

(ii) Memperkasakan program Local Agenda 21 melalui aktiviti yang dilaksanakan seperti berikut :

(a) Mempergiatkan program kitar semula
(b) Melaksanakan Program Sekolah Hijau
(c) Melaksanakan Program Zero Waste di peringkat MPSP dan sekolah yang terpilih
(d) Program membuat Mud Ball
(e) Program membuat Kompos
(f) Program penghasilan sabun dari sisa lemak
(g) Pengiktirafan Taman Bersih
(h) Program Industri Hijau

(iii) Mengambil bahagian secara langsung dengan semua aktiviti yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan tahap kebersihan seperti Kempen Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Cleaner Greener Penang.

(iv) Menggalakkan penyertaan korporat dalam program *Corporate Social Responsibility* (CSR) bagi mempertingkatkan kebersihan, keindahan dan keceriaan kawasan.

(v) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga telah merancang untuk meningkatkan tahap kebersihan dengan mencantum Kerja Pembersihan Am dan Perkhidmatan Pelupusan Sampah di bawah Skop Pembersihan Bersepadu agar semua perkhidmatan tersebut dapat diselaraskan.

(vi) Meningkatkan kemudahan perkhidmatan di Stesen Pemindahan Ampang Jajar bagi melancarkan proses kemasukan dan penghantaran sampah ke Pulau Burung dengan penambahan empat (4) *bay* kepada enam (6) *bay* dan berkeupayaan untuk ditingkatkan kepada lapan (8) *bay* apabila diperlukan.

(vii) Bagi menjamin proses akhir pelupusan sampah mencapai standard yang ditetapkan, pihak MPSP bersama Kerajaan Negeri dan MPPP telah berusaha untuk mempertingkatkan taraf Tapak Pelupusan Pulau Burung dengan menaiktaraf dari Santary Landfill Levell III kepada Sanitary Landfill Level IV iaitu dengan mengambilkira perawatan air *leachate* dan pengurusan gas.

Sementara di peringkat MPPP pula, tindakan berikut telah diambil:

(i) Memantapkan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta membudayakan kesedaran amalan kebersihan persekitaran telah diambil oleh

MPPP dalam mencapai visi dan misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah bandar raya yang bersih dan hijau;

(ii) Mengambil langkah-langkah secara berterusan untuk merancang dan mengawal aktiviti kebersihan mengikut kawasan fokus, mengambil tindakan bersepadu dan membasmi kawasan longgokan sampah.

(iii) Melibatkan penyertaan komuniti setempat, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan penduduk dan badan bukan kerajaan bagi melaksanakan program-program seperti berikut:-

(a) Program Kesihatan Persekitaran (gotong-royong) dijalankan pada hari Sabtu, Ahad dan kelepasan awam.

(b) Pembersihan Ops Sinar dijalankan pada setiap hari Jumaat.

(c) Pembersihan Ops Combi.

(d) Ops Pickers dijalankan setiap hari di kawasan pelancongan seperti Persekitaran Gurney, Padang Kota Lama dan Promenade Sungai Pinang serta Jalan Persisiran Pantai Queensbay.

(e) Skuad Anti Litter Bersepadu untuk mengeluarkan saman kepada orang ramai yang membuang sampah telah diwujudkan dengan memberi tumpuan kawasan pelancongan.

(f) Program Kitar semula dan Kompos ke arah penyerapan budaya pengasingan sisa.

(g) Program Pengurangan Penggunaan Beg Plastik.

(h) Pengurusan kitar semula sisa e-Waste yang bukan non hazardous seperti PC Recyling secara smart partnership dengan pihak swasta serta badan bukan kerajaan. Penetapan model kitar semula e-waste tertentu sedang dibangunkan dengan penglibatan Jabatan Alam Sekitar dan nasihat pakar daripada JICA sebagai satu pilot project.

(i) Tindakan untuk membersihkan kawasan di Bandar Raya George Town yang menjadi tumpuan pelancongan adalah dipertingkatkan kekerapan bagi mengekalkan tahap kebersihan termasuk menempatkan tong sampah terutamanya di kawasan warisan.

(j) Dari sudut pendidikan dan kesedaran kepada rakyat, beberapa langkah yang turut diambil bagi mempergiatkan aktiviti seperti ceramah kitar semula dan menggalakkan program pengurangan sisa pepejal yang diadakan di sekolah-sekolah dan persatuan penduduk.

(iv) Bagi membudayakan kesedaran amalan kebersihan persekitaran, program-program yang telah dilaksanakan di bawah Inisiatif Cleaner, Greener Penang yang dilancarkan pada 22 Mei 2010 adalah seperti berikut:-

(1) Program Komuniti Kesihatan Pesekitaran(Gotong-royong)

(2) Ops Sinar Bersepadu

(3) Ceramah dan Pameran Kitar Semula termasuk Kempen Pengurangan Beg Plastik, Kitar Semula Komputer Terpakai (beratan yang dikumpul)

Program Pengurangan Sisa Pepejal kini dipertingkatkan dengan penglibatan komuniti di peringkat sekolah-sekolah, persatuan penduduk dan pengusaha-pengusaha pasar raya melalui kaedah *separation at source and collection point*. Beberapa buah lokasi pusat tong kitar semula ditempatkan di bahagian pulau sebagai insentif untuk masyarakat mempergiatkan aktiviti kitar semula.

(v) Kempen Kebersihan Tandas Awam yang telah dilancarkan pada 9 Mac 2012 sebagai inisiatif strategik untuk mempertingkatkan budaya penyelenggaraan dan kebersihan tandas melalui pendekatan strategi 4P (Pembelajaran, Publisiti, Penilaian dan Pengiktirafan). Kempen ini telah dilancarkan pada 9.3.2011 sehingga 23 November 2012.

Kempen ini akan meliputi beberapa kategori seperti berikut:-

(a) Kategori Tandas Sekolah Rendah
(b) Kategori Tandas Sekolah Menengah
(c) Kategori Tandas Pusat Beli Belah
(d) Kategori Tandas Restoran / Premis Makanan
(e) Kategori Tandas Pengusaha Stesen Minyak
(f) Kategori Tandas Milik PBT
(g) Kategori Tandas Pejabat Kerajaan

(vi) Bagi memantapkan sistem dan teknologi pengurusan sisa pepejal, antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil secara berterusan adalah seperti berikut:-

(a) Perancangan untuk melaksanakan sistem Global Positioning System (GPS) bagi memastikan operasi dan kawalan perkhidmatan kutipan dan pengangkutan sampah yang efektif dan efisyen.

(b) Pengurusan dan penyelenggaran Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong (Sanitary Landfill Level IV) termasuk penyediaan material recovery facility.

(c) Perancangan untuk menjana semula sampah yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Sampah Jelutong sebagai bahan yang boleh diguna semula atau dikitar semula.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Adakah projek mengecat semula flat atau menaik taraf lif yang diberi peruntukan

80:20 oleh Kerajaan Negeri berjaya.

(a) Sila senaraikan dengan teliti berapakah pemohonan diterima dan berapa yang telah diluluskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Projek mengecat semula flat atau menaik taraf lif yang dibiayai atas dasar 80% Kerajaan Negeri dan sumbangan penduduk atau pihak swasta untuk baki 20% telahpun mencapai kejayaan.

Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM3,000,000.00 untuk projek mengecat semula rumah-rumah flat milik Kerajaan Negeri manakala bagi menaik taraf lif, ia turut merangkumi rumah kos rendah projek swasta atas keperluan mendesak yang boleh menjejaskan keselamatan nyawa jika tidak dibaiki.

(a) Permohonan projek terlibat yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

Bil	Nama Projek	Peruntukan Kerajaan Negeri (80%)	Sumbangan Swasta/ Penduduk (20%)	Jumlah
1	Kerja mengganti *main sheave* dan *main wire rope* bagi lif Blok 3 Taman Jelutong Jaya	RM36,750.00	RM12,250.00	RM49,000.00
2	Kerja mengganti *main sheave* dan *main rope* bagi lif Blok 1 Taman Jelutong Jaya	RM35,200.00	RM8,800.00	RM44,000.00
3	Kerja-kerja pengecatan Blok B Flat Kg Melayu	RM220,000.00	RM55,000.00	RM275,000.00
4	Kerja-kerja pengecatan Blok F, Flat Padang Tembak	RM195,000.00	RM48,800.00	RM244,000.00
5	Kerja-kerja pemasangan satu unit lif baru bagi Projek Perumahan Taman Seri Damai, Batu Lanchang	RM122,664.00	RM30,666.00	RM153,330.00
	JUMLAH	RM609,814.00	RM155,516.00	RM765,330.00

Manakala permohonan yang sedang dalam pertimbangan adalah kerja-kerja pengecatan dan menaik taraf lif di Flat Lebuh Macallum di mana perbincangan akan diadakan dengan pihak PDC.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Huraikan pengaruhan dan impak antara Pelan Tempatan Bahagian Pulau (Local Plan-Island) dan Sistem Pengangkutan Awam untuk pertingkatkan kualiti hidup rakyat ke tahap *middle class* semasa diwartakan dan diluluskan.

(a) Bila pelan tersebut akan diwartakan dan mengapa pelan tersebut lewat diwartakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Draf Pelan Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 telah menggariskan

strategi-strategi untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang.

Inisiatif-inisiatif yang telah diperakukan untuk merealisasikan strategi menaik taraf dan menambah baik sistem pengangkutan awam adalah:

(i) Merancang dan membangunkan rangkaian pengangkutan awam yang terdiri daripada rel dan perkhidmatan bas;

(ii) Menyediakan kemudahan-kemudahan sokongan berintegrasi bagi pengangkutan awam seperti kemudahan *park and ride*, bas pengantara *(shuttle bas)*, laluan pejalan kaki dan sebagainya;

(iii) Menentukan stesen-stesen multi modal sebagai lokasi bagi penumpang membuat pertukaran antara sistem pengangkutan awam; dan

(iv) Perancangan bandar secara pembangunan yang berorientasikan pengangkutan awam *(transit oriented development)* di mana pengangkutan awam saling menyokong dan berkait dengan guna tanah.

Di samping cadangan membina dan menaik taraf jalan, peningkatan tahap aksesibiliti dan kemudahsampaian *(accessibility and mobility)* melalui pengangkutan awam secara berintegrasi dan saling menyokong telah dikenal pasti untuk peningkatan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang.

Draf Pelan Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 dijangka dapat dipamerkan kepada orang awam pada Ogos 2012 sebelum diwartakan memandangkan terdapat beberapa pindaan perlu diselaraskan dan dimasukkan di dalam draf Rancangan Tempatan berkenaan dengan mengambil kira Rancangan Kawasan Khas Kawasan Tapak Warisan Dunia Georgetown dan Taman Botani yang sedang dalam peringkat akhir penyediaannya. Di samping itu juga, pengesahan kandungan RT juga perlu diperolehi daripada ADUN dan Ahli Exco di bahagian Pulau sebelum RT ini dibawa untuk sesi publisiti dan bantahan awam.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Polis DiRaja Malaysia terhadap isu keselamatan Y.A.B. Ketua Menteri yang telah diugut di Padang Kota semasa kempen Anti Lynas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Mengikut maklum balas PDRM antara tindakan yang diambil oleh pihak PDRM bagi menjamin keselamatan Y.A.B. Ketua Menteri semasa Kempen Anti Lynas di Padang Kota termasuklah:

(a) Memperketatkan keselamatan peribadi Y.A.B. Ketua Menteri dengan memberi ingatan kepada juruiring untuk mempertingkatkan kawalan keselamatan sepanjang tempoh 24 jam;

(a) Memberi penerangan yang lebih jelas terhadap peranan juruiring supaya

sentiasa menasihatkan Y.A.B. Ketua Menteri tentang tahap keselamatan sesuatu majlis yang akan dihadiri seperti laluan kenderaan yang perlu digunakan, laluan pintu keluar/masuk ke sesebuah bangunan dan lain-lain lagi;

(b) Menambah bilangan anggota keselamatan/juruiring pada sesuatu upacara awam yang dihadiri oleh Y.A.B. Ketua Menteri; dan

(c) Meminta juruiring sentiasa memaklumkan dan melaporkan kepada pihak polis setiap kali Y.A.B. Ketua Menteri menghadiri upacara/aktiviti awam untuk tujuan *back up* keselamatan sekiranya perlu.

Tidak ada sebarang tambahan keselamatan ataupun tindakan pendakwaan ke atas samseng-samseng UMNO dan Perkasa yang mengugut Y.A.B. Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Adakah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat lebih proaktif dalam mempertingkatkan keadaaan dan kelengkapan rumah pangsa Padang Tembak berbanding dengan Kerajaan Negeri terdahulu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Kerajaan Negeri sentiasa komited dan proaktif dalam memberikan keselesaan kepada semua penghuni Rumah Awam Kerajaan Negeri termasuklah penghuni di Rumah Pangsa Padang Tembak. Ini dibuktikan melalui peruntukan yang telah diluluskan untuk Rancangan Perumahan Padang Tembak sejak tahun 2008 sehingga tahun 2012 adalah sebanyak RM15,623,150.36 berbanding dengan peruntukan yang telah diluluskan pada tahun 2005 sehingga tahun 2007 sebanyak RM 850,000.00 seperti data di bawah :-

Tahun	Peruntukan (RM)
2005	350,000.00
2006	80,000.00
2007	420,000.00
Jumlah (RM)	850,000.00

Tahun	Peruntukan (RM)
2008	239,500.00
2009	305,250.00
2010	5,090,650.00
2011	5,584,450.00
2012	4,403,300.36
Jumlah (RM)	15,623,150.36

Peruntukan ini telah dan akan digunakan untuk penyelenggaraan rumah-rumah awam termasuk kerja membaiki kerosakan, pengecatan dan sebagainya bagi menjamin

keselesaan penghuninya. Usaha-usaha untuk memperbaiki dan menaik taraf keadaan rumah-rumah awam ini akan diteruskan sehingga keselesaan mendiami rumah-rumah awam Kerajaan Negeri dicapai sepenuhnya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Sila nyatakan prestasi perbelanjaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan tahun 2011.

(a) Berapakah projek pembangunan yang tidak dapat dijalankan dalam tahun 2012?

Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Prestasi perbelanjaan Kerajaan Negeri tahun 2011 bagi peruntukan mengurus ialah RM464,576,740.60 berbanding peruntukan RM493,102,840.00 iaitu bersamaan 94.21%, manakala prestasi pembangunan ialah RM171,050,387.80 berbanding peruntukan langsung Kerajaan Negeri RM262,300,020.00 iaitu bersamaan 57.99%.

Prestasi perbelanjaan yang rendah bagi peruntukan pembangunan negeri adalah disebabkan oleh projek-projek bernilai besar yang tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya berbanding dengan peruntukan yang diluluskan. Antaranya ialah projek pengambilan tanah yang mengambil masa dan melangkaui tahun kewangan sebelum pembayaran dapat dijelaskan dengan peruntukan berjumlah RM83.78 juta yang merupakan 92% daripada jumlah yang tidak dapat dibelanjakan. Projek pengambilan tanah untuk projek awam mengambil masa yang panjang untuk membolehkan perpindahan secara elok dijalankan.

Dalam tahun 2012, sejumlah 662 projek pembangunan yang telah diluluskan akan dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Tempat parkir di Pasar Awam Taman Berjaya didakwa tidak dapat menampung kuantiti kenderaan yang menggunakannya. Sila nyatakan rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Tempat letak kereta di Pasar Awam Taman Berjaya adalah mencukupi pada peringkat awal pembinaan pasar tersebut. Walau bagaimanapun, penambahan penjaja di kawasan tersebut telah menyebabkan pasar ini menjadi daya tarikan kepada pengunjung. Tambahan pula ruang-ruang kosong di kawasan tersebut telah diambil oleh penjaja bergerak. Oleh itu, cadangan untuk menambah tempat letak kereta baru tidak dapat dilaksanakan kerana kawasan sekitar tidak mempunyai ruang kosong yang boleh digunakan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui MPSP telah mengambiltindakan mengadakan jalan dalaman sebagai jalan sehala bagi memastikan lalu lintas dapat bergerak dengan teratur dan terkawal.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Kerajaan Pusat dikatakan akan membina Penjana Elektrik Nuklear. Sekiranya Kerajaan Pusat hendak membinanya di Negeri ini, apakah pandangan dan pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

(a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membantah pembinaannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Pendirian Kerajaan Negeri pada masa kini mengenai apa-apa cadangan loji nuklear adalah untuk menolak kerana kesan negatif dan bahaya yang akan dihasilkan akibat loji ini. Atas alasan ini, Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh membantah cadangan Lynas di Pahang. Kerajaan Negeri telah pun menyampaikan secara bertulis kepada Y.B. Peter Chin, Menteri berkenaan agar Kerajaan Negeri tidak akan membenarkan loji reaktor nuklear di Pulau Pinang dan ini dipersetujui atau dihormati oleh Y.B. Peter Chin. Oleh itu jika terdapat cadangan untuk Penjana Elektrik Nuklear di Pulau Pinang sudah pasti Kerajaan Negeri akan menolak cadangan tersebut. Ini kerana Kerajaan Negeri mengambil pengajaran daripada insiden lepas yang berlaku di Chernobyl, Russia (1986) serta Jepun 1992 dan 2011. Negara Jepun yang telah memiliki kepakaran dan tahap teknologi yang sangat maju dan progresif tidak terlepas daripada menghadapi krisis nuklear yang serius dalam sejarah dunia sejak bencana Chernobyl 25 tahun yang lalu. Negara China dan Jerman juga telah membatalkan rancangan membina loji nuklear demi keselamatan rakyat dan pemeliharaan alam sekitar. Dengan kesengsaraan yang dialami ini, Kerajaan Negeri membantah pembinaan Penjana Elektrik Nuklear bukan sahaja di Negeri Pulau Pinang tetapi juga di mana-mana negeri di Malaysia.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Bolehkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjanji jika diberi mandat sekali lagi dalam PRU13 ini akan bantu membayar sekurang-kurangnya separuh hutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah dana yang diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan dan sebarang perubahan terhadap perubahan dasar ini harus dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

61. (a) Apakah perkembangan terkini dengan *project tunnel?*

(b) Berapakah *Request For Proposal* (RFP) yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

(c) Bilakah pemenang (RFP) akan diumumkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Kerajaan Negeri telah mencadangkan pembinaan Projek Link Ketiga yang mengandungi sebuah terowong yang akan menghubungkan Persiaran Gurney

dengan persimpangan Jalan Bagan Ajam (Jalan Persekutuan 1) / Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth.

Sebanyak 11 buah syarikat telah menyertai proses Pra-Kelayakan Projek yang dibuat secara terbuka mulai 15 November 2011 sehingga 14 Januari 2012. Proses ini bertujuan memastikan hanya syarikat-syarikat yang memiliki keupayaan dari aspek teknikal dan kewangan layak menyertai *Request For Proposal* (RFP) yang akan ditawarkan kelak. Pada masa ini, Kerajaan Negeri masih lagi menilai keupayaan syarikat-syarikat tersebut.

Selepas proses penilaan Pra-Kelayakan disempurnakan, hanya syarikat-syarikat yang layak akan dipelawa untuk mengemukakan RFP kepada Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, sehingga kini, Kerajaan Negeri sedang meneliti dokumen RFP berkaitan Projek Link Ketiga dan pembida yang berjaya hanya akan diumumkan setelah ke semua proses penilaian yang teliti ke atas RFP disempurnakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

62. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap kilang-kilang haram yang terdapat di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

62. Pada dasarnya dalam usaha mengawal kilang-kilang haram di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui MPPP dan MPSP telah mengambil beberapa langkah. Bagi kilang-kilang haram atas tanah persendirian, notis boleh dilaksanakan di bawah Seksyen 72, Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 oleh kedua-dua PBT kepada pemilik untuk meroboh bangunan haram tersebut. Manakala untuk kilang-kilang atas tanah Kerajaan, tindakan akan diambil oleh Pejabat Daerah dan Tanah melalui notis di bawah Seksyen 425 dan 426A, Kanun Tanah Negara.

Di samping itu, bagi kawasan Seberang Perai, MPSP telah mengambil tindakan tambahan seperti berikut bagi menangani kilang-kilang haram di Seberang Perai:-

(i) Penubuhan “Task Force” kilang haram.

(ii) Menyediakan inventori kilang haram mengikut daerah.

(iii) Membuat pemutihan di seluruh Seberang Perai dengan memberi permit dalam masa setahun untuk mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang.

(iv) Menjalankan penguatkuasaan ke atas kilang-kilang yang gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MPSP.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Apakah bahan-bahan yang digunakan untuk membuat Solar Panel dan adakah Kerajaan Negeri telah meluluskan apa-apa industri yang boleh mendatangkan kesan toksik atau yang mempunyai bahan-bahan merbahaya seperti pencemaran bahan

radio aktif?

Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Tenaga suria (*solar energy*) merupakan tenaga yang diperbaharui (*renewable energy*) kerana solar panel hanya bergantung kepada tenaga suria. Oleh itu penggunaan solar panel boleh menjimatkan kos elektrik dan dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga seperti gas dan arang batu (*non renewable energy*).

Tentunya ada keluaran yang mungkin toksik (bukan radioaktif) sama seperti industri lain yang perlukan sistem rawatan yang elok dan menyeluruh.

Antara bahan - bahan mentah yang digunakan dalam pengeluaran solar panel ialah *silicon, wafer, module, inverter* dan bahan - bahan kimia yang tidak merbahaya dalam pengeluaran solar panel. Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) telah menyatakan bahawa pengeluaran solar panel tidak menghasilkan atau mengeluarkan bahan radioaktif, justeru itu ia tidak tertakluk kepada Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304)

Pihak AELB juga mengesahkan bahawa setakat ini tidak menerima sebarang permohonan yang mengisytiharkan kilang solar panel di Pulau Pinang akan mengguna atau menghasilkan bahan radioaktif. Oleh itu, adalah satu fitnah jahat untuk pihak tertentu untuk sabotaj industri tenaga solar dengan menyebarkan maklumat bahawa ada keluaran bahan radioaktif.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

64. (a) Sila nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan penduduk Negeri Pulau Pinang yang berumur 25 hingga 45 tahun dapat membeli rumah di Negeri Pulau Pinang.

(b) Sila huraikan langkah-langkah yang telah diambil di bahagian Pulau dan Seberang Perai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Syarat pemilikan untuk sesebuah rumah tidak hanya diukur berdasarkan had umur tetapi juga berdasarkan kepada had pendapatan isi rumah untuk mendapat kemudahan pinjaman bank. Untuk rumah kos rendah dan kos sederhana rendah, di antara syarat kelayakan yang ditetapkan adalah pemohon mestilah berumur 18 tahun ke atas dan pendapatan isi rumah untuk kos rendah tidak melebihi RM2,500.00 manakala untuk kos sederhana rendah tidak melebihi RM3,500.00 sebulan.

Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan golongan yang berpendapatan rendah dapat memiliki rumah adalah seperti berikut :

(i) Mengemaskini maklumat peribadi pemohon di dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) mulai 15 Disember 2011 sehingga 31 Mac 2012. Aktiviti pengemaskinian ini adalahmensasarkan permohonan yang dibuat sebelum

tahun 2008 tetapi tidak dikemaskini. Ini bagi mengelakkan timbul kesulitan kepada Bahagian Perumahan semasa membuat proses penawaran kerana kebanyakan pemohon tersebut didapati telah berpindah, telah meninggal dunia, telah tidak menepati syarat dan kriteria pembelian rumah kos rendah/rumah kos sederhana rendah seperti telah memiliki rumah, pendapatan isi rumah telah melebihi daripada syarat yang telah ditetapkan dan lain-lain. Sehingga 31 Mac 2012, sebanyak 904 pemohon telah mengemaskini maklumat peribadi mereka. Jumlah keseluruhan permohonan yang dikategorikan sebagai aktif adalah sebanyak 29,289 permohonan.

Bahagian Perumahan akan memberi keutamaan kepada 29,289 pemohon yang aktif tersebut semasa membuat pemilihan dan penawaran rumah, sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat kelayakan ditetapkan;

(ii) Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan dana sebanyak RM500 juta di bawah Tabung Rumah Mampu Milik bagi membiayai projek perumahan mampu milik di bahagian Seberang Perai dan bahagian Pulau.

(iii) Kerajaan Negeri juga melalui anak syarikatnya iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kini sedang membangunkan 11,800 unit rumah mampu milik bertingkat di Bandar Cassia, Batu Kawan.

(iv) Kerajaan Negeri juga kini sedang mengenal pasti tanah-tanah yang berpotensi untuk dibangunkan projek perumahanmampu milik di bahagian Pulau;

(v) Mengambil kira keupayaan pembeli rumah *purchasing power* penduduk yang berbeza-beza, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan meluluskan projek perumahan bagi memastikan semua golongan penduduk di Pulau Pinang memiliki rumah berdasarkan dua jenis rumah mampu milik iaitu rumah kos rendah dan kos sederhana rendah;

(vi) Kerajaan Negeri juga melalui PBT menetapkan had-had ketumpatan bagi pemajuan perumahan selain kos rendah dan sederhana rendah. Kerajaan Negeri juga memberikan insentif dan had ketumpatan yang lebih tinggi bagi pemajuan perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah agar bekalan rumah di Pulau Pinang adalah mencukupi bagi semua penduduknya. Misalnya, perumahan kos sederhana rendah diberikan ketumpatan sehingga 120 unit seekar manakala tiada had ketumpatan bagi perumahan kos rendah (dengan syarat mematuhi semua kehendak perancangan);

(vii) Kerajaan juga mengawal harga rumah kos rendah dan sederhana rendah dan menetapkan syarat kelayakan rumah yang lebih realistik bagi golongan pertengahan iaitu individu yang berpendapatan RM2,500.00 hingga RM3,500.00 sebulan dan merendahkan had kelayakan umur dari 21 tahun kepada 18 tahun;

(viii) Kerajaan Negeri juga berusaha menggalakkan pemilik hartanah menyertai program pemuliharaan dan pembaharuan bandar melalui agensi pembaharuan dan pemulihan bandar agar lebih banyak perumahan dan hartanah lain dapat dibina untuk mencapai hasrat satu rumah satu keluarga terutama di kawasan bandar;

(ix) Kerajaan Negeri melalui inisiatif One Stop Centre (OSC) di PBT juga

berusaha memproses dan meluluskan lebih banyak pelan-pelan permohonan perancangan dalam waktu yang lebih singkat untuk menggalakkan lebih banyak rumah dapat dibina dalam waktu yang singkat.

(x) Membenarkan pemaju membangunkan sehingga mencapai kepadatan 87 unit/ekar hingga 120 unit/ekar (maksimum - sekiranya tapak tersebut mempunyai penempatan setinggan) bagi kawasan-kawasan yang dibenarkan bagi penambahan ketumpatan terutama sekali di sekitar kawasan *'Transportation Oriented Development'* (T.O.D); dan

(xi) Mensyaratkan supaya 30% RKSR disediakan bagi kawasan Daerah Timur Laut. Manakala bagi kawasan Daerah Barat Daya perlu menyediakan RKSR sebanyak 15% dan RKR sebanyak 15%.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Nyatakan projek-projek yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 tetapi tidak dapat dilaksanakan sehingga sekarang. Nyatakan

(a) Bilangan projek yang tertangguh kerana mendapat bantahan orang ramai.

(b) Adakah projek tersebut akan diteruskan dan bila serta apakah manfaatnya kepada rakyat?

(c) Sumber untuk membiayai projek tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Pelaksanaan projek-projek pembangunan di Negeri Pulau Pinang dibuat secara terancang bagi memastikan pelaksanaannya lancar dan memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat. Setakat ini projek-projek yang diluluskan di bawah peruntukan pembangunan negeri pada setiap tahun dilaksanakan sepenuhnya oleh jabatan dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab.

Projek-projek yang dirancang tetapi belum dilaksanakan kebanyakannya melibatkan penyertaan sektor swasta. Kelewatan disebabkan oleh rundingan dengan pihak swasta berkenaan syarat-syarat yang belum dimuktamadkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

66. (a) Sila nyatakan kegunaan terkini Lot 616, Mk. 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

(b) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai cadangan untuk menggunakan sebahagian Lot 616 Mk. 12, Daerah Barat Daya untuk memperluaskan jalan raya demi membawa kebaikan kepada orang awam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

66. (a) Lot 616, Mukim 12, Daerah Barat Daya adalah tanah kerajaan. Di atas tapak ini terdapat sebuah kedai motosikal, sebuah kedai perabut dan sebuah rumah

kediaman. Suatu ketika dulu tanah ini pernah dikeluarkan hak milik secara pajakan 30 tahun, tetapi pajakan tersebut telah pun luput pada 30 Jun 1998. Selepas itu terdapat beberapa permohonan untuk pemberian milik dan Lesen Pendudukan Sementara ke atas tanah ini, tetapi kesemua permohonan-tersebut telah ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(b) Memandangkan tanah ini letak berkembaran dengan jalan raya sedia ada, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa tanah tersebut adalah sesuai untuk pelebaran jalan pada masa hadapan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

67. Terdapat aduan bahawa projek LMC yang berharga RM72,500.00 dijual dengan RM115,000.00 untuk tempat letak kereta dan kos ubahsuai.

(a) Adakah tindakan ini salah dari segi dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

(b) Adakah menjadi kesalahan pemaju yang menjual tempat letak kereta?

(c) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap pemaju yang menjual rumah pada kadar harga tinggi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

67. Kerajaan Negeri sedar bahawa terdapat aduan yang menyatakan harga rumah kos sederhana rendah bernilai RM72,500 dijual pada harga RM115,000 dengan memasukkan pakej pengubahsuaian rumah dan tapak letak kenderaan ke dalam harga rumah.

(a) Kerajaan Negeri memandang serius berhubung isu ini kerana ianya dilihat memberikan bebanan dan tekanan kepada pemohon-pemohon yang layak untuk membeli rumah kos sederhana rendah yang kebanyakannya berpendapatan di bawah RM3,500.00.

Kerajaan Negeri mempunyai garis panduan penetapan harga untuk rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR). Setiap penentuan harga rumah bagi kedua-dua kategori tersebut diputuskan didalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Konsep Baru Perumahan Peringkat Negeri (JPKBPPN) berdasarkan keluasan, jenis rumah dan juga zon pemajuan. Keputusan harga yang dibuat dalam Mesyuarat JPKBPPN akan dimaklumkan kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

(b) Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa keperluan Tempat Letak Kereta (TLK) bagi perumahan kos sederhana rendah (LMC) ialah nisbah 3:4 (Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bil 4/2009 pada 26 Mei 2009 dan disahkan pada 18 Jun 2009) dan tambahan 10% untuk pelawat. Tempat letak kereta mestilah disediakan dengan secukupnya mengikut garis panduan.

Pemaju tidak dibenarkan untuk menjualkan tempat letak kereta yang perlu disediakan oleh garis panduan termasuk tambahan 10% untuk pelawat. Namun, Kerajaan Negeri tiada halangan sekiranya pemaju ada menyediakan

tempat letak kereta melebihi daripada yang diperlukan oleh garis panduan dan pemaju menjual lebihan tempat letak kereta yang disediakan tersebut kepada pembeli atas persetujuan pembeli.

(c) Antara tindakan proaktif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan bagi menangani isu ini adalah seperti berikut:-

(i) mengadakan perjumpaan dengan pemaju-pemaju terbabit bagi mendapatkan penjelasan serta memberikan amaran supaya tidak menaikkan harga rumah kos sederhana rendah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh JPKBPPN. Pemaju yang terlibat tidak boleh memaksa pembeli membeli tempat letak kereta dan juga pakej pengubahsuaian;

(ii) Mengemukakan aduan secara rasmi kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap pemaju-pemaju terbabit. Aduan tersebut melibatkan 4 pemaju iaitu Nusmetro Venture (P) Sdn. Bhd., Genuine Galaxy Sdn. Bhd., Ujung Pelangi Sdn. Bhd. dan juga Chong & Company Sdn. Bhd.; dan

(iii) mengadakan pemantauan dan pengawasan yang berterusan ke atas rumah kos sederhana rendah yang telah diluluskan harga jualan melalui maklum balas yang diterima daripada pihak awam.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

68. Memandangkan Negeri Pulau Pinang telah dikecualikan daripada pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal 2007.

(a) Sila nyatakan perkembangan terbaru di Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam usaha mempertingkatkan mutu khidmat pembersihan dan pengurusan sisa pepejal.

Y.A.B. Ketua Menteri:

68. Perkembangan terkini MPSP dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan pembersihan dan pengurusan sisa pepejal setelah tidak menerima cadangan dari pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal Negara 2007 adalah seperti berikut:

(i) Pihak MPSP telah diberi peruntukan sebanyak RM20 juta oleh Kerajaan Negeri bagi keperluan pembelian peralatan dan jentera baru di samping peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta bagi membuat penambahan kakitangan.

(ii) Pada tahun 2012 juga, MPSP telah memperuntukkan sejumlah RM65 juta bagi memastikan mutu perkhidmatan pembersihan dan pengurusan sisa pepejal dapat ditingkatkan.

(iii) MPSP telah merancang untuk meningkatkan perkhidmatan tersebut dengan mencantum Kerja Pembersihan Am dan Perkhidmatan Pelupusan Sampah di bawah Skop Pembersihan Bersepadu agar semua perkhidmatan tersebut

dapat diselaraskan.

(iv) Pihak MPSP juga telah meningkatkan kemudahan perkhidmatan di Stesen Pemindahan Ampang Jajar bagi melancarkan proses kemasukan dan penghantaran sampah ke Pulau Burung dengan penambahan empat (4) *bay* kepada enam (6) *bay* dan berkeupayaan untuk ditingkatkan kepada lapan (8) *bay* apabila diperlukan.

Bagi menjamin proses akhir pelupusan sampah mencapai standard yang ditetapkan, pihak MPSP bersama Kerajaan Negeri dan MPPP telah berusaha untuk mempertingkatkan taraf Tapak Pelupusan Pulau Burung dengan menaik taraf dari *Sanitary Landfill Level III* kepada *Sanitary Landfill Level IV* iaitu dengan mengambil kira perawatan *air leachate* dan pengurusan gas.

JAWAPAN KEPADA SOALAN-SOALAN BERTULIS

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila huraikan kriteria pemilihan calon untuk rumah kos rendah oleh Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kriteria pemilihan calon untuk rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

(i) Pemohon mestilah berdaftar dengan Bahagian Perumahan

(ii) Warganegara Malaysia

(iii) Pendapatan tidak melebihi RM2,500.00 untuk Kos Rendah (suami dan isteri)

(iv) Pendapatan tidak melebihi RM3,500.00 untuk Kos Sederhana Rendah (suami dan isteri)

(v) Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan

(vi) Bilangan tanggungan

(vii) Tempoh menetap di Pulau Pinang

(viii) Bekas perajurit

(vix) Taraf kediaman sekarang dan sebab kehilangan tempat tinggal.

Keutamaan akan diberi bagi kes-kes di mana pemohon yang kehilangan tempat tinggal disebabkan pembangunan di tapak kediaman sedia ada setelah menerima dokumen sokongan seperti Perjanjian Pampasan atau Notis Pindah. Rumah Kos Rendah juga diberikan keutamaan untuk ditawarkan kepada setinggan di tapak sesuatu projek. Bagi projek-projek di atas tanah Kerajaan Negeri, Bahagian

Perumahan perlu mendapatkan pengesahan senarai nama setinggan yang terlibat daripada Pejabat-pejabat Daerah yang berkaitan dan disahkan sebelum sesuatu tawaran dibuat. Manakala bagi projek swasta, pihak pemaju perlu mengemukakan salinan Perjanjian Pampasan bagi penduduk setinggan yang terlibat sebelum tawaran rumah dibuat.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sejak Pakatan Rakyat mengambil alih kuasa memerintah pada tahun 2008, berapa unitkah rumah mampu milik yang telah dibina dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga 31 Disember 2011?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Dari tahun 2008 sehingga 2011, terdapat sebanyak 25 projek perumahan kos rendah dan 15 projek perumahan kos sederhana rendah yang telah diluluskan Kebenaran Merancang oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Kelulusan ini melibatkan pembinaan sebanyak 4,129 unit rumah kos rendah dan 2,733 unit rumah kos sederhana rendah. Pada tempoh tersebut sebanyak 5,604 unit rumah kos rendah dan 3,028 unit rumah kos sederhana rendah telah siap dibina. Jadual jumlah projek yang telah dibina dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga 31 Disember 2011 adalah seperti di bawah:-

UNIT RUMAH KOS RENDAH DAN KOS SEDERHANA RENDAH YANG TELAH DIBINA DARI TAHUN 2008 SEHINGGA 31 DISEMBER 2011

JENIS RUMAH	TAHUN				JUMLAH
	2008	2009	2010	2011	
Kos Rendah	1953	1475	1390	786	5604
Kos Sederhana Rendah	1244	699	826	259	3028
JUMLAH	**3197**	**2174**	**2216**	**1045**	**8632**

UNIT RUMAH KOS RENDAH DAN KOS SEDERHANA RENDAH YANG TELAH DILULUSKAN DARI TAHUN 2008 SEHINGGA 31 DISEMBER 2011

JENIS RUMAH	TAHUN				JUMLAH
	2008	2009	2010	2011	
Kos Rendah	641	806	654	2028	4129
Kos Sederhana Rendah	231	1080	1023	399	2733
JUMLAH	**872**	**1886**	**1677**	**2427**	**6862**

Kerajaan Negeri juga telah membangunkan empat (4) projek perumahan kos rendah dan sederhana rendah iaitu :

(i) Projek pembangunan semula Gat Lebuh Nordin di atas Lot 341, Seksyen 11E, Daerah Timur Laut sebanyak 686 unit kos rendah dan 1,522 unit kos sederhana rendah, dibangunkan oleh PLB Wonderbay Sdn. Bhd.; dan

(ii) Projek pembangunan semula Ampang Jajar/Rumah Hijau di atas tanah Kerajaan Negeri, Seksyen 3, Bandar Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara sebanyak 304 unit rumah kos rendah, dibangunkan oleh Silver Channel Sdn. Bhd

(iii) Pembinaan projek Halaman Kenanga di Sungai Nibong, Daerah Timur Laut sebanyak 204 rumah kos rendah dan 510 rumah kos sederhana rendah melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC); dan

(iv) Pembinaan projek Halaman Seroja di Bandar Cassia, Seberang Perai Tengah sebanyak 195 rumah kos sederhana rendah melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Sejak tahun 2008 hingga 2011 juga, menerusi Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin Kerajaan Negeri telah membaiki sebanyak 288 buah rumah penduduk miskin dan miskin tegar yang rosak dan tidak selesa untuk dididuduki serta telah membina baru 22 buah rumah kediaman yang tidak lagi selamat untuk dididuduki. Untuk tahun 2012, sebanyak 68 rumah penduduk miskin dan miskin tegar yang rosak dan tidak selesa untuk dididuduki akan dibaiki dan sebanyak 8 buah rumah kediaman akan dibina di bawah program ini. Perincian mengikut daerah adalah seperti di Lampiran B.

Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM1,000,000.00 kepada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pada tahun 2011 bagi tujuan membina rumah kos rendah yang dikenali juga rumah mampu milik. Kedudukan sekarang, tapak projek di Kampung Indera Timbalan, Simpang Ampat sedang ditambun dan pembinaan rumah yang dianggarkan sebanyak 44 unit dirancang akan dilaksanakan dalam tahun 2013.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Sila nyatakan bilangan pemohon rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang telah mengemaskinikan maklumat permohonan sehingga 31 Mac 2012.

(b) Sila nyatakan mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Sejumlah 904 pemohon Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah yang telah mengemaskini maklumat pemohon sehingga 31 Mac 2012.

(b) Pecahan pengemaskinian mengikut kategori daerah adalah seperti berikut :-

DAERAH	JUMLAH KEMASKINI
Seberang Perai Tengah	47
Seberang Perai Utara	86
Seberang Perai Selatan	70
Timur Laut	566
Barat Daya	133
Tiada Daerah	2
JUMLAH	**904**

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pelancongan merupakan aktiviti ekonomi di mana ia mampu membawa rezeki dan kebaikan kepada komuniti. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah diambil untuk menggalakkan perkembangan aktiviti ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Antara rancangan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan perkembangan sektor Pelancongan di Pulau Pinang adalah:-

(i) Kerajaan Negeri sedang menyediakan dua kajian Rancangan Kawasan Khas RKK iaitu RKK Taman Botani dan RKK Bukit Bendera yang akan mengandungi cadangan penambahbaikan kepada kemudahan rekreasi di Taman Botani serta langkah-langkah pengurusan taman bagi mengekalkan alam semulajadi yang menarik;

(ii) Menumpukan perhatian kepada ”Meetings, Incentive, Convention and Exhibition” (MICE) untuk menjadi pusat pertemuan delegasi antarabangsa dengan menyediakan kemudahan persidangan antarabangsa yang berteknologi tinggi;

(iii) Menghasilkan buku dan DVD MICE dan menyertai pelbagai pameran industri MICE;

(iv) Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi pelaksanaan program mengekalan, pemuliharaan, pameran dan promosi warisan dan budaya Negeri ini untuk menjadi tatapan pelancong- pelancong;

(v) Menambah baik muzim Negeri untuk memberi lebih keselesaan kepada pengunjung seterusnya menambhkan lagi bilangan pelancong ke Negeri ini, dan

(vi) Menyediakan rangkaian perhubungan yang lengkap dengan maklumat kesihatan dan perkhidmatan yang ditawarkan di Negeri ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila huraikan tujuan kedatangan pelancong ke Negeri Pulau Pinang. Adakah hanya untuk bercuti atau ada tujuan lain?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Negeri Pulau Pinang merupakan destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa yang menjadi pilihan pelancong dalam dan luar negara. Pulau Pinang telah diiktiraf sebagai ”8th Most Liveable Cities in the World” oleh” ECA International Location Rating Research” berbanding dengan Kuala Lumpur yang telah berada di ranking ke-10.

Antara tujuan pelancong datang berkunjung ke Pulau Pinang adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:-

(a) Percutian & Hiburan

Menjalani percutian di bandar yang maju tetapi masih mengekalkan keindahan alam semulajadinya. Di samping itu, Pulau Pinang turut menjadi hos kepada pelbagai acara antarabangsa seperti World Music Festival dan Larian Jambatan Pulau Pinang yang berjaya menarik kehadiran ribuan pengunjung.

(b) Peluang Perniagaan

Menjadikan Negeri ini sebagai sumber bagi mendapatkan pelbagai barangan dan produk dengan harga yang munasabah serta mempunyai kualiti yang tinggi untuk dipasarkan di tempat lain.

(c) Pelancongan Pendidikan

Melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang terdapat di Pulau Pinang di samping menjelajah dan meneroka keunikan tempat-tempat menarik di Pulau Pinang.

(d) Pelancongan Kesihatan

Mendapatkan rawatan di hospital-hospital swasta di Pulau Pinang yang menawarkan kemudahan perkhidmatan kesihatan yang setaraf dengan bandar-bandar lain di Malaysia dan di kalangan negara-negara Asean.

Satu kajian yang menyeluruh wajar dilaksanakan untuk mengenal pasti dengan tepat faktor sebenar kedatangan pelancong ke Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila nyatakan jumlah kompleks membeli belah bertaraf antarabangsa yang telah dibina di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 sehingga 31 Disember 2011?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkaitan kriteria untuk kompleks membeli belah yang diiktiraf bertaraf antarabangsa. Walau bagaimanapun, senarai kompleks sedemikian yang telah dibina di kawasan MPPP sejak tahun 2008 hingga 31Disember 2011 adalah seperti berikut:

(i) 1st Avenue
(ii) Penang Times Square
(iii) Gurney Paragon
(iv) Straits Quay
(v) Tesco Tanjong Pinang
(vi) Queensbay Mall

Di Seberang Perai, kompleks membeli belah dalam kategori yang sama mula beroperasi selepas tahun 2008 tetapi bangunan-bangunan tersebut telah siap dibina sebelum tahun 2008. Senarai kompleks tersebut adalah seperti di bawah.

(i) Jusco di Bandar Perda
(ii) Tesco di Seberang Jaya
(iii) Giant di Perai
(iv) Sunway Carnival di Seberang Jaya

Sejumlah 10 buah kompleks membeli belah setaraf dengan kompleks membeli belah di bandar-bandar utama negara telah beroperasi di Negeri Pulau Pinang dalam tempoh tahun 2008 hingga 2011.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila jelaskan kedudukan program miskin tegar di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Takrifan miskin tegar di Malaysia adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) RM430 sekeluarga. Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar dengan menggunakan PGK RM500 sekeluarga. Pada 30 Mac 2009, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri pertama mencapai taraf miskin tegar sifar di negara ini dan seramai 728 keluarga telah menerima bantuan kewangan bulanan melalui program ini bagi memastikan mereka keluar dari kelompok miskin tegar. Bayaran bulanan dibuat kepada golongan ini melalui akaun bank dan pemberian secara tunai. Jumlah bantuan minimum yang diberikan adalah sebanyak RM100 dan jumlah perkapita adalah sebanyak RM100 sekeluarga. Pada tahun 2011 melalui Ucapan Bajet 2012 yang dibentangkan ketika Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) 20 Oktober 2011 yang lalu, Kerajaan Negeri telah mengumumkan kenaikan taraf PGK golongan miskin tegar daripada RM500 kepada RM600 dengan jumlah perkapita RM120 sekeluarga mulai tahun 2012. Bantuan mengikut PGK RM600 adalah berdasarkan perkiraan kadar iaitu RM300 bagi 1-2 orang sekeluarga, RM600 bagi 3-5 orang sekeluarga dan perkapita RM120 bagi 6 orang ke atas sekeluarga. Sehingga Mac 2012, jumlah penerima yang dikenalpasti menerima bantuan melalui program ini adalah seramai 744 keluarga.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila nyatakan apakah rancangan yang telah dijalankan untuk kegiatan pembangunan atlet di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa memantau dan mengikuti perkembangan atlet Negeri. Sebagai penggerak utama di dalam sukan berprestasi tinggi dan sukan berbentuk komuniti di Negeri Pulau Pinang, MSNPP telah menggariskan serta melaksanakan pendekatan dan program

pembangunan sukan yang komprehensif untuk mencapai kegemilangan dalam program pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang. Antara rancangan yang telah dijalankan oleh MSNPP sejak tahun 2008 adalah seperti di bawah:-

RANCANGAN PEMBANGUNAN ATLET Negeri PULAU PINANG

BIL.	PROGRAM	KETERANGAN
1	Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK)	Skim Persijilan ini merupakan kerjasama di antara Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dengan Majlis Sukan Negara Malaysia dan Institut Sukan Negara Malaysia di mana setiap fasa latihan, kursus dan kem yang dijalankan kepada semua jurulatih dan pegawai-pegawai sukan berlandaskan teras Sains Sukan adalah sama seperti yang digunapakai oleh institusi sukan Negara. Kesemua jurulatih dan pegawai-pegawai sukan akan didedahkan dengan pendekatan program yang menjurus kepada pembentukan kecergasan fizikal, mental, teknikal dan taktikal di kalangan atlet-atlet Negeri. Semua jurulatih yang dilantik oleh pihak MSNPP dikehendaki mengikuti kursus Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) dan mestilah mempunyai sijil sains sukan Tahap I, II dan III di samping meningkatkan sijil sukan spesifik sukan masing-masing.
2	Pelan Periodisasi	Pelan Periodisasi merupakan kaedah penyediaan atlet terhadap perancangan proses penyusunan fasa latihan dan jadual latihan atlet yang dibentuk mengikut pembentukan fasa-fasa kecil yang dipraktikkan semasa latihan dan persediaan atlet dalam menghadapi sesuatu kejohanan. Pelan ini turut diamalkan oleh negara seperti Jerman, Australia dan Amerika Syarikat dengan tujuan memudahkan semua pihak terutamanya jurulatih dalam membentuk persediaan atlet terhadap sesuatu kejohanan.
3	Pendedahan kepada atlet Negeri dalam pertandingan di dalam dan luar negara	MSNPP dengan kerjasama Persatuan-Persatuan Sukan Negeri melaksanakan kaedah pendedahan kepada atlet melalui penyertaan pertandingan /kejohanan sukan di dalam dan luar negara mengikut pelan yang telah dipersetujui oleh jurulatih, pihak persatuan sukan Negeri dan pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang. Pendedahan kepada pertandingan-pertandingan secara kerap dilihat mampu untuk mengukur tahap kekuatan dan kelemahan atlet serta pihak lawan dalam usaha untuk terus membangunkan prestasi semasa atlet. Selain itu, ianya turut bertujuan mengukur prestasi atlet berkenaan dan juga mengetahui kedudukan ranking atlet tersebut dan juga atlet pihak lawan.
4	Program Atlet Skuad Latihan Sukan Malaysia dan Program Skim Atlet Elit	Program ini adalah kesinambungan daripada Program Pencarian Bakat (Talent ID) dan atlet-atlet yang berpotensi yang dipilih melalui proses pemilihan. Atlet-atlet ini diserap terus ke program ini sebagai langkah berterusan dari MSNPP dalam usaha mengilap bakat serta prestasi atlet bagi mewakili Negeri Pulau Pinang ke Sukan Malaysia. Atlet-atlet tersebut dipantau dan dijaga dari segi kebajikan termasuk diberikan elaun latihan, rawatan kesihatan dan pemakanan makanan tambahan (“food supplement”) sepanjang tempoh persediaan ke temasya Sukan Malaysia. Sebagai langkah bagi mengekalkan atlet cemerlang supaya terus berlatih sepanjang masa, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Program Skim Atlet Elit. Atlet-atlet ini dibahagikan kepada dua kategori mengikut status kemenangan pingat di SUKMA iaitu Kategori A bagi mereka yang meraih pingat emas dan diberikan elaun sebanyak RM500.00 sebulan dan Kategori B bagi mereka yang meraih pingat perak dan gangsa diberikan elaun sebanyak RM300.00

		sebulan.

BIL.	PROGRAM	KETERANGAN
5	Penumpuan pada Sukan yang Menawarkan Banyak Pingat	Strategi lain yang digunapakai oleh MSNPP ialah memberi tumpuan kepada jenis-jenis sukan yang menawarkan banyak pingat di Sukan Malaysia. Antara sukan-sukan yang berpotensi atau disasarkan untuk meraih pingat adalah sukan tempur, sukan akuatik, dan olahraga. Ini tidaklah bermakna MSNPP mengabaikan sukan-sukan lain terutamanya sukan berpasukan dan sukan yang kurang berpotensi. Strategi ini bertujuan memastikan Pulau Pinang memperoleh pingat bagi bagi acara-acara yang menawarkan pelbagai kategori.
6	Program Latihan Projek Mutiara	Projek Mutiara merupakan satu projek jangka panjang yang telah dirangka oleh MSNPP berdasarkan kepada penyediaan latihan sepenuh masa oleh atlet Negeri sepanjang tahun. Latihan sepenuh masa dan tempat latihan adalah berdekatan dengan asrama yang disediakan oleh MSNPP. Atlet berkenaan diwajibkan tinggal di asrama yang disediakan dan perlu menjalani latihan sekurang-kurangnya 2 sesi sehari. Program ini melibatkan lebih kurang 40 atlet untuk Sukan Malaysia yang akan datang dan sebagai persediaan awal untuk jangka masa panjang.
7	Penaiktarafan Peralatan Sukan dan Kemudahan Sukan	Antara program dan langkah yang dilihat berpotensi untuk menjana transformasi sukan Negeri adalah melalui penyediaan dan menaiktaraf kemudahan serta fasiliti sukan sedia ada di bawah pengurusan MSNPP. Ini meliputi penaiktarafan peralatan-peralatan sukan dari semasa ke semasa.
8	Mewujudkan Majlis Sukan Daerah di 5 Daerah Negeri Pulau Pinang	MSNPP telahpun menubuhkan Majlis Sukan Daerah di kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang bermula pada tahun 2010. Perlaksanaan secara menyeluruh mula berfungsi sepenuhnya pada tahun 2011. Visi penubuhan Majlis Sukan Daerah adalah melahirkan atlet-atlet baru dari usia muda di peringkat daerah untuk diketengahkan ke peringkat latihan yang lebih tinggi di mana atlet-atlet yang berbakat atau berpotensi akan diserap sebagai atlet pelapis Negeri ataupun atlet elit Negeri Pulau Pinang.
9	Penganjuran Festival Sukan Kombat (FESKOM)	Festival Sukan Kombat (FESKOM) adalah satu pertandingan bertaraf antarabangsa yang merangkumi semua acara yang dipertandingkan dalam sukan tempur atau “combat sports” yang melibatkan sentuhan badan. Tujuan diadakan FESKOM adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet Pulau Pinang serta pihak lawan dari tahun ke tahun. FESKOM akan melibatkan lapan (8) acara sukan tempur iaitu Karate-Do, Wushu, Pencak Silat, Taekwondo, Tinju, Silambam, Judo dan Lawan Pedang.
10	Program Pencarian Bakat-Bakat Baru	MSNPP dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri sentiasa mengadakan program pencarian serta pengenalan bakat-bakat baru untuk dicungkil atau diketengahkan pada Sukan Malaysia yang akan datang. Atlet yang berada di dalam kategori ini adalah merupakan atlet yang akan mewakili Pulau Pinang di dalam Sukan Malaysia yang akan datang dan sekiranya atlet berkenaan menunjukkan prestasi yang baik, atlet tersebut akan dinaik taraf kepada atlet skuad latihan Sukan Malaysia. MSNPP juga sentiasa bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara dalam pelbagai aspek seperti sains

		sukan, membantu program-program Majlis Sukan Negara Malaysia di peringkat Negeri seperti program Pelapis Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri Pulau Pinang (USPTN) dan Pencarian Bakat (Talent ID).

BIL.	PROGRAM	KETERANGAN
11	Pembekalan Makanan Tambahan (Food Supplement)	Makanan tambahan dari segi vitamin, protein, dan lain-lain zat tambahan amatlah diperlukan oleh setiap atlet terutamanya atlet elit kerana makanan tambahan dapat meningkatkan lagi tahap kecergasan atlet, menggantikan tenaga yang telah digunakan, meningkatkan lagi kadar metabolisme dan membantu pertumbuhan badan. Pemberian makanan tambahan ini juga akan memastikan atlet Negeri sentiasa sihat dan tidak dibelenggu dengan masalah kesihatan ataupun kecederaan.
12	Penganjuran Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang	Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang merupakan salah satu pengiktirafan Kerajaan Negeri ke atas kecemerlangan atlet-atlet.Anugerah ini juga diwujudkan untuk memberi dorongan, menghargai sumbangan dan pencapaian atlet-atlet dalam bidang sukan. Anugerah yang diberikan adalah seperti berikut:- • Anugerah Tokoh Pemimpin Sukan; • Anugerah Jurulatih Terbaik; • Anugerah Pasukan Lelaki Terbaik; • Anugerah Pasukan Wanita Terbaik; • Anugerah Olahragawan Paralimpik Terbaik; • Anugerah Olahragawati Paralimpik Terbaik; • Anugerah Olahragawan Harapan; • Anugerah Olahragawati Harapan; • Anugerah Olahragawan; • Anugerah Olahragawati; dan • Anugerah Perdana TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Sila jelaskan tahap kebersihan sungai-sungai di Negeri Pulau Pinang amnya dan Sungai Rambai dan Sungai Juru khasnya.

(b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membersihkan sungai-sungai yang tercemar di seluruh Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Tahap kebersihan air sungai dapat ditentukan berdasarkan Indeks Kualiti Air (IKA) yang terdiri daripada Kelas I, II, III, IV dan V di mana, Kelas V adalah paling tercemar manakala Kelas I adalah paling bersih.

(b) Malaysia 2010 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), tahap kebersihan sungai-sungai di Pulau Pinang khususnya Sungai Juru dan Sungai Rambai adalah pada kategori Kelas IV manakala Sungai Pinang pada kategori Kelas III (2011).

Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Saliran adalah seperti berikut :-

(i) Kaedah Struktur

- Memasang perangkap sampah jenis Dr Dec (Debris Drainage Collector) di saluran pembuangan terakhir.
- Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan sungai secara berkala.

(ii) Kaedah Bukan Struktur

– Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sungai Negeri Pulau Pinang
- Melaksanakan Program River Care
- Pewartaan Rezab Sungai
- Memperkenalkan pengurusan sub-lembangan sungai bersepadu (jps@komuniti)

Selain itu, MPSP turut membantu dalam meningkatkan kebersihan sungai-sungai tersebut dalam aspek-aspek berikut :

(i) Mengurangkan sampah sarap ke dalam sungai-sungai melalui pemasangan *grating* di saluran hala ke sungai.

(ii) Pemantauan tahap efluen daripada ladang dan kilang-kilang.

(iii) Mengadakan program melontar mudball dari semasa ke semasa melalui program Local Agenda 21. Dalam tempoh Januari sehingga bulan Mac 2012, sebanyak 8,100 biji mudball telah dibuang ke dalam Sungai Rambai dan Sungai Juru.

(iv) Kempen meningkatkan kebersihan persekitaran termasuk pembersihan sungai-sungai.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Sila jelaskan berapa buah tandas awam di Negeri Pulau Pinang yang mendapat gred A, B, C dan D.

(b) Jelaskan juga tindakan-tindakan yang diambil untuk memperbaiki tahap kebersihan tandas ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Kerajaan Negeri melalui MPPP dan MPSP tidak mengred tandas mengikut gred A, B, C, D tetapi mengikut bilangan bintang. Gred kebersihan tandas dengan markah mengikut bintang seperti berikut :

(i) 5 BINTANG – (91 - 100)
(ii) 4 BINTANG – (81 – 90)
(iii) 3 BINTANG – (71 – 80)
(iv) 2 BINTANG – (61 – 70)

(v) 1 BINTANG - (51 – 60)
(vi) 0 BINTANG – (0 – 50)

Secara keseluruhan pencapaian tahap kebersihan 1,031 buah tandas yang dinilai di Negeri Pulau Pinang sehingga Mac 2012 oleh MPPP dan MPSP adalah seperti berikut :

	MPPP	MPSP	Jumlah
1 Bintang :	18	100	118
2 Bintang :	11	697	708
3 Bintang :	21	95	116
4 Bintang :	16	72	88
5 Bintang :	1	0	1
Jumlah :			1031

Penggredan secara terperinci MPPP seperti dalam di bawah:-

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

BIL	TARAF BINTANG	TANDAS AWAM BERASINGAN MILIK PBT	TANDAS KEDAI MAKANAN/ RESTORAN	TANDAS PUSAT BELI BELAH	TANDAS AWAM STESEN MINYAK	TANDAS AWAM IBADAT (MASJID,KUIL, TOKONG)	TANDAS LAPANGAN TERBANG	TANDAS AWAM DI STESEN KERETA API / LRT/ERL	TANDAS AWAM JETI/ PINTU MASUK	TANDAS AWAM STESEN BAS	TANDAS HOTEL	JUMLAH
1	1 BINTANG	42	11	3	40	0	0	2	1	1	0	**100**
2	2 BINTANG	16	630	10	40	0	0	1	0	0	0	**697**
3	3 BINTANG	0	77	0	15	0	0	0	0	0	3	**95**
4	4 BINTANG	0	64	2	0	0	0	0	0	0	6	**72**
5	5 BINTANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
JUMLAH KESELURUHAN		**58**	**782**	**15**	**95**	**0**	**0**	**3**	**1**	**1**	**9**	**964**

(b) Untuk memastikan tahap kebersihan tandas awam khususnya yang melibatkan tandas awam milik MPPP, MPPP telah mengambil inisiatif melalui strategi pemulihan yang berterusan iaitu menaik taraf kemudahan dan infrastruktur atau membaik pulih beberapa buah tandas awam seperti di Hillside, Tg.Bunga, Pasar Air Itam, Pasar Pulau Tikus, Pasar Lebuh Cecil, Pantai Mas Batu Feringghi. Sehubungan dengan ini, MPPP mengambil langkah memantapkan pengurusan dan penyelenggaraan kebersihan tandas-tandas awam melalui strategi pembelajaran dan pengiktirafan.

Untuk membaiki tahap kebersihan tandas, MPSP telah mengambil tindakan seperti berikut :

Tandas Awam Milik MPSP

(i) Memberi taklimat, mengadakan perbincangan penambahbaikan,

tunjuk ajar kepada kontraktor pembersihan.

(ii) Mengenakan tindakan pemotongan bil bayaran bulanan kepada kontraktor sekiranya tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan.

(iii) Menilai tandas-tandas awam untuk tujuan penarafan Star Rating Tandas Awam di Restoran / Kedai Makanan

Tandas Awam di Restoran/Kedai Makanan

(i) Pendidikan kesihatan / kebersihan kepada orang awam supaya mengunjungi kedai makanan di mana tandas awam adalah bersih melalui " billboard "

(ii) Mengambil tindakan mengkompaun di bawah Undang-undang Kecil Pengendali Makan 1991 MPSP sekiranya tandas awam didapati kotor.

(iii) Mengadakan program kesedaran kebersihan tandas yang merangkumi pertandingan mewarna, pertandingan tandas bersih serta edaran pemplet.

(iv) Menilai tandas-tandas awam untuk tujuan penarafan Star Rating Tandas Awam di Stesen Minyak.

Tandas Awam di Stesen Awam

(i) Mengeluarkan notis dibawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, supaya mengambil langkah-langkah untuk memastikan tandas berada dalam keadaan bersih dan baik.

(ii) Memberi tunjuk ajar kepada pemilik stesen minyak supaya menyelenggara tandas awam dalam keadaan baik dan bersih.

(iii) Menilai tandas-tandas awam untuk tujuan penarafan Star Rating Tandas Awam di Pasar Raya

Tandas Awam di Pasar Raya

(i) Mengeluarkan notis di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, supaya mengambil langkah-langkah untuk memastikan tandas berada dalam keadaan bersih dan baik.

(ii) Mengambil tindakan mengkompaun di bawah Undang-undang Kecil Pengendali Makan 1991 MPSP sekiranya tandas awam didapati kotor.

(iii) Mengadakan program kesedaran kebersihan tandas yang merangkumi pertandingan mewarna, pertandingan tandas bersih serta edaran pemplet.

(iv) Menilai tandas-tandas awam untuk tujuan penarafan Star Rating Tandas Awam di Lokasi-lokasi Lain / Tempat Tumpuan Awam

Tandas Awam di Lokasi-lokasi Lain/Tempat Tumpuan Awam

(i) Menilai tandas-tandas awam untuk tujuan penarafan Star Rating

(ii) Memberi kesedaran kepada pengelola tandas awam yang terlibat melalui poster/ pemplet dan tunjuk ajar di lapangan.

(iii) Mengeluarkan notis di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, supaya menyelenggara tandas dalam keadaan bersih dan baik.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sila jelaskan fungsi Unit Kawalan Pencemaran dan Rawatan Persekitaran yang ditubuhkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang dan huraikan tindakan-tindakan yang telah diambil.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Pulau Pinang telah menjalankan usaha-usaha kawalan pencemaran yang berpunca daripada kumbahan najis ternakan bermula pada tahun 2008. Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan untuk menjalankan kerja-kerja kawalan pencemaran ini. JPV telah menubuhkan Unit Kawalan Pencemaran dan Rawatan Persekitaran khas untuk menangani isu-isu yang melibatkan pencemaran dari industri penternakan.

Fungsi Unit Kawalan Pencemaran dan Rawatan Persekitaran adalah seperti berikut:

(1) Menerima aduan daripada orang ramai berkenaan pencemaran dan kacau ganggu lalat;

(2) Menjalankan siasatan untuk mengenal pasti punca dan sumber pencemaran dan kacau ganggu lalat;

(3) Merancang tindakan pembasmian yang melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dengan pelesenan dan kawalan alam sekitar, pemilik ladang terlibat serta wakil masyarakat setempat;

(4) Melaksanakan program pengawalan pencemaran dan kacau ganggu lalat menggunakan teknologi hijau (bio-enzim, useful microbes);

(5) Membuat pemantauan berterusan ke atas ladang-ladang yang dikenal pasti menyebabkan pencemaran;

(6) Menjalankan kajian impak keberkesanan bio-teknologi yang digunakan dalam mengawal pencemaran dan kacau ganggu lalat dengan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Sains Malaysia. JPV juga menjalankan kajian peralatan dan keberkesanan bahan pengawal pencemaran yang digunakan;

(7) Menjalankan kempen kesedaran dengan mengadakan pameran, demonstrasi, simulasi kepada pemilik ladang dan mewujudkan ladang contoh bebas pencemaran;

(8) Menjalankan program pemindahan teknologi pengawalan pencemaran kepada pemilik ladang melalui kerjasama institusi pengajian tinggi; dan

(9) Bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk tindakan penguatkuasaan ke atas mana-mana ladang yang gagal mematuhi tahap kawalan pencemaran yang ditetapkan.

Antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh unit ini adalah seperti berikut:

(a) Tindakan Pencegahan

Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang telah mengambil tindakan berdasarkan aduan yang diterima dengan melaksanakan beberapa tindakan berdasarkan teknologi kawalan pencemaran najis ternakan menggunakan ”useful microbes” (UM) bagi mengatasi masalah lalat. Berikut adalah tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan:

(1) Mac - Disember 2011

Pemberian bantuan Useful Microbes (UM) dan enzim kepada ladang-ladang yang bermasalah gangguan lalat.

(2) April-Disember 2011

Pemberian baits (ubat kawalan serangga) kepada ladang-ladang yang berkaitan untuk pembasmian lalat.

(3) Jun - Ogos 2011

Pengujian larvacidal bagi memastikan ketahanan lalat di ladang-ladang yang terlibat.

(4) Sept 2011 - Feb 2012

Kawalan bersepadu lalat dan bau (program kerjasama bersama pihak Universiti Sains Malaysia).

(5) Mac - Disember 2012

Pemberian bantuan Useful Microbes (UM) dan enzim kepada ladang-ladang yang bermasalah gangguan lalat.

(6) April - Disember 2012

Pemberian baits (ubat kawalan serangga) kepada ladang-ladang yang berkaitan untuk pembasmian lalat.

(7) Januari - Disember 2012

Pemantauan ladang-ladang yang bermasalah kacau ganggu lalat serta ladang-ladang yang mengaplikasikan penggunaan bio-enzim dan useful microbes untuk menilai keberkesanan dalam kawalan pencemaran.

(b) Perbincangan

Mengadakan perbincangan dengan tuan punya-tuan punya ladang ayam dan khinzir yang beroperasi di kawasan berkenaan bagi mencari jalan penyelesaian bagi mengelakkan kejadian kacau ganggu lalat.

(c) Memberi Peringatan

Memberi peringatan keras kepada pemilik-pemilik ladang ternakan supaya mengambil tindakan mengawal pencemaran lalat.

(d) Kempen Kesedaran

(i) Mengadakan kursus dan tunjuk ajar dalam mengamalkan sistem pengurusan ladang yang baik. Kursus ini dapat membantu dan memberi tunjuk ajar untuk menguruskan najis ternakan dengan sistematik dan menggunakan teknologi baru;

(ii) Pihak Jabatan juga ada mengadakan kempen kesedaran menggunakan teknologi hijau untuk menguruskan ladang ternakan. Ini dapat memberi kesedaran kepada penternak-penternak terhadap impak yang diperolehi dari pengurusan najis ternakan dan pengurusan ladang yang baik; dan

(iii) Program pemberian useful microbes (UM) kepada ladang-ladang bermasalah pencemaran bau dan lalat.

(e) Pemantauan

Pihak JPV menjalankan pemantauan ladang-ladang yang bermasalah kacau ganggu lalat. Pemantauan juga dilakukan ke atas ladang-ladang yang mengaplikasikan penggunaan bio-enzim dan useful microbes untuk menilai keberkesanan dalam kawalan pencemaran.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila senaraikan banci ternakan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2011 mengikut jenis ternakan, iaitu kerbau, lembu, kambing, khinzir, ayam masing-masing. Daripada jumlah ini, berapakah penternak yang berlesen?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Pecahan bancian mengikut komoditi ternakan dan pengeluaran lesen bagi penternakan di Negeri Pulau Pinang sehingga November 2011 adalah seperti di bawah:-

Pecahan bancian mengikut komoditi ternakan adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Komoditi	Populasi Ternakan (ekor)	Bilangan Penternak (pengusaha)

1	Kerbau	371	38
2	Lembu	13,426	887
3	Kambing / Bebiri	11,979	331
4	Babi	324,737	202
5	Ayam	12,557,728	408
6	Itik	494,217	99
7	Puyuh	98,170	10
8	Ayam Piru	8,214	35

Pecahan pengeluaran lesen untuk bidang usaha penternakan :

Bil.	Jenis Komoditi	Jumlah Ladang	Lesen dikeluarkan oleh MPSP	Lesen dikeluarkan oleh MPPP	Ladang berlesen (%)
1	Kerbau	38	-	0	0
2	Lembu	887	138	3	15.89
3	Kambing / Bebiri	331	44	0	14.71
4	Babi	202	183	18	99.5
5	Ayam	408	325	1	79.9
6	Itik	99	10	0	10.1
7	Puyuh	10	8	0	80
8	Ayam Piru	35	0	0	0
	JUMLAH	**2010**	**708**	**22**	**36.32**

Seramai 2010 orang pengusaha ternakan telah menjalankan usaha penternakan di Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 708 pengusaha telah mendapat lesen untuk menjalankan usaha penternakan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan sebanyak 22 lesen penternakan daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapakah jumlah kompaun yang telah dikeluarkan kepada pembiak nyamuk aedes di Negeri Pulau Pinang dalam tahun 2011 dan jumlah bayaran kompaun yang telah dibayar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Bagi tempoh 2011, sejumlah 1108 kompaun telah dikeluarkan kepada mereka yang didapati membiak nyamuk aedes di Pulau Pinang dan sebanyak 754 kompaun telah dijelaskan dan hasil kutipan adalah RM289,700.00. Manakala sehingga 7 April 2012 sebanyak 470 kompaun telah dikeluarkan dan 108 kompaun telah dijelaskan dan hasil kutipan kompaun adalah RM48,500.00. Baki 362 Kompaun yang belum dijelaskan adalah mereka yang belum bayar dalam tempoh 2 minggu (tempoh pembayaran) atau mereka yang masih dalam tindakan mahkamah (melebihi 2 minggu tarikh pembayaran).

Bagi tahun 2011, bilangan pelbagai premis yang diperiksa dalam mencegah pembiakan nyamuk aedes adalah 466,716. Perincian pelbagai premis adalah seperti di bawah:-

BILANGAN PEMERIKSAAN PEMBIAKAN AEDES
YANG DIJALANKAN PADA TAHUN 2011 MENGIKUT KATEGORI PREMIS :

Bil	Kategori Premis	Bilangan Diperiksa

1	Rumah/Kedai	394,067
2	Tapak Pembinaan	484
3	Sekolah	1,345
4	Kilang Perusahaan	526
5	Pejabat Kerajaan	222

Bil	Kategori Premis	Bilangan Diperiksa
6	Pejabat Swasta	597
7	Projek Rumah Terbengkalai	111
8	Tempat Ibadat	2,301
9	Tanah Perkuburan	263
10	Tempat Pembuangan Sampah	14,012
11	Tanah Lapang	32,021
12	Kemudahan Kesihatan	1,005
13	Pembahagi Jalan	1,533
14	Taman Permainan/Rekreasi	2,109
15	Lain-Lain	16,120
Jumlah	466,716	

Memandangkan kadar kompaun adalah tidak melebihi RM500.00 dalam pindaan Kepada Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan kadar bayaran kompaun seperti di bawah:-

KADAR BAYARAN KOMPAUN MENGIKUT PREMIS

Bil	Premis	Kadar Bayaran Kompaun (RM)
1	Kilang	500
2	Kawasan Pembinaan	500
3	Hotel dan Bangunan Komersial	500
4	Tanah Lapang	300
5	Institut Pengajian Tinggi	300
6	Tempat Pembuangan Sampah	300
7	Hospital	200
8	Sekolah	150
9	Kedai	150
10	Pejabat	150
11	Klinik	150
12	Rumah Kediaman	100
13	Lain-Lain Premis	150

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Terdapat berapa kawasan panas pembiakan nyamuk aedes di Negeri Pulau Pinang pada ketika ini? Sila senaraikan kawasan-kawasan tersebut dan jelaskan apa

tindakan yang telah diambil?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Untuk makluman YB, pada ketika ini tiada lokasi yang isytiharkan sebagai kawasan panas (hotspot) pembiakan nyamuk aedes di Pulau Pinang.

Maksud lokaliti “Hotspot” ialah lokaliti wabak di mana tempoh wabak yang berlakuberterusan dan belum berjaya dikawal sehingga mencapai 30 hari dan lebih. Lokaliti itu kekal sebagai lokaliti “hotspot” sehingga wabak diisytiharkan tamat.

Antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengurangkan kes demam denggi di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

(a) Memastikan semua pengamal perubatan terutamanya daripada klinik-klinik primer yang mendiagnosis kes-kes denggi untuk melaporkan kes-kes tersebut ke pejabat kesihatan dalam masa 24 jam agar tindakan kawalan dapat dijalankan dengan segera. Latihan diberikan kepada pegawai-pegawai perubatan bagi meningkatkan keupayaan mereka dalam mendiagnosis kes-kes denggi.

(b) Memastikan aktiviti kawalan terutamanya semburan kabus dan aktiviti cari dan musnah dijalankan dengan segera (sasaran 24 jam dari tempoh notifikasi) bagi membunuh semua nyamuk-nyamuk infektif dan memutuskan transmisi virus dengan cepat serta menghapuskan semua tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

(c) Memantau kes-kes yang dilaporkan bagi mengenal pasti lokaliti-lokaliti wabak supaya aktiviti kawalan secara intensif dapat dijalankan dan mengelakkan penularan penyakit Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di lokaliti wabak juga di pantau rapi bagi memastikan ianya dijalankan dengan cekap dan berkesan.

(d) Pemeriksaan premis dijalankan di semua lokaliti-lokaliti kes dan wabak. Operasi di tempat-tempat tertentu yang kerap membiak aedes seperti tapak-tapak pembinaan, tanah perkuburan dan kedai barang-barang lusuh juga dijalankan bagi menghapuskan pembiakan dan mengelakkan kejadian kes.

(e) Bekerjasama dengan agensi / jabatan yang lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pengurus bangunan atau pihak yang menyelenggara sesuatu premis bagi mengatasi masalah-masalah yang telah dan boleh menyebabkan berlaku pembiakan nyamuk aedes seperti longgokan sampah haram, longkang tersumbat atau masalah struktur.

(f) Menggalakkan penglibatan wakil-wakil rakyat dan penduduk tempatan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pengurangan tempat pembiakan aedes seperti gotong- royong. Bagi daerah yang mempunyai lokaliti wabak, Mesyuarat JK Wabak diadakan setiap minggu dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah bagi memastikan setiap tindakan yang perlu, dilaksanakan bagi mengelakkan daripada wabak berlanjutan.

(g) Menggalakkan penubuhan program Communication For Behavioural Impact (COMBI) di lokaliti-lokaliti bekas wabak terutamanya lokaliti wabak berulang dan wabak tak terkawal.

(h) Menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan seperti ceramah, tunjuk cara, menampal poster dan banner bagi meningkatkan kesedaran penduduk terhadap bahaya penyakit denggi dan kepentingan menjalankan aktiviti pengurangan pembiakan di rumah masing-masing dan di persekitaran.

(i) Menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dengan mengeluarkan kompaun bagi premis-premis yang membiak nyamuk aedes.

(j) Mengedarkan abate kepada pengunjung klinik di kaunter-kaunter pendaftaran klinik kerajaan agar dapat digunakan di tempat-tempat yang menakung air bagi mengelakkan pembiakan nyamuk aedes.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila jelaskan status terkini Pelan Induk Pengangkutan Khas untuk Negeri Pulau Pinang secara menyeluruh merangkumi segala aspek pengangkutan dan pengurusan lalu lintas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. AJC Planning Consultant Sdn. Bhd. telah dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang telah memasuki fasa akhir kajian. Pihak AJC Planning Consultant Sdn. Bhd. telah membentangkan hasil kajian Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang di dalam Mesyuarat Forum Perundingan Kerajaan Tempatan pada 9 April 2012.

Pihak perunding turut telah mengadakan road show pada 16 - 27 April 2012 bertempat di Tingkat 3, KOMTAR dan di Lobi, Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda bagi memberi peluang kepada rakyat/penduduk memberi pandangan dan cadangan berhubung dengan kajian tersebut.

Melalui Unit Pengurusan Lalu Lintas, Pejabat Setiausaha Kerajaan, pameran awam public display. Draf Akhir Laporan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang telah diadakan Tingkat 3, KOMTAR dan Tingkat 1, Bangunan MPSP pada (16 April 2012 - 20 April 2012) dan (23 April 2012 - 27 April 2012), Sunshine Farlim Mall dan Sunway Carnival Mall pada 21 April 2012, Gurney Mall dan Jusco Perda Mall 28 April 2012. Satu Bengkel Awam (Public Workshop) berkaitan Draf Akhir Laporan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang yang akan diadakan di Kompleks Masyarakat Penyayang, Georgetown, Penang pada 3 Mei 2012 dan 5 Mei 2012.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk menjalankan satu kajian mengenai keberkesanan sistem lalu lintas di Pusat Bandar Bukit Mertajam? Jika ada, sila huraikan, jika tiada, mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kajian mengenai keberkesanan sistem lalu lintas di pusat bandar Bukit Mertajam

telah dilaksanakan dan didokumenkan di dalam dokumen berikut:

(i) Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah 2020. Kandungan Jilid IA di muka surat 4.0-15 sehingga 4.0-20 mengandungi cadangan :

(a) Pembinaan jalan baru

- Dari Jalan Berapit ke Jalan Kulim
- Jalan Perda Utama ke Jalan Lingkaran Luar Bukit Mertajam
- Jalan Lingkaran Dalam Bukit Mertajam

(b) Naik taraf Jalan

- Jalan Permatang Batu/Jalan Permatang Rawa hingga ke Bandar Bukit Mertajam
- Naik taraf jalan-jalan sedia ada di dalam Bandar Bukit Mertajam

(c) Pertingkatkan Perkhidmatan Bas melalui jalan baru dan laluan tambahan

(d) Perkhidmatan pengangkutan Awam Moden – Rel :
Butterworth – Bandar Perda – Bukit Mertajam

Di samping itu MPSP juga dari semasa ke semasa prihatin berkenaan isu dan masalah lalu lintas di Bukit Mertajam. Mesyuarat Jawatankuasa Lalu lintas MPSP sentiasa membincangkan dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi masalah ini antaranya dengan mengadakan sistem lalu lintas sehala. Melalui jawatankuasa ini terdapat dua kajian telah dijalankan iaitu pada tahun 2001 di mana lorong Usahaniaga Satu dan Jalan Kulim di hadapan Hospital, Jalan Ciku, Jalan Ooi Chooi Cheng dan sebahagian Jalan Arumugam Pillai dijadikan jalan sehala. Seterusnya pada tahun 2004, hasil daripada kajian, mesyuarat memutuskan Jalan Maju, Jalan Kampung Baru, Jalan Berjaya dan sebahagian Jalan Kulim dijadikan jalan sehala. Menurut AJC Planning Sdn Bhd pula, syarikat perunding yang telah dilantik oleh Kerajaan untuk membuat Kajian Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, beberapa cadangan penyelesaian akandibuat berdasarkan daripada kajian yang telah siap dilakukan. Cadangan-cadangan tersebut ialah:

(i) Menaiktaraf Jalan Song Ban Kheng dengan melebarkan lagi jalan di kedua-dua hala bagi meningkatkan kapasiti jalan dan jika perlu satu fly over akan dibina bagi melancarkan aliran lalu lintas di situ dengan kos lebih RM20 juta.

(ii) Menaik taraf Jalan Kulim dengan melebarkan jalan dikedua-dua belah.

(iii) Mengetatkan lagi penguatkuasaan terhadap pemandu-pemandu yang meletakkan kenderaan di bahu-bahu jalan dengan mengenakan saman serta merta.

(iv) Mengkoordinasikan semua sistem lampu isyarat agar aliran lalu lintas dapat bergerak dengan lancar dan cepat. Juga mengurangkan tempoh pusingan lampu isyarat di tempat-tempat yang mempunyai kapasiti yang rendah.

(v) Memperbaiki sistem pengangkutan awam di kawasan Bukit Mertajam dengan menambah frekuensi bas dengan waktu menunggu yang minimum. Menaiktaraf semua infra dan akses untuk menggalakkan penggunaan kenderaan awam seperti laluan pejalan kaki ke stesen bas dan memperkenalkan sistem park n ride.

(vi) Membina satu lebuhraya yang menghubungkan utara dan selatan Seberang Perai bermula dari kawasan Batu Kawan sehingga Kepala Batas. Ini juga dapat menghurai dan mengurangkan kesesakan di kawasan Bukit Mertajam.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Projek Landasan Keretapi Berkembar sedang giat dijalankan oleh MMC-GAMUDA di sekitar Bandar Bukit Mertajam, sila jelaskan masa yang dijadualkan projek ini akan siap sempurna dan huraikan apa tindakan proaktif yang telah diambil untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sehingga 15 April 2012, status kemajuan kerja bagi Projek Landasan Berkembar Elektrik di antara Ipoh dan Padang Besar di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 79.78 peratus. Projek ini dijadualkan siap sepenuhnya pada 7 November 2014.

Berhubung isu kesesakan lalu lintas di Bandar Bukit Mertajam akibat pembinaan projek ini, ia dijangka dapat diselesaikan apabila semua Road Over Bridge (ROB) / jambatan yang sedang dibina bagi menggantikan lintasan rata, siap sepenuhnya pada akhir tahun 2012.

Selain itu, beberapa langkah proaktif turut diambil bagi tujuan menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas semasa pembinaan antaranya:-

(a) Memastikan Pelan Pengurusan Lalu Lintas di tapak projek ROB dikemukakan oleh kontraktor projek kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Auditor Keselamatan Jalan Raya untuk dikaji dan diberi kelulusan;

(b) Pihak JKR membuat pemantauan bagi memastikan pihak kontraktor projek mematuhi syarat-syarat yang telah digariskan dalam Pelan Pengurusan Lalu Lintas;

(c) Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan JKR mengadakan mesyuarat secara berkala bersama dengan perunding dan kontraktor projek;

(d) Mengarahkan pembinaan jalan susur sementara dibuat oleh kontraktor projek untuk mengalihkan aliran trafik dari tapak projek; dan

(e) Pihak JKR mencadangkan beberapa laluan alternatif yang dikhaskan kepada pengguna-pengguna jalan raya yang ingin ke Kulim dan Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Semua jejantas (flyover) yang melibatkan Projek Landasan Keretapi Berkembar sedang giat dalam proses pembinaan. Mengapa jejantas dari Desa Damai ke Bandar Perda masih belum mulakan kerja?

(b) Sila nyatakan siapakah kontraktor dan berapakah jumlah pembinaannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Pemilikan tapak Projek Jejambat menghubungi Jalan Nangka dengan Jalan Perda Timur yang merentasi Jalan Padang Lalang, Jalan Permatang Rawa dan landasan keretapi di Bukit Mertajam telah diserahkan kepada pihak kontraktor pada 30 Januari 2012. Di samping itu, bagi tujuan pengambilan balik tanah tambahan bagi projek ini, ianya sedang diuruskan oleh Pentadbiran Tanah Seberang Perai Tengah. Adalah dijangka projek ini disiapkan pada 29 Julai 2014.

(b) Projek jejambat ini bukan merupakan komponen Projek Landasan Berkembar Ipoh - Padang Besar di bawah Kementerian Pengangkutan. Sebaliknya, ia merupakan sebuah projek infrastruktur jalan raya di bawah Kementerian Kerja Raya.

(c) Kontraktor yang dilantik bagi projek ini adalah Syarikat Gold Bridge Engineering & Construction Berhad. Kos kontrak bagi projek ini adalah RM89,000,000.00.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Sila jelaskan jumlah peruntukan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan Ke-10 daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2008 sehingga 31 Mac 2012.

(b) Sila jelaskan bilangan kerja-kerja pembersihan dan pengorekkan parit dan sungai sejak tahun 2008 sehingga 31 Mac 2012 mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Jumlah peruntukan yang diterima oleh JPS dari Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Ke-10 adalah seperti berikut :-

(i) Rancangan Malaysia ke-9 :

(a) 2008 – RM 12,225,956.00

(b) 2009 – RM 46,460,685.00

(c) 2010 – RM 36,204,454.23

(ii) Rancangan Malaysia ke-10 :

(a) 2011 – RM 7,484,300.00

(b) 2012 (Mac) – RM 3,600,000.00

Skop Projek yang dilaksanakan meliputi kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran , tebatan banjir, pengorekan sungai dan pembinaan rumah-rumah pam serta struktur kawalan pasang surut :-

(a) Daerah Timur Laut

- Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa 1

(b) Daerah Seberang Perai Utara

- Rancangan Tebatan Banjir Bertam,Kepala Batas
- Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muda

(c) Daerah Seberang Perai Tengah

- Rancangan tebatan Banjir Sungai Perai
- Projek Membaikpulih Muara Sungai Perai
- Rancangan Tebatan Banjir Sg Junjung Fasa 1B

(d) Daerah Seberang Perai Selatan

- Rancangan Tebatan Banjir Perkampungan Valdor
- Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sila jelaskan jumlah insentif yang telah diberikan oleh Jabatan Pertanian kepada pekebun-pekebun sejak tahun 2008 sehingga 2011 mengikut daerah. Adakah insentif ini masih dikeluarkan? Jika tidak, apakah sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Jabatan Pertanian telah merancang dan membelanjakan jumlah peruntukan yang diterima setiap tahun daripada Kerajaan Negeri untuk kepentingan petani khususnya dan pembangunan pertanian Negeri amnya. Jumlah peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri diberikan kepada petani mengikut daerah dari tahun 2008 sehingga 2011 seperti di bawah:-

JUMLAH INSENTIF YANG DIBERIKAN OLEH JABATAN PERTANIAN KEPADA PEKEBUN-PEKEBUN SEJAK TAHUN 2008-2011 MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	2008					
		PADI, BUAH DAN SAYUR	KELAPA	INDUSTRI ASAS TANI	LAIN-LAIN TANAMAN EKONOMI	JUALAN TERUS	JUMLAH
1	Seberang Perai Utara	359,325.50	20,887.00	28,700.00	30,000.00	26,500.00	465,412.50
2	Seberang Perai Tengah	348,293.37	14,970.00	34,281.00	38,693.80	15,000.00	451,238.17

3	Seberang Perai Selatan	349,973.25	19,950.00	37,000.00	29,990.00	39,940.00	466,853.25
4	Barat Daya	338,389.00	18,575.00	43,650.00	30,000.00	20,000.00	450,614.00
5	Timur Laut	13,545.00	0.00	0.00	0.00	0.00	13,545.00
		1,409,526.12	74,382.00	143,631.00	128,683.80	91,440.00	1,847,662.90

BIL	DAERAH	2009				JUMLAH
		PADI, BUAH DAN SAYUR	KELAPA	INDUSTRI ASAS TANI	LAIN-LAIN TANAMAN EKONOMI	
1	Seberang Perai Utara	334,096.00	7,029.00	65,000.00	49,760.00	455,885.00
2	Seberang Perai Tengah	352,580.00	21,382.50	38,200.00	45,070.00	457,232.50
3	Seberang Perai Selatan	359,920.00	19,625.00	45,000.00	50,020.00	474,565.00
4	Barat Daya	53,742.50	19,993.00	35,000.00	50,000.00	158,735.50
5	Timur Laut	17,236.50	0.00	0.00	0.00	17,236.50

BIL	DAERAH	2010				JUMLAH
		PADI, BUAH DAN SAYUR	KELAPA	INDUSTRI ASAS TANI	LAIN-LAIN TANAMAN EKONOMI	
1	Seberang Perai Utara	448,170.00	49,010.00	60,440.00	78,050.00	635,670.00
2	Seberang Perai Tengah	466,175.60	33,490.00	60,400.00	47,000.00	607,065.60
3	Seberang Perai Selatan	449,540.59	33,750.00	60,480.00	45,000.00	588,770.59
4	Barat Daya	350,534.00	33,750.00	56,480.00	50,000.00	490,764.00

BIL	DAERAH	2011				JUMLAH
		PADI, BUAH DAN SAYUR	KELAPA	INDUSTRI ASAS TANI	LAIN-LAIN TANAMAN EKONOMI	
1	Seberang Perai Utara	241,100.00	64,800.00	100,800.00	67,500	523,177.00
2	Seberang Perai Tengah	108,000.00	135,000.00	252,000.00	67,500.00	598,560.00
3	Seberang Perai Selatan	124,000.00	129,600.00	208.800.00	50,000.00	550,200.00
4	Barat Daya	64,800.00	182,600.00	93,500,.00	40,000.00	417,328.00

(II) **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)** bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Huraikan status penyelesaian isu Kampong Tanjong Tokong antara UDA, Penduduk Kampong Tanjong Tokong, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak lain misalnya NGO dari semua segi termasuk untuk mengekalkan sebagai kampung tradisional. Kemukakan pelan pembangunan UDA untuk Kampong Tanjong Tokong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri amat prihatin dan memberi perhatian terhadap masalah penduduk yang terlibat dalam pembangunan Kampung Tanjung Tokong serta sentiasa mengadakan perbincangan dan rundingan dengan pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan pelaksanaan pembangunan di Tanjung Tokong dapat disegerakan. Status penyelesaian isu Kampung Tanjung Tokong setakat ini ialah:-

(i) Isu penempatan semula penduduk yang tercicir yang terlibat dengan pembangunan Tanjung Tokong di Parcel 4A dan meminta untuk dipertimbangkan.

Kerajaan Negeri telah mengadakan temu duga khas bersama 92 penduduk Tanjung Tokong didakwa yang tercicir di Parcel 4A pada 25, 26, 27 dan 29 Februari 2012 bagi menentukan kelayakan mereka. Ini adalah bagi memastikan tiada penduduk yang sememangnya layak menerima tawaran tidak tercicir atau tertinggal dalam senarai nama bancian yang telah dilakukan sebelumnya.

(ii) Isu Perjanjian Penyelesaian di antara UDA Holdings Berhad dan penduduk-penduduk terlibat di Parcel 4A.

Beberapa siri dialog telah dijalankan antara penduduk yang terlibat dengan Kerajaan Negeri, pihak pemaju UDA Land (North) Sdn. Bhd., wakil Pejabat Ahli Parlimen Bukit Bendera dan wakil Pejabat ADUN Tanjung Bungah bagi membincangkan tuntutan penduduk. Sehingga kini, deraf perjanjian penyelesaian telah disediakan oleh UDA Land (North) Sdn. Bhd. mengikut kategori dan status penduduk. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam peringkat rundingan dengan penduduk Tanjung Tokong yang terlibat di Parcel 4A. Secara dasarnya boleh saya katakan bahawa kedua-dua pihak kini telah hampir berjaya mencapai kata sepakat dan sekiranya persetujuan dapat dicapai, proses menandatangani perjanjian akan diadakan tidak berapa lama lagi.

(iii) Isu Pelan Pembangunan Tanjung Tokong

Cadangan asal Pelan Susun Atur Induk Pembangunan Perumahan dan Perdagangan Tanjong Tokong yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 11 November 2003 menunjukan tiada cadangan untuk mewujudkan kampung tradisional di tapak pembangunan. Memandangkan Kerajaan Negeri telah mendapat maklum balas dari beberapa NGO dan penduduk bahawa nilai-nilai sejarah warisan perkampungan tradisional perlu dilindungi, maka Kerajaan Negeri mengambil sepenuh perhatian tentang perkara tersebut. Namun, konsep warisan yang bakal dibina di Tanjung Tokong masih belum dimuktamadkan dalam bentuk pelan pembangunan keseluruhan. Kerajaan Negeri juga masih menunggu cadangan pembangunan warisan yang lengkap daripada wakil penduduk dan NGO yang memperjuangkan isu ini. Setakat ini apa yang kita sedia maklum hanyalah permintaan sebidang tanah untuk diwartakan sebagai warisan, namun tiada agenda khusus dinyatakan. Kita bimbang sekiranya tidak ada perancangan yang baik dan rasional, niat untuk kononnya mempertahankan elemen warisan

akhirnya musnah pada masa depan akibat disalah guna oleh pihak-pihak tertentu.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Huraikan status dan perkembangan terkini tentang hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengembalikan Pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu panel peguam yang diwakili oleh peguam-peguam yang mahir dalam undang-undang khasnya berkaitan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi pandangan undang-undang ke atas isu mengembalikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

   Hasil daripada nasihat dan cadangan panel peguam ini, selain dari mencabar undang-undang tersebut di mahkamah, Kerajaan Negeri akan membentangkan Rang Undang-Undang Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Seberang Perai) 2012 di Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini yang sedang berlangsung.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Huraikan status dan tindakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) untuk mengkaji semula dan membetulkan isu kontradiksi di antara kesalahan dalam peta dan tajuk Koridor Sekunder Tanjong Bunga - Teluk Bahang mengikut Akta 172 ke atas Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 selepas genap tempoh lima (5) tahun iaitu tahun 2012.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. RSNPP 2020 akan dikaji semula secara 'compulsory' (compulsory review) mulai 28 Jun 2012 ini iaitu setelah genap 5 tahun selepas ianya diwartakan oleh Kerajaan Negeri. Kajian semula ini akan mengkaji semula secara keseluruhan dasar-dasar RSNPP 2020, dengan melihat kesesuaian, keberkesanan dan progres pelaksanaan setiap dasar RSNPP 2020 dari semua aspek termasuk mengambil kira pandangan, bantahan, aspirasi dan idea-idea orang ramai dan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Semua pandangan, bantahan, aspirasi dan idea-idea orang ramai dan pihak-pihak berkepentingan yang lain, serta dasar-dasar dan keputusan-keputusan oleh Kerajaan Negeri dan Negara yang terkini akan diambil kira ke dalam RSNPP 2020 yang akan dikaji semula dalam masa terdekat.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Huraikan hasrat dan langkah-langkah untuk mengadakan reformasi Dewan Undangan Negeri agar “back benches” ADUN biasa memainkan peranan yang lebih proaktif, bermakna dan berkesan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. ”Backbenchers” boleh memainkan peranan-peranan yang aktif dan berkesan pada bila-bila masa semasa Persidangan Dewan Undangan Negeri, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Dewan Undangan Negeri

sebagai arena bertukar-tukar maklumat dan pengetahuan yang penting lagi berwibawa dan seterusnya membina sebuah kerajaan yang telus dan efektif.

”Backbenchers” perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab berlandaskan kesedaran dan keupayaan masing-masing serta mengukuhkan perkhidmatan bagi memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Selaku pemimpin alaf baru, ”backbenchers” perlu meneruskan usaha-usaha membangunkan rakyat yang menjadi pelanggan utama Kerajaan Negeri.

”Backbenchers” juga perlu berani membuat teguran yang membina terhadap Kerajaan Negeri bagi memastikan Kerajaan Negeri terus mengamalkan urus tadbir yang baik untuk mewujudkan ketelusan dalam semua urusan bagi memastikan Negeri Pulau Pinang terus membangun dan maju.

Jawatankuasa-jawatankuasa tetap atau pilihan yang ditubuhkan oleh Dewan Undangan Negeri merupakan suatu ”paltform” lanjutan bagi ”Backbenchers” memainkan peranan mereka, di mana pelbagai cadangan yang membina dapat disalurkan melalui jawatankuasa tersebut kepada Kerajaan Negeri. Pelbagai kaukas juga boleh ditubuhkan mengikut hasrat “backbenchers” untuk merancang tindakan-tindakan tertentu terhadap isu-isu yang spesifik.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Huraikan dengan data-data dan kes-kes tentang keadaan, status dan dilema mak nyah dalam Negeri. Sebagai satu gender dalam spektrum genderisme, apakah rancangan untuk mengiktirafkan mereka sebagai gender Wanita, agar hak asasi manusia dan kesaksamaan dilayani jua.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berdasarkan rekod daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) sejak tahun 2010 hingga 2012 terdapat 13 kes telah direkodkan melibatkan golongan mak nyah. Kes berdasarkan Seksyen 28, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang Tahun 2004 yang telah memperuntukkan bahawa perbuatan lelaki berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Ingin ditegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak mengabaikan kebajikan mana-mana golongan jantina, kaum atau individu yang mempunyai latar belakang politik yang berbeza. Hak setiap individu yang tergolong dalam jantina yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan tanpa mengira sama ada dari golongan majoriti atau minoriti sentiasa dipertahankan. Justeru, Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa setiap penduduk di Negeri ini tidak akan dipinggirkan dari arus pembangunan dan bebas menjalani kehidupan masing-masing selagi ia tidak bertentangan dengan undang-undang dan budaya murni negara ini.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Sejak penubuhan Majlis Mesyuarat Kerajaan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) tahun 2011, huraikan semula tanah RIBI yang masih tidak dipecahkan

lot tanah dan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

(b) Senaraikan dengan terperinci lokasi, keluasan tanah, nama pemaju dan lot tanah yang masih belum dipecahkan tanah dan dipindah hak milik kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Mengapakah tanah tersebut tidak diserahkan kepada PBT.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Mengikut rekod MPSP, terdapat 13 tapak RIBI yang telah diluluskan melalui Permohonan Kebenaran Merancang dan pemaju disyaratkan untuk menyerahkannya kepada MPSP.

Status pemohon pecah sempadan tersebut adalah seperti berikut:-

(i) Lapan (8) permohonan pecah sempadan tanah diperakui kelulusan oleh MPSP. Pelan pecahan sempadan ini akan dikemukakan oleh pemaju kepada PTG untuk pengeluaran hakmilik. Sehingga kini, tiada tapak RIBI dipindah milik kepada MPSP.

(ii) Empat (4) permohonan pecahan sempadan masih diproses oleh MPSP. Satu permohonan masih belum dikemukakan oleh pemaju kepada MPSP.

Proses dan kelulusan Pelan Pecah Sempadan dan Hak Milik adalah diproses oleh Pejabat Daerah dan Tanah serta Pejabat Pengarah Tanah dan Galian.

Senarai tersebut di MPSP adalah seperti di bawah.

MAKLUMAT KELULUSAN PROJEK PEMBANGUNAN SEKIM PERUMAHAN DI KAWASAN SEBERANG PERAI YANG MEMPUNYAI TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) SEHINGGA MAC 2012

Bil	Lokasi Projek Perumahan Lot/Mukim /Daerah	Nama Pemaju	Tarikh Kelulusan Pelan Susunatur	Tarikh Pelan Pecahan Sempadan Diperakukan Kelulusan Oleh MPSP	Jenis Rumah Ibadat	Luas Tapak	Syarat Kelulusan
1	Jalan Bagan Lalang Pemajuan di atas lot 527,528 dan 968 Mukim 14 SPU	Hong Hong Dev Sdn Bhd	08.06.2011	3.10.2011	Tapak RIBI	28 mp	Hendaklah dipindah kepada MPSP dengan bayaran namaan RM 1.00
2	Alma Pemajuan di atas lot 1138 dan 1146 Mukim 15 SPT	Sunrise Manner Sdn Bhd	28.09.2011	7.1.2012	Tapak RIBI	206 mp	Hendaklah dipindah kepada MPSP dengan bayaran namaan RM 1.00
3	Bukit Minyak Pemajuan di atas lot 713 Mukim 13 SPT	Primutiara Sdn Bhd	24.08.2011	7.1.2012	Tapak RIBI	71 mp	Hendaklah dipindah kepada MPSP dengan bayaran namaan RM 1.00
4	Taman Bukit Pemajuan diatas lot 122,2529 dan 2649 Mukim 10 SPT	Denmas Sdn Bhd	25.05.2011	23.9.2012	Tapak RIBI	30 mp	Hendaklah dipindah kepada MPSP dengan bayaran namaan RM 1.00

5	Alma Pemajuan di atas lot 583, 590, 591, 592, 1639, 1640, 1686, 1727, 1728, 1729, 1768, 1781 dan 1789 Mukim 14 SPT	Mandarina Sdn Bhd	26.01.2011	Permohonan masih dalam proses	Tapak RIBI	607 mp	Hendaklah dipindah kepada MPSP dengan bayaran namaan RM 1.00
6	Taman Manggis, BM Pemajuan di atas lot 73,75 dan 76 Mukim 10 SPT	TID Sdn Bhd	09.02.2011	13.5.2011	Tapak RIBI	73.5 mp	Hendaklah dipindah kepada MPSP dengan bayaran namaan RM 1.00
7	Juru Pemajuan di atas lot 2216 Mukim 12 SPT	Seraimas Sdn Bhd	01.12.2010	8.4.2011	Tapak RIBI	373.5 mp	Hendaklah dipindah kepada MPSP dengan bayaran namaan RM 1.00
8	Jalan Bukit Minyak Pemajuan diatas lot 99,100 dan 15498 Mukim 14 SPT	Goodfields Sdn Bhd	29.12.2010	23.9.2011	Tapak RIBI	72 mp	Hendaklah dipindah kepada MPSP dengan bayaran namaan RM 1.00
9	Tasek Pemajuan di atas lot 147,226,230,333 dan 634 Mukim 2 SPS	Asas Dunia Sdn Bhd	10.08.2011	Permohonan Dalam proses	Tapak RIBI	0.119 ekar	Hendaklah dipindah kepada MPSP dengan bayaran namaan RM 1.00
10	Jalan Permatang Pauh Pemajuan di atas lot 1611 Mukim 6, SPT	UDA Land (North) Sdn Bhd	24.8.2011	Permohonan Belum dikemukakan	Tapak RIBI	268.20 mp	Hendaklah dipindah kepada MPSP dengan bayaran namaan RM 1.00
11	Jalan Song Ban Kheng Pemajuan di atas lot 2948, 2989, 2990,2985,1999, 2986,2987 dan 2988 Mukim 10 SPT	Welcome Dev. Sdn Bhd	14.12.2012	8.3.2012	Tapak RIBI	529.14 mp	Hendaklah dipindah kepada MPSP dengan bayaran namaan RM 1.00
12	Bukit Tengah Pemajuan di atas lot 1050 Mukim 6, SPT (Strata Tittle)	Senam Jaya Sdn Bhd	22.2.2012	Permohonan Dalam proses	Tapak RIBI	70.22 mp	Hendaklah dipindah milik kepada Perbadanan Pengurusan
13	Machang Bubuk Pemajuan di atas lot 3644,3645,3647,3649 -3651, 3654,7684-7688 & 10702, 10703,10704 dan 10705 mukim 14. SPT	Primajadi Sdn Bhd	25.1.2012	Permohonan dalam proses	Tapak RIBI	615.5 mp	Hendaklah dipindah kepada MPSP dengan bayaran namaan RM 1.00

Manakala senarai bagi tapak-tapak rumah ibadat bukan Islam yang perlu diserahkan kepada MPPP melalui Permohonan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh MPPP dari tahun 2011 hingga Mac 2012 adalah seperti di Lampiran A.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Huraikan bagaimanakah:

(a) Kabel fiber optik telah mengurangkan bilangan telco atas bumbung (jenis telekomunikasi yang gunakan optik),

(b) Masyarakat dapat manfaat daripadanya.

(c) Status projek ini dari segi pengusaha dan kawasan yang terlibat di Negeri Pulau Pinang setakat ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Kabel fiber optic yang digunakan bagi struktur telekomunikasi atas bumbung adalah bagi menggantikan alat microwave (penghubung dari satu stesen telekomunikasi ke stesen telekomunikasi lain) dan oleh itu penggunaan kabel fiber optik ini tidak mengurangkan bilangan telcos atas bumbung.

(b) Manfaat penggunaan fiber optic adalah perkhidmatan internet yang ditawarkan adalah perkhidmatan yang lebih laju. Selain itu pelbagai jenis perkhidmatan seperti video on demand dan komunikasi audio-video yang lebih jelas dengan kualiti 'High Defination' (HD) dan banyak lagi perkhidmatan dalam talian yang ada pada hari ini dan akan datang dapat diperolehi. Fiber optik juga dapat memenuhi kapasiti keperluan jalur lebar berkelajuan tinggi (high speed bandwidth) yang diperlukan oleh masyarakat masa kini terutama penduduk Negeri Pulau Pinang.

Pemasangan fiber optic yang disambung kepada struktur telco di atas bumbung adalah sebagai ganti penggunaan microwave link dish dan ianya tidak mengurangkan bilangan telco yang dipasang di atas bumbung kerana kedua-dua peralatan ini memberikan jenis perkhidmatan yang berbeza. Fibre optic memberi keperluan komunikasi statik manakala struktur atas bumbung memberikan keperluan komunikasi bergerak.

(c) Mulai April 2012, CMI bertindak sebagai OSA (One Stop Agency) dan PDC Telco sebagai kontraktor bagi konsep perparitan bersepadu (berkaitan fiber optik) di Pulau Pinang. Buat masa kini, projek ini masih ditahap perancangan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Huraikan status dan perkembangan dengan kronologi Lot 481, Seksyen 1, Bandar Batu Ferringhi yang mesti diserahkan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk penyelesaian pembinaan Kompleks Penjaja dan Pasar Awam oleh pemaju sebagai satu syarat dalam pelan pembangunan asal yang diluluskan oleh MPPP.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Tanah lot 481 Seksyen 1, Bandar Batu Feringgi telah dipindah milik kepada MPPP mulai 9.4.2012 dan kini permohonan Pelan Bangunan MPPP/OSC/PB(4731) 12/LB telah dikemukakan oleh Chong Kum Kwan & Associates Architect pada 18.4.2012 untuk cadangan tapak penjaja dan pasar satu (1) tingkat.

Lot 481 adalah Lot asal yang dipindah milik kepada MPPP. Lot 481 kemudiannya dipecahkan kepada lot-lot kecil termasuk Lot 1 yang merupakan cadangan untuk tapak penjaja dan pasar satu (1) tingkat.

Kronologi Lot 481, Seksyen 1, Bandar Batu Ferringhi

Kebenaran Merancang	Cadangan

JPB/PM/1576(LB) [JPB/KM/1035/A]	Tapak pemajuan adalah di dalam sebahagian pemajuan Eden Feringgi Resort (master plan untuk kumpulan Geotrade Sdn. Bhd. yang asal) dikemukakan oleh Tetuan Gold Vale Development Sdn. Bhd. di atas Lot 1, Sek 1, Bandar Batu Feringgi, DTL, Off Jalan Batu Feringgi diluluskan pada 11.7.1994 untuk cadangan rumah pangsa kos rendah (1270 unit), pangsapuri (534 unit), dan 1 tingkat kedai (42 unit). Tapak pasar seluas 0.57 ekar telah ditunjukkan bersebelahan sekolah dan pusat komuniti di atas Lot 1, Sek 1, Bandar Batu Feringgi.
JPB/PM/1576(LB)(PIN.4)PT.1 [JPB/KM/2333/A]	Diluluskan pada 22.11.1999 untuk cadangan rumah berkembar (140 unit dan 1 unit banglo) MPPP telah mensyaratkan kompleks penjaja/pasar di atas Lot 1, Bandar Batu Feringgi hendaklah disiapkan sebelum permohonan sijil layak penghunian untuk unit kediaman ke 2000 dikemukakan.
JPB/PM/1879(LB)PT.5 [JPB/KM/2279/A]	Diluluskan pada 20.4.2000 untuk cadangan 1 blok rumah pangsa kos rendah (328 unit), kedai (8 unit) dan gantian tapak pusat komuniti, penjaja dan pasar dengan tapak kawasan lapang di atas sebahagian Lot 1, Sek. 1, Bandar Batu Feringgi, DTL, Pulau Pinang oleh Tetuan Gold Vale Development Sdn. Bhd.
JPB/SD/346	Pelan Pecah Sempadan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap YDP (MJYDP) pada 9.11.2000 untuk Lot 1 telah dicatitkan untuk dipecah sempadan di bawah petak (6) seluas 8979 mp untuk pusat komuniti, penjaja dan pasar berdasarkan kebenaran merancang JPB/PM/1576(LB) PT.5 [JPB/KM/2333/A] yang diluluskan pada 27.9.2000 hendak diserah kepada MPPP.
MPPP/OSC/PB(4731)12/LB	Permohonan Pelan Bangunan MPPP/OSC/PB(4731)12/LB telah dikemukakan oleh Chong Kum Kwan & Associates Chartered Architect pada 18.4.2012 untuk cadangan tapak penjaja dan pasar 1 tingkat.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Senaraikan projek-projek di lereng bukit dan rizab pantai yang dibentangkan atau diluluskan dengan technical comply oleh MPPP (OCS), Jawatankuasa Pembangunan Tanah Bukit Berisiko dan State Planning Committee (SPC). Walaupun mendapat bantahan demi mengekalkan keharmonian sosial, polisi Green State dan had kepadatan koridor sekunder dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Terdapat satu (1) projek di Batu Feringghi dan empat (4) projek di Tanjung Bungah di mana melibatkan pembangunan melebihi 250 kaki dan pelannya di luluskan sebelum Mac 2008. Tidak ada pembangunan yang diluluskan selepas Mac 2008 yang melibatkan pembangunan melebihi 76 meter (250 meter) dari paras laut.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Huraikan keadaan terkini tentang berlakunya kencing tikus di merata-rata kawasan sungai dan Taman Hutan Lipur Negeri Pulau Pinang.

(b) Apakah tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan isu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKN) sentiasa mengambil tindakan pencegahan bagi mengawal serta menangani penyakit Leptospirosis (kencing tikus). Statistik pihak JKN menunjukkan sehingga 7 April 2012, hanya terdapat sebanyak 6 kes Leptospirosis dan tiada kematian direkodkan berbanding sebanyak 31 kes pada tahun 2011.

Penyakit Leptospirosis (kencing tikus) telah menjadi satu penyakit yang perlu memberi notis bermula tahun 2011. Penyakit ini adalah endemik di kawasan rekreasi seperti sungai dan taman hutan lipur di Negeri Pulau Pinang dan sentiasa terdedah kepada orang ramai. Antara tempat rekreasi yang masih tidak selamat untuk kegunaan orang ramai ialah Taman Negeri Bukit Panchor dan Hutan Lipur Teluk Bahang.

Antara faktor-faktor yang penyumbang kepada penularan penyakit ini di kawasan rekreasi air adalah seperti berikut :-

(a) Aktiviti penggunaan racun tikus oleh pekebun-pekebun berhampiran kawasan rekreasi.

(b) Sisa-sisa makanan yang ditinggalkan oleh pengunjung-pengunjung taman rekreasi.

(c) Sumber air bukit yang tercemar dengan air kencing haiwan liar yang mengandungi bakteria leptospira.

Antara tindakan pencegahan yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut :-

(i) Menutup sementara tempat rekreasi seperti Hutan Lipur Telok Bahang dan Taman Negeri Bukit Panchor yang didapati positif dengan virus leptospira kepada pengunjung.

(ii) Mewar-warkan maklumat mengenai penyakit Leptospirosis seperti cara pencegahan dan simptom-simptom penyakit melalui media elektronik dan media cetak terutamanya pada waktu banjir.

(iii) Papan tanda didirikan di kawasan-kawasan rekreasi air dan hutan lipur sebagai peringatan kepada orang awam tentang risiko penyakit ini.

(iv) Oleh kerana virus ini sentiasa dibawa oleh binatang liar maka pihak JKN akan menjalankan ujian sampel air secara berkala untuk mengenal pasti lokasi yang tercemar dan punca kes seseorang pesakit.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Huraikan status tanah dengan kronologi bagaimana lot tanah yang dimiliki oleh Persatuan Pengakap Pulau Pinang dalam kawasan Taman Negara Pulau Pinang di Teluk Bahang telah berpindah nama ke atas Taman Negara Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Taman Negara Pulau Pinang telah diwartakan di bawah Akta Taman Negara 1980,

Akta 226 (Pindaan 1983) pada 10 April 2003 melalui warta No. 80, Pelan Warta 736. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat perubahan kepada keluasan kawasan, pindaan kepada pelan warta telah dibuat iaitu melalui Pelan Warta No. 819 dan diwartakan melalui Warta No. 603 bertarikh 10 September 2009

Tanah milik Persatuan Pengakap ialah Lot 646 yang terkandung di dalam hak milik HS(D)2, Mukim 1, Daerah Barat Daya. Lot ini masih milikan Persatuan Pengakap Pulau Pinang dan tidak berpindah milik kepada Taman Negara Pulau Pinang.

SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANGAN BAGI PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN TAPAK IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) KEPADA KERAJAAN DI BAWAH PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG DILULUSKAN OLEH MAJLIS TAHUN 20111-2012
(semakan Februari 2012)

BIL	NO PM	TARIKH KEMUKA	CADANGAN PEMAJUAN	NO LOT	SEK / MUK	BANDAR / DAERAH	LOKASI	PEMOHON	TARIKH KM	TEMPAT IBADAT BUKAN ISLAM
										Keluasan (Disediakan Dan Diserah) (Mp)
1	MPPP/OSC/PM(1065)/10(LB)	23/09/2010	MEROBOH 1 UNIT RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIADA DAN CADANGAN MEMBINA RUMAH TERES 3 TINGKAT (44 UNIT).	960 & 964	Mukim 11 Teluk Kumbar	Daerah Barat Daya	Jalan Dato Ismail Hashim Bayan Lepas	SOLID NETWORK (M) SDN. BHD.	26/04/2011	***154.320***
2	MPPP/OSC/PM(1089)/10(LB)	12/10/2010	MEROBOHKAN 1 UNIT RUMAH SEDIADA DAN MENDIRIKAN RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT (80 UNIT).	293, 294, 316, 1795, 1631, 1544, & 1545	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Pasir Belanda	RELEVANT CITY SDN. BHD.	10/05/2011	***195.000***
3	MPPP/OSC/PM(1020)/10(LB)	05/08/2010	MEROBOH BANGUNAN-BANGUNAN SEDIA ADA BERJUMLAH 11 UNIT DAN CADANGAN MEMBINA 1 BLOK HOTEL 13 TINGKAT (160 UNIT), 1 BLOK PANGSAPURI MEWAH 39 TINGKAT (80 UNIT), 1 BLOK PANGSAPURI MEWAH 37 TINGKAT (65 UNIT), 1 BLOK PANGSAPURI MEWAH 30 TINGKAT (68 UNIT), DAN 1 BLOK RUMAH PANGSA KOS RENDAH 10 TINGKAT (100 UNIT).	PT 105 (Lot Lama 15)	Mukim 2 Telok Bahang	Daerah Barat Daya	Jalan Telok Bahang	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA).	07/06/2011	***323.746***

SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANGAN BAGI PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN TAPAK IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) KEPADA KERAJAAN DI BAWAH PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG DILULUSKAN OLEH MAJLIS TAHUN 20111-2012
(semakan Februari 2012)

4	MPPP/OSC/PM(1313)/11(LB)	20/05/2011	MEROBOHKAN BANGUNAN SEDIADA (26 UNIT) BAGI MENDIRIKAN:- a) RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT (31 UNIT); b) RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT (50 UNIT) & RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT (20 UNIT); c) RUMAH TERES 2 TINGKAT (58 UNIT) & RUMAH TERES 1 TINGKAT (59 UNIT); d) RUMAH TERES 2 TINGKAT HAKMILIK STRATA JENIS 'A' (122 UNIT), RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT HAKMILIKSTRATA JENIS 'A' (12 UNIT), RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT HAKMILIK STRATA JENIS 'A' (1 UNIT) & PUSAT KOMUNITI 2 TINGKAT HAKMILIK STRATA (1 UNIT); e) RUMAH TERES 2 TINGKAT HAKMILIK STRATA JENIS 'B' (182 UNIT) & PUSAT KOMUNITI 2 TINGKAT HAKMILIK BERSAMA STRATA (1 UNIT); f) RUMAH TERES 2 TINGKAT HAKMILIK STRATA JENIS 'C' (276 UNIT), RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT HAKMILIK STRATA JENIS 'C' (40 UNIT) 7 PUSAT KOMUNITI 2 TINGKAT HAKMILIK BERSAMA STRATA (1 UNIT); g) 2 BLOK KONDOMINIUM 17 TINGKAT (224 UNIT) TERMASUK 2 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KENDERAAN. h) 4 BLOK KONDOMINIUM 17 TINGKAT (470 UNIT) TERMASUK 2 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KENDERAAN; i) 2 BLOK KONDOMINIUM 17 TINGKAT (224 UNIT) TERMASUK 2 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KENDERAAN; j) 1 BLOK RUMAH PANGSA KOS RENDAH 16 TINGKAT (534 UNIT) & KEDAI DI TINGKAT LANTAI BAWAH (21 UNIT); k) 1 BLOK KOMPLEKS PERNIAGAAN 7 TINGKAT & 1 BLOK PEJABAT 16 TINGKAT TERMASUK 6 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KENDERAAN; l) RUMAH KELAB 1 TINGKAT (1 UNIT); m) RUMAH IBADAT 2 TINGKAT (1 UNIT) & BIARA 3 TINGKAT (1 UNIT); n) TAPAK-TAPAK KEMUDAHAN AWAM YANG MELIPUTI SURAU, TAPAK KEAGAMAAN LAIN, TAPAK BANGUNAN KOMPLEKS PENJAJA & PASAR, PUSAT MASYARAKAT, TAPAK SEKOLAH, KAWASAN LAPANG, KOLAM TADAHAN, RUMAH PAM KUMBAHAN, PENCAWANG ELEKTRIK & PENCAWANG PEMBAHAGI UTAMA.	1286, 1145 & 1154	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Datuk Ismail Hashim / Jalan Tun Dr Awang	IDEAL PROP. DEV. SDN. BHD.	26/07/2011	***866.000***

SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANGAN BAGI PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN TAPAK IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) KEPADA KERAJAAN DI BAWAH PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG DILULUSKAN OLEH MAJLIS TAHUN 20111-2012
(semakan Februari 2012)

5	MPPP/OSC/PM(1002)/10(LB)	20/07/2010	PEMBANGUNAN BERCAMPUR TERMASUK:- a) KEDAI/PEJABAT 3 TINGKAT (10 UNIT), b) 1 BLOK PANGSAPURI 23 TINGKAT YANG MEMPUNYAI- (91 UNIT KONDOMINIUM), KEMUDAHAN MASYARAKAT, TEMPAT LETAK KENDERAAN DAN 1 SUB-BASEMEN TEMPAT LETAK KENDERAAN, c) 1 BLOK HOTEL 24 TINGKAT YANG MEMPUNYAI (266 BILIK), KEMUDAHAN HOTEL, TEMPAT LETAK KENDERAAN DAN 1 BASEMEN TEMPAT LETAK KENDERAAN	531	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Mahsuri	HIG LIVINGSTON SDN. BHD.	01/11/2011	***108.800***
6	MPPP/OSC/PM(1256)/11(LB)	23/03/2011	PINDAAN KEPADA PELAN LULUS JPB/PM/ 4202LB, JPB/KM/3676/A BERTARIKH 6/12/2007 BAGI SEBAHAGIAN TEMPAT LETAK KERETA KEPADA LAIN LAIN IBADAT.	17000 (Lot Lama 7599 & 7600)	Mukim 12 Bayan Lepas	Daerah Barat Daya	Jalan Tun Dr.Awang	KOBAY PROP. SDN. BHD.	14/12/2011	***227.891***
7	MPPP/OSC/PM(1340)/11(LB)	6/15/2011	PEMBANGUNAN TERDIRI DARIPADA:- a) PARCEL 1 i) RUMAH TERES 3 TINGKAT (19 UNIT); ii) KEDAI PEJABAT 1-2 TINGKAT (22 UNIT); iii) 24 TINGKAT PANGSAPURI KOS SEDERHANA (476 UNIT) DENGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DAN 5 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA, b) PARCEL 2, i) KEDAI PEJABAT 1 TINGKAT (18 UNIT); ii) 26 TINGKAT PANGSAPURI KOS SEDERHANA (323 UNIT) DENGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DAN 5 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA, c) PARCEL 3, i) KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT (40 UNIT); ii) RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT (17 UNIT), d) PARCEL 4, 1 PLOT KEMAJUAN MASA HADAPAN; e) PARCEL 5, 3 PLOT KEMAJUAN MASA HADAPAN.	Sbhg. 30 & 608	Mukim 10 Bukit Relau	Daerah Barat Daya	Sungai Ara	GADING WANGSA SDN. BHD.	12/14/2011	***488.360***
									JUMLAH	***2364.117***

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Huraikan status tanah penternakan khinzir yang bersempadan dengan Taman Negara Pulau Pinang di Pantai Acheh dan bagaimanakah tanah Taman Negara telah dicerobohi pengusaha penternak tersebut. Nyatakan keluasan tanah dan lokasi yang telah dicerobohi dan apakah tindakan yang telah diambil?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Tanah yang dimaksudkan ialah tanah hakmilik iaitu Lot 485, Mukim 1, Daerah Barat Daya kepunyaan Syarikat Fortress Homes Sdn. Bhd. yang menjalankan penternakan khinzir dengan anggaran khinzir sebanyak 15,000 ekor. Tanah tersebut terletak berdekatan dengan Hutan Simpanan Kekal Pantai Acheh (kini Taman Negara Pulau Pinang setelah diwartakan pada 10 April 2003). Pemilik tanah ini juga didapati telah menceroboh tanah bersebelahan yang merupakan tanah kerajaan iaitu lot 486 dan sebahagian lot 155 yang berkeluasan 2.411 ekar tidak termasuk dalam kawasan Taman Negara.

Oleh itu, tiada pencerobohan kawasan Taman Negara akibat penternakan khinzir di Mukim 1 Barat Daya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Huraikan status dan kronologi tanah lot 481, Seksyen 1, Bandar batu Feringghi dijadikan tapak Pasar Awam Batu Feringghi dan apakah penyelesaiannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Tanah lot 481 Seksyen 1, Bandar Batu Feringgi telah dipindah milik kepada MPPP mulai 9.4.2012 dan kini permohonan Pelan Bangunan MPPP/OSC/PB(4731) 12/LB telah dikemukakan oleh Chong Kum Kwan & Associates Architect pada 18.4.2012 untuk cadangan tapak penjaja dan pasar satu (1) tingkat.

Lot 481 adalah Lot asal yang dipindah milik kepada MPPP. Lot 481 kemudiannya dipecahkan kepada lot-lot kecil termasuk Lot 1 yang merupakan cadangan untuk tapak penjaja dan pasar satu (1) tingkat.

Kronologi Lot 481, Sek. 1, Bandar Batu Feringghi :-

Kebenaran Merancang	Cadangan
JPB/PM/1576(LB) [JPB/KM/1035/A]	Tapak pemajuan adalah di dalam sebahagian pemajuan Eden Feringgi Resort (master plan untuk kumpulan Geotrade Sdn. Bhd. yang asal) dikemukakan oleh Tetuan Gold Vale Development Sdn. Bhd. di atas Lot 1, Sek 1, Bandar Batu Feringgi, DTL, Off Jalan Batu Feringgi diluluskan pada 11.7.1994 untuk cadangan rumah pangsa kos rendah (1270 unit), pangsapuri (534 unit), dan 1 tingkat kedai (42 unit). Tapak pasar seluas 0.57 ekar telah ditunjukkan bersebelahan sekolah dan pusat komuniti di atas Lot 1, Sek 1, Bandar Batu Feringgi.
JPB/PM/1576(LB)(PIN.4)PT.1 [JPB/KM/2333/A]	Diluluskan pada 22.11.1999 untuk cadangan rumah berkembar (140 unit dan 1 unit banglo) MPPP telah mensyaratkan kompleks penjaja/pasar di atas Lot 1, Bandar Batu Feringgi hendaklah disiapkan sebelum permohonan sijil layak penghunian untuk unit kediaman ke 2000 dikemukakan.

JPB/PM/1879(LB)PT.5 [JPB/KM/2279/A]	Diluluskan pada 20.4.2000 untuk cadangan 1 blok rumah pangsa kos rendah (328 unit), kedai (8 unit) dan gantian tapak pusat komuniti, penjaja dan pasar dengan tapak kawasan lapang di atas sebahagian Lot 1, Sek. 1, Bandar Batu Feringgi, DTL, Pulau Pinang oleh Tetuan Gold Vale Development Sdn. Bhd.
JPB/SD/346	Pelan Pecah Sempadan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap YDP (MJYDP) pada 9.11.2000 untuk Lot 1 telah dicatitkan untuk dipecah sempadan di bawah petak (6) seluas 8979 mp untuk pusat komuniti, penjaja dan pasar berdasarkan kebenaran merancang JPB/PM/1576(LB) PT.5 [JPB/KM/2333/A] yang diluluskan pada 27.9.2000 hendak diserah kepada MPPP.
MPPP/OSC/PB(4731)12/LB	Permohonan Pelan Bangunan MPPP/OSC/PB(4731)12/LB telah dikemukakan oleh Chong Kum Kwan & Associates Chartered Architect pada 18.4.2012 untuk cadangan tapak penjaja dan pasar 1 tingkat.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Huraikan mengapakah pembangunan di lereng bukit di KADUN Tanjong Bunga, Tanjon Bunga - Teluk Bahang Second Corridor diluluskan? Berapakah permohonan yang telah diluluskan dan nyatakan lokasi, lot nombor, luasan, pemaju, kepadatan, berapa unit, berapa tingkat, lereng bukit kelas 3 atau 4, PM nombor diluluskan atau masih dalam proses?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Terdapat 1 projek di Batu Feringghi dan 4 projek di Tanjung Bungah di mana melibatkan pembangunan melebihi 250 kaki dan pelannya diluluskan sebelum Mac 2008. Tidak ada pembangunan yang diluluskan selepas Mac 2008 yang melibatkan pembangunan melebihi 76 meter (250 kaki) dari paras laut.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Huraikan permintaan dan bekalan untuk rumah kos sederhana (LMC) dan pangsapuri mampu milik yang berharga RM300,000 ke bawah dan strategi Kerajaan Negeri untuk mengatasi ketidakseimbangan pasaran ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Pulau Pinang, penawaran bekalan untuk rumah kos sederhana rendah adalah sebanyak 27,235 unit, flat sebanyak 81,959 unit dan pangsapuri mampu milik sebanyak 27,898. Perincian penawaran bekalan sedia ada, bekalan akan datang dan bekalan yang dirancang adalah seperti di senarai di bawah:-

Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan hanya mengawal permintaan dan penawaran rumah kos sederhana rendah yang berharga RM72,500.00 sahaja dan tidak meliputi rumah mampu milik yang berharga RM300,000.00 ke bawah.

Sehingga 25 April 2012, permintaan untuk rumah kos sederhana rendah di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 10,888 berdasarkan senarai pemohon aktif selepas dibuat proses pengemaskinian maklumat mulai 15 Disember 2011 sehingga 31 Mac 2012. Berdasarkan kepada angka tersebut menunjukkan bahawa permintaan terhadap rumah kos sederhana rendah di Pulau Pinang adalah masih tinggi. Daerah

Timur Laut mendahului bagi permohonan dalam senarai menunggu iaitu sebanyak 9,536 pemohon (87.58%) daripada jumlah keseluruhan senarai menunggu permohonan rumah kos sederhana rendah. Daerah Seberang Perai Utara mencatatkan angka kedua tertinggi dengan 756 pemohon (6.94%) diikuti Daerah Barat Daya sebanyak 287 pemohon (2.64%), Daerah Seberang Perai Selatan sebanyak 154 pemohon (1.41%), Daerah Seberang Perai Tengah sebanyak 127 pemohon (1.17%) dan pemohon yang tidak menetapkan pilihan daerah sebanyak 28 pemohon (0.26%).

Strategi Kerajaan Negeri untuk mengatasi ketidakseimbangan pasaran ini adalah dengan:

(a) Memperluaskan stok tanah perumahan.

Meninggikan bekalan perumahan baru termasuk rumah mampu milik di kawasan pertumbuhan baru *(new growth area)* di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan. Kerajaan Negeri juga sedang membuat perancangan untuk membina rumah mampu milik di Batu Kawan atas tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seluas 150 ekar. Projek ini dijangka akan menyediakan lebih daripada 11,800 unit apartmen yang berharga RM72,500.00 sehingga RM220,000.00 seunit. Tanah di Negeri Pulau Pinang adalah amat terhad berbanding dengan Negeri-Negeri lain. Malah, didapati permintaan ke atas tanah pembangunan perumahan hanya tertumpu di kawasan membangun sahaja. Sebagai contoh, pemaju lebih tertumpu di Daerah Timur Laut berbanding di Daerah Barat Daya. Daerah Seberang Perai Tengah pula menjadi pilihan pemaju jika dibandingkan dengan Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Seberang Perai Selatan. Melalui kaedah penambahan stok tanah untuk tujuan pembangunan perumahan adalah diharapkan boleh mengurangkan kenaikan kos tanah di kawasan pilihan dan akan menstabilkan harga rumah di pasaran;

(b) Melaksanakan Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan nisbah plot di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang berkuatkuasa pada 21 Disember 2011 antaranya:

(i) Membenarkan pemaju membangunkan sehingga mencapai kepadatan 87 unit/ekar hingga 120 unit/ekar (maksimum - sekiranya tapak tersebut mempunyai penempatan setinggan) bagi kawasan-kawasan yang dibenarkan bagi penambahan ketumpatan terutama sekali di sekitar kawasan Transportation Oriented Development (T.O.D). Misalnya, perumahan kos sederhana rendah diberikan ketumpatan sehingga 120 unit seekar manakala tiada had ketumpatan bagi perumahan kos rendah (dengan syarat mematuhi semua kehendak perancangan);

(ii) Mensyaratkan pemajuan menyediakan 30% RKSR bagi kawasan Daerah Timur Laut, manakala bagi kawasan Daerah Barat Daya perlu menyediakan 30% RKR atau 15% RKR dan 15% RKSR; dan

(iii) Mensyaratkan sebanyak 5% daripada unit yang dibina dijual pada harga kurang RM200,000.00 manakala 15% lagi hendaklah dijual pada harga kurang dari RM300,000.00. Ini dapat menggalakkan pemaju-pemaju untuk membina lebih banyak perumahan mampu milik (affordable housing);

(c) Meninggikan harga rumah yang layak di beli oleh warga asing di Pulau Pinang dari RM250,000.00 ke RM500,000.00 mulai 1 Januari 2010. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah mengumumkan untuk melihat dan mengkaji semula dasar pemilikan hartanah oleh warga asing ini dari RM500,000.00 ke RM1,000,000.00 untuk hartanah di seluruh Pulau Pinang dan dengan had yang lebih tinggi. RM2,000,000.00 untuk landed property di bahagian Pulau. Ini dapat mengawal agar warga asing hanya membeli haranah yang lebih mahal dan tidak bersaing dengan warga tempatan dalam segmen hartanah yang sama.

Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSN), Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa penyediaan rumah mampu milik diberi keutamaan melalui langkah-langkah berikut:

(a) Mengambil kira keupayaan pembeli rumah (purchasing power) penduduk yang berbeza-beza, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan meluluskan projek perumahan bagi memastikan semua golongan penduduk di Pulau Pinang memiliki rumah berdasarkan dua jenis rumah mampu milik iaitu rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

(b) Mengawal harga rumah kos rendah dan sederhana rendah dan menetapkan syarat kelayakan rumah yang lebih realistik bagi golongan pertengahan iaitu individu yang berpendapatan RM2,500.00 hingga RM3,500.00 sebulan dan merendahkan had kelayakan umur dari 21 tahun kepada 18 tahun.

(c) Menggalakkan pemilik hartanah menyertai program pemuliharaan dan pembaharuan bandar melalui agensi pembaharuan dan pemulihan bandar agar lebih banyak perumahan dan hartanah lain dapat dibina untuk mencapai hasrat satu rumah satu keluarga terutama di kawasan bandar.

(d) Memproses dan meluluskan lebih banyak pelan-pelan permohonan perancangan di dalam waktu yang lebih singkat melalui initiatif OSC untuk menggalakkan lebih banyak rumah dapat dibina dalam waktu yang singkat.

PENAWARAN UNIT KEDIAMAN MENGIKUT JENIS DI PULAU PINANG

SUPPLY OF RESIDENTIAL UNITS BY TYPE IN PULAU PINANG

Review	District	Flat		Apartment
Period		LMC	Flat	Mampu milik
EXISTING STOCK				
2008	Timur Laut	19,959	50,798	18,362
	Barat Daya	300	10,952	2,794
	Seberang Perai Utara	-	5,574	3,816
	Seberang Perai Tengah	-	11,769	669
	Seberang Perai Selatan	-	320	-
	PULAU PINANG	**20,259**	**79,413**	**25,641**
2011	Timur Laut	26,935	52,224	19,371
	Barat Daya	300	11,744	3,500
	Seberang Perai Utara	-	5,702	4,097
	Seberang Perai Tengah	-	11,969	930
	Seberang Perai Selatan	-	320	-
	PULAU PINANG	**27,235**	**81,959**	**27,898**

INCOMING SUPPLY				
2008	Timur Laut	5,221	6,100	1,764
	Barat Daya	-	1,247	938
	Seberang Perai Utara	-	1,168	872
	Seberang Perai Tengah	-	982	553
	Seberang Perai Selatan	-	172	-
	PULAU PINANG	**5,221**	**9,669**	**4,127**
2011	Timur Laut	1,936	3,463	1,451
	Barat Daya	-	1,452	2,640
	Seberang Perai Utara	-	1,124	1,072
	Seberang Perai Tengah	-	782	1,024
	Seberang Perai Selatan	-	424	-
	PULAU PINANG	**1,936**	**7,245**	**6,187**

PLANNED SUPPLY				
2008	Timur Laut	2,712	967	717
	Barat Daya	-	984	2,013
	Seberang Perai Utara	-	896	452
	Seberang Perai Tengah	-	1,962	206
	Seberang Perai Selatan	-	84	-
	PULAU PINANG	**2,712**	**4,893**	**3,388**
2011	Timur Laut	2,814	736	1,671
	Barat Daya	242	843	934
	Seberang Perai Utara	-	1,701	365
	Seberang Perai Tengah	-	2,363	1,130
	Seberang Perai Selatan	-	84	-
	PULAU PINANG	**3,056**	**5,727**	**4,100**

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Huraikan keadaan kelas menengah rendah (middle low class) dari semua aspek dan strategi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk naik taraf kelas ini kepada kelas menengah (middle class) dalam jangka panjang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Visi Kerajaan Negeri ialah untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang satu habitat pilihan untuk mereka yang inginkan pembangunan mampan. Pada tahun 2010, Pulau Pinang telah menjadi juara di Malaysia dari segi menarik pelaburan sebanyak RM12.2 billion. Pada tahun lalu, Pulau Pinang sekali lagi menjadi juara dalam pelaburan pembuatan iaitu RM9.1 billion.

Kerajaan Negeri berpendapat bahawa pelaburan yang sedemikian dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang baru serta menawarkan gaji yang lebih lumayan kepada kelas menengah rendah supaya mereka boleh menikmati taraf kehidupan yang lebih baik. Oleh kerana industri pembuatan telah wujud sejak tahun 1972, taraf pendidikan teknikal dan sains amatlah penting untuk menyediakan penduduk-penduduk di Pulau Pinang untuk mengambil kursus-kursus teknikal dan sains. Oleh kerana sektor pembuatan merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di Negeri ini, tidak hairanlah sekiranya pekerja-pekerja kilang amatlah berpengalaman dan berpengetahuan lebih tinggi untuk membantu sektor pembuatan untuk jangka masa yang panjang.

Di samping itu, Kerajaan juga menubuhkan Majlis Sains Pulau Pinang (Penang Science Council) untuk mendorong para pelajar mudah untuk meminati subjek-subjek yang berkenaan dengan jurusan sains. Majlis ini adalah diusahakan oleh kilang-kilang pembuatan di Pulau Pinang seperti B.Braun, Mini Circuits, Intel, Motorola dan Agilent Technologies untuk mendorong minat para pelajar untuk berkecimpung dalam bidang sains dan teknologi. Langkah-langkah yang sedemikian dapat membantu kelas menengah rendah untuk naik taraf kelas dalam suatu masa jangka panjang.

Kerajaan Negeri menggalakkan pihak swasta mengikut jejak langkah Kerajaan Negeri menetapkan gaji minimum sebanyak RM1,100 termasuk elaun (tetapi tanpa bayaran lebih masa).

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Huraikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyediakan satu projek ”Old Folk Rest House/Convalescent Home” untuk penempatan sementara warga tua dan juga pesakit yang kekurangan sumber kehidupan atau kehilangan tanggungan saban hari.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri belum bercadang untuk penempatan sementara warga tua seperti ”Old Folk Rest House”. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa adalah lebih wajar tanggungjawab untuk menjaga warga tua di letak di bawah tanggungjawab ahli keluarga berkenaan. Melalui ”Silver Jubilee Home”, yang ditaja oleh masyarakat dan pihak swasta, Kerajaan Negeri telah pun menyediakan suatu kemudahan bertaraf antarabangsa.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Senaraikan semua draf pelan tempatan dan khas. Huraikan kepentingan draf pelan-pelan yang telah disediakan, dipamirkan dan mendapat maklum balas orang awam dengan terperinci dan jadual pewartaannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Senarai deraf pelan tempatan dan khas berserta kepentingan deraf tersebut adalah seperti berikut:

(a) Rancangan Tempatan

Terdapat 4 Rancangan Tempatan bagi Negeri Pulau Pinang iaitu Rancangan tempatan Daerah Seberang Perai Utara, Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah, Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan dan Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020. Rancangan-Rancangan Tempatan ini disediakan bagi memenuhi peruntukan undang-undang di dalam Seksyen 12, Akta Perancangan Bandar dan Desa (AKTA 172). Fungsi Rancangan Tempatan adalah untuk menterjemahkan dasar-dasar dan cadangan-cadangan yang telah digariskan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 kepada bentuk fizikal yang lebih terperinci dan praktikal diperingkat tempatan dan daerah.

Rancangan tempatan juga akan digunakan sebagai dokumen perancangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MPSP dan MPPP bagi mencapai hala tuju pembangunan fizikal untuk setiap daerah. Ianya turut mengandungi peta cadangan dan pernyataan bertulis berkenaan perancangan fizikal setiap lot daerah dan mengandungi juga langkah-langkah terperinci berkaitan dengan kawalan pembangunan bagi memastikan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial di setiap daerah dinamik, seimbang dan menyeluruh.

(1) Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020

Penyediaan laporan ini telah melalui proses-proses berikut:

(i)	20 Februari 2006	- Penyerahan Laporan Awal
(ii)	16 April 2007	- Penyerahan Draf Awal Rancangan Tempatan
(iii)	11 Disember 2007, 29 & 30 Januari 2008	- Pembentangan Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (pulau) 2020
(iv)	22 Disember 2008	- Mesyuarat Penuh MPPP
(v)	17 September 2010	- Pembentangan berasingan yang dipengerusikan oleh Y.A.B Ketua Menteri.

Draf Rancangan Tempatan (RT) Pulau Pinang (Pulau) 2020 telah siap dan pembentangan telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri pada 21 Januari 2010, 4 Mac 2010 dan 31 Mei 2010 untuk mendapatkan pandangan dan persetujuan untuk publisiti. Bagaimanapun masih terdapat penambahbaikan yang perlu dilakukan selaras dengan dasar-dasar Negeri yang terkini. Draf ini masih dalam semakan Pihak Berkuasa Negeri dan pindaan sedang dilakukan oleh pihak perunding. Pengesahan kandungan RT ini perlu disahkan oleh ADUN dan EXCO terlebih dahulu sebelum RT ini dibawa untuk sesi publisiti dan bantahan awam.

(2) Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah telah dipamerkan kepada orang awam selama 4 minggu bermula dari 15 Mac 2012 sehingga 12 April 2012 manakala tarikh akhir untuk mengemukakan borang bantahan telah ditetapkan pada 19 April 2012. Memandangkan tarikh pengemukaan borang bantahan masih belum tamat,maka jumlah borang yang telah dihantar tidak dapat dimuktamadkan lagi. Dijangkakan ianya dapat diwartakan pada bulan Disember 2012.

(3) Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai Selatan

Bagi Draf Rancangan tempatan Daerah Seberang Perai Selatan, ianya telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri pada 29 Mac 2012 dan tarikh untuk publisiti dijangkakan akan diadakan pada bulan Jun 2012 dan dijangka dapat diwartakan dalam bulan Mac tahun 2013.

(b) Rancangan Kawasan Khas

Terdapat 2 Rancangan Kawasan Khas telah disediakan di Negeri Pulau Pinang iaitu Draf Rancangan Kawasan Khas dan Pelan Pengurusan Pemeliharaan Bagi Tapak Warisan Dunia George Town dan Rancangan Kawasan Khas Taman Botani.

(i) Draf Rancangan Kawasan Khas dan Pelan Pengurusan Pemeliharaan Bagi Tapak Warisan Dunia George Town.

Draf Rancangan Kawasan Khas dan Pelan Pengurusan Pemeliharaan Bagi Tapak Warisan Dunia George Town disediakan supaya berperanan sebagai mekanisma perundangan untuk memastikan pelaksanaan pelan pengurusan bagi Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Sepanjang tempoh publisiti dan bantahan awam diadakan, pihak Jabatan telah menerima 60 borang bantahan. Draf Rancangan Kawasan Khas dan Pelan Pengurusan Pemeliharaan Bagi Tapak Warisan Dunia George Town di jangka dapat diwartakan pada bulan Januari 2013.

(ii) Rancangan Kawasan Khas Taman Botani

Rancangan Kawasan Khas Taman Botani disediakan untuk menetapkan halatuju perancangan dan pembangunan yang seimbang mengikut fungsi taman botani. Ianya juga merupakan rangkakerja untuk mencapai aspirasi taman botani supaya selaras dengan taman botani lain yang terdapat di seluruh dunia.

Sepanjang tempoh publisiti dan bantahan awam, Jabatan telah menerima sebanyak 110 borang bantahan. RKK ini masih dalam proses penyediaan laporan untuk siasatan awam dan dijangkakan akan diwartakan pada bulan Disember 2012.

Kepentingan Draf Rancangan Tempatan ini adalah :

(i) Suatu dokumen yang mengandungi peta cadangan dan pernyataan bertulis yang menerangkan dengan terperinci cadangan-cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan berkenaan perancangan fizikal seperti gunatanah, alam sekitar, infrastruktur dan utiliti, lanskap, lalu lintas dan lain-lain.

(ii) Draf Rancangan Tempatan ini memperincikan dasar-dasar, strategi dan langkah-langkah daripada Rancangan Struktur Negeri yang telah diwartakan.

(iii) Ia merupakan panduan kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan di dalam memberi pertimbangan terhadap suatu permohonan untuk kebenaran merancang.

(iv) Sebagai panduan kepada pemaju, tuan tanah dan orang awam bagi memajukan tanah-tanah mereka.

(v) Sebagai panduan kepada agensi dan jabatan teknikal di dalam merancang dan membangunkan kemudahan awam dan infrastruktur di bawah bidangkuasa mereka.

Pewartaan draf rancangan tempatan adalah tertakluk kepada seksyen 15(1), 15 1(A), (IB), (1C) dan 15(4), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Huraian berkenaan proses pewartaan draf rancangan tempatan tersebut adalah seperti berikut :

(i) Kandungan seksyen 15(1) ialah: Setelah tamat tempoh yang diberikan untuk membuat bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan draf rancangan tempatan atau, jika bantahan atau representasi itu telah dibuat dengan sewajarnya dalam tempoh itu, selepas menimbangkan bantahan atau representasi itu, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mengemukakan draf rancangan tempatan itu atau draf rancangan tempatan itu sebagaimana yang diubahsuaikan dengan tujuan untuk mengambilkira bantahan atau representasi itu atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya, kepada jawatankuasa bagi kelulusannya.

(ii) (IA) Jawatankuasa boleh, selepas menimbangkan suatu draf rancangan tempatan yang dikemukakan kepadanya, sama ada meluluskannya, secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya dan dengan atau tanpa ubah suaian, atau menolaknya.

(iii) (IB) Dalam menimbangkan draf rancangan tempatan itu, Jawatankuasa boleh mengambil kira apa-apa perkara yang difikirkan, berkaitan, sama ada atau tidak perkara itu telah diambil kira dalam rancangan itu seperti yang dikemukakan atau dikemukakan semula kepadanya.

(iv) (IC) Jawatankuasa hendaklah mengemukakan draf rancangan tempatan yang telah diluluskan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, dan apabila persetujuan diberikan, rancangan itu hendaklah berkuat kuasa.

(v) 15(4) Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mengarahkan supaya fakta persetujuan Pihak Berkuasa Negeri mengenai draf rancangan tempatan disiarkan dalam Warta Negeri dan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, satu daripadanya dalam bahasa kebangsaan, bersama dengan tanda yang dengannya rancangan tempatan itu boleh dikenal pasti dan dengan suatu pernyataan mengenai tempat di mana rancangan itu boleh diperiksa.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menetapkan tarikh Pilihanraya Dewan Undangan Negeri setiap lima (5) tahun dan menghadkan tempoh jawatan Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri 1 dan 2 kepada dua penggal sahaja supaya pendemokrasian di pertingkatkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Cadangan-cadangan tersebut tidak dapat dipertimbangkan atas sebab bercanggah dengan Perlembagaan Negeri serta amalan Parlimen Komanwel.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Huraikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kepentingan mengadakan satu tapak Kem Belia Antarabangsa, misalnya memulihara Coronation Camp untuk memperkasa golongan belia untuk mencapai potensi penuh mereka dalam suasana yang bebas dan adil.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk membangunkan belia sebagai pelapis pemimpin negara yang berinovasi, berdaya maju dan berkualiti tinggi. Kepentingan untuk mengadakan satu tapak Kem Belia Antarabangsa dilihat sebagai satu keperluan kepada golongan belia dalam menjalankan aktiviti-aktiviti belia. Namun untuk memastikan kelestarian program agar segala aspirasi yang dihasratkan menjadi kenyataan, pemilihan tapak yang bersesuaian adalah perlu.

Dalam hal ini, proses memuliharakan Coronation Camp seperti yang dimaksudkan adalah tidak lagi relevan memandangkan kawasan tersebut telah diwartakan menerusi Warta Kerajaan JLD.48 No.296 bertarikh 7 Oktober 2004, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan diletakkan di bawah penyelenggaraan Taman Botani. Kawasan ini adalah termasuk dalam Pelan Pembesaran Taman Botani dan pihak Kerajaan Negeri telah mempunyai perancangan khas untuk membangunkan kawasan tersebut. Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang dengan ini telah merizabkan lot-lot tanah tersebut menjadi tanah rizab bagi kawasan Kebun Bunga dan Taman Rekreasi Awam. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dilantik sebagai Pegawai Pengawal dan Jabatan Kebun Bunga Negeri Pulau Pinang sebagai agensi penyelenggara tanah rizab berkenaan.

Perkara ini telah dimaklumkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri oleh Y.B Encik Teng Chang Yeow ketika itu sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kebun Bunga supaya pihak Pesuruhjaya Pengakap Negeri diberi tempoh 1 tahun untuk menyerahkan tapak Coronation Camp kepada Kerajaan Negeri untuk Rancangan Pembesaran dan Pembangunan Kebun Bunga. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bermesyuarat pada 30 Mac 2005 telah meluluskan ketetapan tersebut (Kertas MMK Bil.11/2005). Satu Notis Penyerahan Tapak Coronation Camp daripada Jabatan Kebun Bunga bertarikh 22 April 2005 telah dikeluarkan kepada Pesuruhjaya Pengakap Negeri supaya menyerahkan tapak Coronation Camp secara “vacant possession” kepada Kerajaan Negeri selewat-lewatnya pada 30 April 2006.

Berdasarkan kepada perkara di atas, maka pihak Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk memuliharakan *Coronation Camp* ini memandangkan kawasan tersebut adalah termasuk dalam Rancangan Kawasan Khas Taman Botani Pulau Pinang yang mana pada tahun 2011, kawasan ini telah dibangunkan dengan Projek Bambusetum (Taman Buluh) serta pembinaan sebuah Pusat Penghayatan Buluh (Bamboo Interpretation Centre).

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Huraikan kepentingan tenaga solar *(solar energy)* kepada manusia. Huraikan pada peringkat manakah proses teknologi solar industri membawa pencemaran iaitu *"poly silicon, wafer, module, inverter"* dan pembinaan *"solar plant"*. Senaraikan kilang solar yang telah dan akan dibina di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Tenaga suria (solar energy) merupakan tenaga yang boleh diperbaharui *(renewable energy)* kerana solar panel hanya bergantung kepada tenaga suria. Oleh itu penggunaan solar panel boleh menjimatkan kos elektrik dan dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga seperti gas dan arang batu (non renewable energy).

Proses penghasilan *"silicon, wafer, module, inverter"* dan pembinaan *"solar plant"* akan menghasilkan pencemaran berikut :

(a) Pencemaran air yang dikawal melalui sistem pengolahan effluen (industrial effluen Treatment System- IETS) Sebelum dialirkan ke perairan daratan, air yang terhasil dari bahagian pengeluaran *(production)* perlu mematuhi standard B yang ditetapkan dibawah Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009.

(b) Pencemaran buangan toksik / berjadual *(scheduled waste)* adalah dikawal mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.Manakala bagi pencemaran udara ianya dikawal di bawah Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978).

Setakat hari ini terdapat sebanyak 3 Syarikat Solar di Negeri Pulau Pinang tetapi masih belum beroperasi. Butiran mengenai syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

(1) TS Solar Tech. Sdn. Bhd
Lot 320, Penang Science Park, Bukit Minyak,
Pulau Pinang

(2) Bosch Solar Energy (Malaysia) Sdn. Bhd
Plot 304,Batu Kawan Industrial Park,
Pulau Pinang.

(3) Trina Solar (Malaysia) Sdn. Bhd.
(Assembly of Solar Panel)
Plot 201, Fasa 3, Taman Perindustrian
Bayan Lepas, Pulau Pinang

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Huraikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah Negeri pusat berbasikal oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri sedang merangka satu strategi menyeluruh untuk menambah baik sistem lalu lintas dan pengangkutan dengan menjalankan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang dijangka akan disiapkan pada Mei 2012. Hasrat untuk mengatasi kesesakan lalu lintas ini dibuat melalui peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam dan mod pengangkutan lain turut diberikan penekanan. Ia berteraskan strategi kepada pewujudan satu sistem pengangkutan yang seimbang, bersepadu serta mampan. Mod pengangkutan bukan bermotor seperti basikal telah dikenalpasti sebagai satu mod untuk mencapai strategi tersebut.

Di Pulau Pinang, penggunaan basikal untuk aktiviti harian dan bersenam telah menjadi semakin popular. Pengguna basikal dilihat telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kerajaan Negeri juga memainkan peranan dalam menggalakkan penggunaan basikal selaras dengan seruan Cleaner Greener Penang di mana hala tuju Kerajaan Negeri telah diperkukuhkan dengan polisi dan garis panduan penyediaan laluan dan kemudahan basikal.

Pada 12 Ogos 2011 yang lalu, satu mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pemajuan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah meluluskan polisi dan garis panduan penyediaan laluan basikal di bahagian pulau, Pulau Pinang. Polisi dan garis panduan ini beserta pelan induk asas seterusnya telah diteliti dan diluluskan pula oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 2/2012 pada 27 Februari 2012 yang melibatkan:-

(a) Penyediaan rangkaian laluan basikal di seluruh pulau mengikut Pelan Induk Laluan Basikal;

(b) Mensyaratkan pemaju pembangunan baru menyediakan laluan dan kemudahan basikal; dan

(c) Menetapkan piawaian-piawaian untuk menyediakan laluan basikal.

Sebagai galakan kepada masyarakat, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan-jabatan Kerajaan dan pihak swasta termasuk pertubuhan bukan kerajaan telah menyediakan laluan basikal di beberapa kawasan bahagian pulau. Koridor-koridor laluan basikal yang disediakan secara berasingan atau berkongsi dengan kenderaan bermotor adalah :

(a) Persisiran pantai timur dari Batu Maung ke Queensbay Mall dan dari Pantai Jerejak ke Sungai Pinang yang tidak lengkap sepenuhnya;

(b) Kawasan pusat bandar Georgetown ke Zon Warisan;

(c) Persiaran Gurney ke Teluk Bahang;

(d) Teluk Bahang ke Bayan Lepas; dan

(e) Kawasan Balik Pulau (Eco Bike Trail) yang merangkumi laluan melalui kawasan sawah padi, perkampungan dan tepi laut sejauh 20.0 kilometer.

Di bahagian Seberang Perai pula, Majlis Perbandaran Seberang Perai mempunyai Pelan Cadangan Laluan Basikal di seluruh Seberang Perai (210 km) yang melibatkan beberapa trek laluan bermula dari Kuala Muda di Seberang Perai Utara dan berakhir di Seri Ampangan di Seberang Perai Selatan.

Usaha ini turut dimurnikan dengan pelancaran Hari Tanpa Kenderaan (Car Free Day) pada 11 Disember 2011 dan acara-acara berbasikal bersama Ketua Menteri Pulau Pinang disamping promosi konsep gaya hidup sihat oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang melalui program-program berbasikal yang telah dianjurkan sejak tahun 2008.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Huraikan maksud projek khas *(special project)* atas tanah bukit melebihi 250 kaki tingginya yang dibenarkan pembangunan untuk tujuan kediaman, misalnya Syarikat Palmex telah membina 1 blok 22 tingkat (142 unit) pangsapuri termasuk 2 tingkat tempat letak kereta di atas Lot 14317, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Cangkat Kenari 3, Sg Ara, Bayan Lepas. Mengapa projek ini diluluskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Di bawah dasar Dasar Khusus 3 Langkah 4 (DK3 L4), Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) telah menetapkan bahawa:

"Pembangunan secara terhad bagi projek istimewa di kawasan aras tanah ketinggian 76 meter (250 kaki) atau lebih memerlukan kawalan ketat dengan mematuhi garis panduan pembangunan kawasan tanah tinggi dan mana-mana garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan; dan mendapat kelulusan EIA serta mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri".

Untuk tujuan pelaksanaan dasar DK3 L4 tersebut, Projek Istimewa yang dinyatakan di dalam Garis panduan "Projek Istimewa" Yang Dikenalpasti Di Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (Kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 4/2009 pada 21 Mei 2009 dan disahkan pada 18 Jun 2009) telah ditaksirkan mengikut kategori pembangunan seperti berikut:-

(1) Kategori 1

(a) Projek-projek infrastruktur utama berkepentingan Kerajaan, untuk kegunaan awam yang melibatkan pembangunan di tanah tinggi yang melebihi aras 76 meter (250 kaki) dan/ atau tanah yang melebihi cerun 25 darjah dan/atau melibatkan tanah-tanah yang diwartakan di bawah Akta Pemeliharaan Tanah 1960 (yang dikenali juga sebagai Warta Tanah Bukit).

(b) Projek-projek istimewa yang dimaksudkan adalah meliputi:-

(i) Projek kereta kabel;

(ii) Projek keretapi bukit;

(iii) Pembinaan jalanraya-jalanraya atau laluan-laluan utama yang penting;

(iv) Pembinaan empangan/ tangki air;

(v) Jambatan / jejantas/ jambatan gantung;

(vi) Helipad; dan

(vii) Apa-apa projek infrastruktur lain berkepentingan Kerajaan dan untuk kegunaan awam yang tidak dapat dielakkan untuk tidak dibina di kawasan yang dimaksudkan.

(2) Kategori 2

(a) Pembangunan perumahan terdahulu di mana permohonan tukar syarat tapak kawasan berkenaan telah diluluskan di bawah perundangan Negeri bagi tujuan perumahan dan kelulusan tersebut telah disahkan sebelum kelulusan dan menerima pakai RSNPP 2020.

(b) Antaranya termasuk projek pembangunan yang pernah mendapat kelulusan kebenaran merancang; atau

(c) Tapak yang ditunjukkan sebagai kawasan perumahan mengikut Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan MPPP (sehingga Rancangan Tempatan diwartakan).

Berdasarkan rekod MPPP, permohonan kebenaran merancang di atas Lot 14317, Mukim 12, Daerah Barat Daya oleh Tetuan Palmex telah dikemukakan pada 21 Disember 2011 dan masih lagi dalam pertimbangan kelulusan.

Projek-projek khas yang melebihi 250 kaki diluluskan oleh pentadbiran kerajaan lama dan bukannya oleh kerajaan ini.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Huraikan CDM (Cleaning Development Mechanism) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempertingkatkan prestasi dalam mengurangkan pelepasan karbon dalam polisi Negeri hijau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Mekanisme Pembangunan Bersih (CDM) adalah satu perjanjian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di bawah Protokol Kyoto 1997 di mana negara-negara perindustrian (senarai negara Annex 1 Protokol Kyoto) bersetuju membiayai atau melabur dalam projek-projek pengurangan pelepasan gas di negara-negara membangun (senarai negara Annex 2) bagi mengurangkan pemanasan dan global gas rumah hijau (GHG). The Intergovernmental Panel On Climate Change (IPCC) 2001 menyatakan bahawa terdapat bukti yang kukuh melalui pemantauan selama 50 tahun bahawa aktiviti-aktiviti manusia merupakan penyumbang utama pemanasan global.

Justeru komitmen Kerajaan Negeri dalam menyumbang ke arah menangani perubahan iklim global selaras dengan komitmen negara menurunkan pengeluaran karbon sebanyak 40% adalah dengan menyertai “Summit”/”Congress”/Mesyuarat dan menandatangani/ menjadi ahli pertubuhan-pertubuhan seperti berikut :

(1) "Climate Alliance – Cancun Statement of Federated States and Regional Governments on low carbon and climate Resilent Development" di Cancun, Mexico.

(2) Kyoto Protocol Principles – Korea Selatan.

(3) "Commonwealth Parliamentary Association Networking on climate change" di Tanzania.

(4) ISWA (International Solid Waste Association) di Korea.

(5) IPLA (International Partnership of Local Authorities) di Korea.

(6) "Zero Waste Association" di Pulau Pinang.

Selain itu antara inisiatif - inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar/aktiviti/projek mitigasi bagi mengurangkan pelepasan GHG adalah seperti berikut :

(i) Terdapat cadangan mewujudkan satu jawatankuasa majlis pengurusan sisa pepejal bagi memastikan pengurusan sisa pepejal lebih mesra alam;

(ii) Kitar semula sisa pepejal yang dipungut dari industri dibawah konsep zero waste policy;

(iii) Menggalakkan kitar semula barangan elektrik terpakai peringkat komuniti;

(iv) Melaksanakan konsep separation at source;

(v) Kempen penghijauan ke arah status Negeri hijau;

(vi) Menggalakkan skim GBI (Green Building Index) untuk projek pembinaan rumah ataupun premis komersial;

(vii) Melaksanakan projek mengeluarkan gas metane untuk menjana renewable energy di tapak pelupusan Pulau Burong (fasa 1 & 2) dengan kerjasama Syarikat Bionersis dari Perancis; dan

(viii) Menjana Biogas dari sisa buangan haiwan ternakan.

Langkah-langkah mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim memang menelan belanja berbilion ringgit. Tidak dapat dinafikan bahawa negara-negara maju (atau dalam senarai Annex 1 Protokol Kyoto) harus menyumbang kepada dana mitigasi dan penyesuaian perubahah iklim di negara-negara membangun dan miskin. Dalam menuju ke arah Negeri Hijau, aspek yang perlu diberi penekanan ialah mendidik komuniti untuk menghargai alam sekitar ke arah memenuhi keperluan pembangunan lestari dan juga tanggungjawab sosial.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Senarai dan huraikan dengan terperinci kronologi bagaimana dan mengapa tanah perkuburan Cina Kerajaan Negeri dan swasta diberi hak milik kepada PERDA,

misalnya Perkuburan Cina di Batu Feringhi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Tapak perkuburan yang dimaksudkan ialah tapak Perkuburan Cina Tang Sang See Temple, Mukim 2, Daerah Barat Daya. Tapak Perkuburan Cina ini terletak di atas Lot 347 dan 466, Mukim 2, Daerah Barat Daya.

Berhampiran dengan tapak perkuburan tersebut, terdapatbeberapa lot tanah kerajaan iaitu Lot 552, 348, 462 dan 469. Lot-lot ini kemudiannya pada 30 September 1992 telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk pemberian milik kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Tapak yang diberi milik kepada PERDA telah menjadi lot baru iaitu Lot 850 dan didaftarkan sebagai Pajakan Mukim No. 29.

Walau bagaimanapun, Perkuburan Cina di atas Lot 347 dan 466 yang terletak bersebelahan telah memasuki tanah milik PERDA. Sehingga sekarang didapati terdapat lebih kurang 20 Perkuburan Cina telah berada di atas tanah milik PERDA.

Pihak PERDA menyedari bahawa sebahagian daripadaperkuburan telah memasuki tanah miliknya. Sebagai langkah kawalan supaya perkuburan tidak berterusan dibuat di atas tanah miliknya, maka pihak PERDA telah memasang pagar mengelilingi tanah miliknya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Huraikan kesesuaian suasana matahari di langit Pulau Pinang untuk memperomosi tenaga solar (solar energy) atau renewable energy sebagai satu sumber ekonomi dan kegiatan perindustrian baru.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kawasan Bayan Lepas dan George Town di Pulau Pinang mendapat penyinaran suria cahaya yang paling tinggi iaitu masing-masing 1809 kwh/m2/year dan 1785 kwh/m2/year berbanding Kota Kinabalu (1900 kwh/m2/year). Oleh itu, Pulau Pinang sangat sesuai untuk menjanakan “Solar Energy” atau “Renewable Energy”.

Program Feed-in Tariff (FiT) yang mula dilaksanakan pada Disember 2011 membawa manfaat kepada Pulau Pinang dari segi ekonomi. FiT dapat mewujudkan hasil pendapatan tambahan kerana lebihan bekalan elektrik yang dijanakan dapat dijual kepada pengeluar elektrik seperti TNB. Selain daripada itu, perlaksanaan FiT juga dapat menggalakkan kemapanan alam sekitar serta pencapaian “grid parity”.

(III) Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang tentang Akta Perhubungan Kaum (Race Relations Act)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pada ketika ini, Akta Perhubungan Kaum (Race Relations Act) masih belum diwujudkan di Malaysia walaupun terdapat gesaan untuk akta tersebut

dibentangkan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya mengalu-alukan pewujudan akta ini untuk memperbaiki hubungan antara kaum di Malaysia.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila perincikan mengenai kejadian ataupun perlakuan jenayah rasuah melibatkan mana-mana jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dilaporkan berlaku sejak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak Mac 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Untuk makluman Yang Berhormat, hasil daripada maklumat dan aduan yang diterima oleh SPRM Pulau Pinang berkaitan dengan atasi perlakuan jenayah rasuah diperingkat Jabatan Negeri/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, SPRM telah membuat tujuh (7) tangkapan sejak Mac 2008 sehingga April 2012.

Pecahan-pecahan tangkapan bagi jabatan Kerajaan Negeri di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Tahun	Tangkapan	Jabatan
2008	0	-
2009	1	MPSP
2010	4	PDC, SUK, Pejabat Daerah & MPSP
2011	2	PBA & MAIPP
2012 (sehingga Mac)	0	-
Jumlah	7	

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk mendirikan rumah kos rendah di KADUN Seri Delima.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri sentiasa memberi keutamaan di dalam perancangan rumah terutama rumah kos rendah dan kos sederhana. Walau bagaimanapun, perancangan ini tertakluk kepada terdapatnya tanah kerajaan atau tanah PBT yang sesuai dibangunkan dengan projek sedemikian. Setakat ini Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa tapak tanah kerajaan dan PBT bagi tujuan tersebut. Tapak yang bersesuaian bagi KADUN Seri Delima masih belum didapati, namun kawasan berdekatan telah dikenal pasti untuk tujuan ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah status Projek Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) dan adakah projek tersebut akan dilaksanakan semula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Bagi pelaksanaan Projek “Penang Outer Ring Road” (PORR), Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan ke arah merealisasikan projek ini. Peruntukan Persekutuan bagi pelaksanaan projek ini juga telah dipohon melalui RMKe-10 tetapi belum diluluskan. Kerajaan Negeri berpendapat bahawa pelaksanaan PORR mampu menyelesaikan sebahagian besar masalah kesesakan lalu lintas di Bandar George Town.

(IV) Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk mengubah polisi tender yang menyumbang kepada kelewatan dan ketidakcekapan pelaksanaan projek rakyat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk mengubah polisi dan peraturan perolehan (tender/sebutharga) yang digunapakai masa kini. Peraturan perolehan Kerajaan Negeri adalah dilaksanakan selaras dengan ketetapan Arahan Perbendaharaan Bab III – Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja, Pekeliling-pekeliling Perbendaharaan dan Surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri yang berkuatkuasa. Polisi dan peraturan perolehan yang diamalkan tidak menyumbang kepada kelewatan dan ketidakcekapan pelaksanaan projek rakyat malahan ianya menjamin aspek ketelusan, integriti, persaingan, kualiti serta nilai perolehan yang terbaik dan menguntungkan kepada Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk membuka ruang yang lebih luas kepada kontraktor yang tidak berdaftar dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau Jabatan Kerja Raya untuk tender projek kerajaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengubah polisi dan peraturan perolehan (tender/sebut harga) yang terpakai masa kini dalam menyertai tawaran perolehan Kerajaan Negeri. Kriteria dan syarat yang perlu dipatuhi oleh kontraktor yang ingin menyertai tender projek kerajaan iaitu:-

   (i) Berdaftar dengan sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri.

   (ii) Berdaftar dengan SSM/PKK/CIDB/Kementerian Kewangan mengikut syarat yang ditetapkan dalam pelawaan perolehan.

   (iii) Mematuhi syarat-syarat lain yang berkaitan dengan projek adalah untuk memastikan kaedah pelawaan yang lebih kompetitif, telus dan terbuka dan bagi mengelakkan percanggahan kepentingan (conflict of interest).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah solusi atau mekanisma kerajaan tempatan dalam menangani masalah meter yang rosak di mana pengguna sering disaman dalam keadaan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pemandu kenderaan yang meletakkan kereta dalam petak letak kereta yang mana meternya rosak, dinasihatkan membuat aduan kerosakan kepada MPPP. Dengan demikian, sekiranya terdapat rayuan pembatalan Notis Pemberitahu Tentang Kesalahan, maka laporan kerosakan MPPP akan disemak dan pembatalan Notis Pemberitahu Tentang Kesalahan boleh dipertimbangkan. Bagi menangani masalah meter yang rosak, Kerajaan Negeri melalui MPPP telah melantik sebuah syarikat untuk menukar semua meter dan Sistem Atendan Letak Kereta kepada Sistem Alatan Prabayar dan Sistem Kupon yang dijangkakan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

   MPPP juga telah mewartakan sebanyak 71 jalan sebagai Tempat Letak Kereta Meter dengan sebanyak 2,420 meter yang telah dipasang. Daripada 2,420 meter berkenaan, sebanyak 855 meter dikendalikan oleh MPPP dan sebanyak 1,565 meter disewakan daripada Raisevest Sdn. Bhd.

   Meter yang disewakan, segala kerosakan dibaiki oleh Raisevest Sdn. Bhd.

   Meter yang dikawal oleh MPPP dikendalikan seperti berikut:-

   (i) Lima (5) orang Atendan Letak Kereta MPPP membuat lawatan dua (2) kali sehari di jalan-jalan.

   (ii) Setiap kerosakan meter dicatitkan di dalam Laporan Kerosakan Harian Meter yang disimpan oleh Jabatan Perbendaharaan MPPP.

   (iii) Jika kerosakan adalah kecil dan penggantian bateri, maka ianya akan diuruskan di lokasi.

   (iv) Jika kerosakan besar, meter akan dikeluarkan dan dihantar ke Stor Letak Kereta di Lebuh Duke untuk disemak kerosakan. Stor berkenaan dikendalikan oleh dua (2) kakitangan Jabatan Perbendaharaan MPPP.

   (v) Selepas meter dibaiki, masa selama 30 minit akan diberikan kepada kenderaan yang berada dalam petak letak kereta berkenaan yang mana meter dibaiki. Selepas tempoh itu, pihak Penguatkuasa boleh mengeluarkan Notis Pemberitahu Tentang Kesalahan ke atas kenderaan berkenaan jika masih tiada bayaran letak kereta yang dibuat.

   Di Kawasan Seberang Perai, MPSP tidak mengalami masalah kerosakan meter parkir kereta kerana MPSP hanya menggunakan kupon untuk sistem parkir kereta.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja yang mahir di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Antara strategi-strategi Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja yang mahir di Pulau Pinang ialah:

Menarik tenaga kerja mahir baru ke Pulau Pinang dan juga mengekalkan sumber tenaga mahir sedia-ada di Negeri ini, melalui program-program “Penang Career Assistance and Talent Centre” yang dikendalikan oleh investPenang dengan fungsi untuk:

(i) Membantu dan memberikan maklumat-maklumat kepada bakat-bakat yang ingin bekerja dan bermastautin di Negeri ini. Laman web Penang CAT Centre sebagai ”Your Global Gateway to Careers in Penang” mengandungi maklumat tentang perkembangan di Negeri Pulau Pinang, berita terkini suasana pelaburan, pengumuman dan senarai terkini jawatan kosong pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang terutama ”multi- nationals”.

(ii) Bekerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi dan pusat-pusat latihan kemahiran dalam kegiatan pemadanan secara terus antara tenaga kerja mahir dan majikan-majikan.

(iii) Menjangkau kepada bakat-bakat tempatan dan sedunia dengan tujuan menarikkan mereka bekerja di Pulau Pinang.

(iv) Menjangkau kepada Diaspora Malaysia dan mempromosikan Pulau Pinang sebagai tempat yang amat sesuai untuk bekerja atau melabur.

(v) Membantu pelabur-pelabur yang sukar mendapat pekerja masing-masing dengan memadankan mereka dengan bakat-bakat yang sedia ada dalam pangkalan data Penang CAT Centre atau institusi-institusi yang bergabung dengan Penang CAT Centre.

(vi) Bergabung dengan agensi-agensi Negeri yang lain seperti Penang Global Tourism dan Georgetown Festival Sdn Bhd bagi mempromosikan Pulau Pinang sebagai bandaraya bertaraf antarabangsa international city, mengukuhkan mesej bahawa Pulau Pinang ialah suatu tempat yang amat menarik untuk ”Live, Work and Play”.

Selain daripada itu, banyak program telah ditawarkan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). PSDC memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran dan keupayaan pekerja-pekerja pada peringkat pengurusan dan teknikal, terutamanya dalam bidang-bidang kritikal seperti elektrikal dan elektronik, teknologi maklumat, reka bentuk industri dan kejuruteraan. Selain daripada program-program teras, PSDC juga menjalankan Program Peningkatan Kemahiran Industri (INSEP) yang dibiayai sepenuhnya di bawah Tabung Pembangunan Kemahiran. Program ini khas untuk lepasan diploma dan ijazah yang masih menganggur dengan tujuan peningkatan kemahiran dan menambah nilai bagi mendapat pekerjaan.

Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang terletak di Bukit Mertajam merupakan satu lagi Institusi Latihan Kerajaan yang berfungsi menghasilkan tenaga kerja yang mahir dan separuh mahir untuk keperluan pembangunan khususnya dalam bidang perindustrian. Institusi ini merupakan pusat kecermelangan dalam bidang elektrik dan elektronik, dan ianya juga menjalankan beberapa kursus jangka pendek dan jangka panjang.

Institusi Teknikal Jepun-Malaysia, Institusi Latihan Perindustrian dan Advance Technology Training Center merupakan antara lain-lain institusi yang terdapat di Negeri Pulau Pinang di bawah naungan dan seliaan Jabatan Tenaga Manusia, yang menawarkan tempat bagi individu yang berminat menyambung pengajian terutamanya dalam bidang teknologi dan kejuruteraan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan dan insentif untuk menggalakkan rakyat Pulau Pinang yang mahir dan berkelayakan dari luar negara untuk balik ke tanah air?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri melalui Penang Career Assistance and Talent (CAT) Centre telah merancang untuk menarik bakat-bakat yang mahir dan berkelayakan untuk kembali ke Pulau Pinang melalui langkah berikut:-

(a) Memberi maklumat kepada bakat-bakat dan Diaspora Malaysia yang ingin bekerja atau melabur dan bermastautin di Negeri ini. Laman web ”Penang CAT Centre” sebagai ”Your Global Gateway to Careers in Penang” membekalkan maklumat mengenai perkembangan di Negeri Pulau Pinang, berita terkini suasana pelaburan, pengumuman dan senarai terkini jawatan kosong yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang terutamanya “Syarikat-syarikat Multinationals”

(b) Bergabung dengan lain-lain agensi Negeri seperti ”Penang Global Tourism” dan George Town Festival Sdn. Bhd. bagi mempromosikan Pulau Pinang sebagai bandar raya bertaraf antarabangsa (international city), mengukuhkan mesej bahawa Pulau Pinang ialah suatu tempat yang amat menarik untuk ”Live, Work and Play”.

Pada masa yang sama, laman web Pusat CAT mengandungi maklumat-maklumat yang bertujuan untuk menarik bakat-bakat balik ke tanah air seperti ‘REP’ Returning Expert Programme dengan manfaat kepada bakat-bakat yang kembali (ditawarkan oleh kerajaan persekutuan melalui Talent Corp). Insentif-insentifnya termasuk:-

(i) Kadar cukai rata untuk 5 tahun dari tempoh tarikh kembali ke Malaysia.

(ii) Pengecualian cukai bagi barangan peribadi.

(iii) Bebas cukai dari pembelian 2 buah kereta buatan Malaysia.

(iv) Pasangan dan anak-anak asing akan diberikan status tinggal tetap

dalam tempoh 6 bulan selepas permohonan.

(v) Anak-anak yang dilahirkan luar Negeri dibenarkan untuk mendaftar di sekolah-sekolah antarabangsa pilihan sendiri di Malaysia.

Selain daripada Penang CAT Centre, Kerajaan Negeri juga menjalankan program penggalakkan pelaburan tempatan dan asing oleh invest Penang untuk menambahkan peluang pekerjaan bernilai tinggi (high value jobs) dan entrepreneur baru.

Langkah-langkah lain yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan golongan profesional bekerja di Pulau Pinang termasuk:-

(i) Penubuhan SMART Center, pelajar-pelajar yang ingin melabur dalam SME boleh menerima khidmat nasihat daripada Kerajaan Negeri dan dipadankan dengan perniagaan yang terdapat di Pulau Pinang melalui business matching supaya tenaga profesional ini boleh berganding bahu bagi memulakan perniagaan dan menjalankan pelaburan dengan syarikat-syarikat yang ternama.

(ii) Bagi yang berminat dalam Industri Halal, golongan profesional yang terdapat di luar Negeri ditarik untuk bekerja di Negeri Pulau Pinang melalui pembangunan Industri Halal, di mana Pulau Pinang dijadikan sebagai Hab Halal. Dengan adanya Hab Halal yang berstatus HALMAS (HDC Designated Halal Park) ini, operator logistik dan Industri Halal dalam lingkungan Taman Halal Pulau Pinang dapat menikmati insentif cukai dan duti import yang ditawarkan oleh Halal Development Corporation.

(iii) Golongan profesional juga dialu-alukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya menceburkan diri dalam bidang baru yang memberi keuntungan lumayan seperti solar, LED, peralatan perubatan (medical devices) dan Biotech.

Hasil daripada usaha-usaha yang dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa, Pulau Pinang telah mencapai kejayaan pelaburan tertinggi di Malaysia iaitu berjumlah RM12.2 bilion pada tahun 2010 dan RM9.1 bilion pada tahun 2011. Ini telah menyediakan lebih pilihan kerjaya yang merupakan salah satu usaha menarik minat para profesional untuk bekerja di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah rancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menaik taraf rumah pangsa di Padang Tembak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bermula tahun 2011 sehingga April 2012, jumlah PPS yang ditubuhkan adalah sebanyak 131 pasukan. Pasukan Peronda Sukarela (PPS) ditubuhkan bertujuan untuk menghubungkan masyarakat, menjaga keselamatan awam dan membantu pihak berkuasa mencegah jenayah.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sekiranya Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Pusat, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membuat permohonan supaya kedudukan free port Negeri Pulau Pinang dihidupkan semula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Setakat ini, Kerajaan Pakatan Rakyat tidak akan membantah rancangan untuk menukarkan semula status Pelabuhan Negeri Pulau Pinang kepada pelabuhan bebas cukai. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan meneliti cadangan ini dengan lebih terperinci lagi apabila Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Pusat kelak.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menangani masalah penjaja haram yang kian bertambah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Bagi menangani masalah penjaja haram yang kian bertambah, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan seperti berikut:

(i) Menjalankan bancian keseluruhan penjaja haram;

(ii) Berusaha melesenkan tempat-tempat penjaja yang didapati dapat memenuhi syarat-syarat Majlis.

(iii) Menjalankan proses temuduga setiap bulan bagi memberi peluang perniagaan secara sah kepada penjaja di kompleks/pasar/tapak penjaja hak milik Majlis.

(iii) Memberi keutamaan diberi kepada penjaja-penjaja yang telah menjalankan perniagaan untuk pengisian ke tapak kosong kompleks/pasar/tapak penjaja hak milik Majlis.

(iv) Kawalan dan tindakan penguatkuasaan tegas bagi kes-kes penjaja tanpa lesen yang mengganggu lalulintas; dan

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bilakah kerja-kerja naik taraf lebuh raya yang menghala ke Batu Maung akan disiapkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (1) Pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang dijangka siap pada 8 September

2013. Apabila siapnya jambatan ini, aliran trafik akan bertambah di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu khususnya di kawasan berdekatan dengan Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya telah mencadangkan Projek Menaik Taraf Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dari Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang. Peruntukan bagi kajian dan rekabentuk projek telah diluluskan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

(2) Projek ini dijangka dapat disiapkan pada bulan September 2015. Kerja-kerja pengukuran bagi projek tersebut telah siap dijalankan dan proses merekabentuk sedang dilaksanakan dan ianya dijangka siap pada bulan November 2012.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sama ada portfolio Agama Islam Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh diasingkan supaya satu Majlis Mesyuarat Kerajaan Agama Islam baru ditubuhkan khasnya untuk tujuan tersebut ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Tidak perlu. Untuk pengetahuan Y.B. Adun, portfolio Hal Ehwal Agama Islam telah ditubuhkan di mana Exco Hal Ehwal Agama Islam sendiri, Y.B. Abdul Malik Kassim menjadi pengerusi. Untuk pengetahuan Y.B. Adun juga, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mempunyai portfolio Hal Ehwal Bukan Agama Islam di mana saya menjadi pengerusi untuk portfolio ini.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah ciri-ciri utama ’blue print” Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang ?

(a) Sama ada asas ”blue print” Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat lebih memanfaatkan rakyat dan lebih mesra alam sekitar?

(b) Sama ada ”blue print” Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat juga lebih cenderung kepada aktiviti pro-perdagangan domestik dan antarabangsa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Penang Blueprint memberi fokus kepada dua ciri utama iaitu pertamanya sudut pandangan yang berpusatkan Negeri yang memberi penekanan terhadap keperluan, keupayaan serta hambatan yang ada pada Pulau Pinang dan keduanya keyakinan bahawa perancangan dan pelaksanaan oleh Kerajaan Negeri merupakan faktor penting untuk kejayaan Pulau Pinang. Dalam kata lain, pendekatan yang diambil adalah desentralisasi dari segi pentadbiran bagi memastikan keberkesanan strategi pembangunan setempat. Ini juga merupakan prinsip asal Laporan Nathan 1970.

(a) Kerajaan Negeri sentiasa membela kebajikan rakyat dan mengutamakan pemeliharaan alam sekitar. Kedua-duanya dititik berat dan disarankan dalam teras Blueprint yang bermatlamat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan para pelabur, destinasi pilihan para pelancong dan tempat tinggal pilihan bagi kehidupan yang lestari. Justeru, kebajikan dan keselesaan

rakyat serta kualiti alam sekitar adalah saling bergantung.

(b) Walaupun Penang Blueprint mengiktirafkan pentingnya untuk mengembangkan sektor perusahaan kecil dan sederhana tempatan selaras dengan beberapa kajian pembangunan, misalnya laporan Bank Dunia 2009 bertajuk “Can Malaysia Escape the Middle-Income Trap: A Strategy for Penang" yang menyarankan keupayaan inovasi setempat, Blueprint tidak mendiskriminasi antara perdagangan domestik dan antarabangsa. Ini kerana usaha meletakkan Pulau Pinang di pentas global bermakna membuka pasaran dunia kepada usahawan tempatan dalam Negeri untuk mengembangkan industri mereka. Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa Asia berpotensi menjadi pasaran eksport yang penting selepas kemunduran Ekonomi barat, dengan ekonomi gabungan lapan negara di rantau ini (China, India, Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Indonesia, Malaysia dan Thailand) mencecah USD1.0 trillion menjelang 2025. Kedudukan Pulau Pinang di tengah-tengah ekonomi global baru ini akan dimanfaatkan dengan strategi pengupayaan industri setempat serta menggalakkan pelaburan asing bagi menyediakan perkhidmatan kepada pasaran tersebut.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk ketepikan pelaksanaan Penang Blueprint walaupun ianya telah sememang disiapkan atas keengganan untuk menentang BERSIH. Hasil kajian Penang Blueprint akan diambil kira untuk digunakan dalam Kajian Greater Penang Master Plan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Bilakah pajakan Kelab Sukan Pulau Pinang akan dilanjutkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Bangunan Kelab Sukan Pulau Pinang (Penang Sports Club - PSC) terletak di atas Lot 822, Seksyen 3, George Town dengan keluasan 4.7 ekar yang dipegang secara pajakan 33 tahun bermula 10 April 1984 dan akan berakhir pada 9 April 2017. Tanah ini telah digunakan oleh PSC sebagai tapak bangunan kelab dan tempat letak kereta, dan digunakan bersama-sama dengan tanah kerajaan yang lain sebagai padang bola, hoki, kriket dan lain-lain kegunaan bagi aktiviti sukan. Tanah kerajaan yang lain itu dipegang secara Lesen Pendudukan Sementara (TOL).

(b) Memandangkan tempoh pajakan tanah akan tamat pada 9 April 2017, pihak PSC telah mengambil tindakan menyerahkan tapak tersebut kepada kerajaan pada tahun 2008 dan serta merta memohon semula tapak berkenaan untuk mendapatkan tempoh pegangan yang lebih panjang. Permohonan tersebut telah diluluskan pada 22 Ogos 2008 dengan diberi pajakan selama 60 tahun dengan bayaran premium RM24.029 juta. Pihak PSC mengemukakan permohonan rayuan untuk pengurangan premium tanah dan pembayaran premium secara ansuran, tetapi permohonan tersebut tidak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Memandangkan bayaran premium masih belum dijelaskan, maka tempoh pajakan tanah tidak dapat dilanjutkan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai hasrat dan wawasan untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai hab pendidikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang mempunyai rancangan untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai hab pendidikan. Di samping Institusi-institusi Pengajian Tinggi yang sedia ada di Negeri Pulau Pinang, Projek Hab Pendidikan Balik Pulau di Mukim 6, Pondok Upeh dan Mukim J, Daerah Barat Daya merupakan salah satu usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai satu hab pendidikan di rantau ini justeru menarik minat Institusi Pengajian Tinggi untuk membuka cawangan di Negeri Pulau Pinang. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan kewangan sebanyak RM121 juta bagi maksud pengambilan tanah untuk tujuan institusi pendidikan yang telah diwartakan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 pada 27 Ogos 2009. Pengambilan Balik Tanah di Pondok Upeh, Mukim 6 Daerah Barat Daya, Pulau Pinang dengan jumlah keluasan 103.2239 ekar yang melibatkan 10 lot telah selesai dengan kos RM40,292,885.65 dan tanah tersebut telah menjadi tanah kerajaan pada 27 Oktober 2010.

Sementara itu urusan pengambilan tanah di Mukim 7 dan J, Genting dengan jumlah keluasan 96.5124 ekar yang melibatkan 27 lot telah diwartakan di bawah Seksyen 8 APT 1960 mengikut Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No. 578 bertarikh 5 Ogos 2010. Pengambilan ini juga adalah bagi tujuan institusi pendidikan selaras dengan cadangan menjadikan kawasan Balik Pulau sebagai hab pendidikan.

Pengambilan tanah di Mukim G, Balik Pulau dengan keluasan 25.501 ekar sedang diproses.

Kerajaan Negeri pada masa yang sama telah menjalankan promosi bagi menarik minat Institusi- institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa untuk menubuhkan kampus cawangan di Hab Pendidikan Balik Pulau. Setakat ini, terdapat satu Universiti Antarabangsa yang telah menunjukkan minat terhadap tanah seluas 100 ekar bagi pembinaan cawangan universiti berkenaan di Hab Pendidikan Balik Pulau.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menjadikan sebahagian Tanjung Tokong sebagai Kampung Warisan Melayu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 telah menggariskan di dalam Dasar Sektoral Perumahan DS 33 L1 iaitu “mengenal pasti perkampungan-perkampungan sedia ada yang akan dikekalkan sebagai perkampungan tradisional di bahagian Pulau dan di bahagian Seberang Perai”. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai hasrat untuk menjadikan Tanjung Tokong sebagai Kampung Warisan Melayu berdasarkan kepada fakta dan sejarah yang diperolehi daripada beberapa sumber tertentu. Walau bagaimanapun terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan di antara Kerajaan Negeri dan pihak UDA yang telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan semula kawasan tersebut sejajar dengan arus pembangunan. Dalam pada itu, Kajian Semula 2020 dijangka akan dijalankan pada tahun ini. Oleh yang demikian cadangan ini boleh dipertimbangkan dan diambil kira supaya dijadikan

sebagai Kampung Warisan Melayu setelah isu-isu yang berkaitan antara Kerajaan Negeri, penduduk setempat dengan pihak UDA dapat diselesaikan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sejauh manakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan ”Green Building Index”?

    (a) Sila huraikan statistik pencapaian atau indeks progresif yang berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Kaedah dan tatacara pelaksanaan “Green Building Index” (GBI) telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri bil 5/2010 pada 7 April 2010 dan telah diluluskan dengan kriteria-kriteria tertentu yang perlu dipatuhi oleh pemaju. Pihak Kerajaan Negeri sangat mengalu-alukan pemaju-pemaju projek supaya melaksana dan menerima pakai konsep ini dengan beberapa insentif seperti penambahan nisbah plot dan ketinggian bangunan.

    Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah memperkenalkan “Green Building Index” melalui projek pejabat MPSP dan ianya kini menjadi contoh kepada pembangunan industri binaan di Seberang Perai. MPSP juga menggalakkan pemaju untuk menyediakan pembangunan yang berciri Green Building.

    (b) Terdapat empat (4) bangunan milik MPSP yang mempunyai salah satu ciri-ciri “Green Building Index” iaitu mempunyai Sistem Pengumpulan Air Hujan (Drain Water Harvesting) di Seberang Perai seperti berikut:

        (i) Pejabat Cawangan MPSP di Jalan Betik
        (ii) Bangunan Mahkamah Munisipal MPSP
        (iii) Pasar Awam Taman Selamat
        (iv) Pasar Awam Kota Permai

    Cadangan pemajuan baru adalah digalakkan melaksanakan konsep “Green Building Index” di bawah inisiatif pemaju tetapi setakat ini, tiada pemajuan yang mendapat pengiktirafan GBI dalam kawasan MPPP.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Memandangkan tanah di Negeri Pulau Pinang adalah sangat terhad, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memperkenalkan mekanisma atau kaedah baru demi memastikan pembangunan yang lebih seimbang dan sesuai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Negeri Pulau Pinang yang mempunyai keluasan 1,048 km persegi merupakan Negeri ke-2 terkecil di Malaysia. Kawasan tersebut merangkumi 276,26 km persegi (26%) hutan dan tanah bukit, 260.92 km persegi (25%) kawasan pertanian dan selebihnya 510.82 km persegi (49%) adalah untuk gunatanah perbandaran. Dalam usaha memajukan Negeri ini, Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan strategi pembangunan

yang seimbang terutamanya untuk kediaman, komersial dan perindustrian. Strategi ini terkandung dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 yang telah diwartakan pada tahun 2007.

Perumahan sentiasa menjadi isu utama di Negeri Pulau Pinang. Tekanan permintaan untuk unit-unit kediaman khususnya di bahagian pulau yang mempunyai tanah yang terhad telah mendorong pemaju mendirikan bangunan kediaman berbilang tingkat. Kerajaan Negeri telah mengenalpasti beberapa kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang untuk di tebusguna bagi menampung permintaan bagi penyediaan tempat kediaman dan perniagaan yang terus meningkat. Aktiviti tebusguna ini sangat dikawal ketat dan tertakluk kepada laporan EIA. Pendekatan ini secara langsung telah dapat menambahkan lagi "land bank" untuk pembangunan perbandaran, disamping dapat mengekalkan keluasan tanah yang perlu dikekalkan untuk hutan dan bukit bukau di samping kawasan-kawasan pertanian yang masih subur.

Dari segi intensiti dan pola pembangunan memang terdapat perbezaan di antara kawasan pulau dan kawasan seberang. Perbezaan ini tidak bermakna wujud ketidakseimbangan pembangunan tetapi lebih menunjukkan penawaran yang disesuaikan dengan nilai tanah. Pembangunan yang berkepadatan sederhana dilaksanakan di kawasan Seberang Perai kerana kawasan ini tidak mempunyai halangan pembangunan seperti di bahagian pulau.

(IV) Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila huraikan dengan lengkap mengenai rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan taraf hidup kaum nelayan pantai yang dikatakan kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa peka dalam meningkatkan taraf hidup kaum nelayan pantai yang dikatakan kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri sentiasa mendokong perancangan yang dibuat oleh Jabatan Perikanan untuk meningkatkan taraf hidup nelayan pantai iaitu:

    (a) Membina lebih banyak tukun tiruan di kawasan strategik di pesisir pantai untuk meningkatkan sumber perikanan. Tiga kawasan perairan perikanan telah dikenal pasti untuk dilabuhkan tukun tiruan iaitu Perairan Sg. Chenaam, Perairan Pulau Aman dan Perairan Penaga. Kajian kesesuaian tapak telah dijalankan di ketiga-tiga tempat tersebut dan lokasi tapak yang strategik telah dikenal pasti. Kos peruntukan yang diperlukan untuk membina dan melabuhkan tukun tiruan konkrit di ketiga-tiga kawasan tersebut ialah sebanyak RM300,000.00 yang melibatkan sebanyak 180 unit. Dengan pembinaan tukun tiruan konkrit ini, sumber ikan akan bertambah kerana tukun merupakan habitat untuk ikan membiak, berlindung dan mencari makanan.

21. (1) Sebagai langkah mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Bandar George Town, Kerajaan Negeri telah mencadangkan pelaksanaan Projek Kerja-kerja Pembinaan Jalan-jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang yang melibatkan 4 projek mega yang dianggarkan bernilai RM5 bilion hingga RM8 bilion secara tender terbuka seperti berikut:-

(a) Link Ketiga Pulau Pinang iaitu sebuah terowong dasar laut yang menyambungkan Persiaran Gurney ke Bagan Ajam, Seberang Perai Utara;

(b) Jalan pintas by-pass dari Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu;

(c) Jalan pintas by-pass dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Ayer Itam; dan

(d) Jalan berkembar dari Tanjung Bunga ke Teluk Bahang, Pulau Pinang.

(2) Sumber pembiayaan bagi projek-projek ini belum dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri dan ianya tertakluk kepada cadangan daripada syarikat-syarikat yang layak menyertai proses Request For Proposal (RFP) kelak. Syarikat-syarikat bukan sahaja perlu mengemukakan cadangan reka bentuk yang terbaik dan menjimatkan, malah perlu mengemukakan kaedah pembiayaan projek yang realistik dan tidak membebankan Kerajaan Negeri.

(3) Impak pelaksanaan projek-projek ini kepada aliran lalu lintas di keseluruhan Bandar George Town adalah amat besar. Projek Link Ketiga misalnya, mampu mengurangkan jumlah kenderaan yang melalui Persiaran Gurney, Jalan Kelawai, Jalan Burma, Jalan Sultan Ahmad Shah, Jalan Pengkalan Weld dan Jalan Dr. Lim Chwee Leong yang bersambung dengan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Begitu juga dengan jalan-jalan pinggiran Bandar George Town seperti Jalan Bagan Jermal, Jalan Gottlieb dan Jalan Masjid Negeri. Dengan siapnya Projek Link Ketiga ini, kenderaan-kenderaan dari bahagian utara pulau tidak perlu lagi melalui kawasan bandar untuk ke Jambatan Pulau Pinang dan seterusnya ke Seberang Perai. Projek ini juga mampu melegakan kesesakan waktu puncak di Jambatan Pulau Pinang yang dijangka akan mengalami keadaan lalu lintas tepu saturated flow dalam masa 5 tahun, walaupun dengan penyiapan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

(4) Corak perjalanan semasa menunjukkan bahawa lebih kurang 50 peratus daripada kenderaan di utara pulau Negeri ini berulang-alik ke Bandar George Town pada setiap hari. Sebahagian daripadanya menggunakan jalan pinggiran pantai menuju ke Pengkalan Weld dan seterusnya ke Jambatan Pulau Pinang. Manakala sebahagian lagi memilih menggunakan Jalan Masjid Negeri untuk ke Jambatan Pulau Pinang dan ke bahagian selatan pulau. Kedua-dua laluan ini memiliki tahap kesesakan yang tinggi. Berdasarkan kepada situasi ini, Kerajaan Negeri berpendapat bahawa jalan pintas yang dicadangkan dari Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu berupaya melegakan kesesakkan di Jalan Masjid Negeri dan jalan-jalan tempatan lain serta bertindak sebagai jalan-jalan pintas dengan ketiadaan PORR.

(5) Selain itu, jalan-jalan di kawasan pinggiran Bandar George Town seperti Jalan Tunku Kudin, Jalan Masjid Negeri, Lorong Batu Lancang, Lebuhraya Thean Teik dan Jalan Ayer Itam menampung isi padu aliran lalu lintas yang tinggi setiap hari dan tidak dapat dilebarkan lagi tanpa melibatkan pengambilalihan tanah persendirian. Pelebaran jalan-jalan ini juga hanya merupakan tindakan bersifat sementara sebelum menjadi sesak semula. Oleh yang demikian, pengwujudan jalan pintas untuk mengurangkan kesesakan adalah penting. Justeru, Kerajaan Negeri telah memutuskan pelaksanaan jalan pintas *by-pas*s dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Ayer Itam.

(6) Projek jalan berkembar dari Tanjung Bunga ke Teluk Bahang pula sememangnya amat diperlukan bagi mengurangkan kesesakan yang serius pada waktu-waktu puncak dan cuti umum di Bandar Tanjung Bunga dan Bandar Batu Feringghi. Jalan raya sedia ada tidak lagi mampu menampung pertambahan jumlah kenderaan pada masa hadapan. Tambahan pula, Bandar Tanjung Bunga dan Bandar Batu Feringghi sedang mengalami kepesatan pembangunan sebagai kawasan kediaman dan pelancongan.

(7) Pelaksanaan setiap projek mega sememangnya akan memberi kesan ke atas alam sekitar termasuklah projek-projek yang sedang dijalankan di Negeri Pulau Pinang ketika ini seperti Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang, Pembesaran Empangan Mengkuang dan Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh–Padang Besar. Namun, Jabatan Alam Sekitarakan dimohon untuk menilai pembangunan 4 projek mega ini, termasuk keperluan menjalankan kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA). Sehubungan itu, impak bagisetiap projek tersebut ke atas alam sekitar dapat dikenal pasti dan pihak pemaju wajib mengambil langkah-langkah kawalan pemeliharaan alam sekitar di peringkat pelaksanaan projek kelak.

(VII) Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapa banyakkah lesen rumah urut, lesen judi dan lesen hiburan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sehingga kini? Perincikan mengikut daerah dari tahun 2009 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bilangan lesen rumah urut, lesen premis judi dan lesen hiburan yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) setakat 31 Disember 2011 adalah seperti berikut :

Jenis Lesen	Daerah	2009	2010	2011
Lesen Rumah Urut	SPU	8	3	-
	SPT	2	2	1
	SPS	3	1	-
	DTL	1	5	2
	DBD	-	-	1
JUMLAH		**14**	**11**	**4**

Jenis Lesen	Daerah	2009	2010	2011
Lesen Premis Judi (Toto Magnum)	SPU	1	-	-
	SPT	-	-	-
	SPS	-	-	-
	DTL	2	2	3
	DBD	-	-	1
JUMLAH		**3**	**2**	**4**
Lesen Hiburan	SPU	4	2	1
	SPT	17	10	6
	SPS	2	2	-
	DTL	30	41	39
	DBD	6	15	3
JUMLAH		**59**	**70**	**49**

Manakala lesen judi pula dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan MPSP dan MPPP akan hanya mengeluarkan lesen premis setelah mendapat lesen dari Kementerian Kewangan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Senaraikan tanah-tanah lapang dalam projek perumahan yang telah ditukar kegunaan kepada lain-lain pembangunan sejak tahun 2009 sehingga kini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sejak dari 2009 hingga kini, terdapat dua tapak kawasan lapang dalam projek perumahan yang ditukar kepada lain-lain kegunaan iaitu:

   (i) Kawasan Gat – Lebuh Maccalum, Seksyen 11E, Bandar George Town, Bangunan Tokong Penganut Dewa Hong San, Bandar Keong telah diluluskan pertukaran lokasi bangunan Tokong yang sedia ada dalam plot yang sama pada 22 September 2010.

   (ii) Kawasan Lot 11310 dan 1667 Mukim 13, Gelugor, Daerah Timur Laut, Bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Subramaniya Barathee telah diluluskan pertukaran tapak sekolah asal di atas plot yang sama pada 28 Mac 2012.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Dalam tahun 2010 hingga 2011, berapa banyakkah peruntukan yang disediakan untuk tujuan pengambilan balik tanah. Dari jumlah berkenaan berapakah yang telah dibelanjakan?

   (b) Senaraikan pengambilan balik tanah yang telah dibuat mengikut daerah dan tujuan pengambilan balik tanah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Peruntukan pembangunan yang telah diluluskan untuk pengambilan tanah pada tahun 2010 adalah sebanyak RM185.10 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM143.41 juta telah dibelanjakan untuk pembayaran pampasan bagi pengambilan tanah yang telah dibuat.

   Pada tahun 2011 peruntukan untuk tujuan pengambilan tanah adalah sebanyak RM116.01 juta. Sebanyak RM32.23 juta telah dibelanjakan untuk pengambilan tanah pada tahun 2011.

   Senarai pengambilan tanah yang telah dibuat pada tahun 2010 dan 2011 mengikut daerah adalah seperti di bawah:-

Senarai Pengambilan Tanah Tahun 2010

Daerah Timur Laut	
1	Tiada.
Daerah Barat Daya	
1	Pengambilan Balik Tanah bagi Tujuan Aktiviti Keagamaan di atas Lot 345 Mk. I Pulau Betong, DBD

2	Pengambilan Balik Tanah bagi Tujuan Perkuburan Islam di atas Lot 429 dan Lot 430 Mk. 7 Pulau Betong, DBD
3	Pengambilan Balik Tanah di kawasan Pondok Upeh, Mukim 6, DBD untuk tujuan awam (Institusi Pendidikan)
4	Pengambilan Tanah Bagi Lot 142,143,1395, 1396,7572,7573,15852,15853,3659, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Pembesaran Lapangan Terbang Bayan Lepas
5	Pengambilan Balik Tanah bg Lot 15859,15867,939,15857 Mukim 12,DBD untuk tujuan Pembesaran Lapangan Terbang Bayan Lepas
Daerah Seberang Perai Utara	
1	Pengambilan Tanah sebahagian Lot 446, Lot 71, Lot 1944 dan Lot 1945 di Seksyen 3, Bandar Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara untuk tujuan Pembinaan Jalan Baru Menyambung Jalan Bagan 29 Dan Jalan Siram, Daerah SPU.
Daerah Seberang Perai Tengah	
1	Pengambilan Balik Tanah Lot 558, Mukim 6, SPT. untuk Tapak Perkuburan Qaryah Kampung Masjid Timah, Permatang Pauh SPT.
2.	Pengambilan Tanah Lot-lot 1489, 1889, 267 dan lain-lain lot di Mukim 17 serta Lot-lot 494, 969, 895 dan lain-lain lot di Mukim 18 (Jumlah keseluruhan adalah 189 lot) Untuk Projek Pembesaran Empangan Mengkuang.
Daerah Seberang Perai Selatan	
	- Tiada

Senarai Pengambilan Tanah Tahun 2011

Daerah Timur Laut	
1	Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Tapak Pekuburan Islam dan Perumahan Am Lot 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18 Dan 19 (8 Lot), Seksyen 4, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut.
Daerah Barat Daya	
1	Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Perkuburan Islam Di Atas Lot 510 Dan Lot 740 Mukim 11, Sungai Batu DBD
2	Pengambilan Tanah Lot 411 Mukim 3, DBD bagi Tujuan Membina Dewan Orang Ramai JKKK Sungai Rusa Balik Pulau
Daerah Seberang Perai Utara	
1	pengambilan balik tanah sebahagian Lot 5015, sebahagian Lot 4627 dan Lot 2417, Mukim 3 Kepala Batas, Daerah Seberang Perai Utara untuk tujuan tapak perkuburan islam di kawasan Bertam, Kepala Batas.
Daerah Seberang Perai Tengah	
1	Pengambilan Tanah Untuk Tapak Sekolah Agama Rakyat Sebahagian Lot 904, Mukim 21, SPT
2	Pengambilan Tanah Untuk Tapak Kelas Fardu Ain Surau An-Nur di atas Lot 1335 Mukim 15, Perkampungan Macang Bubuk, SPT
3	Cadangan Pengambilan Tanah Lot 3774 dan 3775 Mk.6,SPT seluas 1.8268 hektar (4.5141 ekar) utk tujuan Tapak Perkuburan Masjid Daerah Di Bandar Perda
4	Pengambilan tanah lot 1587 (L.B 1987) Mk.12 SPT seluas 10,000 kaki persegi untuk tujuan Tapak Dewan JKKK Negeri

Daerah Seberang Perai Selatan	
1	Pengambilan Balik Tanah Untuk SRJK(T) Lot 3424, Mukim 1, Ladang Valdor ,SPS
2	Pengambilan Balik Tanah Di Atas Lot 899 Mk 1, Daerah Sps Untuk Membina Tempat Letak Kenderaan Anak-Anak Qaryah Surau Seberang Tasek Sps Seluas 0.2344 Hektar
Daerah Seberang Perai Tengah	
1	Pengambilan Tanah Untuk Tapak Sekolah Agama Rakyat Sebahagian Lot 904, Mukim 21, SPT
2	Pengambilan Tanah Untuk Tapak Kelas Fardu Ain Surau An-Nur di atas Lot 1335 Mukim 15, Perkampungan Macang Bubuk, SPT
3	Cadangan Pengambilan Tanah Lot 3774 dan 3775 Mk.6,SPT seluas 1.8268 hektar (4.5141 ekar) utk tujuan Tapak Perkuburan Masjid Daerah Di Bandar Perda
4	Pengambilan tanah lot 1587 (L.B 1987) Mk.12 SPT seluas 10,000 kaki persegi untuk tujuan Tapak Dewan JKKK Negeri

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Berapakah hasil kutipan yang dibuat oleh MPSP dalam tahun 2010 dan 2011?

(b) Nyatakan perbelanjaan untuk tujuan pembersihan bagi penyelanggaraan parit dan longkang di kawasan DUN Sungai Dua?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kutipan hasil Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada tahun 2010 berjumlah RM167,669,222 manakala pada tahun 2011 pula berjumlah RM173,654,700. Perbelanjaan bagi kerja-kerja Perkhidmatan Pelupusan Sampah (PPS) di kawasan DUN Sungai Dua adalah berjumlah RM430,960.08 setahun atau RM35,913.34 sebulan. Manakala bagi Kerja Pembersihan Am pula ianya dijalankan sendiri oleh MPSP dengan menempatkan 13 orang Pekerja Am bagi menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput, mencuci jalan dan parit yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM234,000 setahun atau RM18,000 sebulan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Berapa banyakkah peruntukan yang disediakan untuk pembayaran gaji dan elaun guru-guru KAFA yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

(b) Berapakah jumlah gaji dan elaun guru KAFA yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menambah elaun guru KAFA sebanyak RM50.00 sebulan kepada elaun yang disediakan oleh JAKIM sebanyak RM800.00 sebulan.

Peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH (RM)
2008	659,250.00
2009	879,000.00
2010	1,400,700.00
2011	1,884,500.00
2012 (tidak ambil kira bonus akhir tahun)	912,00.00
JUMLAH	**5,735,450.00**

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Dari tahun 2009 sehingga kini berapa buah masjidkah yang telah dibina baru oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan?

(b) Senaraikan masjid-masjid berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Dari tahun 2009 hingga kini, Kerajaan Negeri telah terlibat dalam pembinaan 6 buah masjid dan telah merancang untuk membina 5 buah masjid lagi. Untuk tujuan itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM9.673 juta.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapakah hasil kutipan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari hasil kes-kes di Mahkamah Syariah? Sila beri pecahan penerimaan hasil berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Hasil kutipan dari kes-kes Mahkamah Syariah bagi tahun 2011 ialah seperti di bawah:-

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH Negeri PULAU PINANG
KUTIPAN HASIL BULANAN
KOD HASIL BAGI BULAN : JANUARI - DISEMBER 2011

BIL	MAHKAMAH (KOD HASIL)	72477	72478	73999	76199	JUMLAH
1	Mahkamah Tinggi Syariah	28,898.30	40.00	0.00	38,700.00	**67,638.30**
2	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya	10,524.40	70.00	0.00	127,770.00	**138,364.40**
3	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut	10,808.10	470.00	0.00	591,211.90	**602,490.00**
4	Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara	14,229.40	10.00	8.00	491,582.95	**505,830.35**
5	Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah	12,407.80	90.00	0.00	454,852.00	**467,349.80**
6	Mahkamah Rendah Syariah Seb.Perai Selatan	4,053.00	80.00	0.00	173,932.70	**178,065.70**
	JUMLAH	**80,921.00**	**760.00**	**8.00**	**1,878,049.55**	**1,959,738.55**

Penjelasan Rekod

72477 – Bayaran Pendaftaran Kes Mal
72478 – Bayaran Wakalah Jenayah
73999 – Lain-Lain Bayaran Mahkamah
76199 – Bayaran Denda Mahkamah
73999 – Lain-Lain Bayaran Mahkamah
76199 – Bayaran Denda Mahkamah

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Nyatakan sehingga kini berapa ramaikah pegawai kontrak yang telah diambil bertugas di Negeri ini? Nyatakan jawatan-jawatan pegawai kontrak yang diambil mengikut tahun dan jawatan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sehingga kini seramai 122 kakitangan telah dilantik secara kontrak oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk jabatan dan agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri. Senarai jawatan pegawai kontrak adalah seperti di bawah:-

TAHUN 2008		
BIL	**JAWATAN**	**CATATAN**
1	Pegawai Tadbir Gred N48	
2	Setiausaha Akhbar Gred N41	
3	Setiausaha Sulit Gred N41	
4	Pembantu Setiausaha Akhbar Gred N41	
5	Pegawai Khas Gred N41	
6	Pegawai Perhubungan Mahasiswa Gred N41	
7	Pengurus Pusat Warisan Gred N41	
8	Setiausaha Sulit Gred N27	
9	Pembantu Khas Gred N27	
10	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	
11	Setiausaha Kerja MAKSAK Gred N27	
12	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	
13	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	
14	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17	
15	Pembantu Perpustakaan Gred S17	
16	Tukang K2 (Elektrik) Gred R11	
17	Pemandu Kenderaan Gred R3	
18	Pembantu Am Pejabat Gred N1	
19	Penjaga Lif Gred N1	
20	Pekerja Rendah Awam Gred R1	
TAHUN 2009		
BIL	**JAWATAN**	**CATATAN**
1	Pegawai Tadbir Gred N48	
2	Setiausaha Akhbar Gred N41	
3	Setiausaha Sulit Gred N41	
4	Pembantu Setiausaha Akhbar Gred N41	
5	Pegawai Khas Gred N41	

6	Pegawai Perhubungan Mahasiswa Gred N41	
7	Pengurus Pusat Warisan Gred N41	
8	Setiausaha Sulit Gred N27	
9	Pembantu Khas Gred N27	
10	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	
11	Setiausaha Kerja MAKSAK Gred N27	
12	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	
13	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	
14	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17	
15	Pembantu Perpustakaan Gred S17	
16	Tukang K2 (Elektrik) Gred R11	
17	Pemandu Kenderaan Gred R3	
18	Pembantu Am Pejabat Gred N1	
19	Penjaga Lif Gred N1	
20	Pekerja Rendah Awam Gred R1	

TAHUN 2010		
BIL	**JAWATAN**	**CATATAN**
1	Pegawai Tadbir Gred N48	
2	Setiausaha Akhbar Gred N41	
3	Setiausaha Sulit Gred N41	
4	Pembantu Setiausaha Akhbar Gred N41	
5	Pegawai Khas Gred N41	
6	Jurutera Gred J41	
7	Pengarah Komunikasi Bahagian Penerangan Gred N41	
8	Pegawai Perhubungan Mahasiswa Gred N41	
9	Penolong Jurutera Gred J29	
10	Setiausaha Sulit Gred N27	
11	Pembantu Khas Gred N27	
12	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	
13	Setiausaha Kerja MAKSAK Gred N27	
14	Pereka Gred B27	
15	Ahli Fotografi Gred B27	
16	Penolong Pegawai Penerangan Gred S27	
17	Juruteknik (Awam) Gred J17	
18	Pembantu Penerangan Gred S17	
19	Juruaudio Visual Gred N17	
20	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	
21	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	
22	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17	
23	Pembantu Perpustakaan Gred S17	
24	Pengawal Keselamatan Gred KP11	
25	Pemandu Kenderaan Gred R3	
26	Pembantu Am Pejabat Gred N1	
27	Penjaga Lif Gred N1	
28	Pekerja Rendah Awam Gred R1	

TAHUN 2011		
BIL	**JAWATAN**	**CATATAN**
1	Pegawai Tadbir Gred N48	
2	Setiausaha Akhbar Gred N41	
3	Setiausaha Sulit Gred N41	
4	Pembantu Setiausaha Akhbar Gred N41	
5	Pegawai Khas Gred N41	
6	Jurutera Gred J41	
7	Pengarah Komunikasi Bahagian Penerangan Gred N41	
8	Pegawai Perhubungan Mahasiswa Gred N41	
9	Penolong Jurutera Gred J29	
10	Setiausaha Sulit Gred N27	
11	Pembantu Khas Gred N27	
12	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	
13	Setiausaha Kerja MAKSAK Gred N27	
14	Pereka Gred B27	
15	Ahli Fotografi Gred B27	
16	Penolong Pegawai Penerangan Gred S27	
17	Juruteknik (Awam) Gred J17	
18	Pembantu Penerangan Gred S17	
19	Juruaudio Visual Gred N17	
20	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	
21	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	
22	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17	
23	Pengawal Keselamatan Gred KP11	
24	Pemandu Kenderaan Gred R3	
25	Pembantu Am Pejabat Gred N1	
26	Penjaga Lif Gred N1	
27	Pekerja Rendah Awam Gred R1	

TAHUN 2012		
BIL	**JAWATAN**	**CATATAN**
1	Pegawai Tadbir Gred N48	Maklumat perjawatan pada tahun 2012 adalah sehingga 20 April 2012
2	Setiausaha Akhbar Gred N41	
3	Setiausaha Sulit Gred N41	
4	Pembantu Setiausaha Akhbar Gred N41	
5	Pegawai Khas Gred N41	
6	Jurutera Gred J41	
7	Pengarah Komunikasi Bahagian Penerangan Gred N41	
8	Pegawai Perhubungan Mahasiswa Gred N41	
9	Penolong Jurutera Gred J29	
10	Setiausaha Sulit Gred N27	
11	Pembantu Khas Gred N27	
12	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	
13	Setiausaha Kerja MAKSAK Gred N27	
14	Pereka Gred B27	

15	Ahli Fotografi Gred B27	
16	Penolong Pegawai Penerangan Gred S27	
17	Juruteknik (Awam) Gred J17	
18	Pembantu Penerangan Gred S17	
19	Juruaudio Visual Gred N17	
20	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	
21	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	
22	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17	
23	Pengawal Keselamatan Gred KP11	
24	Pemandu Kenderaan Gred R3	
25	Pembantu Am Pejabat Gred N1	
26	Penjaga Lif Gred N1	
27	Pekerja Rendah Awam Gred R1	

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapa ramaikah pegawai kontrak yang diambil bertugas di Pejabat Ketua Menteri? Senaraikan nama-nama mereka dan bidang tugas mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Seramai 28 orang pegawai kontrak telah dilantik di Pejabat Ketua Menteri. Nama Pegawai dan bidang tugas masing-masing adalah seperti di bawah:-

Senarai Pegawai Kontrak Di Pejabat Ketua Menteri

No.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	GRED	BIDANG TUGAS UTAMA
1	Farida Hani Bt. M. Yacob	Setiausaha Sulit	N44	Menyelaras serta menguruskan semua hal-hal pentadbiran harian Pejabat YAB Ketua Menteri.
2	Cheong Yin Fan	Setiausaha Akhbar	N44	Menyelaras dan memastikan semua aktiviti-aktiviti Jabatan/ Kerajaan Negeri mendapat liputan yang meluas daripada media serta memastikan kesahihan liputan dan laporan yang dikeluarkan media. Mengkoordinasi dan menyelia pengagihan tugasan yang memerlukan liputan kepada program Kerajaan Negeri terutamanya yang melibatkan YAB Ketua Menteri
3	Jeffrey Chew Gim Eam	Pegawai Khas (Industri & Pelaburan)	N44	Menyelaras serta menguruskan hal-hal berkaitan dengan industri dan pelaburan serta membantu para pelabur yang bermasalah dengan kerjasama Kerajaan Tempatan dan agensi Persekutuan seperti MIDA.
4	Andrew Yong Yu-I	Pegawai Khas (Undang-Undang)	N44	Memberikan nasihat undang-undang kepada YAB Ketua Menteri serta membantu dalam penyediaan kontrak-kontrak dan lain-lain perkara yang berkaitan sebelum dimuktamadkan oleh YAB Ketua Menteri.

5	Wong Kim Fei	Pegawai Khas (Media)	N41	Menguruskan program rasmi YAB Ketua Menteri terutamanya melibatkan program menjurus kepada industri dan pelaburan, termasuk menyediakan teks ucapan YAB Ketua Menteri sekiranya perlu.
6	Heng Lee Lee	Pegawai Khas (Media)	N41	Menguruskan program rasmi YAB Ketua Menteri terutamanya melibatkan program menjurus kepada kaum tertentu, misalnya program melibatkan kaum Cina sahaja atau India sahaja atau Melayu sahaja, termasuk menyediakan teks ucapan YAB Ketua Menteri sekiranya perlu.
7	Nor Diana Bt. Mohd Zabidi	Pembantu Khas (Media)	N27	Menguruskan program rasmi YAB Ketua Menteri terutamanya melibatkan program anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, termasuk menyediakan teks ucapan YAB Ketua Menteri sekiranya perlu.
8	Ong Beng Guat	Pembantu Khas	N27	Menyelaras, memantau, mendapatkan dan menyediakan maklum balas berkaitan dengan aduan berkaitan Negeri Pulau Pinang melalui e-mel, surat khabar, telefon, surat, talian telefon atau secara walk-in.
9	Hong Kian Beng	Pembantu Khas	N27	Menyelaras dan memantau permohonan/ cadangan/ aduan daripada persatuan, pertubuhan dan Badan Bukan Kerajaan yang berkaitan Negeri Pulau Pinang.
10	Umma Sharifah Bt. VK. Shahul Hameed			Bertanggungjawab mengambil trengkas, menaip dan menguruskan pergerakan fail yang berkaitan dengan MMK.
11	Yap Lee Ying	Pengarah Komunikasi Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri	Setaraf N44	Menyelaras, mengkoordinasi dan memastikan semua aktiviti-aktiviti penerbitan, pecetakan dan edaran risalah Kerajaan Negeri “Buletin Mutiara” berjalan lancar. Menguruskan hal-hal pentadbiran termasuk kakitangan Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri serta bertindak sebagai jawatankuasa penganjur program-program penerangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
12	Mohd Anuar Hashim	Pegawai Penerangan	S41	Membantu dalam pelaksanaan kerja-kerja Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
13	Ainul Wardah Sohilli	Penolong Pegawai Penerangan	S27	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Malaysia bagi Buletin Mutiara serta membantu dalam pengurusan pentadbiran Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
14	Bhavaneswari Doraisingam	Penolong Pegawai Penerangan	S27	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Tamil bagi Buletin Mutiara.
15	Chan Lilian	Juruaudio Visual	N17	Juruaudio dan jurugambar di Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri serta bertanggungjawab dalam mengemaskini FB Buletin Mutiara dan cmlimguaneng.

16	Zuliana Aziz	Pembantu Penerangan	S17	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Malaysia bagi Buletin Mutiara serta membantu dalam pengurusan pentadbiran Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
17	Loo Mei Fern	Pereka	B27	Pereka Grafik di Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
18	Tam Poh Guek	Penolong Pegawai Penerangan	S27	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Cina bagi Buletin Mutiara.
19	Law Suun Ting	Ahli Fotografi	B17	Juruaudio dan jurugambar di Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
20	Mohd Hafiz Tajudin	Pembantu Penerangan	S17	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Malaysia bagi Buletin Mutiara.
21	Zainulfaqar Yaacob	Ahli Fotografi	B27	Juruaudio dan jurugambar di Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
22	Senthil Kumar Nadarajah	Penolong Pegawai Penerangan	S27	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Tamil bagi Buletin Mutiara.
23	Idzham Ahmad	Pereka	B27	Pereka Grafik di Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
24	Norshahida Yusoff	Penolong Pegawai Penerangan	S27	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Malaysia bagi Buletin Mutiara.
25	Mohd Shawal Ahmed	Pembantu Penerangan	S17	Bertanggungjawab dalam penganjuran program-program penerangan serta menguruskan penjualan ruangan iklan Buletin Mutiara.
26	Alissala Thian	Juru Audio	B27	Juruaudio dan jurugambar di Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
27	Ooi Eng Keat	Pembantu Penerangan	S17	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Inggeris bagi Buletin Mutiara.
28	Albert Benedict Manikam	Pembantu Penerangan	S17	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Inggeris bagi Buletin Mutiara.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Berapakah gaji setiap seorang pegawai kontrak yang bertugas di Pejabat Ketua Menteri? Nyatakan secara terperinci?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Seramai 28 pegawai kontrak yang dilantik untuk berkhidmat di Pejabat Ketua Menteri. Pelantikan pegawai-pegawai ini adalah mengikut kelayakan dan keperluan pejabat YAB Ketua Menteri di dalam menguruskan tugas-tugasnya. Pada dasarnya, gaji yang diluluskan adalah berdasakan gaji penjawat awam seperti yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Maklumat pegawai berkenaan adalah seperti di bawah:-

Senarai Pegawai Kontrak Di Pejabat Ketua Menteri

No.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	GRED	BIDANG TUGAS UTAMA
1	Farida Hani Bt. M. Yacob	Setiausaha Sulit	N44	Menyelaras serta menguruskan semua hal-hal pentadbiran harian Pejabat YAB Ketua Menteri.
2	Cheong Yin Fan	Setiausaha Akhbar	N44	Menyelaras dan memastikan semua aktiviti-aktiviti Jabatan/ Kerajaan Negeri mendapat liputan yang meluas daripada media serta memastikan kesahihan liputan dan laporan yang dikeluarkan media. Mengkoordinasi dan menyelia pengagihan tugasan yang memerlukan liputan kepada program Kerajaan Negeri terutamanya yang melibatkan YAB Ketua Menteri
3	Jeffrey Chew Gim Eam	Pegawai Khas (Industri & Pelaburan)	N44	Menyelaras serta menguruskan hal-hal berkaitan dengan industri dan pelaburan serta membantu para pelabur yang bermasalah dengan kerjasama Kerajaan Tempatan dan agensi Persekutuan seperti MIDA.
4	Andrew Yong Yu-I	Pegawai Khas (Undang-Undang)	N44	Memberikan nasihat undang-undang kepada YAB Ketua Menteri serta membantu dalam penyediaan kontrak-kontrak dan lain-lain perkara yang berkaitan sebelum dimuktamadkan oleh YAB Ketua Menteri.
5	Wong Kim Fei	Pegawai Khas (Media)	N41	Menguruskan program rasmi YAB Ketua Menteri terutamanya melibatkan program menjurus kepada industri dan pelaburan, termasuk menyediakan teks ucapan YAB Ketua Menteri sekiranya perlu.
6	Heng Lee Lee	Pegawai Khas (Media)	N41	Menguruskan program rasmi YAB Ketua Menteri terutamanya melibatkan program menjurus kepada kaum tertentu, misalnya program melibatkan kaum Cina sahaja atau India sahaja atau Melayu sahaja, termasuk menyediakan teks ucapan YAB Ketua Menteri sekiranya perlu.
7	Nor Diana Bt. Mohd Zabidi	Pembantu Khas (Media)	N27	Menguruskan program rasmi YAB Ketua Menteri terutamanya melibatkan program anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, termasuk menyediakan teks ucapan YAB Ketua Menteri sekiranya perlu.
8	Ong Beng Guat	Pembantu Khas	N27	Menyelaras, memantau, mendapatkan dan menyediakan maklum balas berkaitan dengan aduan berkaitan Negeri Pulau Pinang melalui e-mel, surat khabar, telefon, surat, talian telefon atau secara walk-in.

No.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	GRED	BIDANG TUGAS UTAMA
9	Hong Kian Beng	Pembantu Khas	N27	Menyelaras dan memantau permohonan/ cadangan/ aduan daripada persatuan, pertubuhan dan Badan Bukan Kerajaan yang berkaitan Negeri Pulau Pinang.
10	Umma Sharifah Bt. VK. Shahul Hameed			Bertanggungjawab mengambil trengkas, menaip dan menguruskan pergerakan fail yang berkaitan dengan MMK.
11	Yap Lee Ying	Pengarah Komunikasi Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri	Setaraf N44	Menyelaras, mengkoordinasi dan memastikan semua aktiviti-aktiviti penerbitan, pecetakan dan edaran risalah Kerajaan Negeri “Buletin Mutiara” berjalan lancar. Menguruskan hal-hal pentadbiran termasuk kakitangan Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri serta bertindak sebagai jawatankuasa penganjur program-program penerangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
12	Mohd Anuar Hashim	Pegawai Penerangan	S41	Membantu dalam pelaksanaan kerja-kerja Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
13	Ainul Wardah Sohilli	Penolong Pegawai Penerangan	S27	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Malaysia bagi Buletin Mutiara serta membantu dalam pengurusan pentadbiran Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
14	Bhavaneswari Doraisingam	Penolong Pegawai Penerangan	S27	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Tamil bagi Buletin Mutiara.
15	Chan Lilian	Juruaudio Visual	N17	Juruaudio dan jurugambar di Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri serta bertanggungjawab dalam mengemaskini FB Buletin Mutiara dan cmlimguaneng.
16	Zuliana Aziz	Pembantu Penerangan	S17	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Malaysia bagi Buletin Mutiara serta membantu dalam pengurusan pentadbiran Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
17	Loo Mei Fern	Pereka	B27	Pereka Grafik di Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
18	Tam Poh Guek	Penolong Pegawai Penerangan	S27	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Cina bagi Buletin Mutiara.
19	Law Suun Ting	Ahli Fotografi	B17	Juruaudio dan jurugambar di Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
20	Mohd Hafiz Tajudin	Pembantu Penerangan	S17	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Malaysia bagi Buletin Mutiara.
21	Zainulfaqar Yaacob	Ahli Fotografi	B27	Juruaudio dan jurugambar di Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
22	Senthil Kumar Nadarajah	Penolong Pegawai Penerangan	S27	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Tamil bagi Buletin Mutiara.
23	Idzham Ahmad	Pereka	B27	Pereka Grafik di Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
24	Norshahida Yusoff	Penolong Pegawai Penerangan	S27	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Malaysia bagi Buletin Mutiara.
25	Mohd Shawal Ahmed	Pembantu Penerangan	S17	Bertanggungjawab dalam penganjuran program-program penerangan serta menguruskan penjualan ruangan iklan Buletin Mutiara.

26	Alissala Thian	Juru Audio	B27	Juruaudio dan jurugambar di Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
27	Ooi Eng Keat	Pembantu Penerangan	S17	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Inggeris bagi Buletin Mutiara.
28	Albert Benedict Manikam	Pembantu Penerangan	S17	Bertanggungjawab dalam penulisan Bahasa Inggeris bagi Buletin Mutiara.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berapa banyakkah tanah pertanian di daerah Seberang Perai Utara yang telah ditukar syarat ke pembangunan dari tahun 2009 hingga kini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Tanah-tanah pertanian di Daerah Seberang Perai Utara yang diluluskan Tukar Syarat kepada Pembangunan bagi tempoh 2009- 2012 adalah seluas 17.07 ekar melibatkan 6 pemohon.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kempen mengurangkan penggunaan beg plastik yang telah dilaksanakan:

    (a) Berapa banyakkah pengurangan penggunaannya(dalam ton)?

    (b) Berapa banyakkah kutipan yang telah dibuat hasil penjualan beg plastik sebanyak RM0.20 sejak pelaksanaannya?

    (c) Kemanakah wang ini dibelanjakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Kempen *"No Free Plastic Bags Every Monday"* telah dilancarkan pada Julai 2009. Dalam masa empat (4) bulan sahaja sejak pelancaran, pengusaha-pengusaha pasar raya telah berjaya menjimatkan lebih daripada 1 juta beg plastik. Angka penjimatan ini terus meningkat berikutan lanjutan hari *"No Free Plastic Bags On Monday"* sehingga *"No Free Plastic Bags Everyday".* Mengikut maklum balas yang diterima daripada pengusaha-pengusaha pasar raya dan kedai-kedai yang turut serta dalam kempen, bilangan beg plastik yang telah dapat dijimatkan sehingga Jun 2011 ialah lebih kurang 33 juta beg plastik.

    (b) Seperti yang diketahui umum, pengguna-pengguna yang inginkan beg plastik akan dikenakan bayaran RM0.20 sen. Sehingga Mac 2012, jumlah wang terkumpul dalam tabung Rakan Anti Kemiskinan (RAK) ialah RM1,899,658.73.

    (c) Kutipan ini akan diagihkan sebagai bantuan kepada ketua isi rumah (KIR) golongan miskin tegar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Sila huraikan secara terperinci destinasi, tujuan, nama, ketua dan ahli-ahli rombongan yang menyertai lawatan-lawatan ke luar negara oleh PDC sejak tahun 2008 hingga kini?

(b) Berikan bilangan lawatan dan perbelanjaan bagi setiap lawatan berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Bagi tempoh 2008 hingga April 2012, sebanyak lapan (8) lawatan ke luar negara telah dilakukan oleh PDC dan sebanyak RM205,331.60 telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Butiran lanjut mengenai destinasi, tujuan, ketua dan nama ahli-ahli rombongan yang menyertai lawatan ke luar negara adalah seperti di bawah:-

SENARAI LAWATAN KE LUAR NEGARA OLEH PDC BAGI TAHUN 2008 HINGGA APRIL 2012

TAHUN	PROGRAM	DESTINASI	TUJUAN	NAMA PEGAWAI	KOS (RM)	KETUA
19 Mac – 20 April 2008	Medan Fair	Medan, Indonesia	Pameran Perdagangan	Jauriyah Bt. Shamsuddin Noraini Bt. Mohamed @ Wan Teh Selvi A/P Sithambaranathan Lim Swee Seep Amran Hashim Dahlan Ismail	RM 32,000.00	Kerajaan Negeri
19 Mac – 20 April 2009	Medan Fair	Medan, Indonesia	Pameran Perdagangan	Dato' Abdul Rahim Isahak Mohd Bazid Hj. Abd Kahar Mohamad Idris Ahmad Jauriyah Bt. Shamsuddin Ku Zaleha Ku Iskandar Azuanizam Bin Jainul Abideenen Amran Bin Hashim Abdul Samad Bin Bahai Dahlan Bin Ismail	RM 23,590.00	Kerajaan Negeri
27 Mac – 5 April 2010	Medan Fair	Medan, Indonesia	Pameran Perdagangan	Dato' Lee Kah Choon Dato' Rosli Jaafar Dato' Abdul Rahim Isahak Dahlan Ismail Saygaran a/l Manickam Vasandi a/p Subramaniam Sharidah Talib Endang Haryanti Azmi Mohamad Idris Ahmad Jauriyah Shamsuddin Abdul Samad Bahari Zulkifli Md Mydin Siddik Amran Hashim	RM 27,925.00	Kerajaan Negeri

27 Mac – 5 April 2010	Medan Fair	Medan, Indonesia	Pameran Perdagangan	Dato' Lee Kah Choon Dato' Rosli Jaafar Dato' Abdul Rahim Isahak Dahlan Ismail Saygaran a/l Manickam Vasandi a/p Subramaniam Sharidah Talib Endang Haryanti Azmi Mohamad Idris Ahmad Jauriyah Shamsuddin Abdul Samad Bahari Zulkifli Md Mydin Siddik Amran Hashim	RM 27,925.00	Kerajaan Negeri
30 Jun – 31 Julai 2010	"Pattani IMT-GT KARSEP Halal Food Fair 2010."	Pattani, Selatan Thailand	Pameran Perdagangan	Jauriyah bt. Shamsuddin	RM 16,580.84	Kerajaan Negeri
20 – 24 Disember 2010	" Satun 5 Dasar Trade Fair 2010 "	Satun, Selatan Thailand	Pameran Perdagangan	Dato' Abdul Rahim Isahak Mohamad Idris Ahmad Jauriyah Shamsuddin	RM 24,005.76	Kerajaan Negeri
22 Mac – 25 Jun 2011	" Phuket Halal International Forum & Andaman Muslim Expo 2011	Phuket, Thailand	Pameran Perdagangan	Dato' Abdul Rahim Isahak Mohamad Idris Ahmad Jauriyah Shamsuddin	RM 25,640.00	Kerajaan Negeri
19 - 23 Oktober 2011	Ekspo Pakistan	Karachi, Pakistan	Ekspo	Y.B. Tuan Hj Abdul Malik Abul Kasim Sabarul Aswadi Abdul Jalil Shaari Mat Salleh (Penang International Halal Hub)	**- Tiada** - Perbelanjaan dan Penginapan dibiayai *Board Of Investment*, Sindh Pakistan.	Kerjaan Negeri
19 Mac – 16 April 2012	Medan Fair	Medan, Indonesia	Pameran Perdagangan	Dato' Rosli Jaafar Dato' Abdul Rahim Isahak Nor Aznita Zainuddin Jauriyah Shamsuddin	RM 55,590.00	Kerajaan Negeri

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Berapakah jumlah Buletin Mutiara yang telah dikeluarkan sejak tahun 2008 hingga sekarang?

(b) Berapa ramaikah kakitangan yang terlibat dalam buletin ini dan berapakah gaji yang dibayar bagi setiap kakitangan?

(c) Berapakah kos yang dibelanjakan setiap tahun dan dari vot manakah yang digunakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Jumlah keseluruhan penerbitan Buletin Mutiara (dahulu dikenali sebagai Suara Rakyat) yang telah diterbitkan sejak tahun 2008 hingga Mac 2012 adalah sebanyak 5,740,000 unit naskah. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Penerbitan(unit naskah)	Kos PenerbitanSetahun
2008	40,000	RM166,000.00
2009	Tiada penerbitan dibuat pada tahun 2009	
2010	160,000	RM188,000.00
2011	3,140,000	RM2,172,000.00
2012	2,400,000	RM1,920,000.00

Perbelanjaan bagi penerbitan Buletin Mutiara ini adalah dikenakan pada peruntukan Jawatankuasa MMK Penerangan. Seramai 13 orang kakitangan Bahagian Penerangan, Pejabat Ketua Menteri terlibat dalam penerbitan Buletin Mutiara ini dengan dibayar gaji mengikut skim kerajaan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Dalam tahun 2010 hingga kini, berapa banyakkah projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh PDC?

(b) Sila senaraikan satu per satu projek tersebut serta kos setiap projek dan nama kontraktor yang terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Jumlah projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi tahun 2010 hingga April 2012 adalah sebanyak 41 buah projek dan jumlah kos keseluruhan yang terlibat bagi projek-projek pembangunan tersebut adalah sebanyak RM241,486,521.04.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sila nyatakan kutipan caj air yang telah dibuat oleh PBAPP sejak mula dikenakan surcaj oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sila perincikan dari tahun 2011 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Surcaj air untuk menjimatkan penggunaan air dengan mendenda mereka yang bazirkan air yang dikutip untuk keseluruhan tahun 2011 adalah RM8,370,385.35 dan bagi suku pertama tahun 2012 pula sebanyak RM2,199,588,42. Butiran terperinci kutipan surcaj tersebut mengikut bulan bagi tahun 2011 dan 2012 adalah seperti Lampiran A.

PECAHAN STATISTIK SURCAJ BAGI TAHUN 2011 DAN 1st QTR 2012

TAHUN	2011							
BULAN	**Jan**	**Feb**	**Mac**	**Jumlah 1st Qrt**	**April**	**Mei**	**Jun**	**Jumlah 2nd Qrt**
Amaun Surcaj (RM)	659,262.48	783,505.96	654,191.41	2,096,959.85	673,372.86	708,095.05	782,846.09	2,164,314.00
Bilangan Konsumer yang dikenakan surcaj	61,606.00	70,557.00	62,264.00	194,427.00	63,404.00	65,870.00	70,403.00	199,677.00

TAHUN	2011							
BULAN	**Julai**	**Ogos**	**Sep**	**Jumlah 3st Qrt**	**Okt**	**Nov**	**Dis**	**Jumlah 4nd Qrt**
Amaun Surcaj (RM)	727,234.80	697,381.56	723,582.81	2,148,199.17	753,931.99	589,131,78	617,848.56	1,960,912.33
Bilangan Konsumer yang dikenakan surcaj	67,331.00	65,971.00	66,831.00	200,133.00	68,946.00	28,105.00	60,462.00	187,513.00

TAHUN	2012			
BULAN	**Jan**	**Feb**	**Mac**	**Jumlah 1st Qrt**
Amaun Surcaj (RM)	689,203.32	847,745.24	662,639.86	2,199,588.42
Bilangan Konsumer yang dikenakan surcaj	64,814.00	75,130.00	65,612.00	205,556.00

TAHUN	JUMLAH SURCAJ (RM)
2011	8,370,385.35
1st Qrt 2012	2,199,588.42

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Sejak tabung membasmi kemiskinan TEGAR dilancarkan, berapa banyakkah kutipan yang dibuat sehingga kini?

(b) Nyatakan bilangan penerima dari tabung ini mengikut daerah-daerah di Negeri ini dan senaraikan nama-nama penyumbang ke tabung ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Tabung membasmi kemiskinan Tegar telah mula dilancarkan pada Mac 2009. Semua terimaan daripada syarikat, individu dan sumbangan Kerajaan Negeri bagi tujuan membantu miskin tegar diperakaunkan ke dalam tabung ini. Jumlah kutipan yang terkumpul dalam tabung membasmi kemiskinan tegar mengikut tahun adalah seperti di bawah:-

JUMLAH SUMBANGAN YANG DITERIMA MULAI MAC 2009 HINGGA MAC 2012 TAHUN 2009

BULAN	AMAUN (RM)
Januari	-
Februari	-
Mac	22,000.00
April	631,000.00
Mei	54,200.00
Jun	1,544,200.00
Julai	90,000.00
Ogos	46,000.00
September	13,000.00
Oktober	185,400.00
November	41,500.00
Disember	49,000.00
JUMLAH	2,676,300.00

TAHUN 2010

BULAN	JUMLAH
Januari	5,000.00
Februari	9,000.00
Mac	200,000.00
April	1,500,000.00
Mei	0
Jun	160,000.00
Julai	500,000.00

Ogos	0
September	400,000.00
Oktober	45,522.23
November	38,028.50
Disember	53,657.05
JUMLAH	2,911,207.78

TAHUN 2011

BULAN	JUMLAH
Januari	8,399.80
Februari	137,309.64
Mac	1,178.80
April	142,669.84
Mei	0
Jun	298,501.47
Julai	95,806.09
Ogos	169,199.49
September	56,075.40
Oktober	569.00
November	143,115.50
Disember	69,772.93
JUMLAH	1,122,597.96

TAHUN 2012

BULAN	JUMLAH
Januari	92,448.07
Februari	0
Mac	264,449.63
April	
Mei	
Jun	
Julai	
Ogos	
September	
Oktober	
November	
Disember	
JUMLAH	356,897.70

JUMLAH KESELURUHAN = RM 7,067,003.44

* Jumlah RM 2 juta di dalam Tabung Membasmi Kemiskinan Tegar adalah merupakan sumbangan yang diterima pada tahun 2010 (akaun terakru).

(b) Bilangan penerima pada Mac 2012 mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah Timur Laut	47 orang
Daerah Barat Daya	126 orang
Daerah Seberang Prai Utara	318 orang
Daerah Seberang Prai Tengah	187 orang
Daerah Seberang Prai Selatan	66 orang
JUMLAH KESELURUHAN	**744 orang**

Nama-nama penyumbang tabung ini tidak dapat dinyatakan bagi tujuan menjaga kepentingan penyumbang-penyumbang tersebut.

Penyumbang-penyumbang tabung ini adalah terdiri daripada pusat-pusat membeli belah melalui kempen tanpa beg plastik, kilang-kilang dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Nyatakan dengan terperinci mengenai penjualan tanah oleh Kerajaan Negeri di Bayan Mutiara dan nyatakan sejarah tanah berkenaan?

(b) Berapa harga yang dijual mengikut kaki persegi, kos keseluruhan, bayaran yang telah dibuat sehingga kini?

(c) Adakah tanah ini dijual setelah pelan kebenaran merancang telah diluluskan dan bilakah pelan tersebut diluluskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Tanah tapak Bayan Mutiara seluas 102.56 ekar (termasuk kawasan yang belum ditebus guna seluas 35 ekar) telah dijual kepada pihak Ivory Properties Group Berhad (IPGB) pada 11 November 2011 secara tender terbuka melalui kaedah “Request For Proposal” (RFP) bagi tujuan pembangunan bercampur.

Tawaran tender terbuka yang kompetitif ini dibuka pada 16 Ogos 2010 dan ditutup pada 31 Disember 2010 dengan harga rizab sebanyak RM200.00 sekaki persegi dan bayaran earnest deposit sebanyak RM1.2 juta.

Sebanyak empat (4) syarikat telah mengemukakan tawaran tender seperti berikut:-

(a) Chia Tai Xingye Ind. Dev. Ltd;

(b) SP Setia Berhad;

(c) Ivory Properties Group Berhad;

(d) AG Pearl Sdn. Bhd. (tawaran syarikat ini ditolak kerana gagal mengemukakan bayaran *earnest* deposit berjumlah RM1.2 juta sepertimana yang telah disyaratkan).

Tiga syarikat yang layak telah membentangkan cadangan pembangunan masing-masing kepada Jawatankuasa Penilaian pada 18 Februari 2011 dan 3 Mac 2011.

Pihak IPGB telah mengemukakan harga tawaran yang paling tinggi daripada dua syarikat yang lain iaitu sebanyak RM240.00 sekaki persegi dengan bayaran sejumlah RM1.07 billion dibuat dalam tempoh lima (5) tahun. Maka, Lembaga PDC telah bersetuju untuk menerima tawaran daripada pihak IPGB dan satu perjanjian Purchase and Development Agreement (PDA) telah ditandatangani di antara PDC, CMI dan IPGB pada 11 November 2011. Keseluruhan projek perlu disiapkan dalam tempoh lapan (8) tahun dari tarikh PDA ditandatangani dengan merangkumi komponen wajib, penebusan tanah 35 ekar, pembayaran mengikut jadual (seperti di Lampiran) dalam tempoh lima (5) tahun serta bon sebanyak RM50 juta sebagai deposit sekuriti. Sehingga kini sejumlah RM120,813,302.40 telah dijelaskan IPGB.

Memandangkan bahawa pemaju yang berjaya dalam tender belum lagi membentangkan pelan pemajuan kebenaran merancang, adalah terlalu awal untuk berteka-teki bentuk pelan pemajuan kebenaran merancang yang dicadangkan. Memandangkan ini adalah tapak tanah baru yang lebih besar daripada yang lama, tentulah ia melibatkan permohonan baru. Perlu diingatkan bahawa sebarang permohonan baru perlu akur dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia untuk tapak masjid/surau, tempat beribadat bukan Islam, sekolah, jalan dan taman.

Pihak tidak bertanggungjawab hanya boleh mendakwa tapak masjid dihilangkan selepas pemaju membentangkan permohonan pelan pemajuan kebenaran merancang baru yang diluluskan tanpa tapak masjid. Untuk mendakwa tapak masjid dihilangkan bila pelan pemajuan kebenaran merancang pun belum dibentangkan, adalah amat jahat sekali. Lagipun sekiranya tapak masjid benar-benar dihilangkan, maka hal tempat beribadat bukan Islam juga akan dihilangkan. Akan tetapi, ia tidak dijadikan isu oleh pihak yang berniat jahat ini.

(VIII) Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sejauh mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berusaha membangunkan perindustrian ke arah Teknologi Tinggi (High Tech) bagi menjamin pendapatan tinggi kepada rakyat dan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Antara usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan perindustrian ke arah Teknologi Tinggi (High Tech) bagi menjamin pendapatan tinggi kepada Rakyat dan Negeri adalah seperti berikut :-

(i) Menggalakkan pelaburan baru dan pelaburan tambahan (re-investment) dengan mempromosikan industri-industri berteknologi tinggi seperti Diod Pancaran Cahaya (LED),Solar, ICT, Avionik, Peralatan Perubatan (Medical Devices) dan Shared Services Outsourcing;

(ii) Menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan atau menyertai misi perdagangan anjuran Malaysian Investment Development Authority (MIDA) khususnya bagi mempromosikan industri-industri berteknologi tinggi dan strategik kepada bakal-bakal pelabur atau para pelabur sedia ada untuk menarik pelaburan baru atau pelaburan tambahan;

(iii) Bekerjasama dengan agensi Kerajaan Pusat seperti MIDA dan Multimedia Development Corporation (MDeC) dalam mengenal pasti bakal-bakal pelabur asing yang terlibat di dalam teknologi tinggi bagi menawarkan insentif-insentif yang sesuai kepada mereka;

(iv) Membangunkan kawasan perindustrian baru dan sedia ada seperti Penang Science Park dan Batu Kawan Industrial Park khusus untuk pelabur-pelabur yang terlibat di dalam industri teknologi tinggi dan pengeluaran produk yang mempunyai nilai tambah tinggi;

(v) Memberi tumpuan kepada bidang ICT yang merangkumi *Business Processing Outsourcing* (BPO) dan *Knowledge Processing Outsourcing* (KPO) bagi membangunkan sektor ini melalui pembangunan *MSC Penang Cybercity*;

(vi) Mengukuhkan kluster sedia ada dan menubuhkan kluster baru untuk industri-industri strategik bagi mewujudkan sinergi dan meningkatkan daya saingan industri tempatan.Dengan ini, dapat meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap keupayaan Negeri ini dalam menyediakan industri-industri sokongan bagi meningkatkan rantaian bekalan yang komprehensif untuk menyokong operasi mereka di Negeri ini;

(vii) Melaksanakan program-program penyelidikan (supply chain research/ mapping) bagi mengenal pasti syarikat-syarikat multi nasional dalam aktiviti teknologi tinggi yang boleh digalakkan untuk melabur di Pulau Pinang;

(viii) Menawarkan skim harga tanah perindustrian yang kompetitif bagi projek pelaburan yang strategik khususnya berteknologi tinggi;

(ix) Menubuhkan Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan IKS (SMART Centre), Pusat EKS (SME Centre) dan Perkampungan EKS (SME Village) bagi memacu pembangunan enterprise kecil dan sederhana yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti berteknologi tinggi; dan

(x) Menubuhkan Majlis Sains Negeri Pulau Pinang (Penang Science Council) yang dipandu sepenuhnya oleh syarikat multi nasional seperti Agilent, Motorola, Mini Circuits, Intel dan BBraun bagi menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan kejuruteraan dan sains serta menggalakkan generasi muda untuk meminati bidang sains dan teknologi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapakah jumlah penjimatan dapat dicapai hasil amalan pemberian kontrak melalui Tender Terbuka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Melalui tender terbuka ianya membolehkan semua pembida yang berminat untuk menyertai sesuatu tawaran perolehan mengemukakan tawaran masing-masing. Setelah tawaran ditutupdan dinilai oleh Jawatankuasa yang dibentuk oleh Lembaga Perolehan, tawaran yang menawarkan harga yang terbaik (best value for money) akan ditawarkan kontrak. Pada hakikatnya tawaran ini akan dikeluarkan bagi pembida yang menawarkan harga terbaik bukan sahaja berdasarkan anggaran jabatan tetapijuga dibandingkan dengan tawaran-tawaran lain yang diterima.

   Oleh itu adalah jelas tender terbuka dapat menjamin bukan sahaja harga yang kompetitif, tawaran tersebut juga membolehkan Kerajaan Negeri mendapat penjimatan melalui perolehan tersebut. Susah untuk membuat anggaran tetapi berdasarkan anggaran kasar jumlah yang dijimatkan di bawah tender terbuka berbanding dengan tender tertutup adalah kira-kira RM300 juta dalam 4 tahun ini .

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bagi menambahkan pendapatan petani kepada 10 tan satu hektar bagi tanaman padi, apakah kriteria atau kaedah yang sepatutnya digunakan oleh petani dalam meningkatkan hasil tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam melaksanakan usaha-usaha untuk mencapai hasil padi ke arah 10 metrik tan sehektar. Bagi mencapai hasrat ini, kerjasama jabatan, petani dan pihak swasta perlulah bergerak seiring. Selain daripada faktor iklim dan faktor tanah yang merupakan keperluan asas tanaman padi, beberapa kaedah lain perlu diambil kira untuk meningkatkan hasil padi. Di antara beberapa aspek yang perlu dititikberatkan untuk meningkatkan hasil padi adalah :-

   (a) Pengamalan Kultur Yang Teratur

   Petani perlu menggunakan benih padi yang disahkan, meratakan tanah sawah yang mengikut jadual bagi menyediakan tanah yang baik. Petani juga perlu menjadualkan program pengapuran berkala untuk mengelak tanah masam,program pembajaan yang mengikut morfologi padi serta meningkatkan pengetahuan tentang simptom kekurangan nutrien pada pokok padi.

   (b) Pengurusan Air Yang Berhemah

   Petani perlu memahami kepentingan pengurusan air, sistem pengairan dan saliran, pengurusan air dalam petak sawah serta penggunaan air secara berhemah.

   (c) Pengurusan Perosak Secara Bersepadu

   Pengetahuan para petani tentang jenis-jenis penyakit, jenis-jenis serangga, ancaman tikus sama ada di dalam petak atau migrasi tikus dan pengawalan siput gondang pomaceae, kawalan rumpai dan pengurusan perosak bersepadu perlu diperluaskan.

(d) Penuaian Hasil dan Pengendalian Lepas Tuai

Petani juga perlu memahami kaedah penuaian hasil, mematuhi panduan tempoh dilarang mengutip hasil serta memahami pengendalian tuai.

(IX) Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapa banyakkah jumlah kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang dan sila nyatakan jumlah sebelum tahun 2008 serta berapa yang telah bertukar jabatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jumlah kakitangan Kerajaan Negeri sehingga 15 April 2012 adalah sebanyak 7,131 anggota dan jumlah kakitangan sebelum 2008 adalah sebanyak 7,084 anggota. Pecahan adalah seperti di Jadual1. Bilangan anggota yang bertukar jabatan sehingga April 2012 adalah sebanyak 1,042 anggota. Pecahan adalah seperti di bawah:-

JUMLAH ANGGOTA PENTADBIRAN KERAJAAN Negeri PULAU PINANG MENGIKUT AGENSI DAN TAHUN

BIL.	PERKARA	2007	2012
1.	Jabatan Negeri	3028	3431
2.	Badan Berkanun Negeri	265	401
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	3791	3299
JUMLAH		**7084**	**7131**

BILANGAN ANGGOTA YANG BERTUKAR JABATAN MENGIKUT TAHUN

BIl.	PERKARA	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH
1	Bilangan Anggota bertukar	331	239	280	173	19	1042

Senarai nama-nama pegawai berkenaan berada dalam simpanan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Senaraikan nama-nama syarikat yang terlibat dalam program Corporate Social Responsibility (CSR) dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan nyatakan juga jumlah wang yang terlibat jika dalam bentuk wang atau projek termasuk nilai, tajuk projek, tempat dan lain-lain pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Program CSR (Corporate Social Responsibility) ini merangkumi pelaksanaan projek dan penyelenggaraan kawasan landskap bersama pihak swasta. Program ini diwujudkan bagi menarik minat dan inisiatif pihak swasta untuk bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dalam meningkatkan keindahan landskap kawasan Pulau Pinang. Kawasan yang terlibat dalam program ini adalah merangkumi kawasan lapang (tanah kerajaan) di bawah penyelenggaraan PBT.

Bil	Lokasi	Daerah	Anggaran Kos
1	Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan	SPU	RM450,000
2	Vision Park, Bertam	SPU	RM1 Juta
3	Taman Tunku, Seberang Jaya	SPT	RM400,000
4	Bulatan Bandar Perda	SPT	RM9,480
5	Bulatan Bukit Tengah	SPT	Belum dimuktamadkan oleh penaja
6	Taman Pantai	SPU	Belum dimuktamadkan oleh penaja
7	Taman Bukit D.O	SPT	Belum dimuktamadkan oleh penaja

Senarai program CSR yang telah dibuat di kawasan MPPP dari tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di bawah:-

Program CSR di kawasan MPPP tahun 2008 hingga 2012 Kawasan Bandar

Tahun	Bil.	Lokasi	Kos Perbelanjaan (RM)
2008	1.	Pengindahan Bulatan Persiaran Gurney, Persiaran Gurney, D.T.L, Pulau Pinang	498,608.00
2009	2.	Projek Penanaman Pokok Di Tanah Lapang Taman Free School , Pulau Pinang	2,400.00
	3.	Pembinaan Arca\ 'Sculpture' Di Kawasan Terbuka (Dataran) Pembangunan Penang Time Square, Jalan Dato' Keramat, Georgetown, Pulau Pinang	85,000.00
2010	4.	Projek Menaiktaraf di Bulatan Udini, Jalan Udini, Gelugor, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	400.000.00
	5.	Projek Menaiktaraf Landskap Di Bulatan Air Putih / Bukit Bendera, Persimpangan Jalan Penang Hill / Jalan Ayer Itam, Seksyen 1, Bandar Ayer Itam, D.T.L, Pulau Pinang (Bulatan Air Itam, Bkt. Bendera)	300,000.00
2011	6.	Projek Menaiktaraf Landskap di Tanah Lapang Lorong Amoy, Jalan Hutton, D.T.L, Pulau Pinang	30,000.00
	7.	Projek menaiktaraf tempat parkir MPPP kepada Linear Park di sebahagian Lot 1268,Sek.2,Padang Tembak, Air Itam,DTL, Pulau Pinang	286,000.00
2012	8.	Kerja-kerja penyelenggaraan bagi projek pembinaan kolam pancutan air di Taman Persahabatan (FRIENSHIP PARK), Lebuh Farquhar, Pulau Pinang	62,800.00

Kawasan Luar Bandar

Tahun	Bil.	Lokasi	Kos Perbelanjaan (RM)
2008	1.	Penyelenggaraan Kawasan Lapang (Tanah Kerajaan) Fasa 1B, Di Atas Lot 1463, Jalan Sg.Air Putih, Mukim 4, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang (Botanica.ct)	130,507.50
	2.	Projek Menaiktaraf Landskap Bulatan Bayan Lepas, Pulau Pinang.	600,00.00
	3.	Penyelenggaraan Kawasan Lapang (Tanah Kerajaan) Jalan Lembah Permai,Tanjung Bungah, Pulau Pinang.	36,000.00
	4.	Penyelenggaraan Kawasan Lapang bagi Rumah Berkembar 3 Tingkat (2 Unit) Dan Rumah Teres 3 Tingkat (52 Unit), Di Atas Lot 1464, Mukim 13, Lebuh Relau 1, Pulau Pinang.(Terapautic Garden)	37,720.00

(ii) Anugerah Sekolah Hijau

Bil.	Tahun	Lokasi	Kos Perbelanjaan (RM)
1.	2010	Hadiah kepada sekolah	4,000.00
	2011		
1.		Hadiah kepada sekolah	6,000.00
2.		Hadiah kepada sekolah	6,000.00
	2012		
1.		Hadiah kepada sekolah	6,500.00
2.		Hadiah kepada sekolah	6,500.00
3.		Hadiah kepada sekolah	6,500.00

Manakala bagi tahun 2011 - 2012, sebanyak 7 lokasi dikenalpasti oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi program CSR dan syarikat swasta yang telah dan sedang dalam perancangan, iaitu:-

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berikan secara terperinci komponen projek menaik taraf secara Corporate Social Responsibility (CSR) di Taman Tunku Seberang Jaya, nilainya dan fasa-fasa pembangunan jika ada dan lain-lain projek secara CSR di dalam DUN Seberang Jaya dari tahun 2008 hingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Komponen projek CSR Taman Tunku Seberang Jaya adalah seperti berikut:

(i) Trek berjoging dan trek berbasikal 900 meter panjang dan 2.4 meter lebar.
(ii) Sebuah gazebo baru 18 kaki x 10 kaki.
(iii) 35 buah bangku.
(iv) 6 buah tiang lampu.

Jumlah keseluruhan kos bagi projek tersebut adalah sebanyak RM400,000.00. Kesemua komponen yang dicadangkan akan diserahkan kepada MPSP untuk penyelenggaraan. Projek ini dijangka siap pada 31 Mei 2012. Selain dari Taman Tunku tiada lain-lain projek CSR di dalam DUN Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Berikan secara terperinci bersama pecahan perbelanjaan bagi setiap jabatan termasuk Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Jabatan Kewangan Negeri dan lain-lain berpandukan bajet 2011 yang telah diluluskan tempoh hari dan peratusan prestasi perbelanjaan dan perancangan perbelanjaan yang akan dibuat untuk tahun 2012.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Maklumat berkaitan pecahan perbelanjaan bagi Pejabat Ketua Menteri dan PSUK, Jabatan Kewangan Negeri dan jabatan-jabatan lain berpandukan bajet 2012 yang telah diluluskan adalah seperti berikut:-

Jabatan	Peruntukan 2012 (RM)	Perbelanjaan 2012 (setakat 31 Mac) RM	Peratus Belanja (setakat 31 Mac) %
TYT (T.01)	2,414,320	339,018.34	14.04
SUK (T.02)	228,000	4,001.30	1.75
JKN(T.03)	50,679,410	1,417,479.26	2.8
SUK (B.01)	118,740,313	46,200,748.03	38.91
PTG (B.02)	7,960,340	1,488,406.41	18.7
DTL (B.03)	5,990,640	1,216,661.15	20.31
DBD (B.04)	5,351,500	1,047,307.72	19.57
SPU (B.05)	5,998,174	1,367,828.41	22.8
SPT (B.06)	5,831,932	1,188,833.50	20.38
SPS (B.07)	4,724,050	954,705.88	20.21
JPS (B.08)	28,750,358	3,771,093.30	13.12
HUTAN (B.09)	2,758,520	488,415.07	17.71
BOTANI (B.10)	3,836,330	650,916.14	16.97
JKR (B.12)	30,012,369	5,385,616.95	17.94
JHEA (B.13)	14,494,750	2,532,859.85	17.47
JKM (B.14)	6,504,990	1,809,790.97	27.82
JPBD (B.15)	3,106,300	617,907.43	19.89
JKN (B.16)	283,346,450	33,407,967.37	11.79
JPV (B.17)	5,002,850	810,466.54	16.2
JPERT (B.18)	6,950,380	1,322,498.89	19.03
MUFTI (B.19)	2,180,880	380,928.55	17.47
MSYA (B.20)	4,732,467	1,004,304.40	21.22
JUMLAH	**599,595,323**	**107,407,755.46**	**17.91**

Seperti mana pencapaian perbelanjaan pada tahun 2011, pada tahun semasa 2012 peratus pencapaian perbelanjaan yang disasarkan ialah melebihi 90%.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Senaraikan peruntukan yang telah diberikan kepada Sekolah Mubaligh, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil serta untuk tokong, kuil, gereja, surau dan masjid dari tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012 termasuk nama tajuk dan nilainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Peruntukan yang telah diberikan kepada Sekolah-sekolah Mubaligh, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil serta tokong, kuil dan gereja dari tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012 adalah seperti di jadual berikut :

Sekolah	Jumlah (RM)
Sekolah Agama Rakyat	31,737,250
Sekolah Mubaligh	4,060,000
Sekolah Persendirian	7,250,000
SJK(C)	15,459,498
Tamil	6,700,430
Tokong/Kuil/Gereja	2,130,065
Surau/Masjid (Pembangunan)	26,956,661

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah perbelanjaan dan sumbangan yang telah diberikan kepada golongan belia, wanita dan Generasi Y termasuk prasarana dan kemudahan yang telah diwujudkan semenjak tahun 2008 hingga sekarang serta nilai, tajuk projek, tempat dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Peruntukan dan sumbangan yang telah diberikan kepada golongan belia, wanita dan Generasi Y termasuk prasarana dan kemudahan yang telah diwujudkan semenjak 2008 hingga sekarang adalah seperti di bawah:-

Bil.	Tahun	Peruntukan kepada Belia dan Generasi Y melalui		Peruntukan kepada Wanita dan Generasi Y melalui	
		Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan RM	Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MBNPP) RM	Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti RM	Penang Women's Development Corporation Sdn. Bhd. (PWDC) RM
1	2008	161,070.00	150,000.00	200,000.00	Belum ditubuhkan
2	2009	161,070.00	150,000.00	800,000.00	

3	2010	332,000.00	300,000.00	800,000.00	
4	2011	332,000.00	300,000.00	800,000.00	
5	2012	382,000.00	300,000.00	800,000.00	1,500,000.00
JUMLAH		**1,368,140.00**	**1,200,000.00**	**3,400,000.00**	**1,500,000.00**

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Setakat mana keperihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam memastikan keperluan asas rakyat miskin di Negeri ini diberikan pembelaannya dan apakah polisi-polisi khas Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi Kerajaan Negeri bagi turut serta mempermudahkan pembelaan kepada golongan ini termasuk oleh MPSP, MPPP, PBAPP, Pejabat Daerah, JPS, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, PTG dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat adalah sebuah kerajaan berjiwa rakyat. Oleh itu, Kerajaan Pakatan Rakyat tidak akan melupakan rakyat terutamanya yang miskin. Ini terbukti bahawa, sejak memerintah Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah banyak melaksanakan program bantuan kepada rakyat yang miskin. Sebagai tanda prihatin kepada golongan rakyat miskin, pada 2008 Kerajaan Negeri telah menyampaikan bantuan am kepada seramai 2,180 penerima dan jumlah penerima bantuan sehingga April 2012 adalah seramai 14,189. Di samping itu, peruntukan keseluruhan sebanyak RM1.25 juta untuk membaiki rumah orang miskin telah diagihkan kepada setiap pejabat daerah dengan masing-masing menerima RM250,000.00 bagi program membaiki rumah orang miskin. Bantuan-bantuan lain yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan jabatan-jabatan kerajaan bagi membantu golongan miskin di Negeri ini adalah seperti berikut:-

(a) Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah menyediakan bantuan kepada golongan miskin yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan miskin melalui Projek Industri Asas, Khidmat Nasihat dan Bimbingan, Kursus dan Latihan hands-on, Bantuan input, Program Bumi Hijau dan Kumpulan Pengembangan Wanita.

(b) Di kawasan Seberang Perai, MPSP telah menyediakan sebuah bangunan 10 tingkat yang mengandungi 250 unit kediaman untuk disewakan kepada penduduk miskin yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM1500 dengan kadar sewa RM100 sebulan. MPSP turut membangunkan sebuah bangunan 5 tingkat yang mengandungi 54 unit perumahan kos rendah dengan harga jualan RM42,000 seunit. Selain itu, beberapa dasar yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 yang diamalkan oleh MPSP adalah seperti berikut:-

(i) Menggalakkan aktiviti yang dapat menjana dan meningkatkan pendapatan penduduk dengan sasaran pendapatan kasar isi rumah melebihi paras kemiskinan RM615 sebulan. MPSP telah melaksanakan langkah-langkah tersebut dengan:-

- Pemberian sebanyak 72 lesen pasar malam.

- Menyediakan sebanyak 3685 ruang niaga di pasar-pasar awam.

- Menyediakan sebanyak 1441 ruang niaga di kompleks makanan.

(ii) MPSP telah mengenakan syarat untuk setiap pembangunan perumahan perlu menyediakan 30% rumah kos rendah bagi pembangunan yang melebihi 150 unit ke atas atau 100 unit dalam kawasan bandar.

(iii) Memberikan insentif-insentif perumahan yang bersesuaian iaitu pembinaan projek perumahan kos rendah khususnya bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dengan tujuan untuk mengurangkan kos penyediaan serta mengambil kira keperluan golongan orang kurang upaya, rakyat termiskin dan perumahan untuk disewa.

(iv) Melaksanakan konsep 'sewa dahulu beli kemudian' (sewa beli) bagi kumpulan masyarakat terutamanya golongan yang tidak mampu memiliki rumah kos rendah atau kos sederhana rendah berdasarkan syarat-syarat minimum yang dikenakan.

(v) Membangunkan satu skim perumahan sosial untuk disewa oleh komuniti berpendapatan rendah dan meluaskan skim bantuan perumahan kepada golongan rakyat termiskin.

(c) PBAPP pula telah mewujudkan dua skim khusus bagi memenuhi keperluan bekalan air rakyat miskin di Negeri Pulau Pinang iaitu:-

(i) Skim rebat tarif diberikan kepada golongan yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM460. Pemohon perlu mendapat perakuan dari pejabat daerah dan diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri. Penyambungan percuma dari sesalur utama ke rumah berkenaan diberikan. Mereka akan menerima rebat bagi penggunaan sehingga 60,000 liter bagi dua bulan, selain dikecualikan daripada dikenakan deposit untuk meter air.

(ii) Skim pinjaman tanpa faedah boleh dipohon oleh mereka yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM1,000 sebulan. Mereka layak diberi pinjaman tanpa faedah sehingga RM1,500 bagi penyambungan bekalan air dan pembayaran semula adalah secara ansuran menerusi bil air.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk rakyat Negeri ini termasuk membaik pulih rumah dan pembinaan rumah baru golongan miskin, bantuan kepada warga miskin bagi mengatasi masalah ketiadaan keupayaan pembayaran ansuran bulanan atau bayaran bulanan rumah-rumah bertingkat termasuk bayaran penyelenggaraannya.

(b) Sila nyatakan lokasi dan senarai nama golongan berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin Negeri Pulau Pinang bermatlamat untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup penduduk miskin dan miskin tegar di Pulau Pinang dengan segera. Program ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mencapai'kemapanan sosial' berteraskan kepada prinsip pro-poor, pro-job dan pro-growth. Pada tahun 2012 Kerajaan Negeri telahmeluluskan peruntukan berjumlah RM1.25 juta bagi pelaksanaan program tersebut.

Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah membaiki sebanyak 288 buah rumah penduduk miskin dan miskin tegar yang rosak dan tidak selesa untuk didiami dan juga telah membina baru 22 buah rumah bagi kediaman yang tidak lagi selamat untuk dididuki.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah status kedudukan rakyat di Negeri ini yang berada dalam kategori miskin/miskin tegar atau mudah miskin bagi tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan hingga bulan Mac 2012.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Dasar Pembasmian Kemiskinan Tegar Negeri Pulau Pinang telah mula dilaksanakan pada tahun 2009. Melalui dasar ini mulai pertengahan 2012 semua keluarga yang tergolong dalam kategori miskin tegar iaitu berpendapatan kurang daripada RM600.00 sebulan akan diberikan bantuan untuk genapkannya kepada RM600. Melalui bantuan ini ianya membolehkan keluarga miskin tegar berkenaan terkeluar dari kelompok miskin tegar yang ditakrifkan sebagai pendapatan keluarga kurang daripada RM420 sebulan. Melalui pelaksanaan dasar ini, seramai 673 keluarga telah berjaya dikeluarkan daripada kelompok miskin tegar. Jumlah penerima bantuan bulanan Kerajaan Negeri untuk miskin tegar berdasarkan tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Keluarga
2009	673
2010	770
2011	721
Sehingga Mac 2012	744

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Senaraikan senarai penuh carta organisasi PUZ termasuk senarai pekerja-pekerjanya dari peringkat pengarah hingga kakitangan bawahan dan berikan laporan kewangan PUZ yang telah dikemaskinikan setiap tahun untuk tahun 2008, 2009, 2010, 2011 hingga Mac 2012.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Senarai penuh Carta Organisasi PUZ adalah seperti di jadual A dan Laporan Kewangan seperti di jadual B.

Sehingga kini Mac 2012, kedudukan perjawatan dan bilangan kakitangan PUZ adalah seperti berikut :

Bil	Perjawatan	Jumlah Kakitangan
1	Pengurus Besar	1 orang
2	Penolong Pengurus Besar	2 orang
3	Eksekutif Kanan	3 orang
4	Eksekutif Zakat	16 orang
5	Pembantu Eksekutif Zakat	16 orang
6	Kerani Zakat	34 orang
	Jumlah	**72 orang**

Perbelanjaan yang dibuat adalah mengikut peruntukan belanjawan tahunan yang telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan segala kekurangan perbelanjaan tahun semasa akan ditampung melalui simpanan daripada kutipan tahun-tahun sebelumnya yang belum dihabiskan.

Berikut dikemukakan senarai tajuk-tajuk bantuan / sumbangan dari sumber zakat, Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (PUZ) :

Skim-Skim Bantuan Di Bawah Asnaf Fakir dan Miskin

(a) Saguhati Hari Raya
(b) Bantuan Persekolahan
(c) Bantuan Pakaian Seragam
(d) Biasiswa Kecil Sekolah Agama Rakyat (SMAR)
(e) Bantuan Permulaan Pengajian Ke IPT Dalam Negeri
(f) Bantuan Tajaan Pelajar-Pelajar IPT
(g) Bantuan Kewangan Bulanan
(h) Bantuan Makanan Bulanan
(i) Bantuan Kewangan Secara Sekali Gus
(j) Program Nur Ramadhan
(k) Bantuan Baikpulih Rumah
(l) Bantuan Modal Perniagaan
(m) Latihan Keusahawanan dan Kursus
(n) Bantuan Bencana Alam
(o) Bantuan Kecemasan

Skim-Skim Bantuan Di bawah Asnaf Muallaf

(a) Saguhati Pendidikan
(b) Saguhati Kehadiran Kelas Fardhu Ain Saudara Baru
(c) Bantuan Pengajian Di Pondok
(d) Bantuan Pengajian Di Institut Dakwah Islamiah PERKIM
(e) Bantuan Pengajian Di Institusi Pengajian Tinggi
(f) Saguhati Memeluk Islam
(g) Saguhati Berkhatan
(h) Saguhati Berkahwin
(i) Pembelian Peralatan Ibadah
(j) Pembelian Percetakan Buku / risalah Agama
(k) Pengurusan Rumah Transit Muallaf
(l) Kursus Kefahaman Islam Bersiri
(m) Kursus Dakwah dan Kepimpinan
(n) Kursus Pemantapan Sahsiah

(o) Bengkel Dakwah Saudara Kita
(p) Kem Motivasi Saudara Kita
(q) Program Syiar Ramadhan
(r) Majlis Ramah Mesra Aidil Fitri
(s) Program Keluarga Angkat
(t) Kursus Keluarga Bahagia
(u) Kursus Pasca Perkahwinan
(v) Ujian Kecemerlangan Bakat Saudara kita
(w) Saguhati Hari Raya
(x) Bantuan Kebajikan
(y) Bantuan Memulakan Perniagaan
(z) Bantuan Perubatan Ringan
(aa) Pembangunan Sistem Maklumat Muallaf

Agihan Di Bawah Asnaf Amil

(a) Bayaran 1/8 Upah Amil Fitrah
(b) Bayaran 1/8 Upah Amil Zakat Harta (Pusat Urus Zakat)

Skim-Skim Bantuan Di bawah Asnaf Ghorimin

(a) Bantuan Kepada Orang Kesusahan Berat Kerana Berhutang
(b) Bantuan Kepada Orang Yang Kesusahan Berat (hutang perubatan)
(c) Bantuan Baikpulih Kehidupan

Skim-Skim Bantuan Di Bawah Asnaf Ibnu Sabil

(a) Bantuan Kepada Musafir Putus Belanja
(b) Bantuan Permulaan Ke IPT Luar Negara

Skim-Skim Bantuan Di Bawah Asnaf Fisabilillah

(a) Saguhati Kepada Pegawai Masjid (30 % MAINPP)
(b) Tambang Menunaikan Haji
(c) Pakaian Seragam Imam / Khatib
(d) Saguhati Jawatankuasa Qaryah
(e) Saguhati Guru Agama Sukarela
(f) Saguhati Guru Al-Quran Sukarela
(g) Saguhati Naib Kadi Tahunan / Bersara
(h) Pengurusan Jenazah Tidak Berwaris
(i) Saguhati Kepada Masjid Daerah
(j) Saguhati Pengajar Kelas Al-Quran
(k) Saguhati Pengajar Kelas Fardhu Ain Saudara Baru
(l) Saguhati Pengajar Kelas di Pusat Serenti / Penjara
(m) Elaun Tambahan Guru Takmir
(n) Emolumen Kakitangan MAINPP
(o) Percetakan Khutbah MAINPP
(p) Percetakan Buku / Risalah Agama
(q) Sumbangan kepada Aktiviti Keagamaan dan Motivasi
(r) Sumbangan Kepada Bengkel/ Kursus/ Seminar
(s) Sumbangan untuk pembelian peralatan Masjid / Surau
(t) Program Ehya Ramadhan
(u) Sumbangan kepada Jawatankuasa Dakwah Negeri dan Daerah
(v) Sumbangan Berkanun Sekolah Agama Rakyat

(w) Sumbangan Kepada Sekolah Agama Rakyat
(x) Latihan & kokurikulum Guru-Guru Sekolah Agama Rakyat
(y) Sumbangan untuk Peperiksaan MAINPP
(z) Sumbangan Kepada Maahad Tahfiz Al-Quran
(aa) Sumbangan Kepada Tadika Islam MAINPP
(ab) Pengurusan Pusat Haemodialisis Zakat
(ac) Program Klinik Bergerak PUZ
(ad) Pengurusan Pusat Latihan Zakat
(ae) Pengurusan Rumah Warga Emas Pongsu Seribu
(af) Pengurusan Kompleks Inapan Kasih Sayang
(ag) Program Ziarah Pelanggan Zakat
(ah) Pengurusan Pendidikan Tinggi Luar Negara

Skim-Skim Bantuan Di bawah Asnaf Ar-Riqab

Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang telah memutuskan bahawa asnaf ini tidak terdapat di Negeri Pulau Pinang dan memohon supaya peruntukan asnaf ini dipindahkan kepada Asnaf Fisabilllah. (Rujuk Resolusi Muzakarah Penetapan dan Pengesahan Hukum dan Dasar Agihan Zakat MAINPP, pada 26-28 September 1998, bertempat di Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru, Pulau Pinang)

JADUAL A BASOS ID 188 (10) CARTA ORGANISASI

JADUAL B

Laporan Kewangan Kutipan dan Agihan Zakat, Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (PUZ) dari tahun 2008 – 2012 adalah seperti berikut :

Perkara	**2008**	**2009**	**2010**	**2011**	**Mac-12**
Perolehan :					
a. Zakat Harta	38,027,108	44,059,327	49,240,837	58,215,179	11,421,040
b. Zakat Fitrah	3,949,242	3,892,826	3,998,526	4,065,992	-
Jumlah Kutipan:	41,976,350	47,952,153	53,239,363	62,281,171	11,421,040
Belanja Mengikut Asnaf :					
Fakir	2,191,213	3,219,779	2,949,008	3,261,993	1,460,050
Miskin	20,319,713	20,312,787	23,383,486	24,058,860	5,746,384
Amil	5,450,034	4,980,236	7,285,382	6,259,570	2,751,016
Muallaf	758,404	844,830	865,872	959,223	756,292
Ghorimin	1,021,700	937,131	1,054,281	1,400,391	244,966
Ibnu Sabil	137,063	140,927	260,831	215,351	37,115
Fisabilillah	15,724,194	18,881,581	22,052,067	19,312,648	6,994,826
Jumlah Agihan	45,602,321	49,317,271	57,850,927	55,468,036	17,990,649
Lebihan/ (Kurangan)	(3,625,971)	(1,365,118)	(4,611,564)	6,813,135	(6,569,609)

Perbelanjaan yang dibuat adalah mengikut peruntukan belanjawan tahunan yang telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan segala kurangan perbelanjaan tahun semasa akan ditampung melalui simpanan daripada kutipan tahun-tahun sebelumnya yang belum dihabiskan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Bilakah kajian dan cadangan dari Penang Transport Master Plan akan dijadikan pengetahuan umum? Apakah ini akan bercanggah dengan empat (4) mega projek jalanraya/terowong bawah laut yang telah diumumkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Deraf Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (Penang Transport Masterplan) telah dipamerkan untuk mendapatkan pandangan dan ulasan orang ramai mulai 16 April 2012 hingga 28 April 2012. Pameran ini telah diadakan di Tingkat 3, KOMTAR dan Tingkat 1, Bangunan MPSP pada (16 April 2012 - 20 April 2012) dan (23 April 2012 - 27 April 2012), Sunshine Farlim Mall dan Sunway Carnival Mall pada 21 April 2012, Gurney Mall dan Jusco Perda Mall 28 April 2012. Satu Bengkel Awam (Public Workshops) berkaitan Deraf Akhir Laporan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang yang akan diadakan di Kompleks Masyarakat Penyayang, George Town, Pulau Pinang pada 3 Mei 2012 dan 5 Mei 2012.

Hala tuju dari segi pengangkutan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri adalah bergantung kepada input daripada penduduk Pulau Pinang sendiri. 2 opsyen atau pelan alternatif telah dikenal pasti dalam Kajian Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Satu opsyen menitikberatkan tentang memperolehi sokongan dan bantuan Kerajaan Persekutuan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam. Sekiranya kerjasama Kerajaan Persekutuan tidak boleh diperolehi maka opsyen kedua yang melibatkan pembinaan lebuhraya. Cadangan empat (4) projek jalan raya dan terowong yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri tidak bercanggah dengan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang kerana ia merupakan salah satu opsyen yang telah diketengahkan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Rancangan naik taraf sistem paip air dan paip najis di Kawasan Perumahan Kos Rendah Padang Tembak telah dijalankan semenjak tahun 2009.

(a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah yang timbul / dihadapi oleh penduduk tempatan semasa pelaksanaan kerja-kerja naik taraf tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Projek bagi kerja-kerja menaik taraf sistem paip air bersih dan paip air kumbahan di Rumah Pangsa Padang Tembak bermula pada 3 Januari 2011. Projek ini dijangka siap pada 30 Jun 2012. Amaun kontrak termasuk amaun perubahan kerja bagi projek di atas adalah RM7,541,611.82.

Sehingga kini sejumlah RM5,428,732.46 telah dibayar kepada pihak kontraktor. Amaun yang telah dibelanjakan untuk pemasangan paip air bersih adalah RM1,088,517.02, kos untuk pemasangan paip air kumbahan adalah RM1,564,046.00 manakala sejumlah RM2,776,169.44 pula adalah untuk bayaran bagi kerja-kerja lain seperti menukar mangkuk tandas, memasang lapisan kalis air dan lain-lain. Jumlah unit rumah yang terlibat adalah 3,744 unit dan bilangan unit rumah yang telah siap 100% adalah 3,179 unit.

Semasa pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf tersebut, terdapat beberapa masalah yang timbul sama ada di pihak penduduk ataupun di pihak kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja berkenaan. Bagi mengatasi masalah yang timbul/dihadapi oleh penduduk tempatan semasa pelaksanaan kerja-kerja naik taraf, pihak JKR telah mengarahkan kontraktor membuka pusat aduan di mana penghuni boleh membuat aduan di pejabat kontraktor. Setiap aduan yang dibangkitkan akan diambil tindakan oleh pihak kontraktor. Untuk memastikan bahawa kerja-kerja di atas berjalan lebih lancar, Bahagian Perumahan telah mengambil tindakan mengeluarkan Borang Khas khusus untuk aduan-aduan bagi kerja-kerja menaik taraf di atas. Borang aduan yang diterima daripada penduduk akan dipanjangkan terus kepada kontraktor untuk diambil tindakan segera.

Manakala masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor pula, di antara lainnya adalah terdapat beberapa unit yang tidak dapat dimasuki kerana keengganan penghuni untuk membenarkannya. Bagi mengatasi masalah sedemikian, JKR bekerjasama dengan Bahagian Perumahan, JKKK serta wakil YB ADUN Kawasan telah mengadakan lawatan bersama dan memberi penerangan kepada penghuni mengenai projek di atas.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Projek pelebaran Jalan Gottlieb telah memakan masuk laluan pejalan kaki yang dulunya digunakan sebagai tempat menurun dan membawa pelajar-pelajar.

    (a) Apakah langkah-langkah keselamatan yang akan diambil selepas kerja pelebaran itu siap dibina memandangkan ia terlibat dengan keselamatan beribu pelajar dari tiga sekolah dan satu tadika di kawasan sana.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerja-kerja pelebaran Jalan Gottlieb ke tiga lorong sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Julai 2012. Pelaksanaan projek ini mengambil kira aspek keselamatan pelajar-pelajar sekolah di kawasan tersebut. Bahu jalan yang disediakan selebar 2.5 meter adalah mencukupi untuk pelajar-pelajar berjalan atau menunggu untuk menaiki kenderaan dengan selamat.

    Bahu jalan yang baru dibina juga lebih tinggi dari aras jalan supaya lebih selamat. Sebelum ini, bahu jalan adalah searas dengan jalan dan terdapat pemandu yang meletak kenderaan atau menunggu di atas bahu jalan. Di samping itu, Jalan Gottlieb yang dilebarkan ke tiga lorong akan membolehkan para ibu bapa menunggu pelajar-pelajar di lorong yang paling tepi tanpa membahayakan pelajar-pelajar.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Pejabat Perumahan Negeri untuk mengatasi masalah kebersihan di kawasan Perumahan Padang Tembak yang kian mengancam kesihatan penduduk-penduduk di kawasan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan sentiasa mengambil berat soal kebersihan di semua Rancangan Perumahan Awam Negeri termasuklah di Perumahan Padang Tembak. Pada tahun 2010, di Perumahan Awam Padang Tembak telah diluluskan pembekalan sebanyak 36 unit tong sampah jenis HDPE 660 liter. Selain dari itu, pintu sampah dan penutup saluran sampah telah dibaiki di kesemua sembilan blok iaitu di Blok A,B,C,D,E,F,G,H dan J Perumahan Padang Tembak.

Dari segi rancangan jangka pendek, Bahagian Perumahan sentiasa memantau dan memastikan kontraktor pembersihan yang dilantik menjalankan kerja-kerja pembersihan dengan sempurna. Pada masa ini, satu kontraktor telah dilantik bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan yang melibatkan seramai 18 orang pekerja. Skop kerja termasuklah memungut dan mengumpul bahan-bahan buangan di tempat-tempat yang disediakan sebanyak dua kali sehari dan membuang ke pusat pungutan sampah yang disediakan. Kerja-kerja harian lain antaranya termasuklah menyapu bahan buangan di semua kawasan perkarangan rumah dua kali sehari, menyapu jalan dan membersihkan longkang/parit. Kerja-kerja mingguan pula termasuklah memotong dan memaras rumput, kerja-kerja pekebunan dan penjagaan pokok-pokok setiap dua minggu atau apabila diperlukan. Manakala, kerja-kerja bulanan adalah seperti membersihkan bilik gen-set dan rumah pam sebulan sekali atau apabila diperlukan.

Pada masa yang sama, MPPP bertanggungjawab dalam menyediakan bekalan kemudahan tong sampah multi lift dan ditempatkan pada satu pusat yang ditetapkan. Perkhidmatan pungutan sampah dari pusat tersebut diuruskan oleh kontraktor yang dilantik oleh MPPP. Sampah dikutip setiap hari termasuk pada hari Ahad. Dari segi rancangan jangka panjang, Bahagian Perumahan akan mengkaji semula amaun yang diperuntukkan dari semasa ke semasa agar kadar yang dibayar kepada kontraktor pembersihan menepati harga semasa. Ini akan memastikan bilangan pekerja mencukupi serta mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan.

Di samping itu, adalah dalam perancangan supaya pada masa akan datang, sebut harga kebersihan di Rumah Pangsa Padang Tembak dipecahkan kepada 2 pakej iaitu Pakej 1 (Blok A, B, C, D & E) dan Pakej 2 (Blok F, G, H & J) agar mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan dan ada persaingan sihat antara kedua-dua kawasan dalam menjaga kebersihan kawasan masing- masing.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah keputusan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) ekoran pandangan umum untuk mengkaji pelaksanaan sistem jalan sehala Jalan Jelutong dari persimpangan Jalan Jelutong/Jalan Sungai Pinang ke persimpangan Jalan Jelutong Jalan Perak/Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim seterusnya ke Bukit Dumbar. Apakah penyelesaian kesesakan di sepanjang Jalan Sungai Pinang disebabkan lampu isyarat di simpang Jalan Jelutong/Jalan Sungai Pinang dan Jalan Jelutong/Lorong Perak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri melalui MPPP telah merancang pelaksanaan sistem jalan sehala untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di sebahagian Jalan Jelutong dan Jalan Perak di antara Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim dan Jalan Sungai Pinang yang melibatkan persimpangan berlampu isyarat Jalan Jelutong/Jalan Sungai Pinang dan persimpangan Jalan Jelutong/Lorong Perak.

Pelaksanaan sistem jalan sehala ini akan dijalankan secara berperingkat dan diselaraskan dengan pembinaan jalan sambungan Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim dari Jalan Jelutong ke Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Berapakah jumlah dari segi unit dan nilai bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat, Sekolah-sekolah Mubaligh, Sekolah-sekolah persendirian dan sekolah-sekolah Jenis Kebagsaan Cina / Tamil dan lain-lain.

(b) Nyatakan secara terperinci lokasi dan jumlah serta jenis bantuan, tajuk bantuan, tempat dan lain-lain untuk tahun 2008, 2009, 2010, 2011 hingga bulan Mac 2012.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Peruntukan yang telah diberikan kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah-sekolah Mubaligh, Sekolah-sekolah Persendirian dan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina/Tamil untuk tahun 2008 hingga Mac 2012 adalah seperti di jadual berikut :

Sekolah	Jumlah (RM)
Sekolah Agama Rakyat	31,737,250
Sekolah Mubaligh	4,060,000
Sekolah Persendirian	7,250,000
Sekolah Cina	19,772,998
SJK Tamil	6,700,430
Sekolah Punjabi	84,000

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Sila nyatakan projek-projek kos rendah dan sederhana rendah yang telah diluluskan dari tahun 2008, 2009, 2010, 2011 hingga bulan Mac 2012 dan tarikh kelulusan pelan susun atur / perancangan oleh MPSP/MPPP serta jabatan yang berkaitan.

(b) Bilakah tarikh pelan awal untuk projek perumahan Halaman Kenanga di kemukakan dan tarikh diluluskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Dari tahun 2008 sehingga 2012, terdapat sebanyak 27 projek perumahan kos rendah dan 19 projek perumahan kos sederhana rendah yang telah diluluskan Kebenaran Merancang oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Dalam tempoh tersebut, sebanyak 4,812 unit rumah kos rendah dan 3,537 unit rumah kos sederhana rendah telah diluluskan Kebenaran Merancang melalui projek-projek tersebut. Pada tempoh tersebut sebanyak 5,604 unit rumah kos rendah dan 3,028 unit rumah kos sederhana rendah telah siap dibina.

(b) Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada MPPP, tarikh awal Pelan Merancang Projek Halaman Kenanga dikemukakan adalah pada 2 Ogos 2007 dan telah diluluskan pada 21 Februari 2008.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang difahamkan menyokong cadangan pembinaan ”Team Park” dan dimana ianya akan dibina dan kosnya serta apakah kedudukan ”Tiger Park” yang dicadangkan sebelum ini.

(b) Nyatakan apakah lagi produk pelancongan baru yang telah dan akan diwujudkan. Nyatakan tempat, bentuk projek dan nilainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Pembinaan ”Auto City Theme Park” dicadangkan dibangunkan di kawasan sungai seluas 28 ekar di sepanjang 4km persisiran Sungai Juru. Projek ini akan dibangunkan dengan kos RM 10 juta bagi tujuan mempromosikan pelancongan sukan bermotor dan rekreasi lengkap dengan kemudahan untuk menarik kedatangan pelancong. Di samping itu projek ”The Escape” di Telok Bahang dengan kos RM150 juta telah dimulakan yang melibatkan taman tema yang mesra alam. Projek dijangka menjadi daya tarik baru pelancong ke Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri tidak lagi berhasrat untuk meneruskan pembinaan ”Tiger Park” di Pulau Pinang kerana selagi pihak swasta yang menunjukkan minat sebelum ini kekurangan sumber kewangan sekarang untuk menjalankan Taman Rimau memenuhi tahap antarabangsa. Sekiranya ada syarikat yang mempunyai sumber kewangan yang mencukupi, maka cadangan ini boleh ditimbang semula.

(b) Lain-lain produk Pelancongan baru yang akan diwujudkan di Pulau Pinang adalah:-

(i) Penganjuran program berbentuk pemuliharaan warisan dengan kerjasama negara-negara dengan latar belakang dan sejarah warisan yang sama seperti United Kingdom dan Australia.

(ii) Sumbangan “George Town World Heritage Festival” sebagai acara tahunan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengatasi masalah banjir termasuk banjir kilat yang sering berlaku di Taman Siakap, Jalan Tenggiri, Permatang Rawa, Padang Lalang, Permatang Batu, Taman Chai Leng.

(b) Sila senaraikan perbelanjaan dan lokasi yang telah dibiayai projek pencegahan banjir menggunakan bajet Kerajaan Negeri sendiri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasi masalah banjir termasuk banjir kilat, antaranya:

(i) Menaik taraf sungai-sungai dan parit-parit
(ii) Membina dan menyelenggara rumah pam
(iii) Menjalankan kajian-kajian dan reka bentuk terperinci.

Masalah banjir di Jalan Tenggiri adalah disebabkan ”scupper drain” yang rosak dan tersumbat. Sehubungan dengan itu, MPSP sedang dan akan mengambil tindakan membaiki semua scupper drain yang rosak dan membersihkan ”scupper drain” yang tersumbat bagi memastikan air tidak bertakung di atas Jalan Tenggiri.

Untuk Taman Chai Leng, MPSP mempunyai perancangan untuk menaik taraf parit sedia ada bersaiz 400 mm kepada parit bersaiz 900 mm di sepanjang Lorong Kurau 1 bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan Restoran Nasi Kandar Pelita dan lorong berhampiran dengannya.

(b) Senarai projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri untuk projek pencegahan banjir adalah seperti di bawah:-

Projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui JPS di bawah projek pencegahan banjir yang melibatkan kawasan-kawasan yang dinyatakan adalah seperti berikut :-

(a) Mendalam dan menaiktaraf sungai-sungai di Seberang Jaya – RM 45,395

(b) Mendalam dan menaiktaraf sistem Sungai Permatang Rawa - RM 34,900

(c) Mendalam dan menaiktaraf parit di Seberang Jaya – RM 37,000

(d) Menaiktaraf/Mengorek parit utama kawasan Seberang Jaya/Permatang Pauh – RM 19,900

(e) Mengorek dan membuang enapan di parit kawasan Seberang Jaya/Permatang Pauh – RM 14,750.00

Senarai projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui MPSP di bawah projek pencegahan banjir adalah seperti berikut :

(a) Menaiktaraf Parit Di Jawi Garden, Sg Bakap ,SPS – RM419,000.00

(b) Menaiktaraf Parit Di Taman B, Bukit Mertajam ,SPT – RM1,000,000.00

(c) Projek Tebatan Banjir Sg. Rambai : sistem Perparitan & rumah pam Taman Desa Damai (Pakej 4)- Peparitan pakej B – RM3,626,709.61

(d) Cadangan Menaiktaraf Longkang dan Jalan Di Taman Nibong Tebal Jaya, Nibong Tebal SPS – RM1,000,000.00

(e) Cadangan Menaiktaraf Parit dan kolam takungan di Taman Remia, Bukit Mertajam.SPT - RM1,000,000.00

(f) Cadangan Menaiktaraf sistem perparitan dan infrastuktur di sekitar Taman Sempadan / Taman Transkrian, SPS – RM750,000

(g) Cadangan Menaiktaraf parit di Taman Sejahtera Alma, SPT dan lain-lain kerja yang berkaitan – RM1,250,000.00

(h) Cadangan Menaiktaraf sistem perparitan dan infrastruktur di sekitar Taman Tengling, SPS – RM450,00.00

(i) Projek tebatan banjir Sg. Rambai, sistem perparitan dan Rumah Pam Pakej 3-Taman Makok – RM2,500,000.00

(j) Cadangan Menaiktaraf Projek Tebatan banjir Rumah Pam di Taman Sentul,Taman Mangga, Sg. Rambai 3 dan Sg. Rambai 5 – RM1,968,000.00

Senarai projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui MPPP di bawah projek pencegahan banjir adalah seperti berikut :

(a) Membina dan menyiapkan pembetung kekotak di hadapan premis No 88 U hingga persimpangan Taman Green View satu, DTL – RM42,015

(b) Membina dan menyiapkan parit (pembetung kekotak) dari Lorong Ngah Aboo hingga Lebuh Carnarvon, DTL – RM46,064.00

(c) Membina dan menyiapkan parit (pembetung kekotak) di Jalan Kuala Kangsar, Jalan Sg. Ujong dan sebahagian Jalan Dr. Lim Chwee Leong, DTL – RM176,571.00

(d) Membina dan membaiki parit di Jalan Burma dari persimpangan Jalan Arratoon hingga SRJK(C) Union DTL – RM173,549.00

(e) Membina dan menyiapkan parit (pembetung kekotak) di Jalan Burma dari Lebuh Raya Pykett hingga persimpangan Jalan Arratoon, DTL – RM76,256.96

(f) Membina dan menyiapkan perangkap sampah dan bukaan pembersihan parit utama di Jalan Gurdwara dari Jalan Trang hingga Jalan C.Y. Choy (Menara Perdana), DTL – RM354,010.00

(g) Menaiktaraf sistem peparitan dan pembinaan kolam takungan di Jalan Lim Eow Thoon, DTL – RM400,000.00

(h) Menaiktaraf parit di Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim dari Hospital Lam Wah Ee hingga 129k Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim, DTL – RM150,000.00

(i) Kerja menaiktaraf parit N12 Jalan Perak, DTL - RM3,150,000.00

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membantu rumah-rumah bertingkat yang bukan milik Kerajaan Negeri untuk kerja-kerja pembaikan menaik taraf prasarana rumah bertingkat termasuk membaiki lif, tangki air, palang tangga, "Gutter dan Downpipe" dan mengetar jalan-jalan dan lain-lain.

(b) Nyatakan kos dan lokasi mengikut tahun dari tahun 2008 hingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Mengambil kira kemampuan kewangan Negeri, mulai tahun 2011, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM3,000,000.00 untuk projek mengecat semula rumah- rumah bertingkat dan menaik taraf lif. Projek mengecat hanya terhad kepada rumah-rumah milik Kerajaan Negeri sahaja. Manakala bagi menaik taraf lif, ia turut merangkumi rumah kos rendah projek swasta atas keperluan mendesak iaitu yang boleh menjejaskan keselamatan nyawa jika tidak dibaiki. Projek mengecat semula flat dan menaik taraf lif ini dibiayai atas dasar 80% Kerajaan Negeri dan sumbangan penduduk atau pihak swasta untuk baki 20%. Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM246,330.00 untuk menjalankan projek menaik taraf lif bagi rumah kos rendah projek swasta. Maklumat lengkap senarai projek yang telah dilaksanakan atas dasar pembiayaan 80:20 tersebut adalah seperti di lampiran.

PERMOHONAN YANG TELAH DILULUSKAN PERUNTUKAN 80:20 BAGI PROJEK MENGECAT SEMULA FLAT DAN MENAIK TARAF LIF

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN KERAJAAN Negeri (80%)	SUMBANGAN SWASTA/ PENDUDUK (20%)	JUMLAH
1	Kerja mengganti main sheave dan main wire rope bagi lif Blok 3 Taman Jelutong Jaya.	RM36,750.00	RM12,250.00	RM49,000.00
2	Kerja mengganti main sheave dan main rope bagi lif Blok 1 Taman Jelutong Jaya	RM35,200.00	RM8,800.00	RM44,000.00
3	Kerja-kerja pemasangan satu unit lif baru bagi projek Perumahan Taman Seri Damai, Batu Lanchang	RM122,664.00	RM30,666.00	RM153,330.00
	JUMLAH	**RM194,614.00**	**RM51,716.00**	**RM246,330.00**

Pada tahun 2011 juga Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM278,456.00 untuk membaiki kerosakan bumbung, siling dan pendawaian elektrik ke atas sebuah blok rumah pangsa 5 tingkat swasta di Taman Bukit Minyak yang rosak akibat daripada angin ribut serta hujan yang berterusan.

Bagi tahun 2012, permohonan yang telah diterima sedang dalam pertimbangan bagi projek menaik taraf lif di Flat Lebuh Maccalum di mana perbincangan akan diadakan dengan pihak PDC sebagai pemaju projek tersebut.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah kedudukan dan lokasi dan nilai projek yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri bagi terowong bawah laut Gurney Drive / Bagan Ajam, Jalan sambungan Tanjung Bunga/Teluk Bahang. Nyatakan cadangan projek lainnya jika ada di bina atau di cadang dari tahun 2008 hingga bulan Mac 2012.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Lokasi Projek Link Ketiga iaitu Terowong Dasar Laut yang menghubungkan Persiaran Gurney dengan Bagan Ajam, Daerah Seberang Perai Utara dan Projek Jalan Berkembar Dari Tanjung Bunga Ke Teluk Bahang telah dikenalpasti tetapi jajarannya belum dimuktamadkan. Penetapan jajaran bagi projek-projek ini adalah tertakluk kepada cadangan yang akan dikemukakan oleh syarikat-syarikat melalui proses ”Request For Proposal”(RFP).

Anggaran kos kasar bagi Projek Terowong Dasar Laut adalah RM2.5 billion, manakala kos kasar bagi Projek Jalan Berkembar Dari Tanjung Bunga Ke Teluk Bahang adalah RM900 juta.

Sejak bulan Mac 2008, Kerajaan Negeri telah dan sedang menyiapkan projek-projek lain seperti
berikut:-

(a) Projek jalan penghubung di Jalan Bagan 29/ Jalan Siram, Daerah Seberang Perai Utara telah siap pada 31 Julai 2010 dengan kos sebanyak RM2.375 juta;

(b) Projek pembinaan jalan dari Jalan Mak Mandin ke Jalan Bunga Tanjung 7, Daerah Seberang Perai Utara yang kini dikenali sebagai Jalan P. Patto telah siap pada 31 Ogos 2011 dengan kos sebanyak RM3.7 juta;

(c) Projek pelebaran sebahagian Jalan Ayer Itam dan menaiktaraf laluan pejalan kaki di persimpangan Jalan Ayer Itam/ Jalan Masjid Negeri/ Jalan Scotland, Daerah Timur Laut telah siap pada Januari 2012 dengan kos sebanyak RM1.24 juta;

(d) Projek menaiktaraf jalan, laluan pejalan kaki dan saliran di Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal serta sebahagian Jalan Mount Erskine dan Jalan Burma, Daerah Timur Laut sedang dijalankan dengan kos sebanyak RM3.45 juta dan dijangka siap pada bulan Julai 2012; dan

(e) Projek pelebaran jalan dan menaiktaraf jambatan di Jalan Song Ban Kheng, Daerah Seberang Perai Tengah sedang dijalankan dengan kos sebanyak RM20.415 juta dan dijangka siap pada 14 Februari 2014.

Bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2012 adalah:

(a) Projek menggantikan pembentung sedia ada kepada jambatan konkrit di Jalan Tanah Liat, Daerah Seberang Perai Tengah dengan kos RM1 juta;

(b) Projek pelebaran jambatan dan menaiktaraf jalan dari satu lorong ke dua lorong dari Jalan Perusahaan hingga ke persimpangan lampu isyarat Jalan Tok Kangar, Daerah Seberang Perai Tengah dengan kos RM800,000.00;

(c) Projek membina jalan di SRJK (C) Hun Bin, Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut dengan kos RM500,000.00;

(d) Projek pelebaran jalan dari persimpangan Jalan Tun Sardon ke Jalan Paya Terubong, Daerah Barat Daya dengan kos RM200,000.00;

(e) Projek menaiktaraf sebahagian Jalan Masjid Negeri di antara Jalan Delima dan Bulatan Udini, serta pembina pusingan 'U', Daerah Timur Laut dengan kos sebanyak RM7.3 juta;

(f) Projek menaiktaraf sebahagian Jalan Masjid Negeri di antara persimpangan Jalan Masjid Negeri/ Jalan Ayer Itam /Jalan Scotland sehingga persimpangan Jalan Masjid Negeri/ Jalan Free School, Daerah Timur Laut dengan kos sebanyak RM3 juta;

(g) Projek menaiktaraf jalan dan laluan pejalan kaki di sebahagian Lorong Batu Lancang dan persimpangan Lorong Batu Lancang/ Jalan Masjid Negeri/ Jalan Hamilton, Daerah Timur Laut dengan kos sebanyak RM4.5 juta;

(h) Projek pembinaan jejambat untuk pembelokan ke kanan dari Jalan Scotland ke Jalan Batu Gantung, Daerah Timur Laut dengan kos sebanyak RM12 juta;

Kerajaan Negeri juga sedang mempertimbangkan pelaksanaan cadangan projek-projek mega seperti berikut:-

(a) Cadangan projek pembinaan jalan pintas (by-pass) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam, Daerah Timur Laut dengan kos sebanyak RM1.2 billion; dan

(b) Cadangan projek pembinaan jalan pintas (by-pass) dari Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, Daerah Timur Laut dengan kos sebanyak RM1.2 billion.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Apakah kedudukan projek Gurney Drive/Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu bypass dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di Bandar Air Itam bypass dan projek-projek bypass lainnya yang telah dibina atau di rancang dari tahun 2008 hingga bulan Mac 2012 dan seterusnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Kerajaan Negeri telah pun mencadangkan pelaksanaan projek kerja-kerja pembinaan jalan-jalan utama dan Terowong Di Pulau Pinang yang antaranya melibatkan pembinaan jalan pintas (by-pass) dari Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam.

(b) Setakat ini, cadangan projek ini adalah di peringkat proses pra-kelayakan di mana tawaran secara terbuka telah dibuat pada 15 November 2011 hingga 14 Januari 2012. Sebanyak 11 buah syarikat mega telah menyertainya. Proses pra-kelayakan dilaksanakan bagi tujuan membuat tapisan dan memastikan hanya syarikat-syarikat yang memiliki keupayaan dalam aspek teknikal dan kewangan sahaja yang layak menyertai Request For Proposal (RFP) yang akan ditawarkan kelak. Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang dalam proses membuat penilaian ke atas keupayaan syarikat-syarikat tersebut.

(c) Projek-projek mega ini merupakan inisiatif pertama Kerajaan Negeri sejak mengambil alih tampuk pemerintahan Negeri Pulau Pinang berikutan keadaan kesesakan lalu lintas yang kian meruncing di Bandar George Town. Ia juga sebagai alternatif kepada Projek Penang Outer Ring Road (PORR) dan monorail yang belum dimuktamadkan pelaksanaan oleh Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Nyatakan jumlah permohonan rumah kos rendah dan sederhana rendah yang telah dikemaskinikan sehingga bulan Mac 2012 dan nyatakan jumlah permohonan yang sama bagi tempuh sebelum data kemaskini permohonan ini dilakukan dan nyatakan juga stok rumah-rumah seperti ini yang masih ada mengikut lokasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Bahagian Perumahan telah mengadakan aktiviti pengemaskinian maklumat peribadi di dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) mulai 15 Disember 2011 sehingga 31 Mac 2012. Golongan sasar bagi aktiviti pengemaskinian ini adalah pemohon yang telah memohon sebelum tahun 2008 tetapi tidak membuat sebarang pengemaskinian.

Bermula 15 Disember 2011 sehingga 31 Mac 2012, sebanyak 904 pemohon telah mengemaskini maklumat peribadi. Walau bagaimanapun, data menunjukkan bagi tempoh 3 bulan sebelum aktiviti pengemaskinian maklumat peribadi di dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) iaitu bermula 1 September 2011 hingga 14 Disember 2011 sebanyak 2,831pemohon telah mengemaskini maklumat peribadi.

(b) Senarai rumah kos rendah dan kos sederhana rendah dalam proses tawaran (data bagi projek perumahan yang telah dan belum mendapat OC) adalah seperti di Lampiran.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Senaraikan jumlah penerima dan nilai wang diberikan mengikut DUN bagi penghargaan penerima warga emas dan waris kematian, pelajar ke IPTA/IPTS dan Anak Emas setiap tahun dari tahun 2008 hingga bulan Mac 2012 dan data untuk warga miskin, miskin tegar untuk setiap tahun dari tahun 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Program Penghargaan Warga Emas telah diperkenalkan pada tahun 2008 dan Program Anak Emas pula telah mula dilaksanakan pada tahun 2012. Wang yang diberikan untuk Program Penghargaan Warga Emas ialah sebanyak RM100 setahun, waris kematian ialah sebanyak RM1000 dibayar sekali sahaja. Program Anak Emas sebanyak RM200 dibayar sekali sahaja dan Bantuan Pelajar ke IPTA/IPTS adalah sebanyak RM500 (tahun 2008-2010) dan RM1000 (mulai tahun 2011 dan 2012). Jumlah penerima sumbangan mengikut program adalah seperti berikut:

Program Penghargaan Warga Emas	13,5874 orang
Waris kematian	6,033 orang
Program Anak Emas	5,861 orang
Pelajar IPTA/IPTS	4,788 orang
Penerima bantuan am JKM termasuk warga miskin	14,189 kes
Miskin tegar	744 keluarga

Senarai jumlah penerima sumbangan dan perbelanjaan disertakan di jadual dan lampiran berikut:-

-	Program Penghargaan Warga Emas	- Jadual A
–	Waris Kematian	- Jadual A
–	Anak Emas	- Jadual B
–	Miskin Tegar	- Lampiran A
–	Penerima bantuan am JKM termasuk warga miskin	- Lampiran B
-	(Berdasarkan rekod JKM) dan Pelajar ke IPTA/IPTS (Berdasarkan rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan).	- Lampiran C

JADUAL A

WARGA EMAS DAN WARIS SI MATI

BIL	KADUN	JUMLAH WARGA EMAS	JUMLAH WARIS (KEMATIAN)
1	PENAGA	2,747	150
2	BERTAM	2,321	101
3	PINANG TUNGGAL	2,758	127
4	PERMATANG BERANGAN	2,696	167
5	SUNGAI DUA	2,780	162
6	Telok Ayer Tawar	2,046	85
7	SUNGAI PUYU	3,658	159

BIL	KADUN	JUMLAH WARGA EMAS	JUMLAH WARIS (KEMATIAN)
8	BAGAN JERMAL	4,147	200
9	BAGAN DALAM	3,314	186
10	SEBERANG JAYA	2,881	102
11	PERMATANG PASIR	3,303	169
12	PENANTI	2,581	129
13	BERAPIT	4,080	159
14	MACHANG BUBUK	3,768	160
15	PADANG LALANG	4,139	128
16	PERAI	2,336	79
17	BUKIT TENGAH	2,401	92
18	BUKIT TAMBUN	3,071	148
19	JAWI	3,559	184
20	SUNGAI BAKAP	2,090	104
21	SUNGAI ACEH	1,926	107
22	TANJONG BUNGAH	3,557	117
23	AIR PUTIH	2,967	124
24	KEBUN BUNGA	4,768	198
25	PULAU TIKUS	4,074	125
26	PADANG KOTA	4,036	190
27	PENGKALAN KOTA	4,964	265
28	KOMTAR	4,336	209
29	DATO' KERAMAT	3,994	196
30	SUNGAI PINANG	4,059	198
31	BATU LANCHANG	5,321	221
32	SERI DELIMA	4,870	175
33	AIR ITAM	4,061	184
34	PAYA TERUBONG	5,686	231
35	BATU UBAN	4,106	151
36	PANTAI JEREJAK	2,601	76
37	BATU MAUNG	2,918	127
38	BAYAN LEPAS	2,446	109
39	PULAU BETONG	2,435	114
40	TELOK BAHANG	2,073	125
JUMLAH		**135,874**	**6,033**

JADUAL B

PROGRAM PENGHARGAAN ANAK EMAS

BIL	KADUN	JUMLAH ANAK EMAS
SEBERANG PERAI UTARA		
1	PENAGA	158
2	BERTAM	115
3	PINANG TUNGGAL	159
4	PERMATANG BERANGAN	202
5	SUNGAI DUA	142
6	Telok Ayer Tawar	91
7	SUNGAI PUYU	225
8	BAGAN JERMAL	168
9	BAGAN DALAM	111
	JUMLAH	**1371**

SEBERANG PERAI TENGAH		
1	SEBERANG JAYA	152
2	PERMATANG PASIR	202
3	PENANTI	180
4	BERAPIT	125
5	MACHANG BUBUK	219
6	PADANG LALANG	146
7	PERAI	100
8	BUKIT TENGAH	122
JUMLAH		**1246**
SEBERANG PERAI SELATAN		
1	BUKIT TAMBUN	180
2	JAWI	150
3	SUNGAI BAKAP	160
4	SUNGAI ACEH	125
JUMLAH		**615**

DAERAH TIMUR LAUT		
1	TANJONG BUNGAH	63
2	AIR PUTIH	100
3	KEBUN BUNGA	89
4	PULAU TIKUS	68
5	PADANG KOTA	73
6	PENGKALAN KOTA	112
7	KOMTAR	61
8	DATO' KERAMAT	144
9	SUNGAI PINANG	153
10	BATU LANCHANG	159
11	SERI DELIMA	157
12	AIR ITAM	145
13	PAYA TERUBONG	264
14	BATU UBAN	158
JUMLAH		**1,746**

DAERAH BARAT DAYA		
1	PANTAI JEREJAK	162
2	BATU MAUNG	268
3	BAYAN LEPAS	151
4	PULAU BETONG	142
5	TELOK BAHANG	160
JUMLAH		**883**
JUMLAH KESELURUHAN ANAK EMAS		**5,861 ORANG**

LAMPIRAN C

Pembasmian Kemiskinan Tegar

Kemiskinan Pulau Pinang Bagi Tahun 2009

DAERAH	MISKIN TEGAR											
	JAN	**FEB**	**MAC**	**APRIL**	**MEI**	**JUN**	**JULAI**	**OGOS**	**SEPT**	**OKT**	**NOV**	**DIS**
SPU	300	300	300	299	348	346	347	348	342	341	341	344
SPT	166	166	166	166	188	186	193	191	193	193	199	199
SPS	49	49	49	49	53	53	53	53	61	61	63	63
DTL	36	36	34	34	35	35	35	35	38	40	40	38
DBD	121	121	121	121	113	113	113	113	121	121	125	126
JUMLAH	672	672	670	669	737	733	741	740	755	756	768	770
JUMLAH BANTUAN (RM)	**182,645**	**182,645**	**182,245**	**182,045**	**194,215**	**193,235**	**197,147**	**195,145**	**198,535**	**198,605**	**202,255**	**202,170**

JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2009 = RM1,881,770

Kemiskinan Pulau Pinang Bagi Tahun 2010

DAERAH	MISKIN TEGAR											
	JAN	**FEB**	**MAC**	**APRIL**	**MEI**	**JUN**	**JULAI**	**OGOS**	**SEPT**	**OKT**	**NOV**	**DIS**
SPU	300	300	300	299	348	346	347	348	342	341	341	344
SPT	166	166	166	166	188	186	193	191	193	193	199	199
SPS	49	49	49	49	53	53	53	53	61	61	63	63
DTL	36	36	34	34	35	35	35	35	38	40	40	38
DBD	121	121	121	121	113	113	113	113	121	121	125	126
JUMLAH	672	672	670	669	737	733	741	740	755	756	768	770
JUMLAH BANTUAN (RM)	**182,645**	**182,645**	**182,245**	**182,045**	**194,215**	**193,235**	**197,147**	**195,145**	**198,535**	**198,605**	**202,255**	**202170**

JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2010 = RM2,310,887

LAMPIRAN D

Kemiskinan Pulau Pinang Bagi Tahun 2011

DAERAH	MISKIN TEGAR											
	JAN	**FEB**	**MAC**	**APRIL**	**MEI**	**JUN**	**JULAI**	**OGOS**	**SEPT**	**OKT**	**NOV**	**DIS**
SPU	343	342	342	323	323	323	323	323	272	272	272	295
SPT	201	187	185	187	186	188	186	186	185	186	188	187
SPS	63	64	64	65	66	66	66	66	66	66	66	66
DTL	38	38	38	40	41	41	42	43	43	43	44	47
DBD	125	128	127	126	126	125	125	125	124	124	126	126
JUMLAH	770	759	756	741	742	743	742	743	690	691	696	721
JUMLAH BANTUAN (RM)	202,435	199,165	198,365	192,670	192,670	188,620	188,135	188,465	175,685	176,385	**176,925**	**182,515**

JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2010 = RM2,262,035

Kemiskinan Pulau Pinang Bagi Tahun 2012

DAERAH	MISKIN TEGAR											
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
SPU	295	312	318									
SPT	187	187	187									
SPS	66	66	66									
DTL	47	47	47									
DBD	126	126	126									
JUMLAH	721	738	744									
JUMLAH BANTUAN (RM)	182,515	185,660	186,500									

JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2012 = RM554,675

JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2009 – 2012

TAHUN	JUMLAH (RM)
2009	1,881,770
2010	2,310,887
2011	2,262,035
2012	554,675
JUMLAH	**7,009,367**

LAMPIRAN E

BANTUAN PELAJAR KE IPTA

TAHUN	DAERAH	BIL. PELAJAR	JUMLAH BANTUAN (RM)
2008	DAERAH TIMUR LAUT	200	100,000.00
	DAERAH BARAT DAYA	197	98,500.00
	DAERAH SPU	200	100,000.00
	DAERAH SPT	200	100,000.00
	DAERAH SPS	200	100,000.00
JUMLAH		**997**	
2009	DAERAH TIMUR LAUT	200	
	DAERAH BARAT DAYA	159	
	DAERAH SPU	190	
	DAERAH SPT	200	
	DAERAH SPS	200	
JUMLAH		**949**	
2010	DAERAH TIMUR LAUT	200	
	DAERAH BARAT DAYA	115	
	DAERAH SPU	200	
	DAERAH SPT	200	
	DAERAH SPS	158	
JUMLAH		**873**	
2011	DAERAH TIMUR LAUT	539	
	DAERAH BARAT DAYA	220	
	DAERAH SPU	442	
	DAERAH SPT	550	
	DAERAH SPS	218	
JUMLAH		**1,969**	

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Berapa banyakkah pokok-pokok yang telah ditanam oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga bulan Mac 2012 di tepi-tepi jalan seluruh Negeri Pulau Pinang dan berapakah bajet lanskap Negeri ini tiap tahun untuk tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012 dan perbelajaan termasuk tajuk dan nilai perbelanjaan setiap tahun sehingga bulan Mac 2012.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Penanaman pokok di Negeri ini dilaksanakan di tempat-tempat yang bersesuaian seperti di tepi- tepi jalan utama/ jalan protokol, kawasan pantai, pusat-pusat komuniti, kawasan sekolah, kilang dan sebagainya. Jumlah pokok yang ditanam sejak tahun 2008 sehingga tahun 2012 adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Pokok
2008	54,126
2009	54,189
2010	54,832
2011	47,074
2012	Dalam perancangan

Jumlah yang dicapai ini adalah melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan Landskap Negara bagi Negeri Pulau Pinang setiaptahun iaitu sebanyak 49,920 pokok kecuali pada tahun lepas yang mencatat sebanyak 47,074 pokok sahaja.

Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM20,000.00 setiap tahun kepada Jawatankuasa Landskap Negeri khusus untuk menganjurkan Hari Landskap Peringkat Negeri Pulau Pinang bersempena dengan sambutan Hari Landskap Negara. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2009 hingga kini untuk melaksanakan projek-projek landskap di Negeri ini.

Kerja-kerja perancangan, pembangunan dan penyelenggaraan projek-projek landskap dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi kawasan masing-masing. Jawatankuasa Landskap memberi tumpuan ke arah menggalak agensi-agensi kerajaan dan juga ahli-ahli masyarakat memperbanyakkan penanaman pokok di Negeri ini.

Perbelanjaan tanam pokok dan kerja lanskap Negeri untuk setiap tahun adalah seperti di bawah:

Tahun	Tahun Perbelanjaan (RM)
2008	706,334
2009	695,286
2010	321,888
2011	217,445
2012	84,450

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Berapakah premis-premis awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuk yang telah diambil alih dari semasa pemerintahan Kerajaan Negeri Barisan Nasional merangkumi stadium, mini stadium, dewan orang ramai, perpustakaan awam dan desa, tapak penjaja, pasar awam dan lain-lain. Nyatakan perbelanjaan setiap tahun dan kekerapan kegunaannya dan penyelenggaraannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26 MPSP mempunyai tiga (3) buah kompleks sukan dan 163 dewan orang ramai di Seberang Perai. Kos penyelenggaraan dan pembaikan untuk kompleks sukan dan dewan adalah seperti berikut :

TAHUN	KOS (RM)
2009	5,100.26
2010	139,534.66
2011	152,855.63
2012 (sehingga 31.3.2012)	8,812.80

Bilangan premis awam pula adalah seperti berikut :

(i) Kompleks Penjaja - 60 buah

(ii) Pasar Awam - 28 buah

Kos perbelanjaan penyelenggaraan bagi pembersihan kompleks penjaja dan pasar awam pada tahun 2011 adalah sebanyak RM1,597,797.78.

Kekerapan penggunaan kompleks sukan adalah seperti berikut:-

Kompleks Sukan & Dewan	Bilangan penggunaan ikut tahun			
	2012	2011	2010	2009
Kompleks Sukan dan Reakreasi SONY	652	1,413	1,372	1,150
Kompleks Sukan MPSP Bertam	1,662	3,469	4,762	4,390
Kompleks Sukan dan Rekreasi	92	683	682	640

Senarai kemudahan dan kos perbelanjaan setiap tahun dan kekerapan kegunaannya dan penyelenggaraan kemudahan stadium, mini stadium, dewan orang ramai, perpustakaan awam dan desa, tapak penjaja, pasar awam dan lain-lain bagi setiap daerah DTL, DBD, SPU, SPT, SPS adalah seperti di jadual A di bawah:-

Jadual A

(1) Pejabat Daerah dan Tanah, DTL

Sehingga Mac 2012, sebanyak 25 buah dewan dan 33 buah gerai yang terletak di atas tanah kerajaan berada di bawah pengawasan Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut. Daripada 25 dewan berkenaan, sebanyak 13 dewan telah diberikan hak pengurusan kepada JKKK, manakala 12 dewan lagi adalah di bawah pengurusan persatuan.

Dari segi pengurusan gerai, kebanyakan gerai telah disewakan kepada peniaga tempatan pada kadar sewa yang ditetapkan. Bagi penyelenggaran dewan dan gerai berkenaan, PDTTL tidak mempunyai sebarang peruntukan khas. Sehubungan dengan itu, peruntukan bagi maksud tersebut akan dipohon daripada Jabatan Kewangan Negeri mengikut keperluan.

(2) Pejabat Daerah dan Tanah, DBD

Dewan-dewan di Daerah Barat Daya adalah terdiri daripada dewan JKKK, dewan qaryah, dewan Persatuan Penduduk, dewan orang ramai dan dewan belia. Dewan-dewan ini terletak di atas tanah Kerajaan Negeri, tanah Kerajaan Persekutuan, tanah wakaf, tanah persendirian / individu. Secara keseluruhannya terdapat sebanyak 53 buah dewan di Daerah Barat Daya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 30 buah dewan terletak di atas tanah Kerajaan Negeri, 5 buah dewan terletak di atas tanah Kerajaan Persekutuan, 5 buah dewan terletak di atas tanah wakaf dan 13 buah dewan lagi terletak di atas tanah persendirian / individu. Ringkasan dewan-dewan di Daerah Barat Daya adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Dewan	Tanah Kerajaan Negeri	Tanah Kerajaan Persekutuan	Tanah Wakaf	Tanah Persendirian
1	Dewan JKKK	17	4	3	10
2	Dewan-dewan lain seperti :- * Dewan Qaryah * Dewan Orang Ramai * Dewan Persatuan Penduduk * Dewan Belia	13	1	2	3
Jumlah		30	5	5	13
Jumlah dewan di Daerah Barat Daya		53			

Sehingga kini, dewan-dewan JKKK yang terletak di atas tanah Kerajaan Negeri telah diambil alih oleh Pejabat Daerah & Tanah dan diserahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) untuk diurus tadbir. Manakala dewan-dewan lain dan yang terletak sama ada di atas tanah Kerajaan Persekutuan, wakaf atau persendirian, ianya diurus dan dijaga oleh JKKK Persekutuan, pihak qaryah, persatuan penduduk dan persatuan belia. Walau bagaimanapun, kebanyakan dewan-dewan ini digunakan secara gunasama oleh semua masyarakat di kawasan berkenaan. Manakala bagi premis gerai di Daerah Barat Daya adalah terbahagi kepada:-

- Dibawah Seliaan Pejabat Daerah sebanyak - 42 gerai
- Dibawah Seliaan JKKK - 64 gerai
- Dibawah MARA - 7 gerai
- Dibawah J/Kuasa Masjid Daerah - 3 gerai

Sementara peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan Negeri bagi tujuan penyelenggaraan dewan dan gerai di Daerah Barat Daya dari Tahun 2008 sehingga 2011 adalah seperti berikut :

BIL	PENYELENGGARAAN	TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	DEWAN	2008	-	-	**279,000.00**
2		2009	103,000.00	19	
3		2010	106,000.00	11	
4		2011	70,000.00	6	
5	GERAI	2008	75,000.00	4	**369,699.10**
6		2009	-	-	
7		2010	35,000.00	9	
8		2011	259,699.10	10	
JUMLAH KESELURUHAN				**59**	**648,699.10**

Projek-Projek Penyelenggaraan Dewan dan Gerai di bawah peruntukan Kerajaan Negeri yang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya dari tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di bawah:-

PENYELENGGARAAN DEWAN
TAHUN : 2008

Tiada peruntukan dan permohonan.

TAHUN : 2009

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	P16 (02) PERUNTUKAN YB	**KADUN : PANTAI JERJAK**	
		Kerja-Kerja Peyelenggaraan, Pendawaian Dan Pemasangan Bekalan Elektrik Di Dewan Jkkk Sungai Nibong Besar	3,000.00
JUMLAH P16 (02)			**3,000.00**
2	PENYELENGGARAAN DEWAN	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dewan Rumah Murah Lama Permatang Damar Laut	5,000.00
3		Kerja-Kerja Menaiktaraf Dewan Rumah Murah Baru Permatang Damar Laut	8,000.00
4		Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Sg.Nipah	10,475.00
5		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Sungai Pinang	3,000.00
6		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Kuala Sungai Pinang	3,000.00
7		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Pantai Acheh	3,000.00

8		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Orang Ramai Kuala Jalan Bharu	10,000.00
9		Kerja-Kerja Baikpulih Balairaya Titi Teras	3,000.00
10		Kerja-Kerja Baikpulih Balairaya Kongsi	4,000.00
11		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Belia Kongsi	4,300.00
12		Kerja-Kerja Baikpulih Balairaya Pulau Betong	3,000.00
13		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Sungai Burong	4,000.00
14		Kerja-Kerja Baikpulih Balairaya Sungai Burong	4,225.00
15		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Simpang Empat	5,000.00
16		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Balora Mastika	7,000.00
17		Kerja-Kerja Menaiktaraf Dewan Jkkk Sg. Nibong Besar	10,000.00
18		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Bayan Lepas	6,000.00
19		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Bukit Gemuruh	7,000.00
JUMLAH PENYELENGGARAAN DEWAN			**100,000.00**
JUMLAH KESELURUHAN			**103,000.00**

TAHUN : 2010

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	P16 (02) PERUNTUKAN YB	**KADUN : BAYAN LEPAS**	
		Menjalankan Kerja-Kerja Memasang Grille Di Dewan Jkkk Bukit Gemuruh	6,000.00
JUMLAH P16 (02)			**6,000.00**
2	PENYELENGGARAAN DEWAN	Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Rumah Murah Lama, Permatang Damar Laut	18,000.00
3		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Jkkk Sg.Tiram	18,000.00
4		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Jkkk Sg. Nibong Besar	3,000.00
5		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Jkkk Kg.Jawa	10,000.00
6		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Mutiara/Dewan Jkkk Sg.Pinang	8,000.00
7		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Jkkk Kuala Sg. Pinang	8,000.00
8		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Balairaya Sg Burong (DEWAN Jkkk)	3,000.00
9		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Balora Mastika	13,000.00
10		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Jkkk Bukit Gemuruh	6,000.00
11		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Jkkk Gertak Sanggol	13,000.00
JUMLAH PENYELENGGARAAN DEWAN			**100,000.00**
JUMLAH KESELURUHAN			**106,000.00**

TAHUN : 2011

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	P16 (02) PERUNTUKAN YB	**KADUN : TELOK BAHANG**	
		Kerja-Kerja Naiktaraf Di Dewan Jkkk Kuala Sg.Pinang Dan Tmn Nelayan Kuala Sg.Pinang Termasuk Kerja -KERJA Berkaitan	6,000.00
2		**KADUN : PULAU BETONG**	
		Menaiktaraf Pagar Dewan Jkkk Simpang Empat, Balik Pulau	10,000.00
JUMLAH P16 (02)			**16,000.00**
3	PENYELENGGARAAN DEWAN	Menyelenggara Dewan Jkkk Taman Nelayan Kuala Sungai Pinang	9,000.00
4		Menyelenggara Dewan Jkkk Gertak Sanggol	15,000.00
5		Menyelenggara Dewan Sri Tengah (JKKK Jalan Tengah Utara)	15,000.00
6		Menyelenggara Dewan Jkkk Desa Mayang, Bukit Gedong	15,000.00
JUMLAH PENYELENGGARAAN DEWAN			**54,000.00**
JUMLAH KESELURUHAN			**70,000.00**

PENYELENGGARAAN GERAI
TAHUN : 2008

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	PENYELENGGARAAN GERAI	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyelenggara Gerai Di Tropical Garden,Teluk Bahang.	15,000.00
2		Membaiki Gerai Di Anjung Indah,Jalan Tun Sardon, Balik Pulau.	20,000.00
3		Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyelenggara Gerai Di Kawasan Makan Sg Burong	20,000.00
4		Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyelenggara Gerai Di Medan Selera Titi Teras	20,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			**75,000.00**

TAHUN : 2009

Tiada peruntukan dan permohonan

TAHUN : 2010

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	P16 (02) PERUNTUKAN YB	**KADUN : PULAU BETONG**	
		Kerja-Kerja Naiktaraf Kemudahan Gerai Pondok Nelayan Kuala Sg.Burung	5,000.00
JUMLAH P16 (02)			**5,000.00**

2	PENYELENGGARAAN GERAI	Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Permatang Damar Laut	10,900.00
3		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Telok Tempoyak	1,300.00
4		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Sg. Rusa	9,300.00
5		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Taman Rimba Telok Bahang	2,200.00
6		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Basah Di Simpang Empat, Balik Pulau	2,800.00
7		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Kuala Pulau Betong	1,500.00
8		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Masjid Daerah Barat Daya	1,000.00
9		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Padang Kongsi, Balik Pulau	1,000.00
JUMLAH PENYELENGGARAAN GERAI			**30,000.00**
JUMLAH KESELURUHAN			**35,000.00**

TAHUN : 2011

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	PENYELENGGARAAN GERAI	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Lintang Pondok Upeh	33,299.10
2		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Kongsi, Balik Pulau	8,400.00
3		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Di Kuala Sungai Pinang	13,000.00
4		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Di Titi Teras	11,000.00
5		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Tropical Spice Garden, Teluk Bahang	85,000.00
6		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Jualan Basah Simpang Empat,Balik Pulau	53,000.00
7	PENYELENGGARAAN GERAI	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Di Sungai Rusa, Telok Bahang	5,000.00
8		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Airport Corner, Bayan Lepas	11,000.00
9		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Telok Tempoyak, Batu Maung	20,000.00
10		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Di Sungai Pinang, Telok Bahang	20,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			**259,699.10**

Pejabat Daerah dan Tanah, SPU

Pentadbiran Daerah SPU hanya mengambil alih Pengurusan dewan-dewan sahaja iaitu terdiri daripada Dewan Orang Ramai, Dewan Banjir dan Dewan JKKK, tiada peruntukan khusus yang ditetapkan. Setiap tahun untuk penyelenggaraan dewan. Sebarang keperluan untuk pembaikan pentadbiran ini akan mengemukakan

permohonan kepada Jabatan Kewangan Negeri. Kegunaan dewan tersebut adalah berdasarkan permintaan penduduk setempat atau atas keperluan pihak yang menguruskan dewan tersebut. Statistik Dewan orang ramai seperti di bawah.

JUMLAH DEWAN-DEWAN ORANG RAMAI
DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

BIL	KADUN	JUM LAH DEWAN ATAS TANAH KERAJAAN NEGERI
1	PENAGA	**14**
2	BERTAM	**8**
3	PINANG TUNGGAL	**10**
4	PERMATANG BERANGAN	**22**
5	SUNGAI DUA	**8**
6	TELOK AYER TAWAR	**9**
7	SUNGAI PUYU	**3**
8	BAGAN JERMAL	**1**
9	BAGAN DALAM	**4**
	JUMLAH	**79**

Pejabat Daerah dan Tanah, SPT

Premis-premis awam Kerajaan Negeri yang diselenggarakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah SPT hanya melibatkan dewan orang ramai/JKKK dan gerai yang terletak di atas tanah kerajaan Negeri sahaja. Perincian kos penyelenggaraan dewan orang ramai/JKKK dan gerai tersebut adalah seperti jadual di lampiran**.**

Pejabat Daerah dan Tanah, SPS

Senarai Dewan Masyarakat/Dewan Serbaguna/Balairaya Di Atas Tanah Kerajaan Negeri Yang Diambil Alih Bagi Daerah Seberang Perai Selatan serta kos penyelenggaraan seperti berikut :-

BIL	NAMA DEWAN MASYARAKAT / DEWAN SERBAGUNA / BALAIRAYA	KADUN
1	Dewan Serbaguna JKKK Simpang Tiga	Sungai Acheh
2	Dewan Belia Sg. Udang	
3	Dewan Serbaguna Sg. Chenaam	
4	Dewan Masyarakat Jalan Baru	
5	Dewan Serbaguna JKKK Seri Ampangan	
6	Balairaya Permatang Keling	
7	Dewan Belia Permatang Keling	
8	Dewan Masyarakat & Al-Quran Batu 2	

9	Dewan Aktiviti Wanita Batu 2	
10	Dewan Serbaguna Kg Haji Omar	
11	Dewan Aktiviti Wanita Kg. Hj. Omar	
12	Dewan Serbaguna JKKK Sg. Kechil	Sungai Bakap
13	Dewan Serbaguna JKKK Tasek	
14	Dewan Gerak Mesra JKKK Kg. Besar	
15	Dewan Org. Ramai Permatang Ara	
16	Dewan Seribu Satu, Sungai Bakap	
17	Balairaya JKKK Nibong Tebal	Jawi
18	Dewan Warga Emas Perkampungan Jawi	
19	Dewan Serbaguna JKKK Changkat	
20	Dewan Serbaguna Jalan Bkt. Panchor	
21	Dewan Belia Kg Tanah Baru	
22	Dewan Masyarakat Kg Kebun Baru	
23	Dewan Serbaguna JKKK Batu Kawan	Bukit Tambun
24	Dewan Serbaguna JKKK Pulau Aman	
25	Dewan Mesyuarat JKKK Pulau Aman (Terapung)	
26	Pusat Kegiatan Masyarakat Valdor	
27	Dewan Serbaguna JKKK Valdor	
28	Dewan Serbaguna JKKK Simpang Ampat	

PERBELANJAAN SETIAP TAHUN :-

Tiada

KEKERAPAN KEGUNAANNYA :-

Digunakan untuk mesyuarat bulanan JKKK/NGO's dan perjumpaan serta program masyarakat setempat

PENYELENGGARAAN :-

Peruntukan penyelenggaraan yang diterima seperti berikut :

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENYELENGGARAAN DEWAN
2008	-	-
2009	RM77,000.00	6
2010	RM104,850.00	13
2011	RM66,524.00	10
JUMLAH	**RM248,374.00**	**29**

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Apakah skim-skim bantuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang selain dari skim Warga Emas, Skim Anak Emas, Skim Pelajar Emas dan lain-lain. Namakan skim tersebut dan peruntukan bagi setiap skim serta pembayaran yang telah dibuat pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011 hingga bulan Mac 2012, syarat nyata, syarat sampingan yang dikenakan bagi setiap skim ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan beberapa skim-skim bantuan dari tahun ke tahun bagi menjaga kebajikan rakyat. Antara skim-skim bantuan tersebut ialah Pembasmian Miskin Tegar yang diperkenalkan pada tahun 2008 dan dilaksanakan pada tahun 2009. Bantuan 'One-Off' IPTA, Bantuan Ibu Tunggal dan OKU yang diperkenalkan tahun 2010 dan dilaksanakan tahun 2011. Jenis-jenis skim bantuan dan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam menjayakan program bantuan tersebut adalah seperti di jadual A. Syarat-syarat bagi setiap skim bantuan tersebut ialah:

(i) Pembasmian miskin tegar - Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar yang dikenal pasti untuk menerima bantuan kewangan bulanan (top up) oleh Kerajaan Negeri ialah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) RM500 sekeluarga iaitu mengikut pengiraan kadar; 1-2 orang ahli keluarga berpendapatan kurang RM300 sekeluarga, 3-5 orang berpendapatan kurang RM500 sekeluarga dan 6 orang ke atas berdasarkan pendapatan perkapita RM100. Had PGK telah dinaikkan daripada RM 500.00 sebulan kepada RM600.00 sebulan.

(ii) Bantuan Ibu Tunggal - Pemohon hendaklah bermastautin di Pulau Pinang dan berumur di bawah 60 tahun, tidak berkahwin semula dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak dan berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) sebagai pengundi di Pulau Pinang.

(iii) Bantuan OKU - Pemohon hendaklah bermastautin di Pulau Pinang dan berumur di bawah 60 tahun, berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang dan berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) sebagai pengundi di Pulau Pinang.

(iv) Bantuan 'One Off' IPTA - Semua pelajar IPTA daripada keluarga yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM4,000.00 sebulan akan perolehi sekurang-kurangnya RM1,000.00 'one-off'.

Jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi program-program kebajikan adalah seperti berikut :

Program	Tahun (RM)				
	2008	**2009**	**2010**	**2011**	**2012 (Mac)**
Pembasmian Kemiskinan Tegar (*top up*)	-	-	1,450,000	1,800,000	-
Bantuan Ibu Tunggal	-	-	-	462,800	674000
OKU	-	-	-	538,900	-

Program Pembasmian Kemiskinan Tegar ialah bantuan kewangan yang diberi untuk mencukupkan pendapatan bulanan Ketua Isi Rumah (KIR) kepada RM500 sebulan. Peruntukan bagi tahun 2012 belum dikeluarkan lagi memandangkan akaun amanah ini masih mempunyai lebihan peruntukan yang dibawa dari tahun lalu. Pada tahun 2011, sejumlah RM2,933,807.59 telah dibelanjakan dan pada tahun semasa ini sehingga Mac 2012, sejumlah RM554,675.00 telah pun dibelanjakan untuk mencukupkan pendapatan bulanan KIR.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Senaraikan peruntukan tahunan secara terperinci mengikut tajuk-tajuk dan nilai serta perbelanjaan yang telah disediakan kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1 dan 2, Exco, Adun-Adun Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan penyelaras DUN-DUN bagi tahun 2008, 2009, 2010, 2011 hingga bulan Mac 2012 dan peruntukan tambahan yang Kerajaan Negeri Pulau Pinang cadang diberikan untuk perbelanjaan selepas bulan Mac 2012.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Peruntukan yang disediakan kepada Y.A.B Ketua Menteri, Y.B. Timbalan Ketua Menteri I dan II, Y.B. Ahli MMK, Y.B. ADUN dan penyelaras KADUN untuk pembiayaan projek-projek kemasyarakatan adalah daripada peruntukan Jabatan Kewangan Negeri. Peruntukan tahunan yang diluluskan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Peruntukan (RM)
2008	6,060,000.00
2009	7,160,000.00
2010	11,720,000.00
2011	11,720,000.00
2012	11,720,000.00

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Berapakah perbelanjaan dan kutipan MPSP/MPPP dari bulan Januari hingga bulan Mac 2012 dan apakah langkah-langkah baru yang diambil untuk menambahkan pendapatannya.

(b) Nyatakan berapakah pembayaran sehingga kini mengikut kawasan DUN bagi program RM1.00 seekor tikus yang diserahkan dan berapa banyak perangkap tikus percuma telah diberikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Perbelanjaan dan kutipan MPSP dari Januari sehingga Mac 2012 adalah seperti berikut :

TAHUN 2012	**PENDAPATAN (RM)**	**PERBELANJAAN (RM)**
Januari	17,848,440.69	5,175,521.58
Februari	36,050,005.88	8,780,157.23
Mac	7,089,944.27	11,287,548.34
JUMLAH	**60,988,390.84**	**25,243,227.15**

Langkah-langkah baru yang diambil untuk menambahkan pendapatan adalah seperti berikut :

(i) Meningkatkan penguatkuasaan ke atas binaan/ tambahan bangunan haram bagi meningkatkan hasil cukai.

(ii) Penguatkuasaan yang lebih berkesan dan berterusan ke atas petak letak kereta supaya mendapat hasil yang sewajarnya dan meningkat dari semasa ke semasa.

(iii) MPSP juga menubuhkan Jawatankuasa Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos bagi memantau perkembangan perkara-perkara yang dibincangkan berkaitan peningkatan hasil MPSP.

(iv) Membangunkan aplikasi perkongsian data penilaian dan pelesenan bagi meningkatkan hasil melalui percukaian dan lesen.

(v) Mengambil tindakan penguatkuasaan kepada premis yang tidak memohon lesen bagi meningkatkan hasil lesen.

Perbelanjaan dan kutipan MPPP dari Januari hingga Mac 2012 adalah seperti berikut:-

TAHUN 2012	**PENDAPATAN (RM)**	**PERBELANJAAN (RM)**
Januari	25,452,921.00	8,140,313.00
Februari	45,355,438.00	14,116,165.00
Mac	12,327,201.00	16,298,163.00
JUMLAH	**83,135,560.00**	**38,554,641.00**

Beberapa langkah dan tindakan diambil untuk menambahkan pendapatan seperti berikut:-

(i) Mengkaji semula kadar sewaan pasaran terbuka ke atas harta- harta MPPP;

(ii) Menggunakan tanah-tanah MPPP secara berekonomi dan mengoptimakan pulangan kepada MPPP;

(iii) Memajukan tanah-tanah MPPP, sama ada melalui usahasama dengan pihak swasta atau secara penswastaan bagi projek-projek yang menguntungkan MPPP dan mendatangkan faedah kepada rakyat setempat;

(iv) Mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pelancongan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia) untuk mendapatkan peruntukan kewangan bagi pelaksanaan projek-projek infrastruktur, lalu lintas, landskap pengindahan, bangunan warisan dan produk-produk pelancongan yang bersesuaian;

(v) Menggalakkan program angkat bersama pihak swasta bagi melaksanakan projek-projek pengindahan di kawasan-kawasan strategik, dan

(vi) Langkah-langkah yang lebih berkesan akan diteruskan untuk mengurangkan amaun tunggakan kadar taksiran dan sewa.

(b) Manakala di MPSP, bayaran bagi Program Penangkapan Tikus Secara Kesepakatan Komuniti RM1.00 seekor tikus mengikut kawasan DUN adalah seperti berikut :

DUN	KAWASAN	BAYARAN	JUMLAH TIKUS (EKOR)
Bagan Dalam	Mak Mandin	RM70.00	70 ekor
Prai	Taman Chai Leng	RM72.00	72 ekor

MPPP pula ada program penangkapan RM1.00 seekor tikus dan sebanyak 40 unit perangkap tikus telah diberikan kepada peserta program.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Berapakah peruntukan yang telah disediakan dan dibelanjakan untuk program Skim Rondaan Sukarela oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011 hingga bulan Mac 2012.

(b) Senaraikan nama pertubuhan atau kumpulan penerima dan bentuk pembiayaan eg: tunai, pembelian walkie talkie, container dan lain-lain dan di kawasan mana ianya tidak dikenalpastikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Skim Rondaan Sukarela (SRS) adalah digalakkan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008. Kerajaan Negeri juga telah memohon Pejabat Perpaduan untuk melanjutkan waktu rondaan melalui Rukun Tetangga di Pulau Pinang. Namun demikian, terdapat kesulitan-kesulitan tertentu yang menyebabkan Kerajaan Negeri menubuhkan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) yang telah dilancarkan pada tahun 2011 dengan

menyediakan peruntukan sebanyak RM1 juta setahun. Pada tahun semasa 2012, peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM1.5 juta. Bermula tahun 2011 sehingga Mac 2012, jumlah perbelanjaan yang digunakan adalah sebanyak RM1,042,920.00. Perbelanjaan yang dibuat adalah untuk membeli peralatan bagi kegunaan PPS seperti ”Walkie-Talkie”, ”Vest”, dan lain-lain serta bagi tujuan pengurusan pusat kawalan PPS. PPS yang diwujudkan di setiap kawasan ADUN adalah di bawah naungan ADUN yang menyertai MMK Kerajaan Negeri dan meliputi Jawatankuasa Peringkat Daerah dan di bawah kawalan Jawatankuasa Induk Peringkat Negeri Pulau Pinang.

(X) Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Dewan Serbaguna dan Pasar Awam akan dibina di atas tanah SSI di Sungai Dua Batu Uban.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pembangunan Dewan Serbaguna dan Pasar di atas tanah milik SSI di Lot 9117, Mukim 13, Daerah Timur Laut akan diteruskan sepertimana elemen pembangunan yang disyaratkan dalam projek pembangunan tanah Kerajaan Negeri di Mukim 13, Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Perjanjian Penswastaan yang telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dan Syarikat Hamna Sdn. Bhd. pada 31 Julai 1991 dan syarat kelulusan Pelan Bangunan [P.B 31884(LB) dan 34263(LB)] masing-masing pada 15 April 1992 dan 14 April 1995.

   Pihak Berkuasa Negeri melalui mesyuaratnya yang bertarikh 11 Januari 2012 dan disahkan pada 18 Januari 2012 telah meluluskan permohonan pemberimilikan Lot 2167, Mukim 13, Daerah Timur Laut kepada SSI bagi tujuan yang sama. Justeru pembangunan tersebut akan melibatkan dua lot tanah berkenaan.

   Satu perbincangan antara SSI dan pemaju telah diadakan pada 23 Mac 2012. Pemaju diminta untuk mengemukakan pelan konsep dan mengadakan perbincangan pra-OSC dengan jabatan teknikal yang berkaitan terlebih dahulu sebelum mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang. Ini bagi mengelakkan kesalahan dari segi penyediaan Pelan Kebenaran Merancang berulang kerana pembangunan bangunan tersebut perlu mengambil kira rizab parit, rizab jalan dan perkara lain yang berkaitan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Senaraikan projek-projek besar di Negeri Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (1) Sejak bulan Mac 2008 hingga kini, Kerajaan Negeri telah dan sedang menyiapkan projek-projek membina dan naiktaraf jalan berskala besar seperti berikut:-

   (a) Projek jalan penghubung di Jalan Bagan 29/ Jalan Siram, Daerah Seberang Perai Utara telah siap pada 31 Julai 2010 dengan kos sebanyak RM2.375 juta;

(b) Projek pembinaan jalan dari Jalan Mak Mandin ke Jalan Bunga Tanjung 7, Daerah Seberang Perai Utara yang kini dikenali sebagai Jalan P. Patto telah siap pada 31 Ogos 2011 dengan kos sebanyak RM3.7 juta;

(c) Projek pelebaran sebahagian Jalan Ayer Itam dan menaiktaraf laluan pejalan kaki di persimpangan Jalan Ayer Itam/ Jalan Masjid Negeri/ Jalan Scotland, Daerah Timur Laut telah siap pada Januari 2012 dengan kos sebanyak RM1.24 juta;

(d) Projek menaiktaraf jalan, laluan pejalan kaki dan saliran di Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal serta sebahagian Jalan Mount Erskine dan Jalan Burma, Daerah Timur Laut sedang dijalankan dengan kos sebanyak RM3.45 juta dan dijangka siap pada bulan Julai 2012; dan

(e) Projek pelebaran jalan dan menaiktaraf jambatan di Jalan Song Ban Kheng, Daerah Seberang Perai Tengah sedang dijalankan dengan kos sebanyak RM20.415 juta dan dijangka siap pada 14 Februari 2014.

(2) Beberapa projek besar yang melibatkan pembinaan dan naiktaraf bangunan dan kemudahan untuk orang awam turut dilaksanakan. Di antara projek-projek tersebut ialah:-

(a) Projek Subterranean Penang International Convention & Exhibition Centre (sPICE) di Bayan Baru dengan pembiayaan sebanyak RM50 juta di pihak Kerajaan Negeri dan RM200.2 juta di pihak pemaju.

(b) Projek Tempat Letak Kenderaan Bertingkat di Lebuh Pantai dengan kos sebanyak RM9.9 juta;

(c) Projek Pembangunan Semula Astaka di Coolie Lines, Bukit Bendera dengan kos sebanyak RM3.48 juta;

(d) Projek Menaiktaraf Pasar-Pasar Awam dengan kos sebanyak RM5 juta; dan

(e) Projek Peningkatan Kualiti Pengurusan Sisa Pepejal dengan kos sebanyak RM50 juta.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila nyatakan jumlah anggota PDRM di Negeri Pulau Pinang yang bertugas dari tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Jumlah perjawatan anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Kontinjen Pulau Pinang pada tahun 2012 adalah seramai 5,337 orang. Dari jumlah tersebut sejumlah 489 orang pegawai dan 4848 anggota. Walau bagaimanapun, perjawatan anggota PDRM bagi tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011 tidak diperolehi daripada pihak PDRM.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah jenis pembangunan yang dibenarkan di garisan pantai di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pembangunan yang dibenarkan di garisan pantai di Pulau Pinang perlulah mematuhi garis panduan yang dinamakan ”Intergrated Coastal Zone Management” (ICZM) yang telah dinyatakan di dalam RSNPP 2020 melalui:

DS60 - Polisi pengurusan pantai bersepadu akan dilaksanakan di kawasan zon pantai dan kawasan darat zon pantai dan

DSU 8 L2: Pembangunan tebus guna tanah perlu mematuhi garispanduan ICZM.

Manakala pelan pembangunan yang melibatkan tebus guna tanah ianya perlu mematuhi garis panduan ICZM dan juga Pelan Pengurusan Pantai Berintegerasi ”Intergrated Shoreline Management Plan” (ISMP) yang disediakan oleh pihak JPS.

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP) telah menetapkan pembangunan-pembangunan yang sesuai untuk dibangunkan di kawasan zon pantai adalah pembangunan pelancongan yang berasaskan pantai dan eko bagi kawasan pantai yang berada di dalam Koridor Pembangunan Utama. Bagi kawasan pantai yang berada di dalam Koridor Pembangunan Sekunder, pembangunan yang dibenarkan di kawasan pantai adalah seperti pembangunan ‘infill’ yang berketumpatan rendah-sederhana, perumahan berketumpatan rendah dan aktiviti pelancongan terhad dan pelancongan eko. Walaubagaimanapun pembangunan yang dibenarkan ini adalah tertakluk kepada syarat penyediaaan zon penampan sebanyak 60 meter bagi zon pantai bagi kawasan pantai berpasir dan 400 meter bagi zon pantai untuk zon pantai berlumpur . Sebarang pembangunan bagi kawasan pantai berlumpur yang telah diwartakan sebagai Hutan Paya Bakau adalah tidak dibenarkan demi menjaga Alam Sekitar paya bakau.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Di Negeri Pulau Pinang, adakah tanah yang telah ditebusguna dan jika ada berapakah keluasannya.

(b) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menjual tanah tebusguna sebagai milikan tetap atau pajakan tanah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Di Negeri Pulau Pinang terdapat beberapa tanah laut yang telah ditebus guna seperti berikut:-

Daerah	Keluasan	Pemaju Kawasan
DTL	249.6 ekar	Tg. Pinang Development Sdn. Bhd. Tg. Tokong
DTL	324.9 ekar	Jelutong Development Sdn. Bhd. (IJM Jelutong)
DTL	54 ekar	UDA Tg. Tokong
DBD	1094.05 ekar	PDC Bayan Baru
SPU	115.65 ekar	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) Bagan Luar

Tanah-tanah yang ditebus guna tersebut, ada yang diluluskan pemberian milik secara pajakan dan sebahagian lagi diluluskan secara milikan tetap bergantung kepada perjanjian konsesi yang telah ditandatangani. Tanah-tanah yang diluluskan pemberimilikan kepada UDA, SPPP dan sebahagian tanah kepada PDC dan IJM diluluskan secara pajakan. Manakala tanah yang diluluskan kepada Tg. Pinang Development Sdn. Bhd. dan sebahagian tanah kepada IJM Sdn. Bhd. diluluskan secara milikan kekal.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Setelah Y.A.B. Ketua Menteri menang kes saman malu di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, adakah Kerajaan Negeri bercadang supaya Utusan Malaysia dan Berita Harian dilarang masuk ke dalam Dewan untuk membuat apa jua liputan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sebelum memenangi kes saman malu terhadap Utusan Malaysia di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 14hb Disember 2011, Utusan Malaysia telah tidak dibenarkan untuk membuat liputan bagi Persidangan Dewan Undangan Negeri kerana pada Penggal Persidangan Keempat Mesyuarat Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua Belas telah meluluskan usul yang dibentang oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di mana melarang Utusan Malaysia daripada terus membuat liputan sidang Dewan yang akan datang.

Utusan Malaysia didapati menyiarkan berita palsu seorang ADUN UMNO demi memburukkan dan menjatuhkan imej Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Lagi pun Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Speaker telah memanggil Ketua Pengarang Utusan Malaysia untuk memberi keterangan kepada jawatankuasa tetapi wakilnya gagal menghadirkan diri tanpa sebarang makluman. Memandangkan persidangan Dewan boleh diikuti secara langsung menerusi Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang maka wakil media masih boleh membuat liputan tanpa menghadiri sidang.

Tiada halangan bagi Berita Harian untuk membuat liputan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang setakat ini.

(XI) Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Sejak tahun 2008 hingga 2011, berapa ramaikah usahawan yang telah dibantu dan sila nyatakan mengikut pecahan tahun dan kaum.

(b) Sila sebutkan jenis bantuan tersebut sama ada khidmat nasihat atau bantuan kewangan. Jika bantuan kewangan sila nyatakan jumlahnya secara terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sejak tahun 2008 hingga 2011, Kerajaan Negeri telah memberi bantuan kewangan berbentuk pinjaman mikro kredit menerusi Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) kepada golongan usahawan Pulau Pinang dan sebanyak RM1,915,630.40 telah dikeluarkan kepada 543 orang usahawan. Pada tahun 2009 dan 2010, jumlah peminjam Melayu yang dibantu adalah seramai 330 orang, Cina 23 orang, India 47 orang dan jumlah pinjaman yang dikeluarkan pada tahun tersebut adalah sebanyak RM1,473,630.40. Manakala bagi tahun 2011, jumlah peminjam Melayu yang dibantu adalah seramai 115 orang, Cina 12 orang, dan India 16 orang dan jumlah pinjaman yang dikeluarkan pada tahun tersebut adalah sebanyak RM442,000.00.

   Kerajaan Negeri turut membantu golongan usahawan Pulau Pinang menerusi PDC dan SMART Centre dan bantuan diberikan dari segi khidmat nasihat, kursus, bengkel, seminar dan latihan keusahawanan. Bagi tahun 2008, jumlah usahawan yang dibantu adalah seramai 182 orang, tahun 2009 seramai 171 orang, tahun 2010 seramai 261 orang, dan tahun 2011 seramai 849 orang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menjayakan Program Penghargaan Warga Emas, Perhargaan Anak Emas, Bantuan Golongan OKU, Bantuan Ibu Tunggal, Bantuan kepada Waris Si Mati dan Pemberian Skim Pelajar Bersih dari bulan Mac 2011 hingga bulan Mac 2012.

   (b) Sila nyatakan perbelanjaan mengikut pecahan program yang dijalankan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Jumlah perbelanjaan bagi setiap program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dari Mac 2011 hingga Mac 2012 adalah seperti berikut:

Program Penghargaan Warga Emas	M26297800.00
Program Penghargaan Anak Emas	RM647400.00
Bantuan Golongan OKU	RM538900.00
Bantuan Ibu Tunggal	RM1136,800.00
Bantuan Kepada Waris Si Mati	RM3720,000.00

   Skim Pelajar Emas (asalnya Skim Pelajar Bersih), tiada perbelanjaan terlibat memandangkan program ini masih di peringkat pendaftaran oleh pentadbiran sekolah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapakah Taman Perumahan Mewah dan Sederhana yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi kawasan Daerah Barat Daya. Sila nyatakan bilangan mengikut tahun diluluskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Mulai tahun 2008 sehingga Mac 2012, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 183 pelan kebenaran merancang yang merangkumi sebanyak 16,968 unit rumah sederhana dan mewah di Daerah Barat Daya. Perincian kelulusan pelan merancang adalah seperti di jadual di bawah:-

BILANGAN PROJEK PERUMAHAN TAMAN PERUMAHAN MEWAH DAN SEDERHANA YANG TELAH DILULUSKAN KEBENARAN MERANCANG OLEH KERAJAAN NEGERI DI DAERAH BARAT DAYA DARI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012

TAHUN	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT							
		SESEBUAH	BERKEMBAR	TERES	BANDARAN	KLASTER	PANGSAPURI	PANGSA KOS SEDERHANA	JUMLAH UNIT
2008	30	19	407	921	0	0	232	240	**1819**
2009	35	170	190	2619	96	0	1482	224	**4781**
2010	49	161	311	2067	22	0	1152	320	**4033**
2011	64	410	257	1232	0	0	1623	2200	**5722**
2012	5	95	10	0	0	0	508	0	**613**
JUMLAH	**183**	**855**	**1175**	**6839**	**118**	**0**	**4997**	**2984**	**16968**

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah status tanah yang diduduki oleh Kolej Teknologi Pulau (ICT) yang terletak di Kampung Sungai Rusa, Balik Pulau?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kolej Teknologi Pulau (ICT) di Kampung Sungai Rusa, Balik Pulau terletak di atas Lot 811, Mukim C, Daerah Barat Daya. Status tanah ini adalah tanah bermilik kepunyaan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kenapakah Kerajaan Negeri tidak mewartakan Kampung Batu Uban sebagai Kampung Warisan sedangkan kampung tersebut merupakan kampung pertama yang diduduki oleh masyarakat Melayu di Pulau Pinang dan terdapat didalamnya masjid tertua di Pulau Pinang yang berusia hampir 278 tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berdasarkan kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2007 yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang lama di bawah Dasar DS 33 L4 - Kampung Batu Uban telah dikenal pasti sebagai perkampungan dalam bandar dan bukannya sebagai Kampung Warisan di mana tumpuan utama adalah untuk membangunkan serta meningkatkan kualiti prasarana tanpa menjejaskan penduduk asal kampung.

MPPP sedang mengenal pasti beberapa tapak dan bangunan warisan termasuk Masjid Kampung Batu Uban yang merupakan masjid tertua di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri sedia mencadangkan Kerajaan Persekutuan menjalankan suatu kajian menyeluruh dan lengkap dengan fakta-fakta sejarah dan nilai-nilai signifikasi warisan kampung untuk pengumpulan data bagi menentukan samada boleh menyenarai Kampung Batu Uban sebagai kampung warisan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Bagaimanakah kedudukan sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga 2011 jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang sebelumnya?

(b) Berapakah jumlah peningkatan pelancong asing dan tempatan bagi tempoh tersebut?

(c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi meningkatkan lagi penambahan bilangan pelancong ke Negeri Pulau Pinang pada masa akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Pada tahun 2008, sektor pelancongan Pulau Pinang meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 21.61% dengan jumlah kedatangan pelancong seramai 6,307,468 orang. Namun demikian, jumlah pelancong sedikit merosot pada tahun 2009 iaitu seramai 5,960,329 orang. Walau bagaimanapun, jumlah ketibaan pelancong meningkat kembali pada tahun 2010 dengan jumlah seramai, 5,990, 864 orang. Walaupun peratusan peningkatan adalah kecil, peningkatan ini merupakan hasil usaha dan promosi berkesan yang dijalankan Kerajaan Negeri untuk terus menambahkan kemasukan pelancong dalam dan luar negara.

(b) Sila Rujuk Jadual di lampiran bagi jumlah peningkatan pelancong bagi tempoh 2008 hingga 2010.

Daripada jumlah di atas, dapat dilihat peningkatan pelancong asing dan tempatan ke Pulau Pinang meningkat pada tahun 2008, kemudian merosot pada tahun 2009, tetapi kembali meningkat pada tahun 2010. Pada masa ini, jumlah rasmi kedatangan pelancong ke Pulau Pinang bagi tahun 2011 belum diperolehi daripada Kementerian Pelancongan. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, kadar kemasukan pelancong dari luar negara ke Pulau Pinang menunjukkan peningkatan yang amat positif seperti berikut:-

Bil	Negara	Tahun 2010	Tahun 2011	% Peningkatan
1	Indonesia	192,404	238,643	24.03%
2	Singapura	96,400	113,993	18.25%
3	China	31,325	46,517	48.50%
4	Jepun	22,668	29,015	28.00%
5	Amerika Syarikat	19,429	22,642	16.54%
6	Taiwan	16,981	20,635	21.52%
7	Australia	16,687	20,053	20.17%

(c) Rancangan Kerajaan Negeri.

(i) George Town telah diiktiraf sebagai bandar warisan dunia pada 2008. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan terus memfokuskan usaha untuk mempromosikan kepelbagaian warisan dan makanan Negeri ini yang mewakili pelbagai kaum dan bangsa di Pulau Pinang. Keunikan pelbagai jenis rempah yang digunakan dalam pelbagai jenis masakan di Negeri ini menjadikan makanan di Pulau Pinang sangat enak dan istimewa. Sebagai buktinya, Pulau Pinang telah mendapat pengiktirafan pelbagai organisasi bertaraf antarabangsa seperti berikut:-

– Pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia pada Julai 2008

– Tangga ke-2 “The 44 Places To Go in 2009” dan berada dalam senarai top 12 dalam The Frugal & Food Category oleh pembaca “New York Times”

- Tangga ke * “Most Livable and Workable City in Asia” oleh ECA International

- “Top 10 Islands to Explore Before You Die” oleh Yahoo Travel

– Assam Laksa Pulau Pinang disenaraikan sebagai “World's 50 Most Delicious Food” oleh CNNGo

– “Cehong Fatt Tze Mansion” di tangga ke-2 “Greatest Mansions and Grand Houses” oleh Lonely Planet

- Chingay disenarai sebagai Warisan Kebudayaan Nasional Malaysia

– Larian Maraton Antarabangsa Jambatan Pulau Pinang disenarai sebagai Larian Terbesar Malaysia oleh “Malaysian Book Of Records”

- “Best Asian City Street Food” oleh CNNGo.

(ii) Menyertai lawatan dan pameran di dalam dan luar negara seperti ke United Kingdom, Dubai, China dan sebagainya untuk mempromosikan sektor pelancongan Pulau Pinang bagi mencapai sasaran ketibaan pelancong seramai 10 juta orang selepas 2014.

(iii) Menumpukan perhatian kepada “Meetings, Incentive,Convention and Exhibition” (MICE) untuk menjadi pusat pertemuan delegasi antarabangsa.

(iii) Menghasilkan buku dan DVD MICE dan menyertai pelbagai pameran industri MICE.

(iv) Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi pelaksanaan program pengekalan, pemuliharaan, pameran dan promosi warisan dan budaya Negeri ini untuk menjadi tatapan pelancong-pelancong.

(v) Menambah baik kemudahan perbandaran dan pengangkutan di Negeri ini untuk memberi lebih keselesaan kepada pengunjung seterusnya menambahkan lagi bilangan pelancong ke Negeri ini.

(vi) Menambah baik muzium Negeri untuk memberi lebih keselesaan kepada pengunjung seterusnya menambahkan lagi bilangan pelancong ke Negeri ini.

(vii) Menyediakan rangkaian perhubungan yang lengkap dengan maklumat kesihatan dan perkhidmatan yang ditawarkan di Negeri ini.

(viii) Membangunkan projek pelancongan seperti Projek “The Escape” Teluk Kumbar dan Projek “Auto City Theme Park”.

(ix) Kerajaan Negeri sedang menyediakan dua kajian Rancangan Kawasan Khas RKK iaitu RKK Taman Botani dan RKK Bukit Bendera yang akan mengandungi cadangan penambahbaikan kepada kemudahan rekreasi di Taman Botani serta langkah-langkah pengurusan taman itu.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Berapakah jumlah yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina rumah kos rendah dan kos sederhana rendah bagi tahun 2011.

(b) Berapakah permohonan yang telah dibuat dan yang telah diluluskan bagi kedua-dua projek tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan pembangunan sebanyak RM1,000,000.00 (RM1 juta) kepada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan bagi tujuan membina rumah kos rendah yang dikenali juga rumah mampu milik. Tapak projek ini terletak di Kampung Indera Timbalan, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan sedang ditambun dan pembinaan rumah yang dicadangkan adalah sebanyak 44 unit akan dilaksanakan dalam tahun 2013 diluluskan dan projek perumahan belum dimulakan maka setakat ini tiada permohonan yang dibuka. Pemohon-pemohon yang berdaftar dengan Bahagian Perumahan akan diberikan keutamaan terutamanya yang tinggal di Daerah SPS.

Sebagai sebuah kerajaan berjiwa rakyat salah satu keutamaan dasar Kerajaan Negeri adalah untuk membekalkan rumah-rumah mampu milik yang bermutu untuk golongan tidak berada di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri PR memiliki impian mahu rakyat hidup bukan dalam satu kotak tetapi dalam suatu kediaman rumah yang bersih, hijau, selamat dan sihat untuk membesarkan anak-anak kita.

Justeru itu, dana sekurang-kurangnya RM500 juta diperlukan untuk memulakan program ini. Selepas berusaha selama 4 tahun untuk mengumpulkan dana, akhirnya Kerajaan Negeri berjaya memperuntukkan RM 500 juta hasil daripada penjualan tanah kerajaan secara tender terbuka dan juga urustadbir CAT yang cekap akauntabel dan telus.

Jumlah RM 500 juta merupakan jumlah yang paling besar diperuntukkan oleh mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia untuk membina rumah mampu milik. Fasa 1 melibatkan pembinaan 12,000 unit rumah mampu milik di antara harga RM72,500 ke RM 220,000 di atas tanah seluas 200 ekar di Batu Kawan sumbangan Penang Development Corporation (PDC). Demi memastikan pembeli daripada golongan tidak berada dapat memiliki rumah mampu milik berkualiti, Kerajaan Negeri telahpun melantik pembina rumah milik yang paling baik di dunia iaitu, HDB Singapore, untuk menjalankan pembinaan rumah mampu milik terbaik di Malaysia.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Berapakah jumlah keseluruhan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di seluruh Negeri Pulau Pinang.

(b) Berapa buah sekolah yang mendapat bantuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagitahun 2008 hingga 2011.

(c) Berapa banyakkah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada mulanya bersetuju untuk memberikan peruntukan kepada 20 buah Sekolah Agama Rakyat (9 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat, 4 buah Sekolah Rendah Agama Rakyat Integrasi dan 7 Sekolah Tahfiz) yang tidak mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, peruntukan bantuan kewangan telah juga diperluaskan kepada Sekolah Rendah Agama Rakyat lain yang menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

20 buah Sekolah Agama Rakyat telah diperuntukan sebanyak RM1.5 juta pada tahun 2009 dan peruntukan ini telah ditambah ke RM1.75 juta pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Selain daripada peruntukan ini, Kerajaan Negeri juga meluluskan peruntukan Pembangunan bagi Sekolah Agama Rakyat mengikut keperluan di mana pada tahun 2010 RM2.5 juta telah diperuntukan, RM2.1 juta bagi tahun 2011 dan RM8.7 bagi tahun 2012. Selain itu, Guru Kafa yang mengajar di Sekolah Agama Rakyat juga menerima bayaran elaun dan bonus sebanyak RM1.40 juta pada tahun 2010, RM1.88 juta bagi tahun 2011 dan RM912,000 (belum mengambil kira bonus akhir tahun) pada tahun 2012.

Dengan kata lain, Sekolah Agama Rakyat menerima peruntukan keseluruhan sebanyak RM5.65 juta pada tahun 2010, RM5.73 juta pada tahun 2011 dan RM11.36 juta bagi tahun 2012.

Untuk makluman, gaji guru bagi Sekolah Cina, Tamil dan Agama Rakyat bukanlah ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Berapakah bilangan sekolah dan guru KAFA seluruh Negeri Pulau Pinang. Sila nyatakan mengikut jantina.

(b) Berapakah perbelanjaan bagi tujuan pembayaran elaun guru KAFA oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga 2011. Sila sebutkan mengikut pecahan tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Bilangan Sekolah Agama Rakyat adalah 141 buah dengan bilangan guru KAFA seramai 1394 terdiri dari 308 guru lelaki dan 1086 guru wanita.

(b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menambah elaun guru KAFA sebanyak RM50.00 sebulan kepada elaun yang disediakan oleh JAKIM sebanyak RM800.00 sebulan.

Peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

Tahun	**JUMLAH (RM)**
2008	659,250.00
2009	879,000.00
2010	1,400,700.00
2011	1,884,500.00
2012 (tidak mengambil kira bonus akhir tahun	912,000.00
JUMLAH	**5,735,450.00**

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Berapa banyak bantuan bencana alam yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sepanjang tempoh bulan Mac 2011 sehingga bulan Mac 2012.

(b) Apakah jenis bantuan yang telah diberikan dan nyatakan jumlah peruntukan bagi setiap jenis bantuan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bantuan bencana kepada mangsa disalurkan oleh dua jabatan utama iaitu Pejabat Daerah dan Tanah serta Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang. Kedudukan pecahan bantuan bencana alam yang disalurkan sepanjang tempoh Mac 2011 sehingga Mac 2012 adalah seperti berikut:

(a) Pejabat Daerah & Tanah

Bantuan disalurkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah melalui peruntukan Akaun Amanah Tabung Bencana TYT Negeri Pulau Pinang. Bayaran minimum untuk setiap kes bencana adalah 10% daripada kerugian keseluruhan dan maksimum adalah RM5,000.00. Jumlah bantuan yang disalurkan sepanjang tempoh Mac 2011 sehingga Mac 2012 mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Jumlah (RM)
Daerah Timur Laut	66,405.00
Daerah Barat Daya	52,750.00
Seberang Perai Utara	122,785.00
Seberang Perai Tengah	59,800.00
Seberang Perai Selatan	41,800.00
JUMLAH KESELURUHAN	**343,540.00**

(b) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

Terdapat dua jenis bantuan yang disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang bagi tujuan yang berbeza iaitu Tabung Bantuan Segera Negeri (TBSN) bagi tujuan kegunaan kecemasan mangsa terbabit dan bantuan pemulihan bagi tujuan membiayai kos kerosakan yang berlaku kepada kediaman dan sebagainya. Bantuan disalurkan melalui daerah adalah seperti berikut:

Tahun	Daerah	Jenis Bantuan	Jumlah (RM)
2011	DTL	TBSN	14,800.00
		Pemulihan	23,970.00
	DBD	TBSN	14,800.00
		Pemulihan	26,090.00
	SPU	TBSN	21,970.00
		Pemulihan	10,930.00
	SPT	TBSN	10,200.00
		Pemulihan	29,970.00
	SPS	TBSN	2,350.00
		Pemulihan	5,000.00
JUMLAH KESELURUHAN 2011			**159,780.00**

Tahun	Daerah	Jenis Bantuan	Jumlah (RM)
2012	DTL	TBSN	0.00
		Pemulihan	1,320.00
	DBD	TBSN	2,400.00
		Pemulihan	9,010.00
	SPU	TBSN	9,190.00
		Pemulihan	450.00
	SPT	TBSN	2,000.00
		Pemulihan	9,070.00
	SPS	TBSN	1,000.00
		Pemulihan	3,870.00

JUMLAH KESELURUHAN 2012	**38,310.00**

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Berapakah bilangan tanah Tol disebelah kawasan pulau.
(b) Nyatakan jumlah permohonan dan bilangan yang telah diluluskan
(c) Bagaimanakah prosedur untuk memohon tanah tersebut?
(d) Nyatakan status tanah TOL yang telah diterokai di Wang Kawah, Teluk Bahang atau di belakang Empangan Teluk Bahang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Jumlah TOL bagi kawasan pulau yang aktif sehingga 31.12.2011 adalah seperti berikut:-

(i)	Daerah Timur Laut	585
(ii)	Daerah Barat Daya	552

(b) Bilangan permohonan TOL yang diterima bagi kedua-dua daerah ini dan diluluskan adalah seperti berikut:-

Daerah	**Bilangan permohonan (2008-2010)**	**Bilangan diluluskan (2008-2012**
Daerah Timur Laut	311	105
Dareah Barat Daya	518	120
Jumlah	**829**	**225**

(c) Prosedur permohonan adalah seperti berikut:-

(i) Pemohon perlu mengenal pasti tapak yang ingin dimohon dan mendapat pengesahan awal tentang tapak yang dimohon adalah tanah kerajaan;

(ii) Pengesahan sama ada tapak yang dimohon adalah tanah kerajaan boleh dibuat di Pejabat Tanah yang berkaitan;

(iii) Pemohon perlu menyediakan pelan tapak dan pelan lokasi tanah yang dimohon. Pelan tapak boleh dibeli di Pejabat Tanah berkenaan atau di Pejabat Ukur dan Pemetaan. Pemohon boleh melantik Juruukurnya sendiri bagi menyediakan pelan.

(iv) Permohonan TOL hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Jadual 1 yang boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Tanah. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Pejabat tanah berkenaan, bersama-sama dengan dokumen-dokumen /perkara-perkara berikut:-

- Salinan pelan;
- Bayaran proses permohonan - atas kadar RM50.00 bagi satu permohonan;
- Salinan kad pengenalan pemohon.

Permohonan akan diproses di peringkat Pentadbir Tanah dan seterusnya diangkat ke peringkat Jawatankuasa dan Pihak Berkuasa Negeri untuk keputusan.

(d) Tiada TOL dikeluarkan di kawasan Empangan Telok Bahang kerana kawasan tersebut telah dijadikan kawasan Empangan, manakala selebihnya adalah tanah milik Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Berapakah bilangan pusat ”Cyber Casino” yang tidak berlesen di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga bulan Mac 2012?

(b) Adakah berlaku penambahan atau pengurangan bilangan pusat tersebut dari bulan Mac 2010 hingga bulan Mac 2012?

(c) Jika berlaku penambahan, nyatakan bilangan dan peratusan.

(d) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengatasi masalah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Hasil dari pemantauan Kerajaan Negeri, terdapat sejumlah 130 premis ”cyber casino ”yang tidak berlesen telah dikenal pasti di kawasan pentadbiran MPPP pada tahun 2012.Manakala setakat ini tiada maklumat tentang jumlah premis ini di kawasan Seberang Perai.

(b) Operasi ”cyber casino” adalah baru, oleh itu pemantauan ke atas premis ”cyber casino” hanya dimulakan pada pertengahan tahun 2011. Berbanding dengan tahun 2011 terdapat penambahan sebanyak 22 premis pada tahun 2012 menjadikan jumlah kesemua premis sebanyak 130 berbanding 108 buah premis pada tahun 2011.

(c) Semakan rekod tahun 2011, terdapat sebanyak 108 premis menjalankan operasi ”cyber casino”. Bagi tahun 2012, sejumlah 22 premis baru telah berjaya dikesan. Sejumlah 5 premis telah ditutup pada tahun 2011 dan 1 premis ditutup pada Februari 2012. Ini menjadikan jumlah keseluruhan premis ”cyber casino” yang masih aktif adalah 124 iaitu pertambahan sebanyak 20.40%.

	Tahun 2011	Tahun 2012	Jumlah
Jumlah premis yang dikesan menjalankan operasi ”cyber casino”	108	22	130
Tutup	5	1	6
Jumlah premis yang aktif	103	21	124

(d) Buat masa kini, tindakan oleh Kerajaan Negeri ialah:

(i) mengeluarkan kompaun harian ke atas premis yang tidak berlesen. Senarai premis ”cyber casino” yang dikenal pasti dihantar kepada pihak PDRM untuk tindakan selanjutnya kerana ianya di bawah bidang kuasa PDRM.

(ii) Kerajaan Negeri akan terus menyalurkan maklumat berkaitan dengan mana-mana pengusaha yang disyaki terlibat dengan perjudian kepada pihak PDRM untuk tindakan penguatkuasaan perjudian.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Sila nyatakan garis panduan pembinaan surau dan masjid yang diguna pakai sekarang oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

(b) Adakah MPSP dan MPPP menggunakan pakai garis panduan pembinaan surau dan masjid yang telah ditetapkan oleh MAINPP.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP) telah menetapkan iaitu:-

DS42 L1:- Penyediaan kemudahan keagamaan hendaklah berdasarkan keperluan makro mengikut piawaian berikut:-

0.05 mp ruang bangunan atau 0.1 mp ruang tanah tapak surau bagi setiap penduduk.

MPSP dan MPPP telah mengguna pakai garis panduan tersebut kerana ia telah dinyatakan dengan jelas dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang yang telah diwartakan pada 26 Jun 2007.

(b) MAINPP telah menyediakan “Tambahan Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam” sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berpandukan “Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam” yang juga telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar & Desa Semenanjung Malaysia.

Pada masa sekarang, MPSP dan MPPP masih belum boleh mengguna pakai garis panduan pembinaan surau dan masjid oleh MAINPP kerana ia masih dalam proses penyelarasan dan sedang dikaji semula bagi disesuaikan dengan garis panduan sedia ada.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Sila nyatakan bilangan penjaja tanpa lesen di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2008 hingga 2012 dan pecahan mengikut kaum bagi setiap tahun.

(b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengatasi masalah tersebut.

(c) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memikirkan pelan perancangan strategik bagi membantu golongan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Bilangan penjaja tanpa lesen di Seberang Perai Pulau Pinang bagi tahun 2009 dan 2011 mengikut kaum seperti berikut :

TAHUN	MELAYU	CINA	INDIA	JUMLAH
2009	999	1001	96	**2096**
2011	1253	1048	126	**2426**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah membuat bancian penjaja pada tahun 2009 dan 2011.

Manakala statistik penjaja tanpa lesen di kawasan pulau adalah seperti di jadaul berikut:-

KAUM	2008	2009	2010	2011	2012
CINA	2001	2029	1919	1858	1858
MELAYU	1081	1109	880	918	918
INDIA	257	271	201	182	182
JUMLAH	**3339**	**3409**	**3000**	**1958**	**2958**

(b) Kedua-dua PBT telah merangka beberapa tindakan untuk mengatasi masalah penjaja tanpa lesen seperti berikut:

(i) Menjalankan bancian keseluruhan penjaja haram.

(ii) Mewujudkan kawasan larangan menjaja.

(iii) Mengeluarkan permit sementara kepada peniaga yang menjalankan perniagaan di kawasan sesuai dan memenuhi syarat.

(iv) Menempatkan semua penjaja di lokasi yang lebih sesuai.

(v) Menawarkan peniaga ke ruang niaga Majlis.

(vi) Mengambil tindakan penguatkuasaan kepada penjaja yang didapati mengganggu lalulintas dan menyebabkan gangguan awam.

(vii) Memberi keutamaan diberi kepada kepada penjaja yang telah menjalankan perniagaan untuk pengisian ke tapak kosong kompleks/ pasar/tapak penjaja hak milik Majlis.

(vii) Kawalan dan tindakaan tegas bagi kes-kes penjaja tanpa lesen yang

baru beroperasi.

(c) Pelan perancangan strategik yang telah direncanakan oleh MPSP untuk membantu peniaga adalah seperti berikut :-

(i) mengadakan Pelan Induk Penjaja 2011-2015 untuk membantu penjaja berniaga dengan lebih tersusun dan baik.

(ii) mewujudkan kawasan larangan menjaja dalam Fokus MPSP 2012 untuk membantu peniaga berniaga hanya di kawasan yang dibenarkan sahaja.

(iii) merancang dan melaksanakan projek pembangunan yang seimbang termasuk penyediaan tapak-tapak penjaja yang lebih sesuai dan strategik.

(iv) merancang dan mengemaskini keperluan berkaitan pembangunan ekonomi sektor penjaja seperti pasar malam, pasar pagi dan penjaja statik sementara.

(v) meningkatkan lagi hebahan-hebahan awam serta pendidikan kepada orang awam maklumat-maklumat berkaitan sektor penjaja.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Sepanjang tahun 2011, apakah program pembangunan belia yang telah dijalankan bagi menghasilkan belia berkualiti, berakhlak mulia dan pemimpin masa depan.

(b) Nyatakan kategori program tersebut sama ada berbentuk pendidikan, hiburan, kursus kemahiran dan sebagainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Kerajaan Negeri melalui EXCO Belia dan Sukan sentiasa memantau dan merangka perkembangan pembangunan belia di Negeri Pulau Pinang. Melalui Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MBNPP) dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sebagai agensi pelaksana program-program belia Negeri, pelbagai strategi dan bentuk program diatur dan dilaksanakan. Program-program pembangunan belia telah dijalankan dengan objektif untuk misi membina generasi yang berketerampilan, mempunyai jati diri yang mantap,berjiwa patriotik dan mempunyai semangat sebagai sukarelawan. MSNPP pula lebih menumpukan pembangunan belia dalam aspek kesukanan. Senarai program pembangunan belia yang telah dijalankan sepanjang tahun 2011 seperti di Jadual A dan Jadual B:-

Jadual A

PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA
MAJLIS BELIA Negeri PULAU PINANG 2011

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Keberkesanan
1	Kem Motivasi Remaja	6 – 8 Jan 2011	Kem Bina Diri, Teluk Air Tawar, SPU, Pulau Pinang	Seramai 10 orang penceramah telah dijemput untuk memberikan input-input yang berguna kepada 80 orang peserta sepanjang kem ini berlangsung dengan dibantu oleh fasilitator dan urusetia. Peserta yang menyertai kem ini telah didedahkan perkara berkaitan kesihatan, kerohanian dan ketahanan fizikal serta amalan hidup sihat.
	Klinik Golf MBNPP (Fasa I)	30 Jan 2011	Kelab Chinta Sayang, Kedah Darul Aman	Program ini bertujuan memberi tunjuk ajar mengenai teknik bermain golf dengan betul kepada para peserta yang terdiri daripada 40 orang ahli ahli-ahli badan gabungan. Selain daripada itu, Klinik Golf ini telah memberi peluang kepada para peserta untuk merasai sendiri teknik bermain golf menggunakan konsep fizik dan daya konsentrasi yang diperlukan untuk menguasai permainan dengan baik sekaligus membetulkan tanggapan orang ramai bahawa permainan ini sebenarnya tidak sukar jika mengetahui teknik-tekniknya dengan betul.
3	Misi Bantuan Banjir di Johor & Sumbangan Bantuan Kepada Mangsa-mangsa Banjir	10 – 13 Feb 2011	Muar, Pagoh, Batu Pahat, Johor	Program yang membawa sebanyak 50 orang sukarelawan ini telah berjaya membantu meringankan beban mangsa-mangsa yang dilanda banjir sekaligus mendidik para belia agar lebih bersyukur dengan nikmat yang diberi. Selain itu, ia juga memupuk sikap saling bantu-membantu dan menanam- kan semangat sukarelawan yang lebih memberi faedah dan manafaat kepada masyarakat amnya dan kepada belia itu sendiri khususnya.
4	Karnival Wanita 1 Malaysia MBNPP & Desasiswa RESTU	27 Februari 2011	Dewan Utama Pelajar USM	Karnival Wanita 1Malaysia yang julung kali diadakan telah mampu menyebarkan maklumat berkaitan kecantikan, penjagaan diri, kesihatan dan keselamatan kepada belia-beliawanis di Pulau Pinang. Selain memberi maklumat berkenaan kecantikan, program ini juga memberi pendedahan kepada belia-beliawanis untuk pengurusan penganjuran sesuatu program itu.

5	Kursus Kepimpinan Belia Bukan Persatuan	6 Mac 2011	Bilik Seminar MBNPP	Kursus ini bertujuan menyediakan mahasiswa dengan asas-asas kepimpinan untuk membentuk generasi pemimpin yang cemerlang dan mampu memimpin negara pada masa hadapan kelak. Program ini telah dikendalikan oleh Pengerusi Biro Latihan, Industri dan Siswa, Sdr. Mohd Hafiz Ali Bin Mohd Anuar dan telah berjaya mengumpul seramai 40 orang pelajar.
6	Kem Motivasi Belia	18 – 20 Mac 2011	Faez Hotel Management Services, Pulau Pangkor, Perak	Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MBNPP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) telah menganjurkan kem kepada belia bertujuan untuk membantu peserta membina peribadi yang cemerlang sejajar dengan ajaran Islam sekaligus mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala sosial yang semakin merebak dalam kalangan masyarakat. Secara keseluruhannya, objektif Kem Motivasi Belia ini telah berjaya dicapai dengan kerjasama yang baik dari semua pihak serta mendapat maklum balas yang positif daripada 80 orang peserta yang terlibat.
7	Kursus Kepimpinan Remaja Sihat	25 – 27 Mac 2011	Sedim ECO Theme Park, Kedah	Kursus kepimpinan ini memberi ruang dan peluang kepada para belia menunjukkan potensi diri sebagai pemimpin di kalangan belia yang mengikuti kursus ini. Seramai 70 orang berjaya mengharungi cabaran-cabaran dan aktiviti-aktiviti lasak yang telah direncanakan untuk menguji dan membina ketahanan fizikal dan mental serta mendidik mereka untuk lebih tabah mengharungi dugaan dan ujian yang bersilih ganti dalam kehidupan.
8	Konvoi Pandu Cermat,Jiwa Selamat (bersama Mat Rempit)	2 April 2011	Sekitar Negeri Pulau Pinang	Konvoi ini bertujuan untuk mendekati para belia dan berkongsi aktiviti kegemaran mereka di samping memahami kehendak jiwa para belia masa kini dan mendidik mereka untuk memandu dengan secara berhemah dan berhati-hati. Konvoi yang telah bermula seawal jam 8.00 pagi ini telah berlepas di ruang legar di bawah bangunan Komtar. Penjelajahan konvoi diteruskan di sekitar Pulau Pinang dan berakhir di Kampung Pokok Sena, Seberang Perai Utara. Sebanyak 70 buah motosikal terlibat dan disertai juga oleh 15 motosikal berkuasa tinggi serta 20 orang anggota Polis Diraja Malaysia Pulau Pinang dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Penang Bridge Sdn. Bhd.

9	“ Road Safety Walk”	23 April 2011	Depan Dewan Panorama, Bagan Ajam,SPU	Seramai 500 orang dari sekitar Pulau Pinang telah membanjiri perkarangan dewan tersebut untuk menyertai program ini yang berlangsung dengan begitu meriah. Belia-belia bersama pemimpin-pemimpin berjalan kaki mengelilingi kawasan persisiran pantai. Terdapat juga pameran-pameran berinformatif dari jabatan-jabatan dan hadiah-hadiah berupa topi keledar. Program ini telah dirasmikan oleh Tan Sri Nor Mohd Yaakob.
10	Meriah Belia Negeri Pulau Pinang	1 Mei 2011	Autocity, juru	Dengan tema “Belia Berwawasan Penggerak Kejayaan”, karnival ini telah berjaya menarik ramai pengunjung untuk hadir memeriahkan lagi suasana. Sebanyak 28 Pertubuhan Belia, agensi kerajaan dan swasta serta beberapa persatuan lain telah mengambil bahagian dalam pameran sempena karnival ini. Aktiviti-aktiviti yang diketengahkan dalam karnival seperti pameran-pameran dari pertubuhan belia, *Poket Bike, ATV, Paintball, Go-Kart, Street Soccer,* Sepak Takraw dan pelbagai lagi telah berjaya menarik minat golongan belia untuk sama-sama hadir dan menyertainya.
11	Program Jelajah Futsal & Bola Jaring	8-22 Mei 2011	IKBN, Bukit Mertajam	Program yang dijalankan selama 4 minggu (8, 14, 17 dan 22 Mei 2011) telah berjaya menarik ramai peserta yang terdiri daripada pelajar –pelajar IKBN dan pasukan-pasukan jemputan khas IKBN daripada beberapa buah sekolah. Kejohanan seperti ini mampu menjadi pentas oleh para belia Pulau Pinang untuk menjadikan elemen sukan sebagai salah satu amalan gaya hidup sihat. Bakat-bakat sukan yang telah dicungkil dari kejohanan ini juga diharap mampu diberi peluang yang lebih baik untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam program pembangunan sukan negara.
12	Himpunan Sejuta Belia 2011	27-29 Mei 2011	Putrajaya	Himpunan Sejuta Belia diadakan khas untuk meraikan belia-belia di Malaysia. Pihak Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MBNPP) juga tidak ketinggalan untuk turut serta memeriahkan lagi sambutan Hari Belia Negara dengan menghantar belia seramai 500 orang. Perjalanan dimulakan dari Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang dan terus ke Putrajaya. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan sepanjang tiga hari program Himpunan Sejuta Belia ini ternyata memberi input dan pengalaman baru kepada setiap belia yang hadir.

13	Program Crime Awareness Day	2-3 Julai 2011	Hentian Rehat dan Rawat , Lebuhraya Butterworth - Kulim	Program ini berlangsung dengan kerjasama PDRM. Pameran berkenaan keselamatan dan berinformasi telah dipamerkan. Gimik program dan aksi demonstrasi serta tindakan PDRM dalam menghadapi situasi seperti berikut telah dipertontonkan. Program ini secara tidak langsung mendekatkan golongan belia dengan pihak PDRM dalam membanteras jenayah.
14	Kem Belia Proaktif Bitara	15-17 Julai 2011	PJ Sentosa Camp Site, Kuala Nerang, Kedah	Kem ini telah berjaya mengasah bakat kepimpinan dan menjadikan belia hari ini lebih berani untuk menjadi pemimpin yang hebat dan mantap. Penyertaan peserta seramai 40 orang belia sekitar Negeri Pulau Pinang amat membanggakan dan turut dibantu oleh 8 orang fasilitator dan urusetia bagi menjayakan program ini. Maklum balas yang diterima oleh para peserta juga amat positif dan kebanyakkan daripada mereka mengusulkan supaya MBNPP mengadakan lebih banyak lagi kem berunsurkan kepimpinan seperti ini kelak.
15	Program Gerak Kecemerlangan Gerak Kerja	27 Julai 2011	Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Hussein Onn, Seberang Jaya	Program kecemerlangan ini adalah bertujuan memupuk semangat ingin berjaya kepada para peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah. Program ini meningkatkan motivasi pelajar untuk melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya.
16	Training Of Trainer : Sukan Air	24-25 Sept 2011	Pusat Kegiatan Sukan Air, Tanjung Bungah	Program ini bertujuan menggalakkan belia-belia di Pulau Pinang untuk mencuba dan menyertai aktiviti sukan air melalui berkayak. Selain memberi pendedahan berkaitan sukan kayak kepada para peserta ia juga bertujuan mengikis tanggapan orang ramai bahawa sukan air atau berkayak adalah merbahaya. Oleh yang demikian, program ini berupaya mendedahkan kepada masyarakat akan kelebihan dan keseronokan sukan air dengan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil sebelum menyertai sukan ini. Antara objektif lain program ini ialah memperkenalkan Sukan Air dan sukan berkayak kepada belia-belia serta menggalakkan aktiviti berkayak kepada belia untuk tujuan rekreasi atau sukan.

17	Konvensyen 1 Belia 1 Komuniti	1 Oktober 2011	IXORA Hotel, Seberang Jaya	Konvensyen ini telah berjaya mengumpul sejumlah 150 peserta yang terdiri daripada institusi JKKK, KRT dan Khariah Masjid. Ia telah memberi kefahaman kepada mereka mengenai peranan persatuan belia sebagai pemangkin kepada kestabilan ekonomi, politik dan sosio-ekonomi masyarakat dan Negara. Selain daripada itu, konvensyen ini juga sebagai medium untuk mewujudkan kolaborasi, perkongsian pintar dan jalinan komunikasi institusi masyarakat dengan persatuan belia. Majlis perasmian telah diisempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Zainal Abidin Bin Osman, Penasihat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.
18	Perkampungan Belia	17-20 November 2011	Kampung Tuan Syed, Bumbung 5, SPU	Impak paling besar bagi program ini ialah telah mengeratkan hubungan silaturahim di antara penduduk kampung dengan para belia, memberi pendedahan kepada para belia mengenai adat resam dan budaya kehidupan masyarakat desa. Di samping itu juga, program ini membantu para belia meningkatkan semangat dan daya saing dalam mencurahkan bakti kepada masyarakat dan membetulkan semula tanggapan negatif yang sering dilemparkan oleh masyarakat kepada belia. Setiap peserta telah tinggal bersama-sama keluarga angkat masing-masing selama program ini berlangsung.
19	Seminar Miti Bersama Usahawan	17-18 Disember 2011	Dewan Harmoni, Desasiswa Bakti Permai, USM	Seminar ini telah disertai oleh bakal-bakal usahawan serta para usahawan yang mempunyai minat yang tinggi untuk mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat yang lebih tinggi dalam mencipta kejayaan yang lebih cemerlang. Y.Bhg. Dr. Aishah Kasa, Pengarah BAC MITI telah dijemput untuk memberi panduan dan input-input yang berguna kepada usahawan dan bakal-bakal usahawan yang telah hadir dalam memberi dimensi baru yang lebih positif untuk bergelar usahawan. Semoga program seperti dapat diteruskan dalam usaha memajukan masyarakat dalam usaha membasmi kemiskinan dan mempertingkatkan taraf hidup di Negara ini khususnya di Pulau Pinang.

Jadual B

KATEGORI PROGRAM

BIL	PROGRAM	KATEGORI PROGRAM
1	Kem Motivasi Remaja	Bengkel & Seminar (Motivasi)
2	Klinik Golf MBNPP (Fasa I)	Kejohanan Sukan & Kebudayaan (Sukan)
3	Misi Bantuan Banjir di Johor & Sumbangan Bantuan Kepada Mangsa-mangsa Banjir	Kesukarelaan & Khidmat Bakti
4	Karnival Wanita 1 Malaysia MBNPP & Desasiswa RESTU	Perhimpunan & Karnival (Karnival)
5	Kursus Kepimpinan Belia Bukan Persatuan	Bengkel & Seminar (Kepimpinan)
6	Kem Motivasi Belia	Bengkel & Seminar (Motivasi)
7	Kursus Kepimpinan Remaja Sihat	Bengkel & Seminar (Kepimpinan)
8	Konvoi Pandu Cermat,Jiwa Selamat (bersama Mat Rempit)	Perhimpunan & Karnival (Pendidikan & Rekreasi)
9	“ Road Safety Walk”	Perhimpunan & Karnival (Pendidikan & Rekreasi)
10	Meriah Belia Negeri Pulau Pinang	Perhimpunan & Karnival (Karnival)
11	Program Jelajah Futsal & Bola Jaring	Kejohanan Sukan & Kebudayaan (Sukan)
12	Himpunan Sejuta Belia 2011	Perhimpunan & Karnival (Sambutan Hari Belia)
13	Program Crime Awareness Day	Perhimpunan & Karnival (Pendidikan)
14	Kem Belia Proaktif Bitara	Bengkel & Seminar (Kepimpinan)
15	Program Gerak Kecemerlangan Gerak Kerja	Bengkel & Seminar (Motivasi)
16	Training Of Trainer : Sukan Air	Kejohanan Sukan & Kebudayaan (Sukan)
17	Konvensyen 1 Belia 1 Komuniti	Konvensyen & Persidangan (Konvensyen)
18	Perkampungan Belia	Kesukarelaan & Khidmat Bakti
19	Seminar Miti Bersama Usahawan	Bengkel & Seminar (Keusahawanan)

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang mengambil tanggungjawab membina Perumahan Rakyat iaitu rumah mampu milik seperti rumah kos rendah, sederhana rendah dan kos sederhana atau menyerahkan kepada pihak swasta dengan mengenakan syarat mengikut kuota jumlah rumah yang dibina terutamanya di kawasan George Town, Bayan Baru dan Balik Pulau memandangkan permintaan yang tinggi untuk jenis perumahan tersebut di kawasan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan bekalan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di Negeri Pulau Pinang mencukupi bagi semua penduduknya. Bagi tujuan ini Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa tapak yang melibatkan tanah kerajaan dan MPPP untuk dibangunkan rumah kos rendah dan kos sederhana di bawah fasa I.

Kerajaan Negeri juga tidak bercadang untuk mengambil tanggungjawab sepenuhnya di dalam membina rumah kos rendah dan sederhana rendah. Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dengan pemaju-pemaju swasta di dalam menyediakan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah ini. Sehingga 31 Mac 2012, jumlah pemohon aktif di Daerah Barat Daya yang masih di dalam senarai menunggu adalah seramai 3,477 orang iaitu 3,190 orang untuk rumah kos rendah dan 287 orang untuk rumah kos sederhana rendah, manakala untuk Daerah Timur Laut, sebanyak 14,405 orang iaitu 4,869 orang untuk rumah kos rendah dan 9,536 orang untuk rumah kos sederhana rendah. Pada masa kini, terdapat sebanyak 2,015 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang sedang aktif ditawarkan kepada pemohon yang layak oleh Bahagian Perumahan di Daerah Timur Laut manakala di Daerah Barat Daya pula adalah sebanyak 381 unit.

Berdasarkan kepada Dasar Sumbangan Rumah Kos Rendah yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 1 Januari 1986, peruntukkan 30% rumah kos rendah bagi projek perumahan perlu dibina dalam skim perumahan yang sama atau daerah yang sama.Kerajaan Negeri menggalakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana rendah (khususnya untuk tujuan penempatan semula) dibangunkan di kawasan yang sama dipenempatan asal penduduk atau di dalam Daerah yang sama penempatan asal penduduk. Sekiranya ada cadangan untuk memindah ke kawasan lain, persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri mesti diperoleh terlebih dahulu.

Antara kaedah yang telah dilaksanakan bagi memastikan pembinaan yang berterusan untuk rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik oleh pihak pemaju adalah dengan:

(a) Memperluaskan stok tanah perumahan.

Meninggikan bekalan perumahan baru termasuk rumah mampu milik di kawasan pembangunan baru (new growth area) di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan. Kerajaan Negeri juga sedang membuat perancangan untuk membina rumah mampu milik di Batu Kawan atas tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seluas 200 ekar. Projek ini dijangka akan menyediakan melebihi 11,800 unit apartmen yang berharga RM72,500.00 sehingga RM220,000.00 seunit. Seperti sedia maklum, tanah di Negeri Pulau Pinang adalah amat terhad berbanding dengan Negeri-Negeri lain. Malah, didapati permintaan ke atas tanah pembangunan perumahan hanya tertumpu di kawasan membangun sahaja. Contohnya di bahagian pulau yang mempunyai dua daerah iaitu Timur Laut dan Barat Daya, pemaju lebih tertumpu di Daerah Timur Laut berbanding di Daerah Barat Daya. Daerah Seberang Perai Tengah pula menjadi pilihan pemaju jika dibandingkan dengan Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Seberang Perai Selatan. Melalui kaedah penambahan stok tanah untuk tujuan pembangunan perumahan adalah diharapkan boleh mengurangkan kenaikan kos tanah di kawasan pilihan dan akan menstabilkan harga rumah di pasaran;

(b) Melaksanakan Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan nisbah plot di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang berkuat kuasa pada 21 Disember 2011 antaranya:

(i) Membenarkan pemaju membangunkan sehingga mencapai kepadatan 87 unit/ekar hingga 120 unit/ekar (maksimum sekiranya

tapak tersebut mempunyai penempatan setinggan) bagi kawasan-kawasan yang dibenarkan bagi penambahan ketumpatan terutama sekali di sekitar kawasan Transportation Oriented Development (T.O.D). Misalnya, perumahan kos sederhana rendah diberikan ketumpatan sehingga 120 unit seekar manakala tiada had ketumpatan bagi perumahan kos rendah (dengan syarat mematuhi semua kehendak perancangan);

(ii) Mana-mana pemajuan yang mengguna pakai garis panduan ini adalah disyaratkan menyediakan 30% RKSR bagi kawasan Daerah Timur Laut, manakala bagi kawasan Daerah Barat Daya perlu menyediakan 30% RKR atau 15% RKR dan 15% RKSR; dan

(iii) Mensyaratkan sebanyak 5% daripada unit yang dibina dijual pada harga kurang RM200,000.00 manakala 15% lagi hendaklah dijual pada harga kurang dari RM300,000.00. Ini dapat menggalakkan pemaju-pemaju untuk membina lebih banyak perumahan mampu milik (affordable housing);

(c) Meninggikan harga rumah yang layak dibeli oleh warga asing di Pulau Pinang dari RM250,000.00 ke RM500,000.00 mulai 1 Januari 2010. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah mengumumkan untuk melihat dan mengkaji semula dasar pemilikan hartanah oleh warga asing ini dari RM500,000.00 hingga RM1,000,000.00 kepada had yang lebih tinggi iaitu RM2,000,000.00 untuk hartanah di bahagian Pulau dan mengekalkan had RM500,000.00 kepada pemastautin tetap. Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSN), Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa penyediaan rumah mampu milik diberi keutamaan melalui langkah-langkah berikut:

(a) Mengambil kira keupayaan pembeli rumah (purchasing power) penduduk yang berbeza-beza, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan meluluskan projek perumahan bagi memastikan semua golongan penduduk di Pulau Pinang memiliki rumah berdasarkan dua jenis rumah mampu milik iaitu rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

(b) Mengawal harga rumah kos rendah dan sederhana rendah dan menetapkan syarat kelayakan rumah yang lebih realistik bagi golongan pertengahan iaitu individu yang berpendapatan RM2,500.00 hingga RM3,500.00 sebulan dan merendahkan had kelayakan umur dari 21 tahun kepada 18 tahun.

(c) Menggalakkan pemilik hartanah menyertai program pemuliharaan dan pembaharuan bandar melalui agensi pembaharuan dan pemulihan bandar agar lebih banyak perumahan dan hartanah lain dapat dibina untuk mencapai hasrat satu rumah satu keluarga terutama di kawasan bandar.

(d) Memproses dan meluluskan lebih banyak pelan-pelan permohonan perancangan di dalam waktu yang lebih singkat menerusi OSC di PBT untuk menggalakkan lebih banyak rumah dapat dibina dalam waktu yang singkat.

(e) Menggalakkan pembinaan RKR dan RKSR (khususnya untuk tujuan penempatan semula) dibangunkan di kawasan yang sama di penempatan asal penduduk atau di dalam daerah yang sama penempatan asal penduduk.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Berapakah jumlah wang yang terkumpul hasil sumbangan pemaju untuk kuota Bumiputera yang tidak dapat dijual?

(b) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang membina rumah-rumah kos mampu milik untuk Bumiputera di kawasan-kawasan tertentu dengan menggunakan dana terkumpul tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sehingga 19 April 2012, jumlah wang terkumpul bagi bayaran sumbangan pelepasan kuota Bumiputera adalah sebanyak RM34,852,998.83. Kerajaan Negeri bercadang untuk membina rumah kos mampu milik untuk Bumiputera bagi membantu mereka yang terjejas dalam program penempatan semula seperti di Jelutong.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk mengenakan syarat pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana di kawasan pembangunan perumahan yang sama memandangkan pemaju pada masa sekarang ini memindahkan pembinaan perumahan kos rendah dan sederhana ini di kawasan luar bandar atau kawasan lain di daerah yang sama sedangkan rakyat mahukan rumah mampu milik ini di kawasan yang sama. Contohnya rumah mampu milik yang sepatutnya dibina di tapak pembangunan di Bayan Baru dibina di Balik Pulau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Berdasarkan Kepada Dasar Sumbangan Rumah Kos Rendah yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 01 Januari 1986, peruntukkan 30% rumah kos rendah bagi projek perumahan perlu dibina dalam skim perumahan yang sama atau daerah yang sama. Kerajaan Negeri menggalakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana rendah (khususnya untuk tujuan penempatan semula) dibangunkan di kawasan yang sama di penempatan asal penduduk atau di dalam daerah yang sama penempatan asal penduduk. Sekiranya ada cadangan untuk memindah ke kawasan lain, persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri mesti diperolehi terlebih dahulu.

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan bekalan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di Negeri Pulau Pinang mencukupi bagi semua penduduknya khususnya di Daerah Barat Daya. Tindakan yang telah dilaksanakan untuk menambah rumah kos rendah dan kos sederhana rendah adalah berdasarkan kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP) yang diwartakan pada 28 Jun 2007, di mana syarat-syarat yang perlu dipatuhi pemaju dalam perlaksanaan projek pembangunan melalui Dasar Sektoral adalah:

DS29 L9 - Mensyaratkan pembayaran sumbangan kewangan setara bagi menggantikan penyediaan 30% rumah kos rendah bagi pembangunan perumahan yang bersaiz 5 hingga 99 unit bagi “kawasan pembangunan” dan 5 hingga 149 unit

bagi kawasan “luar kawasan pembangunan”.

DS32 L5 - Menetapkan perkiraan sumbangan kuota pembinaan rumah kos rendah pada kadar minimum 30% tambahan kepada jumlah unit yang dibenarkan terpakai kepada pembangunan yang melebihi 150 unit bagi “kawasan luar kawasan pembangunan” atau 100 unit bagi “kawasan pembangunan”.

DS32 L8 - Menetapkan harga rumah kos rendah di antara RM25,000 – RM42,000 bergantung kepada lokasi, jenis rumah kos rendah yang disediakan dengan keluasan minimum saiz ruang lantai/unit – 650 kp.

Melalui pelaksanaan Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan nisbah plot di Majlis Perbadanan Pulau Pinang (MPPP) yang berkuatkuasa pada 21 Disember 2011, Kerajaan Negeri telah membenarkan pemaju membangunkan sehingga mencapai kepadatan 87 unit/ekar hingga 120 unit/ekar (maksimum- sekiranya tapak tersebut mempunyai penempatan setinggan) bagi kawasan-kawasan yang dibenarkan bagi penambahan ketumpatan terutama sekali di sekitar kawasan ”Transportation Oriented Development” (T.O.D). Misalnya, perumahan kos sederhana rendah diberikan ketumpatan sehingga 120 unit seekar manakala tiada had ketumpatan bagi perumahan kos rendah (dengan syarat mematuhi semua kehendak perancangan). Mana-mana pemajuan yang menggunapakai garis panduan ini adalah disyaratkan menyediakan 30% RKSR bagi kawasan Daerah Timur Laut, manakala bagi kawasan Daerah Barat Daya perlu menyediakan 30% RKR atau 15% RKR dan 15% RKSR.

RSNPP 2020 akan dikaji semula secara ”compulsory” (compulsory review) mulai Jun 2012 ini iaitu setelah genap 5 tahun ianya diwartakan oleh Kerajaan Negeri. Cadangan untuk mensyaratkan pemaju menyediakan perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah di kawasan yang sama pembangunan dijalankan ini boleh dipertimbangkan semasa kajian semula RSNPP dijalankan, tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan dan Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa menjalankan pemantauan yang berterusan terhadap semua pelan kebenaran merancang yang diluluskan yang melibatkan komponen rumah kos rendah/kos sederhana rendah bagi memastikan pemajuan ke atas rumah kos rendah/kos sederhana rendah tersebut dibangunkan di dalam fasa pertama pemajuan projek-projek tersebut. Dasar yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan komitmen dan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan penyediaan unit-unit rumah mampu milik (khasnya rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah) dapat dilaksana dan ditadbir dengan lebih sistematik.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Apakah Kerajaan Tempatan dan Pejabat Perumahan Negeri Pulau Pinang bercadang menyemak semula syarat-syarat pembangunan perumahan supaya memberi keselesaan kepada pemilik rumah pangsa kos rendah, sederhana rendah dan sederhana supaya Low Cost bukan bermaksud Low Class. Sila jelaskan mengenainya.

    (a) Syarat keluasan minimum 600 kaki persegi (k.p.s) kepada 700 k.p.s. untuk kos rendah, 800 k.p.s untuk kos sederhana rendah dan 900 k.p.s untuk kos sederhana.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap isu-isu sosial dan kepentingan rakyat terutamanya kepada pemilik-pemilik rumah kos rendah dan kos sederhana rendah bagi memastikan mereka dapat hidup dalam keadaan yang selesa, kondusif dan selamat. Itulah sebabnya Kerajaan Negeri telah melantik pembina rumah mampu milik yang paling baik di dunia iaitu HDB Singapura untuk mereka dan merancang pembinaan rumah mampu milik di Batu Kawan sebanyak 12,000 unit dan juga di tempat lain di semua daerah Pulau Pinang. Di dalam usaha untuk memastikan pembangunan perumahan ini mencapai aspirasi Kerajaan Negeri, beberapa dasar mengenai perumahan telah digariskan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020. Dasar-dasar yang dimaksudkan ialah:

(i) DS 28 – Pembangunan Perumahan Yang Berkualiti Akan Terus Disediakan Bersesuaian Dengan Permintaan Penduduk;

(ii) DS 29 – Agensi Awam Dan Swasta Akan Digalakkan Terlibat Di Dalam Penyediaan Perumahan Mampu Milik;

(iii) DS 30 – Pembangunan Perumahan Akan Hanya Dibenarkan Di Kawasan-Kawasan Yang Telah Di Kenal pasti;

(iv) DS 31 – Pembangunan Perumahan Akan Dilaksanakan Dengan Segera Setelah Kelulusan Kebenaran Merancang Di perolehi;

(v) DS 32 – Pembangunan Perumahan Kos Rendah Dan Kos Sederhana Rendah Akan Dilaksanakan Menepati Garis Panduan Yang Telah Ditetapkan Oleh Kerajaan Negeri;

(vi) DS 33 – Perkampung Tradisional Dan Perkampung Dalam Bandar Akan Dikekal Dan Prasarana Dinaik Taraf; dan

(vii) DS 34 – Merancang Dan Membangunkan Semula Kawasan Setinggan Seiring Dengan Matlamat Setinggan Sifar Di Atas Tanah Kerajaan Menjelang Tahun 2020.

Dasar-dasar ini dirangka untuk menyediakan perumahan yang berkualiti dan bersesuaian untuk penduduk serta menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Dasar-dasar ini sentiasa diguna pakai terutamanya di dalam meluluskan sesuatu permohonan kebenaran merancang. Dasar-dasar Negeri terutamanya melibatkan dasar perumahan mengenai rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sentiasa mendapat perhatian oleh Kerajaan Negeri ke arah menyediakan perumahan yang mencukupi untuk semua golongan kursusnya golongan berpendapatan rendah.

RSNPP 2020 akan dikaji semula secara compulsory (compulsory review) mulai Jun 2012 ini iaitu setelah genap 5 tahun ianya diwartakan oleh Kerajaan Negeri. Kajian semula ini akan membuat penilaian terhadap kesesuaian, keberkesanan dan progres pelaksanaan setiap dasar RSNPP 2020 ini (termasuk dasar mengenai penyediaan perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah) dari semua aspek dengan mengambil kira pandangan, bantahan, aspirasi dan idea-idea orang ramai

serta pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Semua pandangan, bantahan dan idea-idea orang ramai, pihak-pihak berkepentingan yang lain, serta dasar-dasar terkini oleh Kerajaan Negeri dan Negara akan diselaraskan ke dalam RSNPP 2020 yang akan dikaji semula.

(a) Berdasarkan syarat keluasan minimum seperti yang terdapat dalam dasar Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 di bawah DS32 L8 menyatakan bahawa harga rumah kos rendah ditetapkan di antara RM 25,000 – RM42,000 bergantung kepada lokasi, jenis rumah kos rendah yang disediakan dengan keluasan minimum saiz ruang lantai/unit 650 kaki persegi. Bagi rumah kos sederhana rendah di Daerah Timur Laut, keluasan minimum saiz lantai adalah 570 kaki persegi – 650 kaki persegi. Untuk daerah-daerah lain pula, keluasan minimum saiz lantai antara 650 kaki persegi – 753 kaki persegi berdasarkan kepada DS32 L9 iaitu menyediakan perumahan kos sederhana rendah sebagai tambahan kepada penyediaan perumahan kos rendah yang berharga antara RM 40,000 hingga RM75,000.

Bagi rumah kos sederhana tiada penetapan keluasan minimum saiz lantai yang diberikan. Pihak pemaju boleh mencadangkan keluasan yang bersesuaian, selesa, kondusif dan berpatutan dengan harga jualan rumah tersebut.

Pertimbangan untuk menaikkan keluasan minimum berkenaan pastinya akan memberi implikasi ke atas harga unit-unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana berkenaan. Oleh yang demikian beberapa insentif dan pengecualian boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri untuk diberikan kepada pemaju sekiranya cadangan menaikkan had minimum keluasan rumah-rumah ini hendak dilaksanakan. Insentif atau pengecualian yang dimaksudkan adalah seperti peningkatan densiti, ”tranfer of development rights”, pengecualian bayaran pemajuan (sekiranya melibatkan perlingkungan semula tanah), dan seumpamanya.

Kerajaan Negeri mengalu-alukan kepada pihak pemaju untuk membina rumah kos rendah dan kos sederhana rendah melebihi daripada syarat keluasan minimum yang telah ditetapkan, namun penetapan kelulusan harga adalah tertakluk kepada jadual zon harga rumah kos rendah dan kos sederhana rendah seperti di bawah dasar Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Apakah Kerajaan Tempatan dan Pejabat Perumahan Negeri Pulau Pinang bercadang menyemak semula syarat-syarat pembangunan perumahan supaya memberi keselesaan kepada pemilik rumah pangsa kos rendah, sederhana rendah dan sederhana supaya Low Cost bukan bermaksud Low Class. Sila jelaskan:

(a) Syarat minimum kawasan petak letak kereta pada 1:1 untuk rumah kos rendah kerana pada nisbah sekarang 1:4 (satu petak dikongsi oleh empat pemilik) akan menyebabkan kesesakan kenderaaan di kawasan-kawasan perumahan kos rendah ini.

(b) Meletakkan syarat ketinggian untuk pembinaan rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana mengikut kawasan. Pada masa ini difahamkan tidak ada syarat ketinggian (maksud di sini ialah berapa ketinggian tingkat) rumah kos rendah boleh dibina.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap isu-isu sosial dan kepentingan rakyat terutamanya kepada pemilik-pemilik rumah kos rendah dan kos sederhana rendah bagi memastikan mereka dapat hidup di dalam keadaan yang selesa, kondusif dan selamat. Itulah sebabnya Kerajaan Negeri telah melantik pembina rumah mampu milik yang paling baik di dunia iaitu HDB Singapura untuk mereka dan merancang pembinaan rumah mampu milik di Batu Kawan sebanyak 12,000 unit dan juga di tempat lain di semua daerah Pulau Pinang. Di dalam usaha untuk memastikan pembangunan perumahan ini mencapai aspirasi Kerajaan Negeri, beberapa dasar mengenai perumahan telah digariskan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang. Dasar-dasar yang dimaksudkan ialah:

(i) DS 28 – Pembangunan Perumahan Yang Berkualiti Akan Terus Disediakan Bersesuaian Dengan Permintaan Penduduk;

(ii) DS 29 – Agensi Awam Dan Swasta Akan Digalakkan Terlibat Di Dalam Penyediaan Perumahan Mampu Milik;

(iii) DS 30 – Pembangunan Perumahan Akan Hanya Dibenarkan Di Kawasan-Kawasan Yang Telah Di Kenal pasti;

(iv) DS 31 – Pembangunan Perumahan Akan Dilaksanakan Dengan Segera Setelah Kelulusan Kebenaran Merancang Di perolehi;

(v) DS 32 – Pembangunan Perumahan Kos Rendah Dan Kos Sederhana Rendah Akan Dilaksanakan Menepati Garis Panduan Yang Telah Ditetapkan Oleh Kerajaan Negeri;

(vi) DS 33 – Perkampung Tradisional Dan Perkampung Dalam Bandar Akan Dikekal Dan Prasarana Dinaik Taraf; dan

(vii) DS 34 – Merancang Dan Membangunkan Semula Kawasan Setinggan Seiring Dengan Matlamat Setinggan Sifar Di Atas Tanah Kerajaan Menjelang Tahun 2020.

Dasar-dasar ini dirangka untuk menyediakan perumahan yang berkualiti dan bersesuaian untuk penduduk serta menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Dasar-dasar ini sentiasa diguna pakai terutamanya di dalam meluluskan sesuatu permohonan kebenaran merancang. Dasar-dasar Negeri terutamanya melibatkan dasar perumahan mengenai rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sentiasa mendapat perhatian oleh Kerajaan Negeri ke arah menyediakan perumahan yang mencukupi untuk semua golongan khususnya golongan berpendapatan rendah.

RSNPP 2020 akan dikaji semula secara compulsory (compulsory review) mulai Jun 2012 ini iaitu setelah genap 5 tahun ianya diwartakan oleh Kerajaan Negeri. Kajian semula ini akan membuat penilaian terhadap kesesuaian, keberkesanan dan progres pelaksanaan setiap dasar RSNPP 2020 ini (termasuk dasar mengenai penyediaan perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah) dari semua aspek dengan mengambil kira pandangan, bantahan, aspirasi dan idea-idea orang ramai serta pihak-pihak berkepentingan yang lain. Semua pandangan, bantahan dan idea-idea orang ramai, pihak-pihak berkepentingan yang lain, serta dasar-dasar terkini oleh Kerajaan Negeri dan negara akan diselaraskan ke dalam RSNPP 2020 yang akan dikaji semula.

(a) Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa keperluan Tempat Letak Kereta (TLK) bagi perumahan kos rendah (LC) telah dipinda daripada nisbah TLK 1:4 kepada 1:3. Manakala keperluan TLK bagi perumahan kos sederhana rendah (LMC), ianya telah dipinda daripada nisbah TLK 3:5 kepada 3:4.(Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bil 4/2009 pada 26 Mei 2009 dan disahkan pada 18 Jun 2009).

Pada dasarnya, Kerajaan Negeri telah pun membuat pindaan tersebut pada 18 Jun 2009 dan masih belum bercadang untuk meneliti semula secara keseluruhan kaedah parkir yang dilaksanakan oleh kedua-dua PBT. Syarat keperluan TLK pada nisbah 1:1 tidak dapat dilaksanakan pada masa kini terutama sekali di kawasan pentadbiran MPPP (Pulau) adalah disebabkan oleh kekangan tanah yang mana nilai tanah di kawasan Pulau adalah sangat tinggi. Dalam hal ini, pemilik-pemilik rumah kediaman tersebut perlu menyesuaikan dengan kemudahan tapak yang disediakan selaras dengan dasar kerajaan pada ketika ini. Tambahan pula pindaan kepada dasar ini terhadap pemaju boleh mengakibatkan peningkatan harga rumah yang sememangnya tinggi bagi Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, alternatif lain yang boleh diberi penekanan oleh PBT ialah mensyaratkan pemaju menyediakan kemudahan TLK secara berpusat bagi sesuatu kawasan yang melibatkan pembangunan LC dan LMC bagi menampung keperluan penduduk setempat.

(b) Pendekatan Kerajaan Negeri dari aspek kawalan ketinggian pembangunan di bahagian Pulau adalah dengan menetapkan semua projek pembangunan yang melebihi 5 tingkat di koridor Tanjong Bungah ke Batu Feringghi perlu dirujuk ke Jawatankuasa Perancang Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan. Mengikut garis panduan semasa MPPP, sesetengah kawasan mempunyai kawalan ketinggian bangunan termasuk (rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana) iaitu:

(i) Kawasan Teluk Bahang, Teluk Kumbar, Gertak Sanggul, Jalan Kampung Baru, Sungai Rusa, Sungai Pinang, Balik Pulau, Pulau Betong, Kampung Pantai Acheh dan Batu Maung, pemajuan perumahan sehingga maksima 5 tingkat dibenarkan.

(ii) Kawasan Warisan George Town, ketinggian bangunan dibenarkan sehingga 18 meter.

Bagi bahagian Seberang Perai, tiada syarat ketinggian ditetapkan melainkan

ketinggian rumah kos rendah di sekitar kawasan laluan penerbangan TUDM adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh pihak TUDM.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang menambah peruntukan tahunan untuk Sekolah Agama Rakyat memandangkan terdapat 123 Sekolah Agama Rakyat di Negeri Pulau Pinang sejak 2009 mendapat purata RM1.5 juta setahun, sedangkan Sek. Jenis Keb. Tamil terdapat 28 tetapi mendapat jumlah yang sama seperti Sekolah Agama Rakyat, manakala terdapat 98 Sek. Jenis Keb. Cina tetapi mendapat peruntukkan purata RM5.0 juta setahun sedangkan Sek. Jenis Keb. Cina dan Sek. Jenis Keb. Tamil gaji guru dibayar oleh Kerajaan Pusat manakala Sekolah Agama Rakyat ditanggung oleh rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada mulanya bersetuju untuk memberikan peruntukan kepada 20 buah Sekolah Agama Rakyat (9 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat, 4 buah Sekolah Rendah Agama Rakyat Integrasi dan 7 Sekolah Tahfiz) yang tidak mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, peruntukan bantuan kewangan telah juga diperluaskan kepada Sekolah Rendah Agama Rakyat lain yang menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

    20 buah Sekolah Agama Rakyat telah diperuntukan sebanyak RM1.5 juta pada tahun 2009 dan peruntukan ini telah ditambah ke RM1.75 juta pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Selain daripada peruntukan ini, Kerajaan Negeri juga meluluskan peruntukan Pembangunan bagi Sekolah Agama Rakyat mengikut keperluan di mana pada tahun 2010 RM2.5 juta telah diperuntukan, RM2.1 juta bagi tahun 2011 dan RM8.7 bagi tahun 2012.

    Selain itu, Guru Kafa yang mengajar di Sekolah Agama Rakyat juga menerima bayaran elaun dan bonus sebanyak RM1.40 juta pada tahun 2010, RM1.88 juta bagi tahun 2011 dan RM912,000 (belum mengambil kira bonus akhir tahun) pada tahun 2012.

    Dengan kata lain, Sekolah Agama Rakyat menerima peruntukan keseluruhan sebanyak RM5.65 juta pada tahun 2010, RM5.73 juta pada tahun 2011 dan RM11.36 juta bagi tahun 2012.

    Untuk makluman, gaji guru bagi Sekolah Cina, Tamil dan Agama Rakyat bukanlah ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang menambah peruntukan mikro kredit PTSR kepada para usahawan sebanyak sekurang kurangnya RM20 juta memandangkan pinjaman ini sangat menarik bagi para usahawan kecil?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri telah mewujudkan dana khas mikro kredit di bawah Projek Titian

Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang yang telah dilancarkan pada Oktober 2009 dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM3.0 juta. Setakat April 2012, jumlah bilangan peminjam yang telah mendapat manfaat dari skim PTSR ini adalah seramai 662 orang dan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM2,319,630.40. Kerajaan Negeri menerusi PDC masih mempunyai dana terkumpul berjumlah RM3,343,857.99 untuk diagihkan kepada para usahawan dan peniaga kecil.

Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menambah peruntukan mikro kredit PTSR sebanyak RM1.5 juta dan ini telah menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan yang disediakan berjumlah RM4.5 juta. Setakat April 2012, PDC telah berjaya mengutip bayaran balik pinjaman daripada para peminjam sebanyak RM1,163,488.39. Maka, Kerajaan Negeri melalui PDC masih mempunyai dana terkumpul berjumlah RM3,343,857.99 untuk diagihkan kepada para usahawan dan peniaga-peniaga kecil dan akan ditambahkan lagi mengikut keperluan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengimbangkan kepelbagaian atau diversity dari segi guna tenaga kumpulan etnik, terutamanya golongan Bumiputera profesional di syarikat swasta dan kilang-kilang multinasional di Free Trade Area Zone.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Guna tenaga kumpulan etnik di syarikat swasta dan kilang-kilang multinasional di “Free Trade Area” adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Syarikat-syarikat tersebut mempunyai kuasa mutlak ke atas pemilihan penggunaan tenaga kerja masing-masing berasaskan kepada syarat-syarat kelayakan dan kemahiran yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya kesaksamaan peluang atau *equal opportunities* dari segi kerjaya untuk semua kaum baik dalam perkhidmatan awam dan swasta.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Urusan pengambilan anggota ke perkhidmatan awam dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA). Iklan kekosongan jawatan dipaparkan dalam laman web www.spa.gov.my. Calon-calon boleh mengisi borang permohonan secara online. Permohonan adalah terbuka kepada warganegara Malaysia tanpa mengira kaum sekiranya memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan yang berkenaan.

Pentadbiran Negeri hanya menguruskan pengambilan anggota bagi Gred 1 hingga 16 selepas mendapat penurunan kuasa SPA. Pemilihan calon yang berkelayakan dibuat mengikut syarat-syarat lantikan skim yang berkenaan. Permohonan juga dibuka kepada semua warganegara tanpa mengira kaum sepertimana pengambilan yang dibuat oleh SPA. Iklan kekosongan jawatan boleh

dilayari dalam laman web www.penang.gov.my. Oleh yang demikian, peluang yang saksama dari segi kerjaya kepada semua kaum telah pun disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Pengambilan anggota oleh pihak swasta adalah di luar kawalan Kerajaan Negeri mahu pun Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, urusan pengambilan sementara itu, adalah urusan anggota di sektor swasta adalah dilakukan mengikut keperluan organisasi yang berkenaan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang memulakan gaji minimum kepada pekerja awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan anak syarikat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk melaksanakan gaji minimum kepada pekerja awam Kerajaan Negeri dan anak syarikat kerana ia sudah melebihi gaji minimum yang dihasratkan sebanyak RM1,100.00 termasuk elaun dan kos hidup. Bagi kakitangan awam Negeri, Kerajaan Negeri menerima pakai penetapan gaji mengikut Sistem Saraan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Memandangkan kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai terlalu luas, apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat menimbang setiap lima (5) daerah dipecahkan kepada lima (5) Majlis Perbandaran dan Pilihanraya Kerajaan Tempatan mengikut lima (5) Majlis Perbandaran?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Pada dasarnya pembentukan sesebuah Majlis Perbandaran adalah berpandukan kepada beberapa kriteria berikut:

Majlis Perbandaran

(i) merupakan bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah Negeri ataupun daerah;

(ii) penduduknya tidak kurang daripada 150,000 orang;

(iii) mempunyai pendapatan dari sumber kewangan yang mapan (sustainable) dengan hasil tahunan tidak kurang dari RM20 juta dan berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap yang wajar dan selesa sesuai dengan tahap kualiti hidup sebuah perbandaran;

(4iv mempunyai kegiatan perindustrian, perniagaan, pelancongan dan perumahan utama sedia ada ataupun dalam perancangan yang dikenal pasti berpotensi memberi sumbangan kepada pertambahan pegangan yang boleh dikenakan cukai serta penjanaan peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor;

(v) keupayaan menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga di samping

menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial;

(vi) mempunyai kemudahan infrastruktur yang memuaskan serta dihubungkan dengan sistem lebuh raya yang cekap. Mempunyai konsep perancangan bandar yang mapan (sustainable) yang berupaya menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami. Indikator bandar mampan seperti yang ditekankan dalam Sistem Malaysia Urban Indicator Network (MURNInet) juga akan diambil kira; dan

(vii) mempunyai program yang boleh menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti pelaksanaan Program Local Agenda 21 (LA 21) ataupun penglibatan jawatankuasa penduduk.

Untuk menimbangkan setiap daerah antara kriteria utama adalah untuk Kerajaan mempastikan setiap daerah berkenaan berupaya menjana pendapatan sendiri iaitu sekurang-kurangnya RM20 juta setahun dan berdasarkan kepada kedudukan kewangan sekarang, adalah didapati hanya beberapa daerah sahaja yang mempunyai bilangan pegangan (hartanah) yang besar yang mampu menjana pendapatan tahunan sekurang-kurangnya RM20 juta setahun. Ini adalah kerana daerah-daerah seperti SPU dan SPS adalah daerah-daerah yang punca pendapatan dan sumber ekonomi utamanya berteraskan pertanian dan kutipan hasilnya adalah lebih rendah berbanding daerah-daerah yang merupakan kawasan bandar dengan premis-premis perniagaan dan perumahan serta hartanah lainnya yang lebih tinggi kutipan hasilnya.

Untuk membolehkan Kerajaan Negeri membentuk setiap daerah dengan Majlis Perbandarannya masing-masing, Kerajaan Negeri memerlukan perancangan yang lebih teliti dan menyeluruh terutamanya dalam hal berkaitan mengujudkan peluang-peluang perniagaaan dan punca ekonomi yang kukuh dapat menjana pendapatan yang lebih stabil dan besar.

Di samping itu, pecahan Negeri kepada 5 perbandaran akan menyebabkan pertambahan kos pentadbiran dengan menggaji 5 Yang Dipertua dan 5 Setiausaha dan 120 Ahli Majlis berbanding 2 Yang DiPertua dan 2 Setiausaha Perbandaran dan 48 Ahli Majlis sekarang. Kawasan kedua-dua PBT tidak begitu luas untuk ditadbir sehingga menyebabkan masalah logistiks dan ketidak cekapan.

Cadangan penubuhan Majlis Perbandaran juga satu langkah ke belakang kerana ianya akan menjejaskan permohonan Kerajaan Negeri untuk manaik taraf Majlis Perbandaran Pulau Pinang kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang kerana dengan pemecahan MPPP untuk mewujudkan dua Pihak Berkuasa Tempatan, kriteria-kriteria penarafan bandaraya tidak dapat dicapai.

Pada ketika ini, adalah difikirkan tidak wajar untuk mewujudkan lebih daripada dua (2) Majlis Perbandaran seperti yang ada sekarang.

(XII) Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 untuk memastikan wujudnya perumahan kos rendah untuk rakyat Negeri

Pulau Pinang. Sila beri butiran mengenai unit-unit yang telah dan akan diwujudkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Kerajaan Negeri sentiasa proaktif bagi menambahkan stok rumah kos rendah agar semua rakyat Pulau Pinang dapat memiliki rumah yang selesa untuk didiami dengan harga yang mampu dijelaskan. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 untuk memastikan wujudnya perumahan kos rendah untuk rakyat Negeri Pulau Pinang ialah dengan melaksanakan dasar-dasar perumahan daripada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang iaitu:

   (i) Menetapkan perkiraan sumbangan kuota pembinaan rumah kos rendah pada kadar minimun 30% tambahan kepada jumlah unit bagi ”kawasan luar pembangunan” atau 100 unit bagi ”kawasan pembangunan”. Polisi ini diguna pakai oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempataniaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai semasa memprose semua permohonan kelulusan kebenaran merancang.

   (ii) Membenarkan pemaju membangunkan sehingga mencapai kepadatan 87 unit/ekar hingga 120 unit/ekar (maksimum-sekiranya tapak tersebut mempunyai penempatan setinggan) bagi kawasan-kawasan yang dibenarkan bagi penambahan ketumpatan terutama sekali di sekitar kawasan ‘Transportation Oriented Development’ (T.O.D).

   (iii) Mensyaratkan supaya 30% RKSR disediakan bagi kawasan Daerah Timur Laut. Manakala bagi kawasan Daerah Barat Daya perlu menyediakan RKSR sebanyak 15% dan RKR sebanyak 15%.

   (iv) Menampung keperluan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah melalui perancangan untuk membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang diberimilik kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) melalui ”Request For Proposal”.

   (v) Membina perumahan kos rendah iaitu pembangunan semula Kampung Pisang Awak Fasa II di atas tanah Plot A, bersebelahan Lot PT 51, Seksyen 4, BandarJelutong, Daerah Timur Laut. Pembangunan semula ini melibatkan pembinaan sejumlah 384 unit rumah yang terdiri daripada 192 unit rumah kos rendah dan 192 unit rumah kos sederhana rendah.

   (vi) Menender semula pembangunan perumahan kos rendah di Ampang Jajar/Ujung Batu yang melibatkan pembinaan sejumlah 800 unit rumah kos rendah.

   (vii) Merancang bagi membina 44 unit Rumah Mampu Milik di atas sebahagian Lot 680, Mukim 1, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Pulau Pinang. Kerja-kerja pembersihan tapak dan tambun tanah sedang dilaksanakan pada tahun ini oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang dan JKR Daerah SPS. Pembinaan rumah

mampu milik tersebut dirancang akan dibangunkan pada tahun 2013.

(viii) Membuat perancangan untuk membangunkan rumah kos rendah di atas tanah Kerajaan Negeri Lot 1534, Mukim 11, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan seluas 15.1 ekar melalui Request For Proposal.

(ix) Kerajaan Negeri juga telah merancang untuk membina rumah mampu milik di Batu Kawan atas tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seluas 150ekar yang merangkumi pembinaan sebanyak 11,800 unit rumah mampu milik bertingkat yang akan dibina secara berperingkat mengikut fasa dengan keluasan dari 800 kaki persegi berharga RM72,500.00 hingga 1,000 kaki persegi berharga RM220,000.00. Fasa pertama projek mengandungi 520 unit dijangkamula dibina pada hujung tahun 2012. Keseluruhan fasa dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan status terkini usaha penempatan semula berkaitan dengan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa 2. Bilakah dijangka Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa 2 ini akan dimulakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Status terkini penempatan semula penduduk yang terlibat dengan projek RTB Sungai Pinang Fasa 2 adalah di peringkat bayaran saguhati. Peruntukan bagi projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang Fasa 2 telah dipohon di dalam Rolling Plan 3, RMke-10 bagi tahun 2013 dan 2014.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Sila nyatakan usaha-usaha sampingan selain daripada projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa 2 yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang mahupun jangka masa pendek atau panjang untuk mengatasi masalah banjir di sekitar kawasan Sungai Pinang terutamanya Jalan P. Ramlee, Kampung Masjid Hashim Yahya dan Kebun Lama.

(b) Sila nyatakan jumlah peruntukan yang telah dan akan dibelanjakan untuk projek sampingan ini sejak tahun 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Usaha-usaha Kerajaan Negeri melalui JPS yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008 hingga kini juga untuk mengatasi masalah banjir di sekitar kawasan-kawasan berkenaan adalah seperti berikut:-

(i) Mendalam dan mengukuhkan tebing Sungai Jelutong, DTL

(ii) Menaik taraf saliran Sungai Jelutong, DTL

(iii) Mendalam parit cabang Sungai Jelutong, DTL

(iv) Menaik taraf Sungai Jelutong, berhampiran Kampung Masjid, DTL

(v) Mendalam dan menaik taraf saliran Sungai Jelutong, hadapan Flat Taman Abidin, DTL

(vi) Mendalam dan memulihkan Sungai Pinang dari Muara Sungai Pinang hingga Kampung Rawa, DTL

(vii) Mendalam dan memulihkan Sungai Pinang dan Sungai Jelutong (Belakang Perkuburan Islam Masjid Hashim Yahya), DTL

(viii) Menaik taraf Sungai Jelutong di Kawasan Kg Masjid, DTL Usaha-usaha ini sememangnya merupakan langkah yang paling wajar dilaksanakan bagi tujuan mengatasi banjir terutama di kawasan-kawasan yang dinyatakan. Malah kerjasama penduduk juga diminta untuk tidak mengguna dan membuang plastik kerana ia juga adalah punca kepada berlakunya banjir kilat.

(b) Jumlah keseluruhan kos projek adalah RM 2,039,389 dari tahun 2008 hingga 2012. Pecahan seperti berikut:-

(i) Tahun 2008 – Tiada
(ii) Tahun 2009 – RM 480,500
(iii) Tahun 2010 – RM 845,678
(iv) Tahun 2011 – RM 193,515
(v) Tahun 2012 – RM 519,696

MPPP juga turut menjalankan kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf parit sedia ada di kawasan sekitar Sungai Pinang seperti di bawah. Disamping itu MPPP juga mengkaji semula keperluan menyediakan parit baru yang lebih besar bagi pembangunan baru yang diluluskan.

KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN MENAIKTARAF PARIT

Parlimen : Jelutong
Kadun : N29 - Dato Keramat
Lokasi : Dato Keramat
Tahun : 2008

BIL	LOKASI	PERBELANJAAN (RM)
1	Jalan Utama Belakang No.17 - No.19	3,496.97
2	Jalan Samak Tepi Bangunan Sri Kota	5,440.00
3	Jalan Samak Blk. Bangunan Sri Kota	5,440.00
4	Jalan Perak No. 294 (Masjid Wanchik Arifin)	5,932.40
5	Jalan Ubin Tepi Dan Belakang No.1 - No.11A	5,998.83
6	Jalan Air Hitam Belakang No. 81 - No. 87A	4,388.22
7	Jalan Gopeng Belakang No. 6 - No. 40	5,180.94
8	Jalan Gopeng Hadapan No. 4 - No. 26	6,913.72
9	Jalan Air Hitam Blk. No. 91, 91A - 91K & 93	9,373.81
10	Jalan Gopeng Blk. No. 42 - No. 46 & 64 - 78	7,610.61

11	Jalan Bukom Belakang No. 20 - No. 32	7,704.61
12	Jalan Tekong Belakang No. 2 - No.12	4,410.31
13	Persiaran Perak Belakang No. 22 - No. 34	4,731.39
		76,621.81

KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN MENAIKTARAF PARIT

Parlimen : Jelutong
Kadun : N29 - Dato Keramat
Lokasi : Dato Keramat
Tahun : 2009

BIL	**LOKASI**	**PERBELANJAAN (RM)**
1	Jalan Kajang Belakang No.15 Hingga No. 53a	9,726.00
2	Jalan P. Ramlee Di Hadapan No. 73A ke No. 71 dan No. 61M ke No.61	8,625.54
3	Jalan Dato Keramat Sekitar Kawasan No. 343 Hingga No. 353	9,796.30
		28,147.84

KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN MENAIKTARAF PARIT

Parlimen : Jelutong
Kadun : N29 - Dato Keramat
Lokasi : Dato Keramat
Tahun : 2010

BIL	LOKASI	PERBELANJAAN (RM)
1	Jalan Munshi Abdullah Belakang No.1 - No. 25	7,530.60
2	Solok Rawana Belakang Rumah No. 44 Hingga Lot 2375	7,035.70
3	Solok Rawana Belakang Rumah No. 46 Hingga Lorong Sisi	6,729.80
4	Jalan Terengganu Belakang No. 80K Hingga No. 80U	7,404.00
5	Jalan Rawana Belakang Rumah No. 19 Ke No. 55 Menyiapkan Penutup Parit FRP 600mm x 400mm	3,000.00
		31,700.10

KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN MENAIKTARAF PARIT

Parlimen : Jelutong
Kadun : N29 - Dato Keramat
Lokasi : Dato Keramat
Tahun : 2011

LOKASI	PERBELANJAAN (RM)
Jalan Lim Lean Teng Lorong Belakang No. 86 -110	7,276.50
Lengkok P. Ramlee Tepi No. 68 - No.112 Jalan Trengganu	6,706.00
Lengkok P. Ramlee Hadapan No. 54 - No. 58	9,574.80
Jalan Sungkai Hadapan No. 58 - 60	8,761.20
Lengkok P. Ramlee Hadapan No. 9 -17	9,863.30
Lengkok P. Ramlee Hadapan No. 5 - 89-C Jalan P. Ramlee	9,961.10
Jalan Trengganu Lorong Belakang No. 71- 75j	9,740.20

Medan Trengganu Lorong Belakang No. 29 - 43	9,962.00
	71,845.10

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila nyatakan status terkini permohonan hak milik strata untuk projek perumahan kos rendah Kerajaan Negeri di Taman Free School. Bilakah OC dikeluarkan dan apakah status berkenaan plan baru yang perlu disediakan untuk dikemukakan kepada agensi-agensi berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Rumah pangsa awam di Taman Free School yang terletak di atas lot 3404, Seksyen 2, George Town, Daerah Timur Laut merupakan projek Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah didirikan pada tahun 1981 dan dibina oleh JKR. Bangunan tersebut masih belum menerima hakmilik strata. Bangunan ini dikategorikan sebagai 'bangunan khas' di dalam Akta Hakmilik Strata 1985 kerana bangunan ini diduduki sebelum Jun 1996.

   Memandangkan projek ini tidak mempunyai OC, Bahagian Perumahan SUK telah pun melantik Era 3 Arkitek Sdn Bhd untuk menguruskan permohonan OC khas kepada MPPP dan OC Khas bagi bangunan tersebut telah dikeluarkan pada 23.3.2011.

   Urusan kerja-kerja pengukuran sedang dilakukan bagi membolehkan hakmilik baru dikeluarkan dan kawasan yang telah menjadi sungai dikeluarkan dari hakmilik. Setelah selesai urusan hakmilik tanah tersebut, proses permohonan hakmilik strata dijangka akan dibuat pada akhir tahun 2012.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila nyatakan jumlah pelaburan dalam Negeri dan luar Negeri ke Negeri Pulau Pinang mulai tahun 2008 sehingga tahun 2011.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berdasarkan perangkaan daripada MIDA, jumlah pelaburan dalam Negeri dan luar Negeri yang telah diluluskan untuk Pulau Pinang bagi tempoh 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut :-

Tahun	Pelaburan Dalam Negeri	Pelaburan Luar Negeri	JUMLAH
2008	RM5.07 billion	RM5.09 billion	RM10.16 billion
2009	RM0.72 billion	RM1.45 billion	RM2.17 billion
2010	RM1.79 billion	RM10.45 billion	RM12.24 billion
2011	RM1.96 billion	RM7.15 billion	RM9.11 billion

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila nyatakan rancangan jangka masa pendek dan panjang yang telah dan akan

diambil Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah trafik di bahagian pulau di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Usaha-usaha yang telah diambil serta pelan jangka masa pendek dan panjang Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah trafik di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

(i) Mewujudkan satu proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam untuk mengurangkan isipadu kenderaan persendirian di atas jalan. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan Rapid Penang Sdn. Bhd. untuk menambah baik perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang. Pada masa sekarang, Rapid Penang mempunyai 350 buah bas beroperasi di Pulau Pinang. Bilangan bas akan ditambah mengikut keperluan untuk penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti yang dapat meliputi laluan-laluan sosial.

(ii) Mewujudkan sistem pengangkutan bersepadu yang efisien, berkualiti, mudah diperolehi, mesra alam dan meliputi sepelusuk pulau. Dalam soal ini, perkhidmatan Bas Central Area Transit (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town yang dilancarkan pada 23 Januari 2009 telah mendapat sambutan yang baik. Di samping ini, projek-projek yang sedang mendapat perhatian Kerajaan Negeri adalah Transit Monorail System Aliran Ringan serta Hybrid Tram System. Kerajaan Pusat juga perlu memainkan peranan dan menyediakan peruntukan dalam soal ini.

(iii) Membina jalan-jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada untuk mengawal kesesakan, mengagih dan menyurai aliran lalulintas serta meningkatkan keselamatan jalanraya, Kerajaan Negeri telah memohon bantuan dan kerjasama Kerajaan Pusat untuk membina dan menaik taraf jalan-jalan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Di samping itu, Kerajaan Negeri sendiri sedang berusaha untuk membina jalan-jalan kritikal untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas.

(iv) Projek-projek pembinaan dan menaik taraf jalan yang tidak menelan belanja yang banyak serta yang disyaratkan ke atas pemaju akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah menyiapkan kajian untuk mengurangkan kesesakan dalam jangka masa pendek di jalan-jalan dalam kawasan George Town yang pada masa sekarang bertindak sebagai jalan-jalan lingkaran tanpa kehadiran PORR seperti Jalan Masjid Negeri, Jalan Scotland, Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal. Kerja-kerja menaik taraf jalan-jalan ini telah dimulakan pada awal tahun 2011 dan dijangka siap pada hujung tahun 2013 di mana ianya melibatkan kerja-kerja pelebaran jalan, pembinaan jejambat dan mengoptimakan kawalan lampu isyarat.

(v) Dari segi pengurusan sistem lalu lintas setempat (localized traffic management plan), sistem jalan sehala dan sistem kawalan lampu isyarat berkomputer sedang dijalankan dan akan diperluaskan. Di samping ini, langkah-langkah sedang diambil untuk melicinkan aliran lalu lintas dan mengurangkan gangguan di jalan-jalan utama yang sering mengalami kesesakan lalu lintas dengan mengadakan larangan-larangan, mengeluarkan

petak letak kenderaan di tepi jalan serta meningkatkan penguatkuasaan.

(vi) Laluan-laluan pejalan kaki akan dibina dan dinaik taraf selaras dengan rancangan kerajaan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian. Kemudahan pengangkutan awam juga akan dipertingkatkan. Di samping ini, laluan dan kemudahan untuk penunggang basikal akan diperluaskan.

(vii) Liputan sistem kawalan CCTV akan diperluaskan lagi dari semasa ke semasa dengan menambah bilangan kamera. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan.

(viii) Mengawal pembangunan dan corak guna tanah supaya tersusun dan mempunyai infrastruktur yang berpadanan untuk mengalih dan mengurangkan kesesakan lalulintas di kawasan pembangunan padat sedia ada.

(ix) Kerajaan Negeri juga sedang meneliti kesesuaian mengadakan kawalan, larangan dan sekatan (traffic restraint measures) untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian di kawasan yang mengalami kesesakan yang serius seperti bayaran letak kenderaan yang tinggi, larangan masuk ke kawasan tertentu serta membenarkan kenderaan dengan penumpang penuh sahaja dalam kawasan pusat bandar dan sebagainya.

Sehubungan ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (Penang Transport Masterplan) untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang bersepadu dan mampan. Kajian ini telah dijalankan mulai bulan Mac 2011 dan dijangka siap pada Jun 2012.

Segala usaha ini tidak akan berjaya ke tahap yang dikehendaki sekiranya Kerajaan Pusat tidak memainkan peranan dan tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur utama dan menambah baik pengangkutan awam.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila nyatakan usaha-usaha lanjut yang akan diambil Kerajaan Negeri untuk meningkatkan imej Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri terunggul di Malaysia yang mempromosikan inisiatif ”Cleaner, Greener & Safer Penang”.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan imej Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri yang bukan sahaja unggul di Malaysia malahan di persada dunia dalam mempromosikan inisiatif ”Cleaner, Greener & Safer Penang”.

Antara usaha konsisten Kerajaan Negeri ialah sentiasa meningkatkan tahap pematuhan penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Ini termasuklah penguatkuasaan ke atas kilang-kilang, kenderaan petrol dan diesel, projek-projek pembangunan serta pengawasan untuk kualiti air sungai, air marin dan air bawah tanah supaya mematuhi had-had yang ditetapkan. Di samping

itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Alam Sekitar juga mengamalkan konsep ‘kitar semula’ (waste recovery) di mana sebahagian daripada bahan-bahan merbahaya yang dikeluarkan oleh kilang boleh diperoleh kembali sebagai produk dan diguna semula sebagai bahan mentah.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Alam Sekitar juga akan mempergiatkan program-program kesedaran alam sekitar seperti ceramah, pameran, Kem Kesedaran Alam Sekitar dan sebagainya bagi melahirkan warga yang lebih menyayangi alam sekitar dan sama-sama bertanggungjawab dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Kerajaan Negeri yakin program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang diwujudkan dapat menarik orang ramai untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pengurusan alam sekitar. Di bawah program RAS ini juga, pelaksanaan sekolah lestari dan prasekolah lestari diharap dapat melahirkan pelajar-pelajar yang bukan sahaja bijak dari segi akademik malah mempunyai nilai-nilai murni terhadap alam sekitar.

Di dalam membantu visi dan misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah bandaraya yang bersih, hijau dan bandar selamat, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga turut membantu dengan mengambil beberapa strategi seperti berikut:-

Melalui MPSP:

(i) Memperkasakan program Local Action 21 melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan seperti berikut:

  (a) Mempergiatkan program kitar semula

  (b) Melaksanakan Program Sekolah Hijau

  (c) Melaksanakan Program “Zero Waste” di peringkat MPSP dan sekolah yang terpilih

  (d) Program membuat ”Mud Ball”

  (e) Program membuat Kompos

  (f) Program penghasilan sabun dari sisa lemak

  (g) Pengiktirafan Taman Bersih

  (h) Kempen Pengurangan Penggunaan Plastik

(ii) Program Industri Hijau

(iii) Menggalakkan penyertaan korporat dalam program CSR bagi mempertingkatkan kebersihan, keindahan dan keceriaan kawasan.

(iv) Memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan oleh pemaju hendaklah mengemukakan Pelan Landskap.

(v) Pihak MPSP juga telah merancang untuk meningkatkan tahap kebersihan dengan mencantum Kerja Pembersihan Am dan Perkhidmatan Pelupusan Sampah di bawah Skop Pembersihan Bersepadu agar semua perkhidmatan

tersebut dapat diselaraskan.

(vi) Meningkatkan kemudahan perkhidmatan di Stesen Pemindahan Ampang Jajar bagi melancarkan proses kemasukan dan penghantaran sampah ke Pulau Burung dengan penambahan 4 *bay* kepada 6 *bay* dan berkeupayaan untuk ditingkatkan kepada 8 'bay' apabila diperlukan.

(vii) Bagi menjamin proses akhir pelupusan sampah mencapai standard yang ditetapkan, pihak MPSP bersama Kerajaan Negeri dan MPPP telah berusaha untuk mempertingkatkan taraf Tapak Pelupusan Pulau Burung dengan menaiktaraf dari 'Sanitary Landfill Levell III' kepada 'Sanitary Landfill Level IV' iaitu dengan mengambilkira perawatan air leachate dan pengurusan gas.

(viii) Pemantauan 24 jam di kawasan *hot spot* oleh anggota Penguatkuasa MPSP melalui rakaman CCTV.

(ix) Memperkenalkan ciri-ciri bandar selamat di dalam Pelan Kebenaran Merancang.

Dalam aspek ini, MPPP telah mengambil beberapa strategi seperti berikut:-

(i) Program Penghijauan.

Program "Cleaner, Greener Penang" merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha menghijaukan bumi. Beberapa projek utama penghijauan telah dirancang setakat ini bagi mencapai hasrat visi dan misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah Negeri hijau (Green State).

Projek penghijauan yang telah dibuat adalah seperti berikut:-

Bil	Senarai Projek
1	Projek Penghijauan Lebuh Carnavon.
2.	Projek Penghijauan Weld Quay.
3.	Taman Sahabat (Friendship Pocket Park) di Jalan Sultan Ahmad Shah.
4.	Projek Taman Mini Balik Pulau
5.	Projek Penghijauan Sepanjang Jalan Dato Keramat.

(ii) Program Penanaman Pokok.

Program penanaman pokok diwujudkan bagi menghijaukan kawasan Pulau Pinang dan penebat kepada pencemaran. Di samping itu juga, ianya dapat mengurangkan pulau haba (heat Island) terutamanya kawasan yang pesat membangun seperti Pulau Pinang. Program penanaman pokok ini adalah kerjasama penglibatan dari pelbagai agensi kerajaan, MPPP, NGO dan juga pemaju-pemaju projek pembangunan di Pulau Pinang. Program penanaman pokok yang dibuat oleh MPPP sehingga 31 Mac 2012 telah mencapai bilangan pokok sebanyak 1680 batang pokok. Manakala pihak swasta telah menyumbang dalam usaha penanaman pokok di Pulau Pinang sebanyak

9,744 batang pokok sehingga 31 Mac 2012

(iii) Projek Landskap

Projek landskap MPPP dengan kerjasama pihak swasta melalui program ”Corporate Social Responsibility” (CSR) yang telah dibuat adalah seperti berikut:-

Kawasan Daerah Timur Laut

Bil. Pihak Swasta/NGO Lokasi

(1) Tetuan IJM Properties Sdn. Bhd.

Projek-Projek Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- Program Angkat

– Cadangan Kerja-Kerja Landskap Bagi Cadangan Untuk Pengindahan Bulatan Persiaran Gurney, Persiaran Gurney, D.T.L, Pulau Pinang.

(2) Tetuan Quality Frontier Sdn. Bhd.

Projek-Projek Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- Program Angkat Penyelenggaraan Kawasan Lapang bagi Rumah Berkembar 3 Tingkat (2 Unit) Dan Rumah Teres 3 Tingkat (52 Unit), Di Atas Lot 1464, Mukim 13, Lebuh Relau 1, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.(Terapautic Garden).

(3) Tetuan Soroptimist International Penang.

- Program Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- Projek Penanaman Pokok Di Tanah Lapang Taman Free School, Pulau Pinang.

(4) Tetuan Ivory Gleneary Sdn. Bhd.

- Program angkat MPPP

- Cadangan Pembinaan Arca ’Sculpture’ Di Kawasan Terbuka (Dataran) Pembangunan Penang Time Square, Jalan Dato’ Keramat, Georgetown, Pulau Pinang.

(5) Tetuan IJM Properties Sdn. Bhd.

- Program Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- Projek Menaiktaraf di Bulatan Udini, Jalan Udini, Gelugor, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

(6) Tetuan E & O Properties (Penang) Sdn. Bhd.

Program Angkat MPPP

– Cadangan Menaik taraf Landskap Di Bulatan Air Putih/Bukit Bendera, Persimpangan Jalan Penang Hill / Jalan Ayer Itam, Seksyen 1, Bandar Ayer Itam, D.T.L, Pulau Pinang (Bulatan Air Itam,Bkt Bendera).

(7) Tetuan Lion Club Of Penang.

Program Angkat MPPP

- Projek Menaiktaraf Landskap di Tanah Lapang Lorong Amoy, Jalan Hutton, D.T.L, Pulau Pinang.

(8) Y.B Tuan Jason Ong Khan Lee (ADUN KEBUN BUNGA).

Program Angkat MPPP

– Projek menaiktaraf tempat parkir MPPP kepada Linear Park di sebahagian Lot 1268, Sek.2, Padang Tembak, Air Itam, DTL, Pulau Pinang.

Projek landskap MPPP dengan kerjasama pihak swasta melalui program Corporate Social Responsibility (CSR) yang telah dibuat adalah di kawasan Daerah Barat Daya seperti berikut:-

Kawasan Daerah Barat Daya

Bil. Tetuan Lokasi.

(1) Tetuan Mtt Properties & Development Sdn. Bhd.

Projek-Projek Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- Program Angkat Penyelenggaraan Kawasan Lapang (Tanah Kerajaan) Fasa 1B, Di Atas Lot 1463, Jalan Sg.Air Putih, Mukim 4, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang (Botanica.ct).

(2) Tetuan Setia Promenade Sdn. Bhd. / SP Setia Sdn. Bhd.

Program Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

– Projek Menaiktaraf Landskap Bulatan Bayan Lepas, Pulau Pinang.

(3) Tetuan Penang Reality Sdn. Bhd.

Projek-Projek Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang

Program Angkat Penyelenggaraan Kawasan Lapang (Tanah Kerajaan) Jalan Lembah Permai,Tanjung Bungah.

(iv) Program Komuniti (Cleaner, Greener Penang).

Di samping itu, MPPP telah pun melaksanakan Program Komuniti "Cleaner, Greener Penang" dengan ADUN, Ahli Majlis, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Penduduk, Persatuan Penduduk, NGO's dan juga pihak swasta demi untuk merealisasikan visi dan misi Kerajaan Negeri menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah Negeri hijau.

Bagi membudayakan kesedaran amalan kebersihan persekitaran, program-program yang telah dilaksanakan di bawah Initiatif Cleaner, Greener Penang yang dilancarkan pada 22 Mei 2010 adalah seperti berikut:-

Bil	**Program yang dijalankan**	**2010**	**2011**	**2012 (Setakat Mac)**
1	Program Komuniti Kesihatan Pesekitaran (Gotong - Royong)	162	196	49
2	Ops Sinar Bersepadu	476	539	72
3	Ceramah & Pameran Kitar Semula termasuk Kempen Pengurangan Beg Plastik	22	46	20
4	Kitar Semula Komputer Terpakai (beratan yang dikumpul)	18,000 kg	9,355 kg	4067 kg

Program Pengurangan Sisa Pepejal kini dipertingkatkan dengan penglibatan komuniti di peringkat sekolah-sekolah, persatuan penduduk dan pengusaha-pengusaha pasaraya melalui kaedah "separation at source and collection point". Beberapa buah lokasi pusat tong kitar semula adalah ditempatkan di bahagian pulau sebagai insentif untuk masyarakat mempergiatkan aktiviti kitar semula.

MPPP juga sedang rancak melaksanakan program di bawah Majlis Perunding Komuniti yang bertindak sebagai platform ke arah Negeri Hijau dengan penglibatan ADUN, Ahli Majlis, Persatuan Penduduk, NGO's dan pihak swasta. MPPP telah pun melaksanakan program Komuniti 'Cleaner, Greener Penang' bagi tahun 2010 – 2012 seperti berikut:-

Bil	**Program yang dijalankan**	**2010**	**2011**	**2012 (Setakat April)**
1	Program Komuniti "Clener, Greener Penang"	10	17	10

(v) Program "No Plastic Bag Day"

Kempen "No Plastik Bag Day" telah dimulakan sejak tahun 2009, dimana semua pasaraya dan restoran rangkaian telah diberikan syarat tambahan agar tidak lagi membekalkan beg plastik secara percuma pada hari-hari tertentu. Mulai tahun 2011, semua pasaraya telah diarahkan agar tidak lagi membekalkan beg plastik secara percuma dan menggalakkan pelanggan menggunakan beg kertas/beg mesra alam. Bagi pelanggan yang inginkan beg plastik, caj 20sen akan dikenakan dan hasil kutipan ini disalurkan ke Tabung Rakan Anti-Kemiskinan.

(vi) Program Kebersihan Tandas Awam.

Kempen Kebersihan Tandas Awam yang telah dilancarkan pada 9 Mac 2012 sebagai initiatif strategik untuk mempertingkatkan budaya penyelenggaraan dan kebersihan tandas melalui pendekatan strategi 4P (Pembelajaran, Publisiti, Penilaian dan Pengiktirafan). Kempen ini telah dilancarkan pada 9.3.2011 sehingga 23 November 2012.

Kempen ini akan meliputi beberapa kategori seperti berikut:-

(a) Kategori Tandas Sekolah Rendah
(b) Kategori Tandas Sekolah Menengah
(c) Kategori Tandas Pusat Beli Belah
(d) Kategori Tandas Restoran / Premis Makanan
(e) Kategori Tandas Pengusaha Stesen Minyak
(f) Kategori Tandas Milik PBT
(g) Kategori Tandas Pejabat Kerajaan
(h) Program Skuad 'Anti Litter' dan 'Ops Pickers'.

(i) Ops "pickers" dijalankan setiap hari di kawasan pelancongan seperti Persekitaran Gurney, Padang Kota Lama dan Promenade Sungai Pinang serta Jalan Persisiran Pantai Queensbay.

(ii) Skuad "Anti Litter" bersepadu untuk mengeluarkan saman kepada orang ramai yang membuang sampah telah diwujudkan dengan memberi tumpuan kawasan pelancongan.

(i) Program Bandar Selamat.

MPPP sentiasa menjalankan usaha-usaha bagi meningkatkan imej Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri terunggul di Malaysia dalam mempromosikan insiatif Safer Penang dengan memberi tumpuan kepada langkah-langkah pengurangan jenayah antaranya:-

(a) Pencahayaan.
(b) Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor (penyediaan bollard / rel penghadang / tanaman landskap / penyediaan laluan motosikal khas / laluan pejalan kaki khas).
(c) Pemasangan CCTV.
(d) Pembersihan kawasan semak samun, dan
(e) Mengenalpasti kawasan hotspot baru melalui pemetaan GIS Program.

Pada tahun 2012, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah meluluskan peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM2.1 juta untuk melaksanakan Insiatif NKRA Lab Pencegahan Jenayah. Peruntukan diluluskan hanya kepada 5 Langkah Segera Program Bandar Selamat, iaitu:-

(i) Pencahayaan.

(ii) Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor (penyediaan bollard / rel penghadang / tanaman landskap / penyediaan laluan motosikal khas / laluan pejalan kaki khas).

(iii) Pemasangan Papan Tanda Keselamatan.

(iv) Cermin Keselamatan.

(v) Tempat Motosikal Berkunci.

Untuk meningkatkan imej Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau, Penang Green Council akan menumpukan perhatian atas pendidikan dan kesedaran orang awam terhadap dasar-dasar Kerajaan Negeri. Pada tahun 2012, PGC akan melancarkan projek-projek seperti berikut:-

(i) Kampungku/Komunitiku, bersih dan Hijau.
(ii) Program Warga Hijau.
(iii) *Green Journalism and Green Video Contest.*
(iv) *Penang Green Office Project.*
(v) *Penang Green Expo 2012.*

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila nyatakan bagaimana Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menerajui dan menarik perhatian Negara-negara ASEAN yang lain untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai hab ASEAN di Malaysia.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai hab ASEAN di Malaysia, Kerajaan Negeri akan terus melipatgandakan usaha ke arah memperkukuhkan kerjasama dengan negara-negara ASEAN. Usaha-usaha tersebut ialah :-

(i) Bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan dan pelancongan, Kerajaan Negeri melalui Invest-in-Penang Bhd. telah menubuhkan Pejabat Pelaburan & Pelancongan Pulau Pinang *Penang Investment Tourism Office* (PITO) di Singapura. Ianya bertujuan untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai lokasi pelaburan yang utama bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan serta sebagai destinasi utama pelancongan. Kerajaan Negeri juga akan mempertingkatkan sektor pelaburan melalui penganjuran dan penyertaan di dalam misi-misi promosi pelaburan, perniagaan dan perdagangan ke negara ASEAN seperti Aceh, Medan dan Surabaya di Indonesia serta Songkla di Thailand. Misi-misi ini bermatlamat mengeratkan hubungan perkongsian serantau *regional partnership* melalui kerjasama antara kerajaan dengan kerajaan (G2G), di samping mengeratkan hubungan perniagaan dengan Pulau Pinang dengan Aceh, Medan, Surabaya dan Songkla;

(ii) Bagi memperkukuhkan Pulau Pinang sebagai hab pembuatan di rantau ASEAN, usaha-usaha akan dilaksanakan melalui peningkatan infrastruktur dan perkhidmatan pemudahan serta pembangunan Industri Kecil dan Sederhana tempatan untuk menarik lebih ramai pelabur ke Pulau Pinang terutamanya dari negara ASEAN;

(iii) Bagi mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab perdagangan di rantau ASEAN, Kerajaan Negeri menjalinkan kerjasama dengan *Joint Business Council* (JBC Malaysia) untuk mengetengahkan produk dan perkhidmatan halal, pembangunan koperasi serta pelancongan. Jalinan kerjasama ini bertujuan untuk menggalakkan perkongsian bijak dalam lima dasar iaitu perdagangan merentasi sempadan, pelaburan, pelancongan, logistik dan industri. Kerajaan Negeri juga mengambil bahagian dalam pelbagai acara yang dianjurkan oleh Dewan-dewan Perniagaan (Chambers of Commerce) di Malaysia dan juga di negara-negara lain terutamanya negara ASEAN dengan tujuan untuk memperkukuhkan hubungan perniagaan dengan negara-negara tersebut. Penyertaan Kerajaan Negeri di dalam program-program yang dianjurkan oleh Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand *Growth Triangle* (IMT-GT) turut mempertingkatkan hubungan dua hala di antara Negeri Pulau Pinang dengan negara-negara lain yang berkepentingan;

(iv) Bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pendidikan, Kerajaan Negeri turut menggalakkan program-program pendidikan seperti *twinning program* dengan institusi pendidikan luar negara terutamanya negara ASEAN, bagi memberi pendedahan dan seterusnya menarik minat universiti atau kolej negara luar untuk membuka cawangan di Pulau Pinang. Pembinaan institusi-institusi pendidikan seperti ini memberi manfaat dan dapat menampung keperluan anak-anak ekspatriat (expatriate) dalam bidang pendidikan dan seterusnya memberi peluang pekerjaan yang lebih luas kepada penduduk di Negeri ini. Selain itu, kelebihan Pulau Pinang yang mempunyai universiti bertaraf APEX iaitu Universiti Sains Malaysia, lebih 30 institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta penubuhan sekolah antarabangsa seperti *Prince of Wales Island International School* (POWIIS) akan meningkatkan lagi daya tarikan Negeri Pulau Pinang sebagai hab pendidikan di rantau ASEAN;

(v) Bagi merealisasikan hasrat Pulau Pinang menjadi hab halal antarabangsa, Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan kerjasama dengan negara-negara ASEAN untuk mempromosi Taman Perindustrian Halal di Bukit Minyak. Penyertaan di dalam *Malaysian International Halal Showcase* (MIHAS) juga akan diteruskan untuk memberi pendedahan dan menyediakan landasan kepada usahawan muda di Negeri Pulau Pinang untuk mengembangkan pasaran eksport halal ke luar negara terutamanya dalam pembekalan makanan dan perkhidmatan halal di negara ASEAN;

(vi) Bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai hab logistik di rantau ASEAN, Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan kemudahan prasarana utama seperti lapangan terbang dan pelabuhan bagi memudahkan akses ke pasaran antarabangsa; dan

(vii) Kerajaan Negeri juga akan terus mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab pelancongan perubatan di rantau ASEAN. Dengan kelebihan Pulau Pinang yang mempunyai hospital swasta yang menawarkan pelbagai bidang kepakaran dan perkhidmatan yang profesional, akan menjadikan Pulau

Pinang sebagai lokasi pilihan penduduk negara ASEAN untuk menjalani rawatan perubatan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila nyatakan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membaik pulih kualiti air sungai di semua sungai-sungai di Negeri Pulau Pinang terutamanya Sungai Pinang yang dikatakan di antara sungai yang paling tercemar di Asia Tenggara.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk membaik pulih kualiti air sungai di semua sungai- sungai di Negeri Pulau Pinang dan komitmen ini ditingkatkan lagi pada tahun 2012. Peruntukan yang disediakan untuk seluruh Negeri Pulau Pinang adalah RM220,000. Bagi tahun ini, peruntukan RM 50,000 disediakan untuk Sg. Jelutong, Sg. Dondang dan Sg. Air Itam.

Di samping itu di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui JPS ialah membaik-pulih air sungai-sungai di Pulau Pinang tindakan yang diambil ialah:-

(a) Kaedah Struktur

(i) Memasang perangkap sampah jenis Dr Dec (Debris Drainage Collector) di saluran pembuangan terakhir.
(ii) Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan sungai secara berkala.

(b) Kaedah Bukan Struktur

(i) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sungai Negeri Pulau Pinang;
(ii) Melaksanakan Program River Care;
(iii) Pewartaan Rezab Sungai; dan
(iv) Memperkenalkan pengurusan sub-lembangan sungai bersepadu (jps@komuniti).

Selain itu, MPSP turut membantu dalam meningkatkan kebersihan sungai-sungai tersebut dalam aspek-aspek berikut :

(a) Mengurangkan sampah sarap ke dalam sungai-sungai melalui pemasangan grating di saluran hala ke sungai.

(b) Pemantauan tahap efluen daripada ladang dan kilang-kilang.

(c) Mengadakan program melontar mudball dari semasa ke semasa melalui program Local Agenda 21. Dalam tempoh Januari sehingga bulan Mac 2012, sebanyak 8,100 biji mudball telah dibuang ke dalam Sungai Rambai dan Sungai Juru.

(d) Kempen meningkatkan kebersihan persekitaran termasuk pembersihan sungai-sungai.

Secara keseluruhannya berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekitar Malaysia 2010 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), tahap kebersihan sungai-sungai di Pulau Pinang khususnya Sungai Juru dan Sungai Rambai adalah pada kategori Kelas IV. Manakala Sungai Pinang pada kategori Kelas III (2011).

(Nota : Kelas V adalah paling tercemar manakala Kelas I adalah paling bersih)

Walau bagaimanapun, rawatan air sungai dibuat melalui Program Satu Negeri Satu Sungai (1N1S) sejak tahun 2004 hingga kini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Sila beri butir-butir penjualan tanah di Bayan Mutiara kepada Tetuan Ivory Properties Sdn Bhd khususnya projek yang bakal diusahakan di situ.

(b) Sila nyatakan sama ada lot tanah di kawasan tersebut yang dikatakan dikhaskan untuk pembinaan masjid telah dijual ataupun apakah keadaan sebenar berkenaan isu ini yang dibangkitkan baru-baru ini oleh pihak pembangkang Barisan Nasional Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Tanah tapak Bayan Mutiara seluas 102.56 ekar (termasuk kawasan yang belum ditebus guna seluas 35 ekar) telah dijual kepada pihak Ivory Properties Group Berhad (IPGB) pada 11 November 2011 secara tender terbuka melalui kaedah "Request For Proposal" (RFP) bagi tujuan pembangunan bercampur. Tawaran tender terbuka yang kompetitif ini dibuka pada 16 Ogos 2010 dan ditutup pada 31 Disember 2010 dengan harga rizab sebanyak RM200.00 sekaki persegi dan bayaran *earnest* deposit sebanyak RM1.2 juta.

Sebanyak empat (4) syarikat telah mengemukakan tawaran tender seperti berikut:-

(a) Chia Tai Xingye Ind. Dev. Ltd;
(b) SP Setia Berhad;
(c) Ivory Properties Group Berhad;
(d) AG Pearl Sdn. Bhd. (tawaran syarikat ini ditolak kerana gagal mengemukakan bayaran *earnest deposit* berjumlah RM1.2 juta sepertimana yang telah disyaratkan).

Tiga (3) syarikat yang layak telah membentangkan cadangan pembangunan masing-masing kepada Jawatankuasa Penilaian pada 18 Februari 2011 dan 3 Mac 2011.

Pihak IPGB telah mengemukakan harga tawaran yang paling tinggi daripada dua syarikat yang lain iaitu sebanyak RM240.00 sekaki persegi dengan bayaran sejumlah RM1.07 billion dibuat dalam tempoh lima (5) tahun. Maka, Lembaga PDC telah bersetuju untuk menerima tawaran daripada pihak IPGB dan satu perjanjian *Purchase and Development Agreement* (PDA) telah ditandatangani di antara PDC, CMI dan IPGB pada 11 November 2011. Keseluruhan projek perlu disiapkan dalam tempoh lapan (8) tahun dari tarikh PDA ditandatangani dengan merangkumi komponen wajib, penebusan tanah 35 ekar, pembayaran mengikut jadual (seperti di Lampiran) dalam tempoh lima (5) tahun serta bon sebanyak RM50 juta sebagai deposit sekuriti. Sehingga kini sejumlah RM120,813,302.40 telah dijelaskan IPGB.

Memandangkan bahawa pemaju yang berjaya dalam tender belum lagi membentangkan pelan pemajuan kebenaran merancang, adalah terlalu awal untuk berteka-teki bentuk pelan pemajuan kebenaran merancang yang dicadangkan. Memandangkan ini adalah tapak tanah baru yang lebih besar daripada yang lama, tentulah ia melibatkan permohonan baru. Perlu diingatkan bahawa sebarang permohonan baru perlu akur dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia untuk tapak masjid/surau, tempat beribadat bukan Islam, sekolah, jalan dan taman. Pihak tidak bertanggungjawab hanya boleh mendakwa tapak masjid dihilangkan selepas pemaju membentangkan permohonan pelan pemajuan kebenaran merancang baru yang diluluskan tanpa tapak masjid. Untuk mendakwa tapak masjid dihilangkan bila pelan pemajuan kebenaran merancang pun belum dibentangkan, adalah amat jahat sekali. Lagipun sekiranya tapak masjid benar-benar dihilangkan, maka hal tempat beribadat bukan Islam juga akan dihilangkan. Akan tetapi, ia tidak dijadikan isu oleh pihak yang berniat jahat ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Sila nyatakan status siasatan insiden protes yang dilakukan dan disertai parti UMNO di dataran Padang Kota berkenaan bantahan terhadap Projek Lynas, di mana Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang telah hampir dibelasah dan telah diugut oleh peserta-peserta protes tersebut.

(b) Apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengambil langkah untuk mempertingkatkan keselamatan Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang berikutan insiden tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Sebanyak 2 repot polis telah diterima di mana kedua-dua repot telah dibuat di Balai Polis Lebuh Pantai. Kertas siasatan telah dipanjangkan kepada Yang Arif Timbalan Pendakwaraya Pulau Pinang untuk tindakan selanjutnya.

(b) Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mempertingkatkan keselamatan pihak Ketua Menteri termasuklah:

(i) Memperketatkan keselamatan peribadi Y.A.B Ketua Menteri dengan memperingatkan Juruiring untuk mempertingkatkan keselamatan Y.A.B Ketua Menteribagi majlis-majlis sebegini;

(ii) Memberikan penerangan yang lebih jelas terhadap peranan Juruiring supaya sentiasa menasihatkan Y.A.B. Ketua Menteri tentang tahap keselamatan sesuatu majlis yang akan dihadiri seperti laluan kenderaan yang perlu digunakan, laluan keluar / masuk ke sesebuah bangunan dan lain-lain lagi;

(iii) Menambah anggota keselamatan/Juruiring pada sesuatu upacara awam yang dihadiri oleh Y.A.B Ketua Menteri; dan

(iv) Meminta Juruiring sentiasa memaklum dan melaporkan kepada pihak polis setiap kali Y.A.B Ketua Menteri menghadiri program awam untuk tujuan keselamatan back up sekiranya perlu.

Tidak ada sebarang tambahan keselamatan ataupun tindakan pendakwaan diambil ke atas samseng-samseng UMNO dan PERKASA yang mengugut Y.A.B Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengawal harga rumah di Negeri Pulau Pinang yang semakin meningkat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri sememangnya sedar mengenai harga rumah yang semakin meningkat. Kuasa Kerajaan Negeri hanya untuk mengawal harga rumah kos rendah dan kos sederhana rendah adalah terhad kerana ia bergantung kepada kuasa pasaran dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telahpun memastikan hanya rakyat yang berhak ke atas perumahan kos rendah dan sederhana sahaja mendapat rumah berkenaan. Kerajaan Negeri juga melaksanakan beberapa langkah untuk menstabilkan harga rumah lain-lain kategori. Di antaranya ialah :

(a) Memperluaskan stok tanah perumahan.

Meninggikan bekalan perumahan baru termasuk rumah mampu milik di kawasan pembangunan baru (new growth area) di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah berusaha gigih untuk mengumpulkan dana sebanyak RM500.00 juta dalam empat (4) tahun ini untuk membina rumah mampu milik di seluruh Pulau Pinang baik di Seberang Perai ataupun kawasan kepulauan. Kerajaan Negeri juga sedang membuat perancangan untuk membina rumah mampu milik di Batu Kawan atas tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seluas 200 ekar. Projek ini dijangka akan menyediakan melebihi 11,800 unit apartmen yang berharga RM72,500.00 sehingga RM220,000.00 seunit. Seperti sedia maklum, tanah di Negeri Pulau Pinang adalah amat terhad berbanding dengan Negeri-Negeri lain. Malah, didapati permintaan ke atas tanah pembangunan perumahan hanya tertumpu di kawasan membangun sahaja. Contohnya di bahagian pulau yang mempunyai dua daerah iaitu Timur Laut dan Barat Daya, pemaju lebih tertumpu di Daerah Timur Laut berbanding di Daerah Barat Daya. Daerah Seberang Perai Tengah pula menjadi pilihan pemaju jika dibandingkan dengan Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Seberang Perai Selatan. Melalui kaedah penambahan stok tanah untuk tujuan pembangunan perumahan adalah diharapkan boleh mengurangkan kenaikan kos tanah di kawasan pilihan dan akan menstabilkan harga rumah di pasaran;

Selain daripada projek perumahan Batu Kawan yang akan membina 12 ribu unit rumah, Tabung Rumah Mampu Milik dijangka membina lebih enam (6) ribu unit rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan pulau. Keluasan tanah kerajaan yang terlibat adalah 29 ekar di Seberang Perai Utara (SPU), 32 ekar di Seberang Perai Tengah (SPT), 10 ekar di Daerah Timur Laut (DTL) dan 6 ekar di Daerah Barat Daya (DBD). Fasa 2 yang melibatkan keluasan tanah yang lebih besar akan diumumkan kemudian.

(b) Melaksanakan Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan nisbah plot di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang berkuat kuasa pada 21 Disember 2011 antaranya :

(i) membenarkan pemaju membangunkan sehingga mencapai kepadatan 87 unit/ekar hingga 120 unit/ekar (maksimum-sekiranya tapak tersebut mempunyai penempatan setinggan) bagi kawasan-kawasan yang dibenarkan bagi penambahan ketumpatan terutama sekali di sekitar kawasan Transportation Oriented Development (T.O.D). Misalnya, perumahan kos sederhana rendahdiberikan ketumpatan sehingga 120 unit seekar manakala tiada had ketumpatan bagi perumahan kos rendah (dengan syarat mematuhi semua kehendak perancangan);

(ii) mana-mana pemajuan yang menggunapakai garis panduan ini adalah disyaratkan menyediakan 30% RKSR bagi kawasan Daerah Timur Laut, manakala bagi kawasan Daerah Barat Daya perlu menyediakan 30% RKR atau 15% RKR dan 15% RKSR; dan

(iii) mensyaratkan sebanyak 5% daripada unit yang dibina dijual pada harga kurang RM200,000.00 manakala 15% lagi hendaklah dijual pada harga kurang dari RM300,000.00. Ini dapat menggalakkan pemaju-pemaju untuk membina lebih banyak perumahan mampu milik (affordable housing).

(c) Meninggikan harga rumah yang layak dibeli oleh warga asing di Pulau Pinang dari RM250,000.00 ke RM500,000.00 mulai 1 Januari 2010. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah mengumumkan untuk mengkaji semula dasar pemilikan hartanah oleh warga asing ini dari RM500,000.00 ke RM1,000,000.00 kepadahad yang lebih tinggi iaitu RM2,000,000.00 untuk hartanah di bahagian Pulau dan mengekalkan had RM500,000.00 kepada pemaustatin tetap.

Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSN), Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa penyediaan rumah mampu milik diberi keutamaan melalui langkah-langkah berikut:

(i) Dengan mengambil kira keupayaan pembeli rumah (purchasing power) penduduk yang berbeza-beza, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan meluluskan projek perumahan bagi memastikan semua golongan penduduk di Pulau Pinang memiliki rumah berdasarkan dua jenis rumah mampu milik iaitu rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

(ii) Kerajaan juga mengawal harga rumah kos rendah dan sederhana rendah dan menetapkan syarat kelayakan rumah yang lebih realistik bagi golongan pertengahan iaitu individu yang berpendapatan RM2,500.00 hingga RM3,500.00 sebulan dan merendahkan had kelayakan umur dari 21 tahun kepada 18 tahun.

(iii) Kerajaan Negeri juga berusaha menggalakkan pemilik hartanah menyertai program pemuliharaan dan pembaharuan bandar melalui agensi pembaharuan dan pemulihan bandar agar lebih banyak perumahan dan hartanah lain dapat dibina untuk mencapai hasrat satu rumah satu keluarga terutama di kawasan bandar.

(d) Kerajaan Negeri melalui inisiatif OSC di PBT juga berusaha memproses dan meluluskan lebih banyak pelan-pelan permohonan perancangan di dalam waktu yang lebih singkat untuk menggalakkan lebih banyak rumah dapat dibina dalam waktu yang singkat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Sila senaraikan pusat jagaan kanak-kanak yang berlesen di Negeri Pulau Pinang.

(b) Sila nyatakan langkah-langkah bagi memperolehi lesen bagi menjalankan suatu operasi pusat jagaan kanak-kanak dan apakah cara-cara pihak berkuasa mengesan pusat jagaan yang tidak berlesen.

(c) Sila senaraikan insiden-insiden kemalangan di pusat-pusat jagaan yang berlaku akibat dari kecuaian pusat jagaan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Pusat jagaan kanak-kanak yang berlesen dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di LAMPIRAN A.

(b) Berdasarkan Akta Pusat Jagaan 1993, JKM akan mengeluarkan perakuan pendaftaran (lesen) setelah memenuhi kriteria berikut:-

(i) Pendaftaran perniagaan/syarikat/pertubuhan.

(ii) Kelulusan agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat.

(iii) Memenuhi syarat Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu:-

(a) Pelan lantai dan pengiraannya mengikut nisbah kanak-kanak dalam meter persegi;
(b) Senarai aktiviti harian;
(c) Senarai menu makan dan minum;
(d) Senarai nama penghuni;
(e) Senarai penjaga;
(f) Pelan Lokasi; dan
(g) Wang Pos sebanyak RM50.00 bagi tempoh 5 tahun.

Cara Jabatan Kebajikan Masyarakat mengesan pusat jagaan kanak-kanak yang tidak berlesen adalah dengan cara:-

(i) Melalui pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis pusat jagaan oleh pegawai yang diberi kuasa mengikut daerah;

(ii) Melalui operasi bersepadu/bersama agensi teknikal;

(iii) Mengadakan kempen Jom Daftar sebanyak 2 kali pada 18.7.2011 di Perkarangan KOMTAR dan 3.4.2012 di Kompleks Masyarakat Penyayang;

(iv) Rujukan daripada jabatan berkaitan seperti Jabatan Pelajaran, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi teknikal yang lain; dan

(v) Aduan daripada orang awam.

(c) Insiden-insiden kemalangan yang berlaku disebabkan kecuaian pusat jagaan tersebut adalah seperti berikut:-

(i) Tahun 2011 – 1 kes mati lemas dalam bilik air (Pusat jagaan tersebut tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Perintah mahkamah untuk pengendali memberhentikan operasi sebagai pusat jagaan telah dipohon oleh pihak JKM).

(ii) Tahun 2012 – tiada kes dilaporkan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Sila nyatakan insiden kemalangan yang melibatkan kecederaan dialami oleh para pelancong di Batu Feringghi akibat aktiviti yang dilakukan oleh operator sukan air (water sport) di situ. Adakah operator-operator ini menjalankan aktiviti ini secara sah.

(b) Adakah pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengambil langkah untuk memantau aktiviti-aktiviti ini dan sekiranya ya, sila nyatakan langkah-langkah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Kerajaan Negeri memandang serius kepada insiden-insiden yang melibatkan kecederaan dialami oleh para pelancong di Batu Feringgi akibat aktiviti yang dilakukan oleh operatorsukan air (water sport). Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri melalui MPPP telah memastikan kesemua 26 pengusaha di Batu Feringgi dilesenkan secara sah. Insiden-insiden yang direkodkan sepanjang tahun 2011 sehingga April 2012 adalah di Lampiran A.

(b) Langkah-langkah yang diambil untuk memantau aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:-

(i) Pemantauan berterusan aktiviti dilakukan dengan menempatkan anggota penguatkuasa dari jam 9 pagi hingga jam 8 malam.

(ii) Mewujudkan 8 zon di kawasan pantai Batu Feringgi bagi menyusun operator-operator di kawasan berkenaan.

(iii) Sistem demerit dikenakan kepada pengusaha yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan mengikut zon.

(iv) Mengadakan latihan pengendalian bot dengan Jabatan Laut bagi mendapatkan lesen kompetensi.

Sejumlah enam (6) insiden telah berlaku pada tahun 2011. Maklumat kemalangan adalah seperti berikut:-

BIL.	TARIKH	INSIDEN KEMALANGAN
1.	2.2.2011	Melibatkan kemalangan pendaratan para sailing dan tidak melibatkan kecederaan.
2.	5.2.2011	Melibatkan kemalangan jet ski yang dipandu oleh warga Myanmar melanggar pelancong warganegara China. Individu berkenaan telah didakwa di Mahkamah atas kecuaian berkenaan.
3.	3.4.2011	Melibatkan kemalangan pendaratan parasailing atas pengunjung pantai. Tiada kecedaran.
4.	1.10.2011	Pelanggaran antara Jet Ski di Zon G. Tiada kecederaan serius dilaporkan.
5.	13.11.2011	Seorang lelaki India lemas dalam kawasan renag dalam Zon C.
6.	26.12.2011	Insiden pelanggaran Jet Ski di Zon D.

Sejumlah empat (4) insiden telah berlaku dari Januari sehingga April 2012.

BIL.	TARIKH	INSIDEN KEMALANGAN
1.	14.1.2012	Melibatkan kemalangan jetski antara Syarikat Anai Velangani dan White Shark Enterprise. Kedua-dua pengusaha ini diberi AMARAN.
2.	24.1.2012	Melibatkan kemalangan pendaratan parasailing atas pokok oleh Syarikat Sky Sea And Shore. Pengusaha ini diberi AMARAN.
3.	25.1.2012	Melibatkan kemalangan pendaratan parasailing di belakang Hotel Park Royal oleh Syarikat Sea Horse Watersport. Pengusaha diberi AMARAN.
4.	24.3.2012	Melibatkan kemalangan jetski dan ‘viper’ antara LB Watersport dan Sky Sea And Shore. LB Watersport telah dikenakan mata demerit 25 manakala Syarikat Sky Sea And Shore dikenakan AMARAN.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila nyatakan sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah ataupun akan terus memberi insentif kepada kakitangan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui kenaikan gaji mereka ataupun dalam mana-mana cara lain memandangkan rekod positif Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam menarik pelaburan, mengatasi rasuah dan mengurangkan hutang Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Penetapan gaji kakitangan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan kepada Jadual Gaji bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan yang diterima pakai di peringkat Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, mengambil kira pengurusan kewangan Kerajaan Negeri yang telah mencatatkan belanjawan lebihan, Kerajaan Negeri telah pun menambah kadar bayaran minimum bonus kepada kakitangan dalam gred jawatan rendah. Kerajaan Negeri telah membuat bayaran bonus RM1,300.00 iaitu RM300.00 lebih banyak daripada apa yang diperolehi oleh anggota pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Di samping itu, pembayaran pertama dalam sejarah Pulau Pinang sebanyak RM600.00 diberikan kepada guru KAFA.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sila nyatakan sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membekalkan perkhidmatan jagaan kanak-kanak kepada kakitangan Perkhidmaan Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bangunan KOMTAR. Sekiranya telah ada sila nyatakan butir-butirnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Usaha bagi mewujudkan Pusat Asuhan Kanak-kanak di KOMTAR telah dijalankan sejak tahun 1997 lagi. Walau bagaimanapun, setelah pemeriksaan tapak yang dicadangkan di ruang paras 3, KONKOS KOMTAR dijalankan, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat mendapati ruang tersebut tidak sesuai memandangkan ruang tersebut tidak memenuhi aspek-aspek keselamatan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan TASKA dan TADIKA di Kuarters Kerajaan Negeri yang berhampiran dengan KOMTAR iaitu di Jalan Lim Khoon Huat sejak tahun 1999. Pada masa sekarang, terdapat dua (2) buah kuarters dijadikan TASKA dan dua (2) buah kuarters lagi dijadikan TADIKA di Kuarters Kerajaan Negeri Pangsapuri Mesra.

(XIII) Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Sila nyatakan jumlah kemasukan pelancung ke Negeri Pulau Pinang pada tahun 2011.

(b) Sila nyatakan mengikut pecahan pelancung domestik dan pelancung antarabangsa mengikut negara.

(c) Berapakah purata perbelanjaan sehari semasa berada di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Statistik rasmi kemasukan pelancong bagi tahun 2011 belum diperolehi. Walau bagaimanapun, jumlah kemasukan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pada tahun 2011 adalah seramai 1,039,766 orang manakala kemasukan melalui pelabuhan Pulau Pinang adalah seramai 148,195 orang.

(b) Pelancong tempatan pada tahun 2011 adalah seramai 468,448 orang manakala jumlah pelancong asing bagi tahun 2011 adalah seramai 719,513 orang. Kedua-dua jumlah ini adalah pelancong yang masuk melalui pelabuhan dan lapangan terbang.

(c) Tiada rekod berkenaan purata perbelanjaan pelancong di Pulau Pinang secara terperinci. Walau bagaimanapun, *average occupancy rates* (AOR) iaitu peratusan penginapan pelancong di hotel di Pulau Pinang meningkat daripada 59.7% pada tahun 2009 kepada 60.2% pada tahun 2010.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapakah peruntukan yang telah diberi dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir kepada SJK (C), SJK (T) dan Sekolah Mubaligh?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Peruntukan yang telah diberi dalam tiga (3) tahun terakhir (2009-2011) kepada SJK (C), SJK (T) dan Sekolah Mubaligh adalah seperti berikut:

JENIS SEKOLAH	JUMLAH (RM)
SJK(C)	11,019,500
SJK(T)	4,916,000
SEKOLAH MUBALIGH	2,775,000
Sekolah Agama Rakyat	16,309,000

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Senaraikan Jawatankuasa Perbadanan Pembangunan Bukit Bendera Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Lembaga Pengarah Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang dianggotai oleh:

<u>Pengerusi</u>

Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang

Ahli

(i) Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
(ii) Y.B. Pegawai Kewangan Negeri
(iii) Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang
(iv) Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang
(v) Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri
(vi) Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), Kementerian Pelancongan Malaysia
(vii) Setiausaha Bahagian Pengurusan Kawasan Strategik, Kementerian Kewangan Malaysia
(viii) Ahli Lembaga Pengarah, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
(ix) Ahli Parlimen Bukit Bendera
(x) Dua (2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan
(xi) ADUN Kebun Bunga
(xi) Yang Di Pertua, Majlis Perbandaran Pulau Pinang

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Untuk projek terowong dasar laut:-

(a) Sila nyatakan sama ada jajaran dan lokasi telah dikenalpasti dan *blue print* isediakan sebelum *request for proposal* dipanggil.

(b) Anggaran secara kasar keluasan tanah kerajaan dan swasta serta bilangan bangunan-bangunan pemilikan swasta yang akan terlibat dalam projek ini. Sila huraikan secara terperinci keluasan tanah-tanah dan bilangan bangunan-bangunan yang akan terlibat di Pulau dan Seberang Perai.

(c) Berapakah anggaran kos projek dan bilakah akan dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Cadangan awal jajaran dan lokasi untuk Projek Link Ketiga telah dikenalpasti. Namun, blueprint projek ini tidak dapat disediakan sebelum *request for proposal* (RFP) dibuka kerana projek ini perlu dilaksanakan kajian kemungkinan untuk menentukan kebolehlaksanaan projek. Sekiranya projek ini boleh dilaksanakan, beberapa jajaran dan reka bentuk yang dikemukakan melalui RFP akan dikaji sebelum keputusan dibuat.

(b) Anggaran keluasan tanah Kerajaan atau swasta serta bilangan bangunan yang terlibat dalam projek ini tidak dapat ditentukan sehingga kajian kemungkinan disiapkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk mengurangkan bilangan bangunan dan tanah persendirian yang perlu diambil balik untuk pelaksanaan projek ini. Jajaran awal yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri sememangnya meminimumkan pengambilan balik tanah.

(c) Anggaran kos kasar bagi projek ini adalah di antara RM3.5 hingga 5 billion dan adalah dijangka bahawa projek ini dapat dimulakan pada tahun 2016 dan disiapkan sebelum 2020. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada dapatan kajian kemungkinan yang akan dilaksanakan kelak. Tender terbuka akan dijalankan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila nyatakan nama-nama syarikat multinasional dan jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh pelabur asing baru yang melabur di Negeri ini dalam tahun 2010 dan 2011. Di samping itu, berapakah jumlah pelabur-pelabur asing yang telah berhenti beroperasi sejak tahun 2008. Berikan nama-nama syarikat dan bilangan pekerja yang telah diberhentikan mengikut tahun sejak 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berdasarkan perangkaan daripada MIDA, jumlah pelaburan asing baru yang telah diluluskan untuk Pulau Pinang pada tahun 2010 ialah sebanyak RM1.50 bilion. Manakala sehingga Julai tahun 2011, jumlah pelaburan asing baru yang diluluskan untuk Pulau Pinang ialah sebanyak RM701.71 juta.

Antara syarikat multinasional yang telah membuat pengumuman rasmi untuk melabur di Pulau Pinang pada tahun 2010 ialah *Western Digital dan Advanced Micro Devices*. Manakala bagi tahun 2011, syarikat multinasional yang telah membuat pengumuman rasmi untuk melabur di Pulau Pinang ialah *National Instruments, Aviatron, Ibiden, Philips Lumileds, Ulbrich Asia Metals Sdn Bhd, Schlumberger Ltd, HTC Global Services Inc, Boon Siew Honda Sdn. Bhd.* dan *IHS Inc.*

Sebanyak 21 pelabur asing telah berhenti beroperasi sejak tahun 2008 hingga Februari 2012. Senarai nama-nama syarikat dan bilangan pekerja yang diberhentikan adalah seperti di bawah:-

SENARAI SYARIKAT ASING YANG DITUTUP/BERPINDAH DARI TAHUN 2008 HINGGA 2012

TAHUN 2008

BIL	NAMA SYARIKAT & ALAMAT	STATUS	BULAN	BILANGAN PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN
1	BCL Packaging Sdn Bhd No. 4, Lorong Jelawat 2, Seberang Jaya Industrial Estate, 13700 Prai.	Tutup Sepenuhnya	MAC	16
2	Sunrock Steel Centre (M) Sdn Bhd 2614, Jalan Perusahaan Baru 1 Kawasan Perindustrian Prai, 13600 Prai.	Tutup Sepenuhnya	MEI	71
3	Kah Hong Metal Industries Sdn Bhd 2518 Lrg Perusahaan Baru 2 Prai Industrial Estate, 13600 Prai.	Tutup Sepenuhnya	JUN	3
4	Kah Hong Trading Sdn Bhd 2518 Lrg Perusahaan Baru 2 Prai Industrial Estate, 13600 Prai.	Tutup Sepenuhnya	JUN	3

5	Nikko Electronics Berhad Plot 497, ZPB, Kawasan Perusahaan Prai, 13600 Prai.	Tutup Sepenuhnya	JULAI	1016
6	SMPC Dexon Sdn. Bhd 2521, Tingkat Perusahaan 6 Prai Industrial Estate, 13600 Prai.	Berpindah ke Gurun, Kedah	OKTOBER	3
7	Sadasanwa Engineering (M) Sdn. Bhd. No. 6, Tingkat Siram 3 12100 Butterworth.	Tutup Sepenuhnya	DISEMBER	2

TAHUN 2009

BIL	NAMA SYARIKAT & ALAMAT	STATUS	BULAN	BILANGAN PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN
1	Summit Petroleum (M) S/B d/a 1399, Solok Perusahaan 1 Industrial Complex, 13600 Prai.	Tutup Cawangan	JANUARI	6
2	ST Microtech Enterprise S/B 15 Jalan Industri Beringin Kawasan Perindustrian Beringin Juru 14100 Simpang Ampat.	Tutup Sepenuhnya	JANUARI	6
3	Trim Technologies (M) Sdn. Bhd. Plot 16, Jalan Jelawat Kawasan Perindustrian Seberang Jaya 13700 Seberang Jaya.	Tutup Sepenuhnya	MAC	66
4	Quality Surface Technology S/B 2586 Lrg Perusahaan 10 Kawasan Perusahaan Perai, 13600 Prai.	Tutup Sepenuhnya	APRIL	4
5	NEC Computer Asia Pacific Plot 119, Jalan Perusahaan Bukit Tengah Ind Park, 14000 Bukit Mertajam.	Tutup Sepenuhnya	JULAI	236
6	Formosa Textile (M) S/B 846, Jalan Raya 14200 Sungai Bakap.	Tutup Sepenuhnya	DISEMBER	10

TAHUN 2010

BIL	NAMA SYARIKAT & ALAMAT	STATUS	BULAN	BILANGAN PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN
1	Wazone Sdn Bhd Plot 14, Lrg Jelawat, Seberang Jaya Industrial Estate, 13700 Pulau Pinang.	Tutup Sepenuhnya	JUN	46

TAHUN 2011

BIL	NAMA SYARIKAT & ALAMAT	STATUS	BULAN	BILANGAN PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN
1	Showa IPC(M) Sdn. Bhd. 12.01 Menara KWSP 38 Jalan Sultan Ahmad Shah 10050 Georgetown, Pulau Pinang.	Tutup Sepenuhnya	JUN	14
2	Fuji Lift & Escalator MFG Sdn. Bhd. Plot. 37 C, Lintang Bayan Lepas 3 Bayan Lepas Industrial Park 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	Tutup Sepenuhnya	JUN	85
3	Kerry Leisure Concepts Sdn, Bhd. Lot F-18, No. 2762 TESCO Seberang Prai 13700 Prai, Pulau Pinang.	Tutup Sepenuhnya	SEPTEMBER	4

TAHUN 2012

BIL	NAMA SYARIKAT & ALAMAT	STATUS	BULAN	BILANGAN PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN
1	Fullhouse Corporation Sdn. Bhd. 1727, Jalan Industri 2, Bkt. Tengah Industrial Park, 13600 Prai	Tutup Sepenuhnya	JANUARI	56
2	Mefu Industries Sdn.Bhd. 1571, Jalan Serunai Kaw.Perindustriaan Valdor, Mukim 12, 14200 Sungai Bakap.	Tutup Sepenuhnya	JANUARI	40
3	Lee Rubber Co. (PTE) LTD 1013 – A, Jalan Paya Terubong 11060 Air Itam, Pulau Pinang.	Tutup Sepenuhnya	FEBRUARI	115
4	Abbott Laboratories (M) Sdn. Bhd. No. 34 & 36, Blk. G, Persiaran Bayan Indah, Bayan Bay, 11900 Sg. Nibong, Pulau Pinang	Tutup Sepenuhnya	MAC	3

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Sila senaraikan nama-nama hotel dan lokasinya termasuk hotel bajet dan hotel butik yang telah diberi lesen operasi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di seluruh Negeri Pulau Pinang dari tahun 2009 sehingga bulan Disember 2011.

(b) Sila nyatakan lokasi mereka mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Nama-nama hotel di seluruh Negeri Pulau Pinang yang diberi lesen dari tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di Jadual yang disertakan.

JADUAL

SENARAI HOTEL SELURUH Negeri PULAU PINANG YANG DIBERI LESEN DARI TAHUN 2009-2011

Daerah Timur Laut

BIL	NAMA HOTEL	LOKASI
Tahun 2009		
1	Fatrade Sdn Bhd	Batu Feringghi
2	Goh Saw Huat (New Savoy Hotel)	Lorong Hutton
3	Heritage Options Sdn Bhd	Persiaran Gurney
4	Hotel Eden Square Sdn Bhd (Hotel EQ Feringghi)	Batu Feringghi
5	Loh Heh Leong Rumah Tumpangan Sin Tong Ah Hotel & Pub	Jalan Argyll
6	Veripact Sdn Bhd	Tanjung Bungah
Tahun 2010		
1	Chulia Heritage Hotel Sdn Bhd (Rumah Tumpangan E&A Budget Hotel Sdn Bhd)	Lebuh Chulia
2	Golden Sands Beach Resort Sdn Bhd	Batu Feringghi
3	Hoo Kim Properties Sdn Bhd	Lebuh Chulia
4	Magnum Leisure Sdn Bhd	Tanjung Bungah
5	Palmco Hotel Sdn Bhd (Hard Rock Hotel)	Batu Feringghi
6	PP Island Hotel Sdn Bhd (PP Island Hotel)	Lorong Abu Siti
7	Shangri-La Hotel Sdn Bhd	Batu Feringghi
8	Tune Hotel Sdn Bhd	Jalan Burma
Tahun 2011		
1	Banana Hotel Sdn Bhd	Lebuh Chulia
2	Bellavaria Sdn Bhd (Hotel Grand Paradise)	Jalan Macalister
3	Chamsurf Sdn Bhd	Tanjung Bungah
4	Hotel Penaga Sdn Bhd	Jalan Hutton
5	Hotel Penaga Sdn Bhd	Jalan Transfer
6	New Asia Heritage Hotel Sdn Bhd	Jalan Pintal
7	Super Eight Hotel Sdn Bhd	Lebuh Thye Sin
8	Vintage Charm Sdn Bhd	Lebuh Campbell

Daerah Barat Daya

Bagi daerah Barat Daya, terdapat hanya satu hotel iaitu Hotel Eastin, Bayan Indah yang diberi lesen pada tahun 2011. Bagi tahun 2009 dan 2010, tiada hotel di daerah Barat Daya diberi lesen untuk kedua-dua tahun tersebut.

Daerah Seberang Perai Utara

BIL	NAMA HOTEL	LOKASI
Tahun 2011		
1	Grand de'Garden Hotel Sdn Bhd	Jalan Telaga Air, Butterworth
2	Hotel Fuhow	Jalan Talikom, Butterworth
3	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd	Kepala Batas
4	Marina Oriental Sdn Bhd	Jalan Kampong Benggali, Kepala Batas

Daerah Seberang Perai Tengah

BIL	NAMA HOTEL	LOKASI
Tahun 2009		
1	Hotel Palm Inn Sdn Bhd	Permatang Batu, Bukit Mertajam
Tahun 2010		
1	SAS Sdn Bhd	Seberang Jaya
2	Nam Loke Yuen	Bukit Mertajam
3	Aloha Beach Hotel	Bandar Perai Jaya
Tahun 2011		
1	Ixora Hotel Sdn Bhd	Bandar Perai Jaya
2	Winsons Business Inn	Pusat Perniagaan Bukit Mertajam
3	Harvest Golden Sdn Bhd	Taman Seri Jaya, Bukit Mertajam

Daerah Seberang Perai Selatan

BIL	NAMA HOTEL	LOKASI
Tahun 2009		
1	Rapid Pile Sdn Bhd	Sungai Bakap
Tahun 2010		
1	Golden Ace Hotel	Nibong Tebal

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapakah lesen-lesen berikut yang telah dikeluarkan untuk KADUN Teluk Air Tawar bagi lesen pusat snooker, lesen siber café, lesen pusat karaoke, lesen rumah urut, lesen pusat hiburan dan lesen kedai besi buruk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengeluarkan satu (1) lesen pusat snooker, dua (2) lesen kafe siber, satu (1) lesen pusat karaoke dan satu (1) lesen kedai besi buruk di KADUN Teluk Ayer Tawar. Tiada lesen rumah urut dan lesen pusat hiburan dikeluarkan di KADUN berkenaan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah jumlah bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Sekolah-Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Mubaligh, Sekolah Jenis Kebangsaaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) untuk tahun 2010 dan 2011.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Jumlah bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk Sekolah-sekolah Agama Rakyat, Sekolah Mubaligh, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil untuk tahun 2010 dan 2011 adalah seperti berikut :

JENIS SEKOLAH	JUMLAH BANTUAN (RM)
SEKOLAH AGAMA RAKYAT	11,385,200
SJK (C)	7,955,000
SEKOLAH PERSENDIRIAN CINA	4,000,000
SEKOLAH MUBALIGH	2,067,000
SJK TAMIL	3,416,000
SEKOLAH PUNJABI	84,000
JUMLAH	28,907,200

(XIV) Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Nyatakan syarat-syarat *Request For Proposal* (RFP) dalam penjualan tanah Bayan Mutiara.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Tanah tapak Bayan Mutiara seluas 102.56 ekar (termasuk kawasan yang belum ditebus guna seluas 35 ekar) telah dijual kepada pihak Ivory Properties Group Berhad (IPGB) pada 11 November 2011 secara tender terbuka melalui kaedah “Request For Proposal” (RFP) bagi tujuan pembangunan bercampur.

   Tawaran tender terbuka yang kompetitif ini dibuka pada 16 Ogos 2010 dan ditutup pada 31 Disember 2010 dengan harga rizab sebanyak RM200.00 sekaki persegi dan bayaran *earnest* deposit sebanyak RM1.2 juta.

   Sebanyak empat (4) syarikat telah mengemukakan tawaran tender seperti berikut:-

   (a) Chia Tai Xingye Ind. Dev. Ltd;

   (b) SP Setia Berhad;

   (c) Ivory Properties Group Berhad;

   (d) AG Pearl Sdn. Bhd. (tawaran syarikat ini ditolak kerana gagal mengemukakan bayaran *earnest* deposit berjumlah RM1.2 juta sepertimana yang telah disyaratkan).

Tiga (3) syarikat yang layak telah membentangkan cadangan pembangunan masing-masing kepada Jawatankuasa Penilaian pada 18 Februari 2011 dan 3 Mac 2011.

Pihak IPGB telah mengemukakan harga tawaran yang paling tinggi daripada dua (2) syarikat yang lain iaitu sebanyak RM240.00 sekaki persegi dengan bayaran sejumlah RM1.07 billion dibuat dalam tempoh lima (5) tahun. Maka, Lembaga PDC telah bersetuju untuk menerima tawaran daripada pihak IPGB dan satu perjanjian *Purchase and Development Agreement* (PDA) telah ditandatangani di antara PDC, CMI dan IPGB pada 11 November 2011. Keseluruhan projek perlu disiapkan dalam tempoh lapan (8) tahun dari tarikh PDA ditandatangani dengan merangkumi komponen wajib, penebusan tanah 35 ekar, pembayaran mengikut jadual (seperti di Lampiran) dalam tempoh lima (5) tahun serta bon sebanyak RM50 juta sebagai deposit sekuriti. Sehingga kini sejumlah RM120,813,302.40 telah dijelaskan IPGB.

Memandangkan bahawa pemaju yang berjaya dalam tender belum lagi membentangkan pelan pemajuan kebenaran merancang, adalah terlalu awal untuk berteka-teki bentuk pelan pemajuan kebenaran merancang yang dicadangkan. Memandangkan ini adalah tapak tanah baru yang lebih besar daripada yang lama, tentulah ia melibatkan permohonan baru. Perlu diingatkan bahawa sebarang permohonan baru perlu akur dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia untuk tapak masjid/surau, tempat beribadat bukan Islam, sekolah, jalan dan taman.

Pihak tidak bertanggungjawab hanya boleh mendakwa tapak masjid dihilangkan selepas pemaju membentangkan permohonan pelan pemajuan kebenaran merancang baru yang diluluskan tanpa tapak masjid. Untuk mendakwa tapak masjid dihilangkan bila pelan pemajuan kebenaran merancang pun belum dibentangkan, adalah amat jahat sekali. Lagipun sekiranya tapak masjid benar-benar dihilangkan, maka hal tempat beribadat bukan Islam juga akan dihilangkan. Akan tetapi, ia tidak dijadikan isu oleh pihak yang berniat jahat ini.

JADUAL BAYARAN PEMBELIAN TANAH BAYAN MUTIARA
(PARAGRAPH 2 OF THE SECOND SCHEDULE)

Para	Respective Due Date	Instalment	Description of Payment	Amount	Total Amount To Be Paid
2.1	Upon Execution of this Agreement	First Instalment	10.29% of the Price less the Earnest Deposit	RM109,093,920.00	RM109,093,920.00
2.2	4 months from date of this Agreement		10% of the price for the Second Parcel	RM11,719,382.40	RM11,719,382.40
2.3	18 months from date of this Agreement	Second Instalment	Balance payment for 10.93% of the price and the Second Parcel	RM105,474,441.60	RM124,365,542.40
			10% of the price for the Third parcel	RM18,891,100.80	
2.4	24 months from the date of this Agreement	Third Instalment	Balance payment for 17.62% of the Price and the Third Parcel	RM170,019,907.20	RM193,082,313.60
			10% of the price for the Fourth Parcel	RM23,062,406.40	

Para	Respective Due Date	Instalment	Description of Payment	Amount	Total Amount To Be Paid
2.5	36 months from the date of this Agreement	Fourth Instalment	Balance payment for 21.51% of the Price and the Fourth Parcel	RM207,561,657.60	RM229,170,902.40
			10% of the price for the Fifth Parcel	RM21,609,244.80	
2.6	48 months from the date of this Agreement	Fifth Instalment	Balance payment for 20.15% of the Price and the Fifth Parcel	RM194,483,203.20	RM215,392,003.20
			10% of the price for the Sixth Parcel	RM20,908,800.00	
2.7	60 months from the date of this Agreement	Sixth Instalment	Balance payment for 19.50% of the Price and the Sixth Parcel	RM188,179,200.00	RM188,179,200.00
			Total:		**RM1,071,003,264.00**
Earnest deposit paid during submission of tender					RM1,200,000.00
			Total:		**RM1,072,203,264.00**

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Nyatakan syarat-syarat utama perjanjian Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Syarikat Tropicana Ivory Sdn. Bhd. berkenaan dengan penjualan tanah Bayan Mutiara.

(b) Nyatakan terma-terma bayaran penjualan tanah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Tanah tapak Bayan Mutiara seluas 102.56 ekar (termasuk kawasan yang belum ditebus guna seluas 35 ekar) telah dijual kepada pihak Ivory Properties Group Berhad (IPGB) pada 11 November 2011 secara tender terbuka melalui kaedah “Request For Proposal” (RFP) bagi tujuan pembangunan bercampur.

Tawaran tender terbuka yang kompetitif ini dibuka pada 16 Ogos 2010 dan ditutup pada 31 Disember 2010 dengan harga rizab sebanyak RM200.00 sekaki persegi dan bayaran earnest deposit sebanyak RM1.2 juta.

Sebanyak empat (4) syarikat telah mengemukakan tawaran tender seperti berikut:-

(a) Chia Tai Xingye Ind. Dev. Ltd;

(b) SP Setia Berhad;

(c) Ivory Properties Group Berhad;

(d) AG Pearl Sdn. Bhd. (tawaran syarikat ini ditolak kerana gagal mengemukakan bayaran earnest deposit berjumlah RM1.2 juta sepertimana yang telah disyaratkan).

Tiga syarikat yang layak telah membentangkan cadangan pembangunan masing-masing kepada Jawatankuasa Penilaian pada 18 Februari 2011 dan 3 Mac 2011.

Pihak IPGB telah mengemukakan harga tawaran yang paling tinggi daripada dua syarikat yang lain iaitu sebanyak RM240.00 sekaki persegi dengan bayaran sejumlah RM1.07 billion dibuat dalam tempoh lima (5) tahun. Maka, Lembaga PDC telah bersetuju untuk menerima tawaran daripada pihak IPGB dan satu perjanjian Purchase and Development Agreement (PDA) telah ditandatangani di antara PDC, CMI dan IPGB pada 11 November 2011. Keseluruhan projek perlu disiapkan dalam tempoh lapan (8) tahun dari tarikh PDA ditandatangani dengan merangkumi komponen wajib, penebusan tanah 35 ekar, pembayaran mengikut jadual (seperti di Lampiran) dalam tempoh lima (5) tahun serta bon sebanyak RM50 juta sebagai deposit sekuriti. Sehingga kini sejumlah RM120,813,302.40 telah dijelaskan IPGB.

Memandangkan bahawa pemaju yang berjaya dalam tender belum lagi membentangkan pelan pemajuan kebenaran merancang, adalah terlalu awal untuk berteka-teki bentuk pelan pemajuan kebenaran merancang yang dicadangkan. Memandangkan ini adalah tapak tanah baru yang lebih besar daripada yang lama, tentulah ia melibatkan permohonan baru. Perlu diingatkan bahawa sebarang permohonan baru perlu akur dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia untuk tapak masjid/surau, tempat beribadat bukan Islam, sekolah, jalan dan taman.

Pihak tidak bertanggungjawab hanya boleh mendakwa tapak masjid dihilangkan selepas pemaju membentangkan permohonan pelan pemajuan kebenaran merancang baru yang diluluskan tanpa tapak masjid. Untuk mendakwa tapak masjid dihilangkan bila pelan pemajuan kebenaran merancang pun belum dibentangkan, adalah amat jahat sekali. Lagipun sekiranya tapak masjid benar-benar dihilangkan, maka hal tempat beribadat bukan Islam juga akan dihilangkan. Akan tetapi, ia tidak dijadikan isu oleh pihak yang berniat jahat ini.

JADUAL BAYARAN PEMBELIAN TANAH BAYAN MUTIARA
(PARAGRAPH 2 OF THE SECOND SCHEDULE)

Para	Respective Due Date	Instalment	Description of Payment	Amount	Total Amount To Be Paid
2.1	Upon Execution of this Agreement	First Instalment	10.29% of the Price less the Earnest Deposit	RM109,093,920.00	RM109,093,920.00
2.2	4 months from date of this Agreement		10% of the price for the Second Parcel	RM11,719,382.40	RM11,719,382.40
2.3	18 months from date of this Agreement	Second Instalment	Balance payment for 10.93% of the price and the Second Parcel	RM105,474,441.60	RM124,365,542.40
			10% of the price for the Third parcel	RM18,891,100.80	

Para	Respective Due Date	Instalment	Description of Payment	Amount	Total Amount To Be Paid
2.4	24 months from the date of this Agreement	Third Instalment	Balance payment for 17.62% of the Price and the Third Parcel	RM170,019,907.20	RM193,082,313.60
			10% of the price for the Fourth Parcel	RM23,062,406.40	
2.5	36 months from the date of this Agreement	Fourth Instalment	Balance payment for 21.51% of the Price and the Fourth Parcel	RM207,561,657.60	RM229,170,902.40
			10% of the price for the Fifth Parcel	RM21,609,244.80	
2.6	48 months from the date of this Agreement	Fifth Instalment	Balance payment for 20.15% of the Price and the Fifth Parcel	RM194,483,203.20	RM215,392,003.20
			10% of the price for the Sixth Parcel	RM20,908,800.00	
2.7	60 months from the date of this Agreement	Sixth Instalment	Balance payment for 19.50% of the Price and the Sixth Parcel	RM188,179,200.00	RM188,179,200.00
			Total:		**RM1,071,003,264.00**
Earnest deposit paid during submission of tender					RM1,200,000.00
			Total:		**RM1,072,203,264.00**

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan dengan pertukaran pemilik utama Syarikat Tropicana Ivory Sdn Bhd dari Ivory kepada Dijaya Corporation?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pihak Kerajaan Negeri tidak meletakkan syarat terhadap pertukaran pemilik utama Syarikat Tropicana Ivory Sdn. Bhd (TISB) kerana syarikat berkenaan hanya merupakan penama (nominee) bagi menerima pindah milik hakmilik tanah berkaitan. Tanggungjawab *Ivory Properties Group Berhad* (IPGB), iaitu pemaju yang telah menandatangani *Purchase and Development Agreement* (PDA) pada 11 November 2011 adalah masih kekal. IPGB bertanggungjawab untuk menjelaskan semua bayaran terhadap pembelian tanah, menyiapkan kerja-kerja tebusguna seperti yang di persetujui, menjalankan aktiviti pembangunan dan memastikan segala syarat-syarat sepertimana yang terkandung dalam PDA tersebut dipatuhi mengikut masa yang ditetapkan. Sekiranya IPGB gagal menunaikan syarat-syarat PDA maka, di antaranya, sekuriti deposit sebanyak RM50 juta akan dilesapkan dan surat perjanjian PDA akan dibatalkan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Apakah laporan-laporan teknikal tentang keberkesanan EM mudball terhadap pembersihan sungai-sungai yang tercemar?

(b) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk meneruskan projek-projek sebegini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sejak program *A Million Apologies To Mother Earth* dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 8 Ogos 2009, aplikasi *'EM Mudball'* telah dimulakan secara giat dalam merawat air sungai.Penggunaan EM Mudball terbukti berkesan dalam memulihkan kualiti air beberapa sungai di Negeri Pulau Pinang khasnya Sungai Pinang dan Sungai Juru. Kedua-dua Sungai ini telah dapat dipulihkan darikelas V ke kelas III .

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPS) telah menjalankan pemantauan di Gurney Drive setelah 400 ribu biji *EM Mudball* dilontar pada 8 Ogos 2009. Keputusan yang diperolehi melalui penggunaan 'Stick Gauge' (sejenis alat pengukur) yang telah dipasangkan mendapatipenurunan selut telah dapat dikesan sebanyak 0.1m selepas 7 hari yang pertama dan setelah 3 bulan, penurunan lebih kurang 0.2m telah ditunjukkan disepanjang 100m perairan pantai Gurney Drive. Dengan tindakan tersebut, penurunan selut telah didapatiamat berkesan.

Oleh kerana *EM Mudball* amat berkesan dalam merawat air sungai maka penghasilan dan penggunaan mudball akan dijalankan secara berterusan dengan kerjasama semua Pejabat Daerah,JPS, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak NGO dan swasta. Program ini akan difokuskan kepada pemulihan kualiti air di semua sungai di Negeri Pulau Pinang. Program *A Million Apologies To Mother Earth* juga telah dijadikan sebagai aktiviti tahunan sempena menyambut *World Mudball Day* pada 8 Ogos setiap tahun.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapakah pokok baru yang telah ditanam sepanjang tahun 2011? Apakah rancangan kerajaan meneruskan usaha penanaman pokok baru?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sepanjang tahun 2011, Kerajaan Negeri melalui MPPP, MPSP dan Jabatan Perhutanan Negeri telah menanam sebanyak 22,035 pokok dari pelbagai spesies. Pecahan mengikut jabatan/agensi seperti berikut:

MPPP	-	4,313 batang pokok
MPSP	-	8,734 batang pokok
Jabatan Perhutanan	-	8,988 batang pokok

Jabatan Perhutanan juga telah menyumbang sebanyak 5,770 anak pokok teduhan dan pengindahan kepada agensi kerajaan, syarikat swasta, Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung dan persatuan bagi penanaman.

Sepanjang tahun 2012, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang tetap meneruskan usaha penanaman pokok baru di kawasan terosot dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) seluas 4.0 ha dan penanaman di kawasan pesisiran pantai di luar kawasan HSK seluas 4.0 ha.

Kerajaan Negeri melalui MPPP, akan meneruskan usaha-usaha penanaman pokok baru melalui pelaksanaan aktiviti/program seperti berikut:

(i) Melaksanakan program gotong-royong bersama penduduk dan pihak swasta melalui Program *Cleaner, Greener Penang* bagi program penanaman pokok.

(ii) Bekerjasama dengan agensi kerajaan lain seperti JKR, LLM, JPS untuk meningkatkan program penanaman pokok.

(iii) Mewujudkan *pocket park* dan taman-taman baru seperti *friendship park, linear park.*

(iv) Menubuhkan Unit Arborist di MPPP bagi memeriksa di bawah penyelenggaraan MPPP.

(v) Mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk penanaman pokok teduhan.

(vi) Bekerjasama dengan pihak swasta bagi menyelenggara kawasan landskap melalui Program CSR.

(vii) Mewujudkan *arboratum* di kawasan *interchange* (hadapan Queensbay) dengan kerjasama pihak swasta dan NGO.

Melalui MPSP pula, Kerajaan Negeri akan melaksanakan program/aktiviti berikut:

(i) Pada tiga (3) bulan pertama tahun 2012 (Januari-Mac) sebanyak 573 batang pokok ditanam di seluruh Seberang Perai di mana sebanyak 267 batang telah ditanam oleh MPSP dan sebanyak 306 batang ditanam oleh pihak pemaju.

(ii) Memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan oleh pemaju hendaklah mengemukakan Pelan Landskap mengikut syarat kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM).

(iii) Menggalakkan penyertaan korporat dalam program CSR bagi mempertingkatkan kebersihan, keindahan dan keceriaan kawasan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berapakah beg-beg plastik yang telah berjaya dikurangkan sejak pelaksanaan *no free plastic bags?*

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Untuk makluman Y.B, Kerajaan Negeri memulakan kempen *"No Free Plastic Bags Day Every Monday"* yang telah di lancarkan pada Julai 2009. Dalam masa 4 bulan sahaja sejak pelancaran, pengusaha-pengusaha pasar raya telah berjaya menjimatkan lebih daripada 1 juta beg plastik. Angka penjimatan ini terus meningkat berikutan lanjutan hari "No Free Plastic Bags Every Monday" (1 Julai 2009), "No Free Plastic Bags Every Monday, Wednesday and Friday" (1 Januari 2010) sehingga "No

Free Plastic Bags Everyday" mulai 1 Januari 2011. Mengikut maklum balas/data yang diterima daripada pengusaha-pengusaha pasaraya dan kedai-kedai yang turut serta dalam kempen ini, sehingga Jun 2011 lebih kurang 33 juta beg plastik telah dapat dijimatkan. Sejak pertengahan tahun 2010, pengusaha-pengusaha pasar raya serta kedai-kedai yang menyertai ini telah memberhentikan tempahan beg plastik.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Adakah sebarang tindakan enforcement Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) terhadap syarikat yang tidak menjalankan polisi *no free plastic bags*?

(b) Berapakah syarikat yang dikenakan tindakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kempen *No Free Plastic Bags Every Monday* telah di lancarkan pada Julai 2009. Dalam masa 4 bulan sahaja sejak pelancaran, pengusaha-pengusaha pasaraya telah berjaya menjimatkan lebih daripada 1 juta beg plastik. Angka penjimatan ini terus meningkat berikutan lanjutan hari No Free Plastic Bags Every Monday (2009) sehingga *No Free Plastic Bags Everyday* (2011). Mengikut maklum balas yang diterima daripada pengusaha-pengusaha pasaraya dan kedai-kedai yang turut serta dalam kempen, bilangan beg plastik yang telah dapat dijimatkan sehingga Jun 2011 ialah lebih kurang 33 juta beg plastik.

Pada mulanya pengusaha-pengusaha perniagaan turut serta dalam kempen ini secara sukarela. Mulai 1 Januari 2010, Pihak Berkuasa Tempatan telah mewajibkan pengusaha-pengusaha perniagaan turut serta dalam kempen ini sebagai syarat tambahan di bawah peruntukan Seksyen 107(2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 ketika memperbaharui lesen perniagaan.

Sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin terhadap semua lapisan masyarakat, tindakan drastik tidak dipraktikkan malah Kerajaan Negeri menjalankan penguatkuasaan melalui 4 kaedah iaitu kesedaran, pendidikan, amaran dan tindakan. Kerajaan Negeri amat mengharapkan sokongan syarikat-syarikat terhadap kempen ini secara ikhlas dan bukannya secara paksaan. Maka tindakan yang diambil oleh MPPP ke atas segelintir pengusaha adalah dengan memberi teguran dan amaran di peringkat awal kempen. Setelah pengusaha dan peniaga faham mengenai kempen seruan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini, sambutan yang diberikan adalah menggalakkan dalam mengurangkan penggunaan beg plastik sehingga sekarang.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk membina *transit quarters* atau rumah sewa PPR di kawasan Parlimen Bayan Baru?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Pada masa kini, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk membina *transit quarters* atau rumah sewa PPR di kawasan Parlimen Bayan Baru memandangkan kekangan ke atas tanah-tanah Kerajaan Negeri yang berpotensi untuk dibangunkan.

Walau bagaimanpun Negeri Pulau Pinang pada ketika ini terdapat enam (6) Projek Perumahan Rakyat (PPR) dengan 3127 unit yang disewa.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di kawasan Gurney Drive? Adakah rancangan untuk penambakkan tanah akan dijalankan di kawasan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 telah mengenal pasti kawasan Gurney Drive sebagai salah satu produk pelancongan di Negeri Pulau Pinang dan dikenali sebagai kawasan rekreasi pantai dan produk tarikan membeli belah. Dalam usaha mempromosikan Pulau Pinang sebagai pusat pelancongan berasaskan membeli belah dan membangunkan kawasan Gurney Drive tersebut, pelbagai bentuk promosi telah dijalankan untuk memperkenalkan kawasan persiaran Gurney kepada orang ramai terutamanya pelancong-pelancong dari luar Pulau Pinang. Kewujudan medan penjaja dan juga pusat membeli belah yang terkenal secara tidak langsung telah mempromosikan kawasan Gurney kepada orang ramai.

Mengikut Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 juga:-

DSU 8 L1 : Tebus guna tanah hanya dibenarkan bagi projek-projek yang telah dikenal pasti dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN). Ianya termasuklah kawasan tebus guna sedia ada dan cadangan tebus guna tanah di kawasan-kawasan seperti berikut:-

Pesisir Lebuhraya Bayan Lepas (untuk tujuan pelebaran jalan/rekreasi awam dan pembinaan jambatan kedua);

Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa dan penempatan setinggan terbabit; dan Muara Sungai Perai – Kuala Juru (untuk tujuan perindustrian).

Kerajaan Negeri tiada rancangan untuk membuat penambakan laut bagi kawasan Gurney Drive kerana kawasan tersebut tidak termasuk di dalam kawasan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dan MPFN sebagai kawasan yang dibenarkan untuk dibuat tebus guna. Walau bagaimanapun, sebahagian kawasan yang berhampiran dicadang akan ditebus guna untuk tujuan pembinaan jalan pesisir pantai bagi mengatasi kesesakan lalu lintas yang berlaku sekarang di kawasan berkenaan. Di samping itu, dikhuatiri cadangan penambakan laut yang tidak terkawal di kawasan tersebut boleh merosakkan keindahan dan keunikan kawasan tersebut sebagai produk pelancongan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah dasar-dasar baru Kerajaan Negeri Pulau Pinang tentang Telco Towers yang dalam keadaan baru, lama dan haram?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. MMK telah meluluskan “Prosedur dan Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang” pada 20 November 2009. Semua pembinaan Telco Towers yang baru dan lama perlu mematuhi garis panduan ini.

Bagi struktur lama, syarikat Telco diberikan moratorium sehingga 31 Disember 2010 untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis panduan. Dalam tempoh moratorium itu, Kerajaan Negeri atau PBT tidak akan mengambil sebarang tindakan. Selepas tempoh moratorium, struktur yang tidak mematuhi garis panduan akan diambil tindakan oleh PBT.

Bagi permohonan baru syarikat Telco perlu mendapatkan perakuan empat (4) Jabatan Teknikal Luar iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multi Media Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Penerbangan Awam dan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta kebenaran daripada pemunya bangunan/tanah sebelum pelan bangunan dikemukakan kepada PBT untuk pertimbangan. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga menetapkan bagi semua permohonan baru, persetujuan ADUN kawasan berkenaan diperlukan sebelum PBT memproses permohonan.

Perbincangan dan dialog diadakan dari semasa ke semasa di antara Kerajaan Negeri, Jabatan Teknikal dan pengusaha Telco untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh pengusaha telco, orang ramai, PBT dan Kerajaan Negeri.

Tindakan penguatkuasaan perobohan oleh PBT akan diambil terhadap struktur telco yang haram iaitu yang tidak mengemukakan permohonan atau gagal mematuhi garis panduan yang telah digubal.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk menambah masa dewan yang akan bersidang pada tahun 2012 melebihi purata 12 hari sejajar dengan usaha pendemokrasian?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan sengaja memanjangkan tempoh bersidang Dewan Undangan Negeri tanpanya urusan-urusan yang mustahak untuk diperbincangkan.

Tempoh persidangan boleh dilanjutkan bergantung dengan jumlah urusan termasuk rang undang-undang atau usul yang akan dikemukakan untuk diperbahaskan serta diputuskan dalam setiap persidangan DUN.

Tambahan pula, DUN membenarkan masa persidangan dilanjutkan sehingga lewat malam sekiranya ada usul-usul berkaitan yang perlu dikemukakan dan diperbahaskan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah status pembinaan pasar awam Hamna di Sungai Dua? Bilakah ia akan dilaksanakan oleh pemaju?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Pembinaan pasar awam Hamna di Sungai Dua akan diteruskan. Pembinaan akan dilakukan di atas tanah milik SSI di Lot 9117, Mukim 13, Daerah Timur Laut memandangkan ia merupakan elemen pembangunan yang disyaratkan dalam projek pembangunan tanah Kerajaan Negeri di Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Berdasarkan Perjanjian Penswastaan yang telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dan Syarikat Hamna Sdn. Bhd. pada 31 Julai 1991 dan syarat kelulusan Pelan Bangunan [P.B 31884(LB) dan 34263(LB)] masing-masing pada 15 April 1992 dan 14 April 1995, Syarikat Hamna Sdn. Bhd. bertanggungjawab membina pasar berkenaan.

Pihak Berkuasa Negeri melalui mesyuaratnya yang bertarikh 11 Januari 2012 dan disahkan pada 18 Januari 2012 telah meluluskan permohonan pemberimilikan Lot 2167, Mukim 13, Daerah Timur Laut kepada SSI bagi tujuan yang sama. Justeru pembangunan tersebut akan melibatkan tambahan dua lot tanah berkenaan. Satu perbincangan antara SSI dan Pengarah pemaju telah diadakan pada 23 Mac 2012. Pemaju diminta untuk mengemukakan pelan konsep dan mengadakan perbincangan pra-OSC dengan jabatan teknikal yang berkaitan terlebih dahulu sebelum mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang. Ini bagi mengelakkan kesalahan dari segi penyediaan Pelan Kebenaran Merancang berulang kerana pembangunan bangunan tersebut perlu mengambil kira rizab parit, rizab jalan dan perkara lain yang berkaitan.

Pemajuan akan dimulakan selepas mendapatkan semua kelulusan pelan dari Pihak Berkuasa Tempatan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah dasar-dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang menangani *cyber café*? Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membanteras *cyber café* yang berunsur judi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri melalui MPPP mengeluarkan lesen sementara *cyber cafe* untuk 3 bulan dan diperbaharui jika pengusaha mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Bagi pengusaha yang gagal mengikut garis panduan, permohonan lesen akan ditolak dan tindakan kompaun diambil secara berjadual.

Tindakan MPPP untuk membanteras *cyber cafe* yang berunsur judi adalah melalui pemantauan dan tindakan kompaun harian. Setakat ini sejumlah 124 premis *cyber cafe* yang dipercayai menjalankan aktiviti berunsur judi telah dikenal pasti. Senarai tersebut telah diberikan kepada pihak PDRM untuk tindakan penguatkuasaan selanjutnya.

Manakala bagi kawasan Seberang Perai, Dasar MPSP mengenai pusat siber dan cyber cafe ialah:

(a) Akitiviti utama ataupun core business pusat siber dan *cyber cafe* adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja. Kegiatan-kegiatan lain adalah tidak dibenarkan sama sekali khususnya berbentuk hiburan seperti berikut:

(i) Permainan video

(ii) Perjudian

(iii) Gambar-gambar lucah

(iv) Muzik (pipe music)

(v) Penjualan bahan-bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur-unsur negatif.

(b) Pengusaha pusat siber dan *cyber cafe* juga hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti kurang sihat berlaku di pusat siber dan *cyber cafe.* Tindakan segera hendaklah diambil sekiranya berlaku aktiviti kurang sihat tersebut yang melibatkan pelanggan mereka.

(c) Masa operasi

(i) Masa operasi bagi pusat siber dan *cyber cafe* adalah dihadkan kepada pukul 12.00 tengah malam sahaja.

(ii) Bagi pengunjung di bawah umur 18 tahun, mereka hanya dibenarkan mengunjungi pusat siber dan *cyber cafe* sehingga pukul 10.00 malam sahaja.

(d) Had umur pengunjung

(i) Pusat siber dan *cyber cafe* hanya dibuka kepada pengunjung berumur 18 tahun ke atas. Walau bagaimanapun, mereka yang berumur di bawah 18 tahun dibenarkan mengunjungi pusat siber dan *cyber cafe* dengan ditemani oleh ibu bapa atau pun penjaga.

(ii) Pelajar yang berpakaian seragam sekolah adalah dilarang memasuki pusat siber dan *cyber cafe*.

(e) Lokasi

(i) Pusat siber dan *cyber cafe* hanya dibenarkan beroperasi di tingkat bawah bangunan, keadaan premis perlulah terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan penggunaan cermin gelap adalah dilarang. Bagi peniaga pusat siber dan *cyber cafe* yang telah pun menjalankan perniagaan sebelum garis panduan ini dikeluarkan maka kelonggaran boleh diberikan untuk membenarkan pusat siber dan *cyber cafe* beroperasi di premis ataupun tempat sedia ada tanpa perlu berpindah ke tingkat bawah bangunan.

(ii) Kedudukan komputer bagi tujuan melayari internet hendaklah berasingan daripada aktiviti sampingan yang lain dan ia hendaklah diletakkan di dalam ruang yang terbuka iaitu tidak berbilik dan tidak berpintu.

(iii) Pusat siber dan *cyber cafe* tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensitif seperti masjid dan lain-lain kawasan yang dirasakan tidak wajar oleh pegawai pelesenan.

(f) Penjualan minuman keras dan rokok

(i) Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang sama sekali di pusat siber dan *cyber cafe*.

(ii) Pelanggan juga adalah dilarang untuk membawa masuk sebarang minuman keras dan juga rokok daripada luar.

(g) Butiran pelanggan

Pengusaha hendaklah menyediakan buku rekod kemasukkan pelanggan bagi disemak oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa.

(h) Kebersihan premis

(i) Pengusaha pusat siber dan *cyber cafe* juga hendaklah mengambil perhatian ke atas aspek-aspek kebersihan dengan menyediakan tong sampah dan tandas awam yang mencukupi.

(ii) Premis hendaklah menepati syarat-syarat penggunaan dan kelulusan bangunan yang telah ditetapkan dan sebarang pengubahsuaian ke atas bangunan hendaklah mendapat kelulusan daripada PBT terlebih dahulu.

Tindakan MPSP di dalam membanteras *cyber cafe* yang berunsurkan judi adalah dengan menyalurkan maklumat berkaitan dengan mana-mana pengusaha yang disyaki terlibat dengan perjudian kepada pihak PDRM untuk tindakan penguatkuasaan perjudian kerana MPSP tiada kepakaran dalam mengenal pasti unsur-unsur judi dalam internet.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Apakah rasional meluluskan kebenaran merancang di atas lot 14345, Mk.12, DBD, Pesiaran Kelicap untuk tetuan Sunway City.

(b) Adakah semua syarat-syarat teknikal perlu dipatuhi dan mengapakah kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan bukit dibenarkan pembangunan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Kerajaan Negeri telah meluluskan kebenaran merancang di atas Lot 14345, Mk 12, DBD, Persiaran Kelicap untuk Tetuan Sunway City pada 13 September 1996 di atas rasional bahawa kawasan berkenaan berada di tahap

ketinggian di bawah daripada 250 meter berkenaan boleh menampung 'Perumahan Am' dengan ketumpatan maksimum 30 unit/ekar dan 'Perumahan Ketumpatan Rendah' dengan ketumpatan maksimum 6 unit/ekar. Perumahan Am di sini merujuk kepada pembangunan berdasarkan densiti. Kawasan tinggi tapak ini akan dibina perumahan ketumpatan rendah manakalakawasan rendah tapak ini dibina perumahan ketumpatan tinggi. Kerajaan Negeri sekarang pun tidak pasti mengapakah kerajaan yang lama boleh memberikan kelulusan demikian.

(b) Semua syarat teknikal di kawasan lereng bukit yang melebihi 76 meter ketinggiannya akan melalui proses di mana pemaju dikehendaki mengemukakan Laporan Geoteknikal oleh Jurutera Geoteknikal bertauliah dan dikaji semula oleh *independent checker.* Ianya akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Pengurusan Tanah Berisiko yang dipengerusikan oleh EXCO dan dianggotai oleh agensi-agensi teknikal seperti JKR Cawangan Cerun, IKRAM, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Pengairan dan Saliran dan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan. Kerajaan Negerisedang meneliti samada wujudnya langkah yang boleh diambil agar projek ini tidak dijalankan kerana ia memang dalam kawasan bukittinggi. Sekiranya tidak berjaya maka Kerajaan Negeri akan memastikan semua syarat-syarat dan kawalan akan dipatuhi.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah status pelebaran Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di *bottleneck* Penang Bridge Exit berdekatan dengan Kampung Batu Uban? Apakah masalah kelewatan yang dihadapi dan bilakah projek ini akan disiapkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (1) Kerja-kerja pelebaran Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu yang berdekatan dengan Kampung Batu Uban telah dimulakan pada 11 Januari 2012. Pada masa ini, penanaman cerucuk asas untuk jejantas pejalan kaki yang baru sedang dijalankan.

(2) Masalah kelewatan projek yang dihadapi adalah berpunca dari perkara-perkara seperti berikut:-

(a) Kerja pembinaan tidak dapat dimulakan lebih awal kerana pertembungan tarikh mula masuk tapak oleh kontraktor dengan cuti perayaan Tahun Baru Cina di mana bilangan trafik di laluan tersebut adalah tinggi dan dikhuatiri mengganggu kelancaran trafik;

(b) Kontraktor perlu membuat rekabentuk semula akibat perubahan skop kerja projek;

(c) Perubahan kaedah pelaksanaan projek kerana jejantas pejalan kaki baru perlu disiapkan terlebih dahulu sebelum jejantas sedia ada dirobohkan; dan

(d) Arahan berhenti kerja oleh pihak TNB kerana khuatir gegaran akibat kerja-kerja cerucuk menjejaskan kabel elektrik berhampiran.

(3) Walau bagaimanapun, pihak kontraktor komited untuk menyiapkan projek tersebut sepertimana yang dijadualkan iaitu pada 23 Ogos 2012.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Adakah cadangan penambakkan lebuhraya sejajar Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dari *exit* ke Queensbay akan dijalankan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Terdapat cadangan penambakan lebuh raya sejajar dengan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (Lebuhraya Coastal) oleh Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) telah pun dibincangkan di peringkat Unit Kerjasama Awam dan Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM) pada 17 Januari 2012 bagi tujuan pembiayaan. Namun begitu, cadangan tersebut masih belum dimuktamadkan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Penduduk Negeri Pulau Pinang sekarang semakin sukar memiliki rumah dan apakah dasar-dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyekat kenaikan harga rumah di Negeri Pulau Pinang umpamanya bahagian pulau?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri sememangnya sedar mengenai harga rumah yang semakin meningkat. Kuasa Kerajaan Negeri hanya untuk mengawal harga rumah kos rendah dan kos sederhana rendah adalah terhad kerana ia bergantung kepada kuasa pasaran dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telahpun memastikan hanya rakyat yang berhak ke atas perumahan kos rendah dan sederhana sahaja mendapat rumah berkenaan. Kerajaan Negeri juga melaksanakan beberapa langkah untuk menstabilkan harga rumah lain-lain kategori. Di antaranya ialah :

(a) Memperluaskan stok tanah perumahan.

Meninggikan bekalan perumahan baru termasuk rumah mampu milik di kawasan pembangunan baru *(new growth area)* di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah berusaha gigih untuk mengumpulkan dana sebanyak RM500.00 juta dalam empat (4) tahun ini untuk membina rumah mampu milik di seluruh Pulau Pinang baik di Seberang Perai ataupun kawasan kepulauan. Kerajaan Negeri juga sedang membuat perancangan untuk membina rumah mampu milik di Batu Kawan atas tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seluas 200 ekar. Projek ini dijangka akan menyediakan melebihi 11,800 unit apartmen yang berharga RM72,500.00 sehingga RM220,000.00 seunit. Seperti sedia maklum, tanah di Negeri Pulau Pinang adalah amat terhad berbanding dengan Negeri-Negeri lain. Malah, didapati permintaan ke atas tanah pembangunan perumahan hanya tertumpu di kawasan membangun sahaja. Contohnya di bahagian pulau yang mempunyai dua daerah iaitu Timur Laut dan Barat Daya, pemaju lebih tertumpu di DaerahTimur Laut berbanding di Daerah Barat Daya. Daerah Seberang Perai Tengah pula

menjadi pilihan pemaju jika dibandingkan dengan Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Seberang Perai Selatan. Melalui kaedah penambahan stok tanah untuk tujuan pembangunan perumahan adalah diharapkan boleh mengurangkan kenaikan kos tanah di kawasan pilihan dan akan menstabilkan harga rumah di pasaran;

Selain daripada projek perumahan Batu Kawan yang akan membina 12 ribu unit rumah, Tabung Rumah Mampu Milik dijangka membina lebih enam (6) ribu unit rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan pulau. Keluasan tanah kerajaan yang terlibat adalah 29 ekar di Seberang Perai Utara (SPU), 32 ekar di Seberang Perai Tengah (SPT), 10 ekar di Daerah Timur Laut (DTL) dan 6 ekar di Daerah Barat Daya (DBD). Fasa 2 yang melibatkan keluasan tanah yang lebih besar akan diumumkan kemudian.

(b) Melaksanakan Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan nisbah plot di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang berkuat kuasa pada 21 Disember 2011 antaranya :

(i) membenarkan pemaju membangunkan sehingga mencapai kepadatan 87 unit/ekar hingga 120 unit/ekar (maksimum – sekiranya tapak tersebut mempunyai penempatan setinggan) bagi kawasan-kawasan yang dibenarkan bagi penambahan ketumpatan terutama sekali di sekitar kawasan *Transportation Oriented Development* (T.O.D). Misalnya, perumahan kos sederhana rendah diberikan ketumpatan sehingga 120 unit seekar manakala tiada had ketumpatan bagi perumahan kos rendah (dengan syarat mematuhi semua kehendak perancangan);

(ii) mana-mana pemajuan yang menggunapakai garis panduan ini adalah disyaratkan menyediakan 30% RKSR bagi kawasan Daerah Timur Laut, manakala bagi kawasan Daerah Barat Daya perlu menyediakan 30% RKR atau 15% RKR dan 15% RKSR; dan

(iii) mensyaratkan sebanyak 5% daripada unit yang dibina dijual pada harga kurang RM200,000.00 manakala 15% lagi hendaklah dijual pada harga kurang dari RM300,000.00. Ini dapat menggalakkan pemaju-pemaju untuk membina lebih banyak perumahan mampu milik (affordable housing).

(c) Meninggikan harga rumah yang layak dibeli oleh warga asing di Pulau Pinang dari RM250,000.00 ke RM500,000.00 mulai 1 Januari 2010. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah mengumumkan untuk mengkaji semula dasar pemilikan hartanah oleh warga asing ini dari RM500,000.00 ke RM1,000,000.00 kepada had yang lebih tinggi iaitu RM2,000,000.00 untuk hartanah di bahagian Pulau dan mengekalkan had RM500,000.00 kepada pemaustatin tetap.

Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSN), Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa penyediaan rumah mampu milik diberi keutamaan melalui langkah-langkah berikut:

(i) Dengan mengambil kira keupayaan pembeli rumah (purchasing power) penduduk yang berbeza-beza, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan meluluskan projek perumahan bagi

memastikan semua golongan penduduk di Pulau Pinang memiliki rumah berdasarkan dua jenis rumah mampu milik iaitu rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

(ii) Kerajaan juga mengawal harga rumah kos rendah dan sederhana rendah dan menetapkan syarat kelayakan rumah yang lebih realistik bagi golongan pertengahan iaitu individu yang berpendapatan RM2,500.00 hingga RM3,500.00 sebulan dan merendahkan had kelayakan umur dari 21 tahun kepada 18 tahun.

(iii) Kerajaan Negeri juga berusaha menggalakkan pemilik hartanah menyertai program pemuliharaan dan pembaharuan bandar melalui agensi pembaharuan dan pemulihan bandar agar lebih banyak perumahan dan hartanah lain dapat dibina untuk mencapai hasrat satu rumah satu keluarga terutama di kawasan bandar.

(d) Kerajaan Negeri melalui inisiatif OSC di PBT juga berusaha memproses dan meluluskan lebih banyak pelan-pelan permohonan perancangan di dalam waktu yang lebih singkat untuk menggalakkan lebih banyak rumah dapat dibina dalam waktu yang singkat.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang membanteras kes-kes *human trafficking* yang semakin menjadi-jadi di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Mengikut sumber yang diberikan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), antara tindakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa dalam membanteras kes-kes human trafficking ialah dengan mengadakan operasi secara menyeluruh ke atas mana-mana premis persendirian, perniagaan, pusat-pusat hiburan serta pusat-pusat urut. Operasi membanteras ini giat dijalankan oleh pihak PDRM Kontinjen Pulau Pinang bagi mengenal pasti sama ada terdapatnya kegiatan human trafficking ini atau sebaliknya. Hebahan melalui media cetak dan elektronik serta menyebarkan risalah pendedahan tentang jenayah ini kepada masyarakat juga diadakan supaya masyarakat lebih peka mengenai kegiatan jenayah ini serta menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa. Di samping itu juga, kerjasama dengan pihak kedutaan asing di Negeri Pulau Pinang turut diadakan dengan mengadakan perbincangan dua hala berkaitan dengan langkah-langkah bersama dalam membanteras *human trafficking* ini.

Mesyuarat Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran juga turut memutuskan supaya wakil-wakil dari PDRM dan Jabatan Imigresen Malaysia ditempatkan secara sementara di Jabatan Tenaga Kerja bagi tujuan memberi bimbingan dan latihan serta perkongsian ilmu khususnya dalam usaha untuk meningkatkan penguatkuasaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran yang lebih berkesan.

Di samping itu, pameran dan juga forum berkaitan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran yang melibatkan majikan dan pekerja asing juga diadakan. Program ini telah diadakan pada 31 Mac 2012 bertempat di Megamall Pinang, Pulau Pinang dengan kerjasama beberapa agensi.

Jabatan Audit Negara juga diarahkan untuk melaksanakan pengauditan ke atas semua program-program yang dilaksanakan sebagaimana yang dinyatakan bagi mengenal pasti keberkesanan dan penambahbaikan yang bersesuaian berkaitan jenayah ini.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Berapakah kes human trafficking yang telah disiasat di Negeri Pulau Pinang dalam tempoh tiga (3) tahun yang lepas?

(b) Berapakah kes yang telah di caj dan telah dijatuhi hukuman?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berikut ialah kes-kes human trafficking yang disiasat di Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2009 hingga 2011 adalah seperti berikut:-

Tahun	2009	2010	2011
Jumlah Kes	16	9	12
Jumlah Dihukum	1	1	1
Dalam Perbicaraan	1	1	1
Jumlah NFA	14	7	5

Terdapat kes-kes yang diberi keputusan No Further Action oleh Yang Arif Timbalan Pendakwaraya Pulau Pinang kerana setelah siasatan selesai dijalankan, didapati tiada unsur-unsur jenayah yang berkaitan dengan *Human Trafficking*.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Apakah syarat-syarat untuk mendapatkan lesen operasi *reflexiologi* dan *massage*? Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap tempat-tempat yang haram?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. MPPP tidak mengeluarkan lesen untuk *refleksologi*, walau bagaimanapun aktiviti sedemikian dikategorikan dibawah Salon Kecergasan (Keep-fit Saloons).

Untuk mendapatkan lesen Salon Kecergasan, syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

(a) Tiada sekatan berupa bilik didirikan dalam premis.

(b) Pencahayaan di ruang rawatan hendaklah mencukupi dan cerah.

(c) Penggunaan cermin gelap dan pintu berkunci adalah dilarang.

(d) Tuala pengelap untuk pelanggan hendaklah sentiasa kering, bersih dan ditukar selepas digunakan.

(e) Penggunaan bahan rawatan hendaklah mendapat kelulusan daripada Bahagian Penguatkuasa Farmaseutikal Negeri.

(f) Pekerja yang mempunyai masalah penyakit kulit, tidak dibenarkan untuk melakukan rawatan kepada pelanggan.

(g) Menyediakan peti kecemasan yang sempurna.

(h) Urutan badan tidak dibenarkan.

(i) Mematuhi kehendak-kehendak dan syarat Majlis yang diberikan dari masa ke semasa.

Bagi aktiviti mengurut *(massage)*, lesen hanya dikeluarkan kepada pihak hotel dan kelab persendirian sahaja. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-

(a) Setiap orang yang terlibat dengan kerja-kerja perawatan mengurut atau apa-apa perawatan perubatan *(curative treatment)* yang berkaitan, hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan yang lengkap, termasuk X-ray dada dan lain-lain ujian yang perlu (STD &AIDS) bagi memastikan mereka tidak menghidap penyakit-penyakit berjangkit. Sijil pengesahan kesihatan daripada Pegawai Perubatan berdaftar hendaklah dikemukakan.

(b) Mereka yang berdaftar sahaja dibenarkan menjalankan perawatan mengurut di premis rumah urut setelah memperolehi Sijil Perubatan sepertimana yang dikehendaki.

(c) Pemegang lesen hendaklah memastikan setiap pelanggan memberikan butir-butir seperti berikut:

(i) Nama penuh
(ii) Nombor Kad Pengenalan atau Paspot
(iii) Alamat sekarang
(iv) Pekerjaan/Tempat kerja
(v) Bangsa dan Warganegara
(vi) Masa dan tarikh sampai

(d) Rawatan tidak boleh diberikan sehingga pelanggan memasukkan semua butir yang dikehendaki di dalam daftar.

(e) Semua bilik yang digunakan untuk rawatan mengurut hendaklah mempunyai keluasan minimum 120 kaki persegi.

(f) Semua bilik yang digunakan untuk rawatan mengurut hendaklah dipasang dengan pintu berayun yang tidak boleh dikunci dari dalam.

(g) Pemegang lesen tidak boleh melakukan perkara-perkara berikut:

(i) Membenarkan sesiapa yang diketahui atau sesiapa yang ia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah seorang pelacur atau seorang yang kurang baik tingkah lakunya memasuki rumah urutnya.

(ii) Menggaji sesiapa yang berumur kurang dari 21 tahun.

(iii) Membenarkan apa-apa perjudian, kemabukan atau kelakuan yang tidak senonoh dalam apa bentuk pun dalam rumah urutnya.

(iv) Menggaji sesiapa yang tidak disahkan sihat oleh pengamal perubatan berdaftar.

(v) Membenarkan apa-apa urusan perniagaan dijalankan di dalam rumah urut kecuali di antara jam 10.00 pagi hingga 12.00 malam.

(h) Pemegang lesen dikehendaki mempamerkan di pintu masuk rumah urut satu notis awam yang berukuran 2 kaki x 3 kaki dalam Bahasa Malaysia yang berbunyi:

NOTIS AWAM

Lelaki Islam dilarang mendapatkan perkhidmatan urut mengurut daripada pengurut wanita. Pesalah-pesalah akan didakwa.

PUBLIC NOTICE

Male Muslims are prohibited from getting the service of female masseur. Offenders will be prosecuted.

(i) Bayaran lesen dan penggunaan bilik sahaja di premis ini adalah seperti berikut:

4 bilik dan ke bawah	:	RM400 setahun
5-8 Bilik	:	RM500 setahun
9-12 Bilik	:	RM600 setahun
Lebih daripada 12 bilik	:	RM800 setahun

(j) Wang cengkeram sebanyak RM2000 secara tunai hendaklah dibayar sebagai cagaran sekuriti untuk menentukan supaya syarat-syarat pelesenan dan peraturan-peraturan dipatuhi dengan sepenuhnya.

Kegagalan pengusaha mematuhi syarat-syarat yang diberi akan menyebabkan permohonan lesen ditolak atau lesen ditarik balik. Tindakan kompaun akan diambil sehingga pengusaha berhenti menjalankan operasi.

Di kawasan MPSP, syarat-syarat untuk mendapatkan lesen operasi untuk reflexiologi dan massage adalah seperti berikut:

(a) Struktur Fizikal

Premis hendaklah dicat semula di luar dan dalam.

(b) Halangan

(i) Dilarang sama sekali meletak barangan jualan atau benda-benda lain di kaki lima.

(ii) Dilarang membuat sebarang halangan di jalan susur/lorong belakang dan di tepi jalan.

(iii) Halangan atau rintangan di pintu masuk/keluar tidak dibenarkan.

(iv) Kerja-kerja hendaklah dijalankan di dalam premis sahaja dan tidak dibenarkan dilakukan di luar premis.

(c) Kemudahan `First Aid`(Bantuan Kecemasan)

Sediakan sebuah peti ubat rawatan kecemasan dan hendaklah selalu dilengkapkan dengan ubat-ubatan.

(d) Kemudahan Sanitari

Sediakan tandas dan bilik air yang sempurna dan kebersihan perlu dijaga setiap masa.

(e) Sediakan tong sampah yang sesuai dan bertudung

(f) Syarat-syarat Jabatan Bomba

(i) Sediakan 2 unit 9kg Pemadam Api Jenis Serbuk Kering ABC.

(ii) Alat Pemadam Api tuan hendaklah dihantar ke Jabatan Bomba tiap-tiap tahun untuk diuji.

(iii) Semua alat pemadam api hendaklah digantung pada dinding satu (1) meter dari paras lantai dekat jalan-jalan keluar supaya mudah dilihat dan senang dicapai.

(iv) Semua jalan keluar hendaklah bebas dari sebarang halangan dan rintangan.

(g) Sistem perparitan yang sempurna perlu disediakan dan dijaga kebersihannya. MPSP akan mengambil tindakan mengkompaun atau tindakan mahkamah terhadap tempat-tempat yang menjalankan perniagaan reflexiologi dan massage tanpa lesen.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan RM2 juta untuk program-program pendemokrasian. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang berbuat demikian?

(b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu NGO-NGO untuk mendapat peruntukan untuk tujuan pendemokrasian rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Kerajaan Negeri sudah pun menjalankan pelbagai inisiatif dan program yang bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran terhadap proses pendemokrasian.

Antaranya adalah penubuhan Sudut Pidato yang pertama di Malaysia, iaitu di Padang Kota Lama serta Taman Tugu Demokrasi di Seberang Perai. Kedua-dua tempat ini menjadi lambang demokrasi dan hak asasi yang terjamin di Pulau Pinang.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memegang kepada prinsip pendemokrasian dalam pentadbiran. Antara tindakan pertama selepas mengambil alih pucuk pentadbiran pada tahun 2008 adalah pelaksanaan dasar tender terbuka di Pulau Pinang. Tindakan ini telah sekaligus membebaskan kontraktor-kontraktor di Pulau Pinang daripada kekangan sistem lama yang berdasarkan kabel politik.

Tambahan pula, Kerajaan Negeri juga telah mendedahkan kontrak-kontrak Kerajaan Negeri kepada orang awam, di samping mengamalkan proses rundingan awam dalam projek-projek kerajaan Negeri seperti Pelan Induk Pengangkutan, Rancangan Kawasan Khas untuk Kebun Bunga, projek-projek infrastruktur dan lain-lain lagi.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil tindakan yang berani untuk mengisytiharkan harta seluruh barisan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, termasuk Ketua Menteri. Pada tahun lepas, Dewan yang mulia ini juga telah meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat yang membenarkan rakyat untuk mengakses maklumat kerajaan yang dahulunya tidak boleh dicapai.

(b) Kerajaan Negeri mengalu-alukan dan menggalakkan penyertaan mana-mana badan bukan kerajaan (NGO) dalam proses pendemokrasian, dan senantiasa terbuka untuk sebarang kerjasama dengan mereka demi memelihara kepentingan dan hak asasi rakyat.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Berapakah jumlah gaji Pengurus Besar Penang Global Tourism? Apakah bajet yang diuruskan oleh Penang Global Tourism (PGT) setiap tahun? Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berpuas hati dengan pembangunan sektor pelancongan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Jumlah gaji Pengurus Besar PGT adalah sebanyak RM12,000.00 sebulan

(b) Bajet yang diuruskan oleh PGT pada setiap tahun mulai 2009 adalah seperti berikut:

Tahun	Bajet
2009	RM1,407,805
2010	RM1,691,371
2011	RM2,765,054

Bajet yang terlibat adalah perbelanjaan pengurusan organisasi PGT, penyertaan misi jelajah dalam dan luar negara, pemasaran/promosi/ komunikasi, acara-acara peringkat Negeri yang dianjurkan PGT,

perkhidmatan pelancongan seperti Billboard dan brosur pelancongan, pemasaran dan serta pelbagai lagi program-program promosi pelancongan Negeri.

(c) Sehingga kini, Kerajaan Negeri berpuas hati dengan pencapaian sektor pelancongan Negeri. Namun demikian, pelbagai sudut boleh ditambah baik bagi terus memajukan sektor pelancongan Negeri seperti pertambahan kemasukan pelancong untuk meningkatkan jumlah perbelanjaan pelancong dalam pelbagai sektor ekonomi di Negeri ini.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Senaraikan semua projek-projek atau program-program impak besar yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam sektor pelancongan. Nyatakan apakah KPI-KPI dan pencapaian-pencapaian projek tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Di antara projek/program yang mempunyai impak besar yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah:

(i) Pembinaan sPice dengan kos RM300 juta;

(ii) Rancangan Kawasan Khas Taman Botani dan Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera;

(iii) Promosi pelancongan melalui majalah antarabangsa;

(iv) Lawatan dan Kunjungan ke Luar Negara untuk menghadiri ekspo dan rundingan dengan wakil wilayah yang dikunjungi;

(v) Penganjuran Acara Antarabangsa seperti Penang Bridge International Marathon dan World Music Festival; dan

(vi) Projek Pembangunan Auto City Theme Park dan Projek The Escape Teluk Bahang.

(b) KPI dan sasaran yang ditetapkan bagi projek/program tersebut adalah seperti di Lampiran A.

(c) Walau bagaimanapun, memandangkan projek/program ini masih di peringkat awal pelaksanaannya, maka pencapaian bagi setiap projek/program tersebut belum dapat diukur pada masa ini.

LAMPIRAN A

PROJEK-PROJEK ATAU PROGRAM-PROGRAM IMPAK BESAR
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

SEKTOR PELANCONGAN

BIL	Program/Projek	KPI/Sasaran	IMPAK
1	Pembinaan sPICE dengan kos RM 300 juta	Menyediakan kemudahan infrastruktur dan dewan persidangan yang memuatkan seramai 6,000 orang.	SPICE menjadi ikon negeri Pulau Pinang dan destinasi utama bagi MICE yang bertaraf dunia.
2	Rancangan Kawasan Khas Taman Botani dan Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera	Pengurusan taman yang lebih teratur	Pembangunan kawasan rekreasi dan pelancongan yang lebih mapan
3	Kerjasama dengan penerbit majalah antarabangsa	Promosi pelancongan secara cepat dan berkesan Pulau Pinang sebagai pilihan dalam pakej pelancongan yang ditawarkan syarikat pelancongan di luar negara.	Pelbagai artikel dan imej-imej menarik mengenai Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan diterbitkan dalam majalah-majalah di negara-negara luar seperti LeFigaro (Perancis),Exclusif (Switzerland), Gourmet Traveller (Australia) Eastweek (Hong Kong) dan New York Times.
4	Lawatan dan Kunjungan ke Luar negara bagi menghadiri ekspo dan rundingan bersama wakil wilayah yang dikunjungi	Pertambahan bilangan kemasukan pelancong ke Pulau Pinang serami 10 juta selepas tahun 2014 Hubungan diplomatik lebih erat dengan negara-negara luar Penambahan frekuensi penerbangan antarabangsa secara terus ke Pulau Pinang.	Pertambahan bilangan penerbangan terus ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Sebagai contoh, Naning-Kuala Lumpur-Pulau Pinang menggunakan perkhidmatan Firefly. Selain daripada itu, syarikat Cathay Pacific mewujudkan perkhidmatan penerbangan terus daripada Pulau Pinang ke Hong Kong.
5	Penganjuran Acara Antarabangsa seperti Penang Bridge International Marathon dan world Music Festival	Pertambahan bilangan pelancong ke Pulau Pinang Pulau Pinang sebagai lokasi sukan dan muzik antarabangsa	Jumlah penglibatan peserta yang sentiasa meningkat melibatkan peserta dari dalam dan luar negara. Rekod 2011 mencatatkan penglibatan 27,500 orang peserta termasuk dalam dan luar negara berbanding 24,000 pada 2010 dan 19000 pada tahun 2009.
6	Projek Pembangunan Auto City Theme Park dan Projek The Escape Teluk Bahang	Pulau Pinang sebagai destinasi bagi rekreasi air yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan terbaik	Pulau Pinang menjadi tumpuan pelancong yang akan menyumbang kepada pertumbuhan sektor ekonomi seperti perniagaan, perhotelan dan pengangkutan.

(XV) Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan jumlah lot dan keluasan tapak tanah yang telah di peruntukan untuk masjid, surau dan sekolah agama tetapi telah di tukar kepada kegunaan lain mengikut daerah sejak bulan Mac 2008 hingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berdasarkan rekod Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah, sejak Mac 2008 sehingga sekarang, tidak terdapat mana-mana lot atau tapak yang telah diperuntukkan untuk masjid, surau dan sekolah agama yang telah ditukarkan kepada kegunaan lain.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan jumlah lot dan keluasan tanah pertanian yang telah di tukar kepada kegunaan lain mengikut daerah sejak bulan Mac 2008 hingga sekarang. Sila nytakan juga sama ada lot-lot tersebut adalah tanah sawah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Bilangan lot dan keluasan tanah-tanah pertanian yang telah ditukar kepada kegunaan lain bagi tempoh 2008 hingga 2012 (Mac) adalah seperti berikut:

Daerah	Bil	Lot Keluasan (ekar)
Daerah Timur Laut	2	14.41
Daerah Barat Daya	23	72.27284
Seberang Perai Utara	29	57.8673
Seberang Perai Tengah	59	567.107
Seberang Perai Selatan	64	668.2261
Jumlah	177	1379.8832

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Sila nyatakan jumlah pelaburan yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengikut tahun sejak tahun 2008 sehingga tahun 2011.

   (b) Nyatakan secara specific pelaburan hasil usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri tanpa bantuan pihak Kerajaan Pusat

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berdasarkan perangkaan daripada MIDA, jumlah pelaburan yang telah diluluskan untuk Pulau Pinang sejak tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Pelaburan
2008	RM10.16 billion
2009	RM2.17 billion
2010	RM12.24 billion
2011	RM9.11 billion

Pelaburan yang dibawa masuk ke Pulau Pinang adalah hasil kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti MIDA, Biotech Corp., Multimedia Development Corporation (MDeC), Jabatan Alam Sekitar, Invest Penang, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang serta Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan pembekal – pembekal utiliti sperti Tenaga Nasional Berhad, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang dan Telekom Malaysia untuk memastikan infrastruktur yang disediakan memenuhi kehendak pelabur dalam usaha meningkatkan pelaburan di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila nyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan NegeriPulau Pinang untuk menyelesaikan isu bangunan letak kereta di Bukit Bendera

   (a) Adakah ianya akan diroboh.
   (b) Berapakah kerugian yang dijangka.
   (c) Adakah bangunan itu dilindungi oleh insuran.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Bangunan letak kereta sedia ada akan dirobohkan dan direka bentuk semula. Ianya akan dibina semula mengikut reka bentuk yang baru.

   (b) Kos bangunan sedia ada yang telahpun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang lama tanpa melalui Kerajaan Negeri baru langsung serta kos perobohan bangunan adalah berjumlah RM5.2 juta. Namun demikian, keputusan Kerajaan Negeri untuk meroboh dan membina semula bangunan letak kereta tersebut dilihat sebagai langkah penjimatan kos memandangkan bangunan baru dapat menampung lebih banyak bilangan tempat letak kereta. Sebagai perbandingan, kos binaan bagi satu (1) petak letak kereta bagi bangunan sedia ada, merangkumi kos pembaikan ramp dan pengurangan jumlah bilangan tempat letak kereta kepada hanya 96 petak adalah berjumlah RM60,000.00 bagi setiap petak. Manakala kos binaan bagi satu (1) petak letak kereta untuk bangunan baru dengan jumlah 310 petak letak kereta adalah berjumlah RM33,000.00 bagi setiap petak.

   (c) Bangunan tempat letak kereta tersebut dilindungi insurans ketika peringkat pembinaan. Insurans berkenaan hanya melindungi pekerja dan pihak awam tetapi tidak melindungi kerugian akibat dari kesilapan reka bentuk.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah perancangan dan tindakan Kerjaaan Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Pekan Bayan Lepas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Dalam usaha menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Pekan Bayan Lepas, Kerajaan Negeri melalui JKR telah mencadangkan Projek Baik Pulih Jalan dari Pekan Genting ke Balik Pulau dan dari Bayan Lepas ke Balik Pulau/Teluk Kumbar dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10). Projek ini telah diluluskan dan kerja ukur

sedang dijalankan. Pelaksanaan projek ini dijangka dapat mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di pekan Bayan Lepas dan seterusnya meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi setempat.

Selain dari itu, Kerajaan Negeri melalui MPPP juga telah menaik taraf kawalan lampu isyarat di persimpangan Pekan Bayan Lepas/ Jalan Permatang Damar Laut/Jalan Kampung Bukit. Di samping itu, perancangan telah dibuat untuk pelaksanaan sistem jalan sehala di Pekan Bayan Lepas sekiranya peruntukan daripada Kerajaan Pusat tidak diterima.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila nyatakan jumlah dan no lot-lot mengikut daerah bagi tanah-tanah yang telah dikhaskan untuk pendidikan tetapi telah ditukar kepada kegunaan lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Setakat ini hanya terdapat satu (1) permohonan untuk tanah milik yang telah dikhaskan untuk pendidikan tetapi telah ditukar kepada kegunaan lain di Daerah Timur Laut. Lot yang dimaksudkan adalah Lot 10223, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dengan keluasan 17932 mp dan pemilik berdaftar ialah Relau Estates Sdn Bhd, 1/1 bahagian. Lot ini telah ditukarkan syarat nyata daripada ‘tanah yang diberi milik ini hendaklah digunakan untuk tujuan tapak sekolah sahaja’ kepada ‘tanah yang diberi milik ini hendaklah digunakan untuk tujuan kediaman sahaja’ dan telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuarat pada 16.2.2005.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Bilakah Y.A.B. Ketua Menteri akan tunaikan janjinya dalam Dewan yang mulia ini untuk menggantikan tapak sekolah di Air Putih, Balik Pulau yang telah diserahkan kepada pihak swasta. Tapak ini perlu untuk membina sekolah baru sebagai ganti Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah St. George Balik Pulau yang bakal diambil balik oleh pihak gereja pada tahun 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Perkara ini sedang diuruskan oleh Kerajaan Negeri dan dipercayai akan diselesaikan sebelum tarikh yang berkenaan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila nyatakan perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina rumah kos rendah dan sederhana rendah bagi tiap-taip daerah selain dari yang dirancang oleh pihak swasta.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri sentiasa memberikan perhatian yang utama terhadap permintaan rumah khasnya rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah mempunyai beberapa perancangan untuk menambah perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah melalui langkah-langkah berikut:

(i) menampung keperluan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah melalui perancangan untuk membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang diberimilik kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) melalui *Request For Proposal.*

(ii) membina perumahan kos rendah iaitu pembangunan semula Kampung Pisang Awak Fasa II di atas tanah Plot A, bersebelahan Lot PT 51, Seksyen 4, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut. Pembangunan semula ini melibatkan pembinaan sejumlah 384 unit rumah yang terdiri daripada 192 unit rumah kos rendah dan 192 unit rumah kos sederhana rendah.

(iii) menender semula pembangunan perumahan kos rendah di Ampang Jajar/Ujung Batu yang melibatkan pembinaan sejumlah 800 unit rumah kos rendah.

(iv) merancang bagi membina 44 unit Rumah Mampu Milik di atas sebahagian lot 680, Mukim 1, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Pulau Pinang. Kerja-kerja pembersihan tapak dan tambun tanah sedang dilaksanakan pada tahun ini oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang dan JKR Daerah SPS. Pembinaan rumah mampu milik tersebut dirancang akan dibangunkan pada tahun 2013.

(v) menjalankan kerja-kerja untuk membina rumah mampu milik di Batu Kawan atas tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seluas 150 ekar. Sebanyak 11,800 unit rumah mampu milik bertingkat akan dibina secara berperingkat mengikut fasa dengan keluasan dari 800 kaki persegi berharga RM72,500.00 hingga 1,000 kaki persegi berharga RM220,000.00. Fasa pertama projek mengandungi 520 unit dijangka mula dibina pada hujung tahun 2012. Keseluruhan fasa dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024.

(vi) membuat perancangan untuk membangunkan rumah kos rendah di atas tanah Kerajaan Negeri Lot 1534, Mukim 11, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan seluas 15.1 ekar melalui Request For Proposal.

Di samping itu Kerajaan Negeri masih lagi berusaha mengenal tapak-tapak Kerajaan Negeri yang berpotensi untuk dimajukan dengan perumahan ini.

Sejak mengambil alih tampuk pemerintahan pada tahun 2008, Kerajaan Negeri berjiwa rakyat di bawah pimpinan Pakatan Rakyat telah meluluskan pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sebanyak 11,596 unit. Pembinaan rumah kos rendah (RM42,000) dan kos sederhana rendah (RM72,500) sekaligus menyangkal fitnah jahat pihak tidak bertanggungjawab yang mengatakan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak pernah meluluskan atau mewajibkan atau sendiri membina rumah mampu milik kepada rakyatnya.

	Kos Rendah	**Kos Sederhana Rendah**	**Jumlah**
Kerajaan	1194	2227	3421
Swasta	2612	5563	8175
Jumlah	3806	7790	11596

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Sila nyatakan jumlah transaksi tanah-tanah Kerajaan Negeri, PDC, MPPP dan MPSP bagi tujuan perumahan dan komersial yang telah dijual kepada swasta.

(b) Sila nyatakan tarikh tender terbuka yang telah dijalankan sejak bulan Mac 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (1) Senarai jumlah transaksi tanah kerajaan bagi tujuan perumahan dan komersial yang telah dijual kepada swasta bermula daripada Mac 2008 hingga sekarang adalah seperti di senarai A.

(2) Penjualan tanah secara tender yang telah dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sejak Mac 2008 hingga sekarang seperti di senarai .

(3) Penjualan tender boleh diperolehi maklumatnya daripada iklan suratkhabar Star, Sinar Harian dan Suratkhbar Cina.

SENARAI A

BILANGAN KELULUSAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH PIHAK BERKUASA Negeri BAGI PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN KEPADA PDC BERMULA MAC 2008 HINGGA SEKARANG

TAHUN 2008

Bil.	Tarikh Kelulusan oleh PBN	Maklumat Tanah (Lot)	Keluasan	Tujuan Pembangunan
1.	25.04.2008/ 02.05.2008	Plot 169 (Seb. Lot 832), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.0000 ekar	Perusahaan
2.	09.05.2008/ 16.05.2008	Plot 180 (Seb. Lot 888, 889 & 894), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	3.23416 ekar	Perusahaan
3.	09.05.2008/ 16.05.2008	Plot 171(b) (Seb. Lot 832), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah..	1.00000 ekar	Perusahaan
4.	09.05.2008/ 16.05.2008	Plot 111 (Seb. Lot 767), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.42090 ekar	Perusahaan
5.	09.05.2008/ 16.05.2008	Plot 88 (Seb. Lot 794), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	4.39931 ekar	Perusahaan
6.	09.05.2008/ 16.05.2008	Plot 243 (Seb. Lot 784&787), Mukim 13, DSPT.	2.00321 ekar	Perusahaan
7.	09.05.2008/ 16.05.2008	Plot 171(a) (Seb. Lot 832), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.00829 ekar	Perusahaan
8.	09.05.2008/ 16.05.2008	Plot 236 (Seb. Lot. 880 & 881), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	3.00168 ekar	Perusahaan
9.	09.05.2008/ 16.05.2008	Plot 99 (Seb. Lot 832), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	5.90660 ekar	Perusahaan
10.	16.07.2008/ 24.07.2008	Plot 247, (Seb. Lot. 787), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	4.10812 ekar	Perusahaan
11.	16.07.2008/ 24.07.2008	Plot 176(a) (Seb. Lot 892), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.05407 ekar	Perusahaan

Bil.	Tarikh Kelulusan oleh PBN	Maklumat Tanah (Lot)	Keluasan	Tujuan Pembangunan
12.	16.07.2008/ 24.07.2008	Plot 246 (seb. Lot 784 & 785), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.00043 ekar	Perusahaan
13.	02.09.2008/ 10.09.2008	Plot 251 (sebahagian Lot 785 dan 787), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	6.22262 ekar	Perusahaan
14.	02.09.2008/ 10.09.2008	Plot 243(a) (sebahagian Lot 787), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.50000 ekar	Perusahaan
15.	10.09.2008/ 16.09.2008	Plot 218(a) (sebahagian Lot 870 & 884), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.13171 ekar	Perusahaan
16.	10.09.2008/ 16.09.2008	Plot 312 (sebahagian Lot 787 & 834), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	45.84248 ekar	Perusahaan
17.	22.09.2008/ 10.10.2008	Plot 157(c) (sebahagian Lot 794), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.00008 ekar	Perusahaan
18.	22.09.2008/ 10.10.2008	Plot 126 (sebahagian Lot 832 & 869), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.00008 ekar	Perusahaan
19.	17.10.2008/ 24.10.2008	Plot 229 (sebahagian Lot 877), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.85683 ekar	Perusahaan
20.	24.10.2008/ 06.11.2008	Plot 250 (sebahagian Lot 784 & 785), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	3.71317 ekar	Perusahaan
21.	06.11.2008/ 12.11.2008	Plot 115 (sebahagian Lot 750, 751 dan 752), Mukim 11, Taman Perindustrian Bukit Tengah, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.67901 ekar	Perusahaan
22.	04.12.2008/ 12.12.2008	Plot 262(a) (sebahagian Lot 188 xxvii), Mukim 1, Taman Perindustrian Prai, Daerah Seberang Perai Tengah.	0.40530 ekar	Perusahaan
23.	04.12.2008/ 12.12.2008	Tapak 4, Mukim 1, Jalan Kikik, Bandar Seberang Jaya, Daerah Seberang Perai Tengah.	0.40987 ekar	Komersial
24.	21.11.2008/ 01.12.2008	Plot 167 (sebahagian Lot 832, 784 & 785), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.81430 ekar	Perusahaan
25.	21.11.2008/ 01.12.2008	Plot 248(a) (sebahagian Lot 784 & 785), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.56479 ekar	Perusahaan
26.	21.11.2008/ 01.12.2008	Plot 228 (sebahagian Lot 876 & 877), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.18971 ekar	Perusahaan
27.	21.11.2008/ 01.12.2008	Plot 241 (sebahagian Lot 887, 890, 891, 892 & 893), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	3.53175 ekar	Perusahaan
28.	04.12.2008/ 12.12.2008	Plot 127(b) (sebahagian Lot 838, 839 dan 794), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak,Daerah	2.75260 ekar	Perusahaan

Bil.	Tarikh Kelulusan oleh PBN	Maklumat Tanah (Lot)	Keluasan	Tujuan Pembangunan
		Seberang Perai Tengah.		
29.	04.12.2008/ 12.12.2008	Plot 99(b) (sebahagian Lot 832), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak,Daerah Seberang Perai Tengah.	4.03382 ekar	Perusahaan
30.	04.12.2008/ 12.12.2008	Plot 236(a) (sebahagian Lot 881 dan 882), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak,Daerah Seberang Perai Tengah.	1.37030 ekar	Perusahaan
31.	04.12.2008/ 12.12.2008	Sebahagian Lot 282, Mukim 13, Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan.	11.71 ekar	Perumahan / Komersial
32.	16.07.2008/ 24.07.2008	Plot 109, Mukim 12, Daerah Barat Daya.	4.57124 ekar	Perusahaan
33.	21.11.2008/ 01.12.2008	Sebahagian Lot 2916, Sungai Nibong Besar, Mukim 13, Daerah Timur Laut.	213 meter persegi	Komersial

BILANGAN KELULUSAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH PIHAK BERKUASA Negeri BAGI PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN KEPADA PDC BERMULA MAC 2008 HINGGA SEKARANG

TAHUN 2009

Bil.	Tarikh Kelulusan oleh PBN	Maklumat Tanah (Lot)	Keluasan	Tujuan Pembangunan
1.	07.01.2009/ 14.01.2009	Plot 313 (sebahagian Lot 833), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak (Science Park), Daerah Seberang Perai Tengah.	3.03954 ekar	Perusahaan
2.	07.01.2009/ 14.01.2009	Plot 222(a) (sebahagian Lot 876), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak,Daerah Seberang Perai Tengah.	0.14750 ekar	Perusahaan
3.	07.01.2009/ 14.01.2009	Plot 234 (sebahagian Lot 794), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak,Daerah Seberang Perai Tengah.	1.00152 ekar	Perusahaan
4.	20.03.2009/ 25.03.2009	Plot 1 (Seb. Lot. 282), Mukim 13, Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan.	48.82882 ekar	Perusahaan
5.	10.06.2009/ 19.06.2009	Tiga (3) plot tanah kerajaan di atas sebahagian Lot 281 dan 282, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan. PTG/PM/PDC/SPS/22	25 ekar untuk Pusat Latihan Bomba Wilayah Utara. 5 ekar untuk Ibu Pejabat Bomba. 5.11383 ekar untuk Balai Bomba.	Pusat Latihan Bomba Wilayah Utara Ibu Pejabat Bomba untuk Balai Bomba
6.	12.08.2009/ 21.08.2009	Plot 35(a) (Lot 1155), Mukim 12, Taman Perindustrian Bayan Lepas, Daerah Barat Daya.	1.82638 ekar	Perusahaan
7.	10.06.2009/ 19.06.2009	Mewartakan tapak bersebelahan Lot 14639, di atas tanah tebu sguna, kawasan Perindustrian Bayan Lepas, Mukim 12, Daerah Barat Daya.	0.12232 ekar	'Lift Pump Station"

8.	21.10.2009/ 28.10.2009	Plot 146, Kawasan Tebus guna Tanah, Mukim 12, Taman Perindustrian Bayan Lepas, Fasa IV, Daerah Barat Daya.	0.18051 ekar	Perusahaan
9.	21.10.2009/ 28.10.2009	Plot 98(c), Kawasan Tebus guna Tanah, Mukim 12, Taman Perindustrian Bayan Lepas, Fasa IV, Daerah Barat Daya.	1.20790 ekar	Perusahaan
10.	11.02.2009/ 20.02.2009	Plot A seluas 1.59 ekar yang terletak di antara Lot 389 (KOMTAR), Lot 387, Lot 201 dengan Jalan Lim Chwee Leong, Seksyen 17, Daerah Timur Laut.	1.59 ekar	Komersial
11.	11.02.2009/ 20.02.2009	Plot A, Gat Lebuh Macallum, Seksyen 11E, George Town, Daerah Timur Laut.	7,284 meter persegi	Komersial
12.	27.05.2009/ 03.06.2009	Lintang Macallum 2, George Town, Seksyen 11, Daerah Timur Laut.	0.07247 ekar	'valve chamber'
13.	04.02.2009/ 11.02.2009	Plot 3, Fasa 1 Bayan Mutiara, di atas tanah tebus guna di persisiran Sungai Nibong, Mukim 13, Daerah Timur Laut.	6.4829 ekar	Perumahan / Komersial
14.	20.03.2009/ 25.03.2009	Pakej 1B5, Mukim 13, Sungai Nibong, Daerah Timur Laut.	2.66552 ekar	Tapak pencawang elektrik
15.	08.04.2009/ 15.04.2009	Plot 218 (sebahagian Lot 883 dan 884), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak,Daerah Seberang Perai Tengah.	2.08863 ekar	Perusahaan
16.	09.10.2009/ 14.10.2009	Sebahagian Lot 4710, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah	12.6661 ekar	Perumahan
17.	03.06.2009/ 10.06.2009	Plot 168(a) (sebahagian Lot 832), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.00043 ekar	Perusahaan
18.	09.10.2009/ 14.10.2009	Plot 169(a) (sebahagian Lot 832), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.30852 ekar	Perusahaan
19.	21.10.2009/ 28.10.2009	Plot 240(a) (sebahagian Lot 885, 886, 869 dan 893), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	3.22566 ekar	Perusahaan

BILANGAN KELULUSAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH PIHAK BERKUASA Negeri BAGI PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN KEPADA PDC BERMULA MAC 2008 HINGGA SEKARANG

TAHUN 2011

Bil.	Tarikh Kelulusan oleh PBN	Maklumat Tanah (Lot)	Keluasan	Tujuan Pembangunan
1.	12.01.2011/ 19.01.2011	Sebahagian Lot 282, Persiaran Dedaun 1 dan Persiaran Dedaun 4, Bandar Cassia, Mukim 13, Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan.	Persiaran Dedaun 1 250.380 meter persegi Persiaran Dedaun 4 114.086 meter persegi	Pondok Pengawal

Bil.	Tarikh Kelulusan oleh PBN	Maklumat Tanah (Lot)	Keluasan	Tujuan Pembangunan
2.	21.12.2010/ 05.01.2011	Hak Milik Sementara H.S.(D) 41720, PT 4084, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan.	27.9 hektar (69.01142 ekar)	Pertanian
3.	02.12.2011/ 02.12.2011	Plot 4 di atas sebahagian Lot 282, 119, 170, 171, 172 dan 132, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan.	126.04 ekar	Perniagaan
4.	02.12.2011/ 02.12.2011	Plot 6 di atas sebahagian Lot 282, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan.	300.0752 ekar	Perniagaan
5.	15.12.2011/ 21.12.2011	Plot 304 (sebahagian Lot 282), Mukim 13, di kawasan Perindustrian Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan.	87.9360 ekar	Perusahaan
6.	11.05.2011/ 19.05.2011	Plot 167(a), Mukim 12, Zon Perindustrian Bebas Fasa 2, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya.	1.50769 ekar	Perusahaan
7.	10.08.2011/ 16.08.2011	Plot 2 (sebahagian Lot 453, 455, 1570 & 1576), Mukim 12, Taman Perindustrian Bayan Lepas, Fasa V, Daerah Barat Daya.	5.906 ekar	Perusahaan
8.	26.11.2010/ 03.12.2010	Plot 103, Mukim 12, Taman Perindustrian Bayan Lepas, Fasa IV, Daerah Barat Daya.	4.05484 ekar	Perusahaan
9.	27.07.2011/ 04.08.2011	Plot 105, Kawasan Tebus guna Tanah, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Fasa 4, Mukim 12, Daerah Barat Daya.	2.12180 ekar	Perusahaan
10.	10.03.2011/ 16.03.2011	Plot 99, Kawasan Tebus guna Tanah, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Fasa 4, Mukim 12, Daerah Barat Daya.	1.68372 ekar	Perusahaan
11.	10.08.2011/ 16.08.2011	Plot 401, Kawasan Tebus guna Tanah, Taman Perindustrian Bayan Lepas, Fasa IV, Mukim 12, Daerah Barat Daya.	11.8184 ekar	Perusahaan
12.	14.06.2011/ 23.06.2011	Sebahagian Lot 2916, Mukim 13, Sungai Nibong Besar, Daerah Timur Laut.	213 meter persegi	Tempat Letak Kereta
13.	18.11.2011/ 01.12.2011	Tanah tebus guna Plot 1, Pakej 1B5, Mukim 13, Bayan Mutiara, Daerah Timur Laut.	1.2397 ekar	Komersial
14.	18.11.2011/ 01.12.2011	Tanah tebus guna Plot 2, Pakej 1B5, Mukim 13, Bayan Mutiara, Daerah Timur Laut.	1.5047 ekar	Komersial
15.	15.12.2011/ 21.12.2011	Tanah tebus guna bagi Parcel 1 (Pelot A), Mukim 13, Projek Bayan Mutiara, Daerah Timur Laut.	10.55 ekar	Perumahan / Komersial
16.	12.01.2011/ 19.01.2011	Plot 237 (sebahagian Lot 794), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.06666 ekar	Perusahaan
17.	26.01.2011/ 01.02.2011	Plot 30 (sebahagian Lot 722), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	0.80556 ekar	Perusahaan
18.	10.08.2011/ 16.08.2011	Bersebelahan Lot 37, 38, 396, 397 dan 4154, Mukim 1, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.00392 ekar	Perumahan

Bil.	Tarikh Kelulusan oleh PBN	Maklumat Tanah (Lot)	Keluasan	Tujuan Pembangunan
19.	26.01.2011/ 01.02.2011	Plot 301(a) (sebahagian Lot 792 dan 793), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah	5.09086 ekar	Perusahaan
20.	20.04.2011/ 27.04.2011	Plot 208(b) (sebahagian Lot 188xxvii), Mukim 1, Zon Perindustrian Bebas Prai, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.9168 ekar	Perusahaan
21.	24.02.2011/ 08.03.2011	Plot 244 (sebahagian Lot 787), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.000 ekar	Perusahaan
22.	24.02.2011/ 08.03.2011	Plot 244(a) (sebahagian Lot 787), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.0903 ekar	Perusahaan
23.	11.05.2011/ 19.05.2011	Plot 317 (sebahagian Lot 784 & 787), Mukim 13, Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.0001 ekar	Perusahaan
24.	25.05.2011/ 02.06.2011	Plot 460(c) (sebahagian Lot 188xxvii), Mukim 1, Zon Perindustrian Bebas Prai, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.9396 ekar	Perusahaan
25.	27.07.2011/ 04.08.2011	Plot 320 (sebahagian Lot 787), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah	8.0524 ekar	Perusahaan
26.	10.08.2011/ 16.08.2011	Plot 322 (sebahagian Lot 787), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	4.0508 ekar	Perusahaan
27.	10.08.2011/ 16.08.2011	Plot 321 (sebahagian Lot 787), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	4.0110 ekar	Perusahaan
28.	10.08.2011/ 16.08.2011	Plot 327 (sebahagian Lot 834), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.0001 ekar	Perusahaan
29.	14.10.2011/ 19.10.2011	Plot 314 (sebahagian Lot 833), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.5516 ekar	Perusahaan
30.	14.10.2011/ 19.10.2011	Plot 314(b) (sebahagian Lot 833), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.4273 ekar	Perusahaan
31.	14.10.2011/ 19.10.2011	Plot 316 (sebahagian Lot 832 & 833), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	7.0069 ekar	Perusahaan
32.	18.11.2011/ 01.12.2011	Plot 312(a) (sebahagian Lot 787 & 834), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	9.0739 ekar	Perusahaan
33.	18.11.2011/ 01.12.2011	Plot 309(a) (sebahagian Lot 784 & 787), Mukim 13, di kawasan Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	6.0234 ekar	Perusahaan
34.	01.12.2011/ 15.12.2011	Plot 307 (sebahagian Lot 833), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang	2.6089 ekar	Perusahaan

Bil.	Tarikh Kelulusan oleh PBN	Maklumat Tanah (Lot)	Keluasan	Tujuan Pembangunan
		Perai Tengah.		
35.	15.12.2011/ 21.12.2011	Plot 154(b) (sebahagian Lot 874 & 875), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.00008 ekar	Perusahaan
36.	01.12.2011/ 15.12.2011	Plot 315 (sebahagian Lot 832 & 833), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	7.2323 ekar	Perusahaan
37.	15.12.2011/ 21.12.2011	Plot 323 (sebahagian Lot 787), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.0628 ekar	Perusahaan
38.	15.12.2011/ 21.12.2011	Plot 301 (sebahagian Lot 787 & 793), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.0001 ekar	Perusahaan

BILANGAN KELULUSAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH PIHAK BERKUASA Negeri BAGI PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN KEPADA PDC BERMULA MAC 2008 HINGGA SEKARANG

TAHUN 2012

Bil.	Tarikh Kelulusan oleh PBN	Maklumat Tanah (Lot)	Keluasan	Tujuan Pembangunan
1.	30.03.2012/ 03.04.2012	Plot 300 (sebahagian Lot 282), Mukim 13, Taman Perindustrian Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan.	58.2785 ekar	Perusahaan
2.	30.03.2012/ 03.04.2012	Plot 301 (sebahagian Lot 282), Mukim 13, Taman Perindustrian Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan.	84.6839 ekar	Perusahaan
3.	29.02.2012/ 07.03.2012	Plot 302 (sebahagian Lot 282), Mukim 13, Kawasan Perindustrian Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan.	23.0238 ekar	Perusahaan
4.	18.01.2012/ 01.02.2012	Lot 208 hingga Lot 263, Seksyen 11E, Gat Lebuh Cecil, George Town, Daerah Timur Laut.	1.57240 ekar	Perumahan
5.	18.01.2012/ 01.02.2012	Lot 622 hingga Lot 664, Seksyen 23, Pengkalan Weld, George Town, Daerah Timur Laut.	1.20439 ekar	Perumahan dan Perniagaan
6.	29.02.2012/ 07.03.2012	Plot 92(a) (sebahagian Lot 188xxvii), Mukim 1, Taman Perindustrian Prai, Daerah Seberang Perai Tengah.	1.69909 ekar	Perusahaan
7.	11.01.2012/ 18.01.2012	Plot 175 (sebahagian Lot 892 & 893), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	3.52794 ekar	Perusahaan
8.	29.02.2012/ 07.03.2012	Plot 122 (sebahagian Lot 835 dan Lot 836), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	2.68339 ekar	Perusahaan

Bil.	Tarikh Kelulusan oleh PBN	Maklumat Tanah (Lot)	Keluasan	Tujuan Pembangunan
9.	30.03.2012/ 03.04.2012	Plot 220 (sebahagian Lot 879 dan Lot 880), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	3.0231 ekar	Perusahaan
10.	29.02.2012/ 07.03.2012	Plot 308(a) (sebahagian Lot 833), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	3.0068 ekar	Perusahaan
11.	30.03.2012/ 03.04.2012	Plot 328 (sebahagian Lot 834), Mukim 13, Penang Science Park Bukit Minyak, Daerah Seberang Perai Tengah.	3.8067 ekar	Perusahaan

Bilangan transaksi tanah PDC bagi tujuan perumahan dan komersil sejak Mac 2008 adalah seperti berikut:-

Bil	Projek/Lokasi	Tujuan	Luas (ekar)	Tarikh tender dibuka	Tarikh S&P
1	Penjualan tanah di Bandar Seberang Jaya kepada Sin Hock Soon Engineering Sdn Bhd	Komersil	1.16157	2/8/2011	28/8/2011
2	Penjualan tanah di Bayan Mutiara kepada Ivory Properties Group Berhad	Pembangunan Bercampur	102.56	16/8/2010	11/11/2011
3	Penjualan tanah di Batu Kawan kepada Kumpulan Farrali Mutiara Sdn Bhd *(Penjualan ditamatkan pada 2 Disember 2009 kerana syarikat gagal menjelaskan harga penjualan tanah)*	Hospital Resort	15	Rundingan terus	27/9/2008

(XVI) Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Sila nyatakan secara terperinci jumlah kutipan cukai tanah pada lima tahun kebelakangan ini.

(b) Berapakah jumlah kutipan pada tahun 2007 berbanding dengan yang terkini.

(c) Berapakah jumlah tunggakannya mengikut daerah dan KADUN.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jumlah kutipan cukai tanah bagi tahun 2007 hingga tahun 2011 adalah seperti di bawah:-.

Daerah	Kutipan Cukai Tanah (RM)					Tunggakan
	2007	2008	2009	2010	2011	Cukai Tanah
Daerah Timur Laut	30,316,979.31	28,232,908.12	33,097,685.93	37,429,903.79	38,279,905.49	18,367,634.01
Daerah Barat Daya	6,293,240.84	7,954,131.81	9,198,999.87	7,935,086.88	7,886,730.85	2,177,855.64
Daerah Seberang Perai Utara	11,301,419.89	14,947,388.22	21,600,152.13	20,372,301.47	19,045,976.13	13,074,329.27
Daerah Seberang Perai Tengah	29,086,839.74	30,563,077.63	31,680,289.77	32,755,525.16	33,324,317.28	22,390,406.18
Daerah Seberang Perai Selatan	8,425,036.40	8,450,686.14	9,978,725.02	10,476,146.15	11,182,541.37	6,413,588.84
Kutipan secara online (PTG)	6,293,240.84	1,896,801.40	324,109.54	642,331.19	930,073.91	
JUMLAH	**85,423,513.18**	**92,044,933.32**	**105,879,962.26**	**109,611,294.64**	**110,649,545.03**	**62,423,813.94**

Jumlah tunggakan mengikut daerah adalah seperti di bawah:-
Jumlah kutipan pada tahun 2007 berbanding dengan 2011

TAHUN	JUMLAH (RM)
2007	85,423,513.18
2011	110,649,545.03

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Sila berikan jumlah taksiran cukai pintu MPPP dan MPSP yang telah dikutip pada lima (5) tahun kebelakangan.

(b) Berapakah jumlah hutang yang masih tertunggak.

(c) Berapakah jumlah kutipan pada tahun 2007 berbanding dengan terkini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Jumlah taksiran cukai kadaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang telah dikutip pada lima tahun kebelakangan mulai tahun 2007 sehingga 31 Disember 2011 adalah seperti di Jadual I dan II.

(b) Jumlah hutang yang masih tertunggak di MPSP sehingga tahun 2011 adalah sebanyak RM34,315,090. Manakala hutang yang masih tertunggak di MPPP pula adalah sebanyak RM49,221,703.00.

(c) Jumlah kutipan hasil pada tahun 2007 berbanding dengan yang dikutip pada tahun 2011 oleh MPPP dan MPSP adalah seperti berikut:

	2007	2011	% kenaikan
MPSP	103,729,705.00	121,257,760.00	16.89
MPPP	121,601,693.00	147,719,932.00	21.48

JADUAL I

(i) Jumlah taksiran cukai kadaran MPSP yang telah dikutip pada lima tahun kebelakangan adalah seperti berikut :

PERKARA	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Cukai Taksiran	103,729,705	107,029,108	112,735,344	118,134,510	121,257,760

(ii) Jumlah taksiran cukai kadaran MPPP yang telah dikutip pada lima tahun kebelakangan adalah seperti berikut :

PERKARA	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Cukai Taksiran	121,601,693.00	126,557,150.00	136,578,141.00	137,216,632.00	147,719,932.00

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Berapakah keseluruhan jumlah pelaburan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2011.

(b) Sehingga April 2012, berapa peratuskah jumlah pelabur asing dan pelabur tempatan yang telah melabur di Negeri Pulau Pinang.

(c) Berikan pada tahun 2007 berbanding dengan terkini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (i) Berdasarkan perangkaan daripada MIDA, keseluruhan jumlah pelaburan yang telah diluluskan untuk Pulau Pinang pada tahun 2011 ialah sebanyak RM9.11 bilion.

(ii) Sehingga Januari 2012, sebanyak 92.8% pelabur asing dan 7.2% pelabur tempatan telah melabur di Pulau Pinang dengan jumlah pelaburan sebanyak RM120.2 juta.

(iii) Jumlah pelaburan yang diluluskan oleh MIDA untuk Pulau Pinang pada tahun 2007 ialah sebanyak RM4.77 bilion berbanding jumlah pelaburan pada tahun 2011 iaitu sebanyak RM9.11 bilion.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Negeri Pulau Pinang telah diiktiraf sebagai Bandaraya Metropolitan Ketiga di Malaysia. Ianya merupakan bandaraya yang selesa dan selamat untuk didiami.

(a) Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada sesebuah bandaraya itu untuk membolehkannya mencapai tahap ini?

(b) Bagaimanakah Negeri Pulau Pinang boleh mendapat penghargaan yang sedemikian dan apakah yang membuatkannya terpilih?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Ciri-ciri sebuah bandaraya metropolitan adalah satu kawasan yang padat dengan penduduk yang terlibat secara aktif dengan aktiviti perdagangan (primer), tahap penyediaan infrastruktur yang efisien, sistem pengangkutan awam yang bersepadu, penawaran / perkhidmatan bekalan sumber manusia yang komprehensif dan mencukupi, persekitaran yang kondusif serta rasional untuk tujuan pelaburan.

(b) Pulau Pinang boleh mendapat penghargaan sedemikian kerana ianya mempunyai dasar yang jelas yang telah digariskan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 melalui dasar sektoral (Kepentingan Hubungan Wilayah). Rancangan Fizikal Negara (RFN) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah memperakukan kepentingan Negeri Pulau Pinang sebagai Pusat Pertumbuhan Wilayah yang bertindak menggerakkan pertumbuhan Wilayah Utara Semenanjung meliputi Negeri Kedah, Perlis dan Utara Perak (menyokong pertumbuhan koridor utara semananjung). Selain itu, kedudukan dan peranan Pulau Pinang dalam sektor perindustrian, pelancongan, perdagangan, perkhidmatan dan perhubungan di peringkat serantau dan global.

RSN Pulau Pinang 2020 juga menjelaskan penjanaan semula aktiviti 'Barter Trade' dan menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai 'Barter Trading Hub' di kalangan negara-negara IMT-GT (kawasan pertumbuhan segi tiga Indonesia–Malaysia–Thailand). Dalam konteks IMT-GT, Negeri Pulau Pinang telah dikenalpasti sebagai pusat serantau bagi perdagangan, perkhidmatan dan pengangkutan dan dijangkakan akan berfungsi sebagai Wilayah Industri Utama. Dengan kedudukannya yang strategik dan infrastruktur yang sudah tersedia, Negeri Pulau Pinang perlu dibangunkan sebagai pusat tumpuan perkhidmatan utama bagi keseluruhan kawasan IMT-GT ke arah Bandaraya Metropolitan Ketiga di Malaysia.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Di dalam bajet 2012, ada disebutkan tentang kes pengambilan balik tanah dan pemberian tanah bagi tapak perkuburan Islam di sebelah Masjid Jamek Jelutong.

(a) Sila nyatakan keluasan sebenar tanah berkenaan.

(b) Berapakan nilai pasaran bagi tanah tersebut.

(c) Sejak bilakah pihak masjid memohon.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Pihak Berkuasa Negeri di mesyuaratnya pada 12 November 2010 dan disahkan pada hari yang sama telah meluluskan permohonan pengambilan tanah untuk tujuan awam iaitu tapak perkuburan Islam Masjid Jamek Jelutong dan pembangunan perumahan di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 dan diisytiharkan di bawah Seksyen 8 Akta yang sama pada 9 Disember 2010 bagi lot-lot berikut:

Lot 12 - 1,487.1432 meter persegi
Lot 13 - 2,355 meter persegi
Lot 14 - 2,337 meter persegi
Lot 15 - 2,246 meter persegi
Lot 16 - 2,534.3398 meter persegi
Lot 17 - 1,312.677 meter persegi
Lot 18 - 647.513 meter persegi
Lot 19 - 274.4266 meter persegi

JUMLAH KESELURUHAN - 13,194.0996 meter persegi

(b) Berdasarkan nilaian tanah yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, George Town Pulau Pinang pada 9 Disember 2010, nilai kos pengambilan tanah ini adalah RM21.9 juta.

(c) Pihak Masjid Jelutong telah memohon pengambilan balik tanah sejak tahun 1999 lagi. Namun begitu, proses pengambilan balik tanah telah ditangguhkan kerana peruntukannya telah digunakan untuk menyelesaikan bayaran pampasan tambahan bagi lain-lain kes tanah atas perintah mahkamah. Pada 9 Ogos 2005, Qaryah Masjid Jelutong membangkitkan permohonan mereka. Pada 8 Mei 2007, MAINPP telah memohon kepada Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut untuk pengambilan balik tanah berkenaan. Kesemua usahanya tidak diambil berat oleh Kerajaan Negeri sehingga Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil-alih tampuk pemerintahan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Terbaru, Negeri Pulau Pinang telah dimartabatkan sebagai sebuah Negeri Halal Hub Antarabangsa.

(a) Sehingga kini, apakah produk-produk yang telah dihasilkan?

(b) Sila nyatakan dengan terperinci, setelah produk-produk dihasilkan ke negara manakah ianya akan diekspot?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk memartabatkan Pulau Pinang sebagai sebuah Hub Halal Antarabangsa, satu ekosistem halal telah dibangunkan melalui Halal Penang yang merangkumi semua aspek kehidupan dan pembangunan industri halal di Pulau Pinang berpandukan kepada 10 kluster iaitu:

(i) Industri;
(ii) Asas Tani;
(iii) Logistik;
(iv) Sains & Kehidupan (Life Sciences);
(v) Penyelidikan & Pembangunan (R&D);
(vi) Kewangan Islam;
(vii) Pelancongan dan Hospitaliti;
(viii) Pembangunan Sumber Tenaga Manusia;
(ix) Pembangunan Usahawan Halal; dan
(x) Promosi & Pemasaran

Kekuatan sektor industri pembuatan selama 35 tahun telah membawa kepada suatu inisiatif dan usaha yang sistematik, serta berterusan bagi Halal Penang untuk memajukan industri produk dan perkhidmatan halal tempatan sekaligus memperkasakan integriti dan pensijilan halal.

Dalam usaha membangunkan industri halal di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan tanah seluas 100 ekar di bahagian selatan Penang Science Park, di Bukit Minyak untuk dibangunkan sebagai Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP).

Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang ini dibangunkan dalam 4 fasa; Fasa A (15.11 ekar) ; Fasa B (28.74 ekar); Fasa C (17.1 ekar) dan Fasa D (40.5 ekar). Dimana hanya 60.95 ekar siap untuk dijual dan bakinya iaitu Fasa D, 40.5 ekar masih dalam proses pengambilan tanah dan dijangka siap pada akhir tahun 2012.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjaya membawa masuk pelaburan bernilai RM368.6 juta melalui penempatan lapan (8) buah syarikat tempatan yang terlibat dalam industri pembuatan produk-produk berikut:-

(i) pemprosesan makanan laut sejuk-beku;
(ii) industri pemprosesan ekstrak herbal;
(iii) bahan aditif;
(iv) produk bakeri;
(v) pemprosesan makanan dan minuman bertin;
(vi) pemprosesan produk makanan berasaskan soya,
(vii) pemprosesan green mug beans dan matpe beans; dan
(viii) pemprosesan ekstrak tumbuhan dan herbal.

Kelapan-lapan buah syarikat tersebut masih dalam proses pembinaan kilang di TPHPP. Maklumat terperinci syarikat-syarikat yang melabur di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang ialah seperti di Jadual 1.

Bagi memperkasakan integriti dan pensijilan halal, Halal Penang dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP telah menganjurkan seminar dan “outreach” untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan pensijilan halal kepada pengusaha-pengusaha industri Pulau Pinang.

Justeru itu, peningkatan mendadak syarikat berstatus halal di Pulau Pinang sebanyak 354 syarikat atau peningkatan 544% telah dicatat sehingga Februari 2012 berbanding tahun 2008 yang hanya merekodkan 55 buah syarikat berstatus halal. Prinsip yang ditekankan oleh Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP iaitu “Aggressive, Persuasive and Conducive” telah terbukti melalui peningkatan jumlah syarikat berstatus halal pada setiap tahun.

Statistik peningkatan syarikat-syarikat berstatus halal di Pulau Pinang adalah seperti di Jadual 2.

Pasaran global halal dijangkakan akan meningkat dengan lebih pesat melalui pertambahan populasi masyarakat Muslim yang dianggarkan 30% daripada jumlah populasi dunia. Sehingga kini, dianggarkan populasi masyarakat Muslim di seluruh dunia adalah seramai 1.8 bilion dan daripada jumlah tersebut, 1.5 bilion merupakan pengguna produk makanan halal.

Kelapan-lapan buah syarikat yang melabur di TPHPP akan mula mengeksport produk-produk halal yang berkualiti tinggi setelah kilang-kilang syarikat berkenaan di TPHPP siap dibina seperti di Jadual 3.

JADUAL 1

SENARAI SYARIKAT YANG BEROPERASI DI TAMAN PERINDUSTRIAN HALAL PULAU PINANG

No	Syarikat	Tarikh permohonan	Aktiviti	Tarikh Perjanjian jual-beli tanah ditandatangani (S&P Signing)	Status	Nilai pelaburan
1	Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd	12/2/2010	Pemprosesan makanan laut sejukbeku	15 September 2010	Pembinaan kilang masih dijalankan. Hampir 81% kilang sudah siap dibina.	RM150 juta
2	D'nonce Biofoods Sdn. Bhd	23/9/2010	Pemprosesan ekstrak herbal	22 April 2011	Dalam perbincangan akhir bagi *layout plan* dan *design* kilang .	RM25 juta
3	Aromacom Sdn. Bhd	23/8/2010	Pemprosesan dan pengeluaran bahan aditif (penambah perisa makanan)	22 April 2011	Pelan bangunan telah diluluskan oleh MPSP. Pertukaran dalam rekaan *interior building.* Pembinaan akan bermula selepas pertukaran pelan bangunan siap.	RM10 juta
4	Swiss Confiserie Sdn. Bhd	14/6/2010	Pemprosesan produk bakeri	22 April 2011	Plan bangunan telah diluluskan. Dalam proses pembukaan tender untuk pembinaan kilang.	RM 10 juta
5	Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd	1/3/2011	Pemprosesan makanan dan minuma bertin	22 April 2011	Pembinaan akan bermula selepas kilang pertama siap.	RM100 juta
6	Everbest Soya Bean Products Sdn. Bhd	7/3/2011	Pemprosesan produk makanan berasasan soya	22 April 2011	Telah melantik kontraktor dan pembinaan akan bermula pertengahan April 2012.	RM50 juta
7	Tian Seng Hang Trading Sdn. Bhd	24/2/2011	Pemprosesan "*green mug beans*" dan "*matpe beans*"	9 November 2011	Dalam proses penilaian conceptual design dengan arkitek.	RM13.6juta
8	Butterfield (M) Sdn. Bhd	9/6/2011	Pemprosesan estrak tumbuhan dan herbal	2 November 2011	Masih dalam "architectual planning" dan dijangka siap pertengahan 2012.	RM10 juta
					JUMLAH	**RM368.6 juta**

JADUAL 2

STATISTIK PENINGKATAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSTATUS HALAL DI PULAU PINANG

	2008	2009	2010	2011	2012 (sehingga Februari 2012)
Produk Makanan	40	119	149	218	261
Produk Gunaan	2	6	12	25	36
Premis Makanan	6	18	24	20	22
Hotel	4	16	19	21	26
Rumah sembelihan	3	6	6	6	7
Logistik	-	-	-	-	2
Total	**55**	**165**	**210**	**290**	**354**

- 2008, JHEAIPP mula mengeluarkan sijil halal dari Jun-Dis 2008.

JADUAL 3

SASARAN EKSPORT PRODUK HALAL SYARIKAT-SYARIKAT YANG BEROPERASI DI TAMAN PERINDUSTRIAN HALAL PULAU PINANG

No.	Syarikat	Aktiviti	Eksport
1	Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd	Pemprosesan makanan laut sejukbeku	95% produk yang akan dihasilkan akan dieksport ke negara-negara seperti USA, UK, Jerman, Holland, Perancis, Australia, Jepun dan U.A.E.
2	D'nonce Biofoods Sdn. Bhd	Pemprosesan ekstrak herbal	20% produk yang akan dihasilkan akan dieksport ke Hong Kong dan Taiwan.
3	Aromacom Sdn. Bhd	Pemprosesan dan pengeluaran bahan aditif (penambah perisa makanan)	100% produk yang akan dihasilkan adalah untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan sahaja.
4	Swiss Confiserie Sdn. Bhd	Pemprosesan produk bakeri	100% produk yang akan dihasilkan adalah untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan sahaja.
5	Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd	Pemprosesan makanan dan minuma bertin	95% produk yang dihasilkan akan dieksport ke Timur Tengah, USA, UK, Jerman, Holland, Perancis, Australia dan Jepun.
6	Everbest Soya Bean Products Sdn. Bhd	Pemprosesan produk makanan berasasan soya	70% produk yang akan dihasilkan akan dieksport ke negara-negara seperti Singapura, Indonesia, Taiwan, Thailand, Australia, China, USA dan Eropah.
7	Tian Seng Hang Trading Sdn. Bhd	Pemprosesan "*green mug beans*" dan "*matpe beans*"	80% produk yang akan dihasilkan akan dieksport ke China, Taiwan dan Timur Tengah.
8	Butterfield (M) Sdn. Bhd	Pemprosesan estrak tumbuhan dan herbal.	30% produk yang akan dihasilkan akan dieksport ke pasaran Asia.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Tempat letak kereta bertingkat di Bukit Bendera akan dirobohkan dan dijangka bakal dibina semula dalam waktu terdekat ini.

   (a) Sila berikan jumlah kos keseluruhan pembinaannya.

   (b) Siapakah pihak yang dipertanggungjawabkan bagi menanggung kosnya.

   (c) Adakah kontraktor bertanggungjawab di atas kosnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Kos bangunan tempat letak kereta sedia ada yang telah siap dibina adalah berjumlah RM4.5 juta daripada Kementerian Pelancongan manakala kos perobohannya dijangkakan sebanyak RM688,000.00. Kos keseluruhan pembinaan semula bangunan tempat letak kereta yang baru dengan ketinggian 7 tingkat dengan bilangan petak letak kereta sebanyak 310 petak beserta ruang pejabat di tingkat 7 adalah dianggarkan berjumlah RM9.6 juta.

   (b) Kos pembinaan semula bangunan tempat letak kereta yang baru akan ditanggung sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai menggantikan kos yang diperuntukkan oleh Kementerian Pelancongan.

   (c) Kontraktor asal adalah tidak bertanggungjawab ke atas kos pembinaan semula bangunan tempat letak kereta yang baru kerana telah membina reka bentuk yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila berikan jumlah sebenar jumlah pelancong yang datang ke Negeri Pulau Pinang pada lima (5) tahun kebelakangan ini berbanding dengan Kerajaan Barisan Nasional dengan Kerajaan Pakatan Rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Pinang dari tahun 2005 hingga 2010 adalah seperti di bawah:-

JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG DARI TAHUN 2005 HINGGA 2010

Tahun	Domestik	%	Antarabangsa	%	Jumlah
2005	2,267,532	NA	2,084,377	NA	4,351,909
2006	2,562,978	13.03%	2,125,526	1.97%	4,688,504
2007	2,787,260	8.75%	2,399,351	12.88%	5,186,611
2008	3,496,293	25.44%	2,811,175	17.16%	6,307,468
2009	2,982,687	-14.69%	2,977,642	5.92%	5960329
2010	2,942,544	-1.35%	3,048,320	2.37%	5,990,864

Sumber: Tourism Malaysia

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Sila nyatakan jumlah pelancong yang datang ke Negeri Pulau Pinang semenjak kempen Visit Penang Year 2010 - 2012 dilancarkan.

(b) Apakah langkah-langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke Negeri Pulau Pinang.

(c) Selepas kempen tamat apakah rancangan seterusnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Jumlah pelancong ke Negeri Pulau Pinang pada tahun 2010 adalah seramai 2,942,544 pelancong tempatan dan 3,048,320 pelancong antarabangsa. Namun demikian, data rasmi bagi jumlah pelancong yang datang pada tahun 2011 dan 2012 tidak diperolehi.

(b) (i) Kerajaan Negeri sedang menyediakan dua kajian Rancangan Kawasan Khas RKK iaitu RKK Taman Botani dan RKK Bukit Bendera yang akan mengandungi cadangan penambahbaikan kepada kemudahan rekreasi di Taman Botani serta langkah-langkah pengurusan taman itu.

(ii) Menumpukan perhatian kepada *Meetings, Incentive, Convention and Exhibition* (MICE) untuk menjadi pusat pertemuan delegasi antarabangsa.

(iii) Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi pelaksanaan program pengekalan, pemuliharaan, pameran dan promosi warisan dan budaya Negeri ini untuk menjadi tatapan pelancong-pelancong.

(iv) Menambah baik kemudahan perbandaran dan pengangkutan di Negeri ini untuk memberi lebih keselesaan kepada pengunjung seterusnya menambahkan lagi bilangan pelancong ke Negeri ini.

(v) menyediakan rangkaian perhubungan yang lengkap dengan maklumat kesihatan dan perkhidmatan yang ditawarkan di Negeri ini.

(vi) Menyokong dan membantu pelaksanaan projek pembangunan berteraskan pelancongan seperti Projek *Pembangunan Auto City Theme Park* dan Projek *The Escape* Teluk Bahang.

(c) Program mempromosikan akan diteruskan berdasarkan perancangan yang telah dilaksanakan supaya Pulau Pinang sentiasa konsisten dan terus berada di kelompok teratas dalam senarai Negeri yang menerima pelancong paling ramai di Malaysia. Dasar dan produk-produk baru perlu diperkenalkan supaya pelancong dalam dan luar negara mempunyai lebih banyak alternatif untuk berkunjung ke Negeri ini.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan satu Kajian Rancangan Khas di Taman Botani dan Bukit Bendera.

(a) Siapakah juru perunding profesional yang telah dilantik?

(b) Sudahkah ianya memulakan operasi dan bilakah kajian ini dijangka siap?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Arkitek Jururancang (M) Sdn Bhd telah dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai juruperunding profesional bagi menjalankan Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Taman Botani dan Bukit Bendera.

(b) Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Taman Botani dan Bukit Bendera dilaksanakan berdasarkan kepada Seksyen 16B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Kajian ini telah mula dijalankan pada bulan April 2011 selepas diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 4/2011 pada 3 Mac 2011.

Sehingga Mac 2012, Kajian RKK Taman Botani telah menjalani proses publisiti dan penyertaan awam yang telah berlangsung selama dua (2) bulan bermula dari 18 Januari 2012 sehingga 14 Mac 2012 berdasarkan kepada seksyen 13, Akta 172. Manakala bagi RKK Bukit Bendera masih dalam penyediaan draf laporan akhir. Kedua-dua kajian ini dijangka siap pada bulan Disember 2012.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Sila nyatakan perkembangan terbaru Projek Link Ketiga Pulau Pinang iaitu pembinaan terowong dari Persiaran Gurney ke Bagan Ajam.

(b) Bilakah ianya akan mula dibina dan berapa kosnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Kerajaan Negeri telah mencadangkan pembinaan Projek Link Ketiga yang terdiri dari sebuah terowong yang akan menghubungkan Persiaran Gurney dengan persimpangan Jalan Bagan Ajam (Jalan Persekutuan 1)/Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth.

Sebanyak 11 buah syarikat telah menyertai proses Pra-Kelayakan Projek yang dibuat secara terbuka mulai 15 November 2011 sehingga 14 Januari 2012. Proses ini bertujuan memastikan hanya syarikat-syarikat yang memiliki keupayaan dari aspek teknikal dan kewangan layak menyertai *Request For Proposal* (RFP) yang akan ditawarkan kelak. Proses penilaian ke atas keupayaan syarikat-syarikat tersebut masih dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

(b) Anggaran kos kasar bagi projek ini adalah antara RM8 hingga 10 billion dan adalah dijangka bahawa projek ini dapat dimulakan pada tahun 2017 dan disiapkan dalam tempoh 4 tahun. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada dapatan kajian kemungkinan yang akan dilaksanakan kelak.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Projek jalan yang menyambungkan Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

(a) Apakah tahap terkini yang telah dijalankan mengenainya.

(b) Bilakah ianya akan mula dibina dan berapa kosnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Sebagai langkah mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Bandar George Town, Kerajaan Negeri telahpun mencadangkan pelaksanaan Projek Kerja-kerja Pembinaan Jalan-jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang yang antaranya melibatkan pembinaan jalan pintas *(by-pass)* dari Persiaran Gurney ke Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu.

(b) Setakat ini, cadangan projek ini adalah di peringkat proses pra-kelayakan berdasarkan tawaran secara terbuka yang dibuat pada 15 November 2011 hingga 14 Januari 2012. Sebanyak 11 buah syarikat mega telah menyertainya. Proses ini dilaksanakan bagi tujuan membuat tapisan dan memastikan hanya syarikat-syarikat yang memiliki keupayaan dalam aspek teknikal dan kewangan sahaja yang layak menyertai *Request For Proposal* (RFP) yang akan ditawarkan kelak. Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang dalam proses membuat penilaian ke atas keupayaan syarikat-syarikat tersebut. Selepas proses penilaian pra-kelayakan disempurnakan kelak, hanya syarikat-syarikat yang layak sahaja yang akan dipelawa untuk mengemukakan RFP kepada Kerajaan Negeri. Anggaran kos bagi Projek Jalan Pintas (By-Pass) dari Persiaran Gurney ke Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu ialah RM900 juta.

(c) Projek ini dijangka dapat dimulakan pada tahun 2016 dan disiapkan sebelum 2020. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada dapatan dan syor kajian kemungkinan yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Pengangkutan percuma BEST untuk pekerja dari Seberang Jaya ke FTZ, Bayan Lepas. Sila jelaskan:

(a) Adakah ianya masih beroperasi?

(b) Berapa ramaikah penumpang yang masih menggunakan perkhidmatan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Perkhidmatan “Bridge Express Shuttle Transit” (BEST) yang dilancarkan pada tahun 2011 masih beroperasi dari Seberang Jaya ke FIZ Bayan Lepas. Malahan tiga (3) hub baru telah dikenalpasti seperti berikut:

- Autocity, Juru
- Bandar Perda
- Queensbay Mall

(b) Jumlah penumpang yang menggunakan BEST pergi dan balik untuk 3 bulan yang lepas adalah seperti berikut:-

BULAN	BIL PENGGUNA (ORANG)
Januari 2012	11732
Februari 2012	13449
Mac 2012	15131

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sudahkah pampasan kepada penternak-penternak ikan diselesaikan akibat pembinaan Jambatan Kedua?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sehingga 27 April 2012, Syarikat Konsesi Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang iaitu Jambatan Kedua Sdn. Bhd. telah membuat bayaran saguhati kepada 2,589 orang nelayan dan 134 orang penternak melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Kos keseluruhan bayaran tersebut ialah RM7.89 juta. Majlis simbolik penyampaian bayaran saguhati ini telah disempurnakan oleh Y.B. Menteri Pertanian & Industri Asas Tani pada 24 Oktober 2011 di Batu Kawan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Apakah rancangan terbaru Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menggalakkan orang ramai menunggang basikal?

(b) Benarkah akan dibina Laluan Trek Basikal dan jika ya, dimanakah ianya akan dibina?

(c) Bilakah ianya mula dibina, tarikh dijangka siap dan kosnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Untuk menggalakkan orang ramai menunggang basikal, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan-jabatan Kerajaan dan pihak swasta termasuk pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan telah menyediakan laluan basikal di beberapa kawasan di bahagian pulau, Pulau Pinang. Koridor-koridor di mana laluan basikal telah disediakan sama ada secara berasingan atau berkongsi dengan kenderaan bermotor adalah:

(i) Persisiran pantai timur dari Batu Maung ke Queensbay Mall dan dari Pantai Jerejak ke Sungai Pinang yang tidak lengkap sepenuhnya.

(ii) Kawasan pusat Bandar George Town dan Zon Warisan.

(iii) Persiaran Gurney ke Telok Bahang.

(iv) Teluk Bahang ke Bayan lepas.

(v) Kawasan Balik Pulau *(Eco Bike Trail)* yang merangkumi laluan melalui kawasan sawah padi, perkampungan dan tepi laut sejauh 20.0 km.

Kerajaan Negeri juga memainkan peranan untuk menggalakkan penggunaan basikal selaras dengan seruan *Cleaner, Greener Penang* dengan mengadakan program dan aktiviti bersama rakyat. Pelancaran Hari Tanpa Kenderaan *Car Free Day* pada 11.12.2011 dan acara-acara berbasikal bersama Ketua Menteri Pulau Pinang adalah di antara usaha yang telah diambil untuk menggalakkan penggunaan basikal.

Halatuju Kerajaan Negeri dalam mencapai objektif ini telah diperkukuhkan dengan polisi dan panduan penyediaan laluan dan kemudahan basikal yang melibatkan:

(i) Penyediaan rangkaian laluan basikal di seluruh pulau mengikut Pelan Induk.

(ii) Mensyaratkan pemaju pembangunan baru menyediakan laluan dan kemudahan basikal, dan

(iii) Menetapkan piawaian-piawaian untuk penyediaan laluan basikal.

Laluan-laluan basikal yang telah diadakan dan dirancang serta kos yang terlibat adalah diberikan di Lampiran ID 274.

(i) MPSP bersama dengan Kerajaan Negeri telah melaksanakan program berbasikal pada 18 Mac 2012 yang dinamakan sebagai 'MPSP Green Ride' di daerah SPU bermula dari Kompleks Sukan Bertam sehingga ke Kuala Muda dan Penaga dengan jarak 32 km. Program ini dijangka akan dilaksanakan secara berterusan setiap 2 bulan dengan melibatkan daerah SPT dan SPS.

(ii) MPSP mempunyai Pelan Cadangan Laluan Basikal di seluruh Seberang Perai (210 km). Ianya melibatkan beberapa trek laluan bermula dari Kuala Muda, SPU dan berakhir di Seri Ampangan, SPS.

(iii) Pada masa kini, MPSP sedang menguji semua trek yang dicadangkan untuk memastikan kesesuaiannya dari segi keselamatan, jarak dan lain-lain. Keputusan bila mula dibuka, jangka siap dan kosnya akan ditentukan selepas ditentukan trek dan jarak yang bersesuaian.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk menggunakan Empangan Air sebagai pusat Penjana Kuasa Hidro-Elektrik?

(b) Jika ya, bilakah ianya akan mula dibina dan manakah empangannya.

(c) Jika tidak, mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Setakat ini, Kerajaan Negeri tiada rancangan untuk menggunakan Empangan Air sebagai Pusat Penjanaan Kuasa Hidro-Elektrik. Tambahan pula empangan sedia ada tidak direka bentuk untuk tujuan tersebut.

Di samping itu, bekalan elektrik di Negeri Pulau Pinang adalah mencukupi, dan Kerajaan Negeri sekarang dalam usaha untuk meningkatkan jumlah bekalan air mentah di Pulau Pinang melalui Projek Pembesaran Empangan Mengkuang yang lebih kritikal.

Selain daripada itu, Program *Feed-in Tariff* (FiT) yang mula dilaksanakan pada Disember 2011 juga dapat menjana bekalan elektrik dan ianya dapat menggalakkan kemampanan alam sekitar serta pencapaian *grid parity*.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Apakah perkembangan terkini Projek Pembesaran Empangan Mengkuang?

(b) Berapakah kapasiti muatan dan perbezaannya?

(c) Dalam perjalanan projek ini, apakah kesulitan dan gangguan yang dihadapi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Status kemajuan terkini Projek Pembesaran Empangan Mengkuang setakat 31 Mac 2012 adalah seperti berikut :-

Kemajuan sebenar : 6.4%
Kemajuan dijadual : 6.8%

Oleh itu terdapat kelewatan 0.4% yang tidak memberikan kesan untuk siap seperti dijadualkan. Bagi kerja-kerja di tapak, sehingga kini kerja tanah (pengorekan) untuk "embankment", Tower No. 2 dan Valve House No.2 sedang dilaksanakan.

(b) Kapasiti muatan dan perbezaan adalah seperti berikut:-

Kapasiti asal	:	22 juta meter padu.
Selepas pembesaran	:	73.5 juta meter padu.
Beza kapasiti	:	51.5 juta meter padu.

(c) Kerja-kerja pembinaan pada ketika ini hanya terdapat sedikit gangguan dari aktiviti kuari (kerja letupan batu) yang berada bersebelahan tapak projek. Sehingga kini ia tidak menjejaskan kerja pembinaan empangan ataupun kelewatan kepada pelaksanaan projek.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Sehingga kini, berapa peratuskah penternak khinzir yang menggunakan Enzim di dalam ladang ternakan mereka untuk mengurangkan pencemaran?

(b) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan satu jangka masa yang tertentu untuk memastikan semua penternak mula menggunakan Enzim berkenaan? Apakah hasilnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang telah memperkenalkan penggunaan *Enzim Useful Microbes* (UM) untuk kawalan pencemaran bau yang dikeluarkan oleh ladang khinzir pada tahun 2009.

Dalam memperkenalkan UM, kempen dan promosi di semua kawasan penternakan khinzir telah diadakan dan penternak-penternak telah diberi pendedahan melalui kursus-kursus untuk membuat bahan UM ini. Di samping itu, pihak JPV juga mengeluarkan UM tersendiri untuk diagihkan kepada penternak yang kurang berkemampuan untuk menghasilkannya.

Peratus penggunaan *Enzim Useful Microbes* dalam kawalan pencemaran di ladang khinzir di Negeri ini telah mencapai 30% iaitu 61 buah ladang khinzir dari sejumlah 202 buah ladang yang berdaftar.

(b) Kerajaan Negeri tidak menetapkan satu jangkamasa yang tertentu untuk memastikan semua penternak mula menggunakan enzim tersebut. Walau bagaimanapun, pihak JPV mensasarkan pada penghujung tahun 2013 penggunaan bahan UM ini dapat dicapai secara menyeluruh dengan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekiranya penggunaan kaedah enzim UM ini diamalkan dalam mengawal pencemaran, maka imej penternakan khinzir akan menjadi lebih baik dengan kurangnya berlaku pencemaran bau dan kurangnya aduan awam.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Sila berikan nama syarikat yang bertanggungjawab dalam kerja-kerja pelupusan sisa pepejal di Pulau Burung?

(b) Sila huraikan secara terperinci syarat-syarat yang tertera di dalam kontrak perjanjian?

(c) Adakah syarikat tersebut telah menghasil dan menjual bio-gas. Jika tidak, mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (i) Pengurusan Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong telah dikontrakkan kepada Syarikat Idaman Bersih Sdn. Bhd. (IBSB).

(ii) Syarat-syarat kontrak adalah seperti di Lampiran.

(iii) Sepanjang tempoh kontrak, pihak IBSB tidak melaksanakan program *Clean Development Mechanism* (CDM) bagi mengekstrak gas kerana perjanjian asal tidak termasuk perkara tersebut. Walau bagaimanamun, pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah melantik Syarikat Bionersis Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek tersebut dan penyerahan tapak di fasa 2 bermula pada 15 April 2012.

PERJANJIAN

PENGURUSAN TAPAK PELUPUSAN SISA-SISA PEPEJAL PULAU BURUNG, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG

ANTARA

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI (MPSP)

DAN

IDAMAN BERSIH SDN. BHD. (IBSB)

PERJANJIAN INI dibuat pada 24 haribulan Disember 2009

DI ANTARA

M AJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI sebuah pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang beralamat di Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang (selepas disebut sebgai **"Majlis**) di satu pihak

DAN

IDAMAN BERSIH SDN. BHD. (No. Syarikat: 511764-K) sebuah syarikat yang didadtarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai pejabat berdaftar di No. 24, Jalan Seri Aman 1, Pusat Perniagaan Seri Aman, 14200 Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang dan mempunyai pejabat perniagaan di No. 36, Jalan Jawi Jaya 1, Taman Jawi Jaya, 14200 Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan (selepas ini disebut sebagai **"IBSB"** di pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA:

1. **Majlis** adalah tuan punya lima (5) lot tanah yang dikenali sebagai:

   i) Lot 4494 (H.S.(D) 2549) dengan keluasan 16.53 hektar;

   ii) Lot 4495 (H.S.(M) 366) dengan keluasan 4.04686 hektar;

   iii) Lot 4496 (H.S.(D) 2550) dengan keluasan 11.83 hektar;

   iv) PT 517 (H.S.(D) 28524) dengan keluasan 10.12 hektar; dan

   v) PT 518 (H.S.(D) 28525) dengan keluasan 18.94 hektar

   vi)

Kesemua tanah-tanah tersebut terletak di Mukim 11 di Pulau Burung, Daerah Seberang Perai Selatan dengan syarat nyata bahawa tanah tersebut hendaklah digunakan untuk tujuan membuang sampah dan sisa pepejal sahaja (selepas daripada ini disebut *Tapak Tersebut*"

2. IBSB adalah sebuah syarikat yang mempunyai pengalaman dalam projek pelupusan sampah.

3. Mengikut satu Perjanjian bertarikh 25hb. Julai 2005, Majlis telah melantik IBSB untuk menjalankan perkjhidmatan pengurusan sampah (selepas daripada ini disebut ***"Perkhidmatan tersebut"*** untuk tempoh empat (4) tahun yang berakhir pada 31hb. Julai 2009 dan seterusnya melantik semula IBSB untuk terus menjalankan perkjhidmatan tersebut secara Sanitary Landfill Level III" bagi dua (2) tahun berikutnya bermula **1hb. Ogos 2009** hingga **31hb. Julai 2011** mengikut fasa 3A, 3B, 3C dan 3D di **PT 517** dan fasa 2A, 2B, 2C dan 2D di **PT 518** Mukim 11 di Pulau Burung, Seberang Perai Selatan dengan menggunakan sistem Semi-Aerobic Recirculatory" atau Aerobic Recirculatory" (selepas daripada ini disebut ***"Pembangunan tersebut"*** tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam perjanjian ini. Keterangan Perkhidmatan Tersebut di lampirkan dalam **Lampiran A** dan Keterangan Pembangunan terwsebut di lampirkan dalam **Lampiran A1.**

4. Majlis telah memperolehi kelulusan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melanjutkan tempoh pengurusan Tapak Tersebut dan Majlis telah melantik IBSB untuk melaksanakn pengurusan Tapak Tersebut bagi tempoh dua (2) tahun melalui surat bertarikh 7hb. Julai 2009 yang dilampirkan di sini sebagai **Lampiran B.**

DAN BAHAWASANYA:

5. Majlis dengan ini bersetuju untuk melantik semula IBSB dan IBSB bersetuju menerima perlantikan tersebut tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI KEDUA-DUA PIHAK BERSETUJU kepada syarat-syarat dan terma-terma seperti berikut:-

TAFSIRAN DAN DEFINISI

Dalam perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain maka perkataan-perkataan berikut bermaksud:-

Fasa Pembangunan Pembangunan tapak pelupusan Pulau Burung secara berperingkat yang merupakan kesinambungan keapda fasa sebelum ini dan seterusnya membangunkan kawasan pembangunan fasa yang baru mengikut pelan yang diluluskan oleh Majlis di kawasan-kawasan yang telah ditentukan dari tahun ke tahun selama dua (2) tahun seperti yang dikepilkan dalam **Lampiran C (C1, C2, C3, C4, C5, C6, C7, C8, C9 dan C10)** dan pelan tapak yang ditandakan

dalam **Lampiran C11 dan C12.**

Lori	Keadaan yang digunakan untuk mengangkut sampah ke tapak pelupusan tersebut yang mempunyai permit dari Majlis.
MPPP	Majlis Perbandaran Pulau Pinang
Sistem Kawasan Pencemaran	Langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan, mengawal dan mengelakkan pencemaran di Tapak Tersebut dan sekitar kawasan Tapak Tersebut bagi menjaga kelesamatan dan kesihatan orang ramai, haiwan, tumbuhan dan alam sekitar. IBSB hendaklah menyediakan sistem pengutipan dan pengumpulan leachate, sistem pengolahan leachate, sistem pengutipan gas, sistem perparitan di dalam dan sempadan tapak, pemantauan kualiti alam sekitar setiap dua (2) minggu sekali, peralatan kemudahan mencuci tayar, peralatan sistem mengawal debu, peralatan mengawal kebakaran dan menyediakan kemudahan infrastruktur lain seperti yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.
Sisa Pepejal Domestik	Bahan buangan yang terhasil daripada kawasan perumahan di mana sebahagian besarnya adalah bahan buangan organik yang sedang dilupus, terurai dan mereput termasuklah sisa perbandaran dan sisa pertanian.
Sisa Pepejal Industri	Bahan buangan pepejal yang terhasil daripada aktiviti-aktiviti perundustrian dan pengilangan dan termasuklah sisa komersial dan sisa pembuangan.
Buangan Terjadual	Apa-apa buangan yang termasuk dalam kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Peraturan 2, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 ini dikepilkan sebagai **Lampiran D** iaitu buangan yang telah dicemari atau mengandungi bahan merbahaya seperti bahan kimia, bahan letupan, bahan mudah terbakar, bahan pengoksidan, bahan toksid, bahan patogenik, bahan radioaktif, bahan genetic, bahan mudah terhakis atau apa bahan yang boleh mendatangkan ancaman atau bahaya kepada orang ramai, binatang, tumbuhan, harta benda dan alam sekitar.
Sistem “Semi-aerobic recirculatory	Satu sistem di mana air leachate yang telah dikumpulkan di dalam kolam tahanan leachate dan melalui proses pengudaraan dipam semula ke dalam tapak pelupusan bagi tujuan mempercepatkan pembersihan air leachate melalui proses filtrasi.

1. TEMPOH PERJANJIAN DAN PENYAMBUNGAN KONTRAK

Perjanjian ini akan berkuatkuasa selama dua (2) tahun dari tarikh 1hb. Ogos 2009 hingga 31hb. Julai 2011 dan sekiranya perkhidmatan IBSB dalam tempoh tersebut didapati menepati syarat-syarat yang diperuntukkan di dalam perjanjian ini maka tempoh perjanjian dan perkhidmatan ini akan dilanjutkan untuk satu (1) tahun berikutnya tertakluk kepada prestasi yang memuaskan Majlis. Permohonan untuk melanjutkan kontrak perlu dilakukan oleh IBSB dalam masa enam (6) bulan sebelum tarikh 31hb. Julai 2011.

2. BAYARAN

(a) Majlis hendaklah membayar kepada IBSB bayaran sebanyak **Ringgit Malaysia Tujuh Belas (RM17.00)** sahaja bagi satu (1) metrik tan sebagai harga pelupusan sisa pepejal domestik dan sisa pepejal industri. Setiap tan sisa pepejal yang dilupuskan di Tapak Tersebut sama ada dari Majlis atau MPPP akan dikira berdasarkan rekod timbangan daripada jambatan timbang di pintu masuk Tapak Pelupusan Pulau Burung atau di Jeti Batu Maung.

(b) IBSB hendaklah menyerahkan tuntutan bayaran keapda Majlis pada minggu pertama bulan berikutnya dan Majlis hendaklah membuat bayaran dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh menerima tuntutan tersebut.

(c) Sekiranya tiada sebarang bantahan dan / atau pertikaian oleh Majlis mengenai jumlah tuntutan dikemukakan oleh IBSB dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penyerahan tuntutan bayaran tersebut maka jumlah tuntutan tersebut akan dianggap sebagai muktamad dan Majlis tidakberhak untuk mempertikaikannya.

(d) Majlis hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh emnerima tuntutan tersebfut membuat bayaran kepada IBSB.

3. PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN

IBSB bertanggungjawab sepenuhnya dalam membiayai kos pembangunan dan operasi Tapak Tersebut dan perlaksanaan Perkhidmatan tersebut.

4. WAKTU OPERASI

IBSB dibenarkan beroperasi di Tapak Tersebut mulai jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang setiap hari Isnin hingga Ahad termasuk Cuti Umum Persekutuan dan Negeri. Bagaimanapun, dalam keadaan tertentu bila Majlis berpendapat waktu operasi perlu dilanjutkan, maka Majlis boleh menghendaki IBSB melanjutkan waktu operasi selepas pukul 7.00 petang dengan menyatakan tempoh lanjutan yang diperlukan setelah memberi notis bertulis kepada IBSB dalam tempoh 24 jam.

5. TIMBANG DAN SUKAT

5.1. IBSB hendaklah menggunakan jambatan timbang yang sedia ada di Tapak Tersebut dan salinan permit yang baru hendaklah didepositkan dengan Majlis sebagai rujukan. Setiap tan sisa pepejal yang dilupuskan di Tapak Tersebut dari Majlis dikira berdasarkan rekod timbangan daripada jambatan timbang di

Tapak Tersebut.

5.2. Majlis juga hendaklah menyediakan wakil dari pihak Majlis untuk berada di jambatan timbang di Tapak Tersebut bagi memastikan serta mengesahkan kesahihan jumlah berat timbangan yang dibuat dan sekiranya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh timbangan dibuat tiada sebarang bantahan dan / atau pertikaian megnenai jumlah berat timbangan tersebut dikemukakan maka jumlah berat timbangan tersebut akan dianggap tepat dan Majlis tidak berhak mempertikaikannya.

5.3 Segala peralatan timbang yang dipasang di jambatan timbang di Tapak Tersebut hendaklah dikalibrasikan semula mengikut peruntukan-peruntukan Akta Timbang dan Sukat 1972 dan Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981.

5.4 Jika berlaku sebarang permasalahan dalam pembekalan sumber bekalan elektrik di jambatan timbang di Tapak Tersebut, jumlah kemasukan sisa pepejal bagi te,poh tersebut hendaklah dikira berdasarkan jumlah muatan yang dibenarkan bagi lori tersebut.

6. INSURAN

6.1 IBSB hendaklah mengemukakan polisi dan resit bayaran insuran untuk diperiksa, disahkan dan dipegang oleh Majlis. Majlis pada bila-bila masa boleh meminta untuk menyemak apa-apa dokumen tambahan berkaitan insuran-insuran tersebut.

6.2. Sekiranya atas apa-apa sebab sekalipun insuran-insuran tersebut terbatal atau tidak berkuatkuasa, IBSB bertanggungjawab untuk menggantirugi dan menggantirugi Majlis atas apa-apa kemalangan dan kecelakaan yang berlaku ke atas dan / atau melibatkan Tapak, Pembangunan dan Perkhdmatan Tersebut termasuklah tenaga kerja dan harta benda di dalamnya yang mana sepatutnya dilindungi oleh insuran.

7. PENALTI

7.1. Majlis berhak menamatkan perjanjian ini dengan serta merta sekiranya IBSB gagal memberi Perkhidmatan Tersebut selama tiga (3) hari berturut-turut melainkan mempunyai alasan-alasan yang diterima oleh Majlis dan berlakunya keadaan seperti yang dinyatakan di dalam klausa 9 Perjanjian ini.

7.2. Sekiranya IBSB gagal menjalankan Perkhidmatan Tersebut mengikut Perjanjian ini, Majlis berhak untuk menjalankan Perkhidmatan Tersebut dan akan mengenakan kos sebenar yang ditanggung oleh Majlis terhadap IBSB atas Perkhidmatan Tersebut dengan tambahan bayaran denda sepuluh peratus (10%) daripada kos sebenarnya yang ditanggung oleh Majlis. Bayaran kos dan denda hendaklah dibayar oleh IBSB dalam masa empat belas (14) dari tarikh penerimaan notis yang diserahkan oleh Majlis.

7.3. IBSB hendaklah menyelenggara jalan masuk dari piintu masuk ke kawasan “tipping Face” mengikut arahan daripada Majlis secara bertulis dari semasa ke semasa.

7.4. Majlis boleh, setelah memaklumkan terlebih dahulu secara bertulis kepada IBSB, mengenakan apa-apa syarat tambahan selain yang tersebut di dalam Perjanjian ini semasa Majlis membuat penyeliaan dan pengawasan ke atas pebangunan dan Perkhidmatan Tersebut. Jika IBSB gagal melaksanakan mana-mana syarat yang tersebut di dalam ini, maka Majlis akan mengenakan denda sebanyak Ringgit Malaysi Seratus (RM100.00) sahaja sehari bagi tiap-tiap hari kegagalan tersebut atau menamatkan Perjanjian ini.

8. SYARAT-SYARAT AM

8.1. IBSB hendaklah mendapat kelulusan dan persetujuan daripada Jabatan Alam Sekitar mengenai semua langkah-langkah kawalan pencemaran di Tapak Tersebut dan kelulusan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis tiga (3) hari selepas penerimaannya oleh IBSB.

8.2. IBSN hendaklah menyediakan semua kemudahan infrastruktur di dalam tapak Tersebut.

8.3. IBSB akan membangunkan dan menjalankan operasi harian di Tapak Tersebut dalam fasa pembangunan seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Senarai kerja yang perlu dipatuhi di Tapak Tersebut dilampirkan sebagai Lampiran E1. IBSB hendaklah mematuhi manual operasi Tapak Tersebut yang disediakan oleh Bahagian Teknikal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dilampirkan sebagai Lampiran E2.

8.4. IBSB berrtanggungjawab ke atas pengurusan dan pengawalan kualiti alam sekitar di Tapak Tersebut. Keterangan mengenai Pematuhan Pengawalan Kualiti di lampirkan sebagai Lampiran E3.

8.5. Program dan stesen pengawasan kualiti air, air bawah tanah, pelepasan gas dan marin perlu dikaji semula dari masa ke semasa mengikut keperluan dan persetujuan Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang sebelum dilaksanakan.

8.6. IBSB hendaklah memastikan kawasan sekitar dan laluan keluar masuk Tapak Tersebut dibersihkan bagi memudahkan laluan pengangkutan.

8.7. IBSB akan hanya membenarkan lori Majlis dan lori kontraktor yang mempunyai permit atau pengesahan atau apa-apa motifikasi daripada Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Majlis untuk masuk dan melupuskan sisa pepejal di Tapak Tersebut.

8.8. IBSB hendaklah menyediakan dan mempamerkan semua syarat dan peraturan yang perlu di Tapak Tersebut.

8.9. BSB hendaklah hanya menerima dan melupuskan sisa pepejal domestik dan semua jenis sisa pepejal industri kecuali yang dikategorikan sebagai Buangan Terjadual seperti yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

8.10. IBSB hendaklah mematuhi dan melaksanakan semua peraturan, kaedah, undang-undang kecil, syarat-syarat dan sekatan-sekatan serta arahan-arahan bertulis yang dikenakan oleh Majlis dari masa ke semasa.

8.11. IBSB hendaklah mematuhi dan melaksanakan semua peraturan, kaedah, undang-undang kecil, arahan-arahan bertulis syarat-syarat dan sekatan yang dikenakan oleh mana-mana garis panduan, peraturan atau Akta dari Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang dan mana-mana Jabatan/Kementerian berkenaan dengan Pembangunan dan Pengurusan Tapak Tersebut.

8.12. IBSB hendaklah sepenuhnya bertanggungjawab tanpa melibatkan Majlis terhadap sebarang denda/penalti atau bayaran atas apa-apa kesalahan atau tindakan undang-undang yang dikenakan oleh mana-mana Jabatan atau Kementerian.

8.13. Apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Majlis akibat dari sebarang tindakan undang-undang, denda atau penalti yang diambil oleh mana-mana Jabatan/Kementerian terhadap Pembangunan dan Pengurusan Tapak Tersebut hendaklah di gantirugi sepenuhnya oleh IBSB kepada Majlis dalam tindakan tersebut.

8.14. IBSB adalah bertanggungjawab menjaga apa-apa harta Majlis di Tapak Tersebut dan dalam keadaan sekiranya harta Majlis tersebut hilang dan IBSB didapati cuai dalam menjalankan tanggungjawabnya menjaga harta Majlis tersebut maka pihak IBSB hendaklah menggantikannya dalam tempoh empat belas (14) hari atau Majlis menggantikan harta-harta tersebut dan menuntut kos yang terlibat daripada IBSB.

8.15. IBSB bersetuju dab berakujanji dengan Majlis bahawa tidak akan dicagarkan, dipajakkan, disandarkan, dilepaskan atau dibuat apa-apa urusniaga bagi maksud untuk mendapatkan pinjaman atau bantuan kewangan daripada mana-mana bank, institusi kewangan atau orang perseorangan.

8.16. Kegagalan oleh IBSB atau Majlis untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan Perjanjian ini tidak boleh ditafsirkan sebagai pengenepian (waiver) hak masing-masing menguatkuasakan mana-mana peruntukan Perjanjian ini.

8.17. IBSB tidak dibenarkan memindahkan atau menyerahkan secara langsung atau tidak langsung apa-apa faedah atau kepentingan Perjanjian ini kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran secara bertulis daripada Majlis.

8.18. IBSB hendaklah bertanggungan atas, dan hendaklah menanggung rugi Majlis terhadap apa-apa kerosakan, perbelanjaan, liabiliti, kerugian, tuntutan atau prosiding sama ada yang berbangkit menurut mana-mana undang-undang berkenaan dengan kecederaan diri atau kematian mana-mana orang semasa berkuatkusanya Perjanjian ini.

8.19. IBSB hendaklah bertanggung atas, dan hendaklah menangung rugi Majlis apa-apa kerosakan, perbelanjaan, liabiliti, kerugian, tuntutan atau prosiding disebabkan oleh apa-apa jenis bencana atau kerosakan kepada harta tanah atau harta diri (termasuklah apa-apa harta Majlis yang lain) setakat mana bencana atau kerosakan berbangkit dalam masa berkuatkuasanya Perjanjian ini. Sebagai tambahan, IBSB hendaklah menanggung dan menggantirugi Majlis terhadap semua tuntutan oleh mana-mana pihak atas apa-apa kecuaian, peninggalan, kegagalan atau kemungkiran yang dilakukan oleh pekerja-pekerja, wakil-wakil atau pelawat-pelawat sah IBSB.

8.20. Majlis juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kesemua lori yang dinyatakan di dalam klausa 8.7 melupuskan sisa pepejal di Tapak Pelupusan Pulau Burung sahaja.

8.21. Semua kerja-kerja pembangunan yang akan dijalankan oleh IBSB hendaklah mengikut kelulusan Majlis dari masa ke semasa dan berdasarkan pelan/arahan teknikal yang diluluskan oleh Majlis.

8.22. Sebarang tindakan yang akan diambil oleh pihak Majlis berhubung Perjanjian ini hendaklah merujuk dan memaklumkan terlebih dahulu kepada IBSB secara bertulis.

8.23. IBSB perlu memastikan operasi loji rawatan leachate perlu di aktif dan dijalankan setiap hari dengan penetapan kualiti leachate menepati standarad B di bawah kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluent-Effluent Perindustrian) 1979.

8.24. IBSB perlu membina seberapa bilangan yang munasabah set mini rawatan serta keperluan dan pemasangannya bagi keperluan sokongan kepada loji rawatan sedia ada dan memastikan penetapan kualiti leachate menepati standard B di bawah kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluent-Effluent Perindustrian) 1979.

8.25. IBSB hendaklah dalam keadaan apa sekalipun memasang 'bentonite liner' pada setiap sisi benteng sel tapak pelupusan bagi menghalang resapan secara horizontal.

8.26. IBSB hendaklah menjalankan kerja-kerja penutupan sel dengan menggunakan apa-apa bahan yang sesuai dan diluluskan oleh pihak Majlis dan atau Jabatan/kementerian berkenaan yang aman ianya hendaklah dilaksanakan setiapa hari tanpa gagal.

8.27. IBSB hendaklah memmastiakn kipas pengudaran (aerator) dipasang pada kadar yang mencukupi, disenggara serta berfungsi dengan sewajarnya di kolam tadahan dan parit perimeter.

8.28. IBSB hendaklah memastikan dengan sewajarnya bahawa tiada berlakunya resapan, limpahan atau tumpahan leachate ke mana-mana bahagian lain yang bukan di bawah penyeliaannya yang mungkin mencemarkan kawasan tersebut dan persekitarannya.

8.29. IBSB hendaklah mengkaji semula sistem 'leachate' sedia ada dan membina Sistem Pengolahan Effluent (SPE) sebagai rawatan tambahan kepada rawatan sedia ada terutama bagi parameter Keperluan Oksigen Kimia (COD), Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) dan Pepejal Terampai (SS) dengan penetapan kualiti leachate menepati standard B di bawah kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluent-Effluent Perindustrian) 1979.

8.30 IBSB hendaklah meninggiakn benteng di sekeliling Tapak Pelupusan dan menyediakan sistem penyaluran supaya aliran masuk ke sistem rawatan bagi

mengelakan kemungkinan berlakunya limpahan ketika musim hujan.

9. FORCE MAJEURE

9.1. Mana-mana pihak dianggap tidak melanggar perjanjian ini apabila terdapat mana- mana kegagalan penuh aatu sebahagian dari perlaksanaan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan di dalam perjanjian ini akibat daripada perkara-perkara berikut:-

9.1.1. Mana-mana bencana alam
9.1.2. Kebakaran
9.1.3. Tindakan Kerajaan dan Negeri
9.1.4. Peperangan
9.1.5. Kekecohan Sivil
9.1.6. Pemberontakan
9.1.7. Pertikaian Buruh

atau oleh mana-mana keadaan dan apa-apa sebab di luar kawalan mana-manan pihak (yang selepas ini dirujuk sebagai 'perkara-perkara Force Majeure')

9.2. Sekiranya mana-mana pihak tidak boleh melaksanakan tugas atau tanggungjawab yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini akibat kesan terus dari perkara-perkara Force Majeure maka pihak yang terlibat dalam tempoh yang munasabah hendaklah memberi notis bertulis kepada pihak yang satu lagi memaklumkan mengenai ketidakmampuan melaksanakan tanggungjawab dan perkhidmatan tersebut hendaklah ditangguhkan di sepanjang tempoh semasa berlakunya perkara-perkara Force Majeure.

9.3. Sekiranya perkara-perkara Force Majeure berlaku dala mtempoh melebihi sembilan puluh (90) hari dan telah mengakibatkan kesan komersil bagi Perjanjian ini maka sekiranya difikirkan perlu, mana-mana pihak yang terlibat bolah memberikan notis penamatan yang berkuatkuasa dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas notis disampaikan.

10. NOTIS

Sebarang notis kepada IBSB hendaklah dianggap telah diserahkan dengan sempurna jika dialamatkan dan dikirimkan melalui pos berdaftar kelamat seperti berikut:-

Idaman Bersih Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 511764-K)
No.24, Jalan Seri Aman 1,
Pusat Perniagaan Seri Aman,
14200 Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan,
Pulau Pinang

dan sebarang notis kepada Majlis hendaklah di anggap telah diserahkan dengan sempurna jika dialamatkan dan dikirimkan ke pejabat Majlis melalui pos berdaftar ke alamat seperti berikut:-

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran,
Majlis Perbandaran Seberang Perai,
Jalan Perda Utama, Bandar Perda,

1400 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang

11. KOS PENYEDIAAN PERJANJIAN

Semua kos berhubung dengan penyediaan Perjanjian ini termasuk duti setem dan / atau bayaran guaman dan kos-kos lain yang berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh IBSB sahaja.

12. LAMPIRAN

Dokumen-dokumen berikut hendaklah menjadi kandungan dan intipati Perjanjian ini dan semua syarat-syarat dan terma-terma dokumen berikut hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebahagian daripada Perjanjian ini iaitu:-

(i)	Lampiran A	-	Keterangan Perkhidmatan tersebut
	Lampiran A1		Keterangan mengenai Pembangunan tersebut.
(ii)	Lampiran B	-	Surat Tawaran Kontrak
(iii)	Lampiran C1-C10	-	Pelan Fa
	Lampiran C11-C12		Pelan Tapak Tersebut (Lot 4494, 4495, 4496, PT 517 dan PT 518)
(iv)	Lampiran D	-	Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekekliling (Buangan Terjadial) 2005(v)
(v)	Lampiran E1	-	Senarai Kerja
(vi)	Lampiran E2	-	Manual Operasi
(v)	Lampiran E3	-	Pematuhan Pengawalan Kualiti

13. MASA

Masa di mana ianya disebut di dalam Perjanjian ini adalah penting dan menjadi intipati pada Perjanjian ini.

14. PENAMATAN

14.1. Majlis boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dalam tempoh Perjanjian ini sekiranya IBSB telah sebanyak tiga (3) kali gagal membetulkan perlanggaran mana-mana syarat dan / atau arahan yang telah diberikan oleh Majlis dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan notis tersebut.

14.2. Walauapapun peruntukan Klausa 14.1. Majlis boleh menamatkan Perjajian ini pada bila-bila masa dengan memberikan enam (6) bulan notis secara bertulis kepada IBSB untuk tujuan tersebut sekiranya tapak tersebut diperlukan oleh kerajaan atau jika perkhidmatan IBSB tidak lagi diperlukan.

14.3. Jika IBSB:

(a) Melakukan suatu perbuatan kebankrapan:

(b) Menjadi taksolven atau membuat penyelesaian dengan pemiutang-pemiutangnya atau membuat perkiraan dengan mereka itu: atau

(c Sebagai suatu syarikat, ia menghadapi suatu Perintah Penggulungan yang dibuat terhadapnya yang dikeluarkan oleh mana-mana Mahkamah atau badan yang diberi kuasa oleh Mahkamah dan /atau mempunyai seorang likuidator, penerima atau pengurus sementara bagi urusan atau pengusahaannya yang dilantik dengan sewajarnya oleh suatu Perintah Mahkamah : atau

(d) Menyerahkan secara sukarela pemilikan syarikat IBSB supaya diambil oleh atau bagi pihak pemiutang-pemiutang atau pemegang-pemegang debenture bercagar dengan gadaian terapung.

Maka, dan dalam mana-mana hal tersebut di atas itu, Majlis boleh, tanpa menjejaskan apa-apa hak lain yang ada padanya, melalui suatu notis bertulis menamatkan Perjanjian ini.

15. TIMBANGTARA

IBSB dan Majlis dengan ini bersetuju untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul dari pelanggaran mana-mana terma Perjanjian ini atau yang berkaitan dengannya melalui proses timbangtara dengan seoaranf penimbang tara yang akan dilantik dengan secara persetujuan bersama oleh kedua-dua pihak.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Setelah Kempen *No Plastic Bag* dilancarkan pada tahun 2010. Adakah peratusan sisa-sisa pepejal ini menurun dan apakah perbezaan sebelum dan selepas kempen dilancarkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kempen *No Free Plastic Bags Every Monday* telah dilancarkan pada Julai 2009. Dalam masa 4 bulan sahaja sejak pelancaran, pengusaha-pengusaha pasar raya telah berjaya menjimatkan lebih daripada 1 juta beg plastik. Angka penjimatan ini terus meningkat berikutan lanjutan hari *No Free Plastic Bags Every Monday* (2009) sehingga *No Free Plastic Bags Everyday* (2011). Mengikut maklum balas yang diterima daripada pengusaha-pengusaha pasar raya dan kedai-kedai yang turut serta dalam kempen ini, sehingga Jun 2011, lebih kurang 33 juta beg plastik telah dapat dijimatkan. Pengusaha-pengusaha pasaraya serta kedai-kedai yang turut serta dalam kempen ini telah memberhentikan tempahan beg plastik mulai pertengahan tahun 2010.

Sejak tahun 2010, didapati kadar pelupusan sampah telah menunjukkan penurunan lebih kurang 5%. Penurunan ini jelas melalui penghantaran jumlah sampah ke tapak pelupusan iaitu dari 675,539 metrik tan pada tahun 2010 kepada 641,364 metrik tan pada tahun 2011.

Sebelum kempen ini dilancarkan, taburan beg plastik dapat dilihat di merata-rata tempat seperti di dalam parit, longkang dan sungai. Keadaan ini menyumbang kepada kejadian banjir kilat kerana beg-beg plastik mudah menyekat aliran air. Senario ini berubah setelah hari *No Free Plastic Bags* dilanjutkan dari sehari kepada 3 hari dan seterusnya setiap hari mulai tahun 2011.

Walaupun pada awal pelancaran kempen ini, orang awam agak sukar untuk membudayakan tabiat membawa beg membeli belah sendiri namun dalam masa yang singkat pengusaha-pengusaha pasar raya dan pengguna telah memberi sokongan yang memberangsangkan. Kempen ini menerima sokongan yang memberangsangkan kerana tahap kesedaran orang awam mengenai konsep 3R telah meningkat. Justeru kadar kitar semula di Pulau Pinang meningkat kepada lebih kurang 26%. Keadaan ini telah meyakinkan Kerajaan Negeri untuk melanjutkan kempen ini kepada *No Free Plastic Bags Everyday* mulai tahun 2011.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Para pemaju rumah kos sederhana rendah dicadangkan supaya menawarkan pakej apabila menjual rumah pada orang ramai iaitu dari segi tempat letak kereta dan juga pengubahsuaiannya.

(a) Apakah pandangan dan pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam hal ini?

(b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyelesaikan masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan Negeri sedar bahawa terdapat aduan yang menyatakan harga rumah kos sederhana rendah bernilai RM72,500 dijual pada harga lebih tinggi dengan memasukkan pakej pengubahsuaian rumah dan tapak letak kenderaan ke dalam harga rumah. Pendirian Kerajaan Negeri ialah pemaju tidak boleh memaksa pembeli menandatangani perjanjian tambahan untuk *car park* dan renovasi. Adalah menjadi kesalahan jika terdapat pemaju membuat sedemikian.

(a) Kerajaan Negeri memandang serius berhubung isu ini kerana ia dilihat memberikan bebanan dan tekanan kepada pemohon-pemohon yang layak untuk membeli rumah kos sederhana rendah yang kebanyakannya berpendapatan di bawah RM3,500.00.

Kerajaan Negeri mempunyai garis panduan penetapan harga untuk rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR). Setiap penentuan harga rumah bagi kedua-dua kategori tersebut diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Konsep Baru Perumahan Peringkat Negeri (JPKBPPN) berdasarkan keluasan, jenis rumah dan juga zon pemajuan. Keputusan harga yang dibuat dalam Mesyuarat JPKBPPN akan dimaklumkan kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa keperluan Tempat Letak Kereta (TLK) bagi perumahan kos sederhana rendah (LMC) ialah nisbah 3:4 (Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bil 4/2009 pada 26 Mei 2009 dan disahkan pada 18 Jun 2009) dan tambahan 10% untuk pelawat. Tempat letak kereta mestilah disediakan dengan secukupnya mengikut garis panduan.

(b) Antara tindakan proaktif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan bagi menangani isu ini adalah seperti berikut:-

(i) mengadakan perjumpaan dengan pemaju-pemaju terbabit bagi mendapatkan penjelasan serta memberikan amaran supaya tidak menaikkan harga rumah kos sederhana rendah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh JPKBPPN. Pemaju yang terlibat tidak boleh memaksa pembeli membeli tempat letak kereta dan juga pakej pengubahsuaian;

(ii) Mengemukakan aduan secara rasmi kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap pemaju-pemaju terbabit. Aduan tersebut melibatkan 4 pemaju.

(iii) mengadakan pemantauan dan pengawasan yang berterusan ke atas rumah kos sederhana rendah yang telah diluluskan harga jualan melalui maklum balas yang diterima daripada pihak awam.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Masih terdapatkah tanah kerajaan dan tanah SSI di sekitar KADUN Sungai Pinang.

(a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai perancangan untuk membina rumah kos sederhana rendah di dalam kawasan KADUN Sungai Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri menyedari terdapat beberapa tapak tanah kerajaan di KADUN Sungai Pinang. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada tanah tersebut telah dikeluarkan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) untuk tujuan kediaman dan lain-lain kegunaan. Manakala sebahagian lagi terdapat rumah-rumah yang diduduki tanpa TOL. Walaupun tanah tersebut sesuai untuk pembangunan perumahan tetapi buat masa ini, Kerajaan Negeri masih lagi sedang mempertimbangkan cadangan untuk membangunkan tanah tersebut bagi maksud berkenaan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Projek JeWay Fasa 3 dari Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Sila jelaskan:

(a) Kemajuan pembinaannya telah mencecah ke tahap mana?

(b) Bilakah ianya dijangka siap?

(c) Sudahkah pampasan kepada rumah setinggan diselesaikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Projek Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu Fasa 3 yang dahulunya dikenali sebagai Jelutong Expressway (JEWay) merupakan pembinaan sebuah lebuh raya sepanjang 800 meter yang menghubungkan Persimpangan Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim hingga Jalan Jelutong dan Jalan Batu Lanchang. Berdasarkan perjanjian di antara Kerajaan Negeri dengan Jelutong Development Sdn. Bhd. (JDSB), Projek Fasa 3 ini sepatutnya dimulakan pada bulan April 2008 dan disiapkan dalam tempoh 36 bulan. Namun, projek ini belum dimulakan kerana penduduk-penduduk di sepanjang jajaran lebuhraya tersebut iaitu di Kampung Jelutong Timur, perlu dipindahkan terlebih dahulu.

(b) Pengambilan milik tanah telah disempurnakan oleh Kerajaan Negeri pada 20 Mac 1991 dan kini, usaha-usaha ke arah pemindahan penduduk sedang dijalankan. Projek Fasa 3 dapat dimulakan selepas 12 bulan dari tarikh penyerahan tapak projek kepada JDSB.

(c) Kerajaan Negeri kini sedang dalam proses untuk memuktamadkan senarai penduduk yang layak mendapat pampasan dan kadar pampasan yang akan diberikan. Sehubungan dengan ini Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dalam mesyuaratnya yang ke 15/2012 pada 18HB. April 2012 telah pada dasar bersetuju dengan jumlah kadar pampasan yang akan dibayar.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Pada SUKMA tahun 2012, berapa acarakah yang dipertandingkan dan berapa atletkah yang bakal mewakili Negeri Pulau Pinang?

(b) Apakah ganjaran yang akan diberikan kepada atlet yang berjaya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (i) Pada tahun ini, Sukan Malaysia XV akan berlangsung di Negeri Pahang Darul Makmur. Sukan Malaysia XV 2012 pada tahun ini akan mempertandingkan sebanyak 24 acara sukan yang terdiri dari 19 sukan wajib dan 5 sukan pilihan dengan 2,223 pingat (emas, perak dan gangsa) ditawarkan bagi keseluruhan acara. Sehingga 16 April 2012, sebanyak 392 orang atlet dari pelbagai disiplin sukan telah terpilih dan bakal mewakili Kontinjen Negeri Pulau Pinang.

(ii) Bagi atlet-atlet yang berjaya menyumbangkan pingat untuk Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah menyediakan insentif seperti di bawah:-

SENARAI INSENTIF KEPADA ATLET YANG BERJAYA DI SUKMA XV 2012 PAHANG DARUL MAKMUR

Bil.	Kategori	Pingat	Insentif Yang Diterima
1	**Sukan Individu**	Emas	RM3,000.00 seorang
		Perak	RM2,000.00 seorang
		Gangsa	RM1,000.00 seorang
2	**Sukan Berpasukan Kurang Dari 5 Orang**	Emas	RM1,000.00 seorang
		Perak	RM700.00 seorang
		Gangsa	RM500.00 seorang
3	**Sukan Berpasukan Lebih Dari 5 Orang**	Emas	RM500.00 seorang
		Perak	RM300.00 seorang
		Gangsa	RM200.00 seorang
4	**Pecah Rekod Kebangsaan**		RM 1,000.00
5	**Pecah Rekod Sukan Malaysia**		RM500.00

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk menubuhkan satu Pusat Jagaan Kanak-kanak di tingkat bawah setiap bangunan rumah pangsa?

(b) Jika ya, berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan dan bilakah rancangan itu akan dilaksanakan?

(c) Jika tidak, mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri mempunyai rancangan bagi mewujudkan Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK) di setiap daerah di Pulau Pinang tetapi tiada rancangan untuk setiap bangunan rumah pangsa. Sehingga kini terdapat 2 buah PJKK yang telah diwujudkan iaitu di daerah Timur Laut dan daerah Seberang Perai Tengah.

Tiada peruntukan yang ditetapkan untuk PJKK di bangunan rumah pangsa sehingga kini. Pelaksanaan rancangan ini adalah bergantung kepada hasil kajian semula ke atas garispaduan oleh pihak berkuasa tempatan.

Untuk mewujudkan PJKK di bawah setiap bangunan rumah pangsa memerlukan kajian dan penelitian terlebih dahulu. Faktor utama yang dititikberatkan ialah kesesuaian dan keselamatan kanak-kanak tersebut. Pada masa kini, MPPP dan MPSP sedang menjalankan kajian semula ke atas garispanduan perancangan tapak taska/tadika dan pusat jagaan kanak-kanak. Penggunaan ruang di tingkat bawah rumah pangsa adalah salah satu daripada aspek yang dikaji dalam garispanduan ini. Sehingga kini belum ada dasar yang menetapkan keperluan penyediaan Pusat Jagaaan Kanak-Kanak di tingkat bawah di setiap bangunan rumah pangsa.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Didalam kawasan DUN Sungai Pinang, banyak rumah pangsa yang telah dibina dan masalah parkir yang tidak mencukupi. Mereka yang meletak kereta di tepi jalan dan saman telah dikeluarkan oleh pihak PDRM. Orang ramai sering mengadu akan masalah ini.

(a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menanggani masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Bagi menangani masalah ini Kerajaan Negeri pada 18 Jun 2009 telah meluluskan penambahbaikan Garis Panduan Tempat Letak Kereta sedia ada, bagi pemajuan untuk Rumah Pangsa Kos Rendah (LC) yang mana penyediaan tempat letak kereta dengan unit kediaman sebelum ini mengikut nisbah 1:4 kepada nisbah 1:3. Manakala bagi pemajuan Rumah Pangsa Kos Sederhana (LMC) nisbah tempat letak kereta dengan unit kediaman ialah 3:5 telah ditambah baik kepada nisbah 3:4.

Bagi Pemajuan Rumah Pangsa (LC) dan Rumah Kos Sederhana Rendah (LMC) yang dikemukakan tertakluk kepada garis panduan baru ini. Pemajuan selain daripada LC dan LMC adalah kekal pada nisbah 1:1.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) juga berusaha menangani masalah kekurangan tempat letak kenderaan di kawasan rumah pangsa dengan melebarkan jalan dan/atau menukar jalan dari dua hala ke sehala untuk membolehkan lebih banyak kenderaan diletak di tepi jalan.

MPPP berharap bahawa dengan penambahbaikan sistem pengangkutan awam khususnya perkhidmatan bas awam, pergantungan kepada kenderaan persendirian akan berkurangan yakni masalah kekurangan tempat letak kenderaan di kawasan rumah pangsa dapat beransur-ansur di atasi.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Didapati banyak unit rumah PPR telah disewakan kepada orang dan juga warga asing.

    (a) Apakah tindakan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyelesaikan masalah ini memandangkan ianya kini semakin menjadi-jadi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Unit-unit rumah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Sewa Kerajaan Negeri hanyalah diberikan sewaan kepada rakyat Malaysia terutamanya penduduk tempatan yang layak sahaja. Unit-unit PPR dan rumah sewa Kerajaan Negeri tidak dibenarkan untuk sebarang sewaan kecil oleh mana-mana pihak seperti dalam perjanjian penyewaan. Sekiranya terdapat laporan dan siasatan mendapati unit tersebut disewa kecil kepada orang lain atau pekerja asing, maka penyewaan unit tersebut akan ditamatkan dan ditarik balik untuk diperuntukkan kepada pemohon-pemohon Warganegara Malaysia yang berkelayakan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dapat mencari tempat ganti bagi menggantikan Tapak Pelupusan Sampah Industri di Jelutong? Jika ya, dimanakah tempat itu. Jika tidak, mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Setakat ini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) masih sedang berusaha mencari tapak untuk menggantikan Tapak Pelupusan Sampah Industri di Jelutong kerana kekangan tanah di bahagian pulau. Oleh itu tapak pelupusan di Jelutong masih diperlukan untuk melupuskan sisa bahan binaan, sampah pukal dan sampah kebun. MPPP sedang berusaha untuk memanjangkan hayat Tapak Pelupusan Sampah Industri dengan mencadangkan ‘Request For Proposal’ untuk mengitar semula sampah binaan, sampah pukal dan sampah kebun yang bernilai.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Mengenai Kes Tanah Tang Hak Joo,

    (a) Berapakah jumlah yang perlu dijelaskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepadanya?

    (b) Adakah wang tersebut telah diberikan kepada Encik Tang Hak Joo?

    (c) Apakah status kesnya yang terkini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Jumlah yang perlu dijelaskan oleh kerajaan kepada Tang Hak Joo adalah mengikut perintah Mahkamah Tinggi pada 21.9.2007 ialah sebanyak RM29.36 juta.

(b) Kerajaan Negeri pada 18.5.2009 telah mendepositkan wang RM14.678 juta ke Mahkamah Tinggi Pulau Pinang iaitu merupakan 50% daripada bayaran berkenaan. Mahkamah Tinggi Pulau Pinang kemudiannya telah melepaskan keseluruhan wang yang didepositkan itu kepada Tang Hak Joo.

(c) Status terkini ialah Kerajaan Negeri telah memfailkan rayuan terhadap jumlah keseluruhan taksiran gantirugi iaitu RM29,356,271.00 dan rayuan ini telah dibicarakan di Mahkamah Rayuan pada 11.1.2012. Mahkamah Rayuan telah membuat keputusan agar jumlah gantirugi tersebut dikurangkan kepada RM587,055.00 sahaja, iaitu jumlah gantirugi bagi perbelanjaan terbuang. Mahkamah turut mengarahkan agar Tang Hak Joo mengembalikan jumlah wang yang telah dibayar oleh kerajaan Negeri kepadanya iaitu sebanyak RM14,091,055.00 (selepas Mahkamah menolak RM587,055.00 daripada RM14,678,135.00 iaitu jumlah sebenar yang dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada Tang Hak Joo). Tang Hak Joo telah memfailkan kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan atas keputusan Mahkamah Rayuan tersebut, dan permohonan kebenaran untuk merayu ini telah ditetapkan untuk pendengaran pada 7 Mei 2012 di Mahkamah Persekutuan.

(XVII) Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Berapa banyakkah bilangan projek yang ditawarkan kepada kontraktor Kelas F sejak tahun 2008 sehingga kini?

(b) Berapakah jumlah kos yang telah dibelanjakan kepada kontraktor Kelas F?

(c) Sila senaraikan mengikut daerah dan berapa banyak projek dibuat secara tender terbuka.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Berpandukan kepada Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, jumlah projek yang telah ditawarkan kepada Kontraktor Kelas F adalah seperti di bawah:-

Bil	Tahun	Jumlah Projek
1	2008	75
2	2009	200
3	2010	458
4	2011	727
5	2012 (sehingga Mac)	154
	JUMLAH	**1,614**

(b) Jumlah kos yang telah dibelanjakan kepada Kontraktor Kelas F berpandukan kepada sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri adalah seperti di bawah:-

Bil	Tahun	Jumlah Projek
1	2008	3,987,706.80
2	2009	11,650,087.75
3	2010	38,459,954.51
4	2011	67,936,787.33
5	2012 (sehingga Mac)	13,789,970.04
	JUMLAH	**135,824,506.43**

(c) Kontraktor Kelas F tidak terlibat dengan proses tender secara terbuka. Perolehan bagi kerja, perkhidmatan dan bekalan Kontraktor Kelas F hanya melibatkan proses sebutharga. Senarai projek yang ditawarkan mengikut daerah adalah seperti di lampiran C.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sekiranya benar Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada membina rumah kos rendah dan sederhana seperti yang didakwa dan diwar-warkan.

(a) Dimanakah tempat perumahan tersebut dibina dan agensi kerajaan manakah yang bertanggungjawab membina perumahan tersebut?

(b) Berapakah harga rumah yang ditawarkan sebagai harga mampu milik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah membangunkan empat (4) projek perumahan kos rendah dan sederhana rendah iaitu:-

(i) Projek pembangunan semula Gat Lebuh Nordin di atas Lot 341, Seksyen 11E, Daerah Timur Laut sebanyak 686 unit kos rendah dan 1,522 unit kos sederhana rendah, dibangunkan oleh PLB Wonderbay Sdn. Bhd.;

(ii) Projek pembangunan semula Ampang Jajar/Rumah Hijau di atas tanah Kerajaan Negeri, Seksyen 3, Bandar Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara sebanyak 304 unit rumah kos rendah, dibangunkan oleh Silver Channel Sdn. Bhd.;

(iii) Pembinaan projek Halaman Kenanga di Sungai Nibong, Daerah Timur Laut sebanyak 204 rumah kos rendah dan 510 rumah kos sederhana rendah melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC); dan

(iv) Pembinaan projek Halaman Seroja di Bandar Cassia, Seberang Perai Tengah sebanyak 195 rumah kos sederhana rendah melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Kerajaan Negeri juga telah merancang untuk membina rumah mampu milik di Batu Kawan atas tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seluas 200 ekar yang merangkumi pembinaan sebanyak 11,800 unit rumah mampu milik bertingkat yang akan dibina secara berperingkat mengikut fasa dengan keluasan dari 800 kaki persegi berharga RM72,500.00 hingga 1,000 kaki

persegi berharga RM220,000.00. Fasa pertama projek mengandungi 520 unit dijangka mula dibina pada hujung tahun 2012. Keseluruhan fasa dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah membuat perancangan untuk memperbanyakkan dan menambah bilangan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah melalui:-

(i) pembinaan perumahan kos rendah iaitu pembangunan semula Kampung Pisang Awak II di atas tanah Plot A, bersebelahan Lot Pt51, Seksyen 4, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut. Pembangunan semula ini melibatkan pembinaan sejumlah 384 unit rumah yang terdiri daripada 192 unit rumah kos rendah dan 192 unit rumah kos sederhana rendah.

(ii) menender semula pembangunan perumahan kos rendah di Ampang Jajar/Ujung Batu, Seberang Perai Utara yang melibatkan pembinaan sejumlah 800 unit rumah kos rendah.

(iii) menampung keperluan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah melalui perancangan untuk membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang diberi milik kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) melalui *Request For Proposal* (RFP).

(iv) merancang bagi membina 44 unit rumah mampu milik di atas sebahagian lot 680, Mukim 1, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Pulau Pinang. Kerja-kerja pembersihan tapak dan tambuntanah sedang dilaksanakan pada tahun ini oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang dan JKR Daerah SPS. Pembinaan rumah mampu milik tersebut dirancang akan dibangunkan pada tahun 2013.

(v) membuat perancangan untuk membangunkan rumah kos rendah di atas tanah Kerajaan Negeri Lot 1534, Mukim 11, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan seluas 15.1 ekar melalui *Request For Proposal* (RFP).

Sejak mengambil alih tampuk pemerintahan pada tahun 2008, Kerajaan Negeri berjiwa rakyat di bawah pimpinan Pakatan Rakyat telah meluluskan pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sebanyak 11,596 unit. Pembinaan rumah kos rendah (RM42,00.00) dan kos sederhana rendah (RM72,500.00) sekaligus menyangkal fitnah jahat pihak tidak bertanggungjawab yang mengatakan kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak pernah meluluskan atau mewajibkan atau sendiri membina rumah mampu milik kepada rakyatnya.

Di bawah Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri, Projek perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah seperti berikut yang dibangunkan adalah seperti berikut:

	Kos Rendah	**Kos Sederhana Rendah**	**Jumlah**
Kerajaan	1194	2227	3421
Swasta	2612	5563	8175
Jumlah	3806	7790	11596

Disamping itu, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tanah seluas 77 ekar di bawah Fasa 1 yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, MPPP dan MPSP untuk membina rumah mampu milik. Keluasan tanah kerajaan yang terlibat adalah 29 ekar di Seberang Perai Utara (SPU), 32 ekar di Seberang Perai Tengah (SPT), 10 ekar di Daerah Timur Laut (DTL) dan 6 ekar di Daerah Barat Daya (DBD).

(b) Berdasarkan syarat keluasan minimum seperti yang terdapat dalam dasar Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 di bawah DS32 L8 menyatakan bahawa harga rumah kos rendah ditetapkan di antara RM25,000 - RM42,000 bergantung kepada lokasi, jenisrumah kos rendah yang disediakan dengan keluasan minimum saiz ruang lantai/unit 650 kaki persegi. Bagi rumah kos sederhanarendah di Daerah Timur Laut, keluasan minimum saiz lantai adalah 570 kaki persegi - 650 kaki persegi. Untuk daerah-daerah lain pula, keluasan minimum saiz lantai antara 650 kaki persegi - 753 kaki persegi berdasarkan kepada DS32 L9 iaitu menyediakan perumahan kos sederhana rendah sebagai tambahan kepada penyediaan perumahan kos rendah yang berharga antaraRM40,000.00 hingga RM75,000.00.

Bagi rumah mampu milik yang dirancang dibina oleh PDC di Bandar Cassia, Kerajaan Negeri telah menetapkan harga dari RM72,500.00 hingga RM220,000.00 bagi unit yang berkeluasan dari 800 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Berapakah keuntungan PBAPP sejak tiga (3) tahun yang lalu?

(b) Berapakah jumlah surcaj yang telah dikutip?

(c) Dimanakah kegunaan kutipan itu disalurkan dan sila senaraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Keuntungan selepas cukai bagi tahun 2009 adalah RM14,817,000, bagi tahun 2010 adalah RM26,230,000 dan bagi tahun 2011 pula RM45,697,000.

(b) Jumlah surcaj yang dikutip untuk keseluruhan tahun 2011 adalah RM8,370,385.35 dan bagi suku pertama tahun 2012 adalah RM2,199,588,42.

(c) Kutipan itu digunakan untuk mempromosi aktiviti-aktiviti, kegiatan-kegiatan dan projek jimat air di Pulau Pinang secara keseluruhan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Berapakah jumlah keluasan tanah kerajaan yang masih ada sehingga kini?

(b) Berapakah jumlah lot tanah kerajaan yang telah diberi milik kepada individu dan syarikat swasta mengikut daerah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Tanah-tanah milik Kerajaan Negeri ada disetiap daerah tetapi tanah-tanah tersebut buat masa ini digunakan untuk pelbagai tujuan seperti tapak pejabat, tapak kuaters, simpanan jalan, simpanan parit, kawasan lapang, kawasan hutan simpan, kawasan tadahan air dan sebagainya. Terdapat juga beberapa lot kecil tanah kerajaan diperkampungan-perkampungan baru dan lot-lot terpencil di kampung-kampung tradisional dan kawasan pertanian. Keluasan keseluruhan lot-lot tanah tidak dapat dianggarkan dengan tepat memandangkan sebahagian daripada tapak-tapak berkenaan tidak mempunyai nombor lot dan tidak pernah diukur.

Jumlah keluasan tanah kerajaan yang masih ada sehingga kini mengikut daerah dianggarkan seperti berikut:-

DAERAH	**KELUASAN / LOT**
Daerah Timur Laut	1501.21 ekar
Daerah Barat Daya	5.844 ekar
Seberang Perai Utara	500 ekar
Seberang Perai Tengah	69.550 ekar
Seberang Perai Selatan	187.04 ekar

(b) Jumlah lot tanah kerajaan yang telah diberi milik kepada individu dan syarikat swasta mengikut daerah adalah seperti di bawah:-

Pemberimilikan Tanah Kerajaan Individu dan Syarikat Swasta Mengikut Daerah:-

Daerah	**Individu**	**Syarikat Swatsa**
Timur Laut	6	8
Barat Daya	21	10
Seberang Perai Utara	23	9
Seberang Perai Tengah	39	7
Seberang Perai Selatan	23	2
JUMLAH	**112**	**36**

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Masih terdapat tanah-tanah kerajaan sama ada di sempadan jalan ataupun di kawasan lapang yang dibangunkan secara haram.

(a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk mengambil tindakan terhadap penceroboh ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Memang diakui bahawa terdapat tanah-tanah kerajaan sebagai simpanan jalan dan/atau kawasan lapang telah diduduki secara tidak sah iaitu pendudukan tapak tanpa TOL. Biasanya pendudukan tersebut adalah oleh penggerai-penggerai kecil, penjaja dan papan iklan. Kerajaan memang menyedari bahawa pendudukan tersebut

adalah merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang tanah dan boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 425, Kanun Tanah Negara. Walau bagaimanapun, selaras dengan hasrat Kerajaan Berjiwa Rakyat, tindakan perobohan struktur-struktur haram tersebut dibuat secara berhati-hati memandangkan mereka yang terlibat terdiri dari penggerai atau penjaja yang berpendapatan rendah. Tindakan perobohan dibuat mengikut merit kes di mana sekiranya tapak diperlukan untuk tujuan pembangunan iaitu pelebaran jalan, maka tindakan perobohan perlu dijalankan. Tindakan perobohan juga perlu dilakukan sekiranya struktur-struktur yang ada di dapati mengganggu lalu lintas dan ketenteraman awam. Walau bagaimanapun, sebelum sesuatu tindakan perobohan diambil, pemilik-pemilik bangunan akan dimaklumkan terlebih dahulu melalui notis mengikut prosedur undang-undang Kanun Tanah Negara.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila nyatakan bilangan dan keluasan tanah lapang di taman-taman perumahan yang telah diluluskan untuk tujuan bangunan mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Terdapat dua (2) Permohonan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh MPPP dari tahun 2008 hingga Mac 2012 untuk pemajuan di atas zoning asal ‘kawasan lapang’ mengikut Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan [(Pelan No. MPPP/PN-020 (PL/P)(K1/96)] seperti Lampiran A.

   Manakala bagi kawasan MPSP, bilangan dan keluasan tanah lapang di taman perumahan yang diluluskan untuk bangunan adalah seperti berikut:-

BIL	KELUASAN	DAERAH	KAWASAN	KEGUNAAN	KELULUSAN
1	1.1798 hektar	SPT	Lot 6365, Mukim 1, Taman Chai Leng	Dewan	10.7.1997
2	63600 kp	SPT	Lot 2408, Mukim 11, Taman Sri Rambai	Dewan Rukun Tetangga	23.10.2001

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri Pulau Pinang membantah pembinaan kilang Lynas di Negeri Pahang. Bagaimana pula Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh meluluskan kilang yang mempunyai konsep sama di Batu Kawan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Pelaksanaan projek pembuatan Solar Panel di Batu Kawan bermula apabila Kerajaan Negeri melalui investPenang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menerima cadangan daripada pihak Bosch Solar Energy Malaysia Sdn. Bhd. untuk menubuhkan Kilang Integrated Solar di Kawasan Perindustrian Batu Kawan.

   Lanjutan itu, PDC telah mengenal pasti plot 304 dengan keluasan tanah 87.9 ekar untuk pembangunan projek tersebut. Pihak Bosch Solar Energy Malaysia Sdn. Bhd. telah mengemukakan permohonan Penilaian Asas Tapak untuk kelulusan pembangunan di plot tersebut pada 23 November 2011. Permohonan ini telah

dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan diluluskan pada 2 Disember 2011. Kelulusan diberikan dari segi kesesuaian tapak yang terletak di kawasan industri dan memenuhi syarat-syarat kawalan pencemaran dari aspek pencemaran air, udara dan bahan buangan terjadual berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Justeru itu, bagi mempermudahkan pelaksanaan projek tersebut, Kerajaan Negeri melalui investPenang telah menubuhkan Special Task Force yang dianggotai oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan. Bosch Solar Energy Malaysia Sdn. Bhd. kemudiannya telah mengemukakan permohonan untuk membeli tanah PDC di Kawasan Perindustrian Batu Kawan pada 13 Disember 2011 dan PDC telah menawarkan tanah seluas 87.9 ekar pada 20 Disember 2011.

Majlis menandatangani perjanjian jual beli tanah di antara Bosch Solar Energy Malaysia Sdn. Bhd. dan PDC telah dilaksanakan pada 29 Februari 2012. Semasa majlis tersebut, Bosch Solar Energy Malaysia Sdn. Bhd. mengumumkan mengenai pelaburan sebanyak RM2.2 billion untuk membangunkan projek ini. Walau bagaimanapun, projek ini telah ditangguhkan buat sementara waktu disebabkan oleh Bosch Solar Energy Malaysia Sdn. Bhd. sedang menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan untuk membangunkan teknologi baru yang lebih efisien dan menjimatkan tenaga bagi projek ini. Kelewatan ini memboleh teknologi terkini dan paling maju dikeluarkan di dunia dijalankan di Pulau Pinang.

Kesan sosial, ekonomi dan persekitaran hasil dari kewujudan projek ini adalah seperti berikut:

(i) Kesan sosial

Pelaksanaan projek ini diyakini dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan menjamin kualiti alam sekitar yang lebih mapan.

(ii) Kesan ekonomi

Pelaksanaan projek ini juga mempunyai potensi besar dalam memacu pembangunan Negeri serta berperanan sebagai alternatif dalam usaha meningkatkan ekonomi Negeri tanpa menjejaskan alam sekitar. Kewujudan projek ini dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan. Selain itu, pasaran untuk sektor teknologi solar amat besar. Contohnya, industri solar photovoltaic telah dikenal pasti sebagai sumber pertumbuhan ekonomi baru untuk Negara Malaysia. Mengikut unjuran Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, menjelang tahun 2020, industri solar photovoltaic dapat menyumbang sebanyak 4 peratus pendapatan daripada Keluaran Dalam Negara Kasar.

(iii) Kesan persekitaran

Pelaksanaan projek ini akan mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan berkualiti. Hal ini adalah kerana teknologi solar merupakan satu teknologi yang mesra alam bersih dan tidak mencemarkan alam sekitar. Kadar pencemaran yang berlaku adalah rendah berbanding dengan penggunaan sumber tenaga yang lain. Teknologi solar juga merupakan teknologi yang rendah karbon dioksida bagi mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida ke udara yang menyebabkan fenomena perubahan cuaca dunia seperti cuaca

panas melampau. Teknologi solar diyakini boleh mengatasi masalah kemusnahan alam sekitar dan sumber asli, meningkatkan tahap kesihatan dan kehidupan, memelihara ekosistem selain daripada dapat menjana tenaga dengan lebih efektif. Penggunaan tenaga solar juga boleh mengurangkan penggunaan tenaga elektrik konvensional dan dalam masa yang sama boleh menjimatkan kos.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah peruntukan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membaiki dan membina jalan baru? Sila senaraikan mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan RM27.2 juta untuk membaiki dan membina jalan baru.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Berapakah kelajuan Wifi yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

(b) Sila senaraikan kawasan yang masih belum menerima khidmat tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Berdasarkan perjanjian, pihak syarikat penyedia perkhidmatan akan menyediakan 50 Mbps kapasiti 'bandwidth back-haul' ke Internet bagi keseluruhan 750 hotspot yang telah disediakan di bawah Fasa 1 dan 800 hotspot (termasuk tambahan 50 hotspot percuma) di bawah Fasa 2 projek Penang Free WiFi. Sehingga 14 April 2012,penggunaan 'bandwidth' adalah sehingga 45 Mbps dan akan dipertingkatkan ke maksimum 50Mbps seperti dinyatakan didalam perjanjian. Ini bermakna sebaik pemasangan siap, Pulau Pinang akan menikmati 1550 *free wifi hotspots.*

(b) Kawasan yang masih belum dipasang dengan kemudahan *hotspot* ialah DUN Seri Delima dan DUN Bukit Tambun. Sehingga 14 April 2012, sejumlah 682 hotspot telah siap dipasang dan baki sebanyak 68 hotspot akan siap dipasang sebelum Mei 2012. Manakala tambahan 50 lagi hotspot percuma akan mula dipasang bermula dari Mei 2012.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Daerah Seberang Perai Selatan adalah pengeluar hasil ternakan ayam yang tertinggi di antara daerah-daerah di seluruh Malaysia. Apakah tindakan yang dapat diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengekalkan keadaan ini di samping tidak mencemarkan kebersihan alam sekitar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Daerah Seberang Perai Selatan adalah merupakan pengeluar hasil ternakan ayam yang tertinggi di seluruh Malaysia. Dalam usaha mengekalkan status ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengambil langkah-langkah berikut:

(a) Zon Industri Unggas

Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang telah mengklasifikasikan Daerah Seberang Perai Selatan sebagai zon pengeluaran industri unggas di mana perkhidmatan kesihatan veterinar memberi fokus kepada kawalan penyakit unggas.

(b) Zon Bebas Penyakit

Untuk meyakinkan pihak pelabur untuk melabur atau meningkatkan pelaburan dalam industri unggas, maka kawasan SPS perlulah diisytiharkan sebagai kawasan bebas penyakit unggas. Ini dapat dilakukan dengan program kawalan penyakit yang sistematik dan berkesan iaitu penggunaan vaksin dan ubat-ubatan yang diluluskan.

(c) Kawalan Penyakit

JPV melakukan pemantauan berjadual bagi mengesan penyakit-penyakit unggas yang berkepentingan ekonomi dan zoonotik seperti HPAI, Avian Influenza, Newcastle Disease, Marek's dan Salmonellosis. Makmal Veterinar Bukit Tengah sentiasa berada dalam keadaan siapsiaga untuk menjalankan ujian penyakit apabila diperlukan. Dalam masa yang sama, pemindahan ternakan unggas dari kawasan lain ke daerah SPS adalah dipantau.

(d) Pendaftaran Premis

(i) Untuk memastikan keadaan bebas penyakit itu berkesan, pihak JPV telah mendaftar premis-premis yang terlibat dalam industri unggas;

(ii) Semua data berkenaan industri unggas di muat masuk dalam sistem geoportal JPV. Sistem geoportal ini memudahkan pemantauan dan pembangunan industri unggas di kawasan tersebut; dan

(iii) Pembangunan ladang dan pengeluaran dari hasilan unggas dapat dipantau.

(e) Penggalakkan Penternakan Secara Intensif (Sistem Tertutup)

Pengusaha-pengusaha ternakan unggas adalah digalakkan menternak secara intensif untuk memudahkan kawalan penyakit dan mengelakkan pencemaran bau dan lalat selaras dengan Dasar Agro Makanan 2010-2020. Penternakan ayam secara sistem tradisi (Reban Terbuka) perlu diubah kepada sistem moden, canggih dan mesra alam (Reban Tertutup). Pendidikan diberi kepada penternak melalui sesi seminar, pameran dan lawatan ke ladang-ladang contoh yang berjaya sepanjang tahun.

(f) GAHP dan Biosekuriti

Bagi meningkatkan produktiviti ladang, pengusaha-pengusaha ternakan unggas dinasihatkan mengamal Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP) dan meningkatkan kawalan biosekuriti bagi mengelakkan kejadian penyebaran penyakit. Pengusaha ternakan juga digalakkan melabur dalam teknologi penternakan moden.

(g) Kawalan Pencemaran Secara Teknologi Hijau

Antara perkara utama yang dititikberatkan oleh pihak JPV adalah kawalan pencemaran daripada hasil buangan industri unggas seperti pencemaran bau dan kacau ganggu lalat. Ini adalah amat penting kerana keadaan pencemaran yang tidak dapat dikawal akan memberi imej kurang baik kepada industri unggas dan zon penternakan unggas tersebut. Pihak JPV membuat pemantauan berjadual di atas keberkesanan langkah-langkah kawalan pencemaran yang dijalankan oleh pihak penternak. Pihak jabatan juga dari semasa ke semasa membuat siasatan yang diterima daripada aduan orang awam berkenaan pencemaran yang berlaku dan berusaha untuk menyelesaikannya bersama pemilik ladang.

(h) Perkhidmatan Persijilan Akreditasi SALT dan VHM

Untuk memenuhi permintaan dalam Negeri dan pasaran luar negara perkhidmatan persijilan akreditasi SALT dan VHM ditawarkan kepada pengusaha ternakan. Ini adalah penting untuk memastikan hasil produk ternakan unggas mencapai standard yang ditetapkan dari segi kawalan mutu dan piawaian antarabangsa.

(i) Khidmat Nasihat dan Perundingan Industri.

Pihak JPV Pulau Pinang dari semasa ke semasa akan terus memberikan khidmat nasihat dan perundingan industri kepada pengusaha yang memerlukannya.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kenapakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih tidak dapat mengawal masalah lalat? Adakah kajian khusus telah dibuat bagi mengatasi masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Secara umumnya masalah lalat telah diperbaiki dalam empat (4) tahun ini dengan pengurangan tetapi masih boleh dipertingkatkan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih lagi berusaha dengan sepenuhnya untuk mengatasi masalah lalat dan telah mengenal pasti punca masalah ini ialah:-

(1) Lokasi Ladang

Kebanyakan lokasi penternakan unggas beroperasi lebih awal berbanding kawasan penempatan yang dibina kemudian. Pihak pengusaha ladang sukar untuk memindahkan bidang usaha mereka ke tempat lain kerana tiada tapak baru.

(2) Sistem Penternakan

(i) Terdapat pengusaha penternakan ayam secara konvensional (secara terbuka) yang mengalami kesukaran untuk mengawal sepenuhnya pembersihan najis ayam kerana kandang yang rendah dan lembab; dan

(ii) Sistem perparitan yang tidak diurus dengan baik.

(3) Pengurusan Ladang

Kebanyakan pengusaha tidak membuang najis ternakan sehingga ternakan dijual. Ini menyebabkan pengumpulan najis ternakan yang menggalakkan pembiakan lalat dan masalah bau. Pihak ladang juga tidak konsisten dalam pengawalan lalat.

(4) Penerimaan ke atas Teknologi Kawalan Pencemaran

Kebanyakan pemilik perusahaan ternakan terdiri daripada golongan yang berusia dan lebih selesa mengusahakan ternakan secara konvensional yang diamalkan sekian lama manakala pekerja yang diupah ramai yang terdiri daripada pekerja asing yang kurang kesedaran dalam menangani isu gangguan lalat dan pencemaran bau.

(5) Denda Terlampau Rendah

Pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang tidak berkesan kerana denda yang dikenakan mengikut kuasa Pihak Berkuasa Tempatan adalah terlampau rendah dan kurang memberi impak kepada pengusaha dalam mengawal pencemaran. Usaha telah dijalankan untuk meminta pihak berkenaan menambah denda.

(6) Penguatkuasaan Undang-undang

Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bertindak bagi mengenal pasti punca dan sebab pencemaran lalat tetapi tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan dari segi kawalan penternakan. Pihak JPV hanya mengawal pergerakan dan pemindahan ternakan. Kuasa untuk penguatkuasaan kerana kesalahan melakukan pencemaran terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

(7) Bidang Usaha Pertanian Yang Lain

Terdapat ladang pertanian sayuran yang menggunakan najis ternakan sebagai baja tanaman yang dikatakan juga menjadi sumber pencemaran lalat di kawasan berhampiran. Kawasan pertanian adalah di luar bidang skop kawalan JPV.

(b) Kajian Khusus Masalah Lalat

Pihak JPV Pulau Pinang bersama Universiti Sains Malaysia telah menjalankan kajian Kawalan Bersepadu Lalat dan Bau di ladang ternakan ayam bermula September 2011 hingga Februari 2012. Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa masalah gangguan lalat berjaya diatasi berdasarkan pengurangan densiti lalat dalam sesuatu ruang yang diukur ke atas tapak-tapak sampel (yang dikenal pasti pengurangan yang dicatatkan adalah bergantung kepada komitmen pengusaha ladang sendiri dalam mengatasi masalah gangguan lalat.

Program kawalan pencemaran lalat dan bau yang dijalankan didapati berkesan dalam mengawal pengeluaran bau dan lalat dari najis ternakan ayam tetapi sambutan pengusaha untuk melaksanakan sistem ini agak lambat dan tidak konsisten.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Bolehkah Dewan ini diberitahu tentang prestasi perbelanjaan Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan berkaitan pelaksanaan projek-projek pembangunan masyarakat?

(b) Dari perbelanjaan tersebut berapakah bilangan projek yang telah diluluskan dan sila senaraikan projek-projek tersebut.

(c) Berapakah bilangan projek yang masih tidak dilaksanakan samada ditangguh atau dibatalkan dan sila senaraikan projek-projek tersebut mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan masyarakat ialah di bawah peruntukan pembangunan Jabatan Kewangan Negeri dan bukan di bawah Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat SUK. Pada tahun 2011, sejumlah RM6.68 juta diluluskan untuk pembiayaan projek pembangunan masyarakat, di mana sejumlah RM6.26 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 445 projek.

(a) Projek pembangunan masyarakat adalah projek-projek kecil seperti projek pembinaan titi, pembinaan longkang, kerja-kerja pembaikan kepada dewan dan sebagainya dan semua projek terlibat telah dapat disiapkan dalam tahun kewangan 2011.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13 (a) Berapakah perbelanjaan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk perbelanjaan awal persekolahan?

(b) Sehingga kini berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan dan berapakah jumlah murid yang mendapat bantuan tersebut? Sila beri jawapan mengikut sekolah dan daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Kerajaan Negeri memperuntukkan RM10 juta untuk tujuan pemberian Program Pelajar Emas, iaitu pemberian RM100.00 setahun kepada pelajar sekolah Darjah 1 & 4 dan Tingkatan 1 & 4, untuk membantu meringankan beban ibu bapa dalam menanggung perbelanjaan pembelian pakaian dan peralatan sekolah.

(b) Pendaftaran bagi Program Pelajar Emas adalah melalui pihak sekolah dan kini masih lagi dalam perbincangan dengan Pengarah Kementerian Pelajaran untuk mendapat kebenaran memperolehi nama pelajar-pelajar sekolah yang berkaitan. Setakat ini belum ada perbelanjaan yang dilakukan daripada peruntukan Program Pelajar Emas.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Berapa banyakkah tanah kerajaan yang telah didaftar di bawah SSI?

(b) Dari jumlah tersebut berapakah tanah yang digunakan untuk surau, masjid dan tanah ibadat lain?

(c) Sila senaraikan jumlah surau, masjid dan rumah ibadat lain yang terlibat secara terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Jawapan seperti mana di Lampiran.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah status pemilikan tanah PPRT di Sungai Chenaam? Nyatakan sama ada pemberian dibuat secara Lesen Pendudukan Sementara (TOL) atau Pemberian Milik Tanah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Projek Perumahan Peserta PPRT di Perkampungan Sungai Chenaam telah dibina atas tanah kerajaan pada tahun 1995. Jumlah unit rumah yang dibina ialah 102 unit. Seramai 16 orang peserta telah mengemukakan permohonan Lesen Pendudukan Sementara pada penghujung tahun 2011 dan sedang diproses oleh Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan (PDTSPS). Seramai 86 orang telah mengemukakan borang permohonan bagi tujuan pemberian milikan dan sedang diproses oleh PDTSPS.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Bilakah jambatan Tanjung Berembang akan dinaiktaraf dan adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan melaksanakannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk menaiktaraf Jambatan Tanjung Berembang kerana ianya memberi impak yang besar ke atas pembangunan di Kampung Telok Ipil dan Pekan Tanjung Berembang. Bagi tujuan tersebut, pihak Jabatan Kerja Raya telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) di bawah Projek Jalan Luar Bandar yang berjumlah RM14,565,000.00. Projek ini diberikan keutamaan oleh Kerajaan Negeri. Setakat ini, kelulusan bagi projek-projek di bawah Rolling Plan Ketiga RMKe-10 masih belum diketahui.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Berapa banyakkah kuarters kakitangan kerajaan yang terbiar di Negeri Pulau Pinang dan apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membangunkannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri mempunyai 1345 buah kuarters di Negeri Pulau Pinang. Setakat ini, tiada kuarters yang terbiar. Sebagai makluman, pecahan kuarters mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah Timur Laut	856 buah
Daerah Barat Daya	90 buah
Daerah Seberang Perai Utara	165 buah
Daerah Seberang Perai Tengah	163 buah
Daerah Seberang Perai Selatan	71 buah
Jumlah	**1345 buah**

SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG YANG DILULUSKAN OLEH MAJLIS DARI TAHUN 2008-2012 (SEMAKAN MAC 2012) DI DALAM ZONING ASAL 'KAWASAN LAPANG' MENGIKUT PELAN DASAR PERANCANGAN DAN KAWALAN PEMAJUAN MAJLIS

DAERAH TIMUR LAUT

BIL	NO. PM	CADANGAN PEMAJUAN	LOT	SEKSYEN / MUKIM	BANDAR / DAERAH	LOKASI	PEMOHON	TARIKH KELULUSAN	KM	KELUASAN (mp)
1	JPB/PM/4496(LB)	MENDIRIKAN PEMBANGUNAN TERDIRI: a) RUMAH TERES 3 TINGKAT (15 UNIT); b) 1 BLOK RUMAH PANGSAPURI 21 TINGKAT (69 UNIT) YANG MENGANDUNGI: i) 16 TINGKAT APARTMENT; ii) 1 TINGKAT KEMUDAHAN REKREASI; iii) 4 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA; c) 1 BLOK KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DAN 1 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA BAWAH TANAH.	202	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Sungai Dua	PULAU BINTANG DEV. SDN. BHD.	01/11/2008	JPB/KM/3765/A	11401.15
2	MPPP/OSC/PM(255)/08(LB)	MENDIRIKAN PEMAJUAN PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI: a) RUMAH TERES 3 TINGKAT (10 UNIT); b) RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT (16 UNIT); c) RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT (2 UNIT).	10132	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Lebuh Relau	OASIS COURTYARD SDN. BHD.	10/13/2008	JPB/KM/3887/A	13407.38
							JUMLAH KELUASAN			***24808.53***

SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG YANG DILULUSKAN OLEH MAJLIS DARI TAHUN 2008-2012 (SEMAKAN MAC 2012) DI DALAM ZONING ASAL 'KAWASAN LAPANG' MENGIKUT PELAN DASAR PERANCANGAN DAN KAWALAN PEMAJUAN MAJLIS

DAERAH BARAT DAYA

BIL	NO. PM	CADANGAN PEMAJUAN	LOT	SEKSYEN / MUKIM	BANDAR / DAERAH	LOKASI	PEMOHON	TARIKH KELULUSAN	KELUASAN (mp)
~ TIADA PERMOHONAN ~									
							JUMLAH KELUASAN		~

SENARAI INVENTORI TANAH PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN PULAU PINANG (SSI)

DAERAH TIMUR LAUT

BIL	NAMA RANCANGAN / PROJEK	PEMAJU	MUKIM	NO. LOT
1	Rancangan Perumahan Jalan Makloom	Kerajaan Negeri	Sek. 9 W	PT 244 & 245
2	Pembangunan Perumahan Gat Lebuh Nordin	PLB-Wonder Bay Development S/B	Seks. 11 E	Lot 341, 343, 345, 348, 349, 351, 356, 357 & 358
3	Rancangan Perumahan Taman Seri Damai	IJM S/B	Seks. 3	Lot 72 & 74
4	Rancangan Perumahan Taman Terubong Jaya	Binanusa S/B	Mk.13	Lot 2491, 2493, 2495 & 3228
5	Pembangunan Perumahan Desa Permai Indah	Hamna S/B	Mk.13	Lot 636, 638, 198 & sebahagian lot 2168
6	Pembangunan Perumahan Hilir Sungai Pinang	Pembangunan Kasporat S/B	Seks. 9E	Lot 8, 22, 24 & 25
7	Rancangan Perumahan Kampung Melayu A	Kerajaan Negeri	Mk.13	Lot 3233
8	Rancangan Perumahan Kampung Melayu B	Kerajaan Negeri	Mk.13	Lot 9013
9	Rancangan Perumahan Padang Tembak	Kerajaan Negeri	Seks. 2	Lot 1275 - 1283
10	Rancangan Perumahan Pdg. Tembak	Kerajaan Negeri	Mk.13	Lot 8816
11	Rancangan Perumahan Taman Tun Saadon (Fasa III)	Kerajaan Negeri	Gelugor	PT 52
12	Rancangan Perumahan Taman Tun Saadon (Fasa I)	Kerajaan Negeri	Gelugor	PT 28 - 30
13	Rancangan Perumahan Taman Tun Saadon (Fasa II)	Kerajaan Negeri	Gelugor	PT 31 - 48
14	Taman Tun Sardon (Peralihan)	Kerajaan Negeri	Gelugor	Sebahagian Lot 482
15	Rancangan Perumahan Batu Lanchang	Kerajaan Negeri	Seks. 2	Lot 2772
16	Pembangunan Perumahan Kg. Pisang Awak (Fasa I)	JKP S/B	Sek. 4	Lot 898
17	Pembangunan Perumahan Kg. Pisang Awak (Fasa II)	JKP S/B	Seks. 4	Lot PT. 62
18	Rancangan Perumahan Taman Free School	Kerajaan Negeri	Seks. 6	Lot 3404
19	Rancangan Perumahan Paya Terubong	Kerajaan Negeri	Mk. 13	Lot 9029
20	Rancangan Perumahan Jalan Kedah	Kerajaan Negeri	Mk. 16	*
21	Banglo Kerajaan Di Bukit Bendera	The Penang Hill Hotels &	Bkt. Bendera	
	¤ Banglo Strawberry Hill	& Restaurants S/B		Plot A bersebelahan Lot 250
	¤ Banglo Convalescent			Plot A, bersebelahan Lot 111
	¤ Banglo Fernhill			Plot A, bersebelahan Lot 111
	¤ Banglo Woodside			Plot A, bersebelahan Lot 231
	¤ Banglo Hillside			Plot A, bersebelahan Lot 231
22	Pembangunan Perumahan Kota Giam/Tokong Batu	JKP S/B	Seks. 1, Jelutong	Plot A bersebelahan Lot 806, 807, 828 & 827 Plot B bersebelahan Lot 433, 810, 420 & 4787
23	Pembangunan Perumahan Tsunami Tanjung Bungah	Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	Tanjung Bungah	Lot 4626
24	Pembinn 1 Blok Bangunan Tempat Letak Kereta Dan Perhentian bas Pelancongan 4 Tingkat Serta Paras Bumbung Terbuka Tempat Letak Kereta	Pintar Daya Consultancy Sdn. Bhd.	Jln. Bukit Bendera, Mk. 16, Bandar Ayer Itam	Lot 201 & 218 (Lot 219 II)

DAERAH BARAT DAYA

BIL	NAMA RANCANGAN / PROJEK	PEMAJU	MUKIM	NO. LOT
1	Pembangunan Perumahan Teluk Bahang Indah	Duniaga Sdn.Bhd.	Mk. 1	Lot 552, 551, 11, 445, 16 & 7
2	Rancangan Perumahan Teluk Bahang	Kerajaan Negeri	Mk. 1	Lot 687
3	Rancangan Perumahan Permatang Damar Laut I	Kerajaan Negeri	Mk. 12	Lot 8789
4	Rancangan Perumahan Permatang Damar Laut II	Kerajaan Negeri	Mk. 12	Lot 12127 - 12130
5	Rancangan Perumahan Kampung Nelayan	Kerajaan Negeri	Mk. 1	Lot 112 (2)
6	Rancangan Perumahan Kilat Genting	Kerajaan Negeri	Mk. F	Lot 358
7	Rancangan Perumahan Kilat Bayan Lepas	Kerajaan Negeri	Mk. 12	1326
8	Rancangan Perumahan Teluk Kumbar	Kerajaan Negeri	Mk. 9	Sebahagian Lot 7 & Lot 30
9	Rancangan Perumahan Medan Nelayan, Teluk Bahang	Kerajaan Negeri	Mk. 1	Lot 740, 748, 754, 755, 757 & 773
10	Rancangan Perumahan Gertak Sanggol	Kerajaan Negeri	Mk. 12	Lot 1420
11	Rancangan Perumahan Taman Simpang Jaya	Kerajaan Negeri	Mk. 12	Lot 1103
12	Muzium Perang, Batu Maung	Penang War Museum S/B	Mk. 12	Lot 1350

DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

BIL	NAMA RANCANGAN / PROJEK	PEMAJU	MUKIM	NO. LOT
1	Rancangan Perumahan Tun Dr. Awang	Kerajaan Negeri	Mk. 9	Lot 3228 - 3231
2	Pembangunan Perumahan Taman Merbau Jaya	JKP S/B	Mk. 11	Lot 1126, 1288, 1290, 1592, 3040, 3141, 2975 -
				2977, 5171 - 5173
3	Pembangunan Perumahan Taman Mesra Seri Serdang	Pembangunan Mesra S/B	Mk. 6	Lot 2787 - 2794
4	Rancangan Perumahan Mak Mandin Lama	Kerajaan Negeri	Seks. 3	Lot 170
5	Rancangan Perumahan Mak Mandin 1	Kerajaan Negeri	Seks. 3	Lot 540 - 544
6	Rancangan Perumahan Mak Mandin Hijau	Kerajaan Negeri	Seks. 3	PT 171
7	Rancangan Perumahan Kampung Selamat	Kerajaan Negeri	Mk. 2	Lot 3017
8	Rancangan Perumahan Taman Sena Indah	Kerajaan Negeri	Mk. 12	Lot 5119, 5679 - 5683
9	Pembangunan Perumahan Taman Desa Murni	Callosal Development S/B	Mk. 11	Lot 5018 - 5023 & 3208
	Pembangunan Perumahan Ampang Jajar	Silver Channel S/B	Seks. 3	Lot 6103 – 6105
10	Pembangunan Perumahan Rumah Hijau	Silver Channel S/B	Seks. 3	Lot PT. 212
	Pembangunan Perumahan Ampang Jajar	Tiada	Seks. 3	Lot PT. 214 & PT. 215
11	Pembangunan Perumahan Unjung Batu	Tiada	Seks. 4	Tanah Kerajaan di Ujung Batu
12	Rancangan Perumahan Kuala Muda	Kerajaan Negeri	Mk. 1	Berhadapan Lot 1066
13	Rancangan Perumahan Padang Chempedak	Kerajaan Negeri	Mk. 13	Lot 1550 & 1551
14	Rancangan Perumahan Jalan Mohd Saad	Kerajaan Negeri	Seks. 2	Lot 2893 - 2924
15	Pembangunan Kuarters Kerajaan untuk Pegawai-pegawai PDT SPU	Rayston Konsortium (B) Sdn. Bhd.	Mk. 6	Lot 4424-4426 & Lot 5562-5566
16	Pembangunan Perumahan Mesra Rakyat, Kuala Muda	Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	Mk. 1, Kuala Muda	Lot 793, 794, 795, 877, 881, 884, 1065, 1067, 1129, 1705, 1706, 2440 & 2441
17	Rancangan Perumahan Kampung Besar	Kerajaan Negeri	Mk. 12	PT 690

DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

BIL	NAMA RANCANGAN / PROJEK	PEMAJU	MUKIM	NO. LOT
1	Pembangunan Perumahan Taman Seri Jaya	Hamna S/B	Mk. 1	Lot 340
2	Pembangunan Perumahan Taman Pinang	Hamna S/B	Mk. 13	Lot 904
3	Pembangunan Perumahan Taman Seri Permatang Tinggi	Hamna S/B	Mk. 14	Lot 3671, 3696 - 3748
4	Pembangunan Perumahan Taman Seri Penanti	Hamna S/B	Mk. 3	Lot 955
5	Rancangan Perumahan Taman Mutiara Indah Berapit III	Kerajaan Negeri	Mk. 17	Lot 2295 & 2296
6	Rancangan Perumahan Seberang Jaya	Kerajaan Negeri	Mk. 1	Lot 5383
7	Rancangan Perumahan Simpang Tiga Berapit	Kerajaan Negeri	Seks. 1	Lot 161 - 213
8	Tanah Lapang		Mk. 12	Lot 718
9	Tanah Lapang		Mk. 12	Lot 719
10	Tanah Lapang		Mk. 12	Lot 720
11	Tanah Lapang		Mk. 17	Lot 2294
12	Tanah Lapang		Mk. 17	Lot 2293
13	Tanah Lapang		Mk. 17	Lot 2291
14	Taman Herba	Tiada	Mk. 19, Jln. Penanti	Lot 498 & Lot 311
15	Tanah Lapang		Mk. 13	Lot 1639
16	Rancangan Perumahan Desa Wawasan	Kerajaan Negeri	Mk. 10	Lot 1982 & 1983

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

BIL	NAMA RANCANGAN / PROJEK	PEMAJU	MUKIM	NO. LOT
1	Pembangunan Perumahan Desa Jawi	Duniaga S/B	Mk. 11	Lot 3171 - 3387
2	Pembangunan Perumahan Taman Enggang Indah	Harijaya Mewah Kota S/B	Mk. 15	Lot 3219
3	Pembangunan Perumahan Taman Helang Jaya	Harijaya Mewah Kota S/B	Mk. 7	Lot 648
3	Rancangan Perumahan Kampung Valdor	Kerajaan Negeri	Mk. 15	Lot 332
4	Rancangan Perumahan Pintas Pipit	Kerajaan Negeri	Mk. 7	Lot 2527-2694

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Sila nyatakan jumlah keluarga di seluruh Negeri Pulau Pinang yang telah menerima bantuan Program Kemiskinan Tegar dan masih ada berapa peratus keluarga miskin tegar pada masa ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Jumlah keluarga yang dikenalpasti menerima bantuan bulanan Program Kemiskinan Tegar adalah seramai 744 keluarga. Berdasarkan tarafan miskin tegar Kerajaan Negeri iaitu mengikut PGK RM500 sekeluarga dan dibandingkan dengan PGK RM430 sekeluarga oleh Kerajaan Persekutuan dapat dirumuskan bahawa Pulau Pinang sifar miskin tegar.

(XVIII) Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah peruntukan tahunan yang disediakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada persatuan sukan? Sila jelaskan:

   (a) Bilangan persatuan dan jumlahnya?

   (b) Apakah kriteria untuk dapat bantuan?

   (c) Bilangan yang ditolak dan kenapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Peruntukan tahunan Kerajaan Negeri kepada persatuan sukan adalah berbeza mengikut tahun. Bilangan persatuan dan pecahan peruntukan Kerajaan Negeri kepada persatuan sukan.

   (b) Kriteria untuk mendapatkan bantuan adalah seperti berikut:-

      (i) Persatuan sukan Negeri berkenaan mestilah telah berdaftar dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP);

      (ii) Persatuan sukan telah berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Negara Malaysia; dan

      (iii) Setiap permohonan perlulah dikemukakan kepada MSNPP sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum menyertai kejohanan.

   (c) Baru-baru ini sebanyak RM31,500.00 telah diberikan kepada 26 kelab bola sepak di bawah naungan FAP. Kerajaan Negeri telah bersetuju memperuntukkan sebanyak RM1,500.00 kepada 11 kelab bola sepak Divisyen 1 serta RM1,000.00 bagi 15 kelab bola sepak di Divisyen 2 dan Divisyen 3.

Tahun	Bilangan Persatuan	Jumlah (RM)
2010	32	1,180,440.05
2011	31	364,534.40

Jadual 1 : Pecahan Peruntukan Kepada Persatuan Sukan Negeri

Tahun	Bilangan Permohonan Ditolak	Sebab Permohonan Ditolak
2010	1	Permohonan tersebut ditolak atas faktor permohonan yang dikemukakan kepada pihak majlis telah lewat iaitu selepas kejohanan tersebut berlangsung.
2011	4	Persatuan Sukan Negeri gagal mengemukakan laporan pelarasan terhadap peruntukan yang pernah diterima.

Jadual 2 : Jumlah Permohonan yang Ditolak dan Sebab Penolakan

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Peruntukan untuk pelajar yang cemerlang dalam bidang sukan. Sila jelaskan:

   (a) Adakah disediakan dana atau wang saku untuk mereka menyertai pertandingan di luar Negeri Pulau Pinang?

   (b) Jika tiada, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang menyediakan dana kerana mereka berjaya melonjakkan nama Negeri?

   (c) Nyatakan bilangan pelajar yang cemerlang dan acara sukan yang disertai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri sentiasa mencari bakat-bakat baru dalam bidang sukan termasuklah prestasi pelajar yang menunjukkan potensi atau cemerlang dalam bidang sukan. Melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, pelajar tersebut akan diserap ke dalam program Pembangunan Atlet Skuad Latihan Sukan Malaysia atau program Pembangunan Skim Atlet Elit Negeri. Selain diberi bimbingan dan latihan, pelajar ini juga diberikan elaun sebagai satu galakan dan dorongan kepada mereka untuk lebih meningkat maju dalam bidang sukan. Setiap atlet ini akan diberikan elaun seperti berikut:

   (i) Setiap atlet yang berada di bawah program Pembangunan Atlet Skuad Latihan Sukan Malaysia akan diberi elaun sebanyak RM50.00 sebulan.

(ii) Bagi setiap atlet yang berada di bawah program Pembangunan Skim Atlet Elit Negeri pula akan dibayar elaun bulanan sebanyak RM500.00 bagi Kategori A (atlet yang telah menyumbang pingat emas dalam Sukan Malaysia yang lalu) dan RM300.00 bagi Kategori B (atlet yang telah menyumbang pingat perak atau gangsa dalam Sukan Malaysia yang lalu).

(iii) Atlet-atlet yang telah terpilih untuk menyertai pertandingan atau kejohanan di luar Pulau Pinang pula akan dibayar elaun makan sebanyak RM35.00 sehari.

Peruntukan kepada atlet Negeri untuk menyertai pertandingan di luar Negeri Pulau Pinang ini disediakan melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

Berdasarkan pemilihan atlet sehingga 16 April 2012 untuk ke Sukan Malaysia XV Pahang 2012, daripada 392 orang atlet, seramai 235 orang merupakan atlet pelajar cemerlang yang akan mewakili Negeri Pulau Pinang dalam pelbagai disiplin sukan yang dipertandingkan.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP). Sila jelaskan:

(a) Jika tidak, kenapa?

(b) Jika ya, berapa yang disalurkan sejak tahun 2008?

(c) Kenapa kurang penglibatan pemimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam FAP dan aktivitinya.

(d) Adakah ia dianggap tidak penting untuk naikkan imej Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri sentiasa ingin memastikan mutu sukan Negeri Pulau Pinang berada pada tahap yang membanggakan dengan menyalurkan peruntukan kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang. Bagi tujuan ini Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang menerusi sumbangan Perbadanan Bekalan Air dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seperti di bawah yang berikut:-

Wakil Kerajaan Negeri dalam Jawatankuasa Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang adalah Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memegang jawatan Lantikan Presiden bermula tahun 2010.

Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang. Melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), peruntukan kepada persatuan yang berdaftar di bawah MSNPP sentiasa diberi bantuan sewajarnya untuk memastikan aspek peningkatan prestasi atlet atau pemain-pemain berteraskan konsep Sains Sukan sentiasa ditambah baik.

Untuk tujuan itu, fokus terhadap aspek pembentukan pasukan melalui pendedahan pertandingan yang turut sama membariskan pemain-pemain daripada skuad pelapis dalam menyarung jersi skuad utama sebagai satu pendedahan dan persediaan agar Pulau Pinang tidak akan ketandusan pemain muda yang berpengalaman dan berkemampuan di masa hadapan. Kerajaan Negeri turut membantu Persatuan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang dengan memberi kemudahan seperti berikut:

(i) Membenarkan Persatuan Pasukan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang menggunakan kemudahan gimnasium dan kepakaran jurulatih kecergasan MSNPP;

(ii) MSNPP secara langsung memberi kemudahan dan kepakaran yang ada kepada pasukan pelapis Persatuan Pasukan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang dari semasa ke semasa; dan

(iii) Meningkatkan mutu jurulatih yang sedia ada dengan memperkenalkan kaedah Sains Sukan dengan merangka sistem latihan mengikut Pelan Periodisasi yang lazimnya digunakan oleh sukan berprestasi tinggi.

PERUNTUKAN KEPADA PERSATUAN BOLA SEPAK Negeri PULAU PINANG

BIL.	TAHUN	DARIPADA		JUMLAH (RM)
		Perbadanan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang Sdn. Bhd. (RM)	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (RM)	
1.	2008	300,000.00	250,000.00	550,000.00
2.	2009	250,000.00	250,000.00	500,000.00
3.	2010	250,000.00	50,000.00	300,000.00
4.	2011	-	-	-
5.	2012	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd telah mempunyai pasukan bola sepak sendiri di dalam Liga FAM 2012.	-	-

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Berapa ramai ibu tunggal yang menerima bantuan RM100 setahun dari Kerajaan Negeri? Sila jelaskan:

(a) Nyatakan pecahan mengikut kaum dan daerah.

(b) Berapakah peruntukan yang disediakan?

(c) Apakah bantuan lain yang disediakan kepada ibu tunggal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Seramai 6,740 ibu tunggal menerima bantuan RM100 oleh Kerajaan Negeri sehingga 30 Mac 2012 dan anak/warisnya layak menerima RM1,000.00 sekiranya meninggal dunia. Program ini hanya untuk ibu tunggal bawah umur 60 tahun kerana mereka akan tergolong dalam Program Penghargaan Warga Emas sebaik sahaja melebihi umur 60 tahun.

(a) Pecahan penerima bantuan ibu tunggal mengikut daerah dan kaum adalah seperti berikut:.

(i) Mengikut daerah:

DAERAH	JUMLAH IBU TUNGGAL
Daerah Timur Laut	2283
Daerah Barat Daya	801
Seberang Perai Utara	1571
Seberang Perai Tengah	1331
Seberang Perai Selatan	754
JUMLAH :	6740

(ii) Mengikut daerah:

KAUM	JUMLAH
Melayu	2958
Cina	2751
India	998
Lain-lain	33
Jumlah	6,740 orang

(b) Bermula tahun 2011 sehingga Mac 2012, peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk bantuan ibu tunggal adalah sebanyak RM1,136,800.00.

(c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai program khas untuk membantu ibu tunggal tetapi bantuan kewangan disalurkan secara bulanan kepada ibu tunggal yang berkelayakan iaitu mereka yang berpendapatan di bawah RM400.00 sebulan. Bantuan am secara bulanan akan diberikan kepada ibu tunggal yang layak (miskin) pada kadar maksimum RM200.00 setiap bulan. Pemberian bantuan dilihat sebagai usaha untuk meringankan beban yang ditanggung untuk kelangsungan kehidupan seharian. Namun begitu ibu tunggal turut diberi peluang untuk menjana ekonomi dan tindakan diambil untuk merujuk kes-kes mereka kepada agensi-agensi berkaitan yang boleh memberi bantuan modal untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan dan akan dipantau oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah.

Golongan ibu tunggal telah menerima manfaat melalui bantuan kewangan secara bulanan khususnya mereka yang mempunyai tanggungan/anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun. Sehingga kini Kerajaan Negeri masih meneruskan dasar yang sedia ada dalam membantu golongan sasar termasuk ibu tunggal.

(a) Pecahan mengikut kaum adalah tidak disediakan memandangkan bantuan Kerajaan Negeri berdasarkan tiada perbezaan kaum, agama dan fahaman politik.

(b) Bermula tahun 2011 sehingga Mac 2012, peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk bantuan ibu tunggal adalah sebanyak RM1,136,800.00.

(c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai program khas untuk membantu ibu tunggal tetapi bantuan kewangan disalurkan secara bulanan kepada ibu tunggal yang berkelayakan iaitu mereka yang berpendapatan di bawah RM400.00 sebulan. Bantuan am secara bulanan akan diberikan kepada ibu tunggal yang layak (miskin) pada kadar maksimum RM200.00 setiap bulan. Pemberian bantuan dilihat sebagai usaha untuk meringankan beban yang ditanggung untuk kelangsungan kehidupan seharian.

Namun begitu ibu tunggal turut diberi peluang untuk menjana ekonomi dan tindakan diambil untuk merujuk kes-kes mereka kepada agensi-agensi berkaitan yang boleh memberi bantuan modal untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan dan akan dipantau oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah. Golongan ibu tunggal telah menerima manfaat melalui bantuan kewangan secara bulanan khususnya mereka yang mempunyai tanggungan/anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun. Sehingga kini Kerajaan Negeri masih meneruskan dasar yang sedia ada dalam membantu golongan sasar termasuk ibu tunggal.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Nyatakan peruntukan yang disediakan untuk remaja dan belia sejak tahun 2008.

(b) Nyatakan program yang diadakan untuk golongan ini.

(c) Apakah hasil yang diperolehi dari program ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Peruntukan yang disediakan untuk remaja dan belia di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 adalah seperti di bawah:-

(b) Program yang telah dijalankan adalah seperti Jadual B dan B1.

(c) Hasil yang diperolehi melalui program-program yang telah dijalankan, selain memberi peluang dan ruang kepada para belia dalam bidang sukan, belia-belia di Negeri Pulau Pinang juga turut diberi peluang untuk aktiviti yang memerlukan bakat dan kemahiran mereka diketengahkan. Sebagai contohnya, program seperti Karnival Inovatif yang memerlukan daya inovasi belia dalam mempamerkan hasil inovasi mereka. Program Khidmat Masyarakat Hospital Seberang Jaya pula mendekatkan diri belia dengan aktiviti kemasyarakatan. Program-program sebegini sebenarnya memberi galakan dan kesedaran sivik kepada belia secara tidak langsung dan mengelakkan belia daripada terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat.

Peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk remaja dan belia sejak tahun 2008 sehingga kini adalah seperti berikut :

Bil.	Tahun	Peruntukan MMK Belia dan Sukan (a) RM	Peruntukan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MBNPP) (b) RM	Jumlah Keseluruhan (a) + (b) RM
1	2008	161,070.00	150,000.00	311,070.00
2	2009	161,070.00	150,000.00	311,070.00
3	2010	332,000.00	300,000.00	632,000.00
4	2011	332,000.00	300,000.00	632,000.00
5	2012	382,000.00	300,000.00	682,000.00
Jumlah		**1,368,140.00**	**1,200,000.00**	**2,568,140.00**

JADUAL B

PROGRAM DI BAWAH JAWATANKUASA MMK BELIA DAN SUKAN

BIL.	PROGRAM TAHUN 2008	PROGRAM TAHUN 2009	PROGRAM TAHUN 2010	PROGRAM TAHUN 2011
1.	Program Ramah Mesra Bersama Rombongan Majlis Belia Labuan Dan Majlis Belia Daerah Seberang Perai Tengah	Program Hari Minggu Belia & Komuniti Di Padang Kota Lama	3 On 3 Liga Amateur Paintball Pulau Pinang 2010 – Siri 1/5	Pertandingan Perbahasan Bahasa Mandarin Peringkat Kebangsaan Tahun 2011
2.	Program Karnival Sukan Nube	Perlumbaan Kereta Kawalan Radio Terbuka Pulau Pinang '09	Pertandingan Karate-Do	*World Durian's Masters*
3.	Majlis Pembukaan Dan Penutup Majlis Sukan Fobissea	*Penang 3rd International Skimboarding Competition 2009*	Program Berbasikal Jelajah Malaysia 2010	*World Junior Weightlifting Championship 2011*
4.	Karnival Hari Belia	Liga Paintball Pulau Pinang 09 (Siri 1 - 4)	Program *Galaxie & Youth Carnival*	*Penang 5TH International Skimboarding Competition 2011*
5.	Malam Belia Dan Komuniti Di KOMTAR	*"25th World Chinese Basketball Invitation Tournament"*	*Penang 4th International Skimboarding Competition 2010*	*Esplanade Line Dance Jamboree 2011*
6.	Karnival Bolasepak Hari Kemerdekaan	*Penang Beach Carnival 2009*	Program "Piala *Golden Frontier* Ke-16"	*30-Hour Famine 2011*
7.	Program Makan Malam Sempena *28th National* Remaja *Taekwondo Championship*	*Program I-Dance Competition*	Program Forum Ekonomi Yang Bertema "Masa Depan Ekonomi Pulau Pinang"	*Walk For Sight & Sound 2011*
8.	Program Pertandingan Skimboarding Antarabangsa Kali Ke 2 Pulau Pinang 2008	Kursus Pemimpin Belia	*Penang Esplanade Line Dance Jamboree 2010*	Program Projek Perusahaan Belia Dan Wanita 2011

BIL.	PROGRAM TAHUN 2008	PROGRAM TAHUN 2009	PROGRAM TAHUN 2010	PROGRAM TAHUN 2011
9.	Kempen Belia Anti Jenayah	Program Berbasikal – Kayuh Lasak	Program *Cyclethon "A Million Kilometres Safe A Million Life"* Dari Penang Ke Taipei	Majlis Makan Malam *2nd Youth Assembly Of The Asia And PacifiC Alliance Of YMCAs (APAY)*
10.	Perkhemahan Belia		Program 33rd YMCA International Deaf Youth Camp, Penang, Malaysia	*6th Penang International 12 Hour Walk 2011*
11.	Karnival Antarabangsa *Line Dance* Pulau Pinang		Program *Colours Of Malaysia Lantern Bicycle Night Ride & Lantern Bicycle Decoration Competition 2010*	Program Guang Ming Bukit Jambul Hikahon 2011
12.	Lawatan Kerja Sempena *24th Chinese Basketball Invitational Championship*		Program Pertandingan Sepak Takraw 1 Belia Anjuran Majlis Belia Hindu Negeri Pulau Pinang	Program *Franck Muller Supercars Tours 2011*
13.	Pertandingan Memancing Terbuka Pulau Pinang		Pertandingan Badminton Terbuka Piala Dato' Lee Chong Wei	Program *28th Penang Open Juniors Age Group Tennis Championship*
14.	*Penang X-Flow & Ekstreme Sports*		*Penang Beach Carnival 2010*	Program *27th National Chin Woo Wushu And Cultural Carnival*
15.	*Fellowship Ride*		*Angling Competition*	Program *Penang Kayuh Lasak 2011 Mountain Bike Jamboree*
16.	Pertandingan Bola Sepak Piala Muhibbah		Program Berbasikal-Kayuh Lasak	Program *39th Penang Pesta International Bowling Championship 2011*
17.			*International Line Dance*	*Festival Kombat (FESCOM 2011)*
18.			Kejohanan *"Penang Open International Junior's Age Group Tennis Championship"*	Program Auto-City *Christmas Countdown Festival 2011- Street Dance & K-Pop Competition*
19.			Jamuan Makan Malam Atlet Wushu Antarabangsa	Pertandingan Perbahasan Bahasa Mandarin Peringkat Kebangsaan Tahun 2011
20.			*Program 2nd Rainforest Hash Challenge 2010*	
21.			*Program Kejohanan Liga Futsal Tahunan Edisi 2010 Anjuran Persatuan Belia Siam Georgetown*	
22.			*3 On 3 Penang Amateur Paintball League 2010*	
23.			Penang Pesta *International Championship* 2010	

JADUAL B 1

PROGRAM DI BAWAH MAJLIS BELIA NEGERI PULAU PINANG (MBNPP)

BIL.	PROGRAM TAHUN 2008	PROGRAM TAHUN 2009	PROGRAM TAHUN 2010	PROGRAM TAHUN 2011
1.	Program Khidmat Masyarakat	Majlis Perhimpunan Protes Serangan Israel Terhadap Palestin	Kejohanan Bowling MBNPP Bersama Badan-Badan Gabungan	Kem Motivasi Remaja
2.	Majlis Bersama Angkasawan Negara	Bengkel Sukarelawan Belia MBNPP	Persembahan Kesenian dan Kebudayaan Belia & Pertunjukan Motor Berkuasa Tinggi	Klinik Golf MBNPP (Fasa I)
3.	Program Kesukarelaan Bersama Hospital Seberang Jaya	Program Khidmat Masyarakat Hospital Seberang Jaya (bersama pesakit pada setiap hari Sabtu)	Merdeka Run 2010	Misi Bantuan Banjir di Johor & Sumbangan Bantuan Kepada Mangsa-mangsa Banjir
4.	Program Biasiswa Bersama HONDA	Majlis Pelancaran Tabung Kemanusiaan RM 1 Untuk Palestin daripada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang & Konvoi Kenderaan dan Berjalan Kaki Untuk Keamanan Palestin	Pesta Sukan & Kebudayaan	Karnival Wanita 1 Malaysia MBNPP & Desasiswa RESTU
5.	Kem Motivasi Remaja	Program Motivasai Bersama Anak-Anak Muda IPT Bersama Majlis Belia Negeri Pulau Pinang	Double Dare Street Dance Competition	Kursus Kepimpinan Belia Bukan Persatuan
6.	Klinik Paintball	Konvensyen Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang	Konvensyen Belia Negeri Pulau Pinang	Kem Motivasi Belia
7.	Lawatan Sambil Belajar Putrajaya & Kuala Lumpur	Misi Lawatan Sambil Belajar Ke Negara Vietnam	Seminar Pendidikan Pengguna Belia	Kursus Kepimpinan Remaja Sihat
8.	Perhimpunan Hari Belia Negara 2008	Pertandingan Sukan Paintball bersama Badan Gabungan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang	Seminar Segar kasih Keibubapaan (Satu Keluarga, Satu Suara, Satu Malaysia)	Konvoi Pandu Cermat,Jiwa Selamat (bersama Mat Rempit)
9.	Kem Rekreasi	Konvensyen Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang	Karnival Inovatif	“ Road Safety Walk”
10.	Kem Jati Diri Remaja	Majlis Perundingan Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang	Karnival Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang	Meriah Belia Negeri Pulau Pinang
11.	Larian Kecergasan Sempena Perhimpunan dan Pelancaran Hari Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang	Kem Motivasi Remaja	Pameran Belia & Kuiz Belia	Program Jelajah Futsal & Bola Jaring
12.	I “M” The Survivor	Lawatan Sambil Belajar Ke Putrajaya dan Melaka	Karnival Hari Keluarga HYO	Himpunan Sejuta Belia 2011
13.	Telematch Belia & Gaya Hidup Sihat	Perhimpunan Hari Belia Negara 2009	Persidangan Meja Bulat MBNPP	Kem Belia Proaktif Bitara

BIL.	PROGRAM TAHUN 2008	PROGRAM TAHUN 2009	PROGRAM TAHUN 2010	PROGRAM TAHUN 2011
14.	Kempen Kibar Jalur Gemilang (3,500 bendera diedar)	Siaran Langsung Generasi-Y bersama MBNPP	Ekspo Pendidikan & Kerjaya SMKA Nibong Tebal	Training Of Trainer : Sukan Air
15.	Konvoi Amal Merdeka Jelajah Malaysia (berbasikal)	Wancana Perpaduan 1 Malaysia : Harapan dan Tanggungjawab Belia Malaysia	Konvoi Pandu Cermat Jiwa Selamat	Konvensyen 1 Belia 1 Komuniti
16.	Pertandingan Kejohanan Bowling Remaja	Majlis Kempen Memakai Face Mask untuk Mengelak Jankitan H1 N1	Kem Interaksi Belia Berwawasan	Perkampungan Belia
17.	Kem Perkhemahan Belia	KOMTAR International BASE Jump 2009 (Mini Pameran Belia MBNPP, Pemeriksaan Kesihatan)	Program Khidmat Masyarakat Bersama Hospital Seberang Jaya	
18.		Bengkel Sukarelawan Belia	Majlis Bacaan Yasin & Tahlil Bangunan MBNPP	
19.		Kursus Patriotsme Pemimpin Muda	Kempen Tandatangan dan Pelancaran Selamatkan Gaza	
20.		Program Khidmat Sosial, Mini Pameran Belia MBNPP, & Pemeriksaan Kesihatan	Kempen Menyertai Pasukan Sukarelawan MBNPP	
21.		Program Gotong Royong, Mini Pameran Belia MBNPP, & Pemeriksaan Kesihatan	Majlis Taklimat Sukarelawan Belia	
22.		Persidangan Belia Meneroka Masa Depan	Forum Perdana Ehwal Islam	
23.			Program Gotong Royong Mangsa Banjir (Alor Setar)	
24.			Program Khidmat Masyarakat Hospital Negeri Pulau Pinang bersama Belia	
25.			Program Belia Berbakti (Daerah Pulau)	
26.			Program Citra IKBN Bukit Mertajam (Daerah Seberang)	
27.			Program Ihya Ramadan	
28.			Program Komuniti Bersatu Memerangi Jenayah	
29.			Kembara Keretapi Melaka Warisan Dunia bersama MBNPP	

BIL.	PROGRAM TAHUN 2008	PROGRAM TAHUN 2009	PROGRAM TAHUN 2010	PROGRAM TAHUN 2011
30.			Majlis Taklimat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Bersama Belia – Pendaftaran	
31.			Program Intergrasi Sesi Dialog Bersama Pemimpin MBNPP dan Pemimpin Belia Daerah Barat Daya	
32.			Majlis Dialog & Beramah Mesra Bersama Belia Jepun	
33.			Lawatan Sambil Belajar ke Putrajaya	

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Nyatakan projek yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sejak tahun 2008.

   (a) Lokasi projek dan kos.

   (b) Nama syarikat yang memperolehinya dan kos tawaran.

   (c) Cara pemilihan

   (d) Apakah faedah yang diperolehi Kerajaan Negeri dan rakyat Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Jumlah projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi tahun 2008 hingga April 2012 adalah sebanyak 62 buah projek dan jumlah kos keseluruhan yang terlibat bagi projek-projek pembangunan tersebut adalah sebanyak RM361,061,962.19. Sila rujuk senarai dibawah:-

SENARAI PROJEK PDC YANG DILAKSANAKAN
45	Roda Untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.	Daya Terkini Sdn. Bhd.	198,200.00	Perolehan terbuka
46	Pembekalan Dan Penghantaran Paip-Paip HDPE Ke Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan	Dura-Mine Sdn. Bhd.	541,939.00	Perolehan terbuka
47	Cadangan Pembekalan Dan Pemasangan Paip Keluli Lembut Bergarispusat 600mm Dari Aquaduct Melalui Lot 234 Dan 427 Sehingga Ke Tingkat Batu Ferringhi, D.T.L., Pulau Pinang.	Syarikat Pemborong Jayabina Sdn. Bhd.	4,288,680.00	Perolehan terbuka
48	Cadangan Penggantian Paip Sediada 100mm UPVC Kepada 180mm HDPE di Kampung Kubu Guar Jering, Seberang Perai Tengah Dengan Menggunakan Kaedah "Horizontal Directional Drilling"	Nawwal Sdn. Bhd.	302,600.00	Perolehan terbuka
49	Cadangan Penggantian Paip Sediada 100mm UPVC Kepada 180mm HDPE di Kampung Baru, Lebuh Banting, Seberang Perai Tengah Dengan Menggunakan Kaedah "Horizontal Directional Drilling"	CKH Engineering Sdn. Bhd.	682,020.00	Perolehan terbuka

50	Tender For Upgrading Of Existing Fluoride Plant A Sg. Dua Water Treatment Plant, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	Arachem (M) Sdn. Bhd.	1,164,850.00	Perolehan terbuka
51	Pembekalan dan Penghantaran Bahan Kimia Pengrawatan Air Ke Perbadanan Bekalan Air Pula Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan. (Liquid Chlorine)	Bekaltek Sdn. Bhd.	2,898,280.00	Perolehan terbuka
52	Muda River Water Scheme Phase 4A : Package 10 – 25 Mgd Process Unit And Associated Works, Sg. Dua, Seberang Perai Utara.	Impian Mawar Sdn. Bhd.	27,000,000.00	Perolehan terbuka
53	Cadangan Sebuah Setor Terbuka Satu Tingkat Untuk Simpanan Perahu Di Empangan Teluk Bahang, Mk. 2, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. (Tawaran Semula)	APT Assets Sdn. Bhd.	270,000.00	Perolehan terbuka
54	Pembekalan "Group Hospitalisation & Surgical (GHS) and Group Personal Accident (GPA)	Sterling Insurance Brokers Sdn. Bhd.	38,348.65	Perolehan terbuka
55	Supply, Install, Testing And Commissioning Of 1000kVA Continuous Prime/1100kVA Standby 3PH/415V 50Hz, 1500RPM Diesel Engine Acoustic Canopy Generator Set At Lahar Tiang Raw Water Pumping Station	Dekad Aliran Sdn. Bhd.	1,946,800.00	Perolehan terbuka
56	Supply, Install, Testing And Commissioning Of 1000kVA Continuous Prime/1100kVA Standby 3PH/415V 50Hz, 1500RPM Diesel Engine Acoustic Canopy Generator Set At Sungai Dua Water Treatment Plant.	Transbizz Network(M) Sdn. Bhd..	1,499,400.00	Perolehan terbuka
57	Pembekalan dan Penghantaran Bahan Kimia Pengrawatan Air Ke Perbadanan Bekalan Air Pula Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan. (Hydrated Lime)	Perdagangan Dayamas	1,240,300.00	Perolehan terbuka
58	Pembekalan dan Penghantaran Bahan Kimia Pengrawatan Air Ke Perbadanan Bekalan Air Pula Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan. (Liquid Aluminium Sulphate)	Bekaltek Sdn. Bhd.	1,696,500.00	Perolehan terbuka
59	Pembekalan dan Penghantaran Bahan Kimia Pengrawatan Air Ke Perbadanan Bekalan Air Pula Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan. (Sodium Silico Fluoride)	Progressive Crest Sdn. Bhd.	302,500.00	Perolehan terbuka
60	Supply Uniform For Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Employees	A & S Tailors	208,165.00	Perolehan terbuka
61		NFRA Garment Sdn. Bhd.	133,436.00	Perolehan terbuka
62		Exacmust (M) Sdn. Bhd.	27,117.00	Perolehan terbuka
63	Pembekalan dan Penghantaran Petrol dan Diesel Ke Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan	Sukimi (M) Sdn. Bhd.	889,200.00	Perolehan terbuka
	TAHUN 2010			
64	Proposed Mechanical, Electrical & Building Works For Sungai Nibong Pump Station	FacMec Engineering Sdn. Bhd.	3,592,900.10	Perolehan terbuka
65	Penggantian Paip-Paip Bergarispusat 150mm & 100mm Simen Asbestos Kepada Paip-Paip Bergarispusat 300mm Besi Mulur (630m) Dan 75mm HDPE (220m) Di Jalan Brown, Pulau Pinang.	Syarikat Pembinaan Diaz	501,592.00	Perolehan terbuka
66	Proposed Underground Pump Station For Hong Seng Estate Pump Station	Rozikim Enterprise	403,442.00	Perolehan terbuka

67	Pembekalan dan Penghantaran Diesel Ke Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (Loji Perawatan Air Sungai Dua) Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan.	Panglima Aces Sdn. Bhd.	954,350.00	Perolehan terbuka
68	Membekal Dan Menghantar Paip Besi Mulur Ke Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Untukl Tempoh Dua Belas (12) Bulan	Binaan Sinar Utara	1,174,646.00	Perolehan terbuka
69	Penggantian Paip-Paip Bergarispusat 150mm & 100mm Simen Asbestos Kepada Paip-Paip Bergarispusat 150mm HDPE (547m) Dan 75mm HDPE (146m) Di Kawasan Taman Gottlieb, Pulau Pinang.	Lim Eng Chin Enterprise	361,607.00	Perolehan terbuka
70	Penggantian Paip-Paip Bergarispusat 300mm Simen Asbestos Kepada Paip-Paip Bergarispusat 300mm Besi Mulur (1164m) Dan Dan 75mm HDPE (1160m) Di Sepanjang Jalan Lembah Permai, Tg. Bungah, Pulau Pinang (Bahagian II : Dari Kuil Hindu Sehingga Persimpangan Jalan Lembah Permai Dengan Jalan Azezy).	Impoh Bahtera Plumbing & Sanitation Sdn. Bhd.	560,618.00	Perolehan terbuka
71	Cadangan Penggantian Paip Air Bergarispusat 50mm Besi Galvani Kepada 50mm HDPE di Taman Merak Fasa 1 & 2, Simpan Empat, SPS.	AKS Engineering	233,660.00	Perolehan terbuka
72	Cadangan Penggantian Paip Air Bergarispusat 100mm Simen Asbestos Dan 50mm Besi Galvani Kepada 150mm Besi Mulur Dan 50mm HDPE di Taman Betek, Bukit Mertajam, SPT.	Beng Hai Plumbing	550,513.70	Perolehan terbuka
73	Cadangan Penggantian Paip Air Bergarispusat 100mm Simen Asbestos Sediada Kepada Paip Besi Mulur Bergarispusat 200mm & 150mm Di Sepanjang Jalan Kolam, SPT.	AKS Engineering	206,666.00	Perolehan terbuka
74	Cadangan Pemasangan Paip Air Bergarispusat 200mm Besi Mulur Di Sepanjang Jalan Mengkuang Keretapi, SPT.	CKH Engineering Sdn. Bhd.	364,016.00	Perolehan terbuka
75	Cadangan Penggantian Paip Air Bergarispusat 100mm Simen Asbestos Dan 50mm Besi Galvani Kepada 100mm Besi Mulur Dan 50mm HDPE di Taman Siakap Fasa 1 (Tepi Lebuhraya) Seberang Jaya, SPU.	Syed Engineering Works	425,523.00	Perolehan terbuka
76	Cadangan Pembekalan Dan Pemasangan Paip Keluli Lembut Bergarispusat 945mm O.D. Dari Loji Saringan Air Sungai Dua Ke Bertam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	DGE Services Sdn. Bhd.	4,792,000.00	Perolehan terbuka
77	Cadangan Membekal Dan Memasang Paip Keluli Lembut Bergarispusat 200mm Di Sepanjang Tanah Simpanan Keretapi Bukit Bendera Serta Pam Dan Kerja-Kerja Elektrik Yang Berkaitan Di Bukit Bendera, Pulau Pinang.	Dekad Aliran Sdn. Bhd.	6,792,781.00	Perolehan terbuka
78	Cadangan Pembekalan Dan Pemasangan Paip Keluli Lembut Bergarispusat 1255mm O.D. Dari Rumah Pam Berapit Ke Loji Ssaringan Air Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	Delphi Pacific Sdn. Bhd.	4,180,320.90	Perolehan terbuka
79	Membekal dan Menghantar Meter-Meter Air Bersaiz 15mm Ke Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan.	Meteraya Sdn. Bhd.	8,445,000.00	Perolehan terbuka
80	Pembekalan dan Penghantaran Bahan Kimia Pengrawatan Air Ke Perbadanan Bekalan Air Pula Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan. (Hydrated Lime)	Perdagangan Dayamas	1,323,125.00	Perolehan terbuka

81	Pembekalan dan Penghantaran Bahan Kimia Pengrawatan Air Ke Perbadanan Bekalan Air Pula Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan. (Liquid Aluminium Sulphate)	Bekaltek Sdn. Bhd.	1,930,500.00	Perolehan terbuka
82	Pembekalan dan Penghantaran Bahan Kimia Pengrawatan Air Ke Perbadanan Bekalan Air Pula Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan. (Liquid Chlorine)	Bekaltek Sdn. Bhd.	3,168,250.00	Perolehan terbuka
83	Maintenance & Management OF Disaster Recovery (DR) Solution (Hardware, Software And Implementation Services)	Optalink Sdn Bhd	528,000.00	Perolehan terbuka
84	Commvault Enterprise Backup Solution (Software & Hardware Implementation)	Optalink Sdn Bhd	399,846.00	Perolehan terbuka
85	Supply Uniform For Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Employees For 2011	Chooi Couture Sdn	139,320.00	Perolehan terbuka
86		RNS Marketing	100,424.00	Perolehan terbuka
87		NFRA Garment Sdn Bhd	44,811.00	Perolehan terbuka
88	Membekal Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd Untuk Tempoh 24 Bulan"	Shelter Security Services Sdn. Bhd.	465,264.00	Perolehan terbuka
89	Pemasangan Paip Air 63mm HDPE Di Taman Sri Rambai (Fasa 2), Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.	APT Assets Sdn. Bhd.	766,200.00	Perolehan terbuka
90	Penggantian Paip-Paip Bergarispusat 150mm Simen Asbestos Kepada Paip-Paip Bergarispusat 150mm HDPE (798m) Dan 75mm HDPE (1814m) Di Kawasan Taman Concord, Tg. Bungah, Pulau Pinang	Impoh Bahtera Plumbing & Sanitation Sdn. Bhd.	893,556.80	Perolehan terbuka
91	Penggantian Paip-Paip Bergarispusat 100mm Simen Asbestos Sediada Kepada Paip-Paip Bergarispusat 75mm HDPE (2898m) Di Sepanjang Jalan Teluk Kumbar, Pulau Pinang (Dari Persimpangan Jalan Teluk Kumbar Dengan Gertak Sanggul Sehingga Puspakom Jalan Teluk Kumbar – Kaedah HDD	Nawwal Sdn. Bhd.	908,784.00	Perolehan terbuka
92	Pemasangan Paip-Paip Bergarispusat 300mm Besi Mulur (1182m) Dan 75mm HDPE (300m) Di Kawasan Jalan Delima, Pulau Pinang (Dari Persimpangan Cangkat Delima 14 Sehingga Persimpangan Jalan Yeap Chor Ee)	Beng Hai Plumbing	783,756.00	Perolehan terbuka
93	Penggantian Paip-Paip Sub-Main & Komunikasi Bergarispusat 25mm G.I., 50mm G.I., Dan 63mm G.I. Kepada Paip-Paip Bergarispusat 32mm HDPE, 63mm HDPE Dan 90mm HDPE Dari Rumah Pam Western Hill Hingga Ke Sekolah Upland Bukit Bendera, Pulau Pinang	Lim Eng Chin Enterprise	443,424.70	Perolehan terbuka
	TAHUN 2011			
94	Pembekalan Dan Pemasangan Paip Keluli Lembut Bergarispusat 900mm Di Lebuhraya Bayan Lepas Dari Sungai Keluang Ke Batu Maung Mukim 12 D.B.D Pulau Pinang.	Sri Tanjong Bina Sdn. Bhd.	9,200,550.00	Perolehan terbuka
95	Request For Lease Proposal On Island Springwater Factory At Loji Saringan Air Guillemard, Jalan Lembah Permai, Tanjung Bungah, 11200 Pulau Pinang For PBA Holdings Bhd (Re-Tender)	HPA Organics Sdn Bhd	3,000,000.00	Perolehan terbuka
96	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air Majestic Height, D.T.L, Pulau Pinang.	AKS Engineering	261,400.00	Perolehan terbuka

97	Supply, Install, Testing & Commissioning Of A 2500kVA Standby/ 2250kVA Prime Generator Set At Bukit Dumber Pumping Station, D.T.L., Penang.	Emas Jaya Electric Sdn. Bhd.	3,248,133.00	Perolehan terbuka
98	Supply, Install, Testing And Commissioning Of New Main Switchboard And Motor Starter Panel At Bukit Toh Allang Water Treatment Plant S.P.U. Penang.	Berjaya Automation Sdn. Bhd.	229,278.00	Perolehan terbuka
99	Design, Construct, Test And Commission 2 Units Of Sendimentation Tank With Lamella System At Phase 2, Sg.Dua Water Treatment Plant For PBAPP Sdn Bhd.	Teknoserv Engineering Sdn. Bhd.	3,416,300.00	Perolehan terbuka
100	Tender For The Upgrading The Alum And Polymer Plant At Sg.Dua WTP For PBAPP Sdn Bhd.	Econmax (M) Sdn. Bhd.	2,855,156.00	Perolehan terbuka
101	Tender For The Filter Actuation Of Sg.Dua Phase 2 WTP In Seberang Perai Utara And Sg. Pinang WTP In Balik Pulau For PBAPP Sdn. Bhd.	Teknik SMT Sdn. Bhd.	3,256,858.00	Perolehan terbuka
102	Supply And Install 3 Units Of High Lift And 3 Units Of Low Lift Horizontal Split-Casing Pumps And Associated Works At Bukit Toh Allang WTP S.P.U.	Transbizz Network (M) Sdn.Bhd	474,470.00	Perolehan terbuka
103	Pembekalan Dan Penghantaran Paip HDPE Ke PBAPP Sdn. Bhd. Untuk Tempoh 12 Bulan.	MRPI Pipes Sdn. Bhd.	592,998.00	Perolehan terbuka
104	(Re-Tender) Pembekalan Dan Penghantaran Petro Ke PBAPP Sdn. Bhd. Untuk Tempoh 12 Bulan.	Permata Cahaya Sdn. Bhd	682,500.00	Perolehan terbuka
105	Pemasangan Paip Air 150mm Besi Mulur Di Taman Tenang, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.	Lim Eng Chin Enterprise	249,814.90	Perolehan terbuka
106	Cadangan Penggantian Paip Air Bergarispusat 100mm Simen Asbestos Sediada Kepada Paip Besi Mulur Bergarispusat 150mm Dan 50mm HDPE Di Sepanjang Jalan Kg. Kepala Bukit, Bukit Indera Muda, S.P.T.	Saharruddin Construction Sdn. Bhd	199,475.00	Perolehan terbuka
107	Cadangan Pemasangan Piap Bergarispusat 150mm HDPE Di Kg. Kota Hingga Bukit Jelutong, Permatang Pasir, S.P.T.	CKH Engineering Sdn. Bhd	226,946.00	Perolehan terbuka
108	Penggantian Piap-Paip Bergarispusat 300mm Simen Asbstos Kepada 600mm Keluli Lembut Dari Persimpangan Jalan Bagan Luar / Chan Ferry Hingga Jalan Paul, S.P.U.	Syed Engineering Works	1,598,500.00	Perolehan terbuka
109	Pengalihan Sesalur 200mm D.I., 100mm A.C. Dan Menyambung Sesalur 600mm M.S. Sediada Bagi Menaiktaraf Jalan Dari Pekan Tasek Ke Sempadan Seberang Perai Tengah, S.P.S.	Dian Permata Enterprise	1,089,834.00	Perolehan terbuka
110	Pemasangan Paip-Paip Bergarispusat 150mm Besi Mulur (1180m) Dan 75mm HDPE (1950m) Di Kawasan Taman Delima Pulau Pinang.	Kilauan Mutiara Terunggul Sdn. Bhd	1,254,868.00	Perolehan terbuka
111	Penggantian Piap-Paip Bergarispusat 75mm HDPE (PN6) Kepada Paip-Paip Bergarispusat 75mm HDPE (PN12.5) (1880m) Di Sepanjang Jalan Kg. Sungai Burung (Kg.Arkam), Balik Pulau, Pulau Pinang.	Ikhlas Makmur Enterprise	228,902.00	Perolehan terbuka
112	Penggantian Paip-Paip Bergarispusat 100mm Dan 125mm Besi Tuangan Kepada Paip-Paip Bergarispusat 150mm HDPE (4500m) Di (Fasa1) Kawasan Puncak Bukit Bendera, Pulau Pinang. (Dari Rumah Pam Western Hill Hingga Ke Ke Sekolah Upland Lama)	Kejuruteraan Sri Bina Sdn. Bhd.	1,618,128.90	Perolehan terbuka

113	Penggantian Paip-Paip Bergarispusat 100mm Besi Tuangan Kepada Paip-Paip Bergarispusat 90mm HDPE (2000m) Di (Fasa2) Sekitar Kawasan Stesen Pertengahan (Jalan Viaduct) Bukit Bendera, Pulau Pinang.	Sinaran Bumi Teras Sdn. Bhd.	527,750.00	Perolehan terbuka
114	Pemasangan Paip Air Bergarispusat 600mm Keluli Lembut Di Sepanjang Jalan Transkerian Dari Simpang Dato' Keramat Hingga Taman Ilmu S.P.S.	Impoh Bahtera Plumbing & Sanitation Sdn. Bhd.	1,162,200.00	Perolehan terbuka
115	Pemasangan Paip Air Bergarispusat 600mm Keluli Lembut Dari Jalan Kebun Baru (Lot 690) Hingga Lorong Perindustrian Bukit Minyak 20 (Berhadapan Ebiden Electronic (M) Sdn Bhd. S.P.T.	Abdel Enterprise	1,334,346.00	Perolehan terbuka
116	Tender Untuk Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Untuk PBAPP Sdn. Bhd. Bagi Kawasan-Kawasan Pulau Pinang 2010/ 2011	Pembinaan Murugen	1,113,100.00	Perolehan terbuka
117	Tender Untuk Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Untuk PBAPP Sdn. Bhd. Bagi Kawasan-Kawasan Seberang Perai 2010/ 2011	Saharuddin Construction Sdn. Bhd.	1,092,200.00	Perolehan terbuka
118	Penggantian Paip-Paip Bergarispusat 225mm Dan 150mm Simen Asbestos Sediada Kepada Paip-paip Bergarispusat 300mm Besi Mulur, 150mm & 75mm HDPE di Kawasan Tanjung Bungah Park, Pulau Pinang	Ikhlas Makmur Enterprise	525,279.00	Perolehan terbuka
119	Pembelian Dua (2) Unit Pam Angkat Tinggi (High Lift Pump) No.8 dan No.9 Berkapasiti 16 Juta Gelen Sehari (JGH) daripada Kubota Corporation	Kubota Corporation	560,000.00	Perolehan terbuka
120	Penggantian Sesalur Bergarispusat 200mm Simen Asbestos kepada 300mm Besi Mulur di Sepanjang Permatang Tok Mahat, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	Impoh Bahtera Plumbing & Sanitation Sdn. Bhd.	261,104.00	Perolehan terbuka
121	Penggantian Sesalur Bergarispusat 200mm Asbestos Simen kepada 300mm Besi Mulur di Jalan Besar Perai (Bekalan ke Malayan Sugar Manufacturing), Seberang Perai Utara	Lim Eng Chin Enterprise	201,605.00	Perolehan terbuka
122	Penggantian Sesalur Bergarispusat 100mm A.C kepada 150mm Besi Mulur di Sepanjang Jalan Berjaya, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	Rozikim Enterprise	212,980.00	Perolehan terbuka
123	Penggantian Paip Air 180mm HDPE kepada 300mm Besi Mulur di Sepanjang Jalan Kuala Muda hingga ke Persimpangan Jalan Pasir Gebu, Seberang Perai Utara	Syed Engineering Works	795,555.00	Perolehan terbuka
124	Penggantian Sesalur Bergarispusat 100mm Simen Asbestos kepada 200mm Besi Mulur Dari Rumah Pam Seruling Emas hingga ke Tangki Sg. Baong, Seberang Perai Selatan	Rozikim Enterprise	274,113.00	Perolehan terbuka
125	Penggantian Paip Air 100mm dan 150mm HDPE kepada 150mm HDPE di Taman Rupawan, Pongsu Seribu, Seberang Perai Utara	Beng Hai Plumbing	273,390.00	Perolehan terbuka
126	Penggantian Paip Air 100mm HDPE kepada 150mm Besi Mulur di Jalan Permatang Bertam hingga Dewan Pajak Song, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	A.A.G.Enterprise Sdn Bhd.	970,464.00	Perolehan terbuka
127	Integrated Water Management System For Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.	Jurukur Berjasa (M) Sdn. Bhd	3,039,500.00	Perolehan terbuka

128	Penggantian Paip-paip Bergarispusat 150mm Simen Asbestos Sediada kepada 300mm Besi Keluli Lembut (2600m) dan 50mm HDPE (1050m) di Sepanjang Jalan Batu Ferringhi, Pulau Pinang - Dari Persimpangan Taman Ratu Mutiara / Jalan Batu Ferringhi Berdekatan Masjid Terapung Sehingga Hadapan Hilltop Villas di Moonlight Bay, Jalan Batu Ferringhi (Fasa 1)	Shomecha (M) Sdn. Bhd.	5,605,506.00	Perolehan terbuka
129	Cadangan Pemasangan Paip Air Bergarispusat 600mm MS Dari Kawasan Perindustrian Valdor Ke Tapak Perindustrian Teknologi Tinggi Batu Kawan, Seberang Perai Selatan	Saharruddin Construction Sdn. Bhd.	1,476,094.00	Perolehan terbuka
130	Muda River Water Scheme Phase 4A : Package 11 – 25 Mgd Process Unit And Associated Works, Sg. Dua WTP, Seberang Perai Utara.	Salcon Engineering Berhad	20,699,988.00	Perolehan terbuka
131	Proposed Alteration To Existing Filter Bed No. 4 At Sg. Dua Water Treatment Plant	Rozikim Enterprise	255,526.00	Perolehan terbuka
132	Penggantian Paip-Paip Bergarispusat 150mm Simen Asbestos Sediada Kepada 300mm Besi Keluli Lembut (1200m) Dan 50mm HDPE (500m) Di Sepanjang Jalan Baru Ferringhi, Pulau Pinang – (Fasa 2)	Abdel Enterprise	1,825,874.00	Perolehan terbuka
133	Construction Of New Security Fencing At Bukit Indera Muda Reservoir For Sungai Dua Water Treatment Plant	No Man Enterprise	299,917.50	Perolehan terbuka
134	Design, Build, Supply, Install And Commission New Raw Water Pump House And Associated Works At Bukit Panchor Treatment Plant, Seberang Perai Selatan	Ilham Ceria Enterprise	314,160.00	Perolehan terbuka
135	Pembekalan Dan Penghantaran Kuasa Bateri Meter Alir Elektromagnet Kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.	Premier Solutions Sdn. Bhd.	498,580.00	Perolehan terbuka
136	Tender Semula Untuk Pemasangan Paip Induk Bergarsipusat 900mm Mild Steel Untuk Sambungan Di Antara Paip Induk 1350mm (Baru) Pekan Sg. Dua Ke Paip Induk 825mm Pasar Sg. Dua, Butterworth, Seberang Perai Utara.	Nawwal Sdn Bhd	1,394,240.00	Perolehan terbuka
137	Pembekalan dan Penghantaran “Instant Tarmac” Ke Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan.	Sedianiaga Enterprise	945,000.00	Perolehan terbuka
138	Membekal Perkhidmatan Cash-In Transit Bagi Jabatan Perkhidmatan Pelanggan	Property Ptotection Sdn Bhd	472,032.00	Perolehan terbuka
139	Penggantian Paip Air 100mm Simen Asbestos Kepada 150mm Besi Mulur Di Padang Beka, Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara	Beng Hai Plumbing	461,675.00	Perolehan terbuka
140	Membekal dan Menghantar Paip Besi Mulur Ke	Binaan Sinar Utara	664,890.00	Perolehan terbuka
141	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan.	Engtek Sdn Bhd	1,741,260.00	Perolehan terbuka
142		Tree Med Sdn Bhd	41,715.00	Perolehan terbuka
143	Pembekalan dan Penghantaran Bahan Kimia Pengrawatan Air Ke Perbadanan Bekalan Air Pula Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan. (Liquid Chlorine)	Bekaltek Sdn Bhd	2,596,000.00	Perolehan terbuka
144	Supply Uniform For Perbadanan Bekalan Air Pulau	V-Corner Tailoring	273,044.00	Perolehan terbuka
145	Pinang Sdn Bhd Employees For 2012	RNS Marketing	131,759.00	Perolehan terbuka

	TAHUN 2012			
146	Design, Supply, Test and Commission New Flocculators for Bukit Toh Allang Water Treatment Plant, Seberang Perai Utara	Econmax (M) Sdn. Bhd.	421,876.00	Perolehan terbuka
147	Design, Supply, Install, Testing and Commissioning of New Meter Test Bench At Workshop PBAPP Padang Tembak	Soffah Enterprise	199,800.00	Perolehan terbuka
148	Pembekalan dan Penghantaran Diesel Ke Perbandanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan	Jopami Trading Sdn Bhd	541,800.00	Perolehan terbuka
149	Pembekalan dan Penghantaran Bahan Kimia Pengrawatan Air Ke Perbadanan Bekalan Air Pula Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan. (Hydrated Lime)	Perdagangan Dayamas	1,416,450.00	Perolehan terbuka
150	Pembekalan dan Penghantaran Bahan Kimia Pengrawatan Air Ke Perbadanan Bekalan Air Pula Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan (Liquid Aluminium Sulphate)	Reka Kimia Sdn. Bhd.	2,820,000.00	Perolehan terbuka
151	Pembekalan dan Penghantaran Bahan Kimia Pengrawatan Air Ke Perbadanan Bekalan Air Pula Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan (Sodium Silico Fluoride)	CCM-Usaha Kimia (M) Sdn. Bhd.	408,000.00	Perolehan terbuka
152	Pembekalan dan Penghantaran Bahan Kimia Pengrawatan Air Ke Perbadanan Bekalan Air Pula Pinang Sdn. Bhd. Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan (Liquid Polyaluminium Chloride)	Reka Kimia Sdn. Bhd.	277,200.00	Perolehan terbuka
153	Appointment of Consultancy Services for Design & Construction Supervision of 10 Million Gallon Reinforced Concrete Reservoir at Bukit Indera Muda, SPT, Pulau Pinang	LT Consultancy	438,000.00	Perolehan terbuka
154	Penggantian Paip-paip Bergarispusat 63mm HDPE (PN6) sediada kepada Paip-paip Bergarispusat 63mm HDPE (PN12.5) di Sekitar Taman Ru, Ayer Itam,Pulau Pinang	Ikhlas Makmur Enterprise	398,460.00	Perolehan terbuka
155	Penggantian Paip-paip Bergarispusat 100mm Simen Asbestos sediada kepada Paip-paip Bergarispusat 150mm & 63mm HDPE di Kawasan Jalan Beriksa, Ayer Itam, Pulau Pinang	Impoh Bahtera Plumbing & Sanitation Sdn. Bhd	760,460.00	Perolehan terbuka
156	Pembekalan & Penghantaran Tarmac Segera Ke Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd untuk Tempoh 24 Bulan	J.M.R. Construction Sdn Bhd	945,000.00	Perolehan terbuka
157	Kontrak Penyewaan Jentera Backhoe untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd Bagi Tempoh 12 Bulan (Daerah Barat Daya)	DNR Auto & Tyre	385,920.00	Perolehan terbuka
158	Kontrak Penyewaan Jentera Backhoe untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd Bagi Tempoh 12 Bulan (Daerah Timur Laut)	Perniagaan Sambakavalli	441,600.00	Perolehan terbuka
159	Kontrak Penyewaan Jentera Backhoe untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd Bagi Tempoh 12 Bulan (Seberang Perai Utara)	Raao Enterprise	578,880.00	Perolehan terbuka
160	Kontrak Penyewaan Jentera Backhoe untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd Bagi Tempoh 12 Bulan (Seberang Perai Tengah)	Raao Enterprise	578,880.00	Perolehan terbuka
161	Kontrak Penyewaan Jentera Backhoe untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd Bagi Tempoh 12 Bulan (Seberang Perai Selatan)	DNR Auto & Tyre	385,920.00	Perolehan terbuka

PROJEK PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

BIL.	NAMA PROJEK/ KOMPONEN PEMBANGUNAN/ LOKASI	NAMA KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM)	CARA PEMILIHAN
1	Projek Pembangunan & Pengurusan Taman Herba di Lot 311 & 498 Mukim 19, Jalan Penanti, Ara Kuda, SPT	Masih dalam proses Jawatankuasa Teknikal dan Penilaian Harga		Request For Proposal (RFP)

PROJEK PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

BIL.	NAMA PROJEK/ KOMPONEN PEMBANGUNAN/ LOKASI	NAMA KONTRAKTOR / PEMAJU	KOS PROJEK (RM)	CARA PEMILIHAN
1	Cadangan Pembangunan Semula Hotel Crag, Bukit Bendera Pulau Pinang	Syarikat SNSB	_	Request For Proposal (RFP)
2	Projek Cadangan Pembangunan Titian Silara (Canopy Walk) di Bukit Bendera, Pulau Pinang	Creative Quest Sdn Bhd	_	Request For Proposal (RFP)

PROJEK PERBADANAN BUKIT BENDERA

BIL.	NAMA PROJEK/ KOMPONEN PEMBANGUNAN/ LOKASI	NAMA KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM)	CARA PEMILIHAN
	TAHUN 2011			
1	Kerja Pemasangan CCTV di lower, middle, top station & sepanjang trek di Stesen Keretapi Bukit Bendera	Open Future Solution Sdn Bhd	442,000.00	Perolehan Terbuka
2	Kerja-kerja membaiki struktur awam di Bukit Bendera sempena lawatan DYMM Agong ke Bukit Bendera	Malinaz Interprise	13,189.72	Terus
3	Kerja-kerja ukur tanah di kawasan coolie lines & JKR Valley	Ukur Sejahtera	6,254.00	Terus
4	Kerja memotong, mencuci, bersih & selenggara parit sedia ada di Bukit Bendera	Malinaz Enterprise	9,800.00	Terus
5	Membina laluan pejalan kaki menghubungkan kuil Kong Hock Keong dengan stesen bawah Bukit Bendera	Walker & Jensen Sdn Bhd	199,105.00	Terus
6	Kerja-kerja mencuci & meratakan bahagian tempat meletak kenderaan di stesen atas Bukit Bendera	Elfy Enterprise	3,500.00	Terus
7	Membina tandas & tempat rehat di belakang bilik enjin, stesen atas Bukit Bendera	Infa Perkasa Enterprise	26,650.00	Perolehan Terbuka
8	Membekal dan memasang 38 unit convex miror saiz 24 jenis stainless steel di Bukit Bendera	Infa Perkasa Enterprise	35,720.00	Perolehan Terbuka
9	Kerja-kerja lanskap di stesen atas Bukit Bendera	ESH Landscaping	49,030.00	Perolehan Terbuka
10	Pengubahsuaian Banglo Keretapi Bukit Bendera	Palidat Construction	90,800.00	Perolehan Terbuka
11	Memasang kerusi jenis batu serta kerja membina lantai konkrit	Bina Pulau Enterprise	21,200.00	Terus

PROJEK PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG

BIL.	NAMA PROJEK/ KOMPONEN PEMBANGUNAN/ LOKASI	NAMA KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM)	CARA PEMILIHAN
	Tahun 2009			
1	Pembangunan Dan Naiktaraf Sistem Perkomputeran Di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang	Etika Utama Venture	73,000.00	Sebut Harga
	Tahun 2010			
	Pembangunan Aplikasi Pendaftaran Atas Talian(Online Registration)	CM Creative	59,000.00	Sebut Harga
	Pembangunan Dan Naiktaraf Sistem Perkomputeran Di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang	Smartag System Sdn Bhd	184,750.00	Sebut Harga
	Tahun 2011			
1	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Siber IlmuTasek Junjong.	Syifa BNA Enterprise	31,500.00	Sebut Harga
2	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Siber Ilmu Lima Kongsi.		100,000.00	Sebut Harga
3	Menaik Taraf Perpustakaan desa Siber Ilmu Kebun Sireh	OCR Enterprise	63,000.00	Sebut Harga
4	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Siber Ilmu Permatang Keling.	Perusahaan Tabah	30,500.00	Sebut Harga
5	Pembaikan Bangunan Pusat Desa Siber Ilmu Perkampungan Machang Bubok	Azka Maju Enterprise	42,000.00	Sebut Harga
6	Kerja-kerja Pembaikan Bangunan Perpustakaan Cawangan Bukit Mertajam,SPT		90,000.00	Sebut Harga
7	Projek Pembaikan Bangunan PDSI Sungai Kechik,SPS		19,500.00	Sebut Harga

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah Negeri Pulau Pinang telah bebas dari miskin tegar dan kriteria pengukur kepada perkara itu? Sila jelaskan:

    (a) Berapa ramai yang masih dianggap miskin dan miskin tegar?

    (b) Pendapatan bulanan mereka sekarang dan adakah ia mampu menampung kehidupan harian?

    (c) Bilangan penerima bantuan dan adakah mereka kini boleh berdikari.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Negeri Pulau Pinang telah menjadi Negeri pertama bebas dari miskin tegar. Kejayaan ini dicapai apabila seramai 744 keluarga setakat Mac 2012 yang awalnya tergolong dalam kategori miskin tegar telah dibantu oleh Kerajaan Negeri. Penerima bantuan ini adalah kelompok keluarga miskin tegar yang dikenal pasti berdasarkan tarafan Kerajaan Negeri dengan menggunakan PGK RM500 sekeluarga. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri akan meningkatkan nilai Pendapatan Garis Kemiskinan PGK yang ditetapkan iaitu daripada RM500 kepada RM600 sekeluarga. Dengan peningkatan PGK tersebut, pendapatan per kapita RM120 seorang meningkat daripada RM100 per kapita yang digunapakai, sebelum ini.

    (b) Pendapatan bulanan penerima bantuan yang dikenal pasti bagi menerima bantuan kewangan bulanan (top up) oleh Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan pendapatan mereka melepasi jumlah PGK Negeri Pulau Pinang RM500 sekeluarga. Semua penerima bantuan akan berpendapatan bulanan melebihi RM600 setelah menerima bantuan kewangan bulanan Kerajaan Negeri dan pendapatan tersebut mencukupi untuk memenuhi keperluan asas mereka.

    (c) Bilangan penerima bantuan ialah seramai 744 keluarga sekarang dan akan bertambah dengan PGK RM600.00 dan mereka boleh berdikari melalui bantuan-bantuan yang diberikan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi berkaitan bagi memenuhi keperluan asas golongan ini.

(XIX) Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila senaraikan butiran-butiran projek yang telah dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di KADUN Paya Terubong sepanjang tahun 2011 termasuk perbelanjaannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jumlah keseluruhan kos projek yang telah dijalankan oleh JPS di KADUN Paya Terubong sepanjang tahun 2011 adalah sebanyak RM199,680. Senarai projek yang terlibat adalah seperti berikut:-

(a) Mendalam dan membaiki Sungai Dondang, DTL (Kawasan Lembah Ria);

(b) Menaik taraf Saluran Sungai Dondang, DTL (Kawasan Paya Terubong hingga bersebelahan Masjid Farlim); dan

(c) Menaik taraf cabang Sungai Dondang bersebelahan Balai Bomba dan Penyelamat Paya Terubong, DTL.

Peruntukan yang disediakan adalah mengikut keperluan bagi tujuan pencegahan banjir.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila jelaskan sebab projek pemasangan CCTV masih tidak dilaksanakan di KADUN Paya Terubong dan adakah rancangan ini masih diteruskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerja-kerja pemasangan 4 buah kamera CCTV di kawasan Paya Terubong melalui *private finance initiative* sedang dijalankan dan dijangka siap pada bulan Jun 2012. Lokasi-lokasi di mana kemera CCTV akan dipasang adalah seperti berikut:-

(i) Persimpangan Jalan Paya Terubong/Tingkat Paya Terubong 1;

(ii) Persimpangan Jalan Paya Terubong/Lebuhraya Thean Tek;

(iii) Persimpangan Jalan Paya Terubong/Lebuh Rambai 1/Jalan Buah Limau; dan

(iv) Persimpangan Jalan Paya Terubong/Jalan Oriental 6.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila nyatakan status pembinaan sebuah Bangunan/Kompleks Pasar di Paya Terubong yang telah dibangkit sejak persidangan DUN pada tahun 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pelaksanaan pembinaan sebuah pasar di Paya Terubong oleh Tetuan Bina Nusa Sdn. Bhd., di atas tanah milik *State Secretary, Penang* (SSI) di lot 8813 hingga 8829 Mk. 13, DTL telah terbengkalai. Oleh itu, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil.43/2011 pada 15 Disember 2011 telah memutuskan supaya lot tanah bagi tujuan pembangunan pasar awam tersebut dipindah milik kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan pelaksanaan pembangunan pasar awam berkenaan akan diuruskan sepenuhnya oleh MPPP.

Selaras dengan cadangan pembangunan semula pasar oleh MPPP, lot tersebut juga sedang dilulus pindah milik dari SSI kepada MPPP. MPPP pula pada ketika ini, sedang dalam proses mengumpul maklumat mengenai tanah, skop dan kos projek bagi penyediaan tender secara RFP.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Setelah kilang getah Lee Rubber di Paya Terubong ditutup, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai apa-apa cadangan atau perbincangan dengan pemilik tapak kilang getah tersebut untuk membangunkan tapak tersebut sebagai satu projek pembangunan yang lestari dan juga selaras dengan polisi kehijauan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Tapak kilang getah tersebut merupakan milik persendirian. Pada masa kini, kawasan tersebut dizonkan sebagai 'industri am', perumahan am dan institusi merujuk kepada Pelan Dasar MPPP.

Bagi mana-mana tanah milikan persendirian, cadangan pembangunan adalah tertakluk kepada Pembangunan Kebenaran Merancang (PKM) yang dikemukakan oleh pemilik tanah ataupun pemohon yang berminat. Setiap permohonan yang dikemukakan kepada MPPP akan diberi pertimbangan tertakluk kepada Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan MPPP (pelan dasar), garis panduan dan piawaian perancangan semasa serta ulasan daripada jabatan teknikal berkaitan.

Merujuk kepada Pelan Dasar MPPP, lot-lot yang dizonkan sebagai 'industri am' boleh dipertimbangkan untuk cadangan kemudahan masyarakat, perniagaan, stesen minyak mahupun perindustrian bagi lot-lot yang terletak di 'zon perumahan am' pula, cadangan yang melibatkan pendirian unit-unit kediaman institusi, kemudahan masyarakat atau pun perniagaan boleh dikemukakan untuk pertimbangan sekiranya terdapat lot-lot yang dizonkan sebagai 'institusi', pertimbangan boleh diberikan ke atas sebarang cadangan berbentuk institusi atau kemudahan masyarakat yang sesuai.

Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP 2020) yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri pada 28 Jun 2007, tapak Kilang Lee Rubber yang terletak di atas lot 3224, Mukim 13 seluas 13.64 ekar telah dizonkan secara indikatifnya sebagai kawasan "Pembangunan Sedia ada". "Pembangunan Sedia ada" bermaksud pembangunan yang dibenarkan di koridor-koridor pembangunan utama dan sekunder dengan melihat projek-projek sedia ada yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa dan pembangunan perbandaran seperti perumahan, perdagangan, perindustrian, kemudahan masyarakat dan institusi. Pembangunan yang dibenarkan di dalam zon "Pembangunan Sedia ada" juga tertakluk kepada kriteria guna tanah serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Lot 3224 telah didaftarkan di bawah syarikat Luxor Precision bersama-sama dengan Lot 1385 Mukim 13 seluas 5.57 ekar dan Lot 2102 Mukim 13 seluas 4.22 ekar. Dengan adanya pembangunan bercampur ini, kehijauan dapat dikekalkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila senaraikan pelaburan yang telah dilakukan oleh pelabur asing di Negeri Pulau Pinang termasuk jenis pelaburan, jumlah pelaburan dan juga peluang pekerjaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berdasarkan perangkaan daripada MIDA, jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011 ialah sebanyak RM9.11 bilion melalui109 projek. Daripada jumlah ini, RM7.15 bilion adalah pelaburan asing dan RM1.96 bilion adalah pelaburan tempatan. Hasil daripada pelaburan ini, sebanyak 14,293 peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah kejayaan atau hasil yang dicapai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha meningkatkan peluang pekerjaan kepada kaum wanita sepanjang tahun 2012?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berdasarkan program yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini seperti Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Pulau Pinang, Penang Career Assistance and Talent (CAT) memperlihatkan kejayaan terhadap hasrat Kerajaan Negeri dalam meningkatkan peluang pekerjaan kepada wanita. Pada tahun 2009 sebanyak 81 orang wanita telah mendapat manafaat daripada projek PTSR manakala sejumlah 118 orang lagi pada tahun 2010. Bagi Pusat CAT pula sejumlah lebih kurang 1600 orang wanita telah mendaftar bagi padanan pekerjaan pada 2010. Memandangkan tahun 2012 baru sahaja berada pada suku pertama tahun maka kejayaan atau hasil untuk tahun ini belum dapat diukur sepenuhnya lagi.

   Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga membantu golongan wanita yang keluar bekerja melalui penubuhan Pusat Jagaan Kanak-Kanak di daerah Seberang Perai Tengah dan daerah Timur Laut yang memberi kemudahan penjagaan anak-anak mereka. Bajet Responsif Gender (GRB) juga merupakan antara usaha Kerajaan Negeri melalui penelitian dasar dan kajian semasa untuk membantu golongan wanita dalam meningkatkan peluang pekerjaan. *Pengwujudan Penang Women's Development Corporation* (PWDC) Sdn. Bhd. oleh Kerajaan Negeri adalah sebagai langkah untuk membantu menasihati EXCO Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti dalam menggubal dasar untuk merealisasikan kesaksamaan gender dan keadilan sosial serta melaksanakan advokasi untuk menggalakkan kesaksamaan substansif dan tadbir urus yang baik di Pulau Pinang di mana kaum wanita akan dilayan secara adil dalam sektor pekerjaan. Ia juga akan menjalankan program-program pemerkasaan wanita dalam pelbagai sektor dan meningkatkan penyertaan wanita di dalam sosio-ekonomi serta memantapkan kepimpinan wanita dalam aspek pembuatan keputusan di semua sektor.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai satu hub pendidikan atau pengajian tinggi di rantau ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang mempunyai rancangan untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai hab pendidikan. Di samping Institusi-institusi Pengajian Tinggi yang sedia ada di Negeri Pulau Pinang, Projek Hab Pendidikan Balik Pulau di Mukim 6, Pondok Upeh dan Mukim J, Daerah Barat Daya merupakan salah satu usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai satu hab pendidikan di rantau ini justeru menarik minat institusi Pengajian Tinggi untuk membuka cawangan di Negeri Pulau Pinang. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan kewangan sebanyak RM121 juta bagi maksud pengambilan tanah untuk tujuan institusi pendidikan yang telah diwartakan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 pada 27 Ogos 2009. Pengambilan Balik Tanah di Pondok Upeh, Mukim 6 Daerah Barat Daya, Pulau Pinang dengan jumlah keluasan 103.2239 ekar yang melibatkan 10 lot telah selesai dengan kos RM40,292,885.65 dan tanah tersebut telah menjadi tanah kerajaan pada 27 Oktober 2010.

   Sementara itu urusan pengambilan tanah di Mukim 7 dan J, Genting dengan jumlah keluasan 96.5124 ekar yang melibatkan 27 lot telah diwartakan di bawah Seksyen 8 APT 1960 mengikut Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No. 578 bertarikh 5 Ogos 2010.Pengambilan ini juga adalah bagi tujuan institusi pendidikan selaras dengan cadangan menjadikan kawasan Balik Pulau sebagai hub pendidikan.

   Pengambilan tanah di Mukim G, Balik Pulau dengan keluasan 25.501 ekar sedang diproses. Kerajaan Negeri pada masa yang sama telah menjalankan promosi bagi menarik minat Institusi-institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa untuk menubuhkan kampus cawangan di Hab Pendidikan Balik Pulau. Setakat ini, terdapat satu Universiti Antarabangsa yang telah menunjukkan minat terhadap tanah seluas 100 ekar bagi pembinaan cawangan Universiti berkenaan di Hab Pendidikan Balik Pulau.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menangani masalah rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana rendah yang disewa kepada pekerja asing?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan telah mengambil beberapa tindakan dalam usaha menangani isu rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang telah disewakan kepada pekerja asing seperti berikut:

   (i) Pembinaan unit-unit perumahan awam oleh Kerajaan Negeri hanya dikhaskan kepada rakyat Malaysia sahaja. Sebagai contoh, Rumah Pangsa Taman Ampang Jajar merupakan unit-unit yang diberikan kepada penduduk asal Rumah Hijau. Walau bagaimanapun, tujuh (7) pemilik unit daripada rumah pangsa tersebut didapati telah menyewakan kepada pekerja asing. Satu operasi telah dilakukan pada 8 September 2011 dengan memberi notis sebanyak 30 hari kepada pemilik unit yang menyewakan kepada pekerja asing supaya pekerja asing dipindah keluar. Selepas tempoh 30 hari, disahkan pekerja-pekerja asing telah berpindah keluar.

(ii) Mengadakan perjumpaan dengan wakil penduduk dan JMB bagi memperjelaskan isu penyewaan unit rumah kos rendah kepada warga asing.

(iii) Satu mesyuarat meja bulat berkenaan masalah ini telah diadakan pada 10 Oktober 2011. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Y.B. Exco Perancang Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian telah dihadiri oleh Y.B.-Y.B. ADUN, Pihak Berkuasa Tempatan, Federation of Malaysia Manufacturers (FMM), Real Estate and Housing Developers Association Malaysia (REHDA), Invest-in-Penang Berhad, Socio - Economic & Environment Research Institute (SERI), Jaringan Utara Migrasi dan Pelarian (JUMP), Penang Office for Human Development (POHD) dan agensi-agensi swasta. Antara cadangan yang telah disyorkan oleh ahli mesyuarat adalah untuk membina asrama pekerja di kawasan-kawasan berdekatan kawasan perindustrian.

(iv) Selain daripada itu sebagai langkah awal, pihak PDC kini telah merangka dan membuat perancangan yang lebih komprehensif untuk membina rumah untuk pekerjaperindustrian di Seberang Perai Tengah.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Senaraikan rombongan ke luar Negeri oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha mempromosi sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang dan sila jelaskan apakah pencapaian dalam rombongan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Senarai Rombongan ke luar Negeri oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan sektor pelancongan pada tahuh 2011 adalah seperti berikut:-

(i) Penyertaan Pulau Pinang Di '*International Forum Of Mayors Host Cities*' Sempena '2011 C&D Xiamen International Marathon' Di Xiamen, China Pada 1 Hingga 3 Januari 2011;

(ii) Penyertaan Pulau Pinang Di '*The 30TH Asean Tourism Forum* (ATF 2011)' Pada 16 Hingga 19 Januari 2011;

(iii) Penyertaan Pulau Pinang Di '*Guangzhou International Travel Fair,* Di Guangzhou, China Pada 24 Hingga 26 Mac 2011 ;

(iv) Penyertaan Pulau Pinang Di *7TH International Cultural & Industrail Fair* (ICIF) 2011', Di Shenzhen, China Pada 13 Hingga 16 Mei 2011;

(v) Penyertaan Pulau Pinang Di 24TH Korea World Travel Fair (KOTFA) 2011, Seoul, Korea Selatan Pada 2 Hingga 5 Jun 2011;

(vi) Penyertaan Pulau Pinang Dalam Misi Jualan (Malaysia Association Of Hotel – Australia Sales Mission) Di Sydney Dan Melbourne, Australia Pada 25 Hingga 29 Julai 2011;

(vii) Penyertaan Pulau Pinang Di China (Guangdong*) International Tourism Industry Expo* (CITE) 2011, Guangzhou, China Pada 2 Hingga 5 September

(viii) Penyertaan Pulau Pinang Di 15TH China *International Fair For Investment & Trade* (CIFIT) 2011, Xiamen, China Pada 8 Hingga 11 September 2011;dan

(ix) Penyertaan Pulau Pinang Di Forum 15TH Inter – *Islands Tourism Policy* (ITOP) 2011, Jeju Island, Korea Selatan Pada 28 Hingga 30 Sptember 2011.

Antara pencapaian Kerajaan Negeri melalui penyertaan dalam rombongan ke luar negara adalah:-

(i) Hubungan diplomatik yang erat antara Pulau Pinang dan wilayah yang dikunjungi;

(ii) Pertambahan bilangan kemasukan pelancong ke Pulau Pinang melalui pelbagai kegiatan ekonomi di Pulau Pinang. Misalnya, Pulau Pinang merupakan penyumbang 70% daripada jumlah pelancong perubatan yang mendapatkan perkhidmatan perubatan di Malaysia.

(iii) Pulau Pinang mendapat pengiktirafan sebagai *Eight Most Liveable city in Asia* oleh ECA International dan berada dalam kedudukan ke bagi *10 Top Islands In Teh World You Must experience Before You Die"*

(iv) Pertambahan bilangan pernerbangan terus dari luar negara seperti contoh, penerbangan terus yang diwujudkan oleh Cathay Pacific dari Hong Kong ke Pulau Pinang;

(v) Mempromosikan produk pelancongan Pulau Pinang kepada pemain industri peringkat antarabangsa untuk meletakkan Pulau Pinang sebaris dengan destinasi pelancongan lain di Asia dan dunia khususnya;

(vi) Pulau Pinang lebih dikenali di peringkat antarabangsa sebagai Bandar Warisan yang diumukan oleh UNESCO dan menjadi destinasi percutian yang perlu dilawati;

(vii) Pulau Pinang turut menjadi destinasi pelancongan pendidikan yang sesuai bagi maasyarakat antabangsa berdasarkan kemudahan pengajian peringat tinggi yang ditawarkan di Negeri ini;

(viii) Pertukaran ilmu pengetahuan bersama delegasi luar berkenaan kaedah dan langkah paling pro aktif untuk menggerak dan menrancakkan sektor pelancongan Negeri ini

(ix) Kemudahan pengangkutan di seluruh Negeri sentiasa menjalani penambahbaikan untuk memastikan kemudahan paling selesa disediakan kepada penduduk tempatan dan pelancong asing bahkan menjaga jolokan yang diberikan kepada Pulau Pinang iaitu *"Pearl of The Orient.*

(x) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi dan pilihan bagi penganjuran MICE yang bertaraf antarabangsa

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah tindakan yang telah diambil oleh MPPP/MPSP dalam polisi membenarkan tapak RIBI dijualkan (bukan hanya memajak)kepada pertubuhan agama bukan Islam memandangkan cadangan ini telah dibentangkan dalam persidangan DUN di tahun 2011?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Semua tapak RIBI hanya dibenarkan untuk penyewaan atau pajakan dan bukan untuk dijual. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan pajakan tapak RIBI oleh Persatuan Penganut Dewa Buddha Heong Hoon di mana Persatuan berkenaan juga diberi opsyen untuk membeli tanah yang berkenaan. Setakat ini, Kerajaan Negeri melalui MPPP masih belum menerima sebarang permohonan untuk membeli tapak RIBI daripada mana-mana persatuan.

    Dari segi perundangan, tapak ibadat bukan Islam diserahkan oleh pemaju sebagai kemudahan masyarakat bagi mematuhi syarat-syarat Kebenaran Merancang. Dalam keadaan ini, Pihak Berkuasa Tempatan berperanan sebagai pemegang amanah dan pembeli-pembeli/penduduk skim adalah 'beneficiaries'. Oleh itu, Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab untuk memastikan tapak ini tidak digunakan untuk tujuan lain termasuk dijual. Sekiranya tapak tersebut dijual, ianya tidak selaras dengan syarat Kebenaran Merancang bahawa tanah diserah untuk kemudahan masyarakat. Sehingga kini, tiada tapak RIBI di kawasan MPSP dijualkan (bukan hanya memajak) kepada pertubuhan agama bukan Islam.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Terdapat aduan bahawa tapak penjaja MPPP yang tendernya dikeluarkan oleh MPPP telah disewa (sub-let) oleh penyewa kepada pihak ketiga untuk mengaut keuntungan.

    (a) Adakah tindakan diambil oleh MPPP untuk memantau isu ini dan bagaimana MPPP hendak menyelesaikan isu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri sememangnya amat serius dalam menangani isu sewa kecil (sub-let). Justeru itu pada tahun 2010, Kerajaan Negeri melalui MPPP telah menyelesaikan semua kes sewa kecil di pasar/kompleks/ Tapak Penjaga Sementara (TPS) MPPP.

    Sekiranya masih terdapat kes sewa kecil yang dikesan, tindakan pembatalan lesen akan terus dilaksanakan terhadap pemegang lesen. Penyewa juga akan diminta untuk memberhentikan perniagaan. Tindakan ini adalah berdasarkan persetujuan yang telah dibuat dengan pemegang lesen iaitu sekiranya kes-kes sewa kecil dikesan dan dibuktikan, pelesen dan penyewa akan diambil tindakan. Bagi tapak-tapak MPPP yang telah ditender, tindakan akan diambil terhadap pengusaha terbabit sekiranya MPPP mempunyai bukti wujud unsur-unsur sewa kecil.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu industri kecil tempatan seperti industri perabut kayu , industri besi memandangkan tiada satu kawasan yang sesuai untuk industri tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri amat prihatin dalam usaha membangunkan industri kecil dan sederhana tempatan (IKS) di Pulau Pinang. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan IKS seperti industri perabot kayu dan industri besi ialah melalui penubuhan:-

(i) Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan Enterprise Kecil dan Sederhana atau *SME Market Advisory, Resource and Training Centre* (S.M.A.R.T. Centre).

S.M.A.R.T. Centre dikendalikan oleh investPenang bagi menyediakan bantuan nasihat mengenai maklumat pasaran, pembangunan perniagaan serta menganjurkan sesi latihan dan pemadanan perniagaan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan. Pusat ini menyokong pertumbuhan dan perkembangan setiap industri termasuk industri perabot kayu dan industri besi. Daripada bulan Januari hingga bulan Mac tahun 2012, S.M.A.R.T. Centre telah membantu sebanyak 33 IKS yang terdiri daripada pelbagai industri.

S.M.A.R.T. Centre juga menganjurkan sesi pemadanan perniagaan kepada IKS tempatan untuk memperkembangkan jaringan dan rangkaian perniagaan mereka. Dalam tempoh 3 bulan yang pertama tahun ini, S.M.A.R.T. Centre telah menganjurkan sebanyak 60 sesi pemadanan perniagaan bersama 2 delegasi dari Singapura dan New Zealand. Selain itu, S.M.A.R.T. Centre juga telah membantu 2 buah syarikat antarabangsa dalam usaha untuk mendapatkan sumber bagi bahan mentah dan perkhidmatan mereka. Sebanyak 28 seminar dan bengkel telah dianjurkan oleh S.M.A.R.T. Centre sejak ia ditubuhkan pada tahun 2010 sehingga Mac 2012 untuk meningkatkan pengetahuan dan daya kemahiran IKS tempatan.

S.M.A.R.T. Centre juga membangunkan direktori talian bagi pemasaran IKS di pasaran tempatan dan antarabangsa. Sehingga kini, seramai 250 IKS daripada pelbagai industri telah mendaftar sebagai ahli direktori talian S.M.A.R.T. Centre.

(ii) Pusat Enterprise Kecil dan Sederhana (SME Centre)

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melabur sebanyak RM40 juta dalam menubuhkan SME Centre dengan keluasan 129,481 per segi untuk disewa kepada para IKS di Pulau Pinang. SME Centre bertujuan untuk memupuk dan menggalakkan innovasi di kalangan IKS melalui penyediaan insentif dalam bentuk subsidi sewa. Selain daripada itu, SME Centre juga bertujuan untuk memperkembangkan kluster rantaian bekalan bagi memenuhi keperluan industri di Pulau Pinang.

SME Centre adalah terdiri daripada bangunan kilang 4 tingkat yang dibangunkan di Fasa 4, Taman Perindustrian Bayan Lepas, Pulau Pinang. Subsidi sewa yang diberikan dapat mengurangkan beban kos perniagaan dan meningkatkan daya saingan IKS di pasaran antarabangsa.

(iii) Kampung Industri Kecil dan Sederhana (SMI Village)

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah mengenalpasti 150 ekar tanah perindustrian di Taman Perindustrian Batu Kawan untuk dibangunkan sebagai SMI Village. Kerajaan Negeri akan membina kilang teres dan berkembar di SMI Village untuk ditawarkan kepada IKS tempatan yang berpotensi.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperbaiki keadaan lalu lintas yang semakin pesat di kawasan Relau?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Dalam usaha memperbaiki keadaan lalu lintas yang semakin pesat di kawasan Relau, Kerajaan Negeri melalui JKR telah memohon bagi projek membina jalan dari dua (2) lorong ke empat (4) lorong dari Jalan Air Itam / Bandar Baru Air Itam ke Jalan Paya Terubong / Jalan Relau, Daerah Timur Laut dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMke-10). Bagaimanapun, projek ini tidak diluluskan dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMke-10). JKR akan memohon semula peruntukan bagi projek ini.

Melalui pihak MPPP, usaha yang telah diambil dan perancangan yang telah dibuat untuk memperbaiki keadaan lalu lintas di kawasan Relau adalah:

(i) Sebahagian Jalan Paya Terubong telah dinaik taraf ke jalan empat (4) lorong. Kerja-kerja menaik taraf Jalan Paya Terubong ini sedang dijalankan secara berperingkat dengan pemajuan tanah di sepanjang koridor terlibat. Permohonan juga telah dikemukakan kepada Kerajaan Pusat untuk menaik taraf keseluruhan Jalan Paya Terubong (yang merupakan sebatang jalan persekutuan) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 akan tetapi tidak diluluskan. Kerajaan Negeri akan menyusuli dengan Kerajaan Pusat mengenai permohonan ini.

(ii) Menaik taraf persimpangan Jalan Paya Terubong / Jalan Dato' Ismail Hashim. Kerja- kerja melebarkan persimpangan ini telah disyaratkan ke atas pemaju pembangunan di lokasi terlibat. Kerja-kerja telah bermula pada tahun 2011 dan dijangka dapat disiapkan pada tahun 2013.

(iii) Lampu-lampu isyarat telah dinaik taraf untuk kawalan lalu lintas yang lebih efisien.

(iv) Reka bentuk awal telah disediakan untuk menghubungkan Jalan Paya Terubong ke Jalan Mahsuri melalui rizab perparitan utama sedia ada. Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada tahun 2013.

(v) Perancangan telah dibuat untuk menghubungkan jalan berkembar Jalan Paya Terubong (Jalan Bukit Kukus) dari kawasan Bandar Baru Air Hitam (Farlim) ke Lebuh Bukit Jambul (Relau). Reka bentuk terperinci sedang disediakan pada masa sekarang untuk menyambung Jalan Bukit Kukus dari Lebuh Raya Thean Tek (Lone Pine) ke Tingkat Paya Terubong 1 (Sun Moon City).

(vi) Terowong telah dicadangkan di bawah Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) untuk menghubungkan kawasan Balik Pulau ke Relau. Terowong ini akan mengurangkan kesesakan lalu lintas di persimpangan Jalan Tun Sardon / Jalan Paya Terubong.

(vii) Kerajaan Negeri juga sedang bekerjasama dengan Rapid Penang untuk mewujudkan perkhidmatan bas awam dari kawasan Bayan Lepas melalui Relau ke Air Itam dan pusat bandar George Town.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menarik institusi pengajian tinggi atau universiti yang terkenal untuk membuka cawangan di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Projek *Education Hub* Balik Pulau di Mukim 6, Pondok Upeh dan Mukim J, Daerah Barat Daya merupakan salah satu usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai satu hab pendidikan di rantau ini justeru menarik minat Institusi- institusi Pengajian Tinggi untuk membuka cawangan di Negeri Pulau Pinang. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan kewangan sebanyak RM121 juta pada tahun 2010 bagi maksud pengambilan tanah seluas 202.723 ekar (41 lot) untuk tujuan awam (institusi pendidikan) yang telah diwartakan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 pada 27 Ogos 2009.

Kerajaan Negeri pada masa yang sama telah menjalankan promosi bagi menarik minat Institusi-institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa untuk menubuhkan kampus cawangan di *Education Hub* Balik Pulau. Sehingga kini, terdapat satu Universiti Antarabangsa yang telah menunjukkan minat terhadap tanah seluas 100 ekar bagi pembinaan cawangan Universiti berkenaan di *Education Hub* Balik Pulau.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Konsep *homestay* adalah satu tarikan yang popular di sektor pelancongan Taiwan. Apakah dasar/polisi homestay yang dipraktik oleh MPPP? Adakah rumah kediaman dibenarkan ditukar menjadi *homestay* dan apakah prosedur permohonan operasi homestay?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sehingga kini, tiada lesen untuk aktiviti *homestay* dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). MPPP tidak mempunyai dasar/polisi khusus

bagi tujuan tersebut. Aktiviti jenis ini adalah dianggap sebagai aktiviti rumah tumpangan dan boleh dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian, MPPP 1991 dengan syarat-syarat yang tertakluk di bawah Dasar dan Garis Panduan MPPP.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Masalah penternakan lembu yang tanpa lesen masih tidak dapat diselesaikan di Paya Terubong dan masalah lembu keliaran masih berlarutan. Sila nyatakan apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menempat semula penternak lembu berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Terdapat 3 orang penternak lembu di Paya Terubong yang menternak tanpa lesen dengan ternakan berjumlah 74 ekor. Hanya seorang penternak yang mengusahakan ternakan lembu secara intensif berkandang melibatkan 54 ekor lembu, manakala dua lagi penternak menternak secara lepas bebas. Ternakan yang dilepas bebas ini menyebabkan kejadian lembu berkeliaran di sekitar kawasan Paya Terubong.

Usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) ialah memberi nasihat kepada penternak-penternak ini supaya tidak melepas bebas ternakan mereka kerana akan menyebabkan gangguan kepada orang awam. Ternakan yang lepas bebas ini juga adalah menyalahi peraturan kawalan penyakit ternakan.

Pihak penternak juga telah dinasihati supaya membina kandang ternakan di tanah yang mendapat kebenaran dari Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjalankan usaha penternakan. Walau bagaimanapun, cadangan penempatan semula penternak-penternak ini di kawasan baru adalah tertakluk kepada kesediaan tanah memandangkan tanah yang bersesuaian adalah terhad di kawasan pulau Negeri Pulau Pinang terutamanya Paya Terubong.

Setakat ini tapak yang ada di Balik Pulau tidak mendapat persetujuan penternak untuk berpindah.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila senaraikan projek perumahan yang telah diluluskan oleh MPPP di kawasan Bandar Baru Ayer Itam, Paya Terubong dan Relau pada tahun 2011.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Terdapat tiga (3) projek perumahan yang telah diluluskan oleh MPPP di kawasan Bandar Baru Ayer Itam, Paya Terubong dan Relau pada tahun 2011. Perincian projek-projek berkenaan adalah seperti di Lampiran A.

LAMPIRAN

SENARAI PROJEK PERUMAHAN YANG TELAH DILULUSKAN OLEH MPPP DI KAWASAN BANDAR BARU AYER ITAM, PAYA TERUBONG DAN RELAU PADA TAHUN 2011

BIL	NO.PELAN	TARIKH KEMUKA	STATUS PELAN	TARIKH PELAN LULUS	LOT	DAERAH	PEMAJUAN	PEMAJU	AKITEK
1	MPPP/OSC/PB(2757)/10	07/12/2010	Lulus Bersyarat	06/21/2011	54	DTL	Cadangan membina A) 1 Blok Bangunan 40 tingkat yg mengandungi I) Podium 4 Paras t/letak kenderaan ii) Rumahpangsa Kos Mewah 36 Paras (termasuk 299 unit Jenis A, A1, B, C, t/letak kenderaan dan kemudahan masyarakat iii) Rumahpangsa Kos Sederhana Rendah 24 Paras (Jenis D) (234) unit (700 k.p). dan kemudahan masyarakat B) Rumah Teres 3 tingkat (91 unit) di Lebuhraya Thean Teik Pulau Pinang	Tetuan Jiran Bina Sdn. Bhd.,	LSB Arkitek
2	MPPP/OSC/PB(2981)/10(LB)	09/21/2010	Lulus Bersyarat	05/24/2011	PT 246	DBD	Cadangan membina satu blok pangsapuri kos sederhana rendah 12 tingkat (750kp/69.7mp) 176 unit di Jalan Dato' Ismail Hashim/ Jalan Paya Terubong Sungai Ara Pulau Pinang	Tetuan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad	Amir Zulkiflie
3	MPPP/OSC/PB(3083)/10(LB)	10/23/2010	Lulus Bersyarat	11/08/2011	PT (252) Lot 1082 Lot asal PT 2568	DBD	Cadangan mendirikan 2 Blok 26 tingkat Pangsapuri Kos Sederhana Jenis B1 (672 unit) termasuk 5 tingkat Podium yang mengandungi 176 unit Kedai / pejabat 22 unit Kiosk, kemudahan dan tempat letak kereta di Jalan Dato' Ismail Hashim / Jalan Paya Terubong Sg. Ara Pulau Pinang	Tetuan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Bhd.,	Cipta Teguh Architects Sdn. Bhd.,

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Nyatakan bilangan OKU yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan sehingga bulan Mac tahun 2012 dan bentuk-bentuk bantuan yang telah diberikan kepada OKU.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Bilangan OKU yang telah berdaftar sehingga Mac 2012 adalah seramai 22,449 orang dan bantuan sebanyak RM100 setahun diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Bantuan ini diberi bagi membolehkan penerima bantuan menguruskan keperluan/urusan harian demi kelangsungan hidup. Golongan ini juga diberi peluang untuk menjana ekonomi dengan bantuan dari agensi-agensi seperti MARA, PUZ, Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Pertanian dengan memberi bantuan modal dan khidmat nasihat bagi memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Bagi golongan ini yang memenuhi kriteria yang ditetapkan, mereka juga layak memohon skim Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang peruntukannya disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sila senaraikan tanah TOL yang telah diberikan oleh Pejabat Tanah di KADUN Paya Terubong dari tahun 2008 sehingga 2011?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Permohonan TOL yang telah diluluskan di Kawasan KADUN Paya Terubong bagi tempoh 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut:

Bil	No.Lot/ Mukim	Daerah	Keluasan	Pemohon	Tarikh Kelulusan	Tujuan
1	Berhampiran Jalan Kampung Melayu, Ayer Itam	DTL	421.41 m.p (4536 k.p)	MPPP	27.02.2009	Tapak gerai – gerai sedia – ada
2	No. 141 – B Paya Terubong, Mukim 13	DTL	122.91 m.p (1323 k.p)	Lam Kam Khee	11.02.2010	Kediaman
3	Sebahagian Lot 1416. No 1256 – U, Jalan Paya Terubong, Mukim 13	DTL	128.21 m.p (1380 k.p)	Mohd Radhi Bin Mohd Yusoff	14.07.2010	Kediaman
4	Sebahagian Lot 1416, No. 1250 – E, Jalan Paya Terubong, Mukim 13	DTL	34.75 m.p (374 k.p)	Kamal Bin Abdullah	28.07.2010	Kediaman
5	Sebahagian Lot 1416, No. 1256 – S, Jalan Paya Terubong, Mukim 13	DTL	171.68 m.p (1848 k.p)	Norlaili Binti Yusoff	24.08.2010	Kediaman
6	Lot 2251, No. 1256 – C, Jalan Paya Terubong, Mukim 13	DTL	552.22 m.p (5944 k.p)	Goh Theen Kim	26.01.2011	Kediaman
7	Sebahagian Lot 1416, No.1250-P, Jalan Paya Terubong, Mukim 13	DTL	130 m.p (1400 k.p)	Suzana bt Mohd Jaini	07.10.2011	Tapak kediaman

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Bilakah projek sPICE akan bermula?

(b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap prosiding mahkamah yang dibawa oleh segelintir kumpulan yang membantah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Penyerahan tapak milikan kosong kepada petender yang berjaya, iaitu Eco Meridian Sdn. Bhd. (EMSB) adalah pada 15.04.2012 untuk memulakan kerja pembinaan di premis Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA). Tempoh pembinaan sPICE adalah selama 36 bulan dari tarikh milikan kosong diberi.

Kes mahkamah telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 18.5.2012 bagi mendengar permohonan plaintif. Kerajaan Negeri dan MPPP masing-masing telah memfailkan pembelaan di Mahkamah.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Sila senaraikan hotel bajet di George Town yang mempunyai lesen operasi dan tidak ada lesen operasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Senarai hotel bajet di George Town yang berlesen dan juga yang tidak berlesen adalah seperti di bawah:-

Senarai Hotel Budget di George Town
Senarai Hotel Budget Berlesen

Bil.	Nama Tred	Alamat
1	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	NO. 422 LEBUH CHULIA
2	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	431-F LEBUH CHULIA
3	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	NO. 495 H & I JALAN PENANG
4	HOTEL GOLDEN CITY	12 LORONG KINTA
5	(RUMAH TUMPANGAN E & A BUDGET HOTEL SDN BHD)	NO. 380 LEBUH CHULIA
6	NEW SAVOY HOTEL	NO. 156 LORONG HUTTON
7	EASTERN HOTEL	509 LEBUH CHULIA
8	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	NO. 362 LEBUH CHULIA
9	HONG PING HEALTH CENTRE	273 LEBUH CHULIA (TKT 1)
10	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	NO. 6 JALAN TRANSFER
11	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	302 LEBUH CHULIA
12	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	23 LEBUH LIGHT

13	KOMTAR HOTEL SDN BHD	JALAN MAGAZINE 10300 PULAU PINANG
14	KIM SUN HOTEL	86 LEBUH CAMPBELL
15	ENG LOH HOTEL	48 LEBUH GEREJA
16	PARAMOUNT HOTEL	48-F JALAN SULTAN AHMAD SHAH
17	KIN TOO HOTEL	128 JALAN SEANG TEIK
18	(RUMAH TUMPANGAN SIN TONG AH HOTEL & PUB)	163, JALAN ARGYLL
19	SOO CHOW HOTEL	16/18 KAMPONG DELI
20	SIN TONG AH HOTEL	163 JALAN ARGYLL
21	MODERN HOTEL	179-C LEBUH MUNTRI
22	BROADWAY BUDGET HOTEL	35-F JLN MASJID KAPITAN KELING
23	MERLIN HOTEL	NO.1 & 1A LEBUH PENANG
24	MINGOOD HOTEL	164 JALAN ARGYLL
25	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	NO. 110 JALAN PINTAL
26	HOTEL LAY HONG	194-A JALAN MACALISTER
27	ORANGE MOTEL & KAFE	NO. 2 JALAN PINTAL TALI
28	PEKING HOTEL	50-A PENANG ROAD
29	CATHAY HOTEL	15 LEBUH LEITH
30	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	69 JALAN TRANSFER
31	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	NO. 80 A & 82 LOVE LANE
32	PP ISLAND HOTEL	33-A, LORONG ABU SITI
33	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	456, LEBUH CHULIA
34	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	81 LEBUH TYE SIN
35	HANG CHOW HOTEL	511 LEBUH CHULIA
36	SKY HOTEL	348 LEBUH CHULIA
37	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	22 JALAN TRANG 10150 PULAU PINANG
38	HOTEL RIO	64-I LEBUH BISHOP
39	HOCK AUN HOTEL	70 JALAN DATUK KRAMAT
40	HOTEL NOBLE	36 LORONG PASAR
41	FEDERAL HOTEL	39 PENANG ROAD

42	HONG AUN HOTEL & CAFE	111 LORONG HUTTON
43	STAR HOTEL	246 LEBUH CARNARVON
44	RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL	NO. 130 JALAN MACALISTER
45	PARIS HOTEL	2 JALAN IRVING
46	NAM SENG HOTEL	124 LORONG HUTTON
47	TETUAN ORIENTAL SDN BHD	105 PENANG ROAD
48	INTERNATIONAL HOTEL	90/92 JALAN TRANSFER
49	SHUI KAT & CO SDN BHD	68-A/70 PENANG ROAD
50	LUM FONG HOTEL	108 LEBUH MUNTRI
51	RUMAH TUMPANGAN	NO. 106 LEBUH CAMPBELL
52	HOTEL BLUE DIAMOND	422 LEBUH CHULIA
53	WALDORF HOTEL	13 LEBUH LEITH
54	WHITE HOUSE HOTEL	72 PENANG ROAD
55	WAN HAI HOTEL	35 LOVE LANE
56	HOTEL TONG LOK	151 JALAN BURMA
57	THYE AUN HOTEL	94 JALAN PINTAL TALI
58	HOTEL AI GOH	465 PENANG ROAD
59	BAN AUN HOTEL	224 JALAN PRANGIN

Senarai Hotel Budget Tidak Berlesen

Bil.	Nama Tred	Alamat
1	SMALL IN	19 LEBUH KIMBELY
2	JIMS PLACE	431 LEBUH CHULIA
3	ROPE WALK HOTEL	139 JALAN PINTAL TALI
4	FRIENDSHIP	53 KAMPUNG MALABAR
5	TOURIST GUEST HOUSE	427/429 LEBUH CHULIA
6	OLD PENANG HOTEL	16-28 JALAN TRANG
7	BACKPACKERS DAY & NIGHT	319 LEBUH CHULIA
8	RUMAH TUMPANGAN BORNEO	355/357 LEBUH CHULIA
9	MONKEY INN	12 LEBUH CARNAVON
10	RUMAH TUMPANGAN RED INN	15 LOVE LANE

11	RUMAH TUMPANGAN RED INN	55 LOVE LANE
12	RED INN CABANA	22 LEBUH LEITH
13	RYOKAN CHICKS GUESS HOUSE	70 MACALISTER STREET
14	23 LOVE LANA AREA	LOVE LANE
15	REGGAE HOTEL	57 LOVE LANE
16	CIVILLANS INN	52 LOVE LANE
17	LOVE LANE INN	54 LOVE LANE
18	STAR LODGE	39 LEBUH MUNTRI
19	RUMAH TUMPANGAN 75	75LEBUH MUNTRI
20	ROOM MATE GUESS HOUSE	17 B LORONG CHULIA
21	SMALL INN	20 LEBUH KIMBERLY
22	JIMS PLACE	432 LEBUH CHULIA
23	FRIENDSHIP HOTEL	LEBUH PENANG
24	TOWER BUDGET HOTEL	LEBUH AH QUEE
25	VICTORIA INN	LEBUH VICTORIA
26	D'CHULIA HOTEL	LEBUH CHULIA

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Sila senaraikan tapak pendidikan yang berada di seluruh Negeri Pulau Pinang yang masih belum dibangunkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Senarai tapak pendidikan yang masih belum dibangunkan mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN
Seberang Perai Utara	2
Seberang Perai Tengah	3
Seberng Perai Selatan	6
Daerah Timur Laut	1
Daerah Barat Daya	2

Kesemua tapak-tapak ini masih didalam peringkat cadangan pembangunan samada untuk bangunan sekolah baru atau binaan bangunan tambahan seperti di Lampiran 'A'.

LAMPIRAN 'A'

BIL	NO. HAKMILIK / NO. WARTA / 166(4) / 166(3)	NO. LOT / PT / PTD	MUKIM / SEKSYEN / BANDAR / PEKAN	DAERAH / JAJAHAN	LOKASI	LUAS (Ha)	KEMENTERIAN / JABATAN PENGGUNA	CADANGAN KEGUNAAN ASAL TANAH
1	GN 40190	2227	Sek.4, Bandar Butterworth	SPU	Perai	0.4844	Kem. Pelajaran	Stor Penyimpan Barang-Barang Jabatan Pelajaran
2	Rizab 166(3)	102		SPU	Teluk Air Tawar	0.08	Kem. Pelajaran	SK Teluk air Tawar
3	HS(D) 30149	PT 1417	Mukim 12	SPU	Tasek Gelugor	5.3012	Kem. Pelajaran	SK Tasek Gelugor 2
4	HS(D) 48862	PT 11	Mukim 18	SPT	Mengkuang Tandop	15.3716	Kem. Pelajaran	SMKA Mengkuang
5	HS(D) 55057	PT 8	Mukim 05	SPT	Tanah Liat	6.2465	Kem. Pelajaran	Sekolah Baru Tanah Liat
6	HS(M) 2043	PT 145	Mukim 16	SPT	Machang Bubok	0.4	Kem. Pelajaran	Tambahan SK Machang Bubok
7	HS(M) 73	PT 100	Mukim 19	SPT	Mengkuang	0.69	Kem. Pelajaran	Tambahan SK Mengkuang
8	GM 616	464	Mukim 04	SPS	Sungai Bakap	1.40628	Kem. Pelajaran	Sek. Jenis. Keb. Sg. Bakap
9	HS(M) 802	PT 132	Mukim 05	SPS	Sungai Bakap	3.7671	Kem Pelajaran	Sek. Keb. Seuling Emas
10	HS(M) 266	PT 407	Mukim 10	SPS	Sungai Chenaam	3.3663	Kem Pelajaran	Sek. Keb. Sungai Chenaam
11	HS(D) 37642	PT 434	Mukim 09	SPS	Nibong Tebal	9.0833	Kem Pelajaran	Sek Keb. / Sek. Men. Sri Permatang
12	HS(D) 36290	PT 703	Mukim 07	SPS	Nibong Tebal	4.8562	Kem Pelajaran	Sek Keb. / Sek. Men. Bukit Pancor
13	HS(D) 37487	PT 589	Mukim 10	SPS	Nibong Tebal	8.173	Kem Pelajaran	Sek. Men. Keb. Sungai Bakau
14	GRN 39864	3780	Mukim 18	DTL	Tanjong Bungah	4.04481	Kem. Pelajaran	Tapak Tamabahan Sek. Men. Keb. Tanjong Bungah
15	Rizab 166(3)	1185	Mukim 09	DBD	Teluk Kumbar	0.07	Kem. Pelajaran	Kuarters Guru Teluk Kumbar
16	HS(D) 22261	PT 136	Mukim 06	DBD	Pondok Upeh	3.076	Kem. Pelajaran	Sek. Keb. Pondok Upeh
17	GRN 70324	11213	Mukim 12	DBD	Relau	1.6307	Kem. Pelajaran	Sek. Keb. Relau
18	Rizab 166(3)	158	Mukim B	DBD	Sungai Pinang	0.09	Kem Pelajaran	Kuarters Guru

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Difahamkan wujudnya Zon Pendidikan di Lot 7683, Mk. 13, Daerah Timur Laut di Paya Terubong. Sila nyatakan pemilik berdaftar dan apakah cadangan Lot ini? Adakah sekolah awam akan dibina di atas lot tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pemilik berdaftar keseluruhan Lot 7683 Mk 13 Daerah Timur Laut ialah Senitrad Sdn. Bhd., dan tanah ini adalah Geran First Grade.

Di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 (Warta Kerajaan Jilid 51 No. 13 Tambahan No. 1 Bertarikh 28 Jun2007), tapak tersebut dalam Kawasan Keutamaan Pembangunan yang secara indikatif ditunjukkan sebagai 'Pembangunan Baru'. Merujuk kepada Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan MPPP, tapak tersebut dizonkan sebagai 'Zon Pendidikan'.

Berdasarkan zoning yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri, peruntukan bagi pembinaan sekolah kerajaan akan disediakan oleh Kementerian Pelajaran.

(XX) Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mendirikan satu Pusat Penjagaan Anak-anak di Kawasan Pengkalan Kota supaya memudahkan ibu-ibu yang perlu berkerja?

(a) Jika ada, sila huraikan denga teliti apa cadangan?

(b) Jika tiada, mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pada dasarnya pembentukan sesebuah Majlis Perbandaran adalah berpandukan kepada beberapa kriteria berikut:

Majlis Perbandaran

(i) merupakan bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah Negeri ataupun daerah;

(ii) penduduknya tidak kurang daripada 150,000 orang;

(iii) mempunyai pendapatan dari sumber kewangan yang mapan (sustainable) dengan hasil tahunan tidak kurang dari RM20 juta dan berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap yang wajar dan selesa sesuai dengan tahap kualiti hidup sebuah perbandaran;

(iv) mempunyai kegiatan perindustrian, perniagaan, pelancongan dan perumahan utama sedia ada ataupun dalam perancangan yang dikenal pasti berpotensi memberi sumbangan kepada pertambahan pegangan yang boleh dikenakan cukai serta penjanaan peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor;

(v) keupayaan menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga di samping menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial;

(vi) mempunyai kemudahan infrastruktur yang memuaskan serta dihubungkan dengan sistem lebuhraya yang cekap. Mempunyai konsep perancangan bandar yang mapan (sustainable) yang berupaya menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami. Indikator bandar mampan seperti yang ditekankan dalam Sistem Malaysia Urban Indicator Network (MURNInet) juga akan diambil kira; dan

(vii) mempunyai program yang boleh menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti pelaksanaan Program Local Agenda 21 (LA 21) ataupun penglibatan jawatankuasa penduduk.

Berdasarkan kepada kriteria sedia ada adalah tidak mungkin kelima-lima daerah tersebut dijadikan 5 Majlis Perbandaran. Ini adalah kerana terdapat daerah terutama SPU dan SPS yang tidak memenuhi kriteria berkenaan.Cadangan penubuhan Majlis Perbandaran juga satu langkah ke belakang kerana ianya akan menjejaskan permohonan Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf Majlis Perbandaran Pulau Pinang kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang kerana dengan pemecahan MPPP untuk mewujudkan dua Pihak Berkuasa Tempatan, kriteria-kriteria penarafan bandaraya tidak dapat dicapai. Pada ketika ini, adalah difikirkan tidak wajar untuk mewujudkan lebih daripada dua (2) Majlis Perbandaran seperti yang ada sekarang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah nama dan tempat projek-projek perumahan yang mampu beli yang telah diumum oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

(a) Sila senaraikan projek-projek tertentu dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah membangunkan empat (4) projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah iaitu :

(i) pembangunan semula Gat Lebuh Nordin di atas Lot. 341, Seksyen 11E, Daerah Timur Laut sebanyak 686 unit kos rendah dan 1,522 unit kos sederhan rendah, dibangunkan oleh PLB Wonderbay Sdn. Bhd.;

(ii) Projek pembangunan semula Ampang Jajar/Rumah Hijau di atas tanah Kerajaan Negeri, Seksyen 3, Bandar Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara sebanyak 304 unit rumah kos rendah, dibangunkan oleh Silver Channel Sdn. Bhd.

(iii) Pembinaan projek Halaman Kenanga di Sungai Nibong, Daerah Timur Laut sebanyak 204 rumah kos rendah dan 510 rumah kos sederhana rendah melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC);

(iv) Pembinaan projek Halaman Seroja di Bandar Cassia, Seberang Perai Tengah sebanyak 195 rumah kos sederhana rendah melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Kerajaan Negeri juga telah merancang untuk membina rumah mampu milik di Batu Kawan atas tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seluas 150 ekar yang merangkumi pembinaan sebanyak 11,800 unit rumah mampu milik bertingkat yang akan dibina secara berperingkat mengikut fasa dengan keluasan dari 800 kaki persegi berharga RM72,500.00 hingga 1,000 kaki persegi berharga RM220,000.00. Fasa pertama projek mengandungi 520 unit dijangka mula dibina pada hujung tahun 2012. Keseluruhan fasa dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah membuat perancangan untuk memperbanyakkan dan menambah bilangan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah melalui:

(i) pembinaan perumahan kos rendah iaitu pembangunan semula Kampung Pisang Awak II di atas tanah Plot A, bersebelahan Lot Pt 51, Seksyen 4, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut. Pembangunan semula ini melibatkan pembinaan sejumlah 384 unit rumah yang terdiri daripada 192 unit rumah kos rendah dan 192 unit rumah kos sederhana rendah.

(ii) menender semula pembangunan perumahan kos rendah di Ampang Jajar/Ujung Batu, Seberang Perai Utara yang melibatkan pembinaan sejumlah 800 unit rumah kos rendah.

(iii) menampung keperluan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah melalui perancangan untuk membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang diberi milik kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) melalui Request For Proposal (RFP).

(iv) merancang bagi membina 44 unit Rumah Mampu Milik di atas sebahagian lot 680, Mukim 1, Daerah Seberang Perai Selata (SPS), Pulau Pinang. Kerja-kerja pembersihan tapak dan tambun tanah sedang dilaksanakan pada tahun ini oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang dan JKR Daerah SPS. Pembinaan rumah mampu milik tersebut dirancangakan dibangunkan pada tahun 2013.

(v) membuat perancangan untuk membangunkan rumah kos rendah di atas tanah Kerajaan Negeri Lot 1534, Mukim 11, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan seluas 15.1 ekar melalui Request For Proposal.

Di samping itu, Kerajaan Negeri masih lagi berusaha mengenal pasti tapak-tapak Kerajaan Negeri yang berpotensi untuk dimajukan dengan perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik terutamanya di bahagian Pulau.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sudah lebih satu tahun Negeri Pulau Pinang mengamalkan Projek No Plastic Bag. Adakah ini berjaya? Sila huraikan kejayaan projek tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kempen *No Free Plastic Bags Every Monday* telah di lancarkan pada Julai 2009. Kempen ini merupakan satu kejayaan besar bagi Kerajaan Negeri kerana dalam masa 4 bulan sahaja sejak pelancaran, pengusaha-pengusaha pasar raya telah berjaya menjimatkan lebih daripada 1 juta beg plastik. Angka penjimatan ini terus meningkat berikutan lanjutan hari *No Free Plastic Bags Every Monday* (2009) sehingga No Free Plastic Bags Everyday(2011). Mengikut maklum balas yang diterima daripada pengusaha-pengusaha pasar raya dan kedai-kedai yang turut serta dalam kempen, bilangan beg plastik yang telah dapat dijimatkan sehingga Jun 2011 ialah lebih kurang 33 juta beg plastik. Ini jelas membuktikan tahap kesedaran warga Pulau Pinang mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar semakin meningkat

Pada mulanya pengusaha-pengusaha perniagaan turut serta dalam kempen ini secara sukarela. Mulai 1 Januari 2010, Pihak Berkuasa Tempatan telah mewajibkan pengusaha-pengusaha perniagaan turut serta dalam kempen ini sebagai syarat tambahan di bawah peruntukan Seksyen 107(2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk memperbaharui lesen perniagaan. Pengusaha-pengusaha pasar raya serta kedai-kedai yang turut serta dalam kempen ini telah memberhentikan tempahan beg plastik mulai pertengahan tahun 2010.

Sejak pelancaran kempen ini juga, didapati kadar pelupusan sampah telah menunjukkan penurunan lebih kurang 5%. Penurunan ini jelas melalui penghantaran kadar sampah tapak pelupusan iaitu dari 675,539 metrik tan pada tahun 2010 kepada 641,364 metrik tan pada tahun 2011. Sebelum kempen ini dilancarkan kita dapat lihat beg plastik di merata-rata tempat seperti di parit, longkang dan sungai. Keadaan ini menyumbang kepada kejadian banjir kilat kerana beg-beg plastik mudah menyekat aliran air. Senario ini berubah setelah hari *No Free Plastic Bags* dilanjutkan dari sehari kepada 3 hari dan seterusnya setiap hari mulai tahun 2011.

Walaupun pada awal pelancaran kempen ini, orang awam agak sukar untuk membudayakan tabiat membawa beg membeli-belah sendiri namun dalam masa yang singkat pengusaha-pengusaha pasaraya dan pengguna telah memberi sokongan yang memberangsangkan. Kempen ini menerimasokongan yang memberangsangkan kerana tahap kesedaran orang awam mengenai konsep 3R telah meningkat. Justeru kadar kitar semula di Pulau Pinang meningkat kepada lebih kurang 26%. Keadaan ini telah meyakinkan Kerajaan Negeri untuk melanjutkan kempen ini kepada *No Free Plastic Bags Everyday* mulai tahun 2011.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila senaraikan dengan teliti apakah projek-projek yang telah dijalankan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Projek-projek yang sedang dan telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang sejak tahun 2008 untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bahagian Pulau adalah seperti berikut:-

(i) Projek Menaik taraf Persimpangan Lorong Batu Lancang/Lebuhraya Thean Teik. Projek ini telah disiapkan pada bulanOgos 2011.

(ii) Projek Pelebaran Sebahagian Jalan Ayer Itam dan Menaik taraf Laluan Pejalan Kaki di Persimpangan Jalan AyerItam/Jalan Masjid Negeri/Jalan Scotland. Projek ini telah disiap disiapkan pada bulan Januari 2012.

(iii) Projek Menaik taraf Jalan, Laluan Pejalan Kaki dan Saliran di Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal serta sebahagian Jalan Mount Erskine dan Jalan Burma. Projek ini sedang dijalankan dan dijangka siap pada bulan Julai 2012.

(iv) Projek Menaik taraf Sebahagian Jalan Masjid Negeri di antara Jalan Delima dan Bulatan Udini serta membina Pusingan 'U'. Kerja-kerja di tapak akan dimulakan pada bulan Mei 2012 dan dijangka dapat disiapkan pada bulan Oktober 2013.

(v) Projek Menaik taraf Sebahagian Jalan Masjid Negeri di antara persimpangan Jalan Masjid Negeri/Jalan Ayer Itam/Jalan Scotland sehingga persimpangan Jalan Masjid Negeri/Jalan Free School. Kerja-kerja di tapak dijangka akan dimulakan pada bulan Julai 2012 dan disiapkan pada Mac 2013.

(vi) Projek Menaik taraf Jalan dan Laluan Pejalan Kaki di Sebahagian Lorong Batu Lancang dan Persimpangan Lorong Batu Lancang/Jalan Masjid Negeri/Jalan Hamilton. Kerja-kerja di tapak dijangka akan dimulakan pada bulan Ogos 2012 dan disiapkan pada Mei 2013.

(vii) Penyelarasan lampu isyarat untuk meningkatkan efisiensi dan kelancaran lalu lintas di kawasan Komtar, Jalan Thean Teik, Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Sultan Azlan Shah dan Jalan Jelutong.

(viii) Mewujudkan sistem jalan sehala di jalan-jalan cabang di kawasan Jalan Macalister dan Jalan Burma serta sebahagian Jalan Utama dan kawasan-kawasan tumpuan kenderaan yang lain.

(ix) Bekerjasama dengan Rapid Penang untuk menambah baik perkhidmatan dan kemudahan bas awam seperti membina perhentian bas baru, mengadakan hub bas awam dan penyediaan maklumat kepada komuter.

AJC Planning Consultant Sdn. Bhd., perunding yang dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan Pelan Induk Pengangkutan telah membentangkan hasil kajian Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang di dalam Mesyuarat Forum Perundingan Kerajaan Tempatan pada 9 April 2012.

Pihak perunding telah mengadakan 'Road Show' pada 16 - 27 April 2012 bertempat di Tingkat 3, KOMTAR dan di Lobi, Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda. 'Road Show' juga diadakan di pusat beli belah di Sunway Carnival Mall dan Sunshine Farlim pada 21 April 2012 dan Jusco Bandar Perda dan Gurney Mall pada 28 April 2012. 'Road Show' ini membolehkan Kerajaan Negeri mendapat pandangan dan cadangan daripada rakyat/penduduk berhubung dengan kajian tersebut.

Bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Seberang Perai, Kerajaan Negeri melalui MPSP telah mengambil langkah-langkah seperti berikut :

(i) Melebarkan jalan-jalan dan persimpangan jalan utama dan menaik taraf lampu isyarat seperti di Pekan Kepala Batas, Jalan Perusahaan/Jalan Nagasari, Jalan Todak Seberang Jaya, Jalan Permatang Pasir/Jalan Permatang Pauh, Jalan Kubang Ulu/Jalan Mengkuang, Jalan Persekutuan/Jalan Bukit Tengah dan Jalan Alma/Taman Desa Palma.

(ii) Melaksanakan sistem lalu lintas sehala agar pergerakan aliran kenderaan menjadi lebih licin dan teratur seperti di Pekan Penaga, Taman Usahaniaga Bukit Mertajam, Bandar Sunway Seberang Jaya, Lorong Kerjasama 1 iaitu bersebelahan Restoran Lok Yuen dan sebahagian Tingkat Kerjasama 6, Taman Kerjasama Bukit Tengah, di Jalan Pantai Bermula dari Terminal Bas sementara hingga ke Persimpangan Lingkaran Luar Butterworth, dari hadapan Bangunan No. 72 hingga No. 210 dan dari hadapan bangunan No. 7113 hingga No. 111, Pusat Perniagaan Raja Uda, di hadapan klinik kesihatan dan Sekolah Kebangsaan Khir Johari, Prai, di Jalan Perpustakaa dan Jalan Tenaga bermula dari hadapan KWSP/FMM hingga ke persimpangan Lebuh Tenggiri 2/Jalan Perpustakaan Seberang Jaya dan lain-lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Dalam tahun 2008 hingga bulan Dis 2011, berapakah peluang pekerjaan telah ditawar oleh Penang CAT Centre dan berapa yang telah berjaya dapat pekerjaan? Sila senaraikan maklumat dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sehingga 24 April 2012, seramai 4,458 orang telah berdaftar dengan Pusat CAT. Dalam tempoh masa yang sama juga, sejumlah 5,291 kekosongan jawatan telah turut didaftarkan di Pusat CAT. Lanjutan itu, seramai 3,436 orang pendaftar yang berkelayakan telahpun dipadankan dan di rujuk kepada syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan. Pada masa yang sama, laman web Penang CAT Centre (setakat 12 April, 2012) mempamerkan lebih daripada 450 jawatan kosong daripada 101 buah syarikat di Negeri ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila senaraikan dalam tahun 2008 sehingga tahun 2012, berapakah projek-projek kerja menaik taraf pasar awam yang diperuntukkan oleh MPPP telah dijalankan.

   (a) Sila senaraikan projek-projek tertentu dengan teliti dan jumlah kos menaik taraf untuk projek tertentu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Senarai projek menaik taraf pasar awam di bawah peruntukan MPPP yang telah dijalankan dalam tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti yang disenarai. Tiada projek yang dirancang bagi tahun 2012.

Bil.	Projek	Tahun Laksana (Status)	Kos Projek (RM)
1	Cadangan Menaiktaraf Pasar Jalan Anson	2009	90,493.00
2	Cadangan Menaiktaraf Pasar Taman Tun Sardon	2009	275,146.30
3	Cadangan Menaiktaraf Pasar Awam Lebuh Cecil	2010	941,919.00
4	Cadangan Menaiktaraf Pasar Batu Maung	2010	768,877.06
5	Cadangan Menaiktaraf Pasar Awam Jelutong, Pulau Pinang.	2011	810,370.00
6	Cadangan Menaiktaraf Pasar Awam Air Itam, Pulau Pinang.	2011	876,937.50
7	Cadangan Menaiktaraf Pasar Awam Pulau Tikus, Pulau Pinang.	2011	877,754.00
8	Cadangan Membina Tempat Penyembelihan Ayam Pasar Tanjung Bungah, Pulau Pinang	2011	90,539.00
9	Cadangan Membina Tempat Penyembelihan Ayam Di Pasar Rifle Range, Pulau Pinang	2011	156,935.00
10	Tiada projek naik taraf pasar awam	2012	-

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah peranan Penang Global Tourism? Sila huraikan dengan teliti apakah projek yang telah dijalankan untuk mempromosi Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Penang Global Tourism (PGT) berperanan mempromosikan sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang melalui pelbagai mekanisme bergantung kepada sasaran yang ditetapkan. Ke arah usaha itu, PGT menyertai pelbagai pertunjukan dan pameran perdagangan, forum-forum tempatan dan antarabangsa yang akan turut disertai oleh Kerajaan Negeri. Selain daripada itu, PGT berperanan membantu merealisasikan teras-teras pelancongan yang telah digariskan oleh Kerajaan Negeri. PGT turut bertanggungjawab mengekalkan hubungan baik bersama wakil-wakil negara yang dikunjungi oleh Kerajaan Negeri melalui program-program seperti 'familiarization trip' yang dianjurkan untuk mendedahkan kepada pelancong luar negara akan keharmonian dan keistimewaan Negeri Pulau Pinang.

   Antara projek yang telah dilaksanakan oleh PGT untuk mempromosikan Negeri Pulau Pinang adalah:-

   (a) menyertai pameran pelancongan dan siri jelajah di dalam dan luar negara untuk mempromosikan sektor pelancongan seperti menyertai pameran Longstay di Tokyo selaras dengan program Pulau Pinang sebagai Malaysia My Second Home (MM2H).

   (b) menganjurkan acara-acara bertaraf antarabangsa seperti Miss Tourism International dan Penang Island Jazz Festival. Acara seumpama ini mempunyai daya tarikan yang boleh mengumpulkan khalayak yang ramai sekaligus meningkatkan kemasukan pelancong ke Pulau Pinang.

   (c) menerbitkan buku MICE semasa persidangan MICE antarabangsa Kedua. Penerbitan majalah ini memberi pendedahan kepada pasaran industri MICE berkenaan kemudahan MICE yang ditawarkan di Pulau Pinang.

   (d) merancakkan promosi pelancongan Pulau Pinang melalui medium komunikasi seperti iklan di majalah, laman web, Festival George Town dan iklan pelancongan Pulau Pinang melalui Billboard.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memajukan Negeri Pulau Pinang supaya dapat menjadi sebuah Negeri yang bertaraf antarabangsa?

   (b) Sila senaraikan apakah tindakan atau projek yang telah dibuat untuk tujuan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mensasarkan untuk menjadi sebuah Negeri yang bertaraf antarabangsa. Dalam usaha menjadi sebuah Negeri bertaraf antarabangsa, pelbagai tindakan dan projek telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Dari aspek perancangan fizikal, Kerajaan Negeri melalui Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 telah menggariskan dasar-dasar yang komprehensif yang meliputi aspek ekonomi, sosial dan fizikal untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri maju dan bertaraf antarabangsa. Antaranya ialah:-

(a) Pembaikan dan pembaharuan di dalam sistem pengangkutan dan lalu lintas, termasuklah perancangan jambatan kedua, penerokaan dan perancangan sistem aliran transit laju, pembaharuan sistem bas, penaiktarafan kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, penaiktarafan pelabuhan dan seumpamanya. Kerajaan Negeri kini juga sedang menjalankan kajian pelan induk p-Pengangkutan yang merangkumi seluruh Negeri Pulau Pinang demi mencapai kesinambungan di antara pengurusan lalu lintas dan pengangkutan di kawasan Pulau hingga di Seberang Perai dan turut mengambil kira faktor lain seperti perhubungan melalui laut, jambatan dan lain-lain. Bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di George Town, Kerajaan Negeri telah mencadangkan pelaksanaan projek pembinaan jalan-jalan utama dan terowong di Pulau Pinang yang melibatkan komponen seperti berikut:-

(i) Link Ketiga Pulau Pinang iaitu sebuah terowong dasar laut yang menghubungkan Pesiaran Gurney ke Bagan Ajam, Seberang Perai Utara;

(ii) Jalan pintas (by-pass) dari Pesiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu;

(iii) Jalan pintas (by-pass) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam; dan

(iv) Jalan berkembar dari Tanjung Bunga ke Teluk Bahang

Projek-projek ini dijangka dapat dimulakan pada tahun 2016 dan disiapkan pada 2020.

(b) Pengekalan dan pemuliharaan alam sekitar yang mampan sebagai aset bernilai untuk penduduk Negeri, negara dan antarabangsa. Pembangunan di Pulau Pinang dijalankan secara seimbang selaras dengan hasrat untuk menjadi sebuah Negeri hijau. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan tema Cleaner, Greener Penang bagi memberi kesedaran mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar. Pelbagai program telah dilaksanakan seperti kempen No Free Plastic Bag dan sebagainya.

(c) Pengekalan dan pemuliharaan bangunan-bangunan warisan selaras dengan status Kota Warisan UNESCO dan established kedudukan warisan Negeri di mata dunia. Kerajaan Negeri telah menubuhkan George Town World Heritage Incorporated bagi menyelaraskan usaha memulihara tapak warisan dunia George Town dan seluruh Pulau Pinang.

(d) Peralihan ekonomi dari p-ekonomi kepada k-ekonomi. Untuk sektor pembuatan, fokus akan diberikan bagi menggalakkan pelaburan baru dan pelaburan tambahan (re-investment) dengan mempromosikan industri-industri berteknologi tinggi seperti Diod Pancaran Cahaya (LED), Solar, ICT, Avionik, Peralatan Perubatan (Medical Devices) dan Shared Services Outsourcing. Selain itu Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Sains Negeri Pulau Pinang (Penang Science Council) yang dipandu sepenuhnya oleh syarikat multinasional seperti Agilent, Motorola, Mini Circuits, Intel dan BBraun bagi menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan kejuruteraan dan sains serta menggalakkan generasi muda untuk meminati bidang sains dan teknologi.

(e) Meningkatkan dan memperkukuhkan industri pelancongan Negeri di mata dunia dan seterusnya berusaha mendapat pengiktirafan antarabangsa produk-produk pelancongan Negeri seperti Kawasan Warisan George Town, Taman Negara Pulau Pinang, Kawasan Peranginan Bukit Bendera dan sebagainya.

(f) Selain itu sistem penyampaian perkhidmatan awam turut ditambah baik. Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk melengkapkan kakitangan kerajaan dengan pengetahuan am dan kemahiran terkini terutamanya di dalam pengkomputeran supaya satu kaedah yang sistematik dan konsisten dapat diaplikasikan di dalam pemantauan dan pelaksanaan dasar-dasar Negeri. Ini termasuklah menggunakan aplikasi Kerajaan Elektronik (e-Government) bagi beberapa urusan kerajaan untuk memastikan pelaksanaan dasar kerajaan dapat dipercepatkan dan mesra pengguna. Ia seterusnya akan melonjakkan Negeri Pulau Pinang ke arah perkhidmatan awam bertaraf antarabangsa.

(g) Dasar CAT (Cekap, Akauntabiliti, Telus) seperti pelaksanaan tender terbuka, pengisytiharaan harta seluruh barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta pendedahan kontrak-kontrak kerajaan akan meningkatkan lagi keberdaya saingan Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri yang mempunyai status “rasuah sifar” dan bersesuaian dengan norma-norma antarabangsa.

Lagi pun Pulau Pinang telah digelarkan oleh ECA International sebagai bandar raya yang paling sesuai didiami di Malaysia buat kali pertama pada 2011. George Town telah kekal pada tangga ke-8 sedangkan Kuala Lumpur telah jatuh ke tangga ke-9 di kalangan bandar raya yang paling baik didiami di Asia. Pada tahun 2012, Pulau Pinang tetap kekal pada tangga ke-8 sedangkan Kuala Lumpur telah merosot lagi ke-10. Inilah kali pertama Pulau Pinang melebihi ibu kota negara Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang sesuai diduduki di Malaysia untuk 2 tahun berturut-turut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat menubuhkan suatu bajet untuk menolong pemuda di Negeri Pulau Pinang supaya dapat memulakan perniagaan mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri sememangnya menyediakan peruntukan untuk membantu para usahawan yang ingin menceburi bidang perniagaan termasuk golongan belia di Pulau Pinang. Antara peruntukan yang telah disediakan adalah seperti berikut:-

(i) Kemudahan pinjaman perniagaan melalui Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang telah dilancarkan pada Oktober 2009. Projek ini menawarkan pinjaman mikro kredit kepada peniaga-peniaga kecil bagi membantu dalam memulakan perniagaan mahupun menambah modal untuk mengembangkan perniagaan mereka. Dengan modal permulaan yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dan PDC berjumlah RM3 juta, ia telah dapat dimanfaatkan oleh peniaga kecil termasuk golongan belia bagi seluruh Negeri Pulau Pinang. Sehingga kini sejumlah 613 orang telah menerima pinjaman dan jumlah keseluruhan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM2.15 juta

(ii) Peruntukan bagi perlaksanaan program-program latihan, pembangunan sumber manusia, pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan dan pembiayaan dengan kerjasama agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan turut disediakan untuk menggalakkan usahawan baru terutamanya golongan belia menceburi bidang perniagaan. Sebagai contoh, sejak dari tahun 2008 hingga kini, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan PDC dan S.M.A.R.T. Centre telah membantu seramai 1,463 orang dalam menyediakan mereka menjadi usahawan yang berjaya.

(iii) Peruntukan bagi menyediakan premis perniagaan mampu milik seperti ruang niaga dan gerai, samada secara jualan, sewaan dan sewa beli dengan kadar yang berpatutan turut disediakan bagi membolehkan usahawan baru termasuklah golongan belia menjalankan perniagaan yang berpotensi di tempat yang strategik. Sebagai contoh, PDC telah menyediakan berbagai premis perniagaan seperti unit - unit komersil dan ruang niaga secara sewaan di kawasan pembangunan PDC seperti di Bukit Minyak , Bukit Tengah dan Batu Kawan untuk menjana sumber ekonomi baru bagi penduduk tempatan dan golongan belia.

Peruntukan-peruntukan ini disediakan sebagai salah satu usaha penggalakan kepada usahawan baru terutamanya golongan belia untuk menceburi bidang perniagaan dengan lebih berdaya saing dan berdaya tahan. Selain itu, Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan meneliti dan mempertimbangkan peruntukan tambahan sekiranya terdapat keperluan pada masa akan datang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Sila senaraikan projek-projek menaik taraf longkang dan kerja-kerja infra yang telah dijalankan pada tahun 2008 hingga tahun 2012 di kawasan Pengkalan Kota oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau MPPP.

(b) Sila senaraikan semua kerja-kerja tersebut dengan teliti dan kos yang telah dibelanjakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Senarai projek-projek menaiktaraf longkang dan kerja-kerja infra yang telah dijalankan pada tahun 2008 - 2012 serta kosnya di kawasan Pengkalan Kota adalah seperti di Jadual berikut:-

MPPP

PROJEK-PROJEK MENAIK TARAF LONGKANG DAN INFRASTRUKTUR
DUN PENGKALAN KOTA – N27

LONGKANG

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Jalan Prangin Tepi Pasar Lama Prangin	9,203.95	2008
2	Jalan C. Y. Choy No. 244 Hingga Simpang Lebuh Katz	8,141.90	2008
3	Lebuh Cecil No. 6 Ke No. 48 Dan No. 244 Jalan C. Y. Choy	9,866.70	2008
4	Lebuh Katz Hadapan No.1 – No. 41	8,428.84	2008
5	Lebuh Katz No. 4 – No. 32 (Simpang Jalan C. Y. Choy Ke Lebuh Mcnair)	9,629.10	2008
6	Gat Lebuh Noordin (Tepi Rumah Pangsa)	1,249.42	2008
7	Lebuh Cannon Belakang No. 1 – No. 19	3,278.85	2008
8	Lebuh Aceh Belakang No. 2 – No. 20	4,284.67	2008
9	Lebuh Aceh Belakang No. 26 – No. 60	4,572.28	2008
10	Lorong Toh Aka No. 9 – No. 29	4,555.86	2008
11	Lorong Carnarvon No. 42 – No. 72	6,210.80	2008
12	Lorong Carnarvon No. 2 – No. 40	9,281.74	2008
13	Lebuh Armenian No. 36 Ke No. 48	6,792.74	2008
14	Gat Lebuh Noordin No. 10	5,727.67	2008
15	Lorong Tok Aka No. 2 - No. 69 Dan Tepi No. 350	9,097.27	2008
16	Lorong Carnarvon No. 39 - No. 73	6,528.69	2008
17	Lorong Carnarvon No. 1 - No. 37	6,818.32	2008
	JUMLAH (RM)	**6,818.32**	

MENURAP JALAN

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Lebuh Mcnair	125,951.36	2008
	JUMLAH (RM)	**125,951.36**	

PROJEK-PROJEK MENAIKTARAF LONGKANG DAN INFRASTRUKTUR DUN PENGKALAN KOTA - N27

LONGKANG

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Jalan Dr. Lim Chwee Leong Belakang Rumah No. 58 Hingga No. 104	8,692.56	2009
2	Lorong Prangin Belakang Rumah No. 37 Hingga No. 73	8,942.19	2009
3	Jalan C. Y. Choy Hadapan Sekolah Sum Min	9,296.00	2009
4	Lebuh Sandilands	13,083.10	2009
5	Gat Lebuh Macallum	10,692.65	2009
6	Lintang Macallum 1 / Gat Lebuh Cecil	11,450.05	2009
	JUMLAH (RM)	**62,156.55**	

MENURAP JALAN

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Gat Lebuh Cecil / Lintang Macallum 1	121,805.00	2009
	JUMLAH (RM)	**121,805.00**	

MENURAP LORONG BELAKANG

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Gat Lebuh China (Sebelah No. 5)	2,430.93	2009
2	Lebuh Macallum (Lorong Sisi Tepi No. 41)	3,498.36	2009
3	Lebuh Katz / Lebuh Cecil (Lorong Sisi Antara Lebuh Katz & Lebuh Cecil)	3,144.84	2009
	JUMLAH (RM)	**9,074.13**	

PROJEK-PROJEK MENAIKTARAF LONGKANG DAN INFRASTRUKTUR DUN PENGKALAN KOTA - N27

LONGKANG

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Lebuh Victoria No. 154B - No. 156A	7,569.73	2010
2	Lorong Lumut Tepi No.16 Dan No. 3 Ke No. 25	8,263.57	2010

3	Lorong Lumut Tepi No. 139 Dan No. 2 Ke No. 6	6,684.39	2010
4	Lebuh Victoria Belakang No. 51 Ke No. 431A	9,979.00	2010
5	Lebuh Pantai Blk. No. 429 - No. 451 Dan Belakang No. 7 - No. 25 Lebuh Prangin	8,829.00	2010
6	Lebuh Pantai Blk. No. 423 - No. 369	9,836.12	2010
7	Gat Lebuh Melayu Tepi No. 89 - No. 103	4,810.00	2010
8	Lebuh Sandilands / Jalan C. Y. Choy Depan No. 314 Dan Chinese Temple	7,048.20	2010
	JUMLAH (RM)	**47,186.71**	

MENURAP JALAN

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Pengkalan Weld (Hadapan Jeti)	63,622.53	2010
	JUMLAH (RM)	**63,622.53**	

MENURAP LORONG BELAKANG

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Lebuh Presgrave (Lorong Sisi Sebelah No. 41)	3,414.55	2010
2	Jalan Magazine (Lorong Sisi Sebelah Kimnovak)	2,004.70	2010
3	Lebuh Katz (Dari No. 15 - No. 41)	2,465.65	2010
	JUMLAH (RM)	**7,884.90**	

CADANGAN PENGUBAHSUAIAN/MENAIKTARAF KOMPLEKS MAKANAN

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Kompleks Makanan Batu Lancang	184,764.19	2010
	JUMLAH (RM)	**184,764.19**	

PROJEK-PROJEK MENAIKTARAF LONGKANG DAN INFRASTRUKTUR DUN PENGKALAN KOTA - N27

LONGKANG

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Belakang No. 47 Hingga No. 73, Lebuh Katz	2,829.00	2011
2	Belakang No. 71 - Tepi No. 101, Lebuh Macallum	5,513.80	2011
3	Tepi & Belakang No. 4 Hingga No. 68, Lebuh Presgrave	9,989.30	2011
4	Tepi No. 2, Lebuh Pressgrave Hingga Tepi No. 95, Lebuh Mcnair	8,899.10	2011

	JUMLAH (RM)	**27,231.20**	
MENURAP JALAN			
BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Lebuh Carnarvon (Dari Jalan Dr Lim Chwee Leong - Kampung Kolam)	68,733.65	2011
2	Pengkalan Weld (3m Lebar)	23,036.40	2011
	JUMLAH (RM)	**91,770.05**	
MENURAP LORONG BELAKANG			
BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Lebuh Katz (Tepi No. 176 Lebuh Katz Hingga No. 156 Jalan Gurdwara)	14,058.69	2011
2	Pengkalan Weld (Sepanjang Lorong Belakang Bangunan Mara)	5,856.29	2011
	JUMLAH (RM)	**19,914.98**	
MENAIKTARAF KABEL BAWAH TANAH DAN LANTERN			
BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Gat Lebuh Pasar	30,686.00	2011
	JUMLAH (RM)	**30,686.00**	
MENAIKTARAF PASAR AWAM			
BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Pasar Jelutong	810,370.00	2011
	JUMLAH (RM)	**810,370.00**	
MENURAP JALAN			
BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN
1	Pengkalan Weld (Dari Gat Lebuh Chulia Hingga Bulatan King Edward)	198,363.18	2012
	Jumlah	**198,363.18**	

Pejabat Daerah Timur Laut

Ringkasan bilangan projek menaik taraf longkang dan kerja-kerja infra yang telah dilaksanakan oleh PDTTL di kawasan Pengkalan Kota pada tahun 2008 hingga tahun 2012 (sehingga Mac 2012) menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti jadual di bawah butiran terperinci projek di lampiran di bawah.

Tahun/Tajuk	2008		2009		2010		2011		Sehingga Mac 2012	
	Bilangan Projek	Kos (RM)	Bilangan Projek	Kos (RM)	Bilangan Projek	Kos (RM)	Bilangan Projek	Kos (RM)	Bilangan Projek	Kos (RM)
Projek Infra	0	0.00	0	0.00	5	171,790.96	5	219,391.30	4	673,605.26
Jumlah	**0**	**0.00**	**0**	**0.00**	**5**	**171,790.96**	**5**	**219,391.30**	**4**	**673,605.26**

PROJEK INFRA ADUN PENGKALAN KOTA, PEJABAT DAERAH TIMUR LAUT

BIL	TAHUN	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN / ADUN	KOS PROJEK (RM)
1	2010	MENURAP JALAN DAN MENAMPAL LUBANG PADA JALAN MASUK KE KAWASAN RECLAMATION AREA, PENGKALAN WELD, P.PINANG	PERUNTUKAN ADUN KAWASAN	14,432.30
2		KERJA-KERJA MENAIKTARAF LONGKANG YANG TERSUMBAT DAN TAPAK MELETAK TONG SAMPAH MPPP DI RECLAMATION AREA, PENGKALAN KOTA		7,500.00
3		MEMBAIKI DAN MENAIKTARAF PLATFORM TAN JETTY		16,640.00
4		MENAIKTARAF DAN MEMBAIKI JETI LIM	JKN	59,796.42
5		MENAIKTARF DAN MEMBAIKI JETI TAN	JKN	73,422.24
JUMLAH				**171,790.96**
1	2011	KERJA – KERJA MENGKONGKRIT LANTAI BAHAGIAN LUAR TADIKA HENG EE BAGI MENGGANTIKAN "INTERLOCKING CONCRETE PAVING" YANG SEDIA ADA	PERUNTUKAN ADUN KAWASAN	13,485.40
2		KERJA – KERJA MENAIKTARAF SURAU AL RAUDHAH, KOMPLEK PULAU MUTIARA, GAT LEBUH MACULLUM		7,972.70
3		KERJA – KERJA MENAIKTARAF DAN MEMBAIKI JETI DI LORONG RUMAH NO.15, JETI LIM, PENGKALAN WELD, PULAU PINANG		19,178.00
4		KERJA-KERJA MEMBAIKI JETI DI LORONG RUMAH NO. 22, JETI LIM, PENGKALAN WELD, PULAU PINANG	JKN	19,895.20
5		MENAIKTARAF DAN MEMBAIKI JETI CHEW DAN KERJA-KERJA BERKAITAN	JKN	158,860.00
JUMLAH				**219,391.30**
1	2012	MENAIKTARAF DAN MEMBAIKI JETI NEW DAN KERJA-KERJA BERKAITAN	UPEN	145,030.65
2		MENAIKTARAF DAN MEMBAIKI JETI CHEW (FASAII) DAN KERJA-KERJA BERKAITAN	UPEN	180,962.00
3		MENAIKTARAF DAN MEMBAIKI JETI YEOH DAN KERJA-KERJA BERKAITAN	UPEN	168,817.60
4		MENAIKTARAF DAN MEMBAIKI JETI YEOH DAN KERJA-KERJA BERKAITAN	UPEN	178,795.01
JUMLAH				**673,605.26**

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Selain daripada Projek Penghargaan Warga Emas yang telah dijalankan setiap tahun, apakah tindakan yang lain akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya dapat memastikan kebajikan warga emas dapat dijaga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan bagi menjalankan kajian berkenaan warga emas dalam usaha memastikan kebajikan warga emas sentiasa dijaga dengan sempurna dan Penang Medical College (PMC) telah dilantik untuk menjalankan kajian tersebut. Kerajaan Negeri akan meneliti hasil kajian tersebut dan syor-syor yang dikemukakan di dalam merancang program yang sesuai kepada warga emas di Negeri ini pada masa hadapan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Pemuda yang baru keluar bekerja tidak mampu membeli rumah. Oleh itu, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai cara untuk menolong pemuda pemudi di Negeri Pulau Pinang supaya mereka dapat membeli rumah untuk bersedia menubuhkan satu keluarga yang baru?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri tidak mengkhususkan pemilikan rumah hanya kepada golongan pemuda yang baru keluar bekerja sahaja. Ini kerana, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif membantu semua penduduk Negeri Pulau Pinang termasuk golongan pemuda pemudi yang baru bekerja untuk memiliki rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik dengan cara:-

(i) Mengemaskini maklumat peribadi pemohon di dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) dengan mensasarkan permohonan yang dibuat sebelum tahun 2008;

(ii) Menyediakan dana sebanyak RM500 juta di bawah Tabung Rumah Mampu Milik bagi membiayai projek perumahan mampu milik di bahagian Seberang Perai dan bahagian pulau;

(iii) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan meluluskan projek perumahan bagi memastikan semua golongan penduduk di Pulau Pinang memiliki rumah berdasarkan dua jenis rumah mampu milik iaitu rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

(iv) Mengawal harga rumah kos rendah dan sederhana rendah dan menetapkan syarat kelayakan rumah yang lebih realistik bagi golongan pertengahan iaitu individu yang berpendapatan RM2,500.00 hingga RM3,500.00 sebulan dan merendahkan had kelayakan umur dari 21 tahun kepada 18 tahun; dan

(v) Inisiatif *One Stop Center* (OSC) di Pihak Berkuasa Tempatan juga adalah sebagai satu usaha Kerajaan Negeri untuk memproses dan meluluskan lebih banyak pelan-pelan permohonan perancangan di dalam waktu yang singkat.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan penjaja-penjaja dapat memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh MPPP dan mengelakkan halangan lalu lintas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kebanyakan penjaja tepi jalan merupakan peniaga tanpa lesen. Oleh yang demikian, Notis Pemberitahu Tentang Kesalahan dikenakan terhadap penjaja tanpa lesen terbabit secara berkala. Namun penjaja-penjaja tersebut tidak terikat dengan sebarang syarat-syarat MPPP. MPPP kini dalam peringkat untuk mendaftar semua penjaja-penjaja tanpa lesen yang lama. Selepas bancian tersebut dilaksanakan,

semua penjaja terlibat akan diberikan tag bagi tujuan pengenalpastian dan pendaftaran. Setelah semua penjaja tanpa lesen diberikan tag, kesemua penjaja tanpa lesen terbabit akan diberikan lesen berdasarkan syarat dan peraturan MPPP. Tindakan boleh diambil ke atas penjaja yang berlesen sekiranya tidak mematuhi syarat lesen yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Di kawasan Macallum, apakah status untuk jalan besar dan jalan halaman taman dan kawasan perumahan? Siapakah yang bertanggungjawab untuk menjaga? Sila serahkan satu senarai yang terperinci dan tunjukkan dalam peta.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Senarai dan status jalan-jalan di kawasan Macallum yang diselenggarakan oleh MPPP dan jabatan-jabatan lain adalah seperti di Jadual.

Penyelenggaraan jalan-jalan lain yang tidak termasuk dalam jadual di atas menjadi tanggungjawab pihak pengurusan bangunan/rumah pangsa.

Pelan yang menunjukkan jalan-jalan yang diselenggarakan oleh MPPP adalah seperti di Lampiran 2 dan Pelan Kawasan Gat Lebuh Macallum seperti di Lampiran 3.

Jadual

Bil	Nama jalan / lokasi	Tanggungjawab penjagaan jalan
1.	Gat Lebuh Macallum	MPPP
2.	Lintang Macallum Satu	MPPP
3.	Lintang Macallum Dua	MPPP
4.	Lebuh Macallum Satu	MPPP
4.	Pintasan Cecil	PDC
5.	Pintasan Cecil 1-8	PDC
6.	Jalan di kawasan perumahan U-shaped Blok 1,2 dan Independent Blok	Perbadanan Pengurusan Blok U-shaped, Pengkalan Weld
7.	Jalan di kawasan perumahan U-shaped Blok 344	Perbadanan Pengurusan Blok 344 Pengkalan Weld
8.	Jalan di kawasan perumahan Blok 346	PDC
9.	Jalan di kawasan perumahan Blok 348	PDC
10.	Jalan di kawasan perumahan Blok 350	PDC
11.	Jalan di kawasan perumahan Blok 352	PDC
12.	Jalan di kawasan perumahan Blok 354	PDC
13.	Jalan di kawasan perumahan Blok 358	PDC
14.	Jalan di kawasan perumahan Blok 360	PDC
15.	Jalan di kawasan perumahan Blok 362	PDC
16.	Jalan di kawasan perumahan Taman Pelangi Blok 3,5,7,9,11	PDC

Lampiran kepada soalan No. 14 YB. LKE

No. 606 – 607 (gambar Peta) - FOTOSTAT

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memajukan sukan di Negeri Pulau Pinang dan apakah persediaan yang telah buat supaya atlet Negeri Pulau Pinang mendapat kedudukan yang lebih baik dalam SUKMA yang akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sentiasa memastikan pembangunan sukan atlet berprestasi tinggi di Negeri Pulau Pinang berkembang maju selaras dengan objektif dan sasaran untuk mencapai kedudukan yang lebih baik di dalam kejohanan Sukan Malaysia. Peruntukan Kerajaan Negeri kepada Majlis Sukan Negeri dari tahun ke tahun juga menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa ingin memastikan sukan di Negeri Pulau Pinang tidak ketinggalan malah lebih maju dan memberi saingan kepada Negeri lain. Pelbagai bentuk program diadakan bagi memastikan pembangunan sukan dan atlet adalah seiringan dan mampu melahirkan pelapis di masa hadapan.

Sebagai persediaan menghadapi Sukan Malaysia XV Pahang 2012 yang bakal berlangsung pada 7-16 Julai 2012, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah memastikan setiap atlet-atlet elit yang terpilih mewakili Negeri Pulau Pinang menjalani latihan secara berterusan sejak berakhirnya Sukan Malaysia XIII Melaka 2010 dan Sukan Malaysia XIV Kuala Lumpur 2011.

Melalui jadual latihan yang disusun dan disarankan kepada semua atlet-atlet daripada 24 jenis sukan yang dipertandingkan di Sukan Malaysia XV Pahang 2012 iaitu latihan berterusan untuk sekurang-kurangnya 5 hari setiap minggu dengan jangka waktu latihan selama 3 hingga 5 jam setiap sesi.

Selain itu, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang turut menyusun atur dan melaksanakan beberapa rancangan dan program pembangunan sukan yang meliputi:-

(i) Mengikat kontrak dengan atlet yang berpotensi menyumbangkan pingat di dalam Sukan Malaysia XV Pahang 2012. Atlet-atlet yang terpilih sebagai atlet Elit akan dikategorikan sebagai Atlet Elit Kategori A (bagi penyumbang pingat Emas) dan Atlet Elit Kategori B (bagi penyumbang pingat Perak dan Gangsa). Atlet Elit Kategori A akan diberipembayaran insentif sebanyak RM 500.00 sebulan dan Atlet Elit Kategori B dibayar sebanyak RM 300.00 sebulan bagi menjalani latihan untuk mencapai kejayaan di kejohanan Sukan Malaysia XV Pahang 2012.

(ii) Atlet-atlet juga didedahkan kepada pertandingan-pertandingan yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan ataupun Negeri-Negeri lain sebagai persediaan dalam mendapatkan pengalaman disamping sebagai satu kaedah untuk memantau prestasi pencapaian semasa atlet. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan menghantar atlet dan pasukan menyertai pertandingan di dalam dan luar Negeri Pulau Pinang sebagai satu medium pengujian untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan pasukan dan lawan.

(iii) Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pusat Satelit Institut Sukan Negara Cawangan Pulau Pinang dan Unit Sukan Prestasi Tinggi Majlis Sukan Negara juga telahmengadakan latihan suaian fizikal, aktiviti-aktiviti

psikologi dan ujian kecergasan fizikal bersama dengan atlet-atlet sukan Negeri secara harian mengikut Pelan Latihan Periodisasi berteraskan konsep Sains Sukan dalam memastikan prestasi atlet dapat ditingkatkan ke tahap yang maksimum.

(iv) Selain itu, kem latihan mingguan di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang diadakan sebagai langkah mewujudkan program latihan berpusat untuk pemantapan atlet-atlet Negeri.

(v) Kem menyeluruh seperti kem latihan kekuatan mental dan fizikal untuk semua atlet yang terlibat serta mengadakan kem bina semangat untuk atlet/jurulatih/pengurus pasukan/pegawai teknikal serta penyelaras sukan bagimemastikan kontinjen Pulau Pinang bersedia menghadapi segala rintangan di gelanggang perlawanan kelak turut dijalankan.

(vi) Memberi bantuan peruntukan menyertai pertandingan, bantuan peralatan sukan, serta bantuan makanan tambahan ("food supplement") kepada persatuan sukan Negeri dan atlet-atlet Negeri untuk menjalani aktiviti-aktiviti pembangunan sukan di setiap lapisan atlet.

(vii) Menyediakan atau membantu persatuan/atlet/jurulatih dari segi peralatan dan kemudahan sukan di peringkat Negeri Pulau Pinang.

(viii) Mengadakan kerjasama yang erat dengan persatuan-persatuan sukan Negeri juga dipertingkatkan melalui perbincangan bersama persatuan sukan dengan lebih kerapbagi memantapkan lagi pembangunan sukan atlet di Negeri Pulau Pinang.

(ix) Memastikan semua jurulatih yang dilantik oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang memiliki Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) sama ada di tahap I, II atau III untuk meningkatkan sukan spesifik masing-masing.

(x) Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Atlet dalam memastikan satu penilaian serta pengesahan setiap atlet yang dikemukakan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang/Persatuan Sukan Negeri / Jurulatih Sukan berkenaan adalah benar-benar layak untuk diketengahkan ke dalam Kejohanan Sukan Malaysia.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sila senaraikan unit-unit rumah usang yang terdapat di dalam Kawasan Pengkalan Kota dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah tersebut supaya imej Negeri Pulau Pinang tidak terjejas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Mengikut rekod Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), bilangan unit bangunan/rumah usang dalam KADUN Pengkalan Kota adalah sebanyak 40 unit. Senarai penuh bangunan usang di Lampiran A.

LAMPIRAN 'A'

Senarai Rumah Usang Dalam KADUN Pengkalan Kota

Kawasan Teras:

Bil.	Alamat
1.	212, Lebuh Pantai, P.P.
2.	216, Lebuh Pantai. P.P.
3.	161, Lebuh Victoria, P.P.
4.	166, Lebuh Victoria, P.P.
5.	139, Lebuh Pantai, P.P.
6.	141, Lebuh Pantai, P.P.
7.	149, Lebuh Pantai, P.P.
8.	143, Lebuh Pantai, P.P.
9.	145, Lebuh Pantai, P.P.
10.	147, Lebuh Pantai, P.P.
11.	151, Lebuh Pantai, P.P.

Kawasan Penampan:

Bil.	Alamat
1.	32, Lorong Prangin, P.P.
2.	494, Lebuh Pantai, P.P.
3.	496, Lebuh Pantai, P.P.

Kawasan Di Luar Tapak Warisan:

Bil.	Alamat
1.	71, Jalan C.Y. Choy, P.P.
2.	73, Jalan C.Y. Choy, P.P.
3.	75, Jalan C.Y. Choy, P.P.
4.	77, Jalan C.Y. Choy, P.P.
5.	172, Jalan C.Y. Choy, P.P.

6.	86, Jalan C.Y. Choy, P.P.
7.	11, Lebuh Katz, P.P.
8.	101, Lebuh Macallum, P.P.
9.	31, Lebuh Mcnair, P.P.
10.	2, Lebuh Mcnair, P.P.
11.	2A, Lebuh Mcnair, P.P.
12.	4, Lebuh Mcnair, P.P.
13.	101, Lebuh Noordin, P.P.
14.	103, Lebuh Noordin, P.P.
15.	105, Lebuh Noordin, P.P.
16.	170, Jalan C.Y. Choy, P.P.
17.	174, Jalan C.Y. Choy, P.P.
18.	9, Jalan Gurdwara , P.P.
19.	11, Jalan Gurdwara, P.P.
20	13, Jalan Gurdwara, P.P.
21.	15, Jalan Gordwara, P.P.
22.	17, Jalan Gurdwara, P.P.
23.	19, Jalan Gurdwara, P.P.
24.	21, Jalan Gurdwara, P.P.
25.	89, Jalan C.Y. Choy, P.P.
26.	91, Jalan C.Y. Chor, P.P.

Statistik:

Kawasan	**Jumlah**
TERAS	11
ZON PENAMPAN	3
DI LUAR BN	26
Jumlah	**40**

Tindakan MPPP ke atas bangunan usang adalah:

(i) Mengeluarkan notis di bawah Sek. 82, Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Notis Mengkehendaki Kacauganggu Dihapuskan) kepada pemunya-pemunya bangunan. MPPP akan memantau keadaan tapak;

(ii) Sekiranya tiada maklum balas/tindakan oleh pemunya bangunan, satu sesi inquiry diadakan dengan pemunya bangunan di Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (MJOSC) yang bertujuan mendapat maklum balas pemunya bangunan dan untuk pengeluaran notis di bawah Sek. 83, Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Notis Mengkehendaki Bangunan Dibaikpulih); dan

(iii) Sekiranya keadaan tapak menimbulkan kacau ganggu yang serius atau berbahaya, MPPP akan mengambil tindakan memasang pagar keselamatan, pembersihan (site clearing), pemotongan pokok liar atau apa-apa tindakan yang perlu. Semua kos perbelanjaan akan dibilkan terhadap pemunya bangunan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Pada tahun 2008 sehingga tahun 2012, apakah projek perumahan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Sila huraikan dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Mulai tahun 2008 sehingga Mac 2012, sebanyak 67863 unit rumah kediaman yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui MPPP dan MPSP.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah rancangan yang akan diambil untuk terus memajukan Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Perancangan untuk terus memajukan Negeri Pulau Pinang dibuat secara menyeluruh dan melibatkan pelbagai sektor. Ia bagi memastikan Pulau Pinang terus menjadi antara Negeri yang termaju di Malaysia dan menjadi destinasi pilihan untuk pelabur dan pelancong.

Sektor pembuatan merupakan penyumbang utama dan menjadi pemangkin kepada kemajuan di Pulau Pinang. Justeru usaha yang berterusan akan dilaksanakan bagi terus memajukan sektor ini dan menarik lebih banyak pelaburan asing ke Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui PDC telah mengenalpasti tanah-tanah sesuai untuk dibuat pengambilan dan dimajukan sebagai kawasan perindustrian. Antara kawasan perindustrian baru yang sedang dan akan dibangunkan ialah di *Penang Science Park*, Bukit Minyak seluas 382 ekar dan di Taman Perindustrian Batu Kawan seluas 1500 ekar. Fokus utama sektor ini adalah bagi menggalakkan pelaburan baru dan pelaburan tambahan (re-investment)dengan mempromosikan industri-industri berteknologi tinggi seperti Diod Pancaran Cahaya (LED), Solar, ICT, Avionik, Peralatan Perubatan (Medical Devices) dan *Shared*

Services Outsourcing. Selain itu Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Sains Negeri Pulau Pinang (Penang Science Council) yang dipandu sepenuhnya oleh syarikat multinasional seperti Agilent, Motorola, Mini Circuits, Intel dan BBraun bagi menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan kejuruteraan dan sains serta menggalakkan generasi muda untuk meminati bidang sains dan teknologi.

Mewujudkan kemudahan infrastruktur yang lengkap dan sistem pengangkutan yang cekap turut menjadi agenda utama Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri kini sedang menjalankan kajian pelan induk Pengangkutan yang merangkumi seluruh Negeri Pulau Pinang secara ia akan mempunyai kesinambungan di antara pengurusan lalulintas dan pengangkutan di kawasan Pulau hingga di Seberang Perai dan turut mengambilkira faktor lain seperti perhubungan melalui laut, jambatan dan lain-lain. Bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas di George Town, Kerajaan Negeri telah mencadangkan pelaksanaan projek Pembinaan Jalan-Jalan Utama dan terowong di Pulau Pinang yang melibatkan komponen seperti berikut:

(i) Link Ketiga Pulau Pinang iaitu sebuah terowong dasar laut yang menghubungkan Pesiaran Gurney ke Bagan Ajam, Seberang Perai Utara;

(ii) Jalan pintas (by-pass) dari Pesiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu;

(iii) Jalan pintas (by-pass) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam; dan

(iv) Jalan berkembar dari Tanjung Bunga ke Teluk Bahang

Projek ini dijangka dapat dimulakan pada tahun 2017 dan disiapkan dalam tempoh 4 tahun. Walau bagaimanapun ia tertakluk kepada dapatan dan syor kajian kemungkinan yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu.

Dalam usaha untuk terus memajukan Negeri ini, sektor pelancongan akan terus menjadi keutamaan. Keunikan dan keindahan Pulau Pinang haruslah dikekalkan, dipelihara dan produk-produk pelancongan sedia ada perlu terus ditambahbaik bagi memastikan Pulau Pinang dapat kekal bersaing dengan destinasi-destinasi pelancongan lain di rantau Asia Tenggara. Pulau Pinang melalui *Penang Global Tourism* (PGT) telah memulakan Inisiatif Penjenamaan Pulau Pinang (State Branding Initiative). Penjenamaan semula Pulau Pinang dilihat sebagai satu langkah yang positif dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang. Usaha bagi mempromosikan Pulau Pinang di dalam dan luar negara akan terus dilaksanakan dan fokus khas akan diberikan kepada pasaran-pasaran Singapura, Hong Kong, Taiwan, India, China, Indonesia, Australia dan negara-negara Eropah. Produk-produk pelancongan baru seperti taman tema juga akan diwujudkan dengan kerjasama pihak swasta. Namun begitu produk-produk sedia ada seperti Bukit Bendera, Taman Botani dan kawasan Tapak Dunia Warisan di George Town akan terus dibuat penambahbaikan bagi memastikan ia terus menjadi pilihan kepada pelancong yang datang ke Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga mengiktiraf keperluan untuk perumahan mampu milik di kawasan Pulau dan juga Seberang Perai. Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui PDC telah memperuntukkan RM500 juta sebagai permulaan untuk Tabung Perumahan Mampu Milik. Fasa pertama dalam skim ini merupakan projek 200 ekar untuk perumahan mampu milik di Bandar Cassia, Batu Kawan. Projek ini mengandungi 11,800 unit yang

akan mula dibina secara berperingkat. Harga jualan adalah dalam linkungan RM72,000.00 hingga RM220,000.00 seunit. Fasa kedua pula akan membabitkan jumlah 77 ekar tanah di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk di Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya.

Pembangunan di Pulau Pinang akan terus dijalankan secara seimbang selaras dengan hasrat untuk menjadi sebuah Negeri hijau. Inisiatif akan terus diambil bagi memulihara alam sekitar serta memupuk kesedaran yang tinggi di kalangan penduduk Pulau Pinang mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar. Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf kesihatan dan kualiti hidup penduduk di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Apakah sebarang cadangan atau tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menggantikan semua lampu jalan yang selalunya menghadapi masalah tidak bernyala?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu lampu jalan yang mengalami kerosakan dan tidak menyala adalah seperti berikut:-

(a) Di Seberang Perai, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melantik kontraktor panel tahunan bagi melakukan rondaan dan pembaikan segera sekiranya terdapat lampu yang tidak berfungsi;

(b) Manakala Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah membahagikan kawasan pulau kepada kepada 6 zon mengikut kawasan Parlimen iaitu Parlimen Bukit Bendera, Parlimen Tanjong, Parlimen Jelutong, Parlimen Bukit Gelugor, Parlimen Bayan Baru dan Parlimen Balik Pulau. Setiap lampu jalan di dalam zon ini dipantau oleh seorang Tukang/Pekerja Awam pada waktu malam iaitu dari pukul 7.30 malam sehingga 11.00 malam setiap hari kecuali hari Ahad dan cuti umum;

(c) MPPP juga mempraktikkan penggunaan *Key Performance Index* (KPI) dalam setiap aduan di mana setiap aduan akan diselesaikan dalam tempoh dua (2) hari;

(d) MPPP juga telah mengambil langkah-langkah untuk meminimumkan kerosakan lampu-lampu jalan dengan menukar kabel bawah tanah yang rosak dan uzur yang lebih dari 20 tahun serta menukar tiang-tiang dan *lantern* yang lama. Kerja-kerja ini dijalankan secara berfasa; dan

(e) Bagi penyelenggaraan dan pembaikan kerosakan meter, *distribution box* dan lampu jalan bertiang konkrit pula, sebarang kerosakan akan dirujuk kepada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan kadar segera untuk tujuan pembaikan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menaikkan gaji semua kakitangan Kerajaan Negeri sebagai satu contoh kepada pihak swasta supaya rakyat Negeri ini dapat mengatasi masalah kenaikan harga barang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Penetapan gaji kakitangan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan kepada Jadual Gaji bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan yang diterima pakai di peringkat Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun dalam pemberian bonus, Kerajaan Negeri tidak terikat kepada kadar bayaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan telahpun menambah kepada kadar bayaran minimum bonus kepada kakitangan dalam gred jawatan rendah. Contohnya Kerajaan Negeri telah membuat bayaran bonus RM1,300.00 iaitu RM300.00 lebih banyak daripada apa yang diperolehi oleh anggota pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengelakkan anak Pulau Pinang keluar bekerja di luar Negeri dan memastikan mereka dapat kerja di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri supaya anak Pulau Pinang dapat bekerja di Negeri Pulau Pinang. Bagi merealisasikan hasrat ini Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah dengan menubuhkan Pusat *Career Assistance and Talent* (CAT) Pulau Pinang yang bertanggung jawab untuk:-

    (a) Mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai tempat yang menarik untuk bekerja dan dijadikan tempat bermastautin dan seterusnya menambahkan talent pool untuk menampung keperluan sektor industri dan perkhidmatan dalam Negeri;

    (b) Memandangkan peluang-peluang pekerjaan di Pulau Pinang dengan pekerja-pekerja terutamanya golongan pekerja berpengetahuan (knowledge workers); dan

    (c) Menarik bakat anak Pulau Pinang/Malaysia yang kini sedang belajar atau bekerja di luar negara dan juga warga global ke Pulau Pinang.

    Bagi melaksanakan strategi tersebut, program-program yang dijalankan oleh Pusat CAT dan investPenang ialah:-

    (1) Mengadakan dialog dan rangkaian perhubungan dengan stakeholders seperti pihak industri, agensi pekerjaan dan institusi pengajian bertujuan menambah sumber manusia bagi memenuhi keperluan sektor industri dan lain-lain. Ini termasuk menarik pelabur-pelabur baru ke Pulau Pinang;

(2) Menubuhkan laman sesawang khusus untuk menarik dan memudahkan lebih ramai bakat untuk bekerja di Negeri ini. Laman sesawang tersebut iaitu *MY Penang...My Workplace – www.penangcatcentre.my* telah dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 30 Julai 2011. Laman sesawang ini berfungsi sebagai pusat sumber informasi peluang-peluang pekerjaan di seluruh Negeri. Laman sesawang ini dihubungkan kepada laman sesawang syarikat-syarikat, agensi-agensi pekerjaan dan juga jabatan kerajaan di Pulau Pinang yang memaparkan jawatan kosong.

(3) Aktiviti-aktiviti lain yang dirancangkan ialah:-

(i) Mengambil bahagian dalam pameran kerjaya institusi-institusi pengajian tinggi.

(ii) Bekerjasama dengan 'Alumni' dan badan-badan pelajar.

(iii) Meningkatkan penembusan media sosial iaitu *Facebook* dan *Twitter*.

(iv) Kempen iklan melalui seperti e-banner, sepanduk dan pengedaran risalah-risalah.

(v) Program menggalakkan pelaburan tempatan dan asing oleh investPenang untuk menambahkan peluang pekerjaan bernilai tinggi (high value jobs) dan entrepreneur baru. Ini juga akan meningkatkan peluang kerjaya (untuk pekerja) dan perniagaan (untuk usahawan) terutamanya anak Pulau Pinang.

Selain itu, dengan usaha-usaha Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa, Pulau Pinang telah mencapai kejayaan pelaburan tertinggi di Malaysia iaitu berjumlah RM12.2 bilion pada tahun 2010 dan RM9.1 bilion pada tahun 2011. Ini telah menyediakan lebih pilihan kerjaya yang merupakan salah satu usaha menggalakkan anak Pulau Pinang untuk terus bekerja di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Apakah cara yang dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya semua pengangkutan untuk pelancong mencukupi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Bagi memastikan pengangkutan untuk pelancong adalah mencukupi, Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah berikut:-

(a) Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan bas awam yang mencukupi meliputi kawasan pelancongan terutamanya dari pintu masuk Negeri ini seperti di Pelabuhan dan Lapangan Terbang Antarabangsa.

(b) Menguruskan perkhidmatan bas *shuttle* dengan kerjasama Rapid Penang untuk aktiviti tumpuan pelancong atau perayaan dan acara antarabangsa tertentu seperti Pesta Pulau Pinang, Hari Thaipusam dan World Music Festival dan sebagainya.

(c) Memastikan perkhidmatan teksi dan bas pelancong disediakan ke destinasi-destinasi pelancongan seperti Bukit Bendera, Persiaran Gurney, Penang Road.

(d) Memastikan pengangkutan yang menjadi tarikan pelancongan yang unik seperti perkhidmatan feri dan Kereta Api Bukit Bendera sentiasa dalam keadaan baik dan menepati masa.

(e) Mengadakan rundingan pengusaha perkhidmatan feri dan kapal pelayaran untuk memastikan pengangkutan feri/kapal ke Pulau Pinang dari destinasi pulau lain seperti Phuket, Langkawi dan Indonesia adalah fleksibel dan lebih kerap.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sila senaraikah program atau tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan Program Cleaner Greener Penang dalam tempoh dua (2) tahun ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Pihak MPSP sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan tahap kebersihan di Seberang Perai dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut :

(i) Menambah peruntukan pembersihan seperti jadual di bawah.

Jumlah Peruntukan	
2011	2012
RM47juta	RM65 juta

(ii) Memperkasakan program Local Action 21 melalui program yang dilaksanakan seperti berikut :

(a) Mempergiatkan program kitar semula

(b) Melaksanakan Program Sekolah Hijau

(c) Melaksanakan Program Zero Waste di peringkat MPSP dan sekolah yang terpilih

(d) Program membuat Mud Ball

(e) Program membuat Kompos

(f) Program penghasilan sabun dari sisa lemak

(g) Pengiktirafan Taman Bersih

(h) Program Industri Hijau

(iii) Mengambil bahagian secara langsung dengan semua aktivit yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan tahap kebersihan seperti Kempen Pengurangan Plastik dan *Cleaner Greener Penang.*

(iv) Menggalakkan penyertaan korporat dalam program CSR bagi mempertingkatkan kebersihan, keindahan dan keceriaan kawasan.

(v) Pihak MPSP juga telah merancang untuk meningkatkan tahap kebersihan dengan mencantum Kerja Pembersihan Am dan Perkhidmatan Pelupusan Sampah di bawah Skop Pembersihan Bersepadu agar semua perkhidmatan tersebut dapat diselaraskan.

(vi) Meningkatkan kemudahan perkhidmatan di Stesen Pemindahan Ampang Jajar bagi melancarkan proses kemasukan dan penghantaran sampah ke Pulau Burung dengan penambahan empat (4) 'bay' kepada enam (6) 'bay' dan berkeupayaan untuk ditingkatkan kepada lapan (8) 'bay' apabila diperlukan.

(vii) Bagi menjamin proses akhir pelupusan sampah mencapai standard yang ditetapkan, pihak MPSP bersama Kerajaan Negeri dan MPPP telah berusaha untuk mempertingkatkan taraf Tapak Pelupusan Pulau Burung dengan menaik taraf dari 'Sanitary Landfill Levell III' kepada 'Sanitary Landfill Level IV' iaitu dengan mengambil kira perawatan air leachate dan pengurusan gas.

Program atau tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui MPPP untuk memastikan Program *Cleaner Greener Penang* dalam tempoh dua (2) tahun ini seperti dalam dibawah:-

Di dalam membantu visi dan misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah bandaraya yang bersih dan hijau, MPPP telah mengambil beberapa strategi seperti berikut:-

(i) Program Penghijauan

Program "Cleaner, Greener Penang" merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha menghijaukan bumi. Beberapa projek utama penghijauan telah dirancang setakat ini bagi mencapai hasrat visi dan misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah Negeri hijau (Green State).

Projek penghijauan yang telah dibuat adalah seperti berikut:-

No.	**Senarai Projek**
1.	Projek Penghijauan Lebuh Carnavon
2.	Projek Penghijauan Weld Quay
3.	Taman Sahabat (Friendship Pocket Park) di Jalan Sultan Ahmad Shah
4.	Projek Taman Mini, Balik Pulau
5.	Projek Penghijauan Sepanjang Jalan Dato Keramat

(ii) Program Penanaman Pokok

Program penanaman pokok diwujudkan bagi menghijaukan kawasan Pulau Pinang dan penebat kepada pencemaran. Di samping itu juga, ianya dapat mengurangkan pulau haba (heat Island) terutamanya kawasan yang pesat membangun seperti Pulau Pinang. Program penanaman pokok ini adalah kerjasama penglibatan dari pelbagai agensi kerajaan, MPPP, NGO dan juga pemaju-pemaju projek pembangunan di Pulau Pinang. Program penanaman pokok yang dibuat oleh MPPP sehingga 31 Mac 2012 telah mencapai bilangan pokok sebanyak 1680 batang pokok. Manakala pihak swasta telah menyumbang dalam usaha penanaman pokok di Pulau Pinang sebanyak 9,744 batang pokok sehingga 31 Mac 2012.

(iii) Projek Landskap

Projek landskap MPPP dengan kerjasama pihak swasta melalui program *Corporate Social* R*esponsibility* (CSR) yang telah dibuat adalah seperti berikut:-

Kawasan Daerah Timur Laut

Bil.	Pihak Swasta/NGO	Lokasi
1.	Tetuan IJM Properties Sdn. Bhd.	Projek-Projek Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang-Program Angkat - Cadangan Kerja-Kerja Landskap Bagi Cadangan Untuk Pengindahan Bulatan Persiaran Gurney, Persiaran Gurney, D.T.L, Pulau Pinang
2.	Tetuan Quality Frontier Sdn. Bhd.	Projek-Projek Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang-Program Angkat Penyelenggaraan Kawasan Lapang bagi Rumah Berkembar 3 Tingkat (2 Unit) Dan Rumah Teres 3 Tingkat (52 Unit), Di Atas Lot 1464, Mukim 13, Lebuh Relau 1, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.(Terapautic Garden)
3.	Tetuan Soroptimist International Penang	Program Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang – Projek Penanaman Pokok Di Tanah Lapang Taman Free School , Pulau Pinang.
4.	Tetuan Ivory Gleneary Sdn. Bhd.	Program angkat MPPP- Cadangan Pembinaan Arca\ 'Sculpture' Di Kawasan Terbuka (Dataran) Pembangunan Penang Time Square, Jalan Dato'kramat, Georgetown, Pulau Pinang
5.	Tetuan IJM Properties Sdn. Bhd.	Program Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang – Projek Menaiktaraf di Bulatan Udini, Jalan Udini, Gelugor, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.
6.	Tetuan E & O Properties (Penang) Sdn. Bhd.	Program Angkat MPPP- Cadangan Menaiktaraf Landskap Di Bulatan Air Putih / Bukit Bendera, Persimpangan Jalan Penang Hill / Jalan Ayer Itam, Seksyen 1, Bandar Ayer Itam, D.T.L, Pulau Pinang (Bulatan Air Itam,Bkt Bendera)
7.	Tetuan Lion Club Of Penang	Program angkat MPPP- Projek Menaiktaraf Landskap di Tanah Lapang Lorong Amoy, Jalan Hutton, D.T.L, Pulau Pinang
8.	Y.B Tuan Jason Ong Khan Lee (ADUN KEBUN BUNGA)	Program angkat MPPP-Projek menaiktaraf tempat parkir MPPP kepada Linear Park di sebahagian Lot 1268,Sek.2,Padang Tembak, Air Itam,DTL, Pulau Pinang

Projek landskap MPPP dengan kerjasama pihak swasta melalui program *Corporate Social Responsibility*(CSR) yang telah dibuat adalah di kawasan Daerah Barat Daya seperti berikut:-

Kawasan Daerah Barat Daya

Bil.	Tetuan	Lokasi
1.	Tetuan Mtt Properties & Development Sdn. Bhd.	Projek-Projek Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang-Program Angkat Penyelenggaraan Kawasan Lapang (Tanah Kerajaan) Fasa 1B, Di Atas Lot 1463, Jalan Sg.Air Putih, Mukim 4, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang (Botanica.ct)
2.	Tetuan Setia Promenade Sdn. Bhd. / SP Setia Sdn. Bhd.	Program Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang – Projek Menaiktaraf Landskap Bulatan Bayan Lepas, Pulau Pinang.
3.	Tetuan Penang Reality Sdn. Bhd.	Projek-Projek Angkat Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang-Program Angkat Penyelenggaraan Kawasan Lapang (Tanah Kerajaan) Jalan Lembah Permai,Tanjung Bungah.

(iv) Program Komuniti (Cleaner, Greener Penang)

Di samping itu, MPPP telah pun melaksanakan Program Komuniti “Cleaner, Greener Penang” dengan ADUN, Ahli Majlis, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Penduduk, Persatuan Penduduk, NGO’s dan juga pihak swasta demi untuk merealisasikan visi dan misi Kerajaan Negeri menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah Negeri hijau.

Bagi membudayakan kesedaran amalan kebersihan persekitaran, program-program yang telah dilaksanakan di bawah Initiatif Cleaner, Greener Penang yang dilancarkan pada 22 Mei 2010 adalah seperti berikut:-

Bil.	Program yang dijalankan	2010	2011	2012 (setakat Mac)
1.	Program Komuniti Kesihatan Pesekitaran (Gotong - Royong)	162	196	49
2.	Ops Sinar Bersepadu	476	539	72
3.	Ceramah & Pameran Kitar Semula termasuk Kempen Pengurangan Beg Plastik	22	46	20
4.	Kitar Semula Komputer Terpakai (beratan yang dikumpul)	18,000 kg	9,355 kg	4067 kg

Program PenguranProgram Sisa Pepejal kini dipertingkatkan dengan penglibatan komuniti di peringkat sekolah-sekolah, persatuan penduduk dan pengusaha- pengusaha pasaraya melalui kaedah “separation at source and collection point”. Beberapa buah lokasi pusat tong kitarsemula adalah ditempatkan di bahagian pulau sebagai insenstif untuk masyarakat mempergiatkan aktiviti kitar semula.

MPPP juga sedang rancak melaksanakan program di bawah Majlis Perunding Komuniti yang bertindak sebagai platform ke arah Negeri Hijau dengan penglibatan ADUN, Ahli Majlis, Persatuan Penduduk, NGO's dan pihak swasta. MPPP telah pun melaksanakan program Komuniti 'Cleaner, Greener Penang' bagi tahun 2010 – 2012 seperti berikut:-

Program yang dijalankan	2010	2011	2012 (setakat April)
Program Komuniti "Cleaner, Greener Penang"	10	17	10

(v) Program "No Plastic Bag Day"

Kempen "No Plastik Bag Day" telah dimulakan sejak tahun 2009, dimana semua pasaraya dan restoran rangkaian telah diberikan syarat tambahan agar tidak lagi membekalkan beg plastik secara percuma pada hari-hari tertentu. Mulai tahun 2011, semua pasaraya telah diarahkan agar tidak lagi membekalkan beg plastik secara percuma dan menggalakkan pelanggan menggunakan beg kertas/beg mesra alam. Bagi pelanggan yang inginkan beg plastik, caj 20sen akan dikenakan dan hasil kutipan ini disalurkan ke Tabung Rakan Anti-Kemiskinan.

(vi) Program Kebersihan Tandas Awam

Kempen Kebersihan Tandas Awam yang telah dilancarkan pada 9 Mac 2012 sebagai initiatif strategik untuk mempertingkatkan budaya penyelenggaraan dan kebersihan tandas melalui pendekatan strategi 4P (Pembelajaran, Publisiti, Penilaian dan Pengiktirafan). Kempen ini telah dilancarkan pada 9.3.2011 sehingga 23 November 2012.
Kempen ini akan meliputi beberapa kategori seperti berikut:-

(i) Kategori Tandas Sekolah Rendah
(ii) Kategori Tandas Sekolah Menengah
(iii) Kategori Tandas Pusat Beli Belah
(iv) Kategori Tandas Restoran / Premis Makanan
(v) Kategori Tandas Pengusaha Stesen Minyak
(vi) Kategori Tandas Milik PBT
(vii) Kategori Tandas Pejabat Kerajaan

(vii) Program Skuad 'Anti Litter' dan 'Ops Pickers'

(i) Ops "pickers" dijalankan setiap hari di kawasan pelancongan seperti Persekitaran Gurney, Padang Kota Lama dan Promenade Sungai Pinang serta Jalan Persisiran Pantai Queensbay.

(ii) Skuad "Anti Litter" bersepadu untuk mengeluarkan saman kepada orang ramai yang membuang sampah telah diwujudkan dengan memberi tumpuan kawasan pelancongan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Bilakah kerja-kerja Projek JeWay Fasa 2 dan 3 akan siap sempurna?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Projek Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu yang dahulunya dikenali sebagai Jelutong Expressway (JEWay) merupakan pembinaan sebuah lebuh raya sepanjang 4.74 km dari Persimpangan Udini ke Jalan Weld/Persimpangan Pengkalan Weld. Projek ini melibatkan 3 fasa pembangunan:

    (a) Projek Fasa 1 merupakan pembinaan lebuh raya sepanjang 2.7 km dari Persimpangan Udini ke Persimpangan Jalan Sungai Pinang dan telah siap sepenuhnya pada 6 Jun 2003.

    (b) Projek Fasa 2 melibatkan pembinaan lebuh raya sepanjang 2.04 km dari Persimpangan Jalan Sungai Pinang ke Jalan Weld Quay sehingga persimpangan Gat Lebuh Acheh. 85% daripada keseluruhan pembinaan lebuh raya Fasa 2 ini telah siap pada 20 Jun 2006. Baki 15% kerja-kerja menaiktaraf lebuh raya tersebut iaitu dari persimpangan Gat Jalan Prangin ke persimpangan Gat Lebuh Acheh, sedang giat dijalankan oleh Jelutong Development Sdn. Bhd. (JDSB) termasuk kerja-kerja pemindahan dan penyambungan paip Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) serta memperbaharui permukaan jalan. Kerja-kerja ini dijangka siap pada 31 Mei 2012.

    (c) Projek Fasa 3 pula merupakan pembinaan sebuah lebuh raya sepanjang 800 meter yang menghubungkan Persimpangan Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim hingga Jalan Jelutong dan Jalan Batu Lanchang. Berdasarkan perjanjian di antara Kerajaan Negeri dengan JDSB, Projek Fasa 3 ini sepatutnya dimulakan pada bulan April 2008 dan disiapkan dalam tempoh 36 bulan. Namun, projek ini belum dimulakan kerana penduduk-penduduk di sepanjang jajaran lebuh raya tersebut iaitu di Kampung Jelutong Timur, perlu dipindahkan. Pengambilan milik tanah telah disempurnakan oleh Kerajaan Negeri pada 20 Mac 1991 dan kini, usaha-usaha ke arah pemindahan penduduk sedang dijalankan. Projek Fasa 3 dapat dimulakan selepas 12 bulan dari tarikh penyerahan tapak projek kepada JDSB.

(XXI) Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bilakah Pilihan raya untuk Kerajaan Tempakan akan diadakan seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sejak tahun 2008 dahulu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri telah memberi pemberitahuan melalui Gazet bahawa Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang dikecualikan daripada Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan 1976 selaras dengan peruntukan Seksyen 1 (4) akta yang sama.

Kerajaan Negeri seterusnya telah menggubal Rang Undang-undang Pilihanraya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Seberang Perai) 2012 dan akan membentangkan Rang Undang-undang tersebut di Persidangan DUN kali ini. Selepas Rang Undang-undang ini dilulus dalam Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Negeri akan memfailkan satu petisyen di Mahkamah Tinggi untuk mendapat satu pengisytiharan bahawa Seksyen 10 dan Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah tidak konsisten dengan perkara 74, 76 atau 113 (4) dan Perenggan 4 Senarai 11, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu tidak sah; dan supaya Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Dimanakah letaknya Pusat Pengumpulan Sampah (Transfer Station) di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pada masa sekarang, terdapat hanya satu Pusat Pengumpulan Sampah (Transfer Station) di Negeri Pulau Pinang iaitu Stesen Pemindahan Ampang Jajar di Seberang Perai Tengah (SPT).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pewujudan Halal Hub di Negeri Pulau Pinang sudah banyak kali dihebohkan sejak tahun 2008.

   (a) Sudah berapa buah perusahaan yang kini beroperasi dan nyatakan nama-nama perusahan itu?

   (b) Berapa buah perusahaan lagi dalam perancangan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Hab Halal Pulau Pinang pada dasarnya berbeza dengan hab halal yang dibangunkan oleh Negeri-Negeri lain di Malaysia. Hab Halal Pulau Pinang tidak hanya menumpukan kepada pembangunan Taman Perindustrian Halal semata-mata tetapi memberi pendekatan pembangunan sektor halal secara "holistik" bagi mewujudkan satu “ekosistem” Halal yang merangkumi sepuluh klaster iaitu:

   (1) Industri;
   (2) Asas Tani;
   (3) Logistik;
   (4) Sains & Kehidupan (Life Sciences);
   (5) Penyelidikan & Pembangunan (R&D);
   (6) Kewangan Islam;
   (7) Pelancongan & Hospitaliti;
   (8) Pembangunan Sumber Tenaga Manusia;
   (9) Pembangunan Usahawan Halal; dan
   (10) Promosi & Pemasaran

Sejak 2008, pelbagai kejayaan telah dicapai oleh Halal Penang antaranya melalui penyertaan di pameran perdagangan antarabangsa dan tempatan serta misi perdagangan yang bermula seawal Jun 2009. Halal Penang telah mempromosikan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelaburan yang kompetitif. Hasilnya industri halal di Pulau Pinang melakarkan perkembangan positif apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjaya membawa masuk pelaburan bernilai RM368.6 juta melalui penempatan lapan (8) buah syarikat tempatan yang terlibat dalam industri-industri berikut:-

(i) Pemprosesan makanan laut sejuk-beku,
(ii) Industri pemprosesan ekstrak herbal,
(ii) Bahan aditif;
(iii) Produk bakeri,
(iv) Pemprosesan makanan dan minuman bertin,
(v) Pemprosesan produk makanan berasaskan soya,
(vi) Pemprosesan “green mug beans” dan “matpe beans”; dan
(vii) Pemprosesan ekstrak tumbuhan dan herbal.

Berdasarkan fakta kejayaan yang telah dinyatakan, pewujudan hab halal di Pulau Pinang merupakan satu keputusan yang tepat dan wajar oleh Kerajaan Negeri.

Kelapan-lapan buah syarikat berkenaan masih dalam proses pembinaan kilang di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP). Maklumat terperinci syarikat-syarikat yang melabur di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang ialah seperti di Jadual “1”.

JADUAL 1

SENARAI SYARIKAT YANG MELABUR DI TAMAN PERINDUSTRIAN HALAL PULAU PINANG

No.	Syarikat	Aktiviti	Status	Nilai pelaburan
1	Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd	Pemprosesan makanan laut sejukbeku	Pembinaan kilang masih dijalankan. Hampir 81% kilang sudah siap dibina.	RM150 juta
2	D'nonce Biofoods Sdn. Bhd	Pemprosesan ekstrak herbal	Dalam perbincangan akhir bagi *layout plan* dan *design* kilang .	RM25 juta
3	Aromacom Sdn. Bhd	Pemprosesan dan pengeluaran bahan aditif (penambah perisa makanan)	Pelan bangunan telah diluluskan oleh MPSP. Pertukaran dalam rekaan *interior building.* Pembinaan akan bermula selepas pertukaran pelan bangunan siap.	RM10 juta
4	Swiss Confiserie Sdn. Bhd	Pemprosesan produk bakeri	Plan bangunan telah diluluskan. Dalam proses pembukaan tender untuk pembinaan kilang.	RM 10 juta
5	Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd	Pemprosesan makanan dan minuma bertin	Pembinaan akan bermula selepas kilang pertama siap.	RM100 juta

6	Everbest Soya Bean Products Sdn. Bhd	Pemprosesan produk makanan berasasan soya	Telah melantik kontraktor dan pembinaan akan bermula pertengahan April 2012.	RM50 juta
7	Tian Seng Hang Trading Sdn. Bhd	Pemprosesan "*green mug beans*" dan "*matpe beans*"	Dalam proses penilaian conceptual design dengan arkitek.	RM13.6juta
8	Butterfield (M) Sdn. Bhd	Pemprosesan estrak tumbuhan dan herbal.	Masih dalam "architectual planning" dan dijangka siap pertengahan 2012.	RM10 juta
JUMLAH				**RM368.6 juta**

(b) Hasil daripada inisiatif Kerajaan Negeri yang agresif dalam membangunkan industri halal di Pulau Pinang melalui penyertaan ke pameran perdagangan, seminar dan "outreach" yang dianjurkan serta kejayaan Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang mendapat penganugerahan status HALMAS oleh Halal Industry Development Corporation (HDC) , Halal Penang telah menerima 13 lagi permohonan baru untuk ditempatkan di TPHPP. Syarikat berkenaan terdiri daripada syarikat yang terlibat dalam industri-industri berikut:-

(i) Pemprosesan makanan;
(ii) Pemprosesan produk kopi pracampuran;
(iii) Pemprosesan produk coklat;
(iv) Pemprosesan produk berasaskan soya;
(v) Pemprosesan produk biskut dan coklat;
(vi) Pemprosesan minuman pracampuran;
(vii) Pemprosesan sos;
(viii) Pemprosesan produk jem;
(ix) Pemprosesan produk makanan laut sejuk beku;
(x) Pemprosesan gelatin halal;
(xi) Produk penjagaan kulit; dan
(xii) Pemprosesan sarang burung dan pembangunan produk "downstream"

13 permohonan baru tersebut melibatkan pembangunan kilang di atas tanah dengan keluasan berjumlah 35.89 ekar beserta pelaburan masuk ke TPHPP sebanyak RM183.33 juta. Walau bagaimanapun, tiada tanah siap untuk diduduki "readily available land" berikutan tanah Fasa D bersaiz 40.5 ekar di TPHPP hanya akan siap untuk dimasuki pelabur pada tahun 2013. Senarai 13 permohonan baru untuk ditempatkan di TPHPP adalah seperti di Jadual 2:-

JADUAL 2

SENARAI PERMOHONAN BARU SYARIKAT YANG BERMINAT UNTUK MELABUR DI TAMAN PERINDUSTRIAN HALAL PULAU PINANG

No.	Syarikat	Aktiviti	Keluasan tanah yang dipohon (ekar)	Nilai pelaburan (RM)
1	Bamboo Catering (M) Sdn. Bhd	Pemprosesan dan pengeluaran bahan makanan	2	RM2.6 juta
2	Gold Choice Food Industries Sdn. Bhd	Pemprosesan minuman pracampuran kopi segera dan bijirin	4.7	RM12.48juta
3	Bino Confectionery Sdn. Bhd	Pemprosesan produk coklat	2	RM5.8 juta
4	Cheng Hoe Food Manufacturing Sdn. Bhd	Pemprosesan produk berasaskan soya	2	RM4.2 juta
5	Hiap Seng Huat Foodstuff Sdn. Bhd	Pemprosesan produk biskut dan coklat	2	RM 8.0 juta
6	Soo Tatt Vending (M) Sdn. Bhd	Pemprosesan minuman pracampuran	2	RM5.48 juta
7	Heng Lee Sauce Sdn. Bhd	Pemprosesan sos	1	RM3.0 juta
8	Street's Food Products Sdn. Bhd	Pemprosesan produk jem buah-buahan	1.5	RM3.0 juta
9	Seng Enterprise Seafood Supplier (1998) Sdn. Bhd	Pemprosesan produk makanan laut sejukbeku, akaukultur R&D	2.5	RM9.0 juta
10	Leverage Business Sdn. Bhd	Pemprosesan gelatin halal	2	RM15.6 juta
11	APT World International Sdn. Bhd	Pemprosesan produk penjagaan kulit	3.07	RM3.48 juta
12	Fuchipagus Agritech Sdn. Bhd	Pemprosesan sarang burung dan pembangunan produk "*downstream*"	3	RM10.69 juta
13	Kirana Setia Sdn. Bhd	Pemprosesan gelatin halal	8.12	RM100 juta
JUMLAH			**35.89**	**RM183.33 juta**

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Badan Wakaf Hindu (Hindu Endowment Board) sudah tamat perkhidmatannya. Bilakah jawatankuasa badan ini akan dilantik/atau ditubuhkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Keahlian Pesuruhjaya Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang lepas telah tamat pada 31 Mac 2012 dan urusan pelantikan Pesuruhjaya Lembaga Wakaf Hindu yang baru mulai 1 April 2012 hingga 31 Mac 2013 telah pun diselesaikan. Surat-surat pelantikan akan disampaikan kepada semua Pesuruhjaya yang dilantik pada 4 Mei 2012.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerja-kerja pembersihan sampah, parit, rumput dan pasar di Seberang Perai sangatlah tidak memuaskan sejak empat (4) tahun yang lalu. Mengapakah kontraktor-kontraktor yang dipertanggungjawabkan bagi kerja pembersihan ini masih lagi dikontrak dari setahun ke setahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kontraktor-kontraktor yang dipertanggungjawabkan bagi kerja pembersihan masih lagi dilantik secara kontrak dari setahun ke setahun kerana Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mendapat arahan daripada pihak KPKT pada tahun 2007 bagi membekukan semua lantikan kontraktor baru serta pembelian peralatan termasuk kenderaan memungut sampah sebagai usaha ke arah penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal Negara (APSPN) 2007. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan pelaksanaan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (APSPN) 2007 di Pulau Pinang. Kerajaan Persekutuan telah pun mengecualikan Negeri Pulau Pinang daripada penguatkuasaan Akta tersebut pada tahun 2011. Sehubungan dengan itu, pihak MPSP kini sedang dalam proses penyediaan Kontrak Pembersihan Bersepadu yang akan dilaksanakan pada tahun 2013. Manakala bagi kontrak pasar/kompleks, MPSP telah pun melantik sejumlah 25 kontraktor baru untuk menguruskan kebersihan di ruang niaga MPSP. Kontrak ini bermula 1 Oktober 2011 (12 kontraktor) dan 1 April 2012 (13 kontraktor).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berapakah perbelanjaan dan peruntukan yang telah digunakan untuk memperbaiki dan menyelenggara infrastruktur dan senaraikan projek-projek tersebut termasuk nama kontraktornya di DUN Batu Lanchang pada tahun 2010 dan 2011?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bilangan projek dan perbelanjaan yang telah digunakan untuk memperbaiki dan menyelenggara infrastruktur di DUN Batu Lanchang oleh Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut pada tahun 2010 dan 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	**Bilangan Projek**	**Kos (RM)**
2010	12	78,290.00
2011	7	44,969.80
JUMLAH	19	123,259.80

Manakala bilangan projek dan perbelanjaan yang dibuat oleh MPPP adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Projek	Kos (RM)
2010	29	949,882.80
2011	46	1,059,192.34
JUMLAH	75	2,009,075.14

Senarai kontraktor dan projek adalah seperti di Lampiran.

Senarai MPPP Tahun 2010

Senarai Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur

Parlimen: Jelutong
KADUN: Batu Lancang
Tahun: 2010

BIL.	NAMA KONTRAKTOR	PROJEK	PERBELANJAAN (RM)
1	Suria Dua Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Longkang Di Taman Hijau 3 Hadapan No. 1 Hingga No. 9	8,870.00
2	Suria Dua Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Longkang Di Taman Hijau 3 Hadapan Padang Hingga Simpang Jalan Hijau 3	9,855.00
3	Suria Dua Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Longkang Di Lintang Gelugor Dari Bertentangan No. 49 Hingga Spg. Taman Gelugor	8,560.00
4	Suria Dua Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Longkang Di Taman Gelugor Dari Simpang Lintang Gelugor Hingga Parit Monsun	9,990.00
5	Mutiara Alam Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Longkang Di Taman Hutchings No. 64 Ke No. 74	10,059.20
6	Mutiara Alam Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Longkang Di Taman Hutchings Hdp. No. 70 Pembetung Kekotak 600mm x 600mm	4,607.50
7	Mutiara Alam Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Jalan Perak Belakang No. 381-G-1 Hingga No. 381-G-11 (Penutup Parit)	6,800.00
8	Mutiara Alam Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Longkang Di Halaman Hargreaves Belakang No. 1 Hingga No. 17	9,329.00
9	Suria Dua Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Longkang Di Jalan Masjid Negeri No. 28 Ke No. 48	9,933.00

10	Suria Dua Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Longkang Di Lorong Gemang No. 1 Ke No. 21	10,102.50
11	Suria Dua Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Longkang Di Batu Green Belakang No. 2 Ke No. 20	6,965.00
12	Suria Dua Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Longkang Di Gelugor Green Blk. No. 1 ke No. 21	6,480.00
13	Suria Dua Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Longkang Di Jalan Hikmat No. 18 Hingga No. 32	9,945.00
14	Pembinaan Ceria	Kerja-Kerja Mengecat Semula Kekisi Paip Besi Tergalvani Di Jalan Mas (Japanese Garden) Dan Lintang Mas (Parit Monsun Tepi No.18 & No.16, No. 26K & 26J)	1,452.00
15	Pembinaan Ceria	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Gegili Di Lintang Batu Lancang Tepi No. 78	4,917.30
16	Pembinaan Ceria	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Gegili Di Lintang Batu Lancang Berhampiran Tempat Letak Kereta Pasar Batu Lancang	7,743.80
17	Pembinaan Ceria	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Gegili Di Lintang Slim Bertentangan No. 336H	6,128.80
18	Pembinaan Ceria	Kerja-Kerja Membaiki dan Menaiktaraf Gegili Di Lintang Slim Hadapan Lot 2749 & No. 336K	8,501.60
19	Syarikat Pembinaan Anas Sdn Bhd	Kerja-Kerja Menurap Jalan Di Jalan Hamilton (Dari Jalan Pinhorn - Bulatan Free School) Dan Bulatan Free School	112,743.30
20	Syarikat Pembinaan Anas Sdn Bhd	Kerja-Kerja Menurap Jalan di Jalan Free School (Dari Jalan Perak - Bulatan Free School)	90,877.20
21	Syarikat Pembinaan Anas Sdn Bhd	Kerja-Kerja Menurap Jalan di Jalan Jelutong (Bahagian Island Dari Jalan Bukit Dumbar - Lengkok Dumbar)	55,711.48
22	Syarikat Pembinaan Anas Sdn Bhd	Kerja-Kerja Menurap Jalan Di Jalan Lenggong	19,570.48
23	Syarikat Pembinaan Anas Sdn Bhd	Kerja-Kerja Menurap Jalan Di Jalan Perak Dan Lengkok Free School	88,442.16
24	Perusahaan Wira Waja	Kerja-Kerja Menurap Di Lorong Belakang No 14, Medan Penaga	3,752.46
25	Perusahaan Wira Waja	Kerja-Kerja Menurap Di Lorong Cantik (Lorong Belakang No.1 - 29)	9,345.02

26	Ceria Perkasa Enterprise	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kabel Bawah Tanah Di Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim (Antara Jalan Sir Ibrahim Dengan Jalan Masjid Negeri) Tambahan	118,625.00
27	Fahmi Teguh Enterprise	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kabel Bawah Tanah Di Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim (Antara Jalan Sir Ibrahim Dengan Jalan Jelutong)	178,810.50
28	Perniagaan Elektrik Zahirul	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kabel Bawah Tanah Di Jalan Jelutong	10,060.00
29	Perniagaan Elektrik Zahirul	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kabel Bawah Tanah Di Jalan Jelutong Antara Caltex Dengan Lebuhraya Gelugor	121,705.50
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			**949,882.80**

Senarai MPPP Tahun 2011

Senarai Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur

Parlimen: Jelutong
KADUN: Batu Lancang
Tahun: 2011

BIL.	NAMA KONTRAKTOR	PROJEK	PERBELANJAAN (RM)
1	Impiana Warisan Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Tepi No. 88 Solok Slim (Free School)	9,918.00
2	Impiana Warisan Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Jalan Perak (Lorong Belakang No. 388G Hingga 388Q)	7,178.50
3	Impiana Warisan Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Jalan Sitiawan (Lorong Belakang No. 4 Hingga No. 18)	7,618.00
4	Machini Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Jalan Jelutong (Bersebelahan No 1 Lebuhraya Jelutong)	8,944.50
5	Machini Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Jalan Hijau 4 (Lorong Belakang No. 37 - No. 57)	8,709.00
6	Machini Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Dari Lorong Ipoh Hingga No. 14 Lebuhraya Jelutong	9,895.10
7	Machini Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Lebuhraya Jelutong (Hadapan No. 16 Hingga No. 28)	9,835.88
8	Machini Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Hadapan No. 30 Hingga No. 40 Lebuhraya Jelutong	9,989.40

9	Machini Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Hadapan No. 42 Hingga No. 48 Lebuhraya Jelutong	9,923.68
10	Machini Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Jalan Penaga (Lorong Belakang No. 2 Hingga No. 22)	7,014.35
11	Machini Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Jalan Ipoh (Bl No. 29 - No. 41) Dan Jalan Jelutong (Bl No. 542 - No. 556)	9,161.60
12	Machini Enterprise	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Longkang Di Lebuhraya Jelutong Dari No. 4 Hingga No. 48 (Tar)	4,500.00
13	Mutiara Cergas Enterprise	Kerja-Kerja Membekal & Memasang Penutup Lurang FRP Di Solok Lenggong (Tepi Kedai Hardware)	3,977.69
14	Mutiara Cergas Enterprise	Kerja-Kerja Meninggikan Tembok Parit,Membekal & Memasang FRP Serta Papak Konkrit Atas Parit Di Jalan Van Praagh (Dari Hadapan No. 53 - No. 67)	8,058.81
15	Mutiara Cergas Enterprise	Membina & Membaiki Parit Erong Di Jalan Van Praagh (Dari Hadapan No. 40 - No. 8)	3,106.18
16	Mutiara Cergas Enterprise	Kerja-Kerja Membekal & Memasang Kekisi Paip Besi Bergalvani Kelas A, Memasang Semula Interlocking Serta Tanam Rumput Di Jalan Hamilton (Hadapan SMJK Heng Ee)	9,019.85
17	Mutiara Cergas Enterprise	Kerja-Kerja Membekal & Memasang Kekisi Paip Besi Bergalvani Kelas A & Memasang Semula Interlocking Di Jalan Free School (Belakang SMJK Heng Ee)	5,419.39
18	Mutiara Cergas Enterprise	Membina & Membaiki Gegili Konkrit & Bahu Jalan Di Jalan Hijau Lima (Tepi & Belakang RHB Bank)	7,273.95
19	Mutiara Cergas Enterprise	Membina & Membaiki Gegili Konkrit & Bahu Jalan Di Jalan Hijau Lima (Belakang Mewah Court)	2,780.47
20	Mutiara Cergas Enterprise	Kerja-Kerja Pemasangan Semula Interlocking & Penanaman Rumput Di Jalan Tapah (Hadapan Taman Sri Bunga Raya)	2,526.93
21	Mutiara Cergas Enterprise	Kerja-Kerja Memasang Semula Interlocking, Membina & Membaiki Paip Parit Scupper Serta Membekal & Memasang Penutup Lurang FRP Di Lorong Bidor.	6,584.14
22	Mutiara Cergas Enterprise	Membina & Membaiki Gegili Konkrit & Bahu Jalan Di Jalan Free School / Lintang Slim (Hadapan No. 68G - No. 64)	9,716.01

23	Mutiara Cergas Enterprise	Membekal & Memasang Kekisi Paip Besi Bergalvani Kelas A Di Jalan Perak (Hadapan No. 320M - 320S) & Memasang Interlocking Serta FRP Di Lorong Bidor (Hadapan Sutera Emas Condo)	9,984.47
24	Mutiara Cergas Enterprise	Membekal & Memasang Kekisi Paip Besi Bergalvani Kelas A Di Jalan Perak (Dari Simpang Lorong Bidor - Hadapan No. 318)	9,465.40
25	Mutiara Cergas Enterprise	Membekal & Memasang Kekisi Paip Besi Bergalvani Kelas A Di Jalan Perak (Dari Simpang Jalan Free School - Simpang Lorong Bidor)	8,401.88
26	Mutiara Cergas Enterprise	Membekal & Memasang Kekisi Paip Besi Bergalvani Kelas A Di Jalan Perak (Hadapan No. 320T - No. 320X)	4,970.13
27	Mutiara Cergas Enterprise	Membina & Membaiki Gegili Konkrit & Bahu Jalan Di Jalan Sir Ibrahim (Tepi No. 3 – No 11A) & (Hadapan No. 4 – Tepi No. 1 Lorong Hijau Lapan)	8,551.64
28	Mutiara Cergas Enterprise	Membina & Membaiki Gegili Konkrit & Bahu Jalan Di Jalan Tan Sri The Ewe Lim (Hadapan No. 202 - Simpang Jalan Hijau Lima)	8,081.68
29	Mutiara Cergas Enterprise	Membina & Membaiki Gegili Konkrit & Bahu Jalan Di Jalan Van Praagh (Hadapan No. 1 – Tepi No. 1 Jalan Sir Ibrahim)	9,208.36
30	Mutiara Cergas Enterprise	Membina & Membaiki Gegili Konkrit & Bahu Jalan Di Jalan Van Praagh (Tepi No. 49 – No. 52)	9,901.07
31	Mutiara Cergas Enterprise	Membina & Membaiki Gegili Konkrit & Bahu Jalan Di Jalan Sir Ibrahim (Tepi No. 95 & Hadapan No. 70 Jalan Hijau Empat) & (Tepi No 83 Jalan Hijau Tiga)	8,539.61
32	Mutiara Cergas Enterprise	Kerja-Kerja Tambahan Menanam Rumput & Meninggikan Tembok Parit Di Jalan Jelutong Hadapan Masjid Jamek Jelutong & Setentang No. 454	1,101.37
33	Nawwal Sdn Bhd	Kerja-Kerja Menurap Jalan Di Jalan Masjid Negeri (Jalan Hamilton - Bulatan Gelugor)	381,901.60
34	Perniagaan OZA	Kerja-Kerja Menurap Di Lorong Belakang Cangkat Dumbar	10,218.39
35	Perniagaan OZA	Kerja-Kerja Menurap Di Lorong Belakang Jalan Hijau 4	2,719.77
36	Perniagaan OZA	Kerja-Kerja Menurap Di Lorong Belakang Antara Lorong Hijau 6/7	5,261.49
37	Perniagaan OZA	Kerja-Kerja Menurap Di Lorong Belakang Antara Lorong Hijau 5/6	5,126.28

38	Perniagaan OZA	Kerja-Kerja Menurap Di Lorong Belakang No 49 Taman Hucthing	6,066.91
39	Perniagaan OZA	Kerja-Kerja Menurap Di Lorong Belakang Maybank Jelutong	10,674.32
40	Perniagaan OZA	Kerja-Kerja Menurap Di Lorong Belakang Taman Hijau 1 / Taman Hijau 2	11,575.53
41	Perniagaan OZA	Kerja-Kerja Menurap Di Lorong Belakang No. 27 Lengkok Hijau	3,536.57
42	Perniagaan OZA	Kerja-Kerja Menurap Di Lorong Sisi No. 17C Lengkok Batu Lancang	5,836.94
43	Syed Engineering Works	Menaiktaraf Persimpangan Lalulintas Lebuhraya Thean Tek / Lorong Batu Lancang	333,303.00
44	Tyco Fire, Security & Services (M) Sdn. Bhd.	Penyelenggaraan Lampu Isyarat	1,620.00
45	Melati Tuah Sdn. Bhd	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kabel Bawah Tanah Di Lorong Batu Lancang	25,436.50
46	Perniagaan Elektrik Zahirul	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kabel Bawah Tanah Di Lebuhraya Batu Lancang	16,558.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			**1,059,192.34**

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Dari bulan Mac 2008 hingga bulan Februari 2012, berapakah unit rumah di kawasan DUN Sungai Pinang yang diarahkan untuk berpindah akibat daripada pembangunan perumahan swasta? Antara yang diarahkan untuk berpindah, berapakah individu yang telah memohon untuk rumah kos sederhana rendah dan berapakah daripada permohonan itu telah diluluskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sejak dari bulan Mac 2008 sehingga Februari 2012, sebanyak 864 unit rumah telah diarahkan berpindah akibat daripada pembangunan perumahan swasta di Daerah Timur Laut. Tiada maklumat spesifik berkenaan kawasan DUN.

Dari jumlah tersebut, permohonan untuk membeli seunit rumah kos rendah adalah sebanyak 427 permohonan dan 212 daripadanya telah pun ditawarkan dan memiliki rumah kos rendah. Manakala, jumlah yang memohon untuk membeli seunit rumah kos sederhana rendah adalah sebanyak 437 permohonan dan 83 daripadanya telah pun ditawarkan dan memiliki rumah kos sederhana rendah.

(XXII) Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pasukan Peronda Sukarela (PPS) telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada bulan September 2011. Apakah lindungan atau kebajikan yang akan dinikmati oleh ahli-ahli PPS? Adakah pihak kerajaan akan memberi lindungan insurans kepada ahli-ahli PPS? Sila kemukakan lindungan dan kebajikan yang disediakan kepada ahli-ahli PPS.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri telah melancarkan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) pada bulan September 2011. Penyertaan ahli ke dalam PPS adalah secara sukarela. Kerajaan Negeri sedang membuat kajian menambah baik hal ehwal kebajikan ahli PPS termasuk cadangan memberi lindungan insurans sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri mengizinkan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Difahami yuran penyelenggaraan di perumahan swasta adalah dalam kuasa dan tanggungjawab JMB dan MC bangunan masing-masing tetapi adakah pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk membantu dalam masalah pengutipan yuran penyelenggaraan. Jika ya, sila kemukakan cara bantuan yang dapat disalurkan kepada pihak JMB dan MC tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Salah satu tugas dan tanggungjawab JMC dan MC adalah untuk mengutip yuran pengurusan bangunan yang mereka uruskan. Sebagai usaha membantu JMB dan MC, Kerajaan Negeri telah bersetuju melantik Yang DiPertua bagi kedua-dua Majlis Perbandaran sebagai Pesuruhjaya Bangunan. Seksyen 25 Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Bangunan melantik agen pengurusan untuk menyelenggara dan mengurus bangunan termasuk tugas mengutip *maintenance fee*.

   Di bawah Seksyen 33, Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) Pesuruhjaya Bangunan (COB) boleh mengambil tindakan dengan mengeluarkan waran penahanan bagi menahan apa-apa harta alih kepunyaan pembeli petak yang berhutang caj penyenggaraan. COB juga boleh melelong harta alih kepunyaan pembeli petak berkenaan sekiranya gagal menjelaskan tunggakan caj penyenggaraan dalam tempoh yang ditetapkan. Namun, sehingga kini pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) masih belum mengeluarkan garis panduan (rules and regulation) mengenai pelaksanaannya.

   Seksyen 53A, Akta Hak Milik Strata 1985 (Akta 318) pula menyatakan pihak MC boleh memohon kepada Pentadbir Tanah untuk mendapatkan waran penahanan bagi menahan apa-apa harta alih kepunyaan pemilik petak yang berhutang caj penyenggaraan. Sekiranya MC menghadapi masalah dalam melaksanakannya, maka MC boleh mendapatkan bantuan Pesuruhjaya Bangunan.

Di samping itu, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan yang ditubuhkan di kedua-dua PBT juga bertujuan untuk memberi pendidikan kepada JMB/MC yang menghadapi masalah dalam kutipan wang penyelenggaraan *maintenance fee*.

Bagi memperkasa dan memperbaiki undang-undang ini, Kerajaan Persekutuan juga di dalam proses untuk meminda Akta ini dengan mengambil kira masalah pelaksanaan Akta ini sejak dikuatkuasakan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. George Town merupakan Bandar Warisan yang diiktiraf oleh UNESCO.

(a) Bagaimanakah cara penentuan bahawa bangunan itu merupakan bangunan Warisan?

(b) Apakah cara atau kriteria yang dapat memelihara bangunan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Berdasarkan "Peraturan Untuk Kawasan Pemuliharaan & Bangunan-bangunan Warisan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang", kriteria-kriteria yang digunakan dalam menentukan sesuatu bangunan warisan di Negeri Pulau Pinang adalah berdasarkan nilai-nilai berikut:-

(i) Sejarah

Bangunan yang mengambarkan aspek-aspek penting dalam sejarah sosial, ekonomi, budaya dan agama Negeri.

(ii) Seni bina

Bangunan yang mempunyai nilai-nilai reka bentuk, hiasan dan ketukangan yang unggul serta contoh-contoh penting gaya seni bina bangunan yang memaparkan inovasi teknologi zaman tertentu.

(iii) Sosial

Bangunan yang dikaitkan dengan individu-individu penting semasa hidupnya atau kerja seseorang atau organisasi atau peristiwa yang menyumbang kepada sejarah kebangsaan atau Negeri.

(iv) Landskap Bandar

Susun atur bangunan yang menyumbang kepada pemandangan setempat. Di mana ia membentuk elemen dalam satu kumpulan, taman atau landskap atau ia berkongsi bentuk seni bina atau butiran tertentu dengan bangunan-bangunan lain berhampirannya.

(v) Deretan Bangunan

Deretan bangunan yang melambangkan gaya seni bina era tertentu.

(vi) Unggul

Bangunan yang unggul dan sedikit contoh seumpamanya.

(vii) Ciri-ciri fizikal, susun atur, bahan atau lokasi yang mencerminkan reka bentuk asal sesuatu bangunan.

Bangunan-bangunan yang diklasifikasikan sebagai warisan mempunyai satu atau lebih kriteria-kriteria yang dinyatakan di atas.

(b) Jabatan Perancang Bandar dan Desa Pulau Pinang (JPBDPP) sedang dalam proses penyediaan Draf Rancangan Kawasan Khas dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT) sebagai satu mekanisma perundangan untuk memastikan pelaksanaan pelan pengurusan bagi tapak warisan dunia UNESCO George Town, dan seterusnya pemeliharaan bangunan–bangunan yang terletak dalam lingkungan tapak warisan dunia ini. Pewartaan Rancangan Kawasan Khas ini akan memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan dan kawasan persekitarannya dapat dipelihara untuk generasi masa hadapan.

Walau bagaimanapun, kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan bangunan warisan merupakan asas utama bagi pemeliharaan bangunan warisan dan ianya perlu diterapkan dalam diri setiap individu di semua peringkat. George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) kini giat menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti bagi memupuk kesedaran warisan kepada orang ramai antaranya:-

(i) Klinik warisan yang merupakan program khidmat nasihat secara percuma kepada semua ‘stakeholders’. Melalui klinik warisan, orang ramai boleh mendapat khidmat nasihat dan panduan mengenai prosedur pembangunan, penyelenggaraan bangunan warisan serta mendapat maklumat mengenai TWDGT. Klinik ini beroperasi di GTWHI pada hari Sabtu minggu pertama dan pada hari Isnin setiap sebulan.

(ii) Menganjurkan Bengkel Konservasi Bangunan Warisan yang telah bermula sejak tahun 2011. Bengkel ini bertujuan meningkatkan kefahaman, kemahiran dan kemampuan khususnya golongan kontraktor dalam menjalankan kerja-kerja membaiki dan membaik pulih bangunan warisan.

(iii) Penganjuran bengkel bersama pakar konservasi Aus-Heritage yang bertujuan mempelajari kaedah perancangan dan pengurusan aset-aset warisan di luar negara yang boleh diadaptasi di George Town.

(iv) Ceramah warisan pada setiap bulan oleh pakar tempatan dan luar negara untuk berkongsi pengalaman dalam pengurusan dan pengendalian Tapak Warisan Dunia serta mempertingkatkan pemahaman orang ramai mengenai warisan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Difahami Pelan Induk Tempatan (Local Plan) telah siap disediakan. Bilakah Pelan tersebut dapat diperkenalkan kepada orang awam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara dan Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah telah dipamerkan kepada orang awam selama 4 minggu bermula dari 15 Mac 2012 sehingga 12 April 2012, manakala tarikh akhir untuk mengemukakan borang bantahan telah ditetapkan pada 19 April 2012. Sepanjang tempoh pameran tersebut, orang awam telah diberi peluang untuk menyuarakan bantahan, cadangan dan ulasan terhadap pembangunan yang telah dicadangkan di kedua-dua daerah tersebut. Kedua-dua Rancangan Tempatan ini di jangka akan diwartakan pada bulan Disember 2012.

Bagi Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan, ianya telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri pada 29 Mac 2012 dan tarikh untuk publisiti di jangka akan diadakan pada bulan Jun 2012 dan diwartakan dalam bulan Mac tahun 2013.

Manakala Rancangan Tempatan Pulau Pinang pula di jangka dapat dipamerkan kepada orang awam pada Ogos 2012 memandangkan terdapat beberapa pindaan perlu diselaraskan dan dimasukkan ke dalam deraf Rancangan Tempatan berkenaan dengan mengambil kira Rancangan Kawasan Khas Kawasan Tapak Warisan Dunia George Town dan Taman Botani yang sedang dalam peringkat akhir penyediaannya. Di samping itu juga, pengesahan kandungan Rancangan Tempatan juga perlu diperolehi dari ADUN dan ahli EXCO di bahagian Pulau sebelum Rancangan Tempatan ini dibawa untuk sesi publisiti dan bantahan awam.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Terdapat perumahan papan di kampung yang mudah terbakar. Apakah langkah-langkah sedia ada untuk mencegah kebakaran? Adakah terdapat rancangan baru untuk mengukuhkan langkah pencegahan kebakaran di kawasan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Setiap komuniti penduduk perlu bersama pihak agensi bertanggungjawab bagi memastikan amalan keselamatan pencegahan kebakaran yang baik dipatuhi. Proses kesedaran sering disalurkan kepada para penduduk melalui kempen dan taklimat daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti, Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga. Keutamaan pelan pencegahan difokuskan kepada memberi kesedaran kepada penduduk selain daripada penyediaan fasiliti pencegahan. Antara langkah disediakan adalah seperti berikut :

(a) Program kesedaran di peringkat awal kanak-kanak dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui penubuhan Kelab 3K (Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-Kanak). Ahli kelab diberikan pemahaman teknik dan prosedur keselamatan ketika berdepan dengan kecemasan. Sehingga kini terdapat 60 buah kelab 3K telah diaktifkan dengan keahlian seramai 2,070 ahli.

(b) Kempen kesedaran awam di kawasan-kawasan berisiko tinggi terutamanya kawasan perumahan papan atau setinggan. Kaedah penyampaian adalah melalui ceramah dan pameran agar penduduk dapat memahami dan membudayakan langkah-langkah pencegahan. Kedudukan prestasi pelaksanaan sehingga kini merekodkan 58 ceramah, 74 demonstrasi, 17 pameran, 43 sesi latihan pengungsian bangunan dan 9 sesi mock drill dalam tempoh Januari hingga Mac 2012. Penglibatan terdiri daripada PersatuanPenduduk, sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, pejabat kerajaan/swasta, hospital, kilang, gudang, hotel, pusat membeli belah, tadika dan lain-lain tempat.

(c) Mengaktifkan Pasukan Tindakan Kecemasan/*Emergency Respond Team* (ERT) di syarikat-syarikat dan kilang-kilang. Dalam memastikan kecekapan ahli pasukan berkenaan maka program berbentuk ujian kecekapan turut diadakan seperti Pertandingan Kawad Kecekapan ERT. Kemahiran yangdiberikan merangkumi tindakan pencegahan di tempat kerja dan di rumah. Prestasi semasa menunjukkan daripada 41 pasukan yang diwujudkan sebanyak 23 pasukan telah menjalani latihan kecekapan dengan penglibatan seramai 606 orang sepanjang Januari hingga Mac 2012.

(d) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelan kajian dikenali sebagai *Emergency Respond Plan* (ERP) yang melihat kepada tindakan pantas balai bomba yang berada dalam kawasan hot spot atau kawasan berisiko tinggi. Elemen yang dikaji adalah tempoh masa tiba di tempat kejadian, laluan jentera, lokasi kebakaran dan fasiliti alat bantu pemadaman di kawasan bencana.

(e) Manakala dalam usaha memastikan fasiliti terpasang sentiasa dalam keadan baik untuk digunakan maka Program Teman Pili Bomba telah dianjurkan. Melalui pendekatan ini kemudahan alat bantu pemadaman dapat dipantau dengan bantuan sukarela yang terdiri daripada penduduk kawasan terbabit. Sejumlah 269 pili bomba telah dijadikan anak angkat pada tahun 2011 dan sasaran pada tahun 2012, tambahan 300 unit pili bomba akan dijadikan anak angkat oleh orang awam.

(f) Usaha lain yang dilaksanakan adalah dengan mewujudkan kerjasama baik berterusan bersama sejumlah 27 buah Persatuan Bomba Sukarela (PBS) yang berdaftar dan jumlah ini boleh dipertingkatkan lagi.

Selain itu, setiap kejadian kebakaran yang berlaku dipantau secara terus melalui Mesyuarat Majlis Perunding Keselamatan dan Ketenteraman Awam Negeri Pulau Pinang secara berkala dan setiap kejadian kebakaran yang menunjukkan kekerapan atau trend tertentu akan dilakukan kaji selidik secara khusus bagi mendapatkan kaedah pencegahan terbaik.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Terdapat beberapa kes kemalangan langgar lari, tiada CCTV untuk merakam kejadian tersebut. Difahami Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan atau telah memasangkan CCTV di seluruh Negeri Pulau Pinang. Sila senaraikan lokasi tersebut dan senaraikan lokasi yang akan dipasang dalam rancangan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. MPPP telah memasang 34 buah kemera CCTV sejak tahun 2008 di lokasi-lokasi yang dikenalpasti oleh Polis mengikut statistik kekerapan berlakunya jenayah. Selain daripada itu, MPPP juga telah menyediakan kamera mudah alih kepada pihak Polis yang boleh dipasang di mana-mana lokasi mengikut keperluan. Pihak Polis sering menjalankan operasi melalui unit kamera bergerak yang boleh digunakan untuk pemantauan lokasi-lokasi di mana kadar jenayah meningkat. Lokasi kamera CCTV yang telah dipasang oleh MPPP seperti jadual 1.

   Di samping itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memasang 24 buah kamera lagi di bahagian pulau, Pulau Pinang yang telah beroperasi pada tahun 2011. Lokasi kamera CCTV yang dipasang oleh KPKT diberikan di jadual 2.

   Pemasangan 18 buah kamera CCTV tambahan juga sedang diuruskan oleh MPPP melalui p*rivate finance initiative*. Lokasi kamera CCTV ini diberikan di jadual 3.

   Pada tahun 2012, pihak KPKT bercadang memasang 32 buah kamera lagi di bahagian pulau, Pulau Pinang. Senarai lokasi kamera diberikan di jadual 4.

   Seiring dengan itu, Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan 129 buah kamera CCTV tambahan di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti oleh Polis untuk seluruh pulau. Lokasi-lokasi diberikan di jadual 5 (Daerah Timur Laut sebanyak 103 buah kamera dan Daerah Barat Daya sebanyak 26 buah kamera).

   MPPP berhasrat untuk meluaskan lagi liputan sistem CCTV secara berperingkat mengikut kemampuan kewangan MPPP dan bantuan kewangan Kerajaan Pusat juga telah dipohon untuk tujuan ini.

   Manakala MPSP pula, semua lokasi CCTV yang dipasang di Seberang Perai (MPSP) adalah di bawah peruntukan KPKT yang berjumlah 24 buah. Kesemua lokasi CCTV ini dipilih oleh pihak polis berdasarkan kawasan “hot spot” jenayah yang tinggi.

   Lokasi kamera CCTV yang telah dipasang oleh MPPP dan MPSP adalah seperti di lampiran 5.

JADUAL 1

LOKASI KAMERA CCTV YANG TELAH DIPASANG OLEH MPPP

BIL	LOKASI
1.	Jalan Penang Bersebelahan Jejantas Jalan Penang / Jalan Burma / Jalan Dr. Lim Chwee Leong
2.	Jalan Dr. Lim Chwee Leong / Lebuh Lintang
3.	Jalan Burma Bersebelahan Jejantas Jalan Penang / Jalan Burma / Jalan Dr. Lim Chwee Leong
4.	Simpang Jalan Magazine / Jalan Gurdwara / Jalan Penang / Jalan Dato Keramat / Jalan Macalister
5.	Jalan Penang / Lebuh Tek Soon
6.	Jalan Magazine / Jalan Ria
7.	Jalan Macalister / Lorong Baru
8.	Jalan Penang / Lebuh Farquhar (Upper Penang Road)
9.	Jalan Penang / Lebuh Chulia
10.	Lebuh Pantai / Lebuh China
11.	Lebuh Farquhar (Hadapan Hotel E&O)
12.	Lebuh Campbell / Jalan Pintal Tali
13.	Lebuh Carnarvon / Lebuh Buckingham
14.	Jalan Masjid Kapitan Keling / Lebuh Buckingham
15.	Jalan Masjid Kapitan Keling / Lebuh Chulia
16.	Jalan Sultan Ahmad Shah (Berhampiran Citibank)
17.	Lebuhraya Maktab / Persiaran Midlands
18.	Persiaran Gurney / Jalan Lim Chin Guan (Hadapan Hotel Gurney)
19.	Persiaran Gurney (Hadapan Tapak Penjaja sebelum Bulatan Persiaran Gurney)
20.	Persiaran Gurney (Hadapan Gurney Plaza)
21.	Jalan Masjid Negeri / Lebuhraya Batu Lancang
22.	Pintu Masuk Terminal Bas Ekspres Sg. Nibong
23.	Pintu Keluar Terminal Bas Ekspres Sg. Nibong
24.	Jalan Bukit Gambir / Jalan Rumbia
25.	Jalan Tun Dr. Awang / Jalan Bukit Gambir
26.	Jalan Rumbia / Lorong Relau 2

27.	Jalan Tun Dr. Awang / Jalan Kampong Relau
28.	Jalan Ayer Itam / Jalan Kampung Melayu
29.	Jalan Stesen Keretapi Bukit Bendera (Berhampiran Stesen Keretapi Bukit Bendera)
30.	Jalan Paya Terubung / Jalan Rambutan
31.	Jalan Pasar / Laluan Ke Kuil Kek Lok Si
32.	Jalan Sungai Berhadapan Rumah Pangsa Taman Sri Pinang
33.	Tukarantara Bas Komtar Bersebelahan Hotel Traders
34.	Tukarantara Bas Komtar Di Sebelah Lebuh Tek Soon

JADUAL 2

LOKASI KAMERA CCTV DI BAHAGIAN PULAU, PULAU PINANG YANG TELAH DIPASANG OLEH KPKT

BIL.	LOKASI
1	Jalan Padang Kota Lama / Jalan Tun Syed Sheh Barakbah
2	Pengkalan Weld (Hadapan Wisma Yeap Chor Ee)
3	Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu / Gat Lebuh Macallum
4	Gat Lebuh Macallum / Lintang Macallum 2
5	Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu / Gat Lebuh Cecil
6	Persiaran Bayan Bay (Berhampiran Bulatan Queensbay)
7	Jalan Kampung Jawa / Lebuh Kampung Jawa
8	Jalan Aziz Ibrahim / Jalan Pantai Jerjak 15
9	Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Tengah
10	Lebuhraya Mayang Pasir / Persiaran Mahsuri
11	Jalan Tengah / Jalan Mayang Pasir
12	Jalan Sultan Azlan Shah / Hilir Pemancar
13	Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu / Lebuh Tunku Kudin 1
14	Jalan Macalister / Jalan Zainal Abidin
15	Jalan Penang / Lebuh Dickens
16	Jalan Sungai Emas / Jalan Batu Ferringgi
17	Jalan Sungai Kelian / Jalan Tanjong Bungah
18	Jalan Tanjong Bungah (Berhampiran Dalat School)

19	Jalan Tanjong Tokong / Jalan Fettes
20	Jalan Bagan Jermal / Jalan Tanjong Tokong / Jalan Kelawai
21	Jalan Mount Erskine / Jalan Gottlieb / Jalan Burma
22	Jalan Jelutong / Jalan Madrasah
23	Jalan Boundary (Hadapan Rifle Range Flats)
24	Jalan Masjid Negeri / Jalan Ayer Itam (Hadapan Wisma Pengakap Negeri)

JADUAL 3

LOKASI KAMERA CCTV MPPP MELALUI PRIVATE FINANCE INITIATIVE (SEDAYA EMAS)

BIL.	**LOKASI**
1.	Jalan Paya Terubung / Tingkat Paya Terubong 1
2.	Jalan Paya Terubung / Jalan Oriental 6
3.	Jalan Paya Terubung / Jalan Buah Limau
4.	Jalan Paya Terubung / Lebuhraya Thean Tek
5.	Jalan Paya Terubung / Jalan Pasar
6.	Jalan Balik Pulau / Jalan Ayer Itam
7.	Jalan Ayer Itam/ Jalan Stesen Bukit Bendera (Bulatan)
8.	Jalan Ayer Itam / Jalan Air Putih
9.	Jalan Burma (Hadapan Adventist Hospital)
10.	Jalan Burma / Jalan Brown
11.	Persiaran Midlands (Belakang Midlands One Stop)
12.	Jalan Kelawai / Lebuhraya Maktab
13.	Jalan Sultan Ahmad Shah / Jalan Arratoon
14.	Jalan Irawadi / Jalan Arratoon
15.	Jalan Burma / Jalan Anson
16.	Lorong Swatow / Jalan Bawasah
17.	Lebuh Farquhar / Lebuh Leith
18.	Lebuh Light / Jalan Masjid Kapitan Keling

JADUAL 4

SENARAI LOKASI KAMERA CCTV YANG AKAN DIPASANG OLEH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

BIL.	LOKASI
1.	Jalan Macalister / Jalan Anson
2.	Jalan Macalister (Hadapan BSN)
3.	Jalan Burma (Hadapan Telekom)
4.	Lorong Selamat
5.	Lebuh Cecil / Lebuh Mcnair
6.	Jalan Burma / Jalan Zainal Abidin
7.	Jalan Dato Keramat / Lorong Baru
8.	Jalan Sungai / Jalan Veterinari
9.	Jalan Cantonment (Hadapan Maybank)
10.	Jalan Burma (Hadapan Bellissa Row)
11.	Jalan Gottlieb (Hadapan Goodall Café)
12.	Persiaran Gurney / Jalan Pemenang
13.	Simpang Jalan Burmah / Lorong Kucing
14.	Lebuh Leith / Lebuh Muntri
15.	Lebuh Chulia / Love Lane
16.	Lebuh Farquhar / Lebuh Light
17.	Jalan Masjid Kapitan Keling / Lebuh China
18.	Lebuh Campbell / Lebuh Cintra
19.	Jalan Jelutong / Jalan Perak
20.	Jalan Perak / Jalan Slim
21.	Jalan Penaga / Lorong Juru
22.	Jalan Jelutong (Hadapan Pejabat Pos)
23.	Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim / Jalan Sir Ibrahim
24.	Jalan Tun Dr. Awang (Hadapan Kompleks Sri Relau)
25.	Solok Kampong Relau (Hadapan Kompleks Bukit Jambul)
26.	Jalan Semarak Api / Lorong Semarak Api 1

27.	Jalan Kampar / Jalan Kemaman
28.	Jalan Mayang Pasir (Belakang Sunshine Square)
29.	Jalan Mahsuri / Jalan Mayang Pasir
30.	Jalan Bukit Gedong (Hadapan Pasar Awam)
31.	Jalan Sultan Azlan Shah (Hadapan Shell & Caltex)
32.	Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Mahsuri

JADUAL 5

SENARAI LOKASI CADANGAN UNTUK PEMASANGAN KAMERA CCTV DAERAH TIMUR LAUT

BIL.	LOKASI
1.	Susur Masuk dari Jambatan Pulau Pinang ke Bayan Lepas (Tapak Projek berhampiran Merin)
2.	Susur Keluar Dari Bayan Lepas Ke Jambatan Pulau Pinang (Berhampiran Twin Tower)
3.	Susur Keluar Dari USM Ke Jambatan Pulau Pinang
4.	Susur Masuk Dari Jambatan Pulau Pinang Ke George Town (Kawasan Rehat)
5.	Susur Keluar Jambatan Pulau Pinang Dari George Town Ke Butterworth
6.	Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu / Lebuh Sungai Pinang
7.	Jalan Yeap Chor Ee / Jalan Delima
8.	Bulatan Gelugor Dari Jalan Sultan Azlan Shah (Recsam)
9.	Jalan Masjid Negeri / Jalan Hamilton (Hadapan SMK Zainal Abidin)
10.	Jalan Dato Keramat / Jalan Perak
11.	Jalan Ayer Itam / Jalan Thean Tek
12.	Jalan Batu Ferringgi (Hadapan Hotel Park Royal)
13.	Jalan Tanjong Bungah / Jalan Sungai Kelian
14.	Jalan Tanjong Tokong / Jalan Tanjong Tokong Lama
15.	Jalan Tanjong Tokong / Jalan Fettes
16.	Jalan Tanjong Tokong / Tingkat Hock Hin
17.	Jalan Kelawai / Lebuhraya Maktab
18.	Jalan Kelawai / Jalan Lim Chin Guan
19.	Lebuh Farquhar (Hadapan UMW TOYOTA)
20.	Lebuh Farquhar / Lebuh Light

21.	Jalan Lembah Permai / Jalan Cheah Joo Seng
22.	Jalan Mount Eskine / Jalan Fettes
23.	Jalan Burma / Jalan Pangkor
24.	Jalan Burma / Jalan Anson
25.	Pengkalan Weld / Laluan Keluar Dari Terminal Feri
26.	Lebuh Pantai / Jalan Tun Syed Sheh Barakbah (Bulatan)
27.	Jalan C.Y. Choy / Lebuh Noordin
28.	Tingkat Bukit Jambul / Jalan Paya Terubong
29.	Jalan Dato' Ismail Hashim / Jalan Bayan
30.	Lebuh Relau / Taman Bendera
31.	Jalan Bukit Gambir (Hadapan Pintu U.S.M.)
32.	Jalan Bukit Gambir (Hadapan Petronas)
33.	Jalan Yeap Chor Ee / Jalan Masjid Negeri
34.	Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Sg. Dua
35.	Jalan Sg. Dua / Jalan Pekaka 1
36.	Jalan Paya Terubung / Lebuh Paya Terubung
37.	Jalan Ayer Itam (Hadapan Sekolah Chung Ling)
38.	Jalan Stesen Bukit Bendera (Tempat Letak Bas Persiaran)
39.	Jalan Balik Pulau / Jalan Ayer Itam
40.	Jalan Padang Tembak (Hadapan SRK Padang Tembak)
41.	Lintang Kampung Melayu (Hadapan Pasaraya Sunshine)
42.	Lebuhraya Thean Tek / Jalan Thean Tek
43.	Lebuhraya Thean Tek / Lengkok Angsana
44.	Jalan Bukit Kukus / Lebuhraya Thean Tek
45.	Lintang Angsana (Hadapan Kawasan Rumah Kedai)
46.	Medan Angsana (Hadapan Kawasan Rumah Kedai)
47.	Batu Ferringgi (Kawasan Pantai Tapak Penjaja Bayu Senja)
48.	Jalan Batu Ferringgi (Tepi Hotel Lone Pine)
49.	Jalan Sungai Emas / Persiaran Sungai Emas
50.	Jalan Padang Victoria / Jalan Pangkor
51.	Lebuh Pasar / Lebuh King

52.	Lebuh Bishop / Lebuh King
53.	Jalan Anson / Jalan Westlands
54.	Bulatan Free School
55.	Jalan Residensi (Hadapan SRK Jalan Residensi)
56.	Jalan Sepoy Lines (Hadapan SM Padang Polo)
57.	Jalan Residensi (Hadapan Hospital)
58.	Jalan Perak / Jalan P.Ramlee
59.	Lorong Kulit (Hadapan Stadium)
60.	Jalan Ayer Itam / Jalan Terengganu
61.	Jalan Besi / Jalan Masjid Negeri
62.	Jalan Besi / Jalan Gangsa
63.	Jalan Permai / Jalan Bukit Gambir
64.	Jalan Delima / Cangkat Delima
65.	Jalan Gurdwara / Jalan C. Y. Choy
66.	Jalan Gurdwara / Jalan Trang
67.	Jalan Gangsa / Jalan Tembaga
68.	Jalan Lumba Kuda / Lorong Lumba Kuda
69.	Jalan Padang Kota Lama (Hadapan Fort Cornwalis)
70.	Lebuh Light / Jalan Tun Syed Sheh Barakhbah
71.	Lebuh Downing / Pengkalan Weld
72.	Lebuh King / Lebuh Penang
73.	Lorong Burma / Jalan Burma
74.	Jalan Pasar / Jalan Moulmein
75.	Jalan Gottlieb / Jalan Utama / Jalan Kebun Bunga
76.	Jalan Sultan Azlan Shah (Bulatan Besar Sungai Nibong)
77.	Jalan Batu Ferringgi (Hadapan Hotel Hard Rock)
78.	Jalan Batu Ferringgi (Hadapan Blossom Time)
79.	Jalan Batu Ferringgi (Hadapan Masjid Ar-Rahman)
80.	Jalan Batu Ferringgi (Hadapan Hotel Rasa Sayang)
81.	Lorong Lembah Permai 3 (Hadapan Kolej Tunku Abdul Rahman)
82.	Lebuh Bukit Jambul (Hadapan Inti College)

83.	Lengkok Nipah / Jalan Nipah
84.	Jalan Helang / Lintang Merak
85.	Lebuh Relau 4 / Lebuh Relau 2
86.	Persiaran Minden 1 / Persiaran Minden 3
87.	Cangkat Minden 1 (Hadapan Taman Permainan)
88.	Hilir Pemancar (Hadapan Pejabat POS)
89.	Hilir Pemancar (Hadapan Pasar Dan Medan Selera)
90.	Jalan Paya Terubung / Jalan Lembah Ria
91.	Jalan Paya Terubung / Lebuh Rambai
92.	Tkt. Paya Terubung 4/ Tkt. Paya Terubong 5
93.	Jalan Paya Terubung (Hadapan Grandview)
94.	Jalan Padang Tembak (Hadapan PBA)
95.	Jalan Thean Tek (Hadapan Flat Desa Mawar, Farlim)
96.	Lebuhraya Thean Tek (Hadapan Flat Desa Baiduri, Farlim)
97.	Lebuhraya Thean Tek (Hadapan Flat Desa Intan, Farlim)
98.	Gat Lebuh Macallum (Hadapan Pasar Borong)
99.	Jalan Patani (Hadapan Pasar)
100.	Jalan Sungai (Laluan Masuk Rumah Pangsa 100)
101.	Lebuh Lintang / Lebuh Tek Soon (Kawasan Komtar)
102.	Jalan Dr. Lim Chwee Leong / Lebuh Carnarvon
103.	Jalan Ria / Jalan Dr. Lim Chwee Leong

SENARAI LOKASI CCTV YANG DIPASANG DI SEBERANG PERAI (MPSP)

BIL	**LOKASI**
1.	Terminal Bas Butterworth
2.	Jalan Selat, Taman Selat
3.	Jalan New Ferry
4.	Simpang Jalan Ong Yi How / Jalan Raja Uda
5.	Simpang Jalan Pasar / Jalan Danby
6.	Jalan Hashim Awang, Pekan Tasek Gelugor
7.	Simpang Jalan Dato' Hj. Ahmad Badawi / Jalan Padang Kelab
8.	Kompleks Dato' Kailan
9.	Jalan Bagan Ajam

10.	Jalan Perai Jaya (Megamall)
11.	Jalan Perai Jaya 2 (Megamall)
12.	Simpang Tingkat Kikik 7, Taman Inderawasih
13.	Jalan Usahaniaga
14.	Simpang Jalan Kurau / Tingkat Kurau 5
15.	Simpang Tingkat Kurau 5 / Tingkat Kurau 4
16.	Jalan Todak, Bandar Sunway
17.	Jalan Todak 2, Bandar Sunway
18.	Simpang Jalan Bandar Perda
19.	Simpang Jalan Tembikai / Jalan Padang Lalang
20.	Simpang Jalan Atas / Jalan Hooi Soo, Pekan Nibong Tebal
21.	Jalan Susur Sungai Bakap
22	Jalan Simpang Ampat / Public Bank
23	Simpang Jalan Atas / Jalan Serindit, Pekan Nibong Tebal
24	Simpang Jalan Atas / Jalan Serindit, Pekan Nibong Tebal

Manakala terdapat 20 buah CCTV yang telah dicadangkan untuk pemasangan bagi fasa ke- 2 di Seberang Perai. Senarai lokasi adalah seperti berikut :

BIL	**LOKASI**
1.	Jalan Dato Ooi Chooi Cheng – Jalan Stesen
2.	Jalan Berapit – Jalan Abdul kadir
3.	Jalan Kulim – Jalan Kampong Baru (Taman Sentosa)
4.	Simpang Jalan Berjaya – Jalan Kampong Baru (Pasar)
5.	Jalan Arumugam Pillai/Jalan Pasar
6.	Bandar Perda – Petronas
7.	Sekolah Teknik Bukit Minyak
8.	Jalan Perindustrian Bukit Minyak
9.	Jalan Permatang Pauh / Jalan Pauh Jaya – Petronas
10.	Jalan Permatang Tinggi – Restoran Pelita
11.	Autocity – KFC
12.	Jalan Raja Uda – Pasar Apollo
13.	Simpang Jalan Raja Uda – Jalan Telaga Air
14.	Jalan Kampong Gajah
15.	Jalan Permatang Pauh - Jalan Bagan 1
16.	Simpang Jalan Bagan Ajam – Jalan Merbau
17.	Simpang Jalan Mak Mandin – Lorong Mak Mandin 5
18.	Simpang Jalan Transkrian – Jalan Pekaka 1
19.	Lebuhraya Ipoh-butterworth – Shell Nibong Tebal
20.	Lebuhraya Ipoh-Butterworth/Jalan Krian Kedah

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengharam pihak swasta daripada menggunakan bekas makan jenis polyfoam di Negeri Pulau Pinang? Bilakah dan apakah rancangan untuk membantu penjaja untuk menukarkan bekas makan polyfoam tersebut kepada bekas yang dapat dikitar semula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sememangnya Kerajaan Negeri tidak menggalakkan pengunaan polyfoam kerana pembuangannya boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar seperti pembiakan nyamuk aedes serta memudaratkan kesihatan manusia.

Sebagai langkah awal, Kerajaan Negeri telahpun mengeluarkan larangan penggunaan bekas makanan polystrene dalam setiap majlis rasmi kerajaan. Polisterin/polyfoam ialah sejenis bahan pembungkus yang tidak biodegradable. Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan (BKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan analisis terhadap bekas makanan yang diperbuat daripada polyfoam dan dapatan kajian mendapati bahawa migrasi monomer styrene wujud iaitu secara amnya sejenis bahan kimia yang boleh menyebabkan kanser.

Disamping itu Kerajaan Negeri sedang giat melaksanakan program-program kitar semula dan menggalakkan usaha-usaha pihak peniaga untuk tidak menggunakan bekas makanan polyfoam sebagai langkah yang mampu mengurangkan implikasi kesihatan dan seterusnya melindungi alam sekitar.Kerajaan Negeri telah dan sentiasa memberikan sokongan dan nasihat kepada golongan penjaja untuk menggunakan bekas makanan mesra alam sewaktu golongan ini turut serta atau menganjurkan program jualan amal dan bukannya komersil.

Kerajaan Negeri yang prihatin terhadap semua lapisan masyarakat termasuk penjaja, Kerajaan Negeri menggunakan pendekatan mendidik dan memberi galakan kepada penaja dan orang awam menjayakan dasar kerajaan secara sukarela dan menjadikan amalan menjaga kepentingan alam sekitar sebagai sebahagian budaya hidup rakyat Negeri ini.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Didapati banyak aset MPPP telah dijual melalui tender terutamanya bangunan Warisan di kawasan George Town.

(a) Sila nyatakan tanah dan bangunan yang telah dijual dan harganya dari tahun 2008 hingga 2011 oleh pihak MPPP.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. MPPP tidak pernah menjual sebarang bangunan warisan dalam tahun 2008 hingga sekarang. Tanah dan bangunan MPPP yang telah dijual serta harga jualan dalam tempoh tersebut adalah seperti di Lampiran ID 444.

Senarai Tanah dan bangunan MPPP dijual dari tahun 2008 hingga 2011

BIL.	LOT NO/LOKASI	HARGA (RM)	TARIKH DIJUAL
1.	Lot 2751 & 2035, Seksyen 6, Bandar George Town, Jalan Hamilton, Pulau Pinang	819,200	2 Okt 2009
2.	MG-15-1 Persiaran Gurney	600,000.00	9 Nov 2009
3.	FS-15-2 Persiaran Gurney	528,000.00	9 Nov 2009
4.	Lot 576, Seksyen 18, Jalan Kuala Kangsar, Pulau Pinang	147,000.00	28 Okt 2010
5.	Lot 200 & 201, Seksyen 5, Bandar George Town, Jalan Cheeseman, Lengkok Arif, Pulau Pinang	3,000,002.00	3 Jun 2011
6.	Lot 2475 & 2477, Seksyen 6, Bandar George Town, Jalan Free School, Pulau Pinang	5,720,000.00	30 Jun 2011
7.	Lot 1560, Seksyen 3, Bandar Jelutong	5,000.00	15 Jul 2011

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila senaraikan tanah dan bangunan milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang, PDC, MPPP dan MPSP yang dikosongkan pada masa ini. Sila beri maklumat mengenai lokasi, keluasan dan rancangan kegunaan pada masa depan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Senarai tanah dan bangunan milik Kerajaan Negeri, PDC, MPPP dan MPSP yang kosong pada masa ini adalah seperti di Lampiran.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN Negeri PULAU PINANG			
BANGUNAN			
BIL	**LOKASI**	**LUAS (ekar)**	**RANCANGAN KEGUNAAN**
1	No. 66 Jalan Scotland	42,834 k.p	Pembangunan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang
2	No. 68 Jalan Scotland	78,000 k.p	
3	No. 68A Jalan Lahat	66,865 k.p	
4	No.1 Jalan Sepoy Lines	1.92 ekar	Cadangan untuk dijadikan pejabat Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC)
TANAH
PULAU PINANG

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC)			
BIL	**LOKASI**	**LUAS (ekar)**	**RANCANGAN KEGUNAAN**
1	Paya Terubong	558.228000	Eko-Pelancongan
2	Bukit Jambul/Sungai Nibong	116.469000	Perumahan, Perniagaan dan Eko-Pelancongan
3	Bayan Baru	10.748220	Perumahan, Kompleks Perniagaan/Pejabat
4	Pakej 1B5	7.485740	Perumahan dan Perniagaan
5	Bayan Lepas (1B3)	19.480550	Kompleks Perniagaan/Pejabat
6	Permatang Damar Laut	1.627123	Perumahan/penempatan semula
7	Batu Maung	123.256000	Kompleks Perniagaan/Pejabat

GEORGE TOWN			
1	KOMTAR (Fasa 5)	3.813568	Komersil & Taman Bandar
2	Gat Lebuh Macallum	4.044319	Perumahan dan Institusi

SEBERANG PERAI			
1	Seberang Jaya	64.582430	Pembangunan Bercampur – 16.91275 ek Industri – 11.8369 ek Tanah Rentis (untuk Pertanian) – 35.83278 ek
2	Bukit Tengah	33.741630	Pembangunan Bercampur – 6.44163 ek Tanah Rentis (untuk Pertanian) – 27.30 ek
3	Juru	12.750000	Perumahan
4	Bukit Minyak	174.545180	Industri – 119.36564 ek Tanah Rentis (untuk Pertanian) – 55.17954 ek
5	Bukit Minyak - North Of Psp	121.864600	Industri
6	Taman Perindustrian Perai	58.738810	Industri (Tanah Reja) – 24.81181 ek Tanah Rentis (untuk Pertanian) – 33.927 ek
7	Bertam	4.286460	Institusi
8	Batu Kawan	3,897.562076	Pembangunan Bercampur - 2,573.058096 ek Industri – 33.927 ek

BANGUNAN				
BIL	**LOKASI**	**NO. UNIT**	**LUAS (k.p)**	**RANCANGAN KEGUNAAN**
1.	Kompleks Mayang Mall, Bandar Bayan Baru	1.2	445	Untuk sewaan bagi syarikat berstatus MSC sahaja
		1.5	506	
		2.5	418	
		2.10	504	
		2.17	463	
		2.22	238	
		2.34	482	
		2.36	431	
2.	Kompleks Jalan Kedah, Georgetown	1.10 / 2.10	1188	Untuk sewaan dan jualan
		1.11 / 2.11	1767	
		1.12A	885	
		1.12B	441	
		2.01	3671	
		2.02	804	
		2.03	804	
		2.04	804	
		2.05	804	
		2.13	473	
		2.17	473	
		2.19	613	
		2.20	613	
		2.22	613	
		2.23	613	
		2.24	613	
3.	Blok Podium KOMTAR	IBI 3.39A/B(pt)	3,273	Untuk sewaan sahaja

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI (MPSP)						
TANAH						
BIL	**LOKASI**	**MUKIM/ SEKSYEN**	**DAERAH**	**KELUASAN**	**KEGUNAAN**	**RANCANGAN KEGUNAAN MASA DEPAN**
1	PT21	6	SPU	2 ekar	Tanah Pembangunan	Tanah ini akan diiklan untuk sewaan pada bulan Mei 2012
2	Lot 1103	Sek. 5	SPT	4,176 k.p	Tanah Bekas Tanah Najis	Dibuka untuk dibeli oleh pertubuhan keagamaan bagi tujuan pembinaan rumah ibadat
3	Lot 2933 & 3105	Mk 15	SPT	3,368 k.p + 10,825 k.p = 14,463 k.p	Tanah Bekas Tanah Najis	
4	Lot PTBM/C.003	Sek. 6	SPT	4,162 k.p	Tanah Bekas Tanah Najis	
5	Lot 1965	Mk 10	SPT	7,707 k.p	Tanah Bekas Tanah Najis	
6	Lot 4045, 4061,4074, 4087 & 4097	Mk 11	SPT	400 k.p +1365 k.p +1415 k.p + 1235 k.p + 1332 k.p = 5747 k.p	Tanah Bekas Tanah Najis	
7	Lot 1114	Mk 117	SPT	5796 k.p	Tanah Bekas Tanah Najis	
8	Lot 946	Sek. 2	SPU	3342 k.p	Tanah Bekas Tanah Najis	
9	Lot 3286	Sek. 4	SPU	11356 k.p	Tanah Bekas Tanah Najis	
10	Lot 2970, 2971 & 2972	Sek. 4	SPU	1225 k.p + 1529 k.p +1542 k.p = 4296 k.p	Tanah Bekas Tanah Najis	

BANGUNAN						
BIL	**LOKASI**	**MUKIM/ SEKSYEN**	**DAERAH**	**KELUASAN**	**KEGUNAAN**	**RANCANGAN KEGUNAAN MASA DEPAN**
1	No.2 & No.8, Jalan Mohd Saad, Butterworth	Sek. 2	SPU	Kira-kira 1,000 k.p setiap seunit	Kedai	Kedai-kedai ini diiklankan untuk sewaan pada bulan April 2012
2	Sebahagian Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Majistret Munisipal, Seberang Perai,Kg. Jawa, Butterworth	Sek.4	SPU	2,583 k.p	Pejabat	Dibuka untuk sewaan

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN		
BIL	**DAERAH**	**JUMLAH**
1	Daerah Timur Laut (DTL)	Tiada
2	Barat Daya (DBD)	4
3	Seberang Perai Utara (SPU)	11
4	Seberang Perai Tengah (SPT)	8
5	Seberang Perai Selatan (SPS)	11

PEJABAT DAERAH TANAH SEBERANG PERAI UTARA			
TANAH			
BIL	**LOT/LOKASI**	**KELUASAN**	**PERANCANGAN**
1	Bersebelahan rumah Pangsa Ampang Jajar Sek.3 Butterworth	5 ekar	Gelanggang Badminton
2	2430, Sek. 4 Butterworth	3674 m.p	Tapak Perpustakaan kepada Landskap

PEJABAT DAERAH DAN TANAH BARAT DAYA			
TANAH			
BIL	**LOKASI**	**KELUASAN (ekar)**	**RANCANGAN KEGUNAAN**
1	55 Lot di Mukim 12, DBD	123.65	Pembesaran Lapangan Terbang Bayan Lepas
2	13 Lot di Mukim 12, DBD	27.976	Pembesaran Lapangan terbang (Tambahan)
3	10 Lot di Mukim 6, DBD	103.2239	Institusi Pendidikan di Pondok Upeh
4	Lot 411, Mukim 3, DBD	0.537	Tapak Dewan JKKK Sungai Rusa
PEJABAT TANAH DAN DAERAH TIMUR LAUT			
TANAH			
BIL	**LOKASI**	**KELUASAN**	**RANCANGAN KEGUNAAN**
1	Lot 325, Seksyen 1, Bandar Jelutong	2505 k.p	Bekas kuarters kedai tuak Jalan Jelutong.
2	Lot 324, Seksyen 1, Bandar Jelutong	5704 k.p	Tanah kosong bekas kedai tuak Jalan Jelutong.
3	Lot 122, Seksyen 2, Bandar George Town	3740 m.p	Tanah kosong bekas rumah rehat kerajaan Jalan Jesselton.
4	Lot 123, Seksyen 2, Bandar George Town	3724 m.p	Tanah kosong bekas rumah rehat kerajaan Jalan Jesselton.
5	Lot 124, Seksyen 2, Bandar George Town	3706 m.p	Tanah kosong bekas rumah rehat kerajaan Jalan Jesselton.
6	Lot 125, Seksyen 2, Bandar George Town	3629 m.p	Tanah kosong bekas rumah rehat kerajaan Jalan Jesselton.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sila senaraikan bangunan milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang, PDC dan MPPP di kawasan Pulau Tikus dengan maklumat mengenai lokasi, keluasan, jenis kegunaan, tarikh sewa (jika ada), nilai sewa bulanan, atau rezab untuk kegunaan pada masa depan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bangunan milik Kerajaan Negeri dan MPPP di kawasan Pulau Tikus adalah seperti di jadual yang berikut.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN Negeri PULAU PINANG				
BIL.	**ALAMAT KUARTERS**	**KELUASAN**	**JENIS KEGUNAAN KUARTERS**	**SEWA BULANAN (RM)**
1	17 Jalan Brown	1.33 Ekar	Kuarters	900
2	24 Jalan Tunku Abdul Rahman		Kuarters	900
3	1 Rose Avenue	209,924 K.P.	Kuarters	700
4	3 Jalan Park		Kuarters	700
5	22 Jalan Tunku Abdul Rahman		Kuarters	900
6	20a Jalan Tunku Abdul Rahman		Kuarters	250
7	3a Rose Avenue		Pejabat	250
8	324 Jalan Macalister	2.61 Ekar	Kuarters	-
9	324 Jalan Macalister Sq1		Kuarters	180
10	324 Jalan Macalister Sq2		Kuarters	180
11	324 Jalan Macalister Sq3		Kuarters	180
12	20 Jalan Tunku Abdul Rahman	29,975 K.P.	Kuarters	900
13	14 Jalan Brown	4.74 Ekar	Kuarters	700
14	16 Jalan Brown		Kuarters	700
15	18 Unit Kuarter Rose Avenue (JENIS Pangsapuri)		Kuarters	Rm 250 Setiap Unit
33	Sq1 Rose Avenue		Kuarters	180
34	Sq2 Rose Avenue		Kuarters	180
35	1 Sepoy Lines	17,667 K.P.	Kuarters	1,300
36	2 Sepoy Lines		Kuarters	250
37	2-1 Sepoy Lines		Kuarters	180
38	2a Sepoy Lines		Kuarters	250
39	2a-1 Sepoy Lines		Kuarters	180
40	4 Sepoy Lines		Pejabat	900
41	5 Sepoy Lines		Pejabat	250
42	6 Sepoy Lines		Kuarters	900
43	4a Sepoy Lines	2,500 K.P.	Pejabat	700
44	4b Sepoy Lines	2,500 K.P.	Pejabat	700
45	221 Jalan Macalister		Pejabat	700
46	225 Jalan Macalister		Pejabat	700
47	15 Jalan Goal	12,000 K.P.	Kuarters	180
48	17 Jalan Goal		Kuarters	180
49	36 Peel Avenue	224,117.6 K.P.	Kuarters	700
50	40 Peel Avenue		Kuarters	700
51	40a Peel Avenue		Kuarters	700
52	42 Peel Avenue		Kuarters	700
53	90 Unit Kuarters Pangsapuri Mesra, Jalan Lim Khoon Huat	2.86 Ekar	Kuarters	Rm 180 Setiap Unit

PEJABAT TANAH DAN DAERAH TIMUR LAUT		
BIL	**LOKASI**	**SEWA BULANAN (RM)**
1	Dewan Serbaguna Kampung Herriot, Jalan Burma, Daerah Timur Laut	Tiada

MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG					
BIL	**ALAMAT**	**KELUASAN (k.p.)**	**JENIS KEGUNAAN**	**TARIKH SEWA (TEMPAHAN)**	**SEWA BULANAN (RM)**
19. (a) Bilangan aduan yang diterima MPPP berkaitan dengan pembuangan sisa binaan adalah seperti berikut:-

Tahun 2011 – 70 aduan

Tahun 2012 (sehingga 23 Mac) - 28 aduan

(b) Pemberitahu Tentang Kesalahan adalah dikeluarkan oleh MPPP terhadap mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam pembuangan sisa-sisa binaan. Bagi setiap kes membuang sampah bahan binaan (renovation) (luar kawasan rumah) amaun denda yang dikenakan ialah sebanyak RM250.00. Terdapat 2

PTK di keluarkan pada tahun 2011 dan 26 kes dalam tahun 2012.

MPSP akan mengeluarkan Notis Halangan dan kompaun kepada mana-mana pemaju/arkitek/tuan punya bangunan/kontraktor yang meletakkan sisa binaan di kawasan yang boleh menimbulkan kacau ganggu dan halangan.

(c) Semasa kebenaran memulakan kerja dikeluarkan kepada pemaju, MPPP akan mensyaratkan supaya tong sampah 'Ro-Ro Bin' disediakan di tapak pemajuan untuk pemaju menguruskan pengendalian sisa binaan. MPPP juga mempunyai perancangan untuk mempelawa tender secara 'request for proposal' bagi perkhidmatan menjana semula sampah yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Sampah Jelutong sebagai bahan yang boleh diguna semula atau dikitar semula.

Manakala MPSP mengguna pakai Garis Panduan Pengawalan Perletakan Bahan–Bahan serta Sisa Binaan Tanpa Kebenaran bagi kerja–kerja pengubahsuaian bangunan/premis di sekitar Seberang Perai iaitu :

(i) mengenakan bayaran permit sisa binaan: RM100.00

(ii) mengenakan bayaran permit perletakan bahan binaan: RM250.00

(iii) bayaran cagaran (bagipermohonanpindaan/tambahan): RM750.00

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kempen Kunci Roda Kenderaan dan Tunda Kenderaan telah dilaksanakan pada 1 Jun 2011.

(a) Sila kemukakan jumlah tindakan yang telah diambil sejak tahun 2011.

(b) Sila kemukakan jumlah tindakan yang telah diambil di kawasan Pulau Tikus.

(c) Berapakah kumpulan penguatkuasa yang melaksanakan tugas tersebut dan sila senaraikan jadual rondaan pihak penguatkuasa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Di KADUN Pulau Tikus, MPPP telah mengunci roda sejumlah 1,254 kenderaan dan dua (2) kenderaan telah ditunda sejak 1 Jun 2011 hingga 13 April 2012.

Dua (2) kumpulan yang melibatkan lima (5) orang anggota penguat kuasa setiap satu bertugas di kawasan KADUN Pulau Tikus. Rondaan dilakukan dengan kekerapan sejam sekali setiap hari. Mulai April 2012, anggota telah ditempatkan secara statik di Jalan Cantonment bagi menghalang peletakan kenderaan di luar petak yang berpotensi menjadi halangan lalu lintas.

Manakala tindakan yang diambil oleh Unit Kunci Tayar, MPSP sejak bulan Jun 2011 sehingga Mac 2012 adalah seperti berikut :

Bulan	Bil	Jumlah (RM)
Jun 2011	268	13,400.00
Julai 2011	260	13,000.00
Ogos 2011	283	14,150.00
September 2011	271	13,550.00
Oktober 2011	239	11,950.00
November 2011	176	8,800.00
Disember 2011	265	13,250.00
Januari 2012	171	8,550.00
Februari 2012	195	9,750.00
Mac 2012	249	12,450.00
Jumlah	**2377**	**118,850.00**

Terdapat tiga (3) kumpulan Unit Kunci Tayar di MPSP dan kumpulan ini bertugas di kawasan seperti berikut :

(i) Pekan Bukit Mertajam dan Jalan Padang Lalang

(ii) Bandar Sunway, Seberang Jaya

(iii) Taman Selat, Butterworth

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Sila nyatakan peruntukan bajet ubat yang telah dibelanjakan sehingga akhir Mac 2012.

(b) Nyatakan jumlah dan peratus daripadanya untuk tujuan mengurangkan beban pesakit atas kos ubat.

(c) Untuk pesakit yang kurang berkemampuan menanggung kos ubat, apakah bantuan yang boleh dipohon?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Sehingga Mac 2012, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang menerima peruntukan ubat sebanyak RM98,268,100.00. Jumlah yang telah dibelanjakan ialah RM25,722,934.00 (25%) dan semua jumlah ini dibelanjakan untuk tujuanmengurangkan beban pesakit kerana pesakit tidak perlumembayar kos untuk semua ubat-ubatan yang diambil dari mana-mana hospital/klinik kesihatan di seluruh Negeri Pulau Pinang.

(b) Semua kos ubat pesakit ditanggung oleh Kerajaan dan pesakit boleh mendapatkan ubat secara percuma sekiranya mendapatkan rawatan di hospital/klinik kesihatan Kerajaan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Sila senaraikan *strata title* yang belum diluluskan di Negeri Pulau Pinang.

(b) Sila nyatakan alasan dan masalah-masalah bagi yang tidak berjaya mendapat *strata title.*

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Jumlah hak milik strata yang telah diluluskan dan didaftarkan sehingga 31 Mac 2012 adalah sebanyak 1,541 skim yang melibatkan 175,414 petak.

Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 118 skim yang melibatkan 19,447 petak masih dalam proses dan tidak boleh diluluskan hak milik strata disebabkan oleh beberapa masalah seperti berikut :-

(i) Masih di peringkat ulasan daripada pihak JUPEM

(ii) Tiada hak milik muktamad

(iii) Gadaian masih belum dilepaskan

(iv) Pihak pemaju masih belum menjelaskan bayaran ukur, bayaran pelan dan pendaftaran hak milik

(v) Pelan Akui (PA) masih belum diterima daripada JUPEM

(vi) Pajakan TNB masih belum dimasukkan

Permohonan hak milik strata yang belum diluluskan adalah seperti di lampiran A.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai polisi atau panduan untuk menyelesaikan masalah tempat kediaman pekerja asing? Jika ya, sila senaraikan lokasi yang telah disediakan sebagai tempat kediaman mereka.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum menggubal dasar dan garis panduan untuk menangani masalah tempat kediaman pekerja asing. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PDC dan agensi kerajaan lain sedang merancang pembangunan 'Workers Quarters' bersebelahan Taman Perindustrian Batu Kawan bagi menempatkan kemudahan asrama yang lebih terkawal bagi pekerja asing. Tapak seluas 24 ekar tanah telah diperuntukan untuk tujuan ini dan ia dapat memberi penjimatan kepada pengusaha dari aspek logistik.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai kawalan bilangan orang yang menduduki di dalam sebuah rumah? Sebagai contoh, kes pekerja Vietnam seramai 42 orang yang menduduki di dalam sebuah rumah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan Negeri mempunyai kawalan terhadap isu selaras dengan Seksyen 78 &79, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKT) iaitu tindakan pendakwaan boleh diambil terhadap seseorang yang membenarkan sesebuah rumah diduduki dengan sebegitu penuh sesak sehingga mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan penghuninya.

Mengikut seksyen 79 “rumah sesak ialah jika rumah atau mana-mana bilik di dalamnya didapati diduduki lebih daripada kadar seorang dewasa bagi tiap-tiap 350 kaki padu ruang dalam bersih dan dalam pengiraan itu tiap-tiap orang berumur lebih daripada 10 tahun hendaklah disifatkan sebagai seorang dewasa dan dua orang kanak-kanak berumur tidak lebih daripada 10 tahun hendaklah dikira sebagai seorang dewasa”.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Adakah projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berada di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?

(b) Jika ya, sila nyatakan piawaian yang ditetapkan pleh PBT terhadap projek JKR.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sememangnya projek Kerajaan yang berada di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Untuk projek Kerajaan yang dikendalikan oleh JKR, pelan permohonan kebenaran merancang perlu dikemukakan melalui Seksyen 20(a), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Di bawah peruntukan ini, satu proses rundingan dengan semua jabatan teknikal di peringkat Negeri perlu diadakan sebelum permohonan kebenaran merancang dibentangkan dalam Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC) untuk kelulusan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri (JPBD) Pulau Pinang.

Dalam aspek pembinaan jalan oleh JKR, piawaian MPPP yang ditetapkan melibatkan pemasangan lampu jalan. Piawaian yang ditetapkan untuk pemasangan lampu jalan adalah dari segi reka bentuk dan ketinggian tiang serta kuasa lampu (wattage) mengikut kategori jalan yang dibina.

Di kawasan MPSP, syarat piawai yang ditetapkan oleh PBT terhadap projek JKR adalah seperti berikut:-

Bagi projek JKR yang di bawah penyeliaan PSP, Pelan Bangunan perlu dikemukakan untuk kelulusan MPSP. Manakala bagi projek di bawah penyeliaan JKR sendiri, Pelan Bangunan perlu dikemukakan sebagai rekod MPSP dan pelan tersebut masih tertakluk di bawah Undang-Undang Bangunan Seragam 1986 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

(i) Pelan-pelan jalan dan parit hendaklah dikemukakan untuk rujukan/ulasan.

(ii) Pelan pemasangan lampu jalan/lampu isyarat hendaklah dikemukakan untuk kelulusan.

(iii) Pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan untuk rujukan.

(iv) Jurutera Perunding/Jurukur berlesen dikehendaki mengesahkan paras tanah yang ditambun bagi tapak cadangan pembangunan mestilah ke paras minimum + 2.130m S.O.D. atau lebih dengan memastikan paras tersebut selamat dari banjir.

(v) Sebarang bentuk kerja tanah hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:-

(a) Papan tanda projek

(b) Kolam cetek bersih tayar kenderaan yang sempurna atau setaraf.

(c) Dua buah (2) *Water Jet Pressure* untuk membersih kenderaan keluar dari tapak

(d) Pemohon dikehendaki mengawal lalu lintas lori tanah keluar/masuk ke jalan awam.

(e) Pemohon dikehendaki memastikan jalan awam sentiasa bersih dan tidak berdebu.

(vi) Pemohon dikehendaki membina parit konkrit tepi jalan bersaiz minimum 1.200m berhadapan dengan lot-lotnya dan selepas itu memperbaiki dan menaikkan taraf parit konkrit yang sedia ada/mengorek sebarang parit tanah/menaikkan taraf parit tanah yang sedia ada/sehingga *outfall*.

(vii) Sediakan parit perimeter yang bersesuaian di sekeliling sempadan lot pembangunan pada paras tanah sedia ada untuk mengalirkan air dari kawasan sekeliling lot tersebut yang terjejas akibat dari pembangunan. Parit tersebut perlulah diletakkan di dalam lot pembangunan.

(viii) Mengenepikan rezab serta membina bahagian parit di bawah Pelan Induk Pemaritan yang berhadapan dengan lot-lotnya/yang mengalir menyeberangi lot-lotnya.

(ix) Pemohon dikehendaki membina parit perimeter di sekeliling lot pembangunan dan parit monson utama terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembinaan lain dijalankan dengan memastikan sistem saliran untuk kawasan sekitarnya tidak terjejas akibat pembangunan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Adakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai panduan atau piawaian sedia ada dalam tender syarikat tempatan?

(a) Jika ada, sila kemukakan panduan atau piawaian tersebut.

(b) Jika tidak, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk menggubal panduan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Polisi dan peraturan perolehan (tender/sebut harga) yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri adalah berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan Bab III – Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja, Pekeliling-pekeliling Perbendaharaan dan Surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 5 Tahun 2008 dan Bilangan 15 Tahun 2008 yang sedang berkuat kuasa.

(a) Berpandukan kepada ketetapan dan peraturan yang terpakai, pelawaan tender/sebut harga terbuka luas kepada syarikat-syarikat tempatan yang menepati syarat-syarat berikut :

(i) Berdaftar dengan sistem ePerolehan Kerajaan Negeri;

(ii) Mempunyai sijil daripada Kementerian Kewangan/ PKK/CIDB mengikut syarat yang ditetapkan dalam pelawaan perolehan;

(iii) Mematuhi kod bidang, kelas, kepala pendaftaran;

(iv) Mematuhi skop kerja/spesifikasi;

(v) Mempunyai pengalaman;

(vi) Hadir ke sesi taklimat di tapak projek bagi perolehan kerja;

(vii) Menawarkan harga yang munasabah dan menguntungkan kepada Kerajaan Negeri;

(viii) Serta syarat-syarat lain yang digariskan mengikut keperluan sesuatu projek berkaitan.

(b) Tidak ada keperluan bagi Kerajaan Negeri untuk menggubal peraturan atau panduan baru kerana peraturan perolehan sedia ada adalah mencukupi, telus dan adil serta telah diubah suai mengikut keperluan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menetapkan bahawa semua barang yang ingin dibeli haruslah menggunakan barangan buatan Malaysia?

(b) Jika ya, sila kemukakan senarai syarikat yang ditetapkan?

(c) Jika tidak, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berniat untuk mengimplimentasikan cadangan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri pada masa kini tidak menetapkan syarat supaya semua barang yang ingin dibeli oleh pihak kerajaan perlu berasaskan kepada jenama buatan Malaysia.

Kempen Beli Barangan Malaysia yang dilancarkan semula pada 2010 merupakan susulan dan penjenamaan semula daripada Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia yang telah dilancarkan pada tahun 1998. Kempen tersebut memfokuskan hanya kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada pengguna isi rumah domestik. Tujuannya adalah bagi menggalakkan pengguna tempatan mencintai, membeli dan menggunakan barangan buatan Malaysia. Selain itu, kempen ini berperanan untuk membentuk rakyat Malaysia supaya mempunyai semangat mengutamakan barangan Malaysia dalam menangani lambakan barangan asing.

Perolehan barangan oleh Kerajaan Negeri tidak melihat kepada lokalisasi barangan tempatan semata-mata tetapi mengambil kira beberapa aspek penting yang melibatkan pertimbangan dari segi kos dan kualiti barangan berkenaan.

Walau bagaimanapun, pandangan untuk menerapkan penggunaan barangan buatan Malaysia melalui perolehan Kerajaan Negeri merupakan cadangan yang berasas.

(XXIII) Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sejak Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah Negeri Pulau Pinang berapa buah masjid, surau dan sekolah agama rakyat yang telah dibina di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jumlah masjid, surau dan sekolah agama rakyat yang dibina di Pulau Pinang sejak Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah mulai tahun 2008 adalah seperti berikut:-

Tahun	**Masjid**	**Surau**	**Sekolah Agama Rakyat**
2008	1	-	4
2009	-	-	6
2010	3	1	2
2011	3	1	-
2012	**(6)	3	-
Jumlah	**13**	**5**	**12**

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah tindakan Pihak Berkuasa Negeri ke atas anak-anak muda yang mengadakan lumba haram pada setiap malam minggu di Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth dan juga berhimpun beramai-ramai sampai ke pagi di tempat rehat berhampiran tol Pantai Bersih?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Tindakan yang dilakukan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) ke atas anak-anak muda yang mengadakan lumba haram melakukan operasi pencegahan dan penangkapan serta mengeluarkan saman kepada pesalah-pesalah trafik lalu lintas.

Berikut ialah statistik berkaitan operasi pencegahan, pengeluaran saman dan juga penangkapan khusus kepada mereka yang melakukan kesalahan di Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) bagi tahun 2011:

Jumlah Operasi	208 kali
Jumlah Saman	4,317 saman
Jumlah Operasi Bersama Agensi Penguatkuasaan Yang Lain (Tidak Termasuk PBT)	13 kali
Jumlah Tangkapan Lumba Haram	14 orang

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila berikan keterangan dan huraikan jumlah pinjaman bank mengikut projek yang telah di pinjam oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dalam tahun 2009, 2010, dan 2011. Berapakah jumlah hutang pinjaman bank oleh pihak PDC sehingga bulan Disember 2011?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Setakat Disember 2011, jumlah terkumpul pinjaman bank oleh PDC adalah sebanyak RM10 juta. Perincian mengenai jumlah hutang PDC dan tujuan pinjaman dibuat dari tahun 2009 sehingga Disember 2011 adalah seperti berikut:-

KEDUDUKAN PINJAMAN BANK OLEH PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC) BAGI TAHUN 2007, 2008, 2009, 2010 DAN 2011

TAHUN	BAKI PINJAMAN PADA 1 JANUARI (RM Juta)	JUMLAH PINJAMAN DIAMBIL PADA TAHUN SEMASA (RM Juta)	JUMLAH PINJAMAN DIJELASKAN PADA TAHUN SEMASA (RM Juta)	BAKI PINJAMAN PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	TUJUAN PINJAMAN (PROJEK)
2007	35.00	-	-	35.00	Tiada pengeluaran dalam tahun semasa.
2008	35.00	-	(11.00)	24.00	Tiada pengeluaran dalam tahun semasa.
2009	24.00	71.00	(19.00)	76.00	RM71 juta digunakan bagi membiayai sebahagian kos pengambilan tanah di Mukim 12, Daerah Barat Daya, P.Pinang bagi tujuan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dan pembangunan industri.
2010	76.00	74.00	(75.00)	75.00	i. RM49 juta digunakan bagi membiayai sebahagian kos pengambilan tanah di Mukim 12, Daerah Barat Daya, P.Pinang bagi tujuan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas. ii. RM25 juta digunakan bagi membiayai sebahagian kos pembelian terbitan hak saham MISC.
2011	75.00	35.00	(100.00)	10.00	RM35 juta digunakan bagi membiayai sebahagian kos pengambilan tanah Fasa 1, Utara Penang Science Park di Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, P.Pinang.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Sila nyatakan jumlah Projek Perumahan bagi rumah kos rendah yang telah dibina di Kawasan Parlimen Kepala Batas dan adakah telah diberi milik kepada pembeli.

(b) Sila senaraikan nama pembeli, nama projek, no lot, mukim, nama pemaju, keluasan tanah dan pecahan plot mengikut status jenis perumahan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Mulai tahun 2008 hingga Mac 2012, terdapat 2 projek perumahan kos rendah yang telah dibina dan dijual kepada pembeli di Kawasan Parlimen Kepala Batas. Maklumat lanjut mengenai nama projek, nama pemaju, lokasi dan jenis perumahan adalah seperti berikut:-

Senarai Projek Kos Rendah di Parlimen Kepala Batas Yang Telah Diberi Milik

Bil	Nama Projek / Nama Pemaju	Lot	Jenis Perumahan	Jumlah Unit	Bil Diberi Milik
1	Bertam Perdana 3 / Bertam Properties Sdn. Bhd.	Lot 12423 Mk. 6, Kepala Batas, Spu, Pulau Pinang	Rumah Klaster	193	190
2	Bertam Perdana 3 / Bertam Properties Sdn. Bhd.	Bertam Perdana 3	Rumah Teres	412	412
		JUMLAH		**605**	**602**

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila nyatakan jumlah tunggakan sewaan rumah mengikut daerah dan apakah tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan tunggakan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Jumlah tunggakan sewaan rumah awam Kerajaan Negeri mengikut daerah setakat 31 Mac 2012 adalah seperti berikut:

DAERAH	TUNGGAKAN (RM)
Daerah Timur Laut	RM2,031,546.41
Daerah Barat Daya	RM 241,559.50
Daerah Seberang Perai Utara	RM3,739,736.00
Daerah Seberang Perai Tengah	RM1,033,024.68
Daerah Seberang Perai Selatan	RM1,183,438.62
JUMLAH	**RM8,229,305.21**

(i) Bahagian Perumahan telah berusaha sedaya-upaya untuk mendapatkan balik hasil tunggakan sewa dengan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

(a) Peringatan secara lisan

(b) Notis 14 hari peringkat pertama

(c) Notis 14 hari peringkat kedua

(d) Notis pengosongan unit

(e) Notis penarikan balik unit

Sehingga sekarang belum ada sebarang penarikan balik unit secara paksa.

(ii) Kutipan berkala (operasi) di setiap projek Rancangan Perumahan pada hari cuti hujung minggu termasuk lawatan rumah ke rumah telah dijalankan mulai tahun 2012. Setakat ini, maklumbalas yang diterima daripada penduduk adalah menggalakkan dan mendapat respon yang baik di mana jumlah kutipan yang telah diterima daripada operasi yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Rancangan Perumahan	Tarikh Operasi	Kutipan
Permatang Damar Laut 1 & 2	11 Februari 2012	RM4,060.00
Flat Paya Terubong	25 Februari 2012	RM1,272.00
Flat Batu Lanchang	10 Mac 2012	RM3,450.00
Teluk Bahang	17 Mac 2012	RM1,532.00
PPR Desa Wawasan	31 Mac 2012	RM3,124.00
Flat Gat Lebuh Nordin	7 April 2012	RM8,826.00
Flat Jalan Mohd Saad	14 April 2012	RM7,071.00
Flat Jln Tuna Seberang Jaya	21 April 2012	RM3,032.00
	JUMLAH	**RM32,367.00**

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Sejak Pakatan Rakyat memerintah Pulau Pinang pada 8 Mac 2008, sila nyatakan tanah bendang yang telah diberi kelulusan menambun tanah oleh Pejabat Daerah dan Kerajaan Tempatan yang berstatus geran *first gred* dan lain-lain jenis geran.

(b) Sila senaraikan mengikut daerah, no. lot, mukim, jenis tanah (first gred dll), tarikh kelulusan tanah, sebab-sebab tanah diluluskan dan premium tanah (jika ada).

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Senarai kawasan tanah bendang yang telah diberi kelulusan menambun tanah oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah adalah seperti dalam jadual di bawah:-

Kawasan tanah bendang yang telah diberi kelulusan menambun tanah oleh MPSP adalah seperti berikut :

Daerah	No.Lot	Mukim	Jenis Geran	Tarikh Kelulusan	Sebab Lulus
SPU	5190 & 5191	7	*First grade*	04/03/11	Kilang & Gudang Beras Diluluskan Pelan Kebenaran Merancang
SPT	1994 dan sebahagaian lot 582 & 1992	2	*First grade*	12/08/2011	Stesen Minyak - Diluluskan Pelan Kebenaran Merancang
	2140 & sebahagian lot 2141,2142	2	*First grade*	9/01/2012	Stesen Minyak - Diluluskan Pelan Kebenaran Merancang
	1079	4	*First grade*	26/02/2009	Sebuah rumah kediaman (Pengecualian Kemukakan Pelan Kerja Tanah)
SPS	Tiada				

Tanah bendang yang telah diberi kelulusan untuk menambun tanah di Daerah Barat Daya seperti berikut :

Bil.	No. Lot / Mukim	Keluasan (Hektar)	Bayaran Khas	Tarikh Kelulusan	Jenis Hakmilik	Tujuan
1.	319 / E	2.5002	RM30,000.00	03 Dis. '10	*First Grade*	Perumahan
2.	570 / H	0.1514	RM10,000.00	03 Ogos '10	Bukan First Grade	Ternakan Kambing Boer
3.	792 / 11	1.0193	RM10,000.00	10 Sept. '09	*First Grade*	Perumahan
4.	16027 / 12	0.2700	RM10,000.00	07 April '10	*First Grade*	Industri Ringan
5.	211 / 12	0.6455	RM10,000.00	07 Dis. '09	*First Grade*	Industri Ringan
6.	17477 / 12	1.6501	RM20,000.00	08 Dis. '10	*First Grade*	Industri Ringan
7.	17262 / 12	0.2960	RM10,000.00	24 Feb. '10	*First Grade*	Perumahan
8.	1015 / 12	0.3111	RM5,000.00	05 Jan. '09	Bukan *First Grade*	Perumahan
9.	I. 337 / 12 ii. 1473 / 12 iii. 1476 / 12 iv. 1478 / 12 v. 1515 / 12 vi. 1517 / 12	6.2161	RM30,000.00	16 Mac '09	(i), (iv) & (v): Bukan *First Grade* (ii), (iii) & (vi): *First Grade*	Perumahan
10.	1022 / 12 1023 / 12 1779 / 12	11.2527	RM15,000.00	09 Nov. '09	Bukan First Grade	Perumahan
11.	I. 1472 / 12 ii. 1475 / 12 iii. 1477 / 12 iv. 1479 / 12 v. 1480 / 12 vi. 1512 / 12	3.1400	RM30,000.00	07 Mei '10	(ii) & (iii): Bukan First Grade (i), (iv), (v) & (vi): First Grade	Perumahan
12.	762 / 12	0.1518	RM5,000.00	21 Dis '10	Bukan First Grade	Perniagaan

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapa banyakkah bantuan baik pulih rumah dan bantuan bina rumah oleh Pusat Urus Zakat Pulau Pinang yang telah dilakukan dalam kawasan Parlimen Kepala Batas dan seluruh Negeri Pulau Pinang sepanjang pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sepanjang tempoh tahun 2008–2011, Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang di bawah Program Bantuan Baik Pulih/Bina Rumah telah membaik pulih sebanyak 133 buah rumah dan membina 20 buah rumah bagi Kawasan Parlimen Kepala Batas dan membaik pulih sebanyak 520 buah rumah dan membina sebanyak 153 buah rumah bagi seluruh Negeri Pulau Pinang. Sejumlah RM8,779,001 terlibat bagi kerja-kerja baik pulih/bina baru tersebut.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Berapa banyakkah projek menaik taraf jalan, bina jalan baru, menaik taraf dan membina longkang baru yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Rakyat.

(b) Berapa banyakkah bantuan yang diberi oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dalam usaha membasmi miskin tegar. Sila berikan data dan kos sebenar mengikut kaum dan kawasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Sejak tahun 2008 sehingga kini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan 268 buah projek menaik taraf jalan dan longkang sedia ada. Dalam tempoh yang sama, Kerajaan Negeri turut melaksanakan 25 buah projek pembinaan jalan dan longkang baru.

(b) Program Pembasmian Miskin Tegar telah diperkenalkan pada bulan Mac 2009 dan sehingga bulan Mac 2012, Kerajaan Negeri telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM7,009,367.00. Pada masa ini, seramai 744 orang menerima bantuan tersebut.

(i) Jumlah pecahan penerima mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	**Jumlah Penerima**
Daerah Timur Laut	47orang
Daerah Barat Daya	126 orang
Daerah Seberang Perai Utara	318 orang
Daerah Seberang Perai Selatan	66 orang
Seberang Perai Tengah	187 orang

(ii) Jumlah pecahan penerima mengikut kaum pula adalah seperti berikut:-

Kaum	Jumlah Penerima
Melayu	650 orang
Cina	34 orang
India	59 orang
Lain-lain	66 orang
Seberang Perai Tengah	1 orang

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapa banyakkah lampu jalan dan lampu tiang beserta tiang yang dipasang oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan DUN Pinang Tunggal dan seluruh kawasan Parlimen Kepala Batas semenjak Pakatan Rakyat memerintah Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri telah memasang sebanyak 30 buah lampu jalan bagi kawasan DUN Pinang Tunggal, manakala bagi keseluruhan Parlimen Kepala Batas, sebanyak 85 lampu telah dipasang.

(XXIV) Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan status pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 telah diluluskan dengan pindaan pada 4 November 2011. T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri pada 9 Januari 2012 telah memperkenankan Enakmen ini dan diwartakan pada 2 Februari 2012. Status pelaksanaan Enakmen tersebut masih lagi dalam tindakan bagi menetapkan tarikh mula kuat kuasa Enakmen tersebut sebelum diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Sebaik sahaja tarikh mula kuat kuasa Enakmen ini diluluskan dan pelantikan pegawai maklumat dimuktamadkan, orang awam boleh mendapatkan akses kepada sebarang dokumen Kerajaan Negeri melalui saluran yang dibenarkan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah perkembangan terbaru cadangan pembinaan jalan / jambatan yang menyambung Kebun Baru Juru ke Penang Science Park?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sedang dalam proses pembinaan projek jambatan yang merentasi Sungai Junjung Mati. Projek ini telah dimulakan

pada 6 Jun 2011 dan dijangka siap pada Mei 2012. Walau bagaimanapun, dengan siapnya projek jambatan tersebut, ianya masih tidak dapat menghubungi Kebun Baru Juru dengan Penang Science Park. Ini berikutan projek pembinaan jalan di kawasan Perindustrian Baru di bahagian utara Penang Science Park perlu disiapkan terlebih dahulu. Sebagai makluman, kawasan di bahagian utara Penang Science Park adalah kawasan yang baru sahaja diambil oleh PDC untuk dijadikan kawasan perindustrian.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila senaraikan:

(a) Projek pembangunan strata yang dalam proses / telah menubuhkan *Joint Management Body / Management Corporation* dalam KADUN Bukit Tengah.

(b) Projek pembangunan strata yang gagal menubuhkan *Joint Management Body /Management Corporation* dalam KADUN Bukit Tengah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Menurut peruntukan di bawah seksyen 39 Akta Hak Milik Strata 1985, Perbadanan Pengurusan (MC) adalah tertubuh secara automatik apabila skim strata didaftarkan. Perbadanan ini merupakan Perbadanan Pengurusan (MC tunggal) kerana setiap petak didaftarkan di atas nama tuan tanah asal. Tuan tanah asal tersebut perlu menyelesaikan pindah milik dengan pembeli-pembeli petak. Apabila jumlah pindah milik yang dilaksanakan melebihi 25%, Mesyuarat Agung Pertama perlu diadakan bagi menubuhkan Perbadanan Pengurusan (MC) yang dianggotai oleh pemilik-pemilik petak.

Sijil Perbadanan Pengurusan (MC) hanya dikeluarkan berdasarkan permohonan yang diterima iaitu selepas Mesyuarat Agung Pertama diadakan.

Mengikut rekod sehingga 31 Mac 2012, bilangan Perbadanan Pengurusan (MC) di bahagian KADUN Bukit Tengah yang telah tertubuh adalah sebanyak 47 buah perbadanan seperti di lampiran A.

Daripada jumlah ini, sebanyak lima (5) skim telah dikeluarkan Sijil Perbadanan Pengurusan (MC). Senarai skim pembangunan berstrata yang telah dikeluarkan sijil adalah seperti di Lampiran B. Dimaklumkan bahawa maklumat ini adalah berdasarkan rekod di Bahagian Hak Milik Strata, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) mulai tahun 2007. Untuk makluman, sebelum tarikh ini, semua rekod sijil Perbadanan Pengurusan diselenggara oleh Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah (SPT).

Manakala, bagi projek berstrata yang dalam proses dan telah menubuhkan JMB, rekod tersebut diselenggara oleh Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Senarai pembangunan yang telah menubuhkan JMB adalah seperti di Lampiran C.

(b) Pentadbiran ini tidak mempunyai rekod projek-projek berstrata yang gagal menubuhkan Perbadanan Pengurusan (Management Corporation) kerana penubuhannya adalah secara automatik sebaik skim strata didaftarkan.

Lampiran jawapan kepada soalan No. 3 YB. OCW

693, 694, 695, 695 (FOTOSTAT)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah rancangan bersepadu yang telah digariskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk menangani isu kilang beroperasi tanpa lesen dan bagaimanakah status pelaksanaan rancangan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Rancangan bersepadu yang telah digariskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk menangani isu kilang beroperasi tanpa lesen ialah:

(i) Menubuhkan ”Task Force” kilang Tanpa Kebenaran pada 31 Januari 2007 yang bertujuan untuk mengawal pertumbuhan kilang yang beroperasi tanpa lesen; dan

(ii) Menyediakan inventori kilang tanpa kebenaran mengikut daerah supaya pengusaha kilang dapat mengemukakan pelan bagi mendapat lesen/permit sementara dalam tempoh yang ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Kilang Tanpa Kebenaran. Dalam tempoh berkenaan pengusaha kilang dikehendaki mengemukakan permohonan pelan kebenaran merancang dan pelan bangunan untuk kelulusan. Sekiranya pengusaha kilang gagal mengemukakan pelan tersebut kilang berkenaan dikehendaki memberhentikan operasi.

Status pelaksanaan rancangan tersebut bagi kilang yang dibina tanpa kebenaran di seluruh Seberang Perai adalah melalui:

(i) Proses pemutihan yang dilaksanakan dengan memberi permit sementara dalam tempoh setahun untuk pengusaha kilang mengemukakan permohonan pelan untuk kelulusan; dan

(ii) Tindakan penguatkuasaan telah dijalankan ke atas kilang-kilang yang gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MPSP iaitu dengan mengeluarkan notis seperti berikut:

(a) notis Berhenti Kerja;

(b) notis Binaan Tanpa Kebenaran;

(c) notis mengosong; dan

(d) notis meruntuh

Sehingga kini, jumlah notis yang dikeluarkan oleh MPSP mengikut daerah adalah seperti berikut:

(a)	Seberang Perai Utara	- 4
(b)	Seberang Perai Tengah	- 6
(c)	Seberang Perai Selatan	- 6

Melalui langkah-langkah ini adalah diharapkan kilang-kilang tanpa kebenaran ini pada akhirnya sama ada diluluskan setelah mematuhi segala syarat-syarat ditetapkan atau dirobohkan oleh PBT jika tidak dapat mematuhi peraturan ditetapkan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila nyatakan perkembangan terbaru pelaksanaan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Enakmen Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada Persidangan Oktober 2010. Cadangan pewujudan jawatan bagi penubuhan Lembaga Perumahan Pulau Pinang (LPPP) telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk kelulusan. Perkara tersebut juga telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-Jawatan Tingkatan Tertinggi (JKTT) Bil. 2/2011 pada 22.7.2011 yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara. Jawatankuasa tersebut memutuskan untuk menangguhkan pewujudan jawatan bagi penubuhan LPPP selaras dengan usaha kerajaan untuk mencapai perkhidmatan awam kejat yang dilaksanakan melalui kajian pertindihan dan penjajaran fungsi beberapa perkhidmatan serta perlaksanaan *Outcome Based Budgeting* (OBB). Kerajaan Negeri masih lagi berusaha mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mendapat kelulusan perjawatan tersebut.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah langkah-langkah diambil oleh Jabatan Veterinar dan Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam usaha mengurangkan bilangan lalat dan juga pencemaran bau dan air daripada ladang-ladang ternakan ayam dan khinzir.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui JPV bagi mengawal pencemaran lalat dan pencemaran bau serta air yang berpunca daripada penternakan ayam dan khinzir adalah seperti berikut:

   (i) Menyediakan peruntukan untuk menjalankan kerja-kerja kawalan pencemaran ini serta penubuhan Unit Kawalan Pencemaran dan Rawatan Persekitaran Khas untuk menangani isu-isu yang melibatkan pencemaran dari industri penternakan;

   (ii) Menerima aduan daripada orang ramai berkenaan pencemaran dan kacau ganggu lalat;

   (iii) Menjalankan siasatan untuk mengenal pasti punca dan sumber pencemaran dan kacau ganggu lalat;

   (iv) Merancang tindakan pembasmian yang melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dengan pelesenan dan kawalan alam sekitar, pemilik ladang terlibat serta wakil masyarakat setempat;

(v) Melaksanakan program pengawalan pencemaran dan kacau ganggu lalat menggunakan teknologi hijau (bio-enzim, Useful Microbes);

(vi) Membuat pemantauan berterusan ke atas ladang-ladang yang dikenal pasti menyebabkan pencemaran;

(vii) Menjalankan kajian impak keberkesanan bioteknologi yang digunakan dalam mengawal pencemaran dan kacau ganggu lalat dengan kerjasama institusi pengajian tinggi seperti Universiti Sains Malaysia. JPV juga menjalankan kajian peralatan dan keberkesanan bahan pengawal pencemaran yang digunakan;

(viii) Menjalankan kempen kesedaran dengan mengadakan pameran, demonstrasi, simulasi dan mewujudkan ladang contoh bebas pencemaran;

(ix) Menjalankan program pemindahan teknologi pengawalan pencemaran kepada pemilik ladang melalui kerjasama institusi pengajian tinggi; dan

(x) Bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk tindakan penguatkuasaan ke atas mana-mana ladang yang gagal mematuhi tahap kawalan pencemaran yang ditetapkan.

Bagi MPSP, langkah-langkah yang diambil oleh MPSP dalam mengurangkan bilangan lalat adalah mengenakan syarat-syarat pelesenan bagi setiap permohonan yang dibuat oleh penternak ayam ialah :-

(i) Mengambil langkah pencegahan lalat setiap minggu termasuk kerja-kerja semburan ubat lalat;

(ii) Melupus semua tinja ayam yang terkumpul dan dipungut satu (1) minggu sekali;

(iii) Memastikan indeks lalat adalah sentiasa di tahap rendah;

(iv) Memastikan tiada kebocoran / tumpahan air bekas minuman ke lantai dan tinja ayam;

(v) Reban ayam haruslah terletak tidak kurang 1,000 kaki dari kawasan perumahan, tempat awam dan rumah ibadat;

(vi) Melupus sisa ladang dengan mengorek lubang dan ditanam;

(vii) Menjaga kebersihan persekitaran ladang bagi memastikan tiada pembiakan nyamuk, tikus serta sistem perparitan adalah sempurna dan tiada takungan air; dan

(viii) Bagi ladang khinzir, air pelepasan selepas rawatan bacaan *Biological Oxygen Demand* (BOD) hendaklah kurang daripada 50 ppm. Dalam hal ini, MPSP bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri menjalankan pemantauan bulanan dan sempel efluen diambil untuk ujian makmal.

(XXV) Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) ertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan keluasan dan lokasi tanah perkuburan Islam berpusat telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengikut daerah sebagaimana yang telah di buat perancangan bersama UPEN sejak tahun 2004.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sehingga kini Kerajaan Negeri telah menyediakan perkuburan Islam bagi tiga (3) daerah manakala bagi dua (2) daerah lagi iaitu Daerah Timur Laut dan Seberang Perai Selatan, tapak perkuburan berpusat sedang dikenal pasti. Kesemua tapak perkuburan Islam berpusat ini telah didaftarkan atas nama Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Bagi Daerah Barat Daya, kawasan seluas 4.241 hektar di atas lot 458 dan 504 Mukim 3, dijadikan kubur berpusat.

   Manakala bagi Daerah Seberang Perai Utara, kawasan seluas 3.44 hektar di Mukim 3, Kepala Batas Seberang Perai Utara dan kawasan seluas 1.827 hektar atas lot 3774 & 3775 Mukim 6, Seberang Perai Tengah telah dijadikan kubur berpusat daerah berkenaan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan jumlah keluasan, pemilik dan lot premis burung walit yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari bulan Jun 2008 sehingga sekarang dan berapakah keuntungan yang telah diperolehi dalam tempoh tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang dipertanggungjawabkan untuk membangun dan memajukan industri burung walit di Negeri ini. Pihak jabatan telah mewujudkan unit khas untuk memantau pembangunan industri ini.

   Satu program khas *geoportal* diadakan bagi menyimpan data dan maklumat berkenaan industri ini.

   Data jabatan menunjukkan terdapat sebanyak 157 lot premis walit berdaftar dengan jabatan dengan seramai 145 orang pemilik. Dari seramai 145 orang pemilik, seramai 109 orang adalah pemilik ladang manakala 15 orang adalah pemilik premis pemprosesan dan 21 orang adalah pemilik premis perniagaan hasilan burung walit.

   Di kawasan MPPP, sebanyak 56 premis burung walit yang telah berdaftar dan diberi kelulusan oleh MPPP.

   MPPP dan MPSP tiada sebarang rekod/maklumat mengenai jumlah keluasan dan keuntungan yang diperolehi bagi premis burung walit.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila nyatakan jumlah kawasan tempat meletak kereta di Negeri Pulau Pinang yang dilanjutkan tempoh caj sehingga jam 12.00 malam dan berapa banyak peningkatan hasil kutipan diperolehi sejak tarikh tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sejumlah 14 buah kawasan tempat meletak kereta di bawah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah dilanjutkan tempoh caj sehingga jam 12.00 malam. Kawasan-kawasan yang terlibat adalah seperti di Lampiran A. Manakala di bawah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tiada kawasan meletak kereta yang dilanjutkan hingga jam 12.00 malam.

Tapak-tapak tersebut telah dipajak kepada pihak swasta untuk kawasan Tempat Letak Kereta oleh MPPP. Oleh yang demikian penambahan masa kutipan ini termasuk dalam kiraan pajakan berkenaan. Di samping itu, tujuan MPPP melanjutkan masa kutipan ini adalah sebagai salah satu pendekatan untuk mencegah kutipan haram yang sering berlaku di kawasan-kawasan `hot spot' ini.

Kawasan tempat meletak kereta di yang dilanjutkan tempoh caj sehingga jam 12.00 malam.

Bil.	Nama Jalan	Waktu Kawalan	Sistem Letak Kereta
1.	Persiaran Gurney	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Bertiket
2.	Jalan Servis (berhadapan Sunrise Tower)	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Bertiket
3.	Jalan Servis (sepanjang Jalan Kelawei)	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Bertiket
4.	Jalan Dr. Lim Chin Guan	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Bertiket
5.	Lorong Swatow	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Meter
6.	Jalan Nagore	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Meter
7.	Jalan Bawasah	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Meter
8.	Lebuh Farquhar	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Meter
9.	Lebuh Leith	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Meter
10.	Jalan Sultan Ahmad Shah (bersebelahan kubur)	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Meter

11.	Lebuh Muntri	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Meter
12.	Jalan Padang Kota Lama	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Meter
13.	Jalan Tun Syad Sheikh Barakbah	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Meter
14.	Lebuh Duke	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Sistem Meter
15.	Lebuh Light	9.00 pagi – 12.00 malam setiap hari	Clock in clock out

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila nyatakan jumlah Sekolah Agama Rakyat, bangunan kelas KAFA dan masjid yang telah di bina di Negeri Pulau Pinang. Nyatakan penyumbang serta jumlah sumbangan bagi pembangunan institusi tersebut sejak tahun 2000 sehingga tahun 2011.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Jumlah Sekolah Agama Rakyat / KAFA dan masjid yang telah dibina sejak tahun 2000 hingga 2011 adalah seperti berikut :

Tahun	**Sekolah Agama Rakyat / KAFA**	**Masjid**
2000	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
2001	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
2002	Tiada Maklumat	1
2003	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
2004	Tiada Maklumat	3
2005	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
2006	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
2007	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
2008	4	1
2009	6	-
2010	2	3
2011	-	3
Jumlah	**12**	**11**

Sementara itu, peruntukan dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan adalah seperti berikut :

	RM(Juta)
SAR/KAFA	26.710
Masjid	9.673
JUMLAH	**36.383**

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Sila nyatakan jumlah terbaru pegawai masjid, guru KAFA, guru Sekolah Agama Rakyat, guru takmir masjid serta jumlah elaun yang diterima oleh mereka secara perseorangan dan jumlah keseluruhannya.

(b) Siapa penyumbang dana elaun tersebut sejak tahun 2008 sehingga sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Jumlah keseluruhan terbaru pegawai masjid, guru KAFA, guru Sekolah Agama Rakyat (SAR), guru takmir masjid adalah 2416 orang. Jumlah elaun bulanan yang diterima secara perseorangan dan jumalh keseluruhannya ialah:-

(a) Jumlah Pegawai Masjid, Guru Takmir Masjid, Guru KAFA dan Guru Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Jawatan	Bilangan x Elaun Bulanan	Jumlah Elaun Sebulan	Jumlah Elaun Setahun
Pegawai Masjid			
(i) Imam Masjid Kariah	488 orang x RM750.00	RM366,000.00	RM4,392,000.00
(ii) Bilal Masjid Kariah	333 orang x RM324.00	RM107,892.00	RM1,294,704.00
(iii) Imam Rawatib Masjid Daerah	14 orang x RM500.00	RM7,000.00	RM84,000.00
(iv) Bilal Masjid Daerah	7 orang x RM350.00	RM2,450.00	RM29,400.00
(v) Guru Takmir	180 orang	RM100.00 (sekali mengajar)	Anggaran RM3,900,000.00
Guru KAFA / SAR	1394 orang x RM850.00	RM1,184,900.00	RM14,218,800.00

(b) Sumbangan (sumber peruntukan) bayaran elaun bulanan di atas seperti berikut :

	JAKIM	Kerajaan Negeri	MAINPP
Imam Masjid Kariah	RM750.00	Tiada	Tiada
Bilal Masjid Kariah	Tiada	RM226.80	RM97.20
Imam Rawatib Masjid Daerah	Tiada	RM350.00	RM150.00
Bilal Masjid Daerah	Tiada	RM245.00	RM105.00
Guru Takmir	RM100.00 (sekali mengajar)	Tiada	RM20.00
Guru KAFA / SAR	RM800.00	RM50.00	Tiada

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kenapakah kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak lagi mensyaratkan pembinaan surau dan penyerahan tapak surau kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang sejak tahun 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kedua-dua pihak Berkuasa Tempatan masih mensyaratkan setiap permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan di mana syarat tapak dan bangunan surau perlu disediakan dan diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) setelah pemajuan berkenaan siap.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila nyatakan status pembinaan longkang di Jalan Jarak Atas ke Padang Chempedak dan kenapa projek tersebut terhenti?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Pembinaan longkang di Jalan Jarak ke Padang Chempedak yang dilaksanakan oleh JKR dibuat secara 2 fasa berikutan panjang longkang yang perlu dinaiktaraf adalah 500 meter dan kontraktor dilantik melalui proses sebutharga terbuka. Bagi fasa 1, ianya telah disiapkan manakala perlantikan kontraktor untuk fasa 2 sedang diuruskan dimana perlantikan tersebut dijangka dapat dibuat pada 1 Mei 2012 selepas tamat tempoh bantahan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah cadangan pihak MPSP bagi menyelesaikan masalah tong sampah milik MPSP yang diletakkan di bahu jalan yang boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. MPSP telah memberi nasihat dan teguran kepada kontraktor lantikan MPSP dan juga kakitangan MPSP sendiri bagi memastikan tong sampah yang ditempatkan di tepi jalan perlu diletakkan semula di lokasi yang sepatutnya setelah kutipan sampah dibuat.

MPSP juga telah mengambil kira pandangan pemimpin masyarakat seperti Y.B. ADUN, Ahli Majlis dan JKKK di dalam menentukan peletakan tong sampah.

Pemantauan berterusan oleh pegawai kawasan terhadap kedudukan tong sampah di tepi jalan dibuat dari semasa ke semasa.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila nyatakan jumlah kemudahan awam seperti perpustakaan, dewan orang ramai, taman rekreasi dan sebagainya yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 dan jumlah perbelanjaan bagi projek-projek tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berikut adalah kemudahan awam yang telah dibina serta jumlah perbelanjaan terlibat oleh Kerajaan Negeri melalui agensi berkenaan sejak tahun 2008.

MPSP

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menjalankan kerja-kerja proses menaik taraf tiga (3) pasar awam tahun 2012 dengan kos sebanyak RM5 Juta yang diterima daripada Kerajaan Negeri. Pasar berkenaan dengan anggaran kos naik taraf ialah Pasar Awam Sri Bandar SPU (RM1.9 juta), Pasar Awam Sama Gagah SPT (RM1.4 juta) dan Pasar Awam Taman Berjaya SPS (RM1.7 juta).

Berikut adalah kemudahan awam yang telah dibina serta jumlah perbelanjaan terlibat oleh Kerajaan negeri melalui agensi seperti berikut sejak tahun 2008.

MPSP

MPSP menjalankan kerja-kerja proses menaik taraf tiga (3) pasar awam pada tahun 2012 dengan kos sebanyak RM 5 Juta yang diterima daripada Kerajaan Negeri. Pasar berkenaan dengan anggaran kos naik taraf ialah Pasar Awam Sri Bandar SPU (RM1.9 juta), Pasar Awam Sama Gagah SPT (RM1.4 juta) dan Pasar Awam Taman Berjaya SPS (RM1.7 juta).

Di samping itu, MPSP juga telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf dan penyelenggaraan 21 pasar awam pada tahun 2011 dengan kos RM 5 Juta yang juga diterima daripada Kerajaan Negeri. Senarai adalah seperti di bawah:

SENARAI NAIK TARAF KEMUDAHAN AWAM MPSP TAHUN 2011

BIL	TAJUK KERJA	KOS ANGGARAN (RM)	JENIS KEMUDAHAN AWAM
1.	Pasar Awam Jeti Lama	181,400.00	PASAR
2.	Pasar Awam Taman Bagan	232,146.40	PASAR
3.	Pasar Awam Bagan Ajam	197,940.00	PASAR
4.	Pasar Awam Sri Uda	161,500.00	PASAR
5.	Pasar Awam Mak Mandin	63,000.00	PASAR
6.	Pasar Awam Kg. Baru	404,407.00	PASAR
7.	Pasar Awam Kota Permai	115,046.00	PASAR
8.	Pasar Awam Berapit	261,640.00	PASAR

9.	Pasar Awam Bukit Mertajam	517,770.00	PASAR
10.	Pasar Awam Pmtg Tinggi	264,040.00	PASAR
11.	Pasar Awam Taman Selamat	214,533.00	PASAR
12.	Pasar Awam Tmn Chai Leng	442,175.00	PASAR
13.	Pasar Awam Sri Rambai	184,030.00	PASAR
14.	Pasar Awam Sri Penanti	366,700.00	PASAR
15.	Pasar Awam Sri Delima	99,300.00	PASAR
16.	Pasar Awam Bukit Panchor	191,000.00	PASAR
17.	Pasar Awam Valdor	122,390.00	PASAR
18.	Pasar Awam Sg. Bakap	134,400.00	PASAR
19.	Pasar Awam Valdor	304,782.00	PASAR
20.	Pasar Awam Tasek Mutiara	271,700.00	PASAR
21.	Pasar Awam Tambun Indah	123,000.00	PASAR

Manakala projek menaik taraf parit dan projek pembinaan rumah pam adalah seperti berikut :

Projek Menaiktaraf Parit

i. Jawi Garden – RM 419,000.00
ii. Taman B – RM 228,800.00
iii. Taman Desa Damai – RM 3,626,706.00

Projek Pembinaan Rumah Pam

i. Taman Mangga – RM 1,968,000.00
ii. Taman Desa Damai – RM 4,696,990.00
iii. Taman Makok – RM 1,730,000.00

MPPP

Senarai kemudahan awam yang disediakan oleh MPPP sejak tahun 2008 hingga April 2012 adalah seperti berikut:-

Bil.	Projek	Tahun Laksana (Status)	Kos Projek (RM)
1.	Pembinaan Dewan Orang Ramai di Resident Bayan Mutiara	2009	Dewan diserahkan oleh pemaju sebagai memenuhi syarat Kebenaran Merancang
1.	Cadangan Membina Tempat Letak Kereta Bertingkat Di Lebuh Pantai/Lebuh Vivtoria, Pulau Pinang	2007-2010 (Siap)	11,145,628.33
2.	Cadangan Pembangunan Astaka Dan Coolie Lines Di Bukit Bendera, Pulau Pinang	2010-2012 (Siap) – Astaka sahaja	4,481,876.20

Bil.	Projek	Tahun Laksana (Status)	Kos Projek (RM)
3.	Cadangan Pembinaan 20 Unit Gazebo & Sebuah Kiosk Penguatkuasa Bagi Penyusunan Semula Aktiviti Refleksologi Di Batu Feringgi, P.Pinang	2010 (Siap)	199,799.91
4.	Cadangan Menaiktaraf Kompleks Bukit Gedung, Pulau Pinang	2011-sekarang (Sedang dijalankan)	1552119.3
5.	Cadangan Menaiktaraf Pasar Awam Pulau Tikus, Pulau Pinang	Tarikh Mula : 29.04.2011 Tarikh Siap : 28.12.2011 Status : Siap 100%	RM 877,754.00
6..	Cadangan Menaiktaraf Gerai Dan Pasar Batu Maung, Pulau Pinang	Tarikh Mula : 06.08.2010 Tarikh Siap : 10.05.2011 Status : Siap 100%	RM 511,963.00
7.	Cadangan Menaiktaraf Pasar Awam Air Itam, Pulau Pinang	Tarikh Mula : 06.08.2010 Tarikh Siap : 10.05.2011 Status : Siap 100%	RM 876,937.50
8.	Cadangan Menaiktaraf Pasar Awam Lebuh Cecil, Pulau Pinang	Tarikh Mula : 06.08.2010 Tarikh Siap : 27.06.2011 Status : Siap 100%	RM 941,919.00
9.	Cadangan Menaiktaraf Pasar Awam Jelutong, Pulau Pinang	***Noor Azhar Enterprise (NAE):-*** Tarikh Mula : 02.06.2011 Tarikh Siap : 01.02.2012 *Kontrak NAE ditamatkan.* Fajar Eratimur Sdn. Bhd. (FET) :- Tarikh Mula : 27.02.2012 Tarikh Siap : 26.07.2012 Status : 43.90% : 75.06% (+19hari)	NAE: RM 810,370.00 FET: RM 667,202.06
10.	Cadangan Pembangunan Astaka Dan Coolie Lines Di Bukit Bendera, Pulau Pinang (Open Ground)	2012 (Sedang dilaksanakan)	885,422.45
11.	Cadangan Menaiktaraf Sistem Paip Kumbahan Tandas Awam Lebuh Cecil, Pulau Pinang	2012 (Sedang dilaksanakan)	46,650.00
12.	Pembinaan Pondok Perhentian Bas	2009 – 20 buah	196,007.00
		2010 – 27 buah	675,000.00
		2011 – 30 buah	750,000.00
13.	Pembinaan Jambatan Sungai Pinang	2007 – mula 2008 – siap	12,141,799.88

JKR

Berikut adalah projek kemudahan awam yang dilaksanakan oleh JKR sejak tahun 2008 :

SENARAI KEMUDAHAN AWAM YANG TELAH DIBINA OLEH JKR (PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI) SEJAK TAHUN 2008

BIL.	NAMA PROJEK	JUMLAH PERBELANJAAN
1	Menyiapkan kerja-kerja tertinggal surau & tadika Islam serta lain-lain kerja berkaitan di Bagan Tambang, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	RM747,109.92
2	Pembinaan tambahan surau dan dua tingkat kelas kafa dan kelengkapan di Taman Koskam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	RM694,175.74
3	Pembinaan 6 kelas Kafa dan pejabat pentadbiran Masjid Sungai Kechil, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	RM1,003,000.00
4	Pembinaan sekolah Kafa Masjid Lama, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	RM888,320.00
5	Kerja-kerja pembinaan Sekolah Rendah Agama Masjid Al-Islah, Permatang Tok Mahat, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	RM1,025,000.00
	JUMLAH PERUNTUKAN	RM4,357,605.66

PDT – DTL

Sejak tahun 2008 sehingga Mac 2012, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut telah membina dua (2) buah Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di Daerah Timur Laut (DTL) seperti berikut:

BIL.	NAMA PROJEK	SUMBER PERUNTUKAN	KOS PROJEK
1	Membina Sebuah Dewan Baru JKKK Sungai Gelugor Tahun Pembinaan : 2010	JKN	RM 149,516.48
2	Membina Sebuah Dewan Baru JKKK Relau Tahun Pembinaan : 2011	DITANGGUNG SEPENUHNYA OLEH KOPERASI TUNAS MUDA BERHAD	

PDT - DBD

Projek kemudahan awam Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya dari tahun 2008 hingga 2011 dan butir-butir terperinci serta perbelanjaan dalam jadual di bawah.

BIL	PROJEK	TAHUN	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH (RM)
1	BINA BARU	2008	2	40,000.00	451,477.75
2		2009	4	162,500.00	
3		2010	3	17,500.00	
4		2011	9	231,477.75	
5	PENYELENGGARAAN	2008	10	171,000.00	1,242,670.00
6		2009	39	222,570.00	
7		2010	39	288,000.00	
8		2011	37	561,100.00	
JUMLAH KESELURUHAN			**143**		**1,694,147.75**

TAHUN : 2008

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	P16 (02) PERUNTUKAN YB	**KADUN : PANTAI JERJAK**	
		Kerja-Kerja Membina Kaki Lima Dan Lansdkap Padang Jalan Pantai Jerejak 13.	20,000.00
2		Kerja-Kerja Membina Longkang Kawasan Kampung Sg Nibong Kecil/Sg Nibong Tengah.	20,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			**40,000.00**

TAHUN : 2009

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	P16 (02) PERUNTUKAN YB	**KADUN : BATU MAUNG**	
		Membina Tempat Letak Motorsikal Untuk Persatuan Penduduk Desa Wangsa, Permatang Damar Laut	3,500.00
2		**KADUN : BAYAN LEPAS**	
		Membina Longkang Dalam Kawasan Jkkk Sungai Tiram	4,000.00
JUMLAH P16 (02)			**7,500.00**
3	PENYELENGGARAAN TITI	Kerja-Kerja Membina Semula Jambatan Konkrit Kg. Baru Sg. Ara	150,000.00
4		Membina Pagar Keselamatan Jeti Nelayan Teluk Kumbar	5,000.00
JUMLAH TITI			**155,000.00**
JUMLAH KESELURUHAN			**162,500.00**

TAHUN : 2010

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	P16 (02) PERUNTUKAN YB	**KADUN : PANTAI JERJAK**	
		Kerja-Kerja Membina Satu Peti Surat Pusat Untuk Penduduk-Penduduk Kg.Sg. Nibong Kecil	10,000.00
2		**KADUN : PULAU BETONG**	
		Kerja-Kerja Membina Parkir Kereta Di Masjid Al-Raudhah Pulau Betong	5,000.00
3		Kerja-Kerja Menurap Jalan Di Pasar Lama Balik Pulau	2,500.00
JUMLAH KESELURUHAN			**17,500.00**

TAHUN : 2011

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	P16 (02) PERUNTUKAN YB	**KADUN : PANTAI JERJAK**	
		Kerja-Kerja Membina Satu Peti Surat Pusat Untuk Penduduk-Penduduk Kampung Sungai Nibong Kecil Kawasan A, B Dan D	35,000.00
2		**KADUN : BATU MAUNG**	
		Menurap Jalan Kampung Sungai Tiram	9,500.00
3		**KADUN : TELOK BAHANG**	
		Kerja-Kerja Menurap Jalan Kampong Di Dun Teluk Bahang	7,000.00
4		**KADUN : BAYAN LEPAS**	
		Membina Tempat Wuduk Di Kawasan Jkkk Mutiara Perdana	14,000.00
5		Kerja-Kerja Menurap Tar Di Kawasan Bayan Lepas 1	11,000.00
6		**PARLIMEN : BAYAN BARU**	
		Kerja-Kerja Membina Satu Peti Surat Pusat Untuk Penduduk-Penduduk Kampung Sungai Nibong Kecil Kawasan A, B Dan D	4,915.25
JUMLAH P16(02)			**81,415.25**
7	PERUNTUKAN JAIPP	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Kecil Di Masjid Daerah, Daerah Barat Daya	150,000.00
JUMLAH JAIPP			**150,000.00**
8	PERUNTUKAN JKN	Kerja-Kerja Membina Gelanggang Futsal Di Kampung Titi Teras (JKKK Titit Teras)	50,000.00
9		Membina Longkang Di Dewan Jkkk Titi Teras	12,500.00
JUMLAH JKN			**62,500.00**
JUMLAH KESELURUHAN			**231,477.75**

PENYELENGGARAAN

TAHUN : 2008

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	P16 (02) PERUNTUKAN YB	**KADUN : BATU MAUNG**	
		Membaiki Jambatan Sedia Ada Berhampiran Pasar Awam Sg Ara.	20,000.00
2		Menurap Tar Dan Menambun Pasir Di Sekeliling Surau Bidayatul Hidayah Bukit Kecil Batu Maung.	12,000.00
3		Membaiki Tandas Dan Pam Di Masjid Permatang Damar Laut	3,000.00
4		Memasang Lampu 'SPOTLIGHT' Untuk Kawasan Perkuburan Khariah Sg Ara.	1,000.00
JUMLAH P16 (02)			**71,000.00**

5	PENYELENGGARAAN GERAI	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyelenggara Gerai Di Tropical Garden,Teluk Bahang.	15,000.00
6		Membaiki Gerai Di Anjung Indah,Jalan Tun Sardon, Balik Pulau.	20,000.00
7		Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyelenggara Gerai Di Kawasan Makan Sg Burong	20,000.00
8		Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyelenggara Gerai Di Medan Selera Titi Teras	20,000.00
JUMLAH GERAI			**75,000.00**
9	PERUNTUKAN JKN	Membaiki Jalan Simen Berlubang Di Kuala Sg. Pinang	15,000.00
10		Membaiki Tembok Penahan Yang Runtuh Di Mukim A. Kuala Sg. Pinang	10,000.00
JUMLAH JKN			**25,000.00**
JUMLAH KESELURUHAN			**171,000.00**

TAHUN : 2009

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	P16 (02) PERUNTUKAN YB	**KADUN : BATU MAUNG**	
		Menurap Jalan Tar Di Kampung Sg. Tiram. Kerja	8,000.00
2		Baikpulih Gelanggang Futsal Kampung Baru, Sg. Ara	4,000.00
3		Membaiki Pagar Masjid Lama Sg. Ara	2,000.00
4		Menurap Jalan Tar Sekitar Dun Batu Maung (JALAN Kampung Sekitar Bukit Gedong/ Telok Tempoyak)	5,000.00
5		Menurap Jalan Tar Di Dun Batu Maung (BERHAMPIRAN Rumah Flat Dan Pasar Awam Bukit Gedong)	8,500.00
6		**KADUN : PANTAI JERJAK**	
		Kerja-Kerja Membaikpulih Bangunan Persatuan Autisme Malaysia,Jalan Pantai Jerejak	3,000.00
7		Kerja-Kerja Peyelenggaraan, Pendawaian Dan Pemasangan Bekalan Elektrik Di Dewan Jkkk Sungai Nibong Besar	3,000.00
8		Kerja-Kerja Membaiki Tembok Kecil Surau Bayan Baru	4,000.00
9		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Pembersihan Longkang Sungai Nibong Tengah / Kecil	19,000.00
10		**KADUN : TELOK BAHANG**	
		Menambak Crush Sand Dan Pasir Untuk Jkkk Sungai Pinang	1,000.00
11		Menambak Crush Sand Dan Pasir Untuk Jkkk Kampung Nelayan Sungai Pinang	2,000.00
12		Membaiki Titi Dan Mengorek Parit Di Kampung Kecil, Sungai Pinang	2,400.00
13		Membaiki Lantai Simen Pejabat Jkkk Pantai Acheh	2,000.00

14		Membaiki Bumbung Rumah Mayat Sg. Pinang -PERTUBUHAN Dewa Hen Teng Seng Tee	10,370.00
15		**KADUN : BAYAN LEPAS**	
		Menjalankan Kerja Menurap Tar Jalan Di Kawasan Jkkk Sg. Batu	4,500.00
16		Membaiki Parit Di Kawasan Jkkk Gertak Sanggul	4,800.00
17		Menambak Tanah Merah Dan Menanam Rumput Untuk Jkkk Sg. Batu	4,000.00
18		Membaiki Masjid Lama Kampung Sg. Ara	5,000.00
19	P16 (02) PERUNTUKAN YB	Menjalankan Kerja Menurap Tar Di Kawasan Jkkk Bukit Gemuruh	5,000.00
20		Menjalankan Kerja Menurap Tar Di Kawasan Jkkk Teluk Kumbar	5,000.00
JUMLAH P16 (02)			**102,570.00**
21	PENYELENGGARAAN TITI	Kerja-Kerja Membaiki Semula Titi Teluk Kumbar	20,000.00
JUMLAH TITI			**20,000.00**
22	PENYELENGGARAAN DEWAN	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dewan Rumah Murah Lama Permatang Damar Laut	5,000.00
23		Kerja-Kerja Menaiktaraf Dewan Rumah Murah Baru Permatang Damar Laut	8,000.00
24		Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Sg.Nipah	10,475.00
25		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Sungai Pinang	3,000.00
26		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Kuala Sungai Pinang	3,000.00
27		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Pantai Acheh	3,000.00
28		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Orang Ramai Kuala Jalan Bharu	10,000.00
29		Kerja-Kerja Baikpulih Balairaya Titi Teras	3,000.00
30		Kerja-Kerja Baikpulih Balairaya Kongsi	4,000.00
31		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Belia Kongsi	4,300.00
32		Kerja-Kerja Baikpulih Balairaya Pulau Betong	3,000.00
33		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Sungai Burong	4,000.00
34		Kerja-Kerja Baikpulih Balairaya Sungai Burong	4,225.00
35		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Simpang Empat	5,000.00
36		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Balora Mastika	7,000.00
37		Kerja-Kerja Menaiktaraf Dewan Jkkk Sg. Nibong Besar	10,000.00
38		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Bayan Lepas	6,000.00
39		Kerja-Kerja Baikpulih Dewan Jkkk Bukit Gemuruh	7,000.00
JUMLAH DEWAN			**100,000.00**
JUMLAH KESELURUHAN			**222,570.00**

TAHUN : 2010

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
1	P16 (02) PERUNTUKAN YB	**KADUN : BATU MAUNG**	
		Menurap Kawasan Letak Kereta Di Blok 4 Flat Bukit Gedong	24,500.00
2		Menurap Laluan Kenderaan Di Kawasan Flat Taman Muhibbah	22,300.00
3		Menaiktaraf Padang Di Halaman Mayang Dan Memasang Pagar Sekitar Padang	13,300.00
4		Menaiktaraf Longkang Di Kawasan Permatang Tepi Laut	9,500.00
5		Membaiki Bumbung Dan Infrastruktur Surau Permatang Tepi Bendang	4,700.00
6		Menurap Jalan Kg Sekitar Dun Batu Maung	5,700.00
7		**KADUN : PANTAI JERJAK**	
		Kerja-Kerja Memperbaiki Kerosakan Kecil Di Bangunan Persatuan Autisme Malaysia Jalan Pantai Jerjak	3,000.00
8		Kerja-Kerja Memperbaiki Titi Di Kg Jawa	6,000.00
9		Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Kg. Yang Berlubang Dalam Kg. Sg. Nibong Besar	10,000.00
10		**KADUN : TELOK BAHANG**	
		Menjalankan Kerja-Kerja Baikpulih Jalan Di Dalam Kawasan Jkkk Sg.Rusa	6,000.00
11		Menjalankan Kerja-Kerja Menurap Tar Di Dalam Kawasan Jkkk Permatang Pasir	4,000.00
12		**KADUN : PULAU BETONG**	
		Menjalankan Kerja-Kerja Membina Tebing Pengadang Titi Di Jalan Lebai Haji Mahmud Di Kawasan Jkkk Titi Teras	5,000.00
13		Menjalankan Kerja-Kerja Memasang Awning Di Pejabat Dewan Jkkk Kongsi	2,000.00
14		Menjalankan Kerja-Kerja Menurap Tar Jalan-Jalan Yang Rosak Di Dalam Kawasan Jkkk Kg.Perlis	5,000.00
15		Kerja-Kerja Naiktaraf Kemudahan Gerai Pondok Nelayan Kuala Sg.Burung	5,000.00
16		**KADUN : BAYAN LEPAS**	
		Menjalankan Kerja-Kerja Pemasangan Paip Pembentungan Dan Awning Di Tanah Perkuburan Orang Islam Jkkk Bayan Lepas	5,000.00
17		Menjalankan Kerja-Kerja Memasang Grille Di Dewan Jkkk Bukit Gemuruh	6,000.00
18		Menjalankan Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Dalam Kawasan Jkkk Kg.Binjai	5,000.00

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
19	P16 (02) PERUNTUKAN YB	Menjalankan Kerja-Kerja Membaiki Paip Pembentungan Di Kawasan Bayan Lepas,Jkkk Bayan Lepas	3,000.00
20		Menjalankan Kerja-Kerja Menurap Tar Di Hadapan Pasar Bayan Lepas Di Dalam Kawasan Jkkk Bayan Lepas	6,000.00
21		Menjalankan Kerja-Kerja Menambah Awning Di Kabin Dewan Jkkk Dan Mengadakan Satu Tandas Dan Tempat Mengambil Wuduk Di Jkkk Kg.Seronok	7,000.00
JUMLAH P16 (02)			**158,000.00**
22	PENYELENGGARAAN DEWAN	Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Rumah Murah Lama, Permatang Damar Laut	18,000.00
23		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Jkkk Sg.Tiram	18,000.00
24		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Jkkk Sg. Nibong Besar	3,000.00
25		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Jkkk Kg.Jawa	10,000.00
26		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Mutiara/Dewan Jkkk Sg.Pinang	8,000.00
27		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Jkkk Kuala Sg. Pinang	8,000.00
28		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Balairaya Sg Burong (DEWAN Jkkk)	3,000.00
29		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Balora Mastika	13,000.00
30		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Jkkk Bukit Gemuruh	6,000.00
31		Kerja-Kerja Peyelenggaraan Dewan Jkkk Gertak Sanggol	13,000.00
JUMLAH DEWAN			**100,000.00**
32	PENYELENGGARAAN GERAI	Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Permatang Damar Laut	10,900.00
33		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Telok Tempoyak	1,300.00
34		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Sg. Rusa	9,300.00
35		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Taman Rimba Telok Bahang	2,200.00
36		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Basah Di Simpang Empat, Balik Pulau	2,800.00
37		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Kuala Pulau Betong	1,500.00
38		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Masjid Daerah Barat Daya	1,000.00
39		Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Peyelenggaraan Gerai Di Padang Kongsi, Balik Pulau	1,000.00
JUMLAH GERAI			**30,000.00**
JUMLAH KESELURUHAN			**288,000.00**

TAHUN : 2011

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
	P16 (02) PERUNTUKAN YB	**KADUN : BATU MAUNG**	
1		Kerja-Kerja Membina Tembok (SUSUR Jalan) Di Tempat Letak Kereta Blok 4, Bukit Gedung	2,500.00
2		Membina Batu Tanda Untuk Persatuan Rumah Comel Bukit Gedung	3,300.00
3		Kerja-Kerja Menurap Jalan Rosak Di Hadapan Dewan Rumah Murah Baru Permatang Damar Laut	5,000.00
4		**Kadun : Pantai Jerjak**	
		Kerja-Kerja Pendawaian Elektrik Di Kontena Jkkk Jalan Tengah Selatan	1,000.00
5		Kerja-Kerja Menyelenggara Surau Taman Sri Nibong	4,000.00
6		Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Dalam Sungai Nibong Besar	5,000.00
7		**KADUN : TELOK BAHANG**	
		Kerja-Kerja Naiktaraf Pagar Di Tanah Perkuburan Sungai Rusa Dan Kerja-Kerja Berkaitan	4,000.00
8		Kerja-Kerja Mengecat Dan Membaiki Khemah Panggung Di Jkkk Pantai Acheh	5,000.00
9		Kerja-Kerja Menambak Batu Campur (Crush Sand) Dan Habuk Batu Di Dun Teluk Bahang	6,000.00
10		Kerja-Kerja Naiktaraf Di Dewan Jkkk Kuala Sg.Pinang Dan Tmn Nelayan Kuala Sg.Pinang Termasuk Kerja -KERJA Berkaitan	6,000.00
11		**KADUN : PULAU BETONG**	
		Menaiktaraf Pagar Dewan Jkkk Simpang Empat, Balik Pulau	10,000.00
12		Menaiktaraf/Baik Pulih Jalan Di Kawasan Paya Kongsi	3,000.00
13		**KADUN : BAYAN LEPAS**	
		Cadangan Menaiktaraf Jalan Kampung Di Kawasan Jkkk Sungai Batu	5,000.00
14		Cadangan Menaiktaraf Jalan Kampung Di Kawasan Jkkk Gertak Sanggol	5,000.00
15		**PARLIMEN : BAYAN BARU**	
		Projek Baikpulih Gelanggang Taman Rekreasi Nipah, Sg.Nibong	31,500.00
16		**PARLIMEN : BALIK PULAU**	
		Naiktaraf Jalan Tepi Sungai Kompleks Sukan Balik Pulau	15,000.00
17		Naiktaraf Surau Pekan Teluk Kumbar	5,000.00

BIL	NAMA PROJEK	TAJUK PROJEK	AMAUN (RM)
18	P16 (02) PERUNTUKAN YB	Membaiki Dan Menyelenggara Taman Permainan Di Pantai Acheh	10,000.00
19		Menaiktaraf Longkang Di Hadapan Sekolah Kongsi	10,000.00
JUMLAH P16(02)			**136,000.00**
20	PENYELENGGARAAN DEWAN	Menyelenggara Dewan Jkkk Taman Nelayan Kuala Sungai Pinang	9,000.00
21		Menyelenggara Dewan Jkkk Gertak Sanggol	15,000.00
22		Menyelenggara Dewan Sri Tengah (JKKK Jalan Tengah Utara)	15,000.00
23		Menyelenggara Dewan Jkkk Desa Mayang, Bukit Gedong	15,000.00
JUMLAH DEWAN			**54,000.00**
24	PENYELENGGARAAN GERAI	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Lintang Pondok Upeh	33,600.00
25		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Kongsi, Balik Pulau	8,400.00
26		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Di Kuala Sungai Pinang	13,000.00
27		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Di Titi Teras	11,000.00
28		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Tropical Spice Garden, Teluk Bahang	100,000.00
29		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Jualan Basah Simpang Empat,Balik Pulau	60,000.00
30		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Di Sungai Rusa, Telok Bahang	5,000.00
31		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Airport Corner, Bayan Lepas	11,000.00
32		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Telok Tempoyak, Batu Maung	20,000.00
33		Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Naiktaraf Gerai Di Sungai Pinang, Telok Bahang	20,000.00
JUMLAH GERAI			**282,000.00**
34	PERUNTUKAN UPEN	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Membersih Rumah Pam (TELUK Bahang)	25,600.00
35		Projek Tempat Letak Kereta/Motorsikal Berbumbung Di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya	40,000.00
36		Kerja-Kerja Menaiktaraf Pusat Latihan Angkat Berat Smk Seri Balik Pulau, Pulau Pinang	15,000.00
JUMLAH UPEN			**80,600.00**
37	PERUNTUKAN JKN	Menaiktaraf Longkang Di Kg. Teluk Bahang	8,500.00
JUMLAH JKN			**8,500.00**
JUMLAH KESELURUHAN			**561,100.00**

PDT – SPU

Sejak tahun 2008, tiada kemudahan awam seperti perpustakaan, dewan orang ramai, taman rekreasi dan sebagainya dibina melalui Pejabat Daerah dan Tanah SPU.

PDT – SPT

Sementera itu, di Daerah Seberang Perai Tengah kerajaan telah membina sebuah dewan JKKK pada tahun 2011 iaitu Dewan JKKK Sungai Sembilang dengan peruntukan sebanyak RM164,000. Kerajaan sentiasa memastikan kemudahan-kemudahan awam sedia ada berkeadaan baik untuk kegunaan masyarakat setempat dari semasa ke semasa. Butiran peruntukan kerajaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan terlibat adalah seperti di jadual di bawah.

BIL.	Nama Projek	TAHUN				
		2008		2009		
		Bil	Peruntukan (RM)	Bil	Peruntukan (RM)	Bil
1	Menaik taraf Perpustaakaan	-	-	-	-	-
	Menaik taraf Dewan Orang Ramai	-	-	9	100,000.00	16
	Menaik taraf Taman Rekreasi	-	-	-	-	-
	JUMLAH	-	-	9	100,000.00	16

PDT – SPS

Sejak tahun 2008, tiada kemudahan awam seperti perpustakaan, dewan orang ramai, taman rekreasi dan sebagainya dibina melalui Pejabat Daerah dan Tanah SPS.

(XXVI) Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih menggunapakai dasar perumahan yang terdapat dalam local plan?

   (b) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk membina rumah kos rendah atau rumah kos sederhana rendah di atas tanah-tanah kepunyaannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Kerajaan Negeri mengguna pakai dasar perumahan yang terdapat di dalam Rancangan Tempatan Daerah (RTD). RTD disediakan untuk memperincikan dasar-dasar di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) yang diwartakan pada 27 Jun 2007. Ini termasuklah Dasar Perumahan yang terdapat di dalam RSNPP tersebut. Dasar ini diguna pakai di dalam perancangan pembangunan sehingga tahun 2020 memandangkan RSNPP dan RTD yang disediakan adalah sehingga tahun 2020.

   (b) Kerajaan Negeri sentiasa memberikan perhatian yang utama terhadap permintaan rumah khasnya rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah mempunyai beberapa perancangan untuk menambah perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah melalui langkah-langkah berikut:

(i) Menampung keperluan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah melalui perancangan untuk membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang diberi milik kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) melalui Request For Proposal.

(ii) Membina perumahan kos rendah iaitu pembangunan semula Kampung Pisang Awak Fasa II di atas tanah Plot A, bersebelahan Lot PT 51, Seksyen 4, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut. Pembangunan semula ini melibatkan pembinaan sejumlah 384 unit rumah yang terdiri daripada 192 unit rumah kos rendah dan 192 unit rumah kos sederhana rendah.

(iii) Menender semula pembangunan perumahan kos rendah di Ampang Jajar/Ujung Batu yang melibatkan pembinaan sejumlah 800 unit rumah kos rendah.

(iv) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan juga telah merancang bagi membina 44 unit Rumah Mampu Milik di atas sebahagian lot 680, Mukim 1, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Pulau Pinang. Kerja-kerja pembersihan tapak dan tambun tanah sedang dilaksanakan pada tahun ini oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang. Pembinaan rumah mampu milik tersebut dijadualkan akan dibangunkan pada tahun 2013.

(v) Kerajaan Negeri juga sedang menjalankan kerja-kerja untuk membina rumah mampu milik di Batu Kawan atas tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seluas 150 ekar. Sebanyak 11,800 unit rumah mampu milik bertingkat akan dibina secara berperingkat mengikut fasa dengan keluasan dari 800 kaki persegi berharga RM72,500.00 hingga 1,000 kaki persegi berharg RM220,000.00. Fasa pertama projek mengandungi 520 unit dijangka mula dibina pada hujung tahun 2012. Keseluruhan fasa dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024.

(vi) Membuat perancangan untuk membangunkan rumah kos rendah di atas tanah Kerajaan Negeri Lot 1534, Mukim 11, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan seluas 15.1 ekar melalui Request For Proposal.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula. Ahli Kawasan Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa kami Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Kedua Belas pada 30 April 2012.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan dengan ucapan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya ingin menyentuh ucapan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua yang telah menyentuh di muka surat 23 isu bekenaan keselamatan dan keadaan am keselamatan di Negeri Pulau Pinang.

Dalam konteks ini saya ingin pertamanya membawa perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kita harus berterima kasih pertamanya kepada Polis DiRaja Malaysia Pulau Pinang khususnya kerana telah membenarkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengadakan perhimpunan BERSIH baru-baru ini dengan aman di mana tidak terdapat sebarang gangguan ataupun insiden-insiden seperti yang berlaku di Kuala Lumpur. Saya menyentuh perkara ini kerana kita hanya dua tiga hari selepas perhimpunan BERSIH kita melihat bagaimana media massa yang dikawal oleh Barisan Nasional cuba memutar belitkan kejadian-kejadian di Kuala Lumpur dan cuba mempertanggungjawabkan pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat ke atas kejadian-kejadian yang tidak diingini yang telah berlaku di Kuala Lumpur, tetapi umum mengetahui bahawa kejadian-kejadian tersebut berlaku kerana aksi-aksi provokasi oleh ahli-ahli badan tertentu, ada juga mengatakan

bahawa terdapat anggota-anggota Polis yang berpakaian biasa yang telah melakukan provokasi menyebabkan kejadian-kejadian tidak diingini itu berlaku. Saya cuma ingin mengatakan bahawa kalau dibandingkan dengan kajian di Kuala Lumpur dan di Negeri-Negeri lain Pulau Pinang, Ipoh, Sabah, Sarawak dan Johor Baharu di mana perhimpunan bersih diadakan tidak ada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku kerana kerjasama dan penghormatan yang telah diberikan masing-masing kepada pihak-pihak yang berhimpun dan juga oleh pihak Polis DiRaja Malaysia berbanding dengan kejadian di Kuala Lumpur. Pada dasarnya, saya ingin menekankan di sini adalah tidak betul bagi media massa untuk menyalahkan penganjur sama ada Dato' Ambiga ataupun Azmin Ali ataupun pemimpin umum Pakatan Rakyat Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan mengatakan bahawa mereka telah melakukan provokasi dan sebagainya. Itu adalah tidak benar.

Kedua, saya ingin menyentuh tentang bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Sebenarnya bantuan-bantuan itu telah dihulurkan sejak tahun 2008, bukan seperti Barisan Nasional yang hanya baru-baru ini kelihatan seolah-olah dalam keadaan gopoh-gapah apabila mengetahui bahang-bahang pilihan raya sudah pun dekat. Kita selalu saja lihat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri selalu mengunjungi Pulau Pinang seolah-olah membawa wang ringgit dalam lori dan kontena datang ke Pulau Pinang menyerahkan wang itu kepada penduduk-penduduk di Pulau Pinang dengan macam-macam janji tapi saya tertarik dengan satu rencana dalam surat khabar The Star yang ditulis oleh Encik Sivananda Sharma dengan petikannya *Indians Show Support For Prime Minister,* saya menunjukkannya di sini. Saya kurang faham sama ada ini adalah keadaan sebenar yang dilihat oleh penulis rencana ini kerana walaupun satu persepsi cuba ditunjukkan oleh media massa yang dikawal oleh Kerajaan Barisan Nasional hakikatnya adalah sebenarnya berlainan dan saya pada tahap ini ingin merujuk kepada persoalan adakah benar rakyat Malaysia berbangsa India sebenarnya memberi sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Dalam konteks ini saya terpanggil untuk menyentuh satu perkara yang telah baru-baru ini berlaku iaitu kejadian sebuah kuil Hindu di tapak Pelabuhan Pulau Pinang yang telah pun diruntuhkan di mana saki-baki bangunan tersebut itu juga tidak kelihatan dan saya di sini ingin menyelar. Saya gunakan perkataan menyelar dengan jelas, sikap yang ditunjukkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang jelas mengawal selia segala tindak-tanduk Pelabuhan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Siapa Pengerusi Penang Port sekarang?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya ingat Yang Berhormat Telok Bahang boleh menjawab. Di sini saya ingin merujuk kepada satu petikan daripada Akhbar *The Star,* mungkin Yang Berhormat Telok Bahang boleh menjawab. Pada 23 April 2012 di mana Yang Berhormat Telok Bahang telah dipetik seperti berikut PPSB Chairman Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya ...(dengan izin) *who visited the scene several Barisan Nasional leaders said the* Muniswarar shrine *would be rebuilt on area of 6.1 meter x 6.1 meter*. Saya di sini tertarik dengan kenyataan yang dibuat kalau benar konsep 1Malaysia diamalkan oleh Barisan Nasional seperti yang dilaung-laungkan oleh Barisan Nasional dan Najib bukankah sepatutnya sebelum tindakan-tindakan itu diambil sensitiviti menunjukkan penghormatan kepada nombor satu pekerja-pekerja yang bekerja di situ, nombor dua kalau kita benar-benar mememang kepada konsep 1Malaysia sekurang-kurangnya menjalankan perbincangan dengan pekerja-pekerja di situ sebelum tindakan-tindakan diambil untuk merobohkan kuil tersebut.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sila.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Adakah Yang Berhormat Seri Delima tahu berkenaan isu betapa sensitifnya perobohan tempat-tempat ibadah ini di Negeri Pulau Pinang ada satu protokol atau pun Polisi di mana kita ada jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa RIBI, Rumah Ibadat Bukan Islam yang di mana sebarang tindakan penguatakuasaan dari segi hendak diroboh atau tidak sesuatu tempat ibadat tersebut mesti dirujuk sebelum boleh dibuat kepada jawatankuasa tersebut dan jawatankuasa tersebut akan mengambil keputusan apakah boleh dibenarkan ataupun tidak. Apakah Yang Berhormat Seri Delima menyatakan bahawa roboh tadi ada dirujuk kepada satu petikan Akhbar The Star di mana Yang Berhormat Telok Bahang selepas perobohan menyatakan beliau ingin merelokasi kepada satu tempat yang lain. Ini adalah amat tidak bertanggungjawab sekali kerana ini adalah amalan Barisan Nasional di mana mereka roboh dulu dan *relocate*. Itu bukan amalan kita apa yang perlu dibuat untuk menjaga sensitiviti kaum India kita mesti berbincang dengan mereka cari satu tempat lain untuk direlokasi kemudian selepas relokasi perobohan

boleh dibuat tetapi ini tidak dibuat dan saya minta kerana ini telah berlaku telah menyakitkan perasaan kaum Hindu dan India bukan saja di Pulau Pinang tapi di seluruh Malaysia saya minta Telok Bahang bangun dan minta maaf pada kaum India sekarang juga.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Telok Bahang ada respon? Jadi, kalau tidak mengambil kesempatan saya tidak beri peluang lagi. Isu belum habis lagi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Dia mahu memohon maaf atau tidak? Saya sudah minta dia bangun dan mohon maaf pada kaum India sekarang juga di Dewan ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya rasa, permintaan Datok Keramat itu memang ada kena pada tempatnya memang wajib, jadi sama ada Telok Bahang ingin *gentleman* mengaku salah ataupun minta maaf terserah kepada Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Terima kasih Seri Delima. Kita semua di sini *politician*. *So we know that issue,* kita tahu bagaimana menyelesaikan masalah isu kuil, masalah apa pun, kita tahu cara hendak buat tapi pegawai dia menjalankan kerja dia, dia tidak tahu sensitiviti ini dia tidak faham. Jadi, dalam kes ini kuil berada hampir sangat dengan *apartment* yang membawa *dangerous cover, very dangerous* kawasan ini memang kawasan amat tinggi. Jadi pegawai bimbang, saya tanya dia mengapa buat macam ini? Kenapa tidak beritahu saya dulu? Dia kata Saya minta maaf, saya tidak beritahu Dato' tetapi saya terpaksa ambil tindakan kerana ini kawasan amat berbahaya. Kargo yang dibawa dalam *pipe line* itu kargo yang *flush point* rendah makna silap sikit terbakar dan meletup.

Saya bimbang dan saya faham tentang *concern* yang diberitahu kepada saya oleh pegawai ini bahawa takut kalau berlaku *leakage* dalam paip itu, gas atau *chemical* dalam itu meletup dan berbahayakan semua orang termasuk pihak penganut yang pergi bersembahyang di situ memang amat berbahaya. Saya tanya kenapa tidak beritahu saya berunding dulu? Ini

kesilapan saya Dato'. Saya buat tindakan kerana saya bimbangkan keselamatan. Saya pun pergi melawat tempat itu, Timbalan Pengerusi MIC ada pada masa itu, Dato' Subaiyah belum meninggal lagi dan ada dua tiga orang lagi yang pergi dan saya lihat kawasan telah *clear* dan saya kata okey, kalau tidak mahu buat dekat sangat dekat paip itu, kita buat jauh sikit buat dekat bucu itu tetapi *subject approval* kepada keselamatan pelabuhan, dia ada peraturan dan undang-undang.

Apabila saya tanya berapa jauh kena ada yang boleh kita letak kuil ini dia kata kawasan ini tidak boleh Dato' sebab *radius* sekurang-kurangya 1.5 km baru selamat. Masuk ke kawasan itu pun kami kena *check*, kalau masuk ikut pintu biasa kena *check* dan *hand phone* pun kami tidak bagi masuk kerana boleh *spark* juga. Ini berbahaya sebab itu saya amat *concern. I know* kawasan saya pun, tengok kuil semua kita bantu yang *latest* kita bagi laluan jambatan RM80,000 memang kita bantu. Dalam perkara ini kita amat-amat faham tentang sensitiviti kaum dari segi agama. Dalam hal ini, pegawai telah melakukan kesilapan, tidak payah kita sibuk-sibuk cari tapak kalau tidak ada kawasan pelabuhan, saya minta Kerajaan Negeri bantu bagi satu tapak dan kita boleh buat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan boleh.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Nanti sekejap. Ini yang kita hendak. Dalam kawasan itu kawasan lain telah ada, cuma kawasan *dangerous cargo* pun belum ada lagi dan kalau hendak buat di situ sudah ada di kawasan lain, kawasan yang saya pergi ini. Saya pun memang tengok part itu amat-amat bahaya. Jadi kalau kita hendak buat di kawasan itu ia membahayakan orang yang pergi sembahyang, bukan itu saja semua orang yang dekat situ kalau meletup. Kalau Kerajaan Negeri kata selamat kita boleh buat, tapi yang akan bahaya ialah pihak penganut.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan Seri Delima. Saya ingin tahu berapa lamakah kuil itu telah wujud? Adakah ia ini sepanjang mungkin 30 tahun atau 40 tahun itu ia memberi bahaya kepada kawasan tersebut? Mengapa baru dirobohkan begitu saja atas alasan keselamatan. Mengapa dulu tidak ada masalah keselamatan? Sekarang baru ada masalah keselamatan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Just satu penjelasan. Tadi apabila Telok Bahang memulakan penjelasan beliau nyatakan apabila perkara ini berlaku, kita pergi turun ke tempat kejadian dan seorang pegawai telah datang mohon maaf kepada Yang Berhormat? Selepas? Itu turutan yang dimaklumkan. Setuju atau tidak apa yang berlaku itu salah dan Y.B. Telok Bahang sebagai Pengerusi PPSB boleh maaf sekarang …..(gangguan). Itu yang saya tanya tadi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Ceritanya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Itu yang saya hendak cari, bukan itu dan buka sama ada Kerajaan Negeri soal, Kerajaan Negeri hendak bagi tanah pula langsung tidak masuk akal. *The point is.....*(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, kalau kita.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Apa yang telah berlaku, *your own* pegawai sudah minta maaf. Saya hendak tahu sebagai PPSB *gentleman* atau tidak apa yang telah berlaku *your are the officer, kita ada why carriers credibility*. Mohon maaf sekarang kepada kaum India, boleh atau tidak? Mohon maaf sekarang kepada kaum India.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya boleh atur satu lawatan ke tempat itu, kalau ada Yang Berhormat hendak ikut saya boleh, tengok keadaan cukup amat dekat dengan *apartment* itu ….(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan boleh?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Nanti.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Hendak mohon maaf atau tidak?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Nanti.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tidak boleh nanti, kita hendak sekarang, sekarang, senang saja, saya mohon maaf atau saya tidak mohon maaf.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat tunggu, kita tidak bagi lama, Telok Bahang jawab.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya tidak mahu cerita di sini.....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Satu-satu, bagi habis.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya tidak mahu cerita di sini, sebabnya pihak, kalau saya hendak sebut tidak eloklah. Mereka gunting pagar itu masuk ke dalam dan bina. Ini yang berlaku, dua kali, saya tengok dalam gambar-gambar. Memang saya dapat laporan banyak pihak ….(gangguan). Nanti sekejap, belum habis lagi. Tunggu sekejap. Ini laporan yang saya dapat *completing report* tetapi salah satu report mengatakan, saya tidak mahu sebut di sini, sebab itu saya tak mahu sebut...(gangguan). Saya kata saya tidak mahu sebut.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Mesti sebut, jangan sembunyikan, kalau ada justifikasi sebutlah. Adakah kamu kata itu kuil haram. *Are you saying that now?*

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Yang Berhormat setuju?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Kalau kamu berhak untuk berbuat sedemikian. *No, is that what you are saying?*

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Yang Berhormat setuju kuil itu dibina ditempat itu?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Jawab soalan dulu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya hendak tanya dulu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Jawab soalan saya dulu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Setuju.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Adakah sekarang kamu menyatakan kuil itu kuil haram. Adakah itu yang kamu katakan sekarang?

Y.B. Dato' Speaker:

Kita dengar Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Yang Berhormat tidak kisah apa yang berlaku, mungkin berlaku kepada kaum India yang pergi sembahyang situ? Tidak kisah, mati ke, apa ke, tidak kisah yang mahu, saya minta maaf, tapi hendak suruh buat begitu juga.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Kamu minta maaf Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kamu lagi Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Guna perkataan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Yang Berhormat sekarang minta maaf.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Jawab soalan saya dulu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Yang Berhormat, saya tidak mahu dengar soalan kamu, kerana saya sudah tanya soalan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Jawab soalan, saya boleh minta maaf, tetapi kalau tidak jawab soalan saya, Yang Berhormat setuju tak, dibina di tempat itu tidak kisah keselamatan penganut itu, mati matilah, tak kisah, boleh?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya tidak setuju.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Habis?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya memang tidak setuju. 48 tahun ada di situ, tiba-tiba ia jadi satu isu keselamatan, betul? Macam mana BPSP boleh buat macam itu? Ini banyak sensitif Dato'. Kalau saya boleh marah macam ini pihak penganut bagaimana. *This is very sensitive, just simple* kalau pegawai Yang Berhormat sendiri boleh minta maaf. Apa pendirian? Boleh atau tidak minta maaf sekarang …. (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dia selalu menggunakan perkataan kamu Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Duduk. Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat duduk.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya dengar. Saya sudah sebut tadi.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Senang sahaja soalan saya.....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Adalah satu dua silap. Saya ada sebut.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Sekejap, satu-satu.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Dua minggu yang lepas, 23 April 2012 saya dapat panggilan daripada seorang penganut Hindu dia kata PPSB sedang meroboh kuil. Saya ingat daripada Komtar saya sampai sana lebih kurang 35 minit apabila saya sampai sana ada juga pegawai keselamatan daripada PPSB dan penganut-penganut Hindu. Apabila saya sampai ke situ saya dapati bahawa telah diratakan tidak ada tanda, kecuali ada besi-besi yang berkaitan dengan sembahyang. Kemudian pada hari itu juga saya buat satu perundingan dengan Encik Halim Abdul Kadir, Pengurus Besar PPSB dalam perundingan itu memang ada MIC, Ahli Lembaga PPC, L. Krishnan dan juga MIC Negaran. Dalam perbincangan kita kita juga sebutkan bahawa kuil ini telah wujud lebih 40 tahun dan paip ini dipasang pada tahun 1998 sahaja. Macam mana tiba-tiba kuil itu jadi bahaya kepada paip-paip.

Walau bagaimanapun, saya rasa kuil ini, kalau tidak patut wujud sana, memang ada proses rundingan, di mana pihak PPSB boleh berunding dengan penganut-penganut yang gunakan kuil itu adalah pekerja-pekerja kontrak di PPSB bukan lain. Jadi saya tanya, apa pun undang-undang, kalau kuil itu salah dari segi undang-undang *illegal acceptor* tetapi PPSB boleh kerana kuil ini sensitif, *you* tidak boleh merobohkan kuil. Jadi masa perbincangan itu, itu perbincangan pertama dengan PPSB kita minta PPSB memberi satu *sign alternative* kemudian kos binaan dan sebagainya. Pada hari Isnin, saya turun dengan Ketua Menteri Pulau Pinang, lebih ramai lagi ada di sana. Masa itu saya ingat MIC tidak ada tapi sebelum itu saya ingat Hari Ahad Y.B. Telok Bahang telah berbincang dengan MIC berkenaan itu dalam petikan The Star sebutkan perkara ini akan diselesaikan bahawa PPSB ini disebutkan oleh Y.B. Telok Bahang dan ini dinafikan oleh pegawai PPSB Haji Halim Abdul Kadir. Dia kata ini bukan *communication problem*, Y.B. Telok Bahang Pengerusi PPSB ini tidak sebutkan begitu.

Jadi, dalam pertemuan, ini saya bagi kronologi *event,* Ketua Menteri tanya PPSB untuk memohon maaf, bagi tanah alternatif dan juga tanggung kos pembinaan kuil Muniswaran ini. Saya rasa kuil itu telah wujud lama, bukan kuil yang sebenarnya, itu isu Muniswaran lain, di mana pekerja-pekerja sebelum mereka keluar pergi ke laut mengangkut barang, dia sembahyang. Memang itu memang sudah ada lebih 40 tahun, ini dikatakan oleh penganut-penganut Hindu di sana, tetapi macam mana sebuah kuil itu boleh ancaman tiba-tiba, *how can suddenly dangerous* pada paip-paip. Kita tidak katakan bahawa kuil ini mesti wujud di sana, tetapi boleh berunding dan kita akan

mengalih juga, tapi sekarang bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri. Kita tidak merobohkan kuil itu, yang merobohkan kuil itu adalah PPSB. Ini penjelasan saya.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sebentar, sedikit saja sebelum Yang Berhormat hendak membalas. Pertamanya, saya ingin mengatakan menurut kenyataan Yang Berhormat Telok Bahang sendiri dalam surat khabar The Star memang disahkan bahawa *pipe line* itu ...(dengan izin) dibina pada tahun 1998 dan kuil tersebut telah wujud di sana lebih 48 tahun, seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Datok Keramat. Jadi penjelasan soalan saya ialah pertama, berbalik kepada kenyataan Yang Berhormat Telok Bahang tadi, Yang Berhormat tadi dalam Dewan telah mengatakan membuat tuduhan yang begitu liar iaitu mengatakan bahawa pekerja-pekerja atau pun orang luar telah menggunting lubang dalam pagar PPSB, masuk ke dalam kawasan PPSB membina kuil tersebut. Tidak akan kuil tersebut wujud begitu saja, pagi ini tidak ada, kita balik esok kuil itu wujud, semestinya daripada fahaman saya, kuil itu memang telah lama berada di situ. Jadi, soalan pertama saya, berbalik kepada soalan Yang Berhormat Datok Keramat adakah Yang Berhormat sekarang sekurang-kurangnya bagi untuk menenangkan hati penganut-penganut agama Hindu meminta maaf.

Kedua adakah Yang Berhormat masih berpegang kepada kenyataan bahawa kuil itu dibina secara haram dengan menggunting lubang pada pagar PPSB tanpa disedari oleh ahli-ahli atau pun anggota keselamatan PPSB.

Ketiga, mengapa tidak ada sebarang rundingan diadakan, seperti kita buat di Kampung Buah Pala. Kita mengadakan rundingan. Ini PPSB, bukankah kita sensitif kepada kaum orang Hindu. Adakah ini 1Malaysia yang diwar-warkan setiap hari 1 Malaysia. 1 Malaysia apa ini Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Penjelasan. Boleh. Saya setuju dengan Yang Berhormat Seri Delima dengan Timbalan Ketua Menteri. Saya bersetuju memang patut adakan rundingan...(gangguan). Nanti. *I will come to that*. Saya bersetuju. Dia orang bukan *politician.*

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, isu sama ada Yang Berhormat hendak minta maaf. Penjelasan saya rasa tidak boleh diberikan kerana kuil itu telah pun diranapkan. Bayangkan tidak ada batu-bata pun dijumpai di sana Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Yang Berhormat bagi saya peluang bercakap, saya cakap. Jangan bangun kacau. Saya setuju, *politician* kita tahu hendak *handle,* tetapi *become to* pegawai, dia tidak tahu hendak *handle*. Memang saya setuju patutnya dirunding dulu dan cari tempat sesuai kita bina semula. Itu memang saya setuju. Itu memang cara saya dan memang begitu kita buat tapi *come* pegawai ini dia, tindakan dia hendak ambil *rash,* jadi memang tidak kena dan tidak tepat. Saya tidak setuju cara itu. Hendak bina semula memang Halim tidak boleh kata tidak setuju sememangnya ada keputusan *board meeting.* Kita buat *board meeting as come soon board meeting*, Halim tidak boleh kata tidak boleh kalau kita setuju, Halim kata tidak boleh, kita tidak boleh. Dia kena ikut ini *board meeting I chair the meeting very soon*, saya akan bawa perkara ini. Saya *very concern about* keselamatan, lebih baik *prevent* daripada terjadi susah, salahkan semua orang salah.

Next come hendak cari tapak kalau di kawasan itu memang tidak ada lagi, jauh *at least* 1.5 km ikut peraturan. Kita sebenarnya hendak *confirm*, apabila saya tanya mengapa buat begitu dia kata dia hendak *confirm* dengan peraturan keselamatan. Takut dia tarik balik, ini adalah peraturan antarabangsa. Takut kalau kuil itu, apabila sembahyang adalah lilin dan sebagainya takut apa-apa jadi ia tidak *confirm* dengan keselamatan, sebab itu saya fikir-fikir balik betul kalau kita hendak bangunkan semula tidak boleh bangun di situ. Memang saya kesal apa yang berlaku kepada kuil ini. Balik malam itu saya fikir tidak boleh hendak tidur kerana ini telah berlaku. *I am very concern.*

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Ini bermaksud Yang Berhormat memohon maaf, mengaku salah dan memohon maaf? Tadi sudah mengaku salah tadi, sekarang kesal dan mohon maaf, itu adat orang Malaysia.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

No, kita hendak selesai masalah. Kita hendak bangun semula kuil.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Itu isu lain, sekarang berkenaan *incident* yang telah berlaku, sudah mengaku salah dan sekarang mohon maaflah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Dia dibuat oleh pegawai.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya tanya dengan baik.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Adalah tidak betul.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Boleh mohon maaf atau tidak sebagai Ketua PPSB, kita *liberal* secara *wise carrier* dalam undang-undang dana kalau pegawai sudah melakukan kesalahan kita kesal sendiri, tadi Yang Berhormat kata. Boleh mohon maaf atau tidak?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Beginilah dalam hal perobohan memang, saya kira memang tindakan itu memang tidak betul.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Itu tadi kita sudah tahu, tadi Yang Berhormat kata memang sudah mengaku salah, sekarang saya, memohon maaf, itu isu. *This only* kita boleh *result* ini kepada kaum Hindu, *please* pohon maaf.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Cerita begitulah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Kalau boleh buat sekarang, kalau tak boleh *on record,* kita mahu mohon maaf...(gangguan). Saya tak mahu teruskan macam ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, kalau kita bertengkar di sini pun tak baik, tak berapa sesuai.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya nampak pada Yang Berhormat-Yang Berhormat nampak pada saya, kalau kesal mohon maaf.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Tadi Yang Berhormat dah bagi tahu, Yang Berhormat tak setuju bina di situkan?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

No, no sekarang jangan putar belit.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya nak sambung lagi.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Cerita sudah habis, sudah mengaku salah, sudah mengaku kesal. Sekarang saya tanya boleh mohon maaf.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya hendak *confirm* dulu, daripada...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Jangan lari daripada *subject.*

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, Datok Keramat tadi....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Jangan lari.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Tak apalah, saya ada di sini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya tanya soalan dengan baik-baik, tadi saya marah sikit, saya sudah *could down* sikit.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Okey.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya tanya dengan baik-baik.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Sebelum.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Boleh mohon maaf atau tidak?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Sebelum saya hendak sambung.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Datok Keramat dan Yang Berhormat Telok Bahang, Telok Bahang telah kata tadi apa yang berlaku, dia sebut kesal, cuma minta maf.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Datok Keramat yang beliau tidak setuju bina kuil di tempat itu. Boleh *confirmation* yang beliau tidak setuju bina kuil di situ.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Itu bukan isu, itu bukan isu Y.B. Dato' Speaker....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Kalau macam ini tidak akan habis...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Boleh jawab pada Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Jadi setakat ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, tadi Y.B. Keramat dan setujukan, tak boleh bina atas isu keselamatan? Ya?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Kata tak setuju, kerana saya kata tak setuju dibina di situ, kerana sudah 48 tahun tiba-tiba dia dah jadi satu isu keselamatan. Itu apa saya kata, saya boleh ingat, jangan nampak balik pada Hansard.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya nak Seri Delima teruskan. Selesai.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Kita berbalik pada tadi Y.B. Dato' Speaker kepada soalan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya boleh mohon maaf.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Boleh mohon maaf atau tidak?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya boleh minta maaf, tapi saya hendak *confirm.*

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Boleh mohon maaf atau tidak, tadi Yang Berhormat kata....(gangguan). Tadi *I* dengar adakan?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Sapa yang cakap ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Boleh mohon maaf, tadi saya dengar.

Y.B. Dato' Speaker:

Duduk dulu. Seri Delima teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Datok Keramat saya rasa kalau dengan ikhlas, seseorang itu rasa dia bersalah dan ingin meminta maaf tidak akan mengambil masa kerana saya pun kalau ditegur oleh Y.B. Dato' Speaker di Dewan yang mulia ini kerana melakukan sesuatu kesalahan, kalau saya rasa saya telah bersalah, saya akan mengaku salah, jadi kalau seseorang itu ikhlas dengan kesilapan yang telah berlaku beliau akan meminta maaf. Jadi saya serahkan kepada Dewan yang mulia ini untuk menaksirkan apa yang sebenarnya dimaksudkan dengan Ahli Y.B. Telok Bahang, tetapi berbalik kepada isu tersebut saya belum habis lagi kawasan PPSB begitu luas sekali.

Daripada fahaman saya, menurut beberapa pekerja dan juga yang telah datang berjumpa dengan saya, terdapat beberapa lokasi dalam kawasan PPSB di mana kuil tersebut boleh ditempatkan semula dengan selamatnya, dalam masa seminggu dua ataupun dua tiga hari. Tetapi difahamkan bahawa perkara ini mendapat restu daripada Y.B. Telok Bahang sendiri. Itu yang saya ingin sekarang menyatakan dengar dahulu Y.B. Telok Bahang, bahawa perkara ini telah pun direstui, menurut apa yang telah dimaklumkan kepada saya. Rancangan ini telah dibuat di mana menurut penganut-penganut ini mereka telah pergi ke kuil tersebut. Selepas menjalankan sembahyang dan sebagainya, mereka telah balik balik kepada hari kemudian, satu selepas sembahyang itu mereka melihat kuil itu telah pun dirobohkan dan tidak ada apa-apa saki baki atau batu-batan dan sebagainya berada di tempat tersebut telahpun dikeluarkan.

Menurut kenyataan pegawai-pegawai yang telah datang ke situ, bila perkara ini mula-mula dipersoalkan oleh penganut-penganut di situ. Respon kenyataan yang dibuat oleh pegawai-pegawai tersebut adalah seolah-olah kuil tersebut tidak sepatutnya berada di situ langsung dan memang arahan telah diberikan oleh pegawai atasan oleh PPSB dan juga beberapa ahli-ahli politik veteran untuk merobohkan kuil tersebut, di mana perkara ini telah dirancang. Telah berlaku pada waktu di mana pekerja-pekerja itu sibuk menjalankan kerja-kerja, adakah perkara ini benar, Y.B. Telok Bahang? Adakah sebab itu mengapa Y.B. Telok Bahang tidak ingin meminta maaf di sini kerana terpaksa berbalik dengan Lembaga Pengarah dan menjawab kepada mereka walaupun perkara ini telah dibincangkan telah pun diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk merobohkan kuil tersebut? Adakah itu sebabnya mengapa Yang Berhormat di sini tidak ingin meminta maaf kepada Dewan? Kerana akan dipertanggungjawabkan?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, kuil yang kita bincang ini adalah...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Apalah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Adakah perkara ini benar Yang Berhormat. Adakah perkara ini telah dibincangkan, telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah, di mana Yang Berhormat sendiri hadir. Adakah sebab itu Yang Berhormat tidak mahu minta maaf.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, saya mesyuarat Lembaga Pengarah ini sebulan sekali, kadang-kadang *miss* dua bulan sekali, *always I chair the meeting*, setiap kali *meeting* mesti saya *chair*, kalau saya tak ada, mesyuarat itu tak jalan, tak pernah bincang hal ini, saya tidak tahu langsung, yang ada kuil di situ, tak pernah bincang di mana ada arahan dari Lembaga Pengarah, tidak ada. Ini tindakan oleh pegawai di pentadbiran di kargo itu. Jadi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kalau begitu Yang Berhormat, minta maaflah, minta maaflah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Nantilah dulu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kalau Yang Berhormat tidak mengarahkan, tidak dibincangkan. Meminta maaf di Dewan ini. Saya difahamkan Yang Berhormat tidak mahu meminta maaf kerana akan dipertanggungjawabkan oleh Lembaga nanti.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Mengapa pula, saya sendiri dah jadi *confuse* ini. Ini tuduhan, tuduhan kata saya mengarahkan saya sebagai Pengerusi Lembaga Pelabuhan mengarahkan kuil itu diroboh, begitu? Bila mesyuarat itu di bincang, tengok minit mesyuarat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Ini untuk rekod, Yang Berhormat tidak pernah membincangkan perkara ini. Pertama Menurut dalam kenyataan Yang Berhormat tadi bahawa perkara ini tidak pernah dibincangkan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Kita bincang dengan Lembaga Pelabuhan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jadi berbalik, Yang Berhormat, sekilas pandang saja kita dengar Yang Berhormat mengatakan tadi, perkara ini tak dibincangkan langsung, sekarang kata dibincangkan. di mana satu yang benar Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya nak bawa kes ini kepada mesyuarat yang akan datang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dalam Lembaga Pengarah bukankah isu kuil ini telah dibincangkan dan direstui oleh Lembaga Pengarah untuk dirobohkan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Tidak. Saya bagitau tiap-tiap mesyuarat Lembaga Pengarah saya *chair,* kalau saya tak ada tidak akan ada mesyuarat, saya *chair so I know* apa yang kita bincang, saya pun tak pernah sebut dan tak pernah tahu kata ada kuil di situ. Jadi jangan buat tuduhan melulu begitu. Ini saya tak reti Seri Delima cakap, dia serbu dulu kemudian baru fikir.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Macam Y.B. Telok Bahang jugalah, roboh dulu ingin bina semula, betul tidak Yang Berhormat. Sehingga hari ini memang tidak ada tapak disediakan, betul?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Di kawasan itu tak ada dan kita nantilah kita akan bawa perkara ini kepada Lembaga Pengarah dan tengok mana tempat yang sesuai yang selamat keselamatan, keselamatan itu yang paling utama untuk pertimbangan, keselamatan kalau kita biarkan satu, kita tak confirm dengan *International Standard* yang kedua membahayakan penganut ini suatu hari *anything can happen will happen* jadi kita takut jadi kita *concern,* jadi biar saya bincang dulu dalam Lembaga Pengarah mana kita nak letak tempat yang sesuai dan kita boleh bangunkan semula tak ada masalah langsung. Saya pun hairan jadi benda yang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Apa yang dengar tadi oleh Y.B. Telok Bahang ini, Yang Berhormat tidak tahu dan perkara ini diumumkan selepas kejadian hari itu kalau inilah sebenarnya dan *heavy handedness on the part* of Pengurus Besar Halim. Adakah Y.B. Telok Bahang ini sebagai Pengurus PPSB akan minta dia letak jawatan, sebab ini satu perbuatan yang keterlaluan dan begitu saya sendiri kalau kita tak ada sana, saya pun tidak tau apa yang akan jadi, emosi begitu tinggi apabila *you* robohkan kuil itu. Saya rasa mesti mahu tanggungjawab sama ada Telok Bahang akan minta maaf tidak terpulang kepada Telok Bahang, tetapi Telok Bahang pun kesal tindakan itu jadi apakah tindakan yang akan ambil terhadap pegawai-pegawai PPSB yang langsung tidak bertanggungjawab atas perobohan kuil itu dan ini sudah bangkitkan kemarahan di kalangan orang India khususnya Hindu di kalangan itu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, tak kan lah saya nak buat *revaluation* di sini. Saya ada *board* saya, biar kita bincang *proper, marked proper* nak ambil tindakan atas pegawai kah, mana boleh buat *revaluation* di sini, bagi kita bincang dan selesai masalah ini. Biar saya peluang untuk selesaikan masalah ini, okey. Saya ingat selesai kut, ada lagi, biar saya selesaikan pasal kuil ini di peringkat Pelabuhan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Okey, satu perkara lagi. Apakah pendirian Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang atas isu ini mungkin Ketua Pembangkang boleh menjawab, kerana bila kita lihat kalau kita betul-betul mendokong prinsip 1Malaysia bila wujudnya isu fitnah bahawa tapak masjid telah pun dijualkan walaupun Ketua Menteri telah menjelaskan perkara itu kita lihat pemuda UMNO tiap-tiap hari mengeluarkan siaran dalam TV3 menghentam Ketua Menteri, membuat fitnah membangkitkan kemarahan penganut-penganut agama Islam dengan fitnah-fitnah ini tapi bila kuil Hindu dirobohkan kita tengok respon daripada Y.B. semua yang ada di sini macam layu, tak ada respon jangan cakap pasal MCA, MIC lah saya dah muak cakap tentang mereka ini semua pak turut, apakah pendirian Ketua Pembangkang, apakah pendirian UMNO, Barisan Nasional adakah menyatakan sesuatu dalam sidang akhbar kalau betul kita mendokong prinsip 1Malaysia rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan sila. Kalau berani.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Memang berani tak pernah takut.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Dia bukan Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya minta laluan, dia bagi laluan, dia bagi lalauan, Yang Berhormat dari Seri Delima,

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Sudah tukar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Y.B. Datok Keramat nak sibuk pasal apa. Limau purut tiga serangkai pasal apa.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Dia minta penjelasan dari Ketua Pembangkang.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat, sila duduk.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Seri Delima dah bagi lalaun.

Y.B. Dato' Speaker:

Bagi sikit cakap.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta maaf, patut terima kasih daripada....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Seri Delima dah bagi laluan.

Y.B. Dato' Speaker:

Bagi sikit.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Yang Datok Keramat limau purut tiga serangkai pasal apa? Saya hairan Y.B. Dato' Speaker, saya hairan, bila dari tadi saya dengar hujah-hujah daripada Seri Delima semasa membuat usul ini dia duk tanya soalan di barisan ini, sedangkan soalan yang masa Dewan ini yang nak kena jawab yang sebelah sana seolah-olah kami hari ini menjadi Ketua Menteri, kami dok jadi Kerajaan kami ini, jadi kerajaan pula duk tanya kami, Komtar diam, berani jom kita keluar la, huru-hara. Perangai Setiausaha Politik macam itulah... (gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Jangan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Macam itukah perangai Setiausaha Politik. Dia ini tolong angkat tong gas bolehlah...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan, teruskan, sudah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya tengok perangai Seri Delima ini, dia tanya PPC, PPC tak boleh jawab, yang jawab sepatutnya itu infrastruktur, tanya pasal apa, Barisan Nasional kami nak jawab apa bukan hak kami untuk menjawab di sini, kami hak kami di sini untuk bertanya, *backbenchers* pun hak *backbenchers* untuk tanya, yang nak jawab sebelah sana, yang sana dia membisu sebab apa, tak ada telor. Saya minta maaf.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tak apa Y.B. Penaga kawan lama saya, saya bagi.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Pasal *you* tanya saya, saya jawablah. Y.B. Dato' Speaker saya tengok isu ini bukan apa sangat tau.....(gangguan).

Ahli-ahli Kerajaan:

Hooooo.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tengoklah, hoooo. Saya cakap hormatlah, sat lagi saya tunjuk punggung baru tahu. Ini saya tengok yang bangkit semua itu kaum India, ini *election* dah dekat bila pilihan raya dah nak hampir tiba, tengok tadi mengatakan kaum India sudah ramai yang datang balik menyokong Barisan, ini *create* satu isu. Tadi Y.B. Batu Uban dah jawab dengan begitu panjang lebar, bukan Telok Bahang, dia berasa kesal kerana tindakan dia kesal kerana tindakan pegawai yang ambil tindakan itu, dia kesal dan dia akan bawa ke *board membe*r jadi menunjukkan dia tak mahu minta maaf, duk tekan apa lagi dia tak mahu minta maaf.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Untuk rekod dia tidak mahu minta maaf.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Dia tak mahu minta maaf....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Untuk rekod.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bagilah saya bercakap.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tak jelas tadi.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tolong, ini *floor* saya, saya diam tadi. okey sekarang dia tak mahu minta maaf, habis nak tekan apa, nak rekod, nak rekod apa, ini dalam hansard akan masuk kerana dia akan menguruskan menyelesaikan cara dia sendiri sebagai pengerusi PPSB, cara dia sendiri janganlah *put worth into his mouth* …..(dengan izin), beri kesempatan kepada dia. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Minta laluan, satu minit saja.

Y.B. Dato' Speaker:

Seri Delima ada 15 minit saja lagi, tak bagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Okey Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker saya ingin membawa kembali sikit iaitu di kampung Bagan Serai ada satu kuil India, pada masa itu Pegawai Kerajaan nak pi runtuh, saya pi berdiri depan, jangan runtuh ini rumah ibadat sebagai seorang

UMNO maknanya kami ini di dalam Barisan Nasional hak-hak sensiviti agama ini kita pertahan tak kira siapa, sama ada dia Hindu, Buddist, Kristian dan sebagainya pasal itu di Seberang Jaya semua ada kuil India, kuil Hindu, kuil Church Christian semua, jadi kita punya Telok Bahang tadi dah kata benda ini akan diselesaikan dan akan bagi alternatif, *why not give soft good thing, is good spirited .* Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya teruskan, *sorry,* Yang Berhoramt dalam perkara ini, saya tertarik dengan jawapan Y.B. Penaga, tapi beliau masih Yang Berhormat masih belum menjawab soalan saya. Persoalan saya adalah apakah pendirian rasmi Barisan Nasional, jangan kita cakap tentang isu meroboh dan sebagainya, kita tidak mendengar sehingga hari ini apa-apa kenyataan akhbar dibuat, apa-apa bantahan dibuat, cuma yang kita lihat ini pak turut MIC yang kecil-kecil yang pergi buat kenyataan di situ dan sebagainya, bahawa akan diuruskan, akan diselesaikan mengapa tidak ada sebarang pendirian diambil oleh..... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, saya mewakili 11 di sini, tadi saya kata kita percaya kepada pengerusi untuk menyelesaikan masalah itu, itu pendirian kami, kami akan selesaikan melalui Y.B. Telok Bahang. Itu pendirian. Bagi saya, saya bangun dan respon, itu pendirian kami tidak minta maaf, kalau didesak oleh itu, biar Telok Bahang pengerusinya akan selesaikan masalah itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat membuat kenyataan itu di sini saja, selepas perkara itu dipersoalkan, bukankah itu lewat, ada kelewatan, kalau kita betul-betul mendokong prinsip 1Malaysia, sepatutnya bila perkara ini berlaku Yang Berhoramt sendiri turun ke padang dan membuat sidang akhbar, tidak begitu betul tidak Y.B. betul tidak setuju tidak, sila.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Jangan tanya begitu sebab kami mempunyai keyakinan kepada pengerusi kami iaitu Telok Bahang akan selesai masalah. Kalau dia tak selesai, kami juga akan menegur dia. Saya sendiri akan tegur dia, mengapa biarkan begini sebelum pilihan raya dia akan selesai. Apa nak lagi. Tak tahulah sebelum pilihan raya.....(ketawa), saya tak kata esok pilihan raya, sebelum pilihan raya.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong bagi laluan, Y.B. Dato' Speaker, saya rasa tadi apa yang saya dengarkan kita punya Y.B. Telok Bahang, dia bekerja menurut kehendak pengurus dia. Apa yang saya difahamkan, tadi dari melalui penjelasan dia kan nanti, nantilah orang cakaplah bagilah peluang orang cakap, *you* orang cakap tak ganggu langsung. Tadi bukan apa saya dengar dari hujah dia saya mendapati, yang pengerusi dia lebih buat kerja lebih mengikut kemahuan apa orang bawahan dia, ini adalah satu kelemahan yang saya nampak nanti.... (gangguan), betul tak, belum lagilah minta laluan dulu, nanti, tapi kita tengok yang Seberang Jaya serupa jaguh tapi itu ikhlas ka. Itu cuma main wayang saja atau apa, saya nampak 1 Malaysia punya *stail* kan, sudah buat kah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sudah buatlah, kuil itu ada di situ lagi, tak diruntuh lagi. Ada rekod, terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Ya kah?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker sudah *confirm* Jawi.

Y.B. Dato' Speaker:

Bagi Jawi bagi habis dulu, habis dah.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Saya tak yakin dia akan dapat selesaikan masalah itu. Nanti, apa yang saya nampak dari segi cara perbualan dia bukan dia memang pusing-pusing tak tentu macam seolah nak tapis.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Peraturan-peraturan Y.B. Dato' Speaker, 46.13, menuduh seorang Ahli lain menuduh niat tidak baik, mendakwa Ahli lain di atas satu perkara sebutan diri dia sendiri menggunakan perkataan menyakitkan hati, jadi saya nampak wakil daripada Jawi minta tarik balik lah telah menghina, menyakitkan hati Ahli daripada Telok Bahang dengan mengatakan Ahli daripada Telok Bahang tidak berkeupayaan untuk menyelesaikan tugas dan tanggungjawabnya. Apa bukti,

apa hujah yang boleh ada yang boleh menuduh, sedangkan Ahli daripada Telok Bahang telah berjanji akan menyelesaikan masalah ini, kita tunggu masalah ini akan selesai. Jadi saya rasa tak sesuai dan tak boleh dan minta Jawi tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Perkataan itu tak adalah menyakitkan apa, pusing-pusing, jadi cukuplah Jawi duduk, Seri Delima ada lima minit kalau topik ini tidak dihabiskan, ada lima minit lagi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Nanti, nanti.

Y.B. Dato' Speaker:

Jawi duduk, kerana Seri Delima ada lima (5) minit saja lagi. Kalau topik tidak boleh dihabiskan, cuma ada lima (5) minit saja lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker saya cuma berkenaan isu ini, ingin merumuskan bahawa sebenarnya apa yang berlaku di Dewan ini pada hari inilah respon yang kita dapat daripada Y.B. Penaga sebagai Ketua Pembangkang, Y.B. Telok Bahang dengan jelas menunjukkan bahawa sebenarnya janji-janji manis yang ditaburkan oleh Barisan Nasional tentang konsep 1Malaysia, rakyat didahulukan pencapaian diutamakan itu adalah satu temberang, itu jelas menunjukkan sikap, sebab itu kita membawa perkara ini di Dewan ini.

Bercakap tentang isu kedua tentang pembayaran RM500.00 kerana T.Y.T. telah pun menyentuh tentang pemberian bantuan kebajikan kepada rakyat jelata berbanding dengan Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah mulakan perkara ini sejak tahun 2008, kita lihat Barisan Nasional telah pun ciplak konsep ini sejak satu tahun yang lalu, tetapi saya minta Dewan yang mulia ini merakamkan bahawa rakyat jelata yang menerima wang ini sedar malahan kita berterima kasih, bayaran RM500.00 ini cuma adalah satu tektik kotor Barisan Nasional untuk bertanding dengan Pakatan Rakyat. Rakyat sedar mereka membandingkan kita memberi wang itu sejak kita menjadi kerajaan pada tahun 2008, 2009 malahan bantuan itu telah ditambahan pada mula-mula kita memberi RM100.00 kepada warga emas kita menambah peruntukkan itu kepada orang kurang upaya, ibu tunggal, bayaran RM1,000.00 kepada penuntut-penuntut cemerlang yang melanjutkan pelajaran di Universiti. Bantuan-bantuan ini daripada selain daripada

sumbangan-sumbangan kebajikan lain yang diberikan oleh tiap-tiap Y.B. begitu meyakinkan rakyat bahawa satu era baru telah bermula di mana Kerajaan Pakatan Rakyat memang prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata. Saya fikir pada mulanya rakyat akan tertarik dengan bayaran RM500.00 yang diberikan oleh Barisan Nasional Kerajaan Persekutuan, tetapi ianya telah menyedarkan mereka sejak 50 tahun pemerintahan Barisan Nasional inilah kali pertama wang itu dihulurkan sebagai bantuan dan bukan dengan niat ikhlas.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Nanti, nanti, bukan dengan niat ikhlas seperti yang saya katakan tadi, saya mempunyai bukti di kawasan saya sendiri bahawa pemimpin MIC, MCA, GERAKAN, UMNO yang menjadi *the front line* ….(dengan izin), maksudnya orang-orang yang diberikan keistimewaan untuk menerima bantuan tersebut. Terdapat suri-suri rumah yang tidak bekerja mempunyai masalah buah pinggang, perlu pergi untuk mendapat rawatan *dialysis* yang memohon tetapi tidak diberikan bantuan tersebut, kerana persoalan pertama yang ditanya bila seseorang pergi mendaftar untuk mendapat bantuan ini, adakah tuan puan ahli mana-mana badan parti politik, persoalan ini ditanya dan saya menjawab kalau persoalan ini tidak ditanya sewaktu pendaftaran dibuat sila nafikan di Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, terima kasih Ahli dari Seri Delima pertama sekali air buah, sekali pantai berubah, jadi apabila Y.A.B. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak ambil alih teraju sebagai Perdana Menteri, sebagai Perdana Menteri yang baru, maka dia ada cara dia yang tersendiri sebab itu apabila dia mengatakan Gagasan 1Malaysia, rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan dia merencanakan sesuatu yang ada *touch point* kepada rakyat, tak ada langsung ciplak, tak ada langsung tiru kerana pemberian dia yang berlainan bila buka sekolah dia bagi RM100.00 kepada semua, yang ada 10 orang anak RM1000 yang ada 3 orang anak RM300 bukanlah macam Kerajaan Negeri nak bagi Tingkatan 1 dan berapa bulan 5 dah nak beli buku sekolah lah apa pun kita tak tau, *so* makna kita tak ciplak satu.

Nombor dua apabila kita bagi wang RM500.00 tidak ada syarat yang dibagikan melalui *income tax* dia tak ada kena mengena langsung, kerana salah satu badan saja yang mengendalikannya sebab itu mungkin lepas ini Yang Amat Berhormat mungkin akan bagi lagi apa kita pun tak tau sebab Y.A.B. Perdana Menteri ini dia duduk di mana-mana kementerian rekod dia adalah kebajikan, pekerja dia duduk di Kementerian Pertahanan dia jaga dan sebagainya kerana dia adalah seorang Perdana Menteri yang berjiwa rakyat, sebab itulah kita dapat lihat apabila kepimpinan Y.A.B. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib telah mengambil alih, segala-gala perkara yang telah dilakukan 40-50 tahun dilakukan sekarang kerana siapa, kerana Y.A.B. Datuk Seri Najib seorang Perdana Menteri Malaysia yang prihatin.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya akui memang perkara-perkara yang tak pernah dilakukan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Seperti cincin RM24 juta memang tak pernah dilakukan. Rasuah melibatkan *Feed Lord Corporation* memang tak pernah dilakukan memang saya setuju. Rasuah melibatkan *submarine scorpion* memang tak pernah dilakukan. Kalau kita hendak bandingkan. Betul atau tidak Yang Berhormat setuju atau tidak? Setuju tidak perkara-perkara ini tak berlaku? Setuju tidak? *Of course* pembunuhan Altantuya kita pun tak tahulah siapa yang terlibat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Y.B. Dato' Speaker, saya rasa apa yang disebut oleh Seri Delima sudah melampaui batas. Apa perkara-perkara yang tidak dibuktikan

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Apa peraturan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya

Ia Peraturan 46 (xiii). *You* tengoklah sendiri, baca sendiri.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Apa peraturan baca dahulu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Mendakwa menuduh atau menggunakan perkataan yang menyakitkan hati, perkara ini menyakitkan hati saya tahu. Dalam hal ini apa yang saya amat terasa ialah bila Ahli Seri Delima menyebutkan perkara-perkara yang tidak sahih dan tidak pernah dibuktikan dengan secara undang-undang. Jadi itulah satu pertuduhan dan fitnah, saya nak tanyalah wakil dari Seri Delima, Yang Berhormat masa belajar pernah dapat biasiswa dari mana-mana tak? Belajar sendirilah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Biasiswa bapa saya sendiri. Satu sen pun tak guna duit Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Tak apa, tak apalah duduklah. Okey, sekolah yang saudara sekolah dulu di mana? Sekolah rendah dulu di mana?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sekolah Rendah Kebangsaan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Itu bukan sekolah Barisan Nasional buat dulu? Kementerian Pelajaran itu bukan bawah Kerajaan Barisan Nasional?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Bapa saya bayar *tax.*

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Tax yang bapa awak bayar tu tak cukup tau nak bayar nak biaya gaji guru..(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Mak saya bayar cukai, bapa saya bayar cukai.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat, sudah, cukuplah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Bukan sekolah Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Yang penting sekarang Kerajaan Barisan Nasional, tidak pernah ciplak program apa yang dikatakan yang dibuat oleh Pakatan Rakyat. Apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional satu yang berlainan dan satu yang baru.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya setuju.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Bagi saya habis dulu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Memang itu saya setuju. Itu memang saya setuju.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Yang paling penting sekarang...(gangguan). Duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Memang itu saya setuju.

Y.B. Dato' Speaker:

Sudahlah, cukup.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Duduk.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Permatang Berangan cukuplah. Nanti guna masa perbahasan nanti. Permatang Berangan duduk dulu. Jadi boleh gulunglah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, sikit sahaja lagi dua perkara yang saya nak sentuh. Pertama tentang kejadian baru-baru ini berbalik kepada isu yang berlaku ketika seminggu dua iaitu semasa perhimpunan *Lynas* dan saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini. Tanya kepada Yang Berhormat Telok Bahang, tadi saya tidak berkesempatan, saya lupa nak bahas, benarkah bahawa pemuda-pemuda UMNO ini yang datang dari Negeri Sembilan telah ditaja oleh Yang Berhormat Telok Bahang itu pertama, yang kedua penginapan mereka telah dibayar oleh Yang Berhormat Telok Bahang?

Dan adakah benar Yang Berhormat Telok Bahang mengetahui mereka akan datang ke perhimpunan tersebut untuk mengacau ganggu, menyerang, mengugut Ketua Menteri. Menurut laporan dalam laman web dan kenyataan-kenyataan beberapa peserta dalam kumpulan tersebut, mereka mengatakan Yang Berhormat Telok Bahang memang mengetahui tentang perkara ini. Saya amat terkejut kerana perkara ini adalah satu keterlaluan yang tidak sepatutnya berlaku Yang Berhormat. Kalau betul ia berlaku, di sini di Dewan yang mulia ini adakah Yang Berhormat menafikan perkara tersebut? Minta maaf jika tidak berlaku nafikan. Kalau tidak berlaku menafikan, minta maaf.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

YB. Dato' Speaker, tetamu datang ke tempat kita datang ke rumah kita sebagai *courtesy* mereka datang ke BTN mereka tak dibayar tak kena duit. Saya tak bayar. Tentang mereka nak pergi ke *speaker's corner* Padang Kota. Pagi itu mereka bergotong-royong tolong cuci kawasan sekolah. Sekolah agama cuci dan saya pun tinggal majlis. Selepas itu saya pun tak tahu apa yang terjadi. Saya tak tahulah selepas itu. Katanya nak tengok *speaker's corner* tak ada di Negeri Sembilan. Di sini nak tengok *that's all*.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jadi Yang Berhormat setuju yang Yang Berhormat tinggalkan premis Yang Berhormat menuju ke *speaker's corner*?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

I left earlier.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tadi Yang Amat Berhormat ada mengatakan mereka ke situ mereka nak ke *speaker's corner.*

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Anak muda nak tengok anak muda nak bercakap dan saya tak suruh buat kerja-kerja tu dan saya difahamkan mereka pulang sebelum *incident* itu berlaku. Mereka balik dah. Jika ada yang mengaku mereka yang lakukan saya tak yakin mereka ini displin datang dengan motor dan bukan lelaki sahaja malah wanita pun ada. Saya tak yakin mereka sanggup terlibat mereka datang dari jauh. Buat apa mereka terlibat dengan hal Pulau Pinang. Dan saya tak yakin mereka terlibat dan mereka bergaduh hari itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Adakah Yang Berhormat setuju Yang Berhormat tidak menghasut mereka?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya dah berpuluh tahun lebih dah, takkan saya nak tipu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya tengok dalam laman web mereka menyatakan yang Yang Berhormat minta mereka datang ke situ.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Laman web? Siapa yang kata macam itu? Siapa yang tulis? Yang Berhormat percaya semua ke? Laman web itu. Kita kena nilai sendiri lah. Saya tak baca saya tak tahupun.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tapi setujulah bahawa mereka ke situ dan bermalam datang ke sana. Tak apalah saya cuma.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Tak apa cuma lain kali Yang Berhormat ambil bulat-bulat baca dan nilai dulu sebelum bercakap.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Telok Bahang sudahlah. Duduk cukuplah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Nak cakap berkenaan cincin. Cincin RM24 juta saya tanya kedai cincin tu permata besar tu besar dia kata. Jadi maknanya Datin Rosmah dia pakai dia kena bawa macam tulah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Boleh saya respon Yang Berhormat? Sehingga hari ini isteri Najib atau Najib sendiri tak pernah buat laporan di atas laman web tersebut, laman web itu yang mendedahkan pengistiharan borang kastam yang jelas menunjukkan siapakah orang yang membawa cincin tersebut. Adakah UMNO atau Perdana Menteri atau isteri membuat laporan di atas laman web tersebut sehingga hari ini?. Tidak ada Yang Berhormat. Jadi saya setuju perkara-perkara ini tidak pernah dilakukan Perdana Menteri-Perdana Menteri sebelum-sebelum ini dan ini *unprecedented* erti kata yang lain dia akan membenarkan isteri dia membelanjakan wang sebanyak RM24 juta tapi bagi tujuan membelanjakan rakyat cuma RM500 sahaja.

Never mind its not the issue here saya teruskan akhir sekali Y.B. Dato' Speaker, berkenaan kejadian gempa bumi yang berlaku baru-baru ini. Kita lihat di Pulau Pinang sekarang kita terdapat banyak *sky scrapers* bangunan-bangunan yang telah dibina. Bangunan-bangunan banyak dibina di persisiran pantai. Kalau kita lihat di Batu Feringghi, Tanjung Bunga, Gurney Drive ada kondo-kondo lumayan *high end condos* dibina 20 tingkat 30 tingkat dan sebagainya. Persoalan saya kepada Exco-Exco terlibat adakah bangunan-bangunan ini mempunyai *incorporate* ciri-ciri keselamatan seperti dibina di Korea Selatan, Jepun dan Taiwan.

Kerana laporan di surat khabar kelmarin dulu dan minggu-minggu sebelum ini meminta supaya kita berwas-was bersedia dengan satu lagi gegaran yang akan berlaku dan kejadian yang berlaku baru-baru ini telah berlaku selama lebih kurang 1, 2 minit kita dapat merasakan gegaran itu berlaku dan ini adalah isu saya minta supaya Exco-Exco terlibat memberi

perhatian kerana dengan pengiktirafan *liveable city* kita mahu lebih *modern city as well* as ...(dengan izin), memastikan bahawa bangunan-bangunan bakal dibina sedang dibina atau bangunan sedia ada mempunyai ciri-ciri keselamatan untuk memastikan keselamatan semua penduduk-penduduk di situ. Saya mohon mencadangkan.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya ada Ahli Yang Berhormat menyokong?

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Y.B. Speaker saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan dengan ucapan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Assalamualaikum, Y.B. Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri I dan II, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, dan Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian. *Alhamdulillah* mari kita sama-sama memanjat syukur kepada Allah Ta'ala kerana memberi kita kesempatan kepada kita semua untuk berkumpul di Dewan yang mulia ini bagi membincangkan isu-isu dan pembangunan Negeri mahupun negara.

Y.B. Dato' Speaker, sebelum memulakan ucapan saya ingin saya mengucapkan tahniah kepada pengajur serta BERSIH 3.0 duduk dan bantah baik di Kuala Lumpur mahupun Pulau Pinang bagi membantah sistem pilihan raya kotor sebagaimana yang diamalkan. Himpunan aman ini telah membuka mata seluruh rakyat Malaysia untuk menilai ketulusan Kerajaan Pusat dalam melayani rakyatnya. Namun kita sedikit kesal dengan tindakan kasar pihak Polis di Kuala Lumpur dalam mencetuskan suasana huru hara dan kelam kabut sehingga mencederakan peserta wartawan dan pihak Polis sendiri. Tapi kita perlu memuji pihak Polis di Negeri ini yang menjalankan kerja kepolisian dengan begitu baik sekali dengan menjaga peserta perhimpunan BERSIH 3.0 dengan baik sekali. Inilah yang sepatutnya berlaku di seluruh negara.

Saya mencadangkan pihak Kementerian Dalam Negeri mengkaji semula tatacara tugas yang perlu dijalankan dan dilakukan oleh pihak Polis dan anggota keselamatan yang lain dalam menghadapi situasi perhimpunan aman seperti ini. Sebagaimana layanan mesra mereka baik dan berhemah yang diberikan kepada pendemo-pendemo Barisan Nasional seperti PERKASA dan lain-lain.

Y.B. Dato' Speaker, saya amat teruja dengan apa yang dipelajari dan ditekankan oleh Tuan Yang Terutama Tun berkaitan dengan kemajuan di dalam ucapan perasmian beliau tempoh hari, ini kerana ianya melambangkan betapa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat pimpinan Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng selaku Ketua Menteri mempunyai perancangan dan wawasan yang cukup baik untuk rakyat Negeri kita ini.

Tuan Yang Terutama Tun telah menyentuh semua aspek yang perlu dimainkan peranan oleh Kerajaan Negeri dan penjawat awam serta pasukan keselamatan. Walau bagaimanapun saya tak bercadang dan menyentuh ucapan oleh T.Y.T. tetapi memadai menyentuh butiran yang dapat diketengahkan di Daerah Seberang Perai Selatan khususnya. Seberang Perai Selatan yang mempunyai keluasan meliputi 24,408.06 hektar persegi adalah sebuah daerah yang mempunyai kepadatan penduduk yang agak kurang, berbanding daerah yang lain di Pulau Pinang. Ini disebabkan oleh topografi SPS yang agak jauh dengan Pusat Pentadbiran Pulau Pinang. Ini ditambah pula tumpuan prasarana pusat perkembangan ekonomi tidak melebar ke SPS sejak dari 54 tahun.

Y.B. Dato' Speaker, mengenai pembangunan industri dan pelaburan apa yang dilakukan oleh Barisan Nasional dahulu kurang melimpah ke SPS saya suka mencadangkan serta menawarkan SPS sebagai tapak industri dan pelaburan asing terutamanya dalam industri Halal Penang sebagaimana yang disentuh oleh Yang Terutama Tun. Dengan adanya industri halal di SPS maka perkembangan ekonomi lebih pesat di era Pakatan Rakyat berbanding dengan apa yang telah ditawarkan oleh BN dahulu. Peluang pekerjaan akan lebih banyak oleh anak muda dan lepasan sekolah yang rata-rata menganggur dan bekerja di Bayan Lepas, Perai, Kulim atau di Parit Buntar. Demikian juga dengan Penang International Halal Hub Expo, Halal Expo and *conference* boleh juga dijalankan di SPS boleh digunakan di Stadium Batu Kawan sebagai pusat pameran dan persidangan. Saya yakin bahawa SPS mampu mengendalikan program besar seperti ini sekiranya diberi tanggungjawab untuk melaksanakannya. *Insya-Allah.*

Mengenai pengangkutan dan pengurusan lalu lintas kajian pelan induk pengangkutan dan kajian pengangkutan air yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan *Northern Corridor Implementation Authority* dapat menyelesaikan permasalahan pengangkutan dan lalu lintas di Pulau Pinang. Namun satu perlaksanaan yang menyeluruh oleh Kerajaan Negeri. Supaya tidak kelihatan tertumpu di kawasan bandar dan pinggir bandar sahaja meskipun kesesakan di lihat berlaku di kawasan bandar dan pinggir bandar.

Tetapi kelancaran perjalanan serta memendekkan perjalanan dari setempat ke setempat juga adalah perkara yang perlu dilihat dengan teliti. Di sini saya suka menyarankan supaya dipercepatkan kajian dan pembinaan sebuah jambatan penghubung di antara KADUN Sungai Acheh dan Pekan Nibong Tebal KADUN Jawi. Melalui Jalan Victoria merintangi Sungai Kerian di Tanjung Rembang dengan segera. Kini jambatan ini akan memberi banyak manfaat dan kemudahan serta menjimatkan masa dan petrol kerana memendekkan jarak sejauh 4.2 kilometer. Malah dengan adanya jambatan ini akan memastikan dan memesatkan lagi perkembangan Nibong Tebal serta mengurangkan kesesakan jalan raya di Jalan Persekutuan.

Y.B. Dato' Speaker, mengenai pembangunan pertanian dan asas tani, dalam aspek berkaitan, saya amat berbangga dengan pencapaian Jabatan Pertanian Pulau Pinang mencatat pengeluaran padi tertinggi Malaysia, tertinggi di Malaysia sebanyak 54 tan metrik/hektar serta mensasarkan 6.5 tan metrik/hektar pada 2012 dengan program-program yang diperkenalkan ianya kini sasaran tersebut akan dapat dicapai. Malah kemungkinan akan dapat mengatasi sasaran dalam aspek pengeluaran padi SPS adalah salah satu daerah penyumbang kepada pengeluaran tersebut dengan keluasan tanah dan sawah seluas 1,365.0 hektar yang berpusat di KADUN Sungai Acheh.

Saya suka mencadangkan keluasan tanah ini dikekalkan oleh Jabatan Pertanian agar industri tanaman padi akan dapat bergiat cergas dalam menyumbang kepada keperluan beras negara. Selain itu keseluruhan keluasan tanah pertanian di SPS ialah seluas 9,542.85 hektar pada tahun 2008 dikhuatiri semakin mengecil dengan adanya pembangunan yang semakin pesat di kawasan pertanian. Saya tidak bermaksud menghalang pembangunan yang dijalankan di SPS tetapi ianya perlulah memusarkan supaya di sesuatu kawasan pertanian tidak terpecah-pecah kepada beberapa bahagian yang akan menyebabkan kesukaran sistem pengairan dan mengurangkan pengeluaran. Dengan ini disarankan supaya Jabatan Pertanian menjalankan kajian sistem pertanian berpusat bagi mengkhususkan jenis pertanian di suatu kawasan dan bagi memudahkan pertanian dijalankan.

SPS menawarkan Jabatan Pertanian Negeri kawasan ternakan kerang merupakan salah satu hasil laut yang mendatangkan pendapatan lumayan. Namun rombakan menyeluruh oleh Kerajaan Negeri berkaitan dengan hak kawasan ternakan yang ada sekarang bagi memberi peluang kepada lebih ramai nelayan menjalankan aktiviti ternakan berbanding monopoli sesetengah pihak sahaja. Difahamkan kawasan ternakan tersebut meliputi melebihi 1000 hektar di SPS jika ditangani lebih cepat maka ianya memberi peluang lebih kepada nelayan jadi disarankan supaya melakukan proses pemetaan semula kawasan tersebut untuk mendapatkan ukuran yang sebenar.

Y.B. Dato' Speaker, mengenai perumahan saya mewakili penduduk SPS amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah menempatkan 11,800 unit rumah mampu milik di SPS iaitu di Batu Kawan di mana ianya di dalam proses pembinaan. Saya bersyukur kerana dengan adanya projek ini akan melegakan hati rakyat yang tidak mampu memiliki rumah kerana kesempitan hidup meskipun tidak mampu menampung keseluruhan rumah di SPS namun ianya sudah pasti dapat menawarkan kelegaan di kalangan rakyat. Y.B. Dato' Speaker, pembangunan pesat perumahan di SPS amat kami alu-alukan dengan ungkapan *Alhamdulillah* dan terima kasih namun di sebalik pembangunan yang pesat ini ingin diingatkan juga tentang kawalan undang-undang dilaksanakan tegas dan sejujurnya.

Ini adalah kerana pelanggaran undang-undang oleh pemaju berkaitan pengangkutan tanah merah berleluasa sehingga membangkitkan kemarahan rakyat. Rakyat tidak marah kepada program pembangunan kerajaan malah mereka amat mengalu-alukannya tetapi rakyat marah tentang sistem undang-undang tidak dilaksanakan sehinggakan menyebabkan kemalangan meragutkan nyawa. Membiarkan lori mengangkut tanah membawa muatan yang lebih dengan kelajuan yang tinggi adalah amat keterlaluan, oleh yang demikian semua pihak yang terlibat perlu memainkan peranan masing-masing dalam mengatasi masalah ini bagi membangunkan pembangunan bagi memanfaatkan baik bagi kerja-kerja dijalankan atau sedangkan mahupun setelah siap dibangunkan.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan projek perumah rakyat termiskin di Kepala Gajah Indera Timbalan Fasa II yang juga dalam pembinaan. Sekarang Fasa II dalam pembinaan. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang meluluskan peruntukan yang agak besar untuk projek ini. Untuk dua-dua perumahan ini yang lama dan yang baru Fasa I yang telah diduduki dan saya sarankan supaya projek ini setelah siap nanti ditawarkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan dengan menggunakan sistem sewa beli.

Penyewa membayar bayaran bulanan sehingga menjadi hak miliknya. Jika ini dilakukan saya yakin rakyat merasa lega malah berterima kasih kepada Kerajaan Pakatan Rakyat ini yang lama tu duduk sahaja. Sewa pun ada yang tak bayar jadi bila rosak jadi kita nak fikir bagaimana nak baiki jadi mereka sewa kah?, hak milik sendiri kah tak tahu. Sekarang kita kena fikir bagaimana nak jadi hak milik dan buat syarat dan bila agak senang keluar dan bagi susah balik jadi rumah pun tak ada. Jadi kita kena fikir kaedah baru bagaimana mereka boleh membina membayar sewa dan bagaimana nak menjadi hak milik. Saya juga amat berterima kasih Kerajaan Negeri melalui Timbalan Ketua Menteri I yang telah merencana, mendapatkan pemilikan tanah PPRT di Sungai Chenaam. Saya yakin rakyat merasa amat lega dengan kedudukan tanah yang mereka duduki setelah selesai proses yang telah dijalankan nanti. *Insya-Allah.*

Menyentuh tentang perumahan mampu milik. SPS menawarkan mana-mana tanah Kerajaan Negeri di SPS terutamanya untuk dibangunkan rumah mampu milik untuk penduduk setempat yang masih tidak mempunyai rumah kerana kesempitan hidup dan projek Batu Kawan tengok mana-mana ada tanah kerajaan, yang terpinggir itu jadi kita bangunkan rumah melalui projek bagaimana kita bagi orang-orang yang tak mampu beli orang miskin khususnya duduk atau ada rumah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Dato' Speaker, saya minta laluan, tadi Yang Berhormat ada sebut, kata Yang Berhormat Penanti akan memberi tanah PPRT di Sungai Chenaam?

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Bagi hak milik.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bagi hak milik ertinya tak payah beli langsung.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Ini projek lama, nanti Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tanya Yang Berhormat, adakah diberi hak milik percuma atau kena bayar? Yang mana Yang Berhormat tak boleh jawab. Yang mana yang lebih suka bagi percuma atau kena bayar.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Ini kena ikut peraturanlah, maksudnya kena bayar dia punya premium atau apa ka kita kena bagi dekat orang tu kena ada hak miliklah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kena bayarlah? Saya tanya sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Y.B. Dato' Speaker, menyentuh tentang perumahan mampu milik SPS, saya juga ingin menawarkan mana-mana tanah kerajaan sebagaimana yang saya sebutkan tadi, dibangunkan untuk rumah mampu milik untuk penduduk setempat yang masih tidak mempunyai rumah kerana kesempitan hidup. Oleh itu disarankan supaya Kerajaan Negeri memulakan melakukan carian melakukan kajian berkaitan kesesuaian melakukan projek tersebut. Kami juga sudi untuk menghulurkan tangan untuk membantu mendapatkan peserta yang layak untuk ditawarkan perumahan yang bakal dilaksanakan. Yang saya kata berlainan dari projek di Batu Kawan itu, seperti mereka-mereka yang ada di sungai itu kita boleh pindah ke tempat yang jauh, jadi mereka kata tempat mata pencarian kami di sini dan jika kita dapat mencari tanah-tanah berdekatan dengan membangunkan dapat buat projek perumahan yang berdekatan di situ.

Y.B. Dato' Speaker menyentuh Kampung Tradisional Melayu oleh kerana jawapan yang diberikan tadi menyebut tentang kuasa kewangan yang besar yang Kerajaan Negeri tak mampu, kecuali bila kita dapat memerintah peringkat Pusat, mungkin boleh kita lakukan. Saya suka cadangkan begini itu semua badan kewangan tidak kiralah sama ada kita nak bagi satu tanggungjawab kepada PDC atau mana-mana yang munasabah, kita mengenal pasti kampung-kampung orang Melayu ini, kita ukur dia punya keluasan dia, kita nilai, kemudian kita buat satu bentuk kampung yang tersusun. Kalau si “A” ini dia ada dua (2) ekar anak ada dua (2) orang dua (2) ekar mungkin kita boleh bagi plot jadi sampai lapan (8) orang. Jadi dia ada dua (2) orang dia duduk dua (2) lot sahaja. Yang lain kita boleh bayar ganti rugi dan kita tawar pada orang lain. Dalam satu-satu lot lebih kurang ada suku ekar bagi orang lain duduk.

Bagaimana yang berlaku sekarang ini dia boleh tanam juga rambutan ka, sawah ka ciku ka dan sebagainya jadi macam kampung tapi tersusun, ada paip bomba ada kemudahan-kemudahan seperti perkampungan, hari ini perkampungan baru *steady* tak ada masalah. Tapi kampung orang Melayu ini, orang ni jual seekar, kawan tu jual seekar sekeping, lama-lama habis. Mai 50 tahun ke depan dah tak ada. Jadi semua duduk panjat di flat-flat sahaja. Di kampung habis terus dah jadi dapatkan satu tanah yang besar kita nilai kita buat pemetaan, Lepas itu kita tawarkan, jadi kalau tuan rumah tu ada tinggal dua (2) lot saja dan nak bagi orang duduk itu terpulang pada dia kalau tak mahu bagi duduk pastu dia duduk tanam pokok-pokok jadi kita masuk satu-satu kampung ada pokok ada rumah inilah perkampungan tradisional Melayu. Mengenai nak buat dia punya sumber pendapatan ekonomi dia, nak buat kilang kecil itu terpulang pada keadaan cuma setiap orang ada lot-lot, sehektar-sehektar lebih kurang begitulah kalau sehektar boleh duduk empat (4) orang ada anak sepuluh boleh duduk dua (2) hektar setengah, yang lebih daripada itu dia nak jual asal nak bayar ganti rugi pada dia terserah. Ini saya punya cadangan kalau dapat kita satu jumlah wang yang besar *insya-Allah* kita buat.

Seterusnya kebajikan, kesihatan dan kemiskinan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat telah menjayakan program kebajikan rakyat melalui Program Penghargaan Warga Emas, Program Sumbangan Pelajar IPTA, Program Anak Emas, Program Takaful Waris Warga Emas, Program Ibu Tunggal, Program OKU dan terkini Program Pelajar Emas Tahun 1 dan 4 bagi Sekolah Rendah dan Tingkatan 1 dan 4, bagi Sekolah Menengah.

Tetapi agak malang sekali apabila Program Pelajar Emas tidak mendapat kerjasama daripada Jabatan Negeri mula-mulanya katanya diberi kemudian dapat turun wahyu dari Kuala Lumpur kot, jadi jangan bagi kerjasama sebab itu kita pergi keesokan harinya ke sekolah-sekolah untuk dapatkan senarai, guru besar dan pengetua tak mahu bagi kerana dapat arahan, kami tak boleh bagi senarai ini sebab itu, memekaklah, memekiklah orang kampung ada anak-anak dia orang nii nak pergi ke mana, jadi timbul macam-macamlah. Yang kita boleh kata setiap hari di pejabat kita menjawab pertanyaan-pertanyaan itu.

Sekolah-sekolah SK dan sekolah-sekolah menengah telah diarahkan tidak melibatkan diri dalam program tersebut termasuk tidak menyediakan senarai pelajar sekiranya diminta oleh ADUN atau penyelaras KADUN kawasan masing-masing. Kami merasa amat kesal dengan keadaan tersebut kerana ianya seperti menafikan hak pelajar dan ibu bapa yang amat

memerlukan bantuan dari pihak berwajib baik Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat jadi tinjauan yang dijalankan mendapati rata-rata rakyat Kerajaan Pakatan Rakyat yang melakukan pelbagai perubahan bagi merubah nasib rakyat dengan kesungguhan dan keikhlasan Kerajaan Pakatan Rakyat ini telah memberi tekanan kepada Kerajaan Pusat sehingga mula meniru pelbagai program dengan memberi bantuan kepada pelbagai golongan termasuklah yang terbaru ialah Bantuan Rakyat 1Malayisa yang dilihat lebih kepada sokongan atau umpan menjelangnya pilihan raya ke-13. Ini menunjukkan ketidakikhlasan Kerajaan Barisan Nasional berbanding Kerajaan Pakatan Rakyat dan rakyat sedar akan keadaan ini kerana segala yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang telah diceduk dari buku jingga Kerajaan Pakatan Rakyat.

Berkaitan usaha Kerajaan Negeri dalam Program Mikro Kredit melalui Penang Development Centre (PDC) bagi menangani permasalahan yang dialami oleh mereka yang baru menceburi dalam bidang perniagaan agar diluaskan bidang-bidang yang lebih seperti pertanian, perternakan dan seumpamanya. Ini kerana bidang ini juga memerlukan bantuan modal untuk memulakan projek kecil-kecilan sebelum bertapak kukuh.

Y.B. Dato' Speaker, untuk semua program sumbangan sama ada oleh Y.B. Exco Kebajikan PUZ mahupun Skim Pinjaman Mikro Kredit, saya mencadangkan supaya dijalankan sistem yang lebih kepada mendidik rakyat bagi mencari untuk jalan berdikari disamping mendapat bantuan program-program yang kebajikan Kerajaan Negeri. Dengan cara ini maka rakyat dapat dikeluarkan dari garis kemiskinan tegar dengan lebih mudah jadi kita bagi saja kemungkinan kita kena buat majlis, kumpul senarai nama ada pada kita, kita kena bagi kursus kita bagi motivasi, hari ini kita bagi esok mereka sudah tak perlu lagi, kita kena tunjuk cara bagaimana cara mereka nak guna dengan modal pinjaman atau sumbangan yang diberi, jadi begitu kita kena lebih tambah lagi aktiviti kepada mendidik. Saya selaku pengerusi untuk diri saya Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Majlis Agama Islam sedang merancang menubuh sebuah institut latihan dakwah yang dikenali sebagai Institut Dakwah Pulau Pinang jadi sekarang ini sudah ada di peringkat 60% kita telah berbengkel beberapa kali dan belajar sedikit daripada ILIM bagaimana kita nak tubuhkan sebuah institut latihan seperti itu dan *insya-Allah*...(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Minta sedikit penjelasan Y.B. Boleh saya tahu dalam misi dakwah ini apakah langkah-langkah diambil kerajaan untuk mengekang tentang fahaman Syiah dan Wahabi yang sekarang ini berleluasa di Pulau Pinang ini. Apakah pendekatan kerajaan yang telah diambil itu?

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Tadi saya cakap tentang institut itu baru dalam perancangan atau dalam orang kata pa bentuk kertas kerja baru, bila kita siap esok ada bangunan ada petugas kita akan sediakan program..(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Sebagai Pengerusi dakwah....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Sekarang ini, ya Pengerusi dakwah lah yang dok cakap ni. Jadi kita rancang satu hari bila ada institut itu kita akan buat semua program la meliputi motivasi, agama dan semua-semua sekali, orang kata apa pengurusan dan semua sekali, hari ini kita Kerajaan Negeri tidak ada satu pusat satu tempat untuk kita adakan kursus, kalau kita buat kursus pun secara berasingan Exco itu buat Exco ini buat tempat kita buat di Tabung Haji, orang kata apa Dewan Sri Pinang dan segala macam ya, dan bila kita ada institut itu satu pusat satu penempatan yang lengkap dengan asrama, dengan dewan bengkel kita kan buat *insya-Allah* meliputi semua dan pada masa itu pendidikan maksudnya yang saya sebut tadi terdapat dalam itu.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Dato' Speaker, kebetulan Yang Berhormat sebagai Pengerusi dakwah sedarkah Y.B. bahawa di Kampung Changkat akan sekarang ini bermula sekolah dan apakah tindakan Yang Berhormat selaku Pengerusi Dakwah bagi menyelesaikan masalah ARQAM yang mula menjalankan semula aktiviti nya itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Mengenai apa-apa yang terjadi dalam Negeri kita hari ini sama ada ajaran sesat ataupun perkembangan terbaru mengenai agama ke, masih lagi terserah kepada tanggungjawab Jabatan Agama dan Majlis Agama jadi Pengerusi Jawatankuasa Dakwah ini, dia orang kata apa tidak maksudnya sekarang ini kita tidak campur dalam hal itu, dalam mesyuarat kita bagi cadangan saja, idea bagaimana kita melakukannya jadi tindakan penguatkuasa masih lagi terletak dalam tanggungajawab Jabatan Agama.

Jadi itu kemungkinan, dia ada peraturan-peraturan dia kenal pasti, dia orang pergi tangkap ke bawa ke mahkamah, maka nasihat oleh Jabatan Mufti ke ikut keadaan, dia Pengerusi Dakwah tak lah sebenar dan punya sebatalion tentera yang mengambil tanggungjawab yang telah dan sedang diamanahkan kepada jabatan-jabatan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan memandangkan Y.B. Batu Maung ada di sini mungkin ADUN Batu Maung nanti boleh menjelaskan tentang tindakan yang telah diambil Kerajaan Negeri dalam mengekang fahaman Syiah dan Wahabi kerana semakin hari semakin hebat tindakan mereka.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Sungan Bakap, boleh rumus.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Terima kasih sedikit lagi, Y.B. Dato' Speaker, berkaitan pusat dialisis CAT yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri di dua (2) daerah iaitu di Balik Pulau dan Seberang Jaya, saya suka mencadangkan supaya dimasukkan juga SPS dalam senarai Pusat Penubuhan CAT, seterusnya ini kerana pusat dialisis di SPS yang disediakan oleh PUZ dan Hospital Sungai Bakap tidak dapat menampung pesakit di SPS, usaha murni Kerajaan Negeri ini wajar diberi sokongan dan diharap dapat dipercepatkan bagi manfaat-manfaat rakyat terutamanya pesakit buah pinggang. Selain itu, saya amat berterima kasih kepada PUZ kerana telah memberi sumbangan dan bantuan kepada umat Islam yang daif dan kesempitan di seluruh Pulau Pinang dalam usaha menaikkan taraf hidup mereka setara dengan garis kemiskinan kerajaan.

Usaha ini menunjukkan usaha PUZ dalam menangani proses penjenamaan semula yang telah disempurnakan perasmiannya oleh Tuan Yang Terutama pada 26hb. April yang lalu. Dengan penjenamaan PUZ ini akan memberi semangat baru kepada seluruh jentera PUZ yang akan menjurus semangat kepada pembayar zakat untuk mengguna PUZ sebagai amil zakat mereka.

Seterusnya mengenai memartabatkan Islam dalam perkembangan berkaitan Hal Ehwal Agama Islam keprihatinan MMK Agama yang dipengerusi oleh Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim terhadap pembangunan agama Islam melalui peruntukan RM60.34 juta adalah satu yang patut disyukuri kerana sebelum ini Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah selama 54 tahun hanya memperuntukkan sebanyak RM12 juta setahun,

semua orang sedia maklum. Saya amat berterima kasih Kerajaan Negeri telah memilih Sungai Acheh sebagai salah satu kawasan pembinaan masjid baru bagi menampung jemaah yang ramai di sana sekian lama masjid itu tinggal begitu dan akhirnya kita membangun atau memulih semula keadaan semoga.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, sedikit sahaja saya nak tanya, berkenaan pembinaan masjid Yang Berhormat, di kawasan saya juga, saya dapati dua (2) masjid di Taman Tun Sardon dan satu (1) lagi di kawasan Sungai Gelugur dibina semula. Saya lihat teks ucapan Tuan Yang Terutama Tun bahawa ada juga sumbangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan saja sumbangan dari Kerajaan Persekutuan, tetapi Kerajaan Negeri juga telah membuat sumbangan, tetapi saya lihat di tapak pembinaan tesebut, cuma papan tanda satu Malaysia didirikan oleh Kerajaan Persekutuan, ini memberi persepsi bahawa sumbangan dari Kerajaan Persekutuan saja, boleh tak Kerajaan Negeri juga mendirikan papan tanda ditiap-tiap lokasi kerana ini adalah begitu penting kerana penduduk di kawasan tersebut akan mendapat andaian bahawa cuma Kerajaan Persekutuan saja yang memberi sumbangan untuk membina masjid, bolehkah perkara ini diberikan perhatian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Terima kasih nanti Y.B. Exco jawablah. Y.B. Dato' Speaker, sebagai penutup, sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini ingin saya cadangkan beberapa perkara berkaitan apa yang saya bahaskan sebentar tadi.

Pertama, Jabatan-Jabatan Kerajaan Pusat mahupun Negeri hendaklah saling bekerjasama antara PBT Seberang Perai dan PBT Pulau harus mencontohi antara satu sama lain. Semalam saya mendapat satu emel gambar masuk yang membandingkan satu kawasan di Pulau dan satu kawasan di SPS khususnya, minta izin, satu masuk dari Pulau jalan Air Itam cantik sekali, lepas itu dia masuk pula lagi yang SPS punya taman semak sekali jadi satu Negeri, pasai apa MPSP ini MPPP begitu berbeza sekali, sebagai contoh ya, mungkin dia ini Taman Jawi Jaya. Jadi itulah yang saya katakan tadi kedua-dua PBT ataupun Jabatan-Jabatan Kerajaan harus bekerjasama dalam menuju kepada hasrat Kerajaan Negeri.

Kedua, pembangunan fizikal yang dijalankan oleh pihak swasta dan persendirian, pembangunan pihak ini perlulah selari dengan kehendak dan kempen Kerajaan Negeri di samping mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh semua jabatan yang terlibat. Jadi janganlah buat suka

hati ya, jadi rasanya dari segi pelan-pelan tak ada masalah, tapi dari segi cara buat itu orang kata pembangunan itu tanpa mengambil kira alam sekitar dan kawasan sekitar. Ini amat penting kerana setiap kempen yang dijalankan oleh kerajaan mempunyai matlamat jangka panjang contohnya *Cleaner Greener Penang* yang menekankan kebersihan dan keindahan serta kehijauan Negeri Pulau Pinang iaitu setiap pemaju bagi pihak swasta dan persendirian perlu memikirkan bagaimana memenuhi kehendak *Cleaner Greener Penang* ini matlamat jangka panjang. Kita hebat melaung-laung *Cleaner Greener* segala macam tapi mereka buat segala macam keburukan kerosakan dan sebagainya, begitu juga lah pihak-pihak PBT yang mengambil sampah letak balik tong itu elok-elok, ini letak sampai terbalik pastu orang nak mai tauk sampah pun tak masuk jadi dia jadi menyampah pula.

Ketiga, saya menyarankan rakyat supaya Negeri Pulau Pinang umumnya sedar bahawa setiap pembangunan memerlukan pengorbanan, ini kita terima panggilan telefon demi telefon komplen sana, komplen sini, mengenai debulah mengenai jalan pecahlah, rosaklah, lori bawa tanah merah macam bukitla segala macam ini bermakna kehidupan harian masyarakat akan berubah menjadi biasa. Kita kalau tak suka tengok lori-lori itu lalu nanti kita duduk dalam keadaan lama lagila kalau kita nak pembangunan dan perubahan kita harus terima hakikat.

Contohnya jalan raya akan mula sibuk dengan kenderaan lori sewaktu pemaju-pemaju dijalankan ianya sedikit banyak memberi gangguan kepada masyarakat, namun sekiranya pemaju mematuhi syarat, arahan dan undang-undang yang ditetapkan oleh jabatan yang terlibat diharapkan masyarakat juga perlu melepaskan sedikit keselesaan yang mereka hadapi demi pembangunan ini. Masyarakat kita kadang-kadang sudah jadi macam manja jalan pecah sikit dah mengadu dah kenala terima hakikat lori masuk dan keluar ya jadi pembangunan menjadi begitu pesat *alhamdulillah*.

Y.B. Dato' Speaker, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat hari pekerja kepada semua yang terlibat, rasanya masih belum terlewat,selamat Hari Guru kepada semua guru-guru di seluruh Malaysia samada formal atau tidak formal termasuklah guru silat, guru kungfu yang akan diraikan 16hb. Mei ini dan tidak lupa juga diucapkan selamat Hari Ibu, kepada semua yang bergelar ibu sama ada yang berada di dalam Dewan yang mulia ini atau diluar sana segala yang baik dari *Allah s.w.t.* dan yang kurang itu dari kelemahan saya sendiri dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih Y.B. Sungai Bakap. Seterusnya kita buka untuk perbahasan Y.B. Penaga silakan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Assalamualaikum Warahmatulllah Hiwabarakatuh, salam Sejahtera dan salam 1Malaysia selamat datang Y.A.B. Ketua Menteri.....(ketawa). Bagi memulakan ucapan saya, saya merujuk dalam teks ucapan Tuan Yang Terutama saya balik saya baca lagi, bila saya mendengar dan meneliti teks ucapan ini, saya rasa tak salah lagi, ucapan ini saya rasakan disediakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, teks ucapan ini dan yang keduanya saya rasa seolah-olah teks ucapan ini teks ucapan bajet tahu tak, teks ucapan tentang bajet 2012, yang dulu masa bulan November yang kita bersidang 2011 itu, banyak benda-benda yang tak ada, tetapi kali ini ada.

Walaupun kita tahu bahawa saya menunggu juga, bila nak buat *supplimentary budget* tak ada juga, sampai akhirnya persidangan ini tak ada *supplimentary budget,* kalaulah takdir Kerajaan Pakatan Rakyat menang lagi, belanja duit itu macam mana? Yang kata RM500 ribu yang jual itu, masuk tabung mana, yang RM500 juta itu *supplimentary budget*

*Y*ang ketiga, teks ucapan saya rasakan ini adalah teks ucapan menghadapi pilihan raya semua ceritanya baik, semua, semua, semua, ialah pilihan raya semakin lama semakin dekat, semakin hampir, jadi teks ucapan pun menjurus ke arah itu. Akhir sekali yang merupakan satu janji, janji Kerajaan Pakatan Rakyat bagi menghadapi pilihan raya yang akan dilaksanakan bila timbulnya atau tibanya pilihan raya ini janji ya dalam teks ucapan saya rasakan ini sebagai satu janji, seperti macam janji yang manifesto pilihan raya. Pilihan raya 2008 dulu yang masa itu Tuan Lim Guan Eng belum Ketua Menteri lagi, membuat sidang akhbar pada 19hb. Februari 2008 hari Selasa, satu (1) manifesto Pilihan Raya 2008 dibuat di tarikh itu yang hari ini, yang ucapan ini tak kata lama manifesto tetapi ialah janji Pilihan Raya Umum ke-13, saya sorotkan kembali sebahagian daripada janji-janji yang dalam manifesto yang dibacakan oleh Tuan Lim Guan Eng pada masa itu.

Pertama ialah selamatkan demokrasi perkataan yang cukup besar selamatkan demokrasi tetapi apabila mentadbir Pulau Pinang, saya lihat demokrasi sudah mati apa kata Ketua Menteri itu adalah undang-undang, lain jangan bukapasal lain cakap kena teruk, itu adalah lumrah lain daripada itu. Sontoh Utusan Akhbar Utusan Malaysia Y.A.B. Ketua Menteri isytiharkan, yang ini tak kena *banned, banned* yang ini pejabat-pejabat kerajaan tak boleh

melanggan pejabat-pejabat kerajaan tak mahu tengok Utusan Malaysia, persidangan Akhbar Utusan Malaysia dah tamat sampai ke hingga sekolah sekolah-sekolah Cina yang mana melanggan Utusan Akhbar Malaysia tidak akan diberi bantuan, demokrasikah ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta laluan, terima kasih. Y.B. Dato' Speaker, masalah dengan Utusan, dia ini fitnah terlalu banyak kalau kita tengok Utusan saya berterima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana dia ada dia sudah *banned* Utusan, kalau tidak ia masalah besar, sebab hari ini kalau tengok apa yang terpapar dalam utusan gambar -gambar daripada satu blog yang selalunya memfitnahkan, apa ni pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat okey, hari ini dia tunjukkan gambar yang mirip seorang pemimpin Pakatan Rakyat, kalau ada klip video seks, kalau Utusan dibenarkan masuk ke sekolah-sekolah apa yang terjadi kepada anak-anak, budak-budak sekarang, isu yang penting tentang pembangunan dan isu tentang demokrasi dan isu yang penting seperti BERSIH, anti Lynas tidak semuanya tidak dilaporkan, tetapi hanya mencuba menfitnah cuba memfitnah dan cuba mengalihkan perhatian daripada isu penting isu pokok iaitu pilihan raya yang lebih telus dan bersih ini yang kita mahu rakyat Pulau Pinang dan rakyat Malaysia mahu pilihan raya yang bersih pilihan raya yang adil tetapi apa demokrasi yang lebih baik tetapi Utusan hanya mainkan isu-isu seks, fitnah hari-hari dalam sepanjang empat (4) tahun perkauman, apa ni semua pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat Anwar Ibrahim kena, Nik Aziz kena, Azmin kena, sekarang apa itu Ketua Menteri kena. Inikah apa ini, surat khabar apa ini, anak Ketua Menteri pun kena. Ini kena tanya jawab sendiri, tepuk dada tanya diri sendIri. Adakah ini satu surat khabar UMNO ini, pemimpim UMNO betul ke tidak?, tak boleh kontrol ke?, tak boleh bagi peluang kepada yang adil sebagai satu surat khabar yang bertanggungjawab, kalau mereka tidak bertanggungjawab maka harus di *banned,* terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan tapi saya nampaknya Yang Berhormat bagi ceramah ya, kalaulah cerita kata itu semua tak betul, mengapa tak saman di mahkamah, mengapa ada...(gangguan), kenapa Anwar hari ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya minta laluan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sebentar, nanti bagi saya habiskan Y.B...(gangguan), sebentar duduk.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Bukan ceramah, nak jawab, memang sudah saman, Ketua Menteri memang sudah saman....(gangguan), dan memang dalam Utusan ini menfitnah, saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bagi saya habis, saya tak pernah tak bagi orang, duduk tahu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Memang dah saman.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau kata Azmin, Azmin boleh ambil tindakan mahkamah, kata Anwar ambil tindakan mahkamah jangan saman RM100 juta, RM500 juta Nalakarupan kata RM100 juta, RM100 juta tak banyak. Yang Amat Berhormat, anak kena pak dia, boleh bawa pi saman itu lah ...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Minta jalan, kalau nak kenakan saya, saya rela terimanya, tetapi mengapa nak kenakan anak saya. Anak saya yang belum cukup umur, adakah ini sesuatu yang bermoral dan beretika, membuat satu fitnah ke atas seorang budak, saya rasa ini bukan manusia tahu, ini binatang yang baru boleh buat macam ini. Saya macam bila kita nak buat itu serangan politik, mana ada serang sampai anak-anak kena itu sebab kita selalu cakap UMNO dan Utusan *racist* sampai tahap ini. Saya rasa itu tak boleh diterima, bukan manusia, saya terus terang, hanya binatang yang boleh buat macam ini. Saya sebagai bapa apakah perasaan sebagai seorang bapa kerana kalau nak kenakan saya kenalah, kita dalam politik kita memang diduga akan difitnahkan, tetapi apa salah anak saya. Saya tanya Y.B. Penaga sebagai seorang bapa boleh terima tak? Anak saya difitnahkan, kalau seorang budak macam ini apa-apa boleh berlaku kerana dia punya *psychological pressure* nya dia begitu besar dan ini adalah satu fitnah yang jahat sama sekali. Saya

tak pernah lihat Y.B. Penaga kecam tentang fitnah yang dilakukan ke atas anak saya, tak pernah, *so* sungguhpun kita cakap kita lawan sehingga menang politik tapi kita tak larat buat sepertimana oleh UMNO ini keluar dalam UMNO *Online* jangan lupa, UMNO *Onlin*e yang memaparkan berita ini, apa nak cakap lagi, habis, itu macam ini habis, sebab itu saya cakap UMNO *racist* memang benar UMNO *racis*t dan saya sebut.

Mungkin Y.B. Penaga takda hal la kerana tak perlu hadapi pilihan raya, tiap-tiap orang yang hadapi pilihan raya akan tengok nanti jelas tak mahu pengundi-pengundi daripada masyarakat tertentu kerana saya seorang Ketua Menteri saya boleh diperlakukan oleh apa saja kerana saya seorang Ketua Menteri bukan Melayu bukan Islam diperlakukan macam ini, jangan ingat rakyat tak ada mata, tak boleh nampak, bukan sahaja pengundi bukan Melayu marah, tetapi pengundi Melayu pun rasa ini sudah lebih. Itu yang saya nak tanya sama ada Y.B. Penaga yang bawa dulu bila saya cakap tentang anak saya macam mana boleh kenakan anak saya yang tidak bersalah sehingga hari ini saya berterus terang masih terasa perkara ini, sebagai sebagai ibu bapa saya rasa kita harus ada perasaan yang sama.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.A.B. Ketua Menteri, saya tidak kata mengata anak Y.A.B. Ketua Menteri, yang memulakan salah seorang daripada tadi yang mengatakan, saya tak kata anak Y.A.B. Ketua Menteri kena. tetapi salah seorang yang sebut tadi tapi saya tak kan ...aaa..aaa..rr.rr.. Ialah *be a gentleman.* Kalau saya kata buka hansard saya tak pernah kata, walaupun *statement* dalam *online* ke dalam *paper* saya tak pernah main politik itu, tak pernah main politik, *never...*(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Peribadi menjijik sebab itu saya boleh bertahan sampai lima (5) penggal *never atleast, I got integrity* maaf....(gangguan) UMNO *Onlin*e sapa pun boleh mengaku UMNO *Online,* kita bercakap tadi Utusan Malaysia tahu. Utusan Malaysia melaporkan, itu yang Malaysia Kini, tulis macam-macam itu, tak apa tulislah apa, ceritalah apa pun. Semuanya Barisan semua *condemn* busuk, jahat dan sebagainya. Sampai saya dah malas bila Malaysiakini nak *interview* saya dah cukup bosan dengan Malaysia Kini. *You* nak tulis apa *you* tulis, kalau nak tulis tulislah dengan berperibadi. *Coming back to* tadi, *banned* semua ini. Satu ketika TV3 dan New Straits Times pun di *banned*.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Y.B. Dato' Speaker, saya nak merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh beberapa pihak media-media, sama ada *media blogs* atau pun media cetak yang juga media-media ini pun ada setengahnya mewakili pihak Pakatan Rakyat. Di antaranya ialah apabila mereka juga menyentuh tentang fitnah yang mengatakan anak Perdana Menteri *shopping* berapa ratus ribu di Australia dan sebagainya. Jadi adakah ini satu perkara yang nak dinafikan kerana dia juga telah pun diuar-uarkan dan disebar luaskan oleh media-media yang pro kepada PAS, PKR dan DAP. Jadi dalam hal ini, adakah perkara ini pula dibolehkan, malah pimpinan-pimpinan di peringkat PKR juga menyokong, malah menambah lagi pula menyebar dan memanjang lagi perkataan-perkataan itu di rata-rata kampung. Jadi saya rasa perkara ini kena difikirkan balik. Terima kasih Y.B. Dato'.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya masih lagi dalam tajuk demokrasi ala PKR yang sudah mati. Satu saya bagi contoh, contoh yang paling baik sekali, seorang jurutera berjawatan sebagai Penolong Pengarah Bangunan, yang bernama Muhammad Subri Haji Hassan, alamat TS 2770 Sungai Kecil Nibong Tebal yang bertugas di MPSP tahun, 1hb. Julai 2002 di Jabatan Kejuruteraan MPSP telah diarah bertukar ke Jabatan Perkhidmatan Kesihatan pada 14hb. Mac 2012 setelah berkhidmat 10 tahun. Seorang jurutera lulusan *civil engineer* bertukar ke Jabatan Kesihatan setelah bertugas 10 tahun tanpa sebab, tanpa sebab, tanpa tindakan disiplin, tiba-tiba dapat surat suruh tukar ke Jabatan Perkhidmatan yang tidak ada kena mengena langsung dengan *experience* dan kelulusan dia. Bahkan pegawai ini juga telah namanya di bawa ke penapisan kenaikan pangkat oleh SPRM untuk tujuan tapis keutuhan lulus, beliau telah lulus. Mengapa ditukar begitu rupa? Bila ditukar bererti pegawai ini hilang *seniority* selama 10 tahun dalam Jabatan Kejuruteraan. Pergi tukar ke Jabatan Perkhidmatan Kesihatan. Nak buat apa? Bangku pun tiada, meja pun tiada. Bukankah ini di namakan zalim?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Demokrasikah ini?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Menurut apa yang dinyatakan oleh Y.B, isu ini adalah satu isu pertukaran dan di bawah Perlembagaan Persekutuan, satu isu pertukaran itu tidak boleh dicabar di mahkamah. Selain daripada di mana tindakan tata tertib diambil dan jika tidak boleh memihak kepada kita, pergi ke mahkamah dan minta satu perintah *secure line.* Tetapi apabila sesuatu Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Pusat di bawah Perlembagaan Persekutuan, kita tidak boleh cabar, satu arahan pertukaran dan kalau ikut apa Y.B. kata, itu adalah satu arahan pertukaran. Dan ada satu kes Mahkamah Persekutuan Tinggi lawan Pengarah Pendidikan 1979 kalau saya tidak silap, di mana Mahkamah Persekutuan mengesahkan itu adalah keadaan perundangan, kita tidak boleh cabar pertukaran itu, selain daripada tindakan tata tertib tidak dalam kes ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bangkitkan ini dalam jabatan, 10 tahun *experience* pindah ke jabatan yang dia langsung tidak ada kaitan. Adilkah ini? Kalau benar dia ini melakukan kesalahan disiplin, tuang kerja atau apa-apa, mengapa tak diberi surat tunjuk sebab? Tiba-tiba kena tukar, ada pula surat tukar. Dia telah bincang dengan saya, saya bertanya dia pernah ada jumpa dengan Puan Yang DiPertua MPSP? Dia kata dia pergi kali pertama 2.30 petang, pasal tak boleh. Pasal YDP ada kerja. Kemudian dia datang pukul 7.00 pagi, selalunya YDP ada pukul 7.30, YDP tak mahu jumpa dia. Apa pilihan yang ada pada dia? Kehilangan 10 tahun *seniority*, adilkah ini? Demokrasikah ini? Dan wajar dia pergi ke kalau benda ini dia bawa ke mahkamah?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Penama ini, saya percaya telah pun membawa kes ini ke mahkamah. Jadi saya rasa *sub judice* tak perlu untuk membincangkan perkara ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Terima kasih. Ini cerita berlaku juga di Balik Pulau. Y.B. Dato' Speaker, seorang pegawai daripada Pegawai Jabatan Agama Islam di Balik Pulau, dia ini kerja cukup rajin. Tapi malangnya tak tahulah, dengan dia memang rapat dengan saya. Tiba-tiba dinaikkan pangkat dan tiada tempat, meja tiada, bangku tiada, dia merempat, naik pangkat tapi tiada tugas. Dia amat-amat *frustrated.* Dia bagi kenaikan pangkat tapi tiada meja, tiada bangku.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Itu naik pangkat, yang tadi saya sebut tak naik pangkat. Kalau naik pangkat itu cerita lain, dapat gaji lebih. Tanpa apa-apa faedah, benda ini dibangkitkan supaya benda ini di bawa ke mahkamah atau sudah di bawa ke mahkamah. Biarlah yang lainnya di masa depan jangan teraniaya. Y.B. Dato' Speaker, perkara yang kedua tentang janji-janji pilihan raya, iaitu yang memperkembangkan sektor pelancongan dan industri perkhidmatan seperti memperbanyakkan *green lung,* membina zoo, hotel dan menambah kawasan *heritage.* Sebut *green lung,* memperbanyakkan *green lung*. Saya baca akhbar-akhbar, saya tengok *green lung* semakin hari semakin kurang, semakin botak. Apa yang ditambah? *The hill slope*, sekarang ini saya baca Ahli Yang Berhormat, kawasan Sungai Ara, rakyat sekarang sudah mula memberontak. *Developers highs hill for project,* yang ini ...(dengan izin) Sungai Ara *losing green lung upper space and small,* semua ada. Cakap tak serupa bikin, Sungai Ara itu, lereng bukit pun digondolkannya. Saya tak terkejut, kalau esok Bukit Bendera pun habis digondolkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Sedarkah Yang Berhormat, berkenaan dengan *green lung,* ada satu kawasan di Balik Pulau, jalan daripada Simpang Tiga Air Putih menghala ke Jalan Baru, telah ditanam dengan Pokok-pokok Palma yang sudah dewasa dan besar, tetapi.....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Minta maaf, Y.B. Pulau Betong. Y.B. Dato' Speaker, selaras dengan Peraturan 6A (1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya memohon masa Persidangan Dewan hari ini 2 Mei 2012 (Rabu), dilanjutkan sehingga jam 6.00 petang.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, usul Y.B. Ketua Menteri untuk dilanjutkan sidang Dewan sidang ini hingga ke 6.00 petang di bawah Peraturan 6A (1), Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”. Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”

Y.B. Dato' Speaker:

"Ya", lebih suara setuju, usul dipersetujui, teruskan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhammad Farid bin Saad):

Terima kasih, ulang suara, sedarkah Y.B. Penaga bahawa ada satu simpang Tiga Air Putih menghala ke Jalan Baru sudah pun ditanam dengan pokok-pokok Palma, yang telah dibelanja dengan banyak duit, tiba-tiba sahaja mereka, pemaju mungkin dengan izin dari MPSP telah memotong pokok palma itu. MPPP, padahal pokok-pokok palma itu boleh dipindahkan dengan mudah sebenarnya. Tetapi kenapa dibotakkan dan dipotong? Dia bukan murah, pokok itu mahal sebenarnya. Ini satu tindakan menunjukkan *green lung* hanya bercakap kosong sahaja tetapi tidak dibuat di bawah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, bagi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Minta laluan Y.B. Dato' Speaker, saya pun mahu bahas hal ini, tetapi Y.B. Penaga dah cakap tak apa, kita tambah sikit lagi. Di kawasan Telok Bahang, sebelah bukit menghala ke Telok Bahang, kawasan itu semuanya kawasan tadahan air, untuk empangan Telok Bahang. Hari ini kalau kita lalu di kawasan Telok Bahang, habis cerah. Dah potong pokok semua tanpa kawalan. Ini kalau kita perhatikan empangan Telok Bahang itu, air empangan sangat kurang. Kalau kita perhatikan kawasan itu dulu penuh dengan air kalau hujan, sekarang dah kurang. Kerana pokok ditebang tanpa kawalan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bukan sahaja *green lung* hilang, pokok-pokok Palma hilang, itu pokok depan KOMTAR Walk. Dulu pokok itu, pokok angsana yang besar-besar saya ingat lagi. Kononnya nak tanam semula, tebang habis, buat restoran, buat *outlet* makanan, pokok haram tak diganti balik, tak diganti bali, besar mana punya pokok pun tiada. Saya nak cerita pasal *green lung...*(dengan izin) Y.B. Dato' Speaker, *A Penang Municipal MPPP counselor has alleged that the*

State Government is trying to influence the city council to approve a hillside project in Sungai Ara here. Siapa kata, Counselor Dr. Lim Mah Hui, Counselor sendiri buat *statement* dalam *paper* The Star 9 April 2012. Muka surat 23. Tahukan? Sekarang ini minta mengapa Counselor Kerajaan Negeri sendiri menuduh Kerajaan Negeri cuba mempengaruhi MPPP untuk meluluskan projek *slope* untuk projek perumahan, rakyat sudah bising.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, yang ini pun saya hendak cakap, Penaga dah cakap dulu. Y.B. Dato' Speaker, ini memang kawasan Parlimen Balik Pulau, kalau Y.B. Dato' Speaker nak bertanding, tolong selesaikan. Memang diluluskan, dulu memang Kerajaan Negeri ada cadangan, ada lulus untuk bangunan. Tetapi ada kawalan enam (6) unit satu ekar dan paling tinggi ketinggian dua (2) tingkat. Dan *slope* tak lebih daripada 25 *degree*. Sekarang ini *slope,* cerun itu 35 *degree*, 45 *degree* diluluskan untuk bina bangunan 14 tingkat sehingga 16 tingkat. Dulu memang ada cadangan, oleh kerana kita takut dan bimbang jadi macam Highland Tower, kita tak benarkan. Hari ini Kerajaan begitu *daring* dan luluskan. Jadi hari ini menjadi satu isu yang besar dan tambah pula di kawasan yang sama di kawasan perumahan itu ada dua tapak pendidikan. Itu pun dilulus, ditukar menjadi perumahan. Jikalau yang baru ini ada perumahan perlukan tanah pendidikan, yang lama pun dah tukar, jadi macam mana nak buat sekaran ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, di kawasan saya Seberang Jaya apabila hal daripada Bagan Jermal juga dia buat dengan CSR, hendak buat dengan kawasan Taman Tunku juga dipotong pokok-pokok, sepatutnya dia boleh buat *jogging track* dicelah-celah dan sehingga hari ini dibiar pokok-pokok dalam keadaan yang jadi macam sampah. Jadi saya ingat taklah *green lung* kot kan. Sampah *lung*. Itu mengenai *green lung.*

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sampah *lung.*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sampah *lung,* okeylah itu berkenaan dengan *green lung.*

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Boleh saya jawab Ahli Y.B. Seberang Jaya, saya ada pergi sana. Sekarang ada beberapa syarikat berkongsi untuk membuat sumbangan projek CSR. Untuk menjadikan Taman Tunku lebih menarik. Pokok-pokok seperti pokok kelapa, pokok mangga, itu adalah ditanam oleh penduduk di belakang rumah mereka. Mereka sudah mencerobohi kawasan *park* itu, yang sedia ada, pokok-pokok yang ditanam oleh MPSP satu masa yang dulu, Jabatan Hutan pernah menanam 100,000 pokok dalam satu hari itu, projek itu. Semua masih ada, cuma pokok-pokok yang ditanam oleh penduduk-penduduk yang mencerobohi taman itu dipotong untuk membina *jogging track*, itu saya yang nampak di sana. Bukan dipotong dengan sewenang-wenangnya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Maksud saya kita patut *adjust the alignment.* Tak kiralah pokok buah kelapa, pokok pala, pokok apa. Taman, sebab itu kita boleh jadikan dusun dalam taman. Sambil *jogging* nampak ada pokok buah dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukup, Y.B. Penaga teruskan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Petang-petang ini Y.B. Dato' Speaker, dia buat lawak sikit. Tentang memperkembangkan sektor pelancongan. Yang kedua, nak buat zoo, zoo apa? Di mana zoo baru? Saya pernah sebut dalam Dewan bila nak kata nak buat zoo harimau. Tiga tahun yang lalu, kenapa nak buat *Tiger Show* kah? Wah, Y.B. Dato', Y.B. Penaga ini otak seks, otak lucah. Saya kata *tiger show* maksudnya adalah pertunjukan harimau. Tapi sampai hari ini zoo tiada, harimau ke mana, apa ke mana. *No show,* itulah janji sahaja pada rakyat ini, rakyat ingat. Saya memperingatkan mana zoo apa pun tiada, harimau pun tak ada, zoo makan durian. Yang seterusnya mana hotel yang baru dibina, kata mahu buat hotel. Kerajaan Negeri buat hotel mana? Adakah? Tiada, Kerajaan Negeri tak buat hotel. Dulu PDC ada buat 1926. Dulu ini, Kerajaan Negeri tiada. Yang ketiga, rumah mampu milik untuk semua. Cukup sedap bunyi dan semua orang tahu sejak 2008 sampai sekarang 2012, satu rumah *low cost* pun tidak buat, dah Kerajaan Negeri buat, *you* beritahu di mana buat?

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Di Batu Kawan, rumah mampu milik di Batu Kawan ada rumah murah sana. Mana itu berapa tahun, *you* ingat lama dah, *you* tahukah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Berhormat, *last session,* waktu itu EXCO Perumahan jawab tiada rumah dah. Itu *paper* apa *you* baca bawa?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Y.B. Jawi pun nak tunjuk *terror* 11,596 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah telah dibina oleh Kerajaan Negeri PR menerusi PDC sejak 2008. Tapi kita ada perjanjian ini, anak buah saya beli, dia tandatangan 13 September 2006, macam mana? 2008 buat, 2006 sudah tandatangan. Jadi maknanya.....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tak buatlah tu.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tak buatlah itu, yang buat sebelum ini, ada *purchase agreement* kata saya, ada dua, kalau hendak maklum dalam Dewan ini, terima kasih. Pembohong lagilah.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Minta penjelasan. Pada sesi lalu saya telah menjelaskan panjang lebar tentang rumah-rumah mampu milik yang telah dirancang dan dipinda oleh Kerajaan Negeri. Pada waktu itu juga saya menyatakan bahawa projek-projek Halaman Kenanga dan juga Halaman Seroja adalah di *complete* disiapkan melalui anak syarikat iaitu PDC Property, seperti juga Kerajaan Persekutuan tidak pernah membina rumah, Kerajaan Persekutuan membina rumah melalui SPNB, melalui agensi-agensi di bawahnya. Perkara yang sama juga berlaku oleh itu, Kerajaan Negeri telah menyempurnakan Halaman Kenanga yang baru dan mendapat OC pada bulan Januari 2012 di Sungai Nibong dan juga sekarang ini di Halaman Seroja juga. Ini adalah antara hal yang telah disiapkan oleh Kerajaan Negeri melalui anak syarikat PDC.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Rumah-rumah PDC yang dibuat, bangun itu sebelum itu 2008 dulu. Siap lepas itu....(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Penjelasan, saya ingin menjelaskan sekali lagi, saya sudah banyak kali menjelaskan dan apabila PDC membina rumah, tarikh-tarikh seperti yang amended *plan permission* dan pindaan terhadap *building plan* dan juga tarikh mula kerja, semua itu berlaku pada tahun 2008. *Amended building pla*n bagi Halaman Kenanga diluluskan pada 27 Februari 2009. *Amended plan bagi building plan* untuk Halaman Kenanga adalah siap pada 11 Januari 2010. dan ini adalah kita juga telah mengubah komposisi *building plan* tersebut dan juga *planning permission* dan semua ini di bawah kita dan juga sepelas di bawah 2008. Walaupun mungkin juga kita membina sebuah rumah, kena membuat perancangan yang lebih lama dan juga kerja penting, semua berlaku selepas tahun 2008. Itulah jawapan saya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Itu Yang Berhormat sendiri jawab. *Amended plan,* perancangan asal, pelan asal itu semua, sebelum zaman Pakatan Rakyat. Tetapi yang mulakannya adalah Barisan Nasional dulu.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Macam kes seperti di Tanjung Tokong, telah dimulakan waktu mantan Perdana Menteri, 70-an, sampai sekarang belum siap lagi. Isu-isu seperti rumah hijau, perancangan sudah dibuat 70-an, 80-an. Walaupun OC belum diperolehi pada masa itu, kita perlu menyelesaikan isu-isu sebegini. Itulah antara isu-isu yang perumahan perlu setanding, yang perlu kita selesaikan semasa penggal kita. Oleh itu saya ingin mengingatkan Penaga, bahawa semua ini adalah selepas 2008 dan tidak perlu, kerana kita memerintah baru hanya empat (4) tahun sahaja. Kita ada masa yang lama lagi, kita ada masa yang 10 tahun, 20 tahun lagi, mungkin penggal yang sekali lagi ktia tak perlu cakap, berbincang atau berbahas lagi mengenai perkara-perkara yang bersambungan seperti ini. Kita ada perancangan di Batu Kawan, ada perancangan di lima (5) daerah tersebut. Waktu itu saya rasa Penaga tidak akan lagi membangkitkan lagi isu-isu sebegini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kita cakap pasal *low cost*, dia bawa sampai rumah hijau, dia bawa lari Tanjung Tokong itu isu perumahan,.....(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Tapi lepas itu rumah *low cost,* itu semua isu perumahan, masa perkara yang sama, itu tuduhan.....(gangguan), yang katakan Tanjong Tokong adalah perumahan, tetapi selepas itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tak bagi laluan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Rumah hijau, mantan Ketua Menteri kata duduk sementara, tapi masih....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Berhormat *at leas*e, saya bagi dua (2), tiga (3) kali, sebelum *you* bangun saya beri kebenaran, *you* bangun, saya bagi kebenaran.... (gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Isu sebegini.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Air Itam, bila masa gulung nantilah, boleh ambil balik data-data ini dan cakap.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Dengan isu perumahan yang perlu diselesaikan. Di Telok Ayer Tawar rumah *maintenance* yang sudah lama....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Fikirkan semula....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Gulung nantilah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Duduk, duduk.

Y.B. Dato' Speaker:

Bila masa gulung nanti, boleh ambil semua data-data ini boleh ambil, kalau tak dua (2) kali bercakap.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Boleh gulung, saya tak pernah minta, bagi, bagi, bagi. Kalau Seri Delima minta pun saya bagi. apa lagi. Tentang rumah juga, harga rumah di Pulau Pinang lebih mahal dari rumah di Lembah Kelang. Ini *statement* yang dibuat oleh CAP. Rumah di Pulau Pinang lebih mahal daripada rumah di Lembah Kelang, Kuala Lumpur lebih mahal. Tapi Pulau Pinang lebih dashyat lagi. Dan rumah kos rendah di Batu Kawan hampir 12,000 unit. SPU 29 ekar, SPT dah kenal pasti 32 ekar, DTL 10 ekar, DBD 6 ekar.

Saya minta masa gulung nanti, sebut lot mana, mukim di mana?, kerana ini kita kenal pasti tanah mana yang akan dibangunkan dengan lot mana. Jangan hanya cerita, 29 ekar, 32 ekar, bagi sebut nama. Sekarang ini tentu tak boleh jawab. Nanti *you* boleh simpan cari dan jawab, bukan sekarang, tanya Pengarah nanti jawab, esok, bukan sekarang. Sekarang kalau ada boleh jawab. Tiada kan? Ada tunggu nanti gulung, cerita. Ada cakap,tidak ada, cakap balik cerita baru ada. Pasal kita nak masyarakat tahu di mana nak buat rumah, jangan cakap sahaja, cerita tanah mana, esok ni supaya rakyat nanti tidak boleh ganggu, menceroboh tanah mana, nanti susah pula nak kena bayar pampasan dan sebagainya.

Yang Kedua, bila kita kata mampu milik, berapakah harganya? Pagi tadi saya dengar Ketua Menteri kata ada RM72,000.00 sampai RM220,000.00, *range* dia begitu jauh sekali. Mampu milik, cuba bagi spesifik, mampu milik kategori apa, berapa harganya, kalau maklumat kos, dulunya RM25,000.00 naik kepada RM35,000.00 dan sekarang RM42,000.00. Rumah kos sederhana rendah RM72,000.00, ini yang kategori mampu milik ni berapa? Berapa ratus ribu? Tak apa masa gulung nanti jawab, jangan cakap sekarang, ini rakyat nak tahu. Saya tak mahu beli rumah dah, saya dah ada rumah, yang akan beli rumah ini esok, ialah, bila *area*, bila *area* semua berapa kita nak tahu, kata rumah yang paling *the best HDB* akan buat, bukan duduk dalam rumah kotak. Saya amat kesallah, yang dok ada arkitek-arkitek, yang ada kontraktor-kontraktor, pemaju-pemaju, *the hold lot are useless,* yang ada rumah ini, kata rumah duduk macam dalam kotak, yang buat berpuluh-puluh tahun, Kerajaan Negeri menganggap rumah ini rumah kotak, tak tahu buat kerja, ngok! Nak kena ambil yang Singapore punya itu, *the best in the world,* sayang lah rakyat Malaysia dianggap segala arkitek, gaji berapa tahun pun buat rumah macam mana dianggap tak reti buat rumah duduk dalam kotak.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Yang itulah yang saya kata tadi tu, apabila Kerajaan Negeri juga menyatakan bahawa kononnya nak bawa *talent* datang lebih kekal duduk di Negeri Pulau Pinang, profesional-profesional dalam Negeri Pulau Pinang, arkitek, *engineer* termasuklah kontraktor pun tidak diberi keutamaan, masih nak tumpang HDB Singapore, maknanya Kerajaan Negeri tidak menghormati rakyat Negeri Pulau Pinang yang berkeupayaan membuat mungkin lebih daripada Singapore. Sebab apa? Sebab kalau kita tengok masa Soros dulu PM boleh adakah satu konsep baru Malaysian Own Way, mungkin rakyat professional Negeri Pulau Pinang boleh buat lebih baik.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan, kalau 1Malaysia, Perdana Menteri begitu hormat dengan rakyat Malaysia, mengapa mereka mencari orang Israel dalam untuk *this political communication,* apa nama *company* itu?...(gangguan). APCO untuk buat 1Malaysia, Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan, mengapa tanya diri sendiri?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Itu propaganda Anwar Ibrahim, APCO, cakap pasal APCO Anwar Ibrahim kena gantung dulu, tak usah cakap di sini, cakap di Parlimen, kali ini bertanding Parlimen, cakap, tak usah cakap. Ya, tak usah cakap di sini, buang masa.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Minta laluan sikit, laluan 30 saat. Sedarkah ahli daripada Penaga bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang pun bukan orang Pulau Pinang. Jadi saya rasa semangat kenegerian ataupun nak membela professional dalam Negeri Pulau Pinang ini mungkin terlalu tipis. Jadi adakah Y.B. Penaga setuju? Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Saya menyingkap kembali tentang apabila bagi RM100.00 dahulu kepada Warga Emas, mengatakan penghargaan kepada Warga Emas, sekarang ini kita tengok penghargaan kepada Warga Emas, tetapi kondem segala professional kita, yang telah berkhidmat, berbakti kepada Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, saya rasa perlu perbetulkan Yang Berhormat kerana dalam kenyataan Ketua Menteri tadi, beliau tidak pernah memperkecilkan ataupun kondem Jurutera dan sebagainya, cuma beliau menyatakan beliau akan menjemput kepakaran HDB Singapore, beliau tidak pernah, kalau kita boleh semak hansard, tidak pernah Ketua Menteri mengutuk, ataupun memperkecilkan keupayaan kontraktor-kontraktor ataupun konsultan, jurutera dan sebagainya. Yang Berhormat perlu membuat pembetulan. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan Yang Berhormat Penaga, saya Yang Berhormat Seri Delima mewakili profesional yang telah banyak *contribute* pembangunan di Negeri Pulau Pinang ini, arkitek, *engineer* dan sebagainya, kita rasa sedih apabila dikatakan hanya membina rumah-rumah kotak sahaja, tiada kualiti, mereka sedih, mereka *contrib*ute banyak dah. Kenapa disebut kita bina kotak-kotak sahaja, ini satu kenyataan yang sangat mendukacitakan hati semua yang mewakili profesional yang ada.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Di mana dinyatakan rumah kotak-kotak, saya tanya di mana rumah kotak-kotak, kenyataan itu yang mana Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Yang Berhormat, *refer* balik muka surat 14, ayat atas sekali. ”Demi memastikan rakyat Pulau Pinang boleh hidup dengan bermaruah dalam rumahnya dan bukan sebuah kotak. Kerajaan Negeri telah melantik HDB Singapore membina rumah mampu milik di dunia”. Dia guna nama kotak ni.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Ya Yang Berhormat, tapi ini adalah cuma kenyataan am, tidak menyatakan rumah itu dibina oleh jurutera ataupun perunding ataupun kontraktor....(gangguan), bising suara ramai). Apa yang menghairankan *you all*, saya bercakap dengan Yang Berhormat Penaga, yang belakang itu memberi reaksi, tak faham Bahasa Melayukah? Tak faham bahasa, ini tidak, adakah dalam kenyataan ini Yang Berhormat, saya nak tanya Yang Berhormat Penaga, bahawa kenyataan rumah-rumah kotak yang dibina oleh kontraktor sebelum ini atau jurutera sebelum ini, tidak ada kenyataan Yang Berhormat, jadi tak betul kalau kita membuat kenyataan begitu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Saya ingat dia punya IQ rendah lah, dia tak reti baca *in between the line.*

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat saya minta.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Saya setuju, saya setuju.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya minta Yang Berhormat Sebarang Jaya tarik balik kenyataan itu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Saya setuju.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jangan kurang ajar lah, *you* jangan kurang ajar. Tarik balik kata-kata daripada Y.B. Seberang Jaya.

Y.B. Dato' Speaker:

Duduk, duduk semua.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Siapa *IQ* rendah, *you* jangan kurang ajar.

Y.B. Dato' Speaker:

Duduk semua Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jangan kurang ajar.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Datuk Mahmud Bin Zakaria):

You yang kurang ajar.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

You juga Jangan kurang ajar.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Datuk Mahmud Bin Zakaria):

You juga jangan kurang ajar.

Y.B. Dato' Speaker:

Duduk, duduk! Yang Berhormat duduk semua, duduk semua.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Datuk Mahmud Bin Zakaria):

You, kurang ajar.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

You, kurang ajar.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Datuk Mahmud Bin Zakaria):

Bodoh.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Bodoh.

Y.B. Dato' Speaker:

Duduk, duduk. Y.B Sungai Acheh, Y.B. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kurang ajar.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Datuk Mahmud Bin Zakaria):

You bodoh.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

You yang bodoh.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukup, saya minta sekarang ini,

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kurang ajar.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Datuk Mahmud Bin Zakaria):

You bodoh.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Sungai Acheh.akhir sekali berhenti, berhenti Yang Berhormat. Y.B. Sungai Acheh, duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

You kurang ajar.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Datuk Mahmud Bin Zakaria):

You bodoh.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

You, samseng.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

You, gengster.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Datuk Mahmud Bin Zakaria):

You gengster.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat berhenti. Y.B. Sungai Acheh, Duduk, duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya sedang bercakap dengan Y.B. Penaga, apakah yang dimaksudkan itu

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seri Delima duduk

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Very un-becoming.

Y.B. Dato' Speaker:

Duduk, duduk Seri Delima, duduk dulu, duduk dulu. Y.B. Seberang Jaya tarik balik, tarik balik atau keluar.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Tak apa saya tarik balik balik, Cuma saya hendak beri penjelasan.

Y.B. Dato' Speaker:

Jangan sebut lagi, duduk, sudah, tarik balik tak?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Okey, saya tarik balik. Saya pohon izin bercakap sikit.

Y.B. Dato' Speaker:

Tak payah, duduk.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya hendak cakap sedikit boleh?

Y.B. Dato' Speaker:

Tak payah, duduk.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya akur kepada Y.B. Dato' Speaker, saya akur.

Y.B. Dato' Speaker:

Inilah, kadang-kadang ini kita sebut, kita jaga mulut kita sendiri, jangan mulakan, dan ada yang tak boleh nak kawal perasaan, ikut emosi dan orang kata satu dan yang lain akan ikut sebut benda yang lebih teruk lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, saya dengan....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Minta berhenti.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, saya dan Y.B. Penaga yang selalu bertelagah, bercakap dengan elok, dengan sopan, apa sibuknya Seberang Jaya masuk.

Y.B. Dato' Speaker:

Tak apalah...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji) :

Jadi saya cuma inginkan penjelasan Y.B. Penaga, dalam penyataan ini Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Kenapa dia boleh cakap lagi.

Y.B. Dato' Speaker:

Cuma dia minta penjelasan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya cuma ingin penjelasan Yang Berhomat, di sini tidak ada kenyataan. Ini adalah teks ucapan T.Y.T dalam teks ucapan ini yang membuat kenyataan adalah T.Y.T. tidak betul kalau Yang Berhormat menuduh Ketua Menteri pula memperkecilkan keupayaan jurutera, itu yang saya minta penjelasan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Okey cukup, daripada awal-awal tadi saya katakan, saya rasakan teks ucapan ini disediakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Awal-awal ucapan saya tadi dah, saya dah tengok, dengar, kemudian saya baca, rumah kotak, rumah tempat kediaman itu dianggap sebagai kotak, apa perasaan arkitek yang buat *design* itu. Mereka juga profesional, juga *enginee*r Yang Berhormat, dianggap satu karya seni tahu, bila sebuat rumah dibuat bagi mereka dengan peruntukan yang diberikan kepada mereka, mereka *get the satisfaction*, mencipta sesuatu. Kerajaan Pakatan Rakyat khususnya Y.A.B. Ketua Menteri kata rumah kotak. Maksudnya begitu....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Boleh mohon laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta penjelasan, Yang Berhormat Penaga. Saya cuma memahami kerana teks ucapan T.Y.T. Yang Berhormat menyatakan bahawa ini disediakan oleh Ketua Menteri adakah apa bukti? Jangan cuba Yang Berhormat, saya minta penjelasan Yang Berhormat, terus saja, adakah bukti bahawa teks ini disediakan oleh Ketua Menteri? Tidak, tidak ada, ini adalah kerana teks ucapan T.Y.T. tak boleh kita menyindir Yang Berhormat. Minta maaflah, itu boleh, boleh beri penjelasan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya pun kata saya rasa tadi, perkataan. Okey? Saya tidak tuduh terus, saya kata saya rasa, awal-awal, saya *very carefull, you* boleh tengok fakta saya, saya rasa ini teks ucapan bajet, saya rasa ini adalah kerana pilihan raya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Y.B. Ahli Kawasan Penaga, minta laluan sikit, saya cuma nak penjelasan, nak tahulah samada dalam Dewan ini mana-mana pihak boleh tolong jelaskan, saya rasa bukanlah T.Y.T. yang menulis ini, jadi siapa ya, tolong maklumkan ya dalam Dewan ini, siapa yang buat teks ini, *last finishing* dia siapa yang buat, sebelum teks ini diserahkan kepada Tuan Yang Terutama Tun. *Editing* dia, draf dia, saya nak tahu daripada draf, saya faham draf ini datang daripada jabatan-jabatan kerajaan dan kemudian *final finishing* siapa buat, sebelum teks yang lengkap ini diserahkan kepada T.Y.T. itu saja. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Penaga, saya nak teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, isu ini bukan dengan Y.B. Permatang Berangan, tetapi dengan Y.B. Penaga, kita terima, saya terima penjelasan Y.B. Penaga, dia kata dia rasa, rasa saja, tapi Yang Berhormat daripada, yang dibelakang Y.B. Penaga itu mengatakan beliau pasti, Y.B. Pematang Berangan kata ini pasti, ini adalah satu tuduhan yang begitu jelas.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Don't mislead, saya tanya dalam Dewan, saya tanya dalam Dewan, saya cuma nak tahu siapa yang draf.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu adalah satu tuduhan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Siapa yang buat *finishing*, saya pernah terlibat dalam buat draf ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu adalah tuduhan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Saya pernah terlibat dalam penyediaan draf ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Penaga, itu jelas sekali.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Jawab soalan itu saja, tak payah pertikai banyak perkara-perkara lain, jawab soalan saya saja. Saya minta mana pihak yang boleh jawab.

Y.B. Dato' Speaker:

Permatang Berangan cukup, cukuplah perkara ini. Teks di Parlimen pun sama juga. Cukup di sini, saya nak Y.B. Penaga teruskan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Cuma saya tanya satu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Tanya boleh.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Ada lah satu percakapan umum bahawa flat-flat sini ataupun rumah pangsa ini selalu dipanggil *pigeon house*, adakah itu salah? *In* Mandarin dia kata (cakap bahasa Cina) *this is pigeon* lah, burung merpati. Jadi ini bukan satu perkataan yang menghinakan, ini cuma satu ayat yang menyebut-nyebut macam itu, dan kita tak boleh kata sebab Y.A.B. Ketua Menteri mengatakan ini satu kotak, jadi itu sudah salah. Kita jangan pertikaikan titah ucapan dari T.Y.T. Dia kata sini, projek menjamin hasrat Kerajaan Negeri membekal rumah mampu milik dengan persekitaran yang baik ada padang bola, bola sepak dan lain-lain. Baca sepenuhnya, jangan cakap kita buat satu kotak saja bukan, itu satu *description* saja

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Saya minta Y.B Bagan Jermal, selaku Exco ni kena selalu berfikiran lebih luas, saya terkejut dengan apa yang dibangkitkan oleh Y.B. Bagan Jermal sebagai Exco ini. Dia kena berfikiran lebih luas, saya setuju apa yang dibangkitkan oleh Y.B. Bagan Jermal, Exco ini, kita kena kaji sejarah, sejarah selepas kemerdekaan, masa itu rumah murah dibina, bukan hanya di Malaysia, di Singapore pun sama juga. Rumah dibina dengan harga RM16,000.00, RM12,000.00 yang ada, *landed property* RM16,000.00, RM18,000.00 pun ada. Rumah *local flat* ketika itu dibina oleh PDC pada peringkat awal, memang betuk macam kotak, mengikut bentuk, *you* kata kecil *igrade, thats why,* apabila *government* dah sampai satu *age* di Singapore pun, *urban renewal*. Ini yang patutnya Kerajaan Negeri cakap, bukan dengan menuduh rumah kotak. Zaman dulu dia berperingkat-peringkat, dulu saiz mula dengan 440, dia naik balik sampai 550, 650, *now, the next one is* 750. Jadi kenyataan daripada Y.B. Bagan Jermal sebagai Ahli Exco, tak boleh cakap begitu, patut mahu faham. Jadi minta maaf lah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Saya ingin nak bercakap sesuatu lagi, dalam membuat sesuatu reka bentuk untuk Penang Central di feri Terminal Butterworth, mereka mengupah Arkitek daripada luar Negeri untuk memberi satu pandangan, satu reka bentuk yang begitu canggih, adakah itu salah? Tidak salah sebab masa sekarang, zaman moden semua berlumba-lumba untuk membuat sesuatu yang ada *ikonik,* jadi tidak salah, kalau kita dapat sesuatu pakar kepakaran daripada luar Negeri atau mana-mana, mereka membuat sesuatu, mereka mengkaji dan ikut, mereka belajar dari sana, bukan semua kata kita diborong oleh

mereka, dari luar Negeri ataupun mana-mana, kita cuma pinjam apa yang mereka ada, supaya orang-orang boleh ikut, boleh belajar dari apa yang terbaik. Jadi jangan salahkan begitu

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tak salahkan arkitek daripada luar Negeri, dalam hal ini saya tak salahkan HDB, yang saya bangkitkan tadi rumah kotak. Bagi saya itu adalah penghinaan kepada para profesional kita, soal ambil arkitek, jurutera daripada luar Negeri itu perkara biasa, *Twin Tower Petronas*, arkitek daripada Argentina, itu perkara biasa punya, yang kita sedang *argue* ini rumah kotak, kotak, kotak, itu sahaja, yang *you* bawa habis Butterworth Central buat apa.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soal menggunakan perkataan, yang boleh hidup dengan bermaruah, maknanya kalau duduk rumah kotak pun, orang masih bermaruah tapi tak payah kata begitu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Dok rumah kotak tak ada maruahlah?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Bermaruah bukanlah, tadi flat, kesian orang-orang yang duduk flat itu semua, serupa hidup tak bermaruah, umpamanya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Okeylah, baiklah, yang saya nak bangkitkan di sini adalah mengurangkan kadar jenayah, ini manifesto juga, masih dalam manifesto, *first point* tak habis lagi, dulu Polis dituduh *triple hippy,* tak cukup latihan dan sebagainya, tapi *Alhamdulillah* sejak tahun 2010 kadar jenayah turun sebanyak 27%, 2011 kadar jenayah turun 20.4%, untuk tahun 2012, suku pertama turun 20.8%, apa pasal? Semua ini adalah hasil usaha pihak Polis kerana Kerajaan Persekutuan telah menetapkan NKRA turun kadar jenayah dengan memberi peruntukan, *federal* bagi peruntukan, 2010 dia bagi RM21,132,000.200, 2011 peruntukan sebanyak RM35,927,600,00 dan suku tahun pertama 2012 sebanyak RM12,397,500.00. Peruntukan ini adalah sangat penting, sebab itu dengan peruntukan yang begitu besar Polis-Polis mampu membeli kenderaan yang lebih banyak, menempatkan Polis-Polis di segenap simpang, menjadikan kadar jenayah turun dengan mendadaknya.

Bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi Kerajaan Pusat juga bagi di Johor, Kuala Lumpur dan Selangor, seluruh negara. Jadi usaha Polis ini patut dipuji. Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi apa? Tak ada apa.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong bagi laluan....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Belum lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong bagi laluan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tak bagi apa, pernah bagilah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato Haji Azhar bin Ibrahim):

Mintalah.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Duduk dulu, bagi laluan, kena la bagi saya cakap, nanti dulu, saya minta laluan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Eh, *yo*u pula arah orang suruh duduk pula

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Dia tak berani, saya minta laluan sahaja. Y.B. Dato' Speaker, sebenarnya keselamatan adalah tanggungjawab pelbagai pihak, tapi apa yang Ketua Pembangkang cerita tadi, dia cakap Kerajaan Pulau Pinang tidak sumbang kepada pengurangan kadar jenayah di Negeri Pulau Pinang, ini adalah cara cakap mereka, ini memang pihak Barisan Nasional cara cakap mereka. Apa yang kita nampak secara jelas, saya rasa Ketua Pembangkang bukanlah orang yang buta matanya, dia boleh nampak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak kita memerintah, mengambil alih pemerintahan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Pulau Pinang telah pun menubuhkan pasukan PPH. Sebenarnya apa yang sama nampak sewaktu operasi Polis ataupun sesuatu kes rompakan di kawasan saya ...(gangguan)....cuma, nanti, nanti, itu nanti punya cerita.

Apa yang saya nampak di sana, boleh kata ramai sukarela yang bantu pihak Polis untuk menangani sesuatu kes, bukan lah Kerajaan Negeri Pulau Pinang tak buat apa, kalau kita tak buat apa, takkan benda itu boleh ubah macam tu, macam Ketua Pembangkang punya idea apa, cara cakap dia orang memang apa, cakap semua terbalik, inilah *style* yang saya nampak, kalau nak tuduh orang pun kena tuduh lah, buatlah penyataan, janganlah cakap *you* seronok sendiri, bukan *style* kita, kita harap itu corak, perangailah...okey, terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya, saya bertanya Kerajaan Negeri bagi buat apa? *You* jawablah. Betul tak? Bila saya bertanya soalan itu dalam soal keselamatan, *yo*u kata Kerajaan Negeri buat, itu saya tanya tadi Kerajaan Negeri buat apa? *You* jawablah apa Kerajaan Negeri buat? Y*ou* bagi tahu JKKK ka, apa ka semua Kerajaan Faderal yang bayar duit lah. RELA ka apa pun, Bomba kah, Sukarelakah, bukan cakap terbalik, terbalik. *You* nak kata Kerajaan Negeri buat, saya nak bertanya pasal saya tak nampak, *you* kata saya buta, bahasa itu, saya bagi *chance* lah, *you* kata lagi sekali, saya suruh tarik balik. Cerita la apa *you* buat? *You* pun tak tahu.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Kerajaan tubuh PPH bukan apa, itu tanda dia buat kerjakah? Apa yang saya nak tarik balik? Bagi tahu lah Y.B. Penaga. Saya rasa kalau munasabah saya tarik balik, kita bukan cakap tak mengaku, kalau kita berak dekat atas jalan, kita mesti mengaku punya, bukan macam apa itu. Kalau Syed Amir saya nampak, apa yang saya nampak, macam cara bercakap ataupun Telok Bahang, dia cakap, dia dengar Pengurus PPHB punya pandangan untuk robohkan kuil, tapi dia cakap, dia tetap tidak mengaku salah. Itu yang saya nampak, itu cara percakapan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat Penaga, cuma sikit saja saya nak tambah, saya rasa saya setuju, memang kadar jenayah telah kurang, memang betul, tapi kesemua kreditnya tak boleh dipikul oleh Polis DiRaja Malaysia, Kerajaan Malaysia ataupun Kerajaan Persekutuan kerana bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita juga telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Pasukan Peronda Sukarela dan Pasukan Peronda Sukarela ini juga telah memikul tanggungjawab di setiap KADUN, walaupun KADUN itu bukan di bawah, di

mana Ahli Yang Berhormatnya daripada Pakatan Rakyat, kita menubuhkan PPS untuk menjalankan rondaan. Jadi saya setuju memang ada kekurangan dalam perlakuan jenayah, tetapi kreditnya tidak boleh diberi kepada Polis sahaja tetapi juga oleh Kerajaan Negeri dan Pasukan PPS.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan sikit, sebenarnya kredit harus diberikan kepada seluruh rakyat Malaysia dan rakyat Negeri Pulau Pinang yang sama-sama pakat *contribute* untuk jadikan Pulau Pinang menjadi selamat, semua orang, Kerajaan Pusat, Negeri dan juga terlebih lagi warga Pulau Pinang yang berada di bumi yang bertuah ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya *start* dengan Jawi, secara jujur *you* bercakap apa saya tak tahu. Mana saya nak faham. *You* bercakap, *reporter* semua tengok, ada tu, *yo*u tengok DUN *live* itu, satu Malaysia nampak tau. *You* bercakap pasal saya, saya bertanya Yang Berhormat tadi apa Kerajaan buat? Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kemudian dia pergi dekat Y.A.B. Ketua Menteri, kemudian dia cakap pasal berak tepi jalan, jadi saya pun, apa dia, apa yang dia jawab ini. Itu saya tak faham. Saya dengar tadi.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Penaga minta teruskan, banyak masa habis.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang tadi yang Seri Delima bangkitkan tadi Pasukan Ronda secara jujurnya, saya dalam KADUN Penaga saya tidak tahu ada Pasukan Rondaan, saya tak tahu, *honest,* betul-betul secara ikhlas jujur, saya tak tahu wujudnya Pasukan Ronda, saya tak tahu. Betul, betul, bukan kata main politik, tidak. Tak tahu sungguh. Saya tak tahu kalau ada. Siapa yang tubuh pun saya tidak tahu, okey. Jadi kesimpulannya kita patut berterima kasih kepada pihak anggota Polis yang bertungkus lumus, bersusah-payah menjalankan sehingga kita menjadi semakin hari lebih aman, lebih selesa, pukul 3.00 pagi atau pukul 4.00 pagi kita nak makan nasi kandar, kita keluar kita tidak berasa takut, itu yang kita hendak. Juga pelancong pun, kes samun ragut ini semakin berkurangan.

Yang kelima, menyelesaikan masalah pencemaran Sungai Juru dan Sungai Pinang, dalam manifesto. Saya baca dalam ini, dia kata Sungai Pinang kita sudah korek, tadi masa *lunch break* saya ajak *driver* saya pi *round* tengok, warna apa air Sungai Pinang itu, korek, korek la, hitam tahu. Saya syorkan dalam Dewan ini kita tukar nama Sungai Pinang kepada Sungai Hitam, mati habis ikan, tak boleh hidup. Itulah kata, kita sudah korek Sungai Pinang, korek apa hitam legam, Sungai Juru, siapa duduk di Sungai Juru, apa dia buat? Tak ada apa juga, empat (4) tahun sudah. Ini janji manifesto saya bercakap ni, saya masih lagi manifesto, saya belum lagi pergi *point* saya 1, 2, 3,. Janji-janji pilihan raya.

Yang Keenam, mengadakan pilihan raya, memilih kaunselor untuk Kerajaan Tempatan MPPP, MPSP...(gangguan)...sabar, menuduh kaunselor yang dilantik tidak berkemampuan, tidak cekap dan *corrup,* tapi itu yang dibuat oleh kerajaan sekarang, dia lantik juga, dia lantik macam itu juga, yang ini belum. Yang Berhormat, saya pun ada, selepas empat (4) tahun, janji hari itu, sekarang baru nak *push*. Ini PRU-13 lah, takkan empat (4) tahun punya tunggu nak buat usul, ada 2/3 majoriti dalam Dewan *anytime* bila Dewan bersidang boleh buat, empat (4) tahun, Pilihan Raya Ke-13, itulah, pasal apa dia orang buat? Pasal dah janji yang dibuat dalam 2008 hari itu tidak dapat diselesaikan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Yang berhormat, sikit sahaja, berkenaan dengan isu sungai. Pertamanya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa memang inisiatif telah diambil untuk membersihkan seperti Projek Cleaner, Greener Penang dan sebagainya dan pengesahan pengiktirafan semua tindakan-tindakan itu kita disahkan sebagai *the eight liveble city in the world in Asia.* Bukankah itu menunjukkan bahawa sejak kita mengambil alih, tindakan-tindakan telah diambil untuk membersihkan lagi Pulau Pinang, pengiktirafan itu bukan dibuat oleh mana-mana badan dalam Negeri tapi antarabangsa. Itu adalah soalan saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya akui bahawa Sungai Pinang *is a dead river*, tapi dalam empat (4) tahun, kalau kita usahakan, kalau daripada gred empat (4) dia boleh pergi sampai gred tiga (3) atau gred paling bagus gred dua (2), dia turun tapi hitam lagi, ikan saya tanya nelayan duduk banyak di situ, tak boleh lagi, tapi masih hitam, masyarakat hanya pandang warna sudah cukup, belum lagi, *plus two, plus three.* Segala bengkel-bengkel yang ada *upstrim* itu masih lagi belum dibersihkan, selagi bengkel-bengkel itu dan juga *adithour* tempat sembelih itu tidak dibersihkan ia akan tetap mengalir sebagai air yang tidak bersih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Minta laluan, pernah Y.B. Penaga sedar bahawa bengkel-bengkel ini bukan wujud semalaman sahaja, dia wujud sejak berpuluh-puluh tahun, mengapa kilang getah di Paya Terubong itu tidak dapat ditutup semasa pemerintahan Barisan Nasional, baru hanya dapat ditutup tidak lama sebelum ini, saya rasa awak perlu, Barisan Nasional perlu, apabila nak tuduh orang lain, tengoklah apa yang dibuat dalam masa 50 tahun yang lepas.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Habis, saya masih lagi bangkit mengenai janji pilihan raya. Ini yang saya masih dok bercakap, masih lagi tentang janji.....(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya harap YB. Penaga dengar baik-baik. Ini ada dua manifesto, satu di peringkat Negeri, satu di peringkat nasional, jangan campuradukkan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tak ada.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Yang belakang itu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang depan ini.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya cakap dengan awak.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Jangan cakap awak.....(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya cakap dengan YB. Penaga, yang belakang itu nasional.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Betul.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Itu kita belum dapat jadi memerintah di peringkat Persekutuan, jadi tidak boleh dilaksanakan. Apa yang kita janjikan untuk peringkat Negeri, kita akan cuba laksanakan, tetapi macam pilihan raya Kerajaan Tempatan, mengapa tidak dapat dilaksanakan kerana ada halangan dari Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tak boleh buat.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Memang tak boleh buat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Nak buat usul buat apa, kalau tidak boleh buat.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Kita buat, kita bawa ke mana-mana, kita bawa ke MKT, tetapi mengapa Kerajaan Persekutuan hendak menghalang.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau itu.....(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Kalau hendak halang dan di sini kita dituduh tidak buat, apa ini, ini macam, macam bagi satu halangan dan tuduh kita tak buat. Saya rasa ini tidak adil.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Habis duduk.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahya):

Minta laluan Penaga, terima kasih YB. Penaga, sikit saja, saya hendak timbul yang dibangkitkan oleh Y.B. Komtar. Tadi kata yang helaian kedua ini adalah manifesto di peringkat Federal, tetapi saya tengok dalam yang ke enam (6) ini *respect the rule of law and basic human right,* ada yang ketiga ini dia tulis *installing road signs in other languages*, tetapi kenapa perkara ini telah dilaksanakan di peringkat Negeri Pulau Pinang dan yang sedihnya ialah banyak tanda-tanda jalan itu tidak menggunakan *other languages,* tetapi hanya menggunakan satu bahasa sahaja, iaitu Bahasa Cina, dia.... (gangguan), nanti dulu belum habis, ucapan saya belum habis. Yang atas itu Lebuh Carnavon, tiba-tiba di bawah itu satu saja tulisan Cina, dulu dalam Dewan yang mulia ini juga telah dijanjikan nak ada tulisan Bahasa Tamil, Bahasa Cina, Bahasa Inggeris. Boleh, sekejap balik, jom kita pergi Leboh Carnavon, sebelum, tetapi jangan sekejap lagi jangan suruh mereka cabut, tak mahu. Balik nanti pergi tengok Lebuh Carnavon, depan ini pun ada lagi, tulisan yang *standard* yang besar itu, okey kita terima, di bawahnya hanya tulisan Cina sahaja. Masukkan semua sebagaimana yang dijanjikan dulu hendak masukkan bahasa Tamil dan sebagainya, itu satu hal. Yang kedua kalau ini adalah dikatakan manisfesto Federal, bermakna Federal untuk Pakatan Rakyat ini, kenapa sudah di *implement* kan di Negeri, jadi dah bercampur aduk. Terima kasih Y.B. Penaga.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Agenda itu adalah merupakan janji kita di peringkat Negeri, di mana kita memasang papan tanda dwibahasa, di setiap papan tanda hanya dwibahasa, tetapi kita tengok keseluruhan kesesuaian disesuatu jalan. Yang penting, utama ialah Bahasa Melayu dan dia akan ditambah dengan satu bahasa yang lain dan di satu jalan yang panjang kita ada tiga peringkat di permulaan jalan itu, dipertengahan jalan itu dan akhir jalan itu, kita ada tiga papan tanda bahasa, papan tanda, di mana kita pasang Bahasa Mandrin, Bahasa Arab, kita pasang Bahasa Tamil. Ini adalah caranya. Takkan kita dapat masuk semua dalam satu papan tanda dan ini akan merungsingkan orang lain.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat Penaga sebelum teruskan saya hendak tanya satu soalan, dalam manisfesto itu ada tak manisfesto yang mengatakan kerajaan bersih dan tidak rasuah. Adakah Yang Berhormat akan sentuh hal itu. Bersih dan tak rasuah, *zero* rasuah, tidak ada amalan rasuah, adakah ada dalam manisfesto. Saya rasa ada dalamnya Yang Berhormat. Kerajaan yang bersih tidak ada rasuah, adakah Yang Berhormat akan menyentuh.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya menyentuh sekali lalu, teruskan. Ini memang yang *Federal*.... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, saya minta maaf. Saya ingin menyentuh tentang isu rasuah, kerajaan yang bersih, tidak ada rasuah, yang ada dalam manisfesto, kalau tak silap saya dan dalam ingatan sayalah, kerajaan yang tidak ada pelakuan rasuah langsung berjaya tidak kita menegakkan manisfesto itu, di mana tidak ada Ahli-ahli Exco ataupun Yang Berhormat dituduh untuk apa-apa kesalahan rasuah sejak 2008.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kami pun tidak dituduh apa-apa pun.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kerajaan Negeri yang memimpin.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya pun dulu pernah kata beberapa kali kepada Y.A.B. Ketua Menteri, kalau saya sebagai rasuah, saya duduk dalam Exco tiga penggal, YDP sepenggal, sila ambil tindakan, dia kata nanti belum jumpa, cari, apa orang kata, jarum dalam telur, sudah berapa tahun. Berbalik kepada sana, saya ada dua-dua, manisfesto yang Federal pun ada, manisfesto *state* pun ada. Saya hanya bercakap tentang manisfeto *state*. Saya bukan Ahli Parlimen hendak cakap pasal *federal*, okey yang itu saja tengok. Jadi apa lagi tadi, habis dah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)

Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sungai Pinang memang kotor, Sungai Pinang memang kotor kalau tak kita pergi tengok sat lagi. Tak hina *acquaintance*, saya kata Sungai Pinang, saya tak kata KADUN Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)

Terima kasih YB. Penaga, saya juga mungkin hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Exco, tentang apakah tindakan yang dibuat untuk mendidik masyarakat yang tinggal di sepanjang Sungai Pinang, supaya mereka juga menjadi faktor kepada penyumbang kepada tidak ada kekotorannya Sungai Pinang dan sebagainya. Mungkin kurangnya *education* kepada mereka, ini yang menyebabkan mereka, banyak buang sampah dan sebagainya, mungkin nanti pihak Exco boleh *explain* dari apa yang telah diambil.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Penjelasan, saya ingin mengambil kesempatan ini membuat sedikit penjelasan di mana saya rasa tidak begitu tepatnya kita kata selepas begitu lamanya kita berusaha untuk membersih, untuk mempertingkatkan kualiti airnya di Sungai Pinang itu dikatakan sungai yang begitu teruknya hari ini, ini tidak adil kepada pegawai-pegawai kita di JPS atapun MPPP ataupun Jabatan Alam Sekitar, di mana dengan jelas *index* kualiti di Pulau Pinang itu jauh lebih baik daripada yang dahulu kalau dibandingkan dengan 2008 dan sekarang jauh lebih baik, sedikit pun yang telah dibangkitkan oleh Penaga adanya yang tidak betul, misalnya *abattoi*r itu, *abattoi*r itu sekarang sudah pun ada sistem air kumbahan itu pun sekarang sudah berhenti, saya ingat kalau tidak silap saya, tahun yang dulu sudah tak di salur masuk, itupun atas usaha daripada Kerajaan Negeri sekarang di mana air kumbahan itu sekarang sudah di salur ke sistem rawatan yang telah dibenarkan IWK, jadi tiada lagi air kumbahan yang disalurkan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Penaga.

Dan satu lagi tambahan kita memang tahu bahawa untuk merawat air sungai di Sungai Pinang ini perlu kita cari punca-punca pencemaran itu. Kajian yang telah dibuat pun oleh jabatan JPS jelas kita tunjukkan, kita semua faham bahawa berapa banyaknya bengkel-bengkel, berapa banyaknya dobi-dobi ataupun punca-punca pencemaran yang lain. Itu termasuk juga dengan Lee Rubber di mana berdekatan dengan Sungai Dondang. Kedua-dua punca pencemaran yang kita rasa menyumbangkan satu peratusan yang tinggi, itu telah pun kita usahakan dan telah pun terbukti kita *stop*.

Kita berbalik kepada Kempen Kesedaran JPS telah pun berterusan membuat bahan-bahan hebahan di kawasan Sungai Pinang, di mana kalau Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Betong, kita telah banyak berusaha untuk mengangkat kesedaran dari prespektif JPS pun saja, kita bawa banyak melakukan tidak termasuk dengan kempen-kempen hijau dan bersih daripada MPPP dan saya rasa tidak begitu tepat dan tidak begitu adil bahawa kita

katakan Sungai Pinang itu masih teruk seperti yang dulu. Dalam sistem *monitoring* dengan sistem pemantauan *online*, kita boleh *online* untuk *check* bahawa kualiti air sekarang di Sungai Pinang adalah berhampiran tahap *level* yang kedua dan di mana sekarang adalah di kelas tiga (3). Indeks lebih kurang dilingkungan 70 *plus and minus,* di mana kalau 75 sudah masuk ke kelas yang kedua (2), *so* saya berharapan dan yakin bahawa, seterusnya kita meneruskan projek-projek pembersihan ataupun pemulihan air sungai di Sungai Pinang kita akan capai *standard class* yang kedua, jadi saya mengambil kesempatan di sini untuk membuat sedikit penjelasan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Lagi tak putih, lagi saya tidak puas hati, sekarang usaha itu buat teruskan.....(gangguan), usah cakap, *you* cakap saya tak faham....(ketawa). *You* orang hutanlah, sebab itu *you* cakap, orang lain boleh faham, *you* boleh faham, *you* cakap, saya tidak boleh faham. Saya berbalik kepada Komtar tadi, yang perkara mula dia kata apa tadi, yang mengatakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, tadi Y.B. Komtar kata kalau hendak hantar ke *Federal* dia akan tolak sana, mengapa sekarang mahu baru buat, bila dekat dengan pilihan raya. Mengapa tahun 2008, 2009 tidak buat, *you* bawa pi masuk tengok, tolak ke tidak, sekarang bila pilihan raya hendak dekat, takut orang ramai akan bertanya, nah *you* tunjuk....(gangguan). Apa kita *walk out ,* sekali-kali kena gantung, *you* oranglah bikin saya kena gantung, cerita pasal saya kata apa, potong, potong, dah saya kena keluar Dewan. Tak faham apa itu potong, potong pun saya kena keluar Dewan. Adilkah ini, negara demokratikkah ini.

Y.B. Dato' Speaker:

YB. Penaga teruskan, masa hendak habis.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Memang tak bolehlah, ini *point,* sambung esok. Satu lagi selamat tinggal kepada masalah trafik bagi memperbaiki pengangkutan awam. *Good bye to traffic and traffic host*, setelah empat (4) tahun baru mula membentang *Penang Transport Master Plan*. Pada hal ini saya sudah cakap tiga (3) tahun sudah, kenapa baru bentang. Itu pun bentang pun untuk siapa tengok, untuk golongan professional dan sebagainya dan saya rasa macam kelam kabut je, buat kerja macam kelam kabut, tapi *election* dah dekat, nanti *people* atau *public* akan mempersoalkan ini, Penang semakin hari semakin *jammed*, semakin hari semakin sesak. Dah empat (4) tahun, buatlah dan bila dibentang kepada golongan profesional dan orang ramai, dapat kritik yang macam-macam, contohnya New Strait Time 19hb. April 2012. *Master pla*nt ini telah dikritik hebat oleh NGOs, seperti *Citizen Awareness Chant Group*, Tanjong

Bunga *Resident Association, Collision of Good Governance,* mereka mengkritik kerana tidak mempunyai *deft* dan *currentnest***,** sepatutnya master plan ini dibuat setelah *local pla*n itu sedia, patut *local plan* dulu sedia di mana hendak buat pembangunan, di mana hendak buat perumahan, di mana kondominium di mana densiti penduduk, supaya *master plan* untuk *transport* itu boleh *cater* untuk penduduk yang bertambah.

Apa yang berlaku sekarang sana buat kondo, sini buat kondo ceruk situ buat kondo, sekarang *master plan transport* ini apa akan jadi? Densiti nya pun tidak tahu, terus buat sahaja *master plan,* dah tak tahu berapa tinggi *density local plan,* fikirlah dulu. Contohnya kawasan seperti Sungai Ara, Batu Ferringghi, Ayer Itam dan Tanjong Bunga, ini kawasan densiti yang tinggi. Akan jadi kawasan densiti yang tinggi. Jadi sewajarnya *local plan* ini didahului, kemudian panggil ALCO Consultants, pakarnya mencadangkan memperbaiki sistem pengangkutan awam tak perlu untuk 3 *links,* beliau cadangkan maksudnya ialah dia ALCO ni mencadangkan publik ini mesti dilatih di *educate* ...(dengan izin), menggunakan pengangkutan awam. Kalau wujudnya pengangkutan awam yang baik tak perlu buat terowong tu. Cerita buat terowong ini satu hal pula, dia dedahkan dua (2) cadangan. Satu ialah *The Highway Improvement based approach* menelan belanja RM12.5 billion yang TYT sebut hari itu dalam teks. Satu (1) lagi *the balance approach* menelan kos RM13 biillion. RM13 dengan RM12.5 billion, persoalannya di mana nak cari dana RM12.5 billion dan ataupun RM13 billion itu, di mana nak cari dana? Dana yang macam mana? Ada cadangan kata okey kita tambun tanah. Tetapi *statement* Yang Amat Ketua Menteri kata, tak mau bayar satu sen pun, tak perlu bayar lebih, tanah di mana, dia kata sana? Y.B. Bagan Jermal pun jawab macam itu, tak perlu mengeluarkan satu sen pun untuk RM12.5 billion.

Tuan-tuan dan Puan-puan RM12.5 billion ringgit ini banyak mana? Saya cakap publik lah, RM12.5 billion ringgit ini banyak mana, saya ingat kalau ambil, sepuluh, sepuluh ringgit, dia kalau bubuh, kalau bubuh dalam 12 kontena, baru dapat RM12.5 billion, 12 kontena, mungkin lebih tahu, RM12.5 billion dan Kerajaan Negeri tidak perlu keluar satu sen pun, tanahnya. Kita ada tanah Tanjung Pinang bukan Tanjung Pinang. E&O punya tanah iaitu yang telah diluluskan 299 hektar atau 730 ekar lebih kurang. Kalau nilai tanah itu RM240.00 ringgit sekaki mengikut kadar Bayan Mutiara perlu 736 ekar, kena buat tambah itu, *land reclamation.* Itu baru RM8 juta tau, *sorry* RM8 billion untuk buat terowong itu barulah RM8 billion, belum lagi hendak cakap pasal RM12.5 billion ataupun RM13 billion.

Ada satu pandangan pula, *no problem* dia *increase quick rent,* naikkan *building* punya *rate,* kadar kenakan tol ka? Dulu Pakatan Rakyat rioh kata tak mahu kenakan tol. RM8 bilion bilion *tunnel* tu, RM8 billion, walhal kita dah ada tiga *links* kata dua *links* tak apalah ferry satu (1) jambatan pertama yang

kedua, yang ketiga jambatan sedang dibina, sekarang jadi empat (4). Adalah saya kata kalau kita ambil feri itu sebagai satu, jambatan pertama itu satu (1), jambatan kedua satu (1) ini. Kalau kita korek *tunnel* yang ke empat ini menghasilkan lebih banyak kenderaan yang masuk ke Pulau, Pulau lama-lama tenggelam, itu satu.

Nak bayar tol pun saya tak tahu RM8 billion, lebih baik daripada yang kita buat kita tambun tanah daripada Gurney Drive sampai ke Bagan Ajam atau ke Telok Ayer Tawar tak payah buat *tunnel,* terus macam itu sahaja, kita korek laut itu, bagi air laut lalu. Itulah kita korek lubang bagi dia lalu lah. ... (ketawa), lebih murah lagi. Okey *joke* sekejap. *Let's be serious*, RM8 billion di mana, dia orang nak kena tambun tanah, nak kena naikkan cukai, naikkan tol dan sebagainya. Dulu ada broker yang tolong datang kira, dia kata China boleh bagi *soft loan* dengan nilai 2.5%. 2.5% kalau *spread into* 30 tahun jadi macam tak kena *interest* lah, *soft loan* ini, tetapi broker tu pergi balik kira tak boleh 2.5% China tak bagi, dia bagi *between* 6 *to* 7 *percent* itu *market rate*. Dengan 6 hingga 7% susah, itulah yang baru kelam kabut mana nak buat tambun laut. Itu tak kira *interest* dan untung pemaju lagi, kalau lah itu di tambun tanah sepanjang Gurney Drive itu sekarang ni di nilaikkan sebagai RM600.00 untuk satu kaki persegi. Tan RM600.00 perkaki persegi sepanjang Gurney Drive, tetapi bila tambun itu *definitely* dia akan turun harga nilai itu. Rugilah siapa yang beli rumah di situ sekarang ini.

Yang kedua, bila dia tambun, RM8 billion itu apakah pemaju tak mahu ambil untung. Bila dia ambil untung, dia akan jual rumah yang harganya tinggi, tentulah nak *maximized profits,* itu semua itu dapat tahu, tentu dia jadi harga yang begitu tinggi. Siapa yang hendak beli? Sebab itu awal-awal tadi rupanya bunyi dah kita akan naikan untuk *foreigners* daripada RM500,000.00 ke RM1 juta, kalau *landed property* RM2 juta. RM2 juta bagi rakyat Singapura kalau bahagi dengan 2.4 tinggal berapa saja. Hong Kong, Jepun, Taiwan nanti dia beli habis ini.

Rakyat Pulau Pinang tinggal lah di rumah mampu milik di Batu Kawan. Mereka tidak mahu dah rumah Kotak ini. Mereka tak mahu kata dah Rumah Kotak, rumah mampu milik di Batu Kawan dan Pulau Pinang akan menjadi Pulau untuk orang kaya. Yang miskin tinggal di rumah-rumah lama dia akan jadi *slump area,* yang baru beli pindah duduk Seberang. Itulah Rakyat Pulau Pinang akan dibahagikan kepada kumpulan yang sebegitu. Itu baru kita bercakap baru RM8 bilion tahu, ini tak cakap lagi tentang RM12.5 bilion dan RM13 bilion.

Yang nak buat segala lot kembarlah, okey bagi saya lupakanlah pasal itu semua, perbaiki perkhidmatan pengangkutan awam, kalau buat *trem* saya setuju, monorel saya setuju, buat jalan saya setuju itu yang patut difokuskan. Tetapi akan berkata pula, *public transport,* inilah Federal hak mutlak Federal, Federal yang berkuasa buatlah baik, pakatlah elok-elok buat kerjasama, di mana yang boleh, jangan nak hentam sahaja. Dalam sidang, Barisan Nasional ini dari A sampai Z semua tak bagus langsung. Kalau saya jadi Perdana Menteri, kalaulah, memang tak boleh jadi pun. Kalau orang baik sama saya, saya baik balik kalau orang hentam saya. *You* hentam saya, pasal apa saya hendak tolong *you*. Dulu FTZ, *free trade zone* Bayan Lepas dulu, Tun Lim Chong Yu, bila dia naik, dia nak hidupkan itu, dia nak tarik semua pelabur dia baik dengan Tun Razak. Saya tidak mengatakan DAP Pakatan Rakyat, *join* UMNO, *join* BARISAN, bekerjasama saya kata. Jangan hentam menghentam, yang rugi ialah rakyat. Itu yang terbaik sekali.

Kalau kita tengok kota metropolitan, di manapun kota metropolitan, di mana pun pengangkutan awam adalah diutamakan. Memanglah rakyat hari ini pergi kerja satu orang pun *stail status symbo*l, mesti naik kereta, hendak naik kereta tetapi berapa lama. Kita hendak mai pagi-pagi itu, daripada Butterworth *jamme*d bagai nak gila tahu tak. Daripada Seberang Jaya itu, nak lepas trafik, naik jambatan nak sampai di sini, mengambil masa satu (1) jam pagi-pagi. Jadi itulah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Penjelasan, mantan Perdana Menteri ada janji tiga (3) hadiah kepada kita, monorel, PORR dan Jambatan Kedua. Yang dua-dua itu tidak timbul dah sekarang lagi.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya kata, tetapi kerana sifat Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mempunyai pemikiran untuk kepentingan rakyat, kalau kepentingan rakyat okey kita *discuss,* bukan ertinya politik, bila pilihan raya, kita lawan tetap lawan. Kita *discuss* macam mana untuk kepentingan rakyat, kalau tidak benda ini, kita nak buat macam mana RM12.5 billion hingga RM13 billion, nak korek itu RM8 billion pun dah sakit, itu tak kira *servicing,* nak *service tunnel* itu, bukannya murah tau. Kalau esok kontraktor bila dah buat siap, nak *servicing tunnel* itu bukan satu perkara yang murah. Di samping...(gangguan), tak tahulah.

Y.B. Dato' Speaker saya baru habis , janji pilihan raya baru.

Y.B. Dato' Speaker:

Nak sambung lagi.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kata tadi pukul 6.00 petang.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat perbahasan akan...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sambung esok.

Y.B. Dato' Speaker:

Disambung esok. Sidang akan disambung semula esok hari Khamis 3hb. Mei 2012 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 Petang.

SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG YANG DILULUSKAN OLEH MAJLIS DARI TAHUN 2008-2012 (SEMAKAN MAC 2012) DI DALAM ZONING ASAL 'KAWASAN LAPANG' MENGIKUT PELAN DASAR PERANCANGAN DAN KAWALAN PEMAJUAN MAJLIS

DAERAH TIMUR LAUT

BIL	NO. PM	CADANGAN PEMAJUAN	LOT	SEKSYEN / MUKIM	BANDAR / DAERAH	LOKASI	PEMOHON	TARIKH KELULUSAN	KM	KELUASAN (mp)
1	JPB/PM/4496(LB)	MENDIRIKAN PEMBANGUNAN TERDIRI: a) RUMAH TERES 3 TINGKAT (15 UNIT); b) 1 BLOK RUMAH PANGSAPURI 21 TINGKAT (69 UNIT) YANG MENGANDUNGI: i) 16 TINGKAT APARTMENT; ii) 1 TINGKAT KEMUDAHAN REKREASI; iii) 4 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA; c) 1 BLOK KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DAN 1 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA BAWAH TANAH.	202	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Sungai Dua	PULAU BINTANG DEV. SDN. BHD.	01/11/2008	JPB/KM/3765/A	11401.15
2	MPPP/OSC/PM(255)/08(LB)	MENDIRIKAN PEMAJUAN PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI: a) RUMAH TERES 3 TINGKAT (10 UNIT); b) RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT (16 UNIT); c) RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT (2 UNIT).	10132	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Lebuh Relau	OASIS COURTYARD SDN. BHD.	10/13/2008	JPB/KM/3887/A	13407.38
								JUMLAH KELUASAN		***24808.53***

LAMPIRAN C

Pembasmian Kemiskinan Tegar

Kemiskinan Pulau Pinang Bagi Tahun 2009

DAERAH	MISKIN TEGAR											
	JAN	**FEB**	**MAC**	**APRIL**	**MEI**	**JUN**	**JULAI**	**OGOS**	**SEPT**	**OKT**	**NOV**	**DIS**
SPU	300	300	300	299	348	346	347	348	342	341	341	344
SPT	166	166	166	166	188	186	193	191	193	193	199	199
SPS	49	49	49	49	53	53	53	53	61	61	63	63
DTL	36	36	34	34	35	35	35	35	38	40	40	38
DBD	121	121	121	121	113	113	113	113	121	121	125	126
JUMLAH	672	672	670	669	737	733	741	740	755	756	768	770
JUMLAH BANTUAN (RM)	**182,645**	**182,645**	**182,245**	**182,045**	**194,215**	**193,235**	**197,147**	**195,145**	**198,535**	**198,605**	**202,255**	**202,170**

JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2009 = RM1,881,770

Kemiskinan Pulau Pinang Bagi Tahun 2010

DAERAH	MISKIN TEGAR											
	JAN	**FEB**	**MAC**	**APRIL**	**MEI**	**JUN**	**JULAI**	**OGOS**	**SEPT**	**OKT**	**NOV**	**DIS**
SPU	300	300	300	299	348	346	347	348	342	341	341	344
SPT	166	166	166	166	188	186	193	191	193	193	199	199
SPS	49	49	49	49	53	53	53	53	61	61	63	63
DTL	36	36	34	34	35	35	35	35	38	40	40	38
DBD	121	121	121	121	113	113	113	113	121	121	125	126
JUMLAH	672	672	670	669	737	733	741	740	755	756	768	770
JUMLAH BANTUAN (RM)	**182,645**	**182,645**	**182,245**	**182,045**	**194,215**	**193,235**	**197,147**	**195,145**	**198,535**	**198,605**	**202,255**	**202170**

JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2010 = RM2,310,887

LAMPIRAN D

Kemiskinan Pulau Pinang Bagi Tahun 2011

DAERAH	MISKIN TEGAR											
	JAN	**FEB**	**MAC**	**APRIL**	**MEI**	**JUN**	**JULAI**	**OGOS**	**SEPT**	**OKT**	**NOV**	**DIS**
SPU	343	342	342	323	323	323	323	323	272	272	272	295
SPT	201	187	185	187	186	188	186	186	185	186	188	187
SPS	63	64	64	65	66	66	66	66	66	66	66	66
DTL	38	38	38	40	41	41	42	43	43	43	44	47
DBD	125	128	127	126	126	125	125	125	124	124	126	126
JUMLAH	770	759	756	741	742	743	742	743	690	691	696	721
JUMLAH BANTUAN (RM)	202,435	199,165	198,365	192,670	192,670	188,620	188,135	188,465	175,685	176,385	**176,925**	**182,515**

JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2010 = RM2,262,035

Kemiskinan Pulau Pinang Bagi Tahun 2012

DAERAH	MISKIN TEGAR											
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
SPU	295	312	318									
SPT	187	187	187									
SPS	66	66	66									
DTL	47	47	47									
DBD	126	126	126									
JUMLAH	721	738	744									
JUMLAH BANTUAN (RM)	182,515	185,660	186,500									

JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2012 = RM554,675

JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2009 – 2012

TAHUN	JUMLAH (RM)
2009	1,881,770
2010	2,310,887
2011	2,262,035
2012	554,675
JUMLAH	**7,009,367**

LAMPIRAN E

BANTUAN PELAJAR KE IPTA

TAHUN	DAERAH	BIL. PELAJAR	JUMLAH BANTUAN (RM)
2008	DAERAH TIMUR LAUT	200	100,000.00
	DAERAH BARAT DAYA	197	98,500.00
	DAERAH SPU	200	100,000.00
	DAERAH SPT	200	100,000.00
	DAERAH SPS	200	100,000.00
JUMLAH		**997**	
2009	DAERAH TIMUR LAUT	200	
	DAERAH BARAT DAYA	159	
	DAERAH SPU	190	
	DAERAH SPT	200	
	DAERAH SPS	200	
JUMLAH		**949**	
2010	DAERAH TIMUR LAUT	200	
	DAERAH BARAT DAYA	115	
	DAERAH SPU	200	
	DAERAH SPT	200	
	DAERAH SPS	158	
JUMLAH		**873**	
2011	DAERAH TIMUR LAUT	539	
	DAERAH BARAT DAYA	220	
	DAERAH SPU	442	
	DAERAH SPT	550	
	DAERAH SPS	218	
JUMLAH		**1,969**	